

DEWAN MAJLIS



**Laporan Penuh
(Hansard)**

**MESYUARAT PERTAMA DARI
MUSIM PERMESYUARATAN KEENAM
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

Pada

**Hari Khamis, Sabtu, Isnin, Selasa, Rabu, Khamis, Sabtu dan Isnin,
25, 27, 29, 30 Rabiulawal 1431 Hijrah dan
1, 2, 4 dan 6 Rabiulakhir 1431 Hijrah bersamaan
11, 13, 15, 16, 17, 18, 20 dan 22 Mac 2010 Masihi**

**BERTEMPAT
DEWAN PERSIDANGAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA,
DEWAN MAJLIS, JALAN KEBANGSAAN,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
Hari Khamis, 25 Rabiulawal 1431 / 11 Mac 2010		
1.	Senarai Nama Kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	1
2.	PERKARA I - Doa Selamat	4
3.	Ucapan Yang Di-Pertua	4
4.	PERKARA II - Mensahkan Minit	4
5.	PERKARA III - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.	5
6.	Doa Selamat	8
Hari Sabtu, 27 Rabiulawal 1431 / 13 Mac 2010		
7.	Senarai Nama Kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	9
8.	Doa Selamat	12
9.	PERKARA IV - KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS BIL. 1 TAHUN 2010 SENARAI PERINTAH-PERINTAH DARURAT YANG TELAH DILULUSKAN DALAM TAHUN 2009 MENURUT FASAL 83 DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	
	i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	13
10.	KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS BIL. 2 TAHUN 2010 ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN NEGARA BAGI TAHUN KEWANGAN 2010/2011	
	ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	13

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
11.	PERKARA V – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	
i.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Raub	13
ii.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	14
iii.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	17
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	17
v.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	23
vi.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	24
vii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	25
viii.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	25
ix.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	25
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	26
xi.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	27
xii.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	28

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
xiii.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	30
xiv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	31
xv.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	32
xvi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	33 dan 35
xvii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	36
xviii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	36
xix.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	37
xx.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	38 dan 39
xxi.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	40
xxii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	40
xxiii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	41
xxiv.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	42
xxv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	43
xxvi.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	44

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	xxvii Yang Berhormat Pehin Datu Singamenteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Timbalan Menteri Pertahanan	44
12.	PERKARA VI - USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS (USUL MENJUNJUNG KASIH)	
	i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	46
	ii. Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	49
	iii. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	50
	iv. Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin	53
	v. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	54
	vi. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	55
	vii. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	57
	viii. Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim	58
	ix. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	60
	x. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	63
	xi. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	64
	Hari Isnin, 29 Rabiulawal 1431 / 15 Mac 2010	
13.	Senarai Nama Kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	67
14.	Doa Selamat	70

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
15.	(Sambungan Soalan-Soalan Yang Diberi Notis)	
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	71
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	71
16.	Sambungan Usul Yang Telah Diberi Notis (Usul Menjunjung Kasih)	
i.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	73
ii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	74
iii.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	76 dan 79
17.	PERKARA VII - RANG UNDANG-UNDANG (2010) PERBEKALAN 2010/2011	
i.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	80 dan 81
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	107
iii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	108
iv.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	110
v.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	111
vi.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	112
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	113
viii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	114

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	115
18.	JABATAN PERDANA MENTERI	
	Tajuk - SA01A Jabatan Perdana Menteri	116
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	116 dan 117
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	117
	Tajuk - SA02A Jabatan Adat Istiadat	117
	Tajuk - SA03A Jabatan Audit	117
	Tajuk - SA04A Biro Kawalan Narkotik	117
i.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	117
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	118
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	118
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	119
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	119
vi.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	119

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
vii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	120
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	120
	Tajuk - SA05A Biro Mencegah Rasuah	121
i.	Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim	121
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	121
iii.	Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim	122
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	122
	Tajuk - SA06A Jabatan Keselamatan Dalam Negeri	123
	Tajuk - SA07A Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara	123
	Tajuk - SA08A Radio dan Televisyen	123
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	123
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	124
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	124
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	125

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk - SA09A Jabatan Penerangan	125
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	125
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	125
	Tajuk - SA10A Jabatan Perkhidmatan Awam	126
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	126
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	126
	Tajuk - SA11A Jabatan Perkhidmatan Pengurusan	127
	Tajuk - SA12A Polis Diraja Brunei	127
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	127
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	127
	Tajuk - SA14A Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	128
	Tajuk - SA15A Unit Petroleum	128
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	128
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	128
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	129
	Tajuk - SA16A Jabatan Mufti Kerajaan	129
	Tajuk - SA17A Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi	130

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	130
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	130
iii.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	130
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	130
	Tajuk - SA18A Bahagian Undang-Undang	131
i.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	131 dan 132
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	133
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	133
	Hari Selasa, 30 Rabiulawal 1431 / 16 Mac 2010	
19.	Senarai Nama Kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	135
20.	Doa Selamat	138
21.	(Sambungan Soalan-Soalan Yang Diberi Notis)	
i.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	139

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	140
22.	Sambungan Rang Undang-Undang (2010) Perbekalan 2010/2011	141
	Tajuk - SA20A Jabatan Percetakan Kerajaan	141
	Tajuk - SA21A Pejabat Peguam Negara	142
	Tajuk - SA22A Jabatan Kehakiman Negara	142
	i. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	142
	ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	143
	Tajuk - SK05A Jabatan Perkhidmatan Elektrik	143
	i. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	143
	ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	145
	iii. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	146
	iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	146
	v. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	147
	vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	148

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	148
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	149
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	149
x.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	150
xi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	151
xii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	151
xiii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	151
xiv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	152
xv.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	152
xvi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	152
xvii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	153
xviii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	154
xix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	155

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk - SA23A Pusat Kebangsaan E-Kerajaan	155
	i. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	155
	ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	157
	iii. Yang Berhormat Awang Sulaiman bin Haji Ahai	157
	iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	158
	v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan	158
23.	KEMENTERIAN PERTAHANAN	
	Tajuk - SB Kementerian Pertahanan	160
	i. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	160
	ii. Yang Berhormat Pehin Datu Singamenteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Timbalan Menteri Pertahanan	162
24.	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN	
	Tajuk - SC Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan	166
25.	KEMENTERIAN KEWANGAN	
	Tajuk - SD01A Kementerian Kewangan	166
	i. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	166
	ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	168

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	170
iv.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	170
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	171
vi.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	173
vii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	174
viii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	177
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	178
x.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	179
xi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	179
xii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	180
xiii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	180

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk - SD03A Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	181
i.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	181
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	182
iii.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	182
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	182
v.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	183
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	183
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	184
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	184
ix.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	184
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	185
	Tajuk - SD05A Jabatan Perbendaharaan	186
	Tajuk - SD05A Perkhidmatan Rampaian	186

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk - SD06A Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara	186
	i. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	186
	ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	186
	Tajuk - SD08A Perkhidmatan Rampaian HMSF	187
26.	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	187
	Tajuk - SE01A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	187
	i. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	188
	ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	189
	iii. Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim	190
	iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	191
	v. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	191
	vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	193
	vii. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	195

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	195
Hari Rabu, 1 Rabiulakhir 1431 / 17 Mac 2010		
27.	Senarai Nama Kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	199
28.	Doa Selamat	202
29.	Sambungan Rang Undang-Undang (2010) Perbekalan 2010/2011	203
	Tajuk - SE02A Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan	203
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	203
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	204
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	207
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	208
v.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	210
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	210
vii.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	211

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	212
ix.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	212
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	213
	Tajuk - SE03A Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria	213
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	213
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	214
	Tajuk - SE04A Lembaga Bandaran Tutong	215
i.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	215
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	215
iii.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	216
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	217
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	217

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk - SE05A Jabatan Buruh	217
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	217
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	218
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	219
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	219
v.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	220
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	220
	Tajuk - SE06A Jabatan Daerah Brunei dan Muara	221
	Tajuk - SE07A Jabatan Daerah Belait	221
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	221
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	222
	Tajuk - SE08A Jabatan Daerah Tutong	223
i.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	223
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	224

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
iii.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	224
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	224
	Tajuk - SE09A Jabatan Daerah Temburong	225
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	225
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	225
iii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	226
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	226
	Tajuk - SE10A Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan	227
i.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	227 dan 228
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	228
iii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	231
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	232

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
v.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	232
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	232
vii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Setia Pahlawan Tudin	232
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	233
	Tajuk SE11A - Jabatan Penjara	233
	Tajuk SE12A – Jabatan Bomba dan Penyelamat	234
i.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	234
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	234
30.	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
	Tajuk - SF Kementerian Pendidikan	237
i.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	237
ii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	239
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	240

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
iv.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	241 dan 242
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	242
vi.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	243
vii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	244
viii.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	245
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	246
x.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	246
xi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	247
xii.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	248
xiii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	248
xiv.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	249
xv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	250
xvi.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	251

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
xvii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	251
xviii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	252
xix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	253
31.	KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA	
	Tajuk - SH01A Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	253
	Tajuk - SH02A Jabatan Perhutanan	254
	Tajuk - SH03A Jabatan Perikanan	254
	Tajuk - SH04A Jabatan Pertanian dan Agrimakanan	254
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	254
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	255
iii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	255
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	256
v.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	256
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	257

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	257 dan 258
	Tajuk - SH05A Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA)	258
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	258
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	259
	Tajuk - SH06A Jabatan Kemajuan Pelancongan	260
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	260
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	261
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng	262
iv.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	262
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	263
vi.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	263
vii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	264

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Khamis, 2 Rabiulakhir 1431 / 18 Mac 2010	268
32.	Senarai Nama Kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	
33.	Doa Selamat	271
34.	Sambungan Rang Undang-Undang (2010) Perbekalan 2010/2011	
35.	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
	Tajuk - SJ Kementerian Hal Ehwal Ugama	272
i.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	272
ii.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	274
iii.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	275
iv.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	276
v.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	277
vi.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	277
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	277
viii.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	278
ix.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	278

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
x.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	279
xi.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	279
xii.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	280
xiii.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	282
xiv.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	282
xv.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	282
xvi.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	283
36.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	284
	Tajuk - SK01A Kementerian Pembangunan	
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	284
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	285
iii.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	285
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	285

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
v.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	286
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	287
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	287
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	287
ix.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	287
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	288
	Tajuk - SK02A Jabatan Kemajuan Perumahan	288
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	288
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	289
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	290
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	291
v.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	291
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	291

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	292
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	292
ix.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	292
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	293
xi.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	293
xii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	293
xiii.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	296
	Tajuk - SK03A Jabatan Kerja Raya	297
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	297
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	298
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	298
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	298
v.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	299

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	299
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	300
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	300
ix.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	300
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	301
xi.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	301
xii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	301
	Tajuk - SK04A Jabatan Perancang Bandar dan Desa	301
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	301
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	302
	Hari Sabtu, 4 Rabiulakhir 1431 / 20 Mac 2010	
37.	Senarai Nama Kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	305
38.	Doa Selamat	308

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
39.	Sambungan Rang Undang-Undang (2010) Perbekalan 2010/2011	309
	Tajuk - SK06A Jabatan Tanah	309
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	309
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	310
iii.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	310 dan 311
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	311
v.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	312
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	312
vii.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	314
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	315
ix.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	315
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	316
xi.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	316

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
xii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	317
xiii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	317
xiv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	318
	Tajuk - SK07A Jabatan Ukur	319
i.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	319
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	319
iii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	320
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	320
	Tajuk - SK08A Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi	321
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	321
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	321
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	322
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	323

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
v.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	323
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	323
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	325
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	325
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	326
x.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	328
xi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	329
xii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	329
xiii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	330
xiv.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	330
xv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	331

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
40.	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	
	Tajuk - SL01A Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	331
	i. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	331
	ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	332
	iii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	333
	iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	334
	v. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	335
	vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	336
	vii. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	338
	viii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	338
	Tajuk – SL02A Dewan Bahasa dan Pustaka	339
	i. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	340
	ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	340

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk - SL03A Jabatan Belia dan Sukan	341
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	341
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	341
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	342
iv.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	342
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	343
vi.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	343
vii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	343
viii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	344
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	344
	Tajuk - SL04A Muzium-Muzium	345
	Tajuk - SL05A Pusat Sejarah	346
	Tajuk - SL06A Jabatan Pembangunan Masyarakat	346

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
41.	KEMENTERIAN KESIHATAN	
	Tajuk - SM Kementerian Kesihatan	348
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	348
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	349
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	350
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	351
v.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	352
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	353
vii.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	353
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	354
ix.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	357
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	357
xi.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	359
xii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	359
xiii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	361
xiv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	362

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
xv.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	362
xvi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	362
xvii.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	363
xviii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	363
xix.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	364
xx.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	364
xxi.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	365
xxii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	365
xxiii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	365
xxiv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	365
42.	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN	366
	Tajuk - SN01A Kementerian Perhubungan	366
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	366
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan	366
iii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	367
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan	367

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
v.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	368
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan	368
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shaifee bin Ahmad	369
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan	369
	Tajuk - SNO2 Jabatan Laut	370
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	370
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan	371
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	371
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan	371
	Tajuk - SN03A Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan	372
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	372
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan	372
	Tajuk - SN04A Jabatan Penerbangan Awam	373
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	373
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan	373

BIL.	MUKA SURAT
Tajuk - SN05A Jabatan Pengangkutan Darat	374
i. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	374
ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan	374
iii. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	374
iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan	375
Tajuk - SN06A Jabatan Perkhidmatan Pos	376
43. Sambungan Tajuk - SM Kementerian Kesihatan	376
i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan	376
44. KEMAJUAN	
Tajuk - SPO1A Kemajuan	377
i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	377
ii. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	380
iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	380
iv. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	381
v. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	382
vi. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	384
vii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	384

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	385
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	386
x.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	387
xi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	388
xii.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	388
xiii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	388
xiv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	389
xv.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	389
xvi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	389
xvii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Yunos bin Mohd. Noh	389
xviii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	390
xix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	391

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
xx.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	391 dan 392
xxi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Othman, Menteri Kesihatan	392
xxii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	392
xxiii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	392
Hari Isnin, 6 Rabiulakhir 1431 / 22 Mac 2010		
45.	Senarai Nama Kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	394
46.	Doa Selamat	397
47.	Sambungan Tajuk - SPO1A Kemajuan	398
xxiv.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	398
xxv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan	398
xxvi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	399
xxvii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	400
xxviii.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	400
xxix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	401

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
xxx.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	401
xxxi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan	401
xxxii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	402
xxxiii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	402
48.	“AKTA UNTUK MEMBEKALKAN SEJUMLAH WANG DARI KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN KEWANGAN 2010 / 2011” (Bacaan Kali Ketiga)	403
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	
49.	PERKARA VIII - KETETAPAN	
50.	“ I) - KETETAPAN DI BAWAH FASAL 83 (7) DARIPADA PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959”	403
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	403 dan 404
51.	“ II) - KETETAPAN YANG KEDUA DI BAWAH BAB 4 (2) DARI AKTA KUMPULAN WANG KEMAJUAN PENGGAL	405
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	405
52.	PERKARA IX - UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN	
i.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan	406

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
ii.	Yang Amat Mulila Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim	409
iii.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	409
iv.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	412 dan 415
v.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	415
vi.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	418
vii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	420
viii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	423
ix.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	425
x.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad bin Abd. Rauf	427
xi.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	428
xii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	430
xiii.	Yang Amat Mulila Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim	432
xiv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua)	436
xv.	Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama	442

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
xvi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	446
xvii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	452
xviii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan	453
xix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	455

DEWAN MAJLIS**Khamis, 25 Rabiulawal 1430 / 11 Mac 2010****YANG DI-PERTUA DEWAN DAN
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA:**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni
Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua ,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA
JAWATAN (PERDANA MENTERI
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam, Perdana Menteri,
Menteri Pertahanan dan Menteri
Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),
The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour
(Lao), DSO (Singapore), Order of
Lakandula with the Rank of Grand
Cross (Philippines), DSO (Military),
(Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara
Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei
Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato
Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman
bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,
PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang
Mohd. Zain bin Haji Serudin, DK.,
PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad
bin Haji Jumat, PSNB., SPMB., DSLJ.,
PJK., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan
Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato
Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin
Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB.,
PHBS., PIKB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Adanan
bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato
Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof,
PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin
Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK.,
PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah
bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji
Bakar, PSNB., DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar
Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang
Haji Mohammad bin Haji Daud,
PSPNB., DSNB., DSLJ., DPMB.,
PHBS., PBLI.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy)
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato
Seri Setia Awang Haji Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji
Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB.,
PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-
Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato
Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman
bin Haji brahim, PSNB., DPMB., PIKB.,
PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa
Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng,
PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri
Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG YANG BERGELAR) :

Yang Amat Mulia
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.)
Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji
Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB.,
POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B)
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd.
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,
Timbalan Menteri Pertahanan,
Kementerian Pertahanan,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN) :

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka
Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking, SMB., PSB., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji
Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin
Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka
Awang Haji Muhammad Taha bin Abd.
Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA :

Yang Dimuliakan

Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK., PKL.,

Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia

Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.

Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi.

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam bagi Majlis Mesyuarat Negara didahului dengan bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Mustapa bin Haji Murat. (Imam Jame' 'Asr Hassanil Bolkia).

(Membaca Doa Selamat)

Yang Di-Pertua: Alhamdulillah terlebih dahulu marilah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah serta rahmat dan keizinanNya jua kita dapat menghadirkan diri sekali lagi dalam majlis yang mulia ini iaitu Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2010.

Ahli Yang Berhormat sebagaimana Ahli-Ahli lebih memahami kita akan bersidang seperti biasa bagi membincangkan beberapa kertas kerja terutamanya Belanjawaan Tahun 2010/2011.

Kita mengharapkan kiranya sepanjang permesyuaratan ini kita akan laksanakan dengan sebaik-baiknya dengan penuh kebijaksanaan serta hati-hati berbicara dengan ringkas dan tepat terima kasih.

Jurutulis: Perkara Kedua mengesahkan Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang pada hari Khamis, Sabtu, Isnin, Selasa, Rabu, Sabtu, Isnin dan Selasa, 15, 17, 19, 20, 21, 24, 26 dan 27 Rabiulawal 1430 Hijrah bersamaan 12, 14, 16, 17, 18, 21, 23, dan 24 Mac 2009 Masihi, bertempat Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita meneliti Minit-Minit Mesyuarat yang lepas, sekiranya minit-minit itu tidak ada bercanggah dan betul. Saya cadangkan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sudah meneliti dengan sempurna yang bersetuju sila mengangkat tangan (Semua Ahli mengangkat tangan) yang

tidak setuju sila angkat tangan (tidak ada). Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya saya dapati semua Ahli mengangkat tangan, maka dengan hal yang demikian Minit Majlis Mesyuarat tahun lepas diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagaimana lazimnya dilakukan dalam masa pembukaan yang beradat istiadat ini, Majlis Mesyuarat kita ini akan mengalu-alukan Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis ini untuk menyempurnakan Pembukaan Rasmi Majlis dan juga mengurniakan Titah di dalam majlis ini. Maka dengan itu saya menangguhkan majlis ini buat sementara.

**(Majlis Ditangguhkan)
TITAH**

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-ENAM MAJLIS MESYUARAT NEGARA, BERTEMPAT DI DEWAN PERSIDANGAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA, BANGUNAN DEWAN MAJLIS, JALAN KEBANGSAAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI

DARUSSALAM PADA HARI KHAMIS, 26 RABIULAWAL 1431 BERSAMAAN 11 MAC 2010.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ نَسْتَعِينُ
عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَالصَّلَاةِ
وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengizinkan kita dapat berkumpul di Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan ini seperti lazimnya akan dijadikan saluran bagi menyampai dan membahaskan pandangan-pandangan Ahli yang dilihat sebagai cara untuk menjana perkembangan dan kemajuan.

Dari sinilah suara-suara akan didengar dan sampai kepada pihak-pihak dalam Kerajaan. Semuanya itu akan dinilai dan diteliti jika didapati bersesuaian ia akan menjadi asas kepada perancangan-perancangan Negara.

Pihak-pihak dalam Kerajaan pula sentiasa berkewajipan untuk mendekati rakyat dan penduduk dengan maklumat-maklumat yang berguna supaya mereka dapat sama-sama merasakan betapa mustahaknya negara merancang dan membangun untuk kemajuan.

Setiap perkara yang dibincang hendaklah benar-benar mengambil kira kemaslahatan rakyat dan negara, bukannya perkara-perkara yang tidak penting. Ia mesti dilihat dengan serius bukan dengan sikap sambil lewa.

Sebarang kenyataan atau pandangan perlulah disokong dan kajian dengan fakta supaya perbincangan mampu terarah dengan baik tidak kucar-kacir atau tersasar daripada tujuan.

Sebagai misalnya kita kadangkang mendapati ada projek-projek yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh tertentu yang ditetapkan, apa alasannya maka berlaku yang demikian itu, Inilah yang perlu kita kaji dan dalami sebab-sebabnya sama ada dari pihak Kerajaan sendiri mahupun pihak pengusaha.

Mengapakah kegagalan itu boleh berlaku dan apa puncanya, mustahak dibutirkan selengkapnya faktor-faktor kegagalan tersebut, kerana ini sangat besar

kegunaannya, diantaranya kita dapat belajar dari kesilapan dan juga dengan mengetahui kesilapan dan punca-punca kegagalan itu. Kita pada masa-masa akan datang tidak lagi akan mengulanginya.

Kita perlu mengorak langkah lebih pantas untuk mengatasi jika ada sebarang kelambatan atau kegagalan kita mencapai sasaran. Kerana kelambatan atau kegagalan itu sangat buruk akibatnya kepada negara.

Sekarang negara sedang rancak dengan pembangunan ekonominya, setelah menyaksikan kesan-kesan krisis ekonomi dunia yang parah. Alhamdulillah berkat dasar kita yang mantap dan sikap sihat dalam berbelanja tanpa bergantung dengan hutang maka sosio-ekonomi kita terus kukuh dan stabil. Ditambah lagi dengan adanya peningkatan tahap keyakinan di pasaran kewangan dunia dan peningkatan dalam bentuk permintaan bagi produk minyak mentah. Ini sedikit sebanyak dapat memastikan bahawa hasil pendapatan negara, insya-Allah akan terus mampu untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan.

Sebagai contoh bagi Tahun Kewangan 2009/2010 ini sahaja, Kerajaan Beta telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak

\$626.8 juta dengan hasrat supaya operasi perkhidmatan Kerajaan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan tidak terjejas di samping untuk merangsang aktiviti-aktiviti perekonomian yang berdaya saing. Ini semua tentu sahaja memerlukan makenisma yang ligat, cekap dan tidak ketinggalan zaman, kerana pengurusan ekonomi itu bukanlah berundur kebelakang walau setapak.

Ditambah lagi ekonomi kita juga sedang bergerak kepada kepelbagaian ekonomi serta tidak lagi terlalu bergantung kepada hasil minyak dan gas yang kita lihat sebagai antara objektif asas wawasan negara.

Namun dalam perkara pembangunan ini kita perlu memahami bahawa pembangunan yang lengkap itu bukan semata-mata difokus kepada infrastruktur fizikal tetapi juga mesti memberikan penekanannya kepada bidang rohani. Kedua-duanya fizikal dan rohani mestilah seimbang dibangun. Sudah tidak rahsia lagi semua negara di dunia ini rata-rata membangun tetapi pembangunan itu kelihatannya melebihi fizikal. Betul mereka itu mungkin maju tetapi dalam maju itu ada yang tidak senang duduk, tidak merasa nikmat tidur kerana negara asyik bergelut

dengan huru-hara dan peperangan dengan pergaduhan-pergaduhan sesama sendiri dengan jenayah, dengan dadah, dengan rasuah dan lain-lain.

Ini semua boleh membuat kemajuan yang dicapai tidak bermakna. Kerana itu Beta tidak bosan-bosan menyebut mengenai pendidikan. Pendidikan adalah pelaburan sepanjang hayat yang tidak boleh diabaikan. Dasarnya mesti sihat dan sistemnya mesti betul. Dasar dan sistem yang baik ialah dasar dan sistem yang mampu untuk membangunkan rohani bukan yang melemahkannya. Sebab itu Beta berkali-kali memberi isyarat bahawa pendidikan ugama daripada bawah lagi sewajarnya wajib bukan 50 tahun sebagai pilihan.

Akhirnya Beta menyeru kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat supaya akan dapat lebih peka dengan segala permasalahan yang dialami oleh rakyat dan penduduk negara ini termasuklah yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman dan membawa permasalahan tersebut untuk dibincangkan di dalam dewan yang mulia ini.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

(Bacaan Doa Selamat oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.)

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua dan Pembesar-Pembesar Negara).

(Majlis Bersurai Sebentar)

(Majlis Bersidang Semula)

Yang Di-Pertua: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, saya mengucapkan menjunjung kasih atas keberangkatan Pengiran-Pengiran Cheteria dan terima kasih atas kehadiran para-para jemputan yang sudi hadir bagi menyaksikan Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini dan mudah-mudahan dikurniakan taufik dan hidayah dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang difahami bahawa sebentar tadi Pembukaan Rasmi Majlis baru sahaja disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka oleh sebab kebanyakan di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat memakai pakaian yang lengkap dengan bintang-bintang kebesaran dan sebagainya, maka majlis ini adalah sesuai untuk ditangguhkan dan akan disambung bersidang pada hari Sabtu, jam 9.30 pagi.

Demikian saya umumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa persidangan akan disambung semula pada hari Sabtu, jam 9.30 pagi.

(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 27 Rabiulawal 1430 / 13 Mac 2010****YANG DI-PERTUA DEWAN DAN
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA:**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni
Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA
JAWATAN (PERDANA MENTERI
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam, Perdana Menteri,
Menteri Pertahanan dan Menteri
Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),
The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour
(Lao), DSO (Singapore), Order of
Lakandula with the Rank of Grand
Cross (Philippines), DSO (Military),
(Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara
Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei
Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato
Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman
bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,
PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI.,
PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji
Ahmad bin Haji Jumat, PSNB.,
SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan
Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato
Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin
Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB.,
PHBS., PIKB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Adanan
bin Begawan Pehin Siraja Khatib
Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.
Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB.,
PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin
Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK.,
PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Hamzah
Pahlawan Dato Seri Setia Awang
Haji Abdullah bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Abu Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar
Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan
Awang Haji Mohammad bin Haji
Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ.,
DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy)
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato
Seri Setia Awang Haji Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji
Abu Bakar, PSNB., SPMB., PJK.,
PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-
Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato
Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman
bin Haji Ibrahim,
PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.
Yang Berhormat

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa
Dato Seri Setia Awang Lim Jock
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
(ORANG YANG BER-GELAR):**

Yang Amat Mulia
Pengiran Setia Negara Pengiran
(Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran
Haji Abdul Rahim, DK., SPMB.,
DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B)
Dato Seri Paduka Awang Haji
Mohammad Yasmin bin Haji Umar,
SPMB.,
Timbalan Menteri Pertahanan,
Kementerian Pertahanan,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
(ORANG-ORANG YANG TELAH
MENCAPAI KECEMERLANGAN):**

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato
Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking, SMB., PSB.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin
Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin
Ahmad,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato
Paduka Awang Haji Muhammad
Taha bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar,
DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia
Dayang Rose Aminah binti Haji
Ismail,
Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis
Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat disambung pada jam
9.30 pagi.**

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir
Rahim, Mesyuarat Pertama dari
Musim Permesyuaratan Keenam
bagi Majlis Mesyuarat Negara, iaitu
bagi hari yang kedua disambung
semula dengan mendahului bacaan
Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Doa Selamat dibacakan oleh Yang
Dimuliakan Pehin Khatib Awang
Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam
Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).**

(Membaca Doa Selamat)

Yang Di-Pertua: Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh, kita
bersyukur sekali lagi dapat
menghadirkan diri ke majlis yang
mulia ini, saya memberikan sedikit
ucapan di dalam membincangkan
beberapa hal Undang-Undang
Kewangan dan Undang-Undang
yang lain. Ahli-Ahli Yang Berhormat
hendaklah, hati-hati dan meneliti dan
memeriksa dengan sesungguhnya
dan sekiranya

mendapati ada keperluan untuk diperbetulkan ataupun perkara-perkara yang tidak seimbang dengan fikiran Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah tegur dengan sebaik-baiknya dengan tepat, jelas dan ringkas. Kerana masa yang kita gunakan dalam permesyuaratan ini sangatlah berharga, demikianlah dahulu saya ucapkan kerana kita akan meneruskan permesyuaratan ini dengan seberapa segera yang boleh sebagaimana yang saya janjikan pada hari permulaan. Terima kasih.

Jurutulis: Perkara IV; Kertas-kertas yang dibentangkan di atas meja, Kertas No. 1 Tahun 2010 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohamed Taib: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormat memohon keizinan kepada Yang Di-Pertua Dewan untuk membentangkan di atas meja Kertas No.1 Tahun 2010, iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat Yang Telah Diluluskan Dalam Tahun 2009 Menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Jurutulis: Kertas No. 2 Tahun 2010 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan salam sejahtera. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan segala hormatnya saya memohon izin Yang Di-Pertua Dewan untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 2, iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Bagi Tahun Kewangan 2010/2011.

Jurutulis: Perkara V. Soalan-soalan yang telah diberi notis. Soalan pertama ialah daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir

Rahim, sebagai pembuka tirai yang pertama hari yang kedua saya tujukan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu melahirkan guru Al-Quran (Pakar). Kebelakangan ini peningkatan membaca Al-Quran sama ada peringkat rendah, menengah, belia dan dewasa sangatlah menggalakkan di mana beberapa qari dan qariah yang menyertai pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa memperolehi kejayaan. Mereka ini sepatutnya diberi galakan dan peluang lebih jauh lagi untuk meningkatkan ilmu pembacaan Al-Quran dengan menghantar mereka di mana-mana saja negara yang bersesuaian. Bukan sahaja untuk menyiapkan diri mereka memasuki pertandingan-pertandingan tetapi juga sekaligus akan menjadi tenaga pengajar sebagai guru Al-Quran di masa akan datang. Saya ingin tahu adakah pihak Kerajaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Ugama telah berbuat demikian. Sekian.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin:
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir

Rahim. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana memberi pengakuan di atas kejayaan beberapa orang qari dan qariah negara ini dari peringkat rendah, menengah, belia dan dewasa dalam menyertai pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini semua adalah berkat kepimpinan dan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan mutu bacaan Al-Quran khasnya bagi mereka yang berbakat.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebenarnya telah berbuat hal yang sedemikian iaitu dengan menghantar qari dan qariah yang berpotensi berlatih keluar negeri bagi mengikuti ilmu pembacaan Al-Quran mereka. Sebagai contoh antaranya pada tahun 1971 Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menghantar beberapa orang qari dan qariah untuk berlatih di bidang Al-Quran di Pusat Pengajian Al-Quran Pasir Mas Kelantan Malaysia. Pada tahun 1981

Kementerian Hal Ehwal Ugama juga telah menghantar 6 orang qari dan 4 orang qariah yang berbakat yang terdiri daripada guru-guru ugama terlatih untuk mengikuti latihan seni pembacaan Al-Quran selama 8 bulan di Pesantren Al-Falah Cincalengka Bandung Jawa Barat, Indonesia.

Melalui pengalaman menghantar para qari dan qariah keluar negeri itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah memikirkan kesan yang lebih baik jika Kementerian mengambil khidmat pakar-pakar Al-Quran dari luar negeri itu untuk berkhidmat di negara ini. Langkah ini sangat berkesan kerana ia dapat memberi manfaat yang banyak kepada masyarakat Brunei. Kerana pakar ini bukan hanya dapat melahirkan qari dan qariah yang berbakat lagi berpotensi mengajar Al-Quran dalam masa yang ditetapkan iaitu sewaktu-waktu bekerja bahkan mereka ini sentiasa membuka pintu rumah mereka di luar waktu bekerja untuk menerima dan mengajar sesiapa saja yang memerlukan khidmat mereka.

Di samping itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mendatangkan pakar-pakar Al-Quran dari luar negeri bagi mengendalikan kursus-kursus, bengkel-bengkel, ceramah-ceramah kepada qari dan qariah negara ini.

Dalam pada itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan usaha-usaha dalam negeri ini dapat diikuti daripada contoh-contoh berikut:-

1. Penubuhan Majlis Al-Qurra' pada tahun 1978. Majlis ini bertujuan untuk melatih qari-qari dan qariah-qariah yang berbakat dan berpotensi di negara ini mendalami ilmu seni pembacaan Al-Quran khususnya dari segi tarannum, tajweed, dan fasahah.
2. Program Kursus Lanjutan Seni Al-Quran diadakan bermula pada tahun 1994 dikendalikan oleh Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan kini diteruskan oleh College Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Program Kursus Latihan Seni Al-Quran ini menawarkan kursus pengajian selama setahun sepenuh masa kepada guru-guru ugama. Fungsi kursus ini adalah memberikan latihan professional kepada guru-guru ugama di bidang seni pembacaan Al-Quran untuk melahirkan guru

Al-Quran yang berpotensi khasnya bagi kepentingan sekolah-sekolah agama. Di samping akan menjadi qari dan qariah di peringkat kebangsaan dan antara-bangsa. Pada tahun 1991 diadakan Skim Tilawah Al-Quran Remaja dikelola oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama hingga sekarang ini masih berjalan. Bagi mengukuhkan lagi pembelajaran ilmu Al-Quran dalam berbagai bidang seperti hafaz Al-Quran 30 juz. Ilmu kirahat dan sebagainya.

Kementerian Hal Ehwal Ugama sejak tahun 2006 hingga 2009 telah menghantar seramai 26 orang pelajar lepasan daripada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkihah untuk melanjutkan pengajian Al-Quran di Darul Quran JAKIM, Malaysia dalam bidang Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat. Dan seramai 9 orang dari lepasan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkihah

dihantar ke Mahad Qiraat Shoubra Al-Azhar Mesir bagi mengikuti bidang dalam Takhassus Qiraat. Alhamdulillah Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkihah telah berjaya mendapat pengiktirafan daripada Universiti Al-Azhar Mesir mengenai dengan Sijil 'Aliyah Qiraat yang dikeluarkan oleh Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkihah, dan pemegang sijil ini akan diterima di Universiti Al-Azhar untuk melanjutkan pengajian selama 3 tahun. Program ini insya-Allah akan berjalan dalam bulan Jun 2010 ini.

Dengan penerangan-penerangan tersebut bahawa lepasan pelajar-pelajar dan guru-guru agama yang mengikuti skim-skim yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama seperti Majlis Al-Qurra, Kursus Lanjutan Seni Al-Quran, Skim Tilawah Al-Quran Remaja dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkihah. Mereka yang terdiri daripada guru-guru agama maka mereka inilah yang menjadi guru-guru Al-Quran yang dimanfaatkan mengajar Al-Quran di sekolah-sekolah agama

khasnya dan juga mengajar Al-Quran di lingkungan masyarakat di negara ini amnya. Dan mereka yang bukan terdiri daripada kalangan guru-guru ugama maka mereka itulah yang akan mengajar bidang pembacaan Al-Quran kepada masyarakat lain di negara ini.

Kesimpulannya, Alhamdulillah, negara kita sekarang ini mempunyai orang-orang yang terlatih dan berkemahiran untuk menjadi tenaga pengajar sebagai guru Al-Quran. Semoga Allah akan memberkati kita semua. Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama cukup jelas dan saya percaya semua Ahli-Ahli berpuas hati dengan jawapan yang telah disampaikan itu.

Jurutulis: Soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf: Terima kasih Yang Di-Pertua. Soalan yang kedua saya tujukan kepada Kementerian Perindustrian dan

Sumber - Sumber Utama iaitu "Mempelbagaikan Sumber Ekonomi Daerah Tutong".

Kedudukan Daerah Tutong sangat strategik kerana ia terletak di antara Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait. Ia mempunyai kawasan yang luas, tanah yang subur dan jalan raya berkembar yang baik (*dual carriageway*) menuju ke Pelabuhan Muara yang jauhnya kurang lebih 60 kilometer.

Daerah Tutong berpotensi untuk diperkembangkan dengan mewujudkan industri-industri memproses barang-barang halal atau buah-buahan sepertimana juga perkembangan-perkembangan yang terdapat di Daerah Belait dan Daerah Brunei dan Muara.

Saya ingin bertanya, adakah rancangan Kerajaan untuk mewujudkan perusahaan-perusahaan (*industry*) di Daerah Tutong pada masa akan datang? Dan jika ada, apakah jenis perusahaan atau industri yang akan dicadangkan? Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan

Mudim Dato Paduka Haji

Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas soalan tersebut.

Jawapan yang akan peramba/saya bawakan di Majlis ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah mengenai dengan perkembangan sektor-sektor pertanian, perikanan, perhutanan dan pembuatan yang ada pada masa ini di Daerah Tutong.

Dalam sektor pertanian, pelaburan dalam sektor Pertanian dan Agrimakanan telahpun berkembang di Daerah Tutong sejak awal lagi. Seluas 1,804.15 hektar keluasan tanah telah diwartakan bagi aktiviti Pertanian dan Agrimakanan di Daerah Tutong, yang mana seluas 605.64 hektar telahpun diagihkan kepada peladang dan pengusaha Pertanian dan Agrimakanan untuk dimajukan.

Dalam industri ternakan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah

membuka beberapa kawasan di Daerah Tutong, yang pada masa ini telah dimajukan dengan beberapa jenis perusahaan berkaitan industri ternakan. Kawasan-kawasan tersebut ialah:-

1. Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Sungai Paku. Ini mengeluarkan telur ayam berbenih dan anak-anak ayam oleh Syarikat Golden Chick Hatchery dan Breeding Farm, yang telah berjaya menghasilkan 6.21 juta biji telur yang bernilai 5 juta dan anak ayam dalam 5.06 juta ekor yang bernilai dalam 5.6 juta.
2. Kawasan Kemajuan Pertanian Batang Mitus, ini adalah dalam pengeluaran telur ayam berbenih juga dan anak ayam oleh Ideal Hatchery and Breeding Farm, yang telah berhasil mengeluarkan sebanyak 3.67 juta biji telur yang bernilai dalam \$2.98 juta dan anak ayam dalam 2.81 (dua perpuluhan lapan satu) juta ekor yang bernilai dalam \$3.13 juta (tiga perpuluhan satu tiga).

Di kawasan ini juga ada terdapat ternakan kambing oleh dua pengusaha iaitu Agro-Arwa Sendiran Berhad dan Mercu Ternak Sendiran Berhad dan juga Pusat Penjualan Ternakan PDS Abbatoir.

3. Kawasan Kemajuan Pertanian Padnunjuk iaitu pengeluaran ayam pedaging oleh Syarikat QAF Farm, yang telah berhasil mengeluarkan 3,397 metrik tan yang bernilai dalam \$16.4 juta.

Seterusnya ialah Kawasan Kemajuan Pertanian Birau dalam pengeluaran ayam pedaging oleh Syarikat Kumpulan Harapan Baru yang telah dapat menghasilkan 1,754 metrik tan bernilai dalam \$8.9 juta dan juga pengeluaran anak ayam (*hatchery operation*) oleh QAF Hatchery yang telah dapat mengeluarkan 2.4 juta ekor anak ayam yang bernilai dalam \$2.7 juta. Industri ternakan di Daerah Tutong khususnya perusahaan berkaitan penternakan ayam bernilai dalam \$44.71 juta setahun. Dalam industri buah-buahan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga telah membuka beberapa kawasan untuk dimajukan dengan perusahaan

tanaman buah-buahan. Kawasan-kawasan tersebut ialah Kawasan Kemajuan Pertanian Kupang seluas 109 hektar terdapat 13 orang pengusaha, hasil adalah dalam 140.6 metrik tan bernilai \$140 ribu.

Kawasan Kemajuan Pertanian Batang Mitus dalam 22 hektar diusahakan oleh 4 orang pengusaha mengeluarkan dalam 34.7 metrik tan bernilai \$21,000 dan Kawasan Kemajuan Pertanian Birau 30 hektar diusahakan oleh 3 orang pengusaha dapat menghasilkan 2 metrik tan bernilai \$1,424. Stesen Penyelidikan Pertanian Birau, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga menempatkan Stesen Penyelidikan Pertanian yang menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dalam bidang tanaman buah-buahan di Daerah Tutong. Stesen tersebut ialah Stesen Penyelidikan Pertanian Birau yang mempunyai keluasan lebih kurang 83 hektar.

Di samping menjalankan aktiviti-aktiviti kajian, aktiviti koleksi dan penanaman berbagai jenis buah-buahan tempatan dan jenis buah-buahan yang diperkenalkan dari luar negara juga dilaksanakan secara berterusan bagi mengekalkan diversity buah-buahan yang mempunyai potensi untuk dikembangmajukan.

Dalam industri padi, bagi mengelakkan kerugian kerana banjir, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mencadangkan supaya kawasan-kawasan rendah seperti kawasan Tanjong Maya dan Rambai hanya ditanam luar musim sahaja iaitu pada bulan April hingga bulan Ogos.

Sejak penanaman padi besar-besaran ke arah sara diri pengeluaran beras, beberapa kawasan baru telah dikenalpasti. Ini termasuklah beberapa kawasan di Daerah Tutong iaitu Majlis Perundingan Kampong Tanjong Maya seluas 44.88 hektar, Paya Lubok Gusi Bakiau dan Supon seluas 955 hektar.

Dalam industri pemerosesan makanan pada masa ini terdapat 22 orang Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) pemerosesan makanan di Daerah Tutong. Di antara produk-produk yang dihasilkan adalah sos, bakery, acar dan jerok, produk daging, snack makanan tradisi, biskut dan minuman air botol. Sebuah Syarikat iaitu PDS Food Industry Sendirian Berhad bergiat dalam penghasilan produk makanan yang berasaskan daging ditempatkan Kawasan Kemajuan Pertanian Batang Mitus.

Syarikat ini menerima khidmat dokongan dari Jabatan Pertanian

dan Agrimakanan. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menyediakan perkhidmatan dokongan, teknikal termasuk perkhidmatan makmal latihan nasihat dan konsultasi kepada PKS pemprosesan makanan berkenaan bagi membantu dalam menghasilkan produk makanan berkualiti, selamat dan halal.

Seterusnya melalui projek satu produk satu kampung, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi membangun dan memajukan projek satu produk satu kampung di semua daerah termasuk Daerah Tutong. Peranan Jabatan dalam projek ini telah memberi latihan dalam pemrosesan dan penggunaan produk insentif pembungkusan, perkhidmatan kawalan mutu makanan dan bimbingan dalam bidang perniagaan dan pemasaran produk.

Produk-produk yang telah dikenalpasti di Daerah Tutong bagi projek ini termasuk produk hasilan kelapa, bakery, makanan tradisi dan produk dari buah kawang. Dalam kawasan Pertanian Luar Bandar(KPLB) sebanyak 26 ladang berkelompok seluas 819.72 hektar telah didaftarkan dan 556.1 hektar

merupakan ladang-ladang yang aktif diusahakan oleh 800 orang peladang. Pada tahun 2008 hasil ladang berjumlah 277,362.50 metrik tan yang bernilai \$439,340.00.

Dalam sektor perikanan, perusahaan-perusahaan yang sedang berjalan di Daerah Tutong pada masa ini adalah ternakan udang di Kampong Karamut, Telisai Fasa 1 seluas 92 hektar dimana 4 buah pengusaha bergiat aktif dalam industri ini.

Kedua ternakan udang di Telisai, Sungai Paku Fasa 2 seluas 28 hektar giat diusahakan oleh Syarikat Semaun Aquaculture Sendirian Berhad dalam pemeliharaan udang dan;

Ketiga penghasilan anak-anak ikan selongsong di Kampong Kuala Tutong oleh Syarikat Semaun Marine Resources Sendirian Berhad.

Dalam sektor perhutanan perusahaan-perusahaan berasaskan kayu yang sedang berjalan di Daerah Tutong antaranya ialah pengeringan dan pengawetan papan oleh Syarikat Cleanwood di tapak Perindustrian Serbangun.

Kedua pemerosesan hiliran dan nilai tambah perkayuan. Sebanyak 8

buah syarikat tempatan bergiat aktif dalam perusahaan ini. Syarikat-syarikat ini adalah syarikat kilang papan yang meluaskan skop perusahaannya dari penghasilan papan kepada penghasilan produk-produk hiliran dan nilai tambah berasaskan kayu seperti penghasilan *Veneer Plywood, Moulding, Furniture Parts, Finger Joints* dan lain-lain.

Perlaksanaan aktiviti-aktiviti rawatan Silvikultur juga diadakan di kawasan hutan Bukit Ladan yang dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan yang mana telah dapat menjana peluang-peluang perusahaan kepada syarikat-syarikat perusahaan di Daerah Tutong. Antara syarikat-syarikat yang terlibat dalam pelaksanaan projek ini ialah Syarikat Abidin Tahir, Syarikat Arizal, Syarikat Hajah Rohani dan sebagainya.

Dalam sektor pembuatan di Daerah Tutong, Badan Kemajuan Industri (BINA) telahpun menyediakan satu kawasan perindustrian iaitu kawasan Perindustrian Serbangun dengan keluasan 40 hektar. Kawasan ini telah dirancang untuk menyediakan 24 lot tapak perindustrian dan 32 unit kompleks perindustrian. Kawasan

Perindustrian Serampang disediakan bagi aktiviti perindustrian yang berkaitan dengan pembuatan dan perkhidmatan.

Sehingga kini terdapat beberapa perusahaan yang terdapat di Tapak Kawasan Perindustrian Serampang antaranya ialah Perusahaan Textiles (Syarikat ATH), Perusahaan Pengawetan Kayu (PDS) dan *Food Canning* (Sabli).

Bahagian kedua ialah mengenai dengan perancangan sektor-sektor pertanian, perikanan, perhutanan, perindustrian dan pelancongan akan datang di Daerah Tutong. Dalam sektor pertanian, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telahpun merancang untuk menjadikan kawasan yang telah digazet seluas 1,348.32 hektar, kawasan Batang Mitus hingga Padnunok sebagai Taman Industri Pertanian (*Agriculture Industrial Park*). Pada masa ini beberapa aktiviti pengeluaran ternakan telahpun diletakkan di kawasan tersebut.

Perancangan jangkamasa sederhana ialah untuk membentuk plan induk bagi kawasan-kawasan tersebut supaya dapat menampung pembangunan aktiviti Pertanian dan Agrimakanan secara bersepadu

lengkap dengan infrastruktur ladang, jalan utama, bekalan air, domestik air mentah, bekalan elektrik dan lain-lain keperluan. Taman ini juga akan ditawarkan untuk pelaburan asing langsung (FDI) bagi mengusahakan aktiviti Pertanian dan Agrimakanan secara besar-besaran. Perancangan ini telah dibincangkan dalam pembentukan Pelan Induk bagi Daerah Tutong.

Dalam sektor perikanan pembukaan seluas 40 hektar di Telisai Sungai Paku Fasa 2 bagi ternakan ikan berkualiti tinggi menggunakan *Re-circulatory System*. Pada masa ini penyediaan kemudahan asas seperti jalan laluan, bekalan elektrik, bekalan air masin dan air bersih sedang dilaksanakan dan dijangka siap bulan Disember 2010 ini nanti.

Pembukaan kawasan seluas 459 hektar di Telisai Fasa 2, ini melibatkan satu kawasan baru di Telisai. Kemudahan asas berupa jalan laluan, bekalan elektrik, bekalan air laut dan air bersih telahpun siap dilaksanakan. Pada masa ini sedang giat melaksanakan penembokan kawasan seluas 200 hektar bagi ternakan Udang Harimau yang mana dijangka siap bulan Mac 2011 nanti, dan

Ketiga pelaksanaan penyediaan kemudahan-kemudahan bagi projek penyelidikan dan kemajuan ternakan udang menggunakan *Raceway System* sedang giat juga dilaksanakan di Telisai, Sungai Pasu Fasa 1 seluas 10 hektar. Kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan ini adalah dihasratkan dapat menjana peluang-peluang pekerjaan, mewujudkan industri ternakan udang dan ikan untuk pasaran eksport dan mengujudkan industri hiliran seperti pemprosesan bekalan makanan peralatan dan sebagainya. Dalam sektor perhutanan salah satu fokus industri berasaskan hutan atau kayu ialah untuk menggalakan pihak swasta dalam industri dalam pemprosesan hiliran dan nilai tambah perkayuan ini termasuklah usaha-usaha untuk mempromosikan perusahaan ini untuk dimajukan di Daerah Tutong.

Dalam sektor pembuatan selain dari industri pembuatan dan perkhidmatan terdapat beberapa aktiviti perusahaan lain yang akan diwujudkan antaranya ialah aktiviti-aktiviti industri perkhidmatan perikanan bilik pameran dan bengkel kenderaan, industri perkhidmatan yang lain seperti rekreasi *gym Cineplex* dan lain-lain.

Dan penghabisan pelancongan dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei mempunyai perancangan bagi membangunkan Kuala Tutong sebagai tempat Eco-pelancongan.

Jabatan ini juga sedang berusaha untuk mengembangkan Eco-pelancongan di Tasik Merimbun yang mana jabatan ini bercadang memberikan bantuan kepada penduduk di sana untuk membina Balai Budaya sebagai salah satu tempat untuk dilawati pengunjung. Sekian terima kasih Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Di-Pertua: Sebarang keraguan di Daerah Tutong telahpun dijawab dengan panjang lebar oleh Kementerian berkenaan dan saya percaya sebarang penjelasan itu yang panjang lebar tadi tentu akan memuaskan hati wakil daripada Daerah Tutong berkenaan. Terima kasih.

Jurutulis: Soalan yang ketiga akan dibawakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Menjunjung kasih Yang Amat

Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Soalan ini akan ditujukan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bantuan Derma Menunaikan Fardhu Haji. Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang bergaji bulan yang telah berkhidmat selama 15 tahun, amat bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan kerana diberi bantuan kewangan untuk menunaikan Fardhu Haji sebanyak \$3,500.00 tiap-tiap seorang termasuk isteri (seorang isteri). Tetapi jumlah ini tidak pernah dikaji dari sejak ianya diperkenalkan beberapa tahun yang lalu. Memandangkan kos untuk menunaikan Fardhu Haji dari tahun ke setahun meningkat sehingga menjangkau \$8,000.00 seorang. Maka bantuan yang ada pada sekarang ini adalah didapati tidak mencukupi. Saya ingin bertanya adakah pihak Kerajaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Ugama akan mengkaji semula jumlah bantuan tersebut? Sekian.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia,

Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mukaddimah soalan yang dikemukakan ada menyebut mengenai bantuan kewangan untuk menunaikan Fardhu Haji. Peramba ingin menyatakan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah memberikan pengurniaan tambang bagi menunaikan Fardhu Haji. Saya ulangi mengurniakan tambang bagi menunaikan Fardhu Haji.

Dimaklumkan bahawa tambang kapal terbang bagi menunaikan Fardhu Haji pada musim Haji tahun 1430H/2009M yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perhubungan bagi seorang dewasa ialah \$2,700.00. Harga tambang kenderaan dari Lapangan Terbang Madinah ke hotel, dari Mekah ke Madinah, Mekah ke Masyahir iaitu Arafah, Mina dan Mekah kemudian dari Mekah ke Jeddah berjumlah 347 Rial 50 halalah tukarannya dengan anggaran kadar ringgit satu ringgit Brunei ialah 2 Rial 50 halalah maka jumlah dianggarkan B\$139.00. Jadi belanja tambang bagi musim Haji 1430H/2009M secara umum dari Brunei – Mekah, Mekah – Brunei

ialah sebanyak B\$2,839.00 sahaja. Pengurniaan tambang bagi menunaikan Fardhu Haji ialah \$3,500.00 tolak \$2,839.00 maka berbaki \$661.00. Sebenarnya jumlah kurnia tambang bagi menunaikan Fardhu Haji itu dikaji pada setiap tahun oleh Jawatankuasa yang berkenaan. Jawatankuasa itulah pada setiap tahun mencadangkan dan menyokong jumlah kurnia tambang tersebut untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Dalam pada itu saya ingin menarik perhatian bahawa Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam surah Ali 'Imraan Ayat 97 mengenai garis panduan menunaikan Fardhu Haji maksudnya ***“Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah ialah sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya”***. Kata kunci dalam perkara ini ialah *istiqa'ah* iaitu kemampuan dan berkuasa.

Walau bagaimanapun Yang Di-Pertua Dewan, perkara yang ditimbulkan ini akan Peramba edarkan kepada Jawatankuasa Jemaah Penasihat Haji untuk apa jua perhatian jawatankuasa tersebut mengenainya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan. Saya ada soalan tambahan mengenai dengan tambang bantuan Haji. Saya ingin bertanya dan mencadang bolehkah disebabkan tambang untuk menunaikan Haji ini tidak mencukupi untuk sebahagian Pegawai-pegawai Kerajaan untuk menunaikan Haji, saya ingin mencadangkan bahawa bolehkah tambang untuk menunaikan Haji ini ditukar kepada untuk mengerjakan Umrah.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Yang Di-Pertua Dewan, tambang Haji ini ialah setahun sekali saja seorang, hanya sekali saja dikurniakan bagi seseorang menurut syarat-syaratnya. Terima kasih.

Jurutulis: Soalan yang keempat akan dibawakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Menjunjung kasih Yang

Di-Pertua Dewan. Soalan ini ditujukan kepada Kementerian Pembangunan. Jalan menuju ke Lubok Nibong Ulu Tutong, Pada Tahun 2006, Majlis Mesyuarat ini telah diberi maklum bahawa projek jalan ke Lubok Nibong, Ulu Tutong sepatutnya siap dibina pada akhir Tahun 2008. Tetapi saya difahamkan bahawa projek tersebut telahpun terhenti (terbengkalai). Saya ingin tahu apakah yang menyebabkan projek itu diberhentikan dan bilakah ianya akan diteruskan dan dijangka siap? Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan khususnya Jabatan Kerja Raya kerana telah menaikkan taraf bahu (*shoulder*) Jalan Raya Lebuhraya Muara/Tutong. Adakah pembaikan bahu (*shoulder*) jalan ini juga akan dilaratkan ke jalan kampung-kampung atau kawasan pedalaman? Sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Peramba menjunjung kasih kepada Tuan Peramba kerana memberikan

peramba kesempatan kepada peramba untuk menjawab soalan ini, dan sebelum menjawab persoalan ini peramba mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana mengambil perhatian dan juga atas ucapan tahniah Yang Berhormat itu tadi.

Projek yang dimaksudkan ke dalam Lubuk Nibong itu adalah termasuk dalam projek untuk memberikan perkhidmatan air atau membangun Ampangan di Namoknik. Projek yang dimaksudkan adalah pembinaan sebanyak 22 km dari persimpangan Jalan Kampong Belaban menuju ke Ampangan di Namoknik. Kerja-kerja tersebut adalah dalam projek pembinaan Ampangan Ulu Tutong yang pada asalnya dijadualkan siap pada awal tahun 2009.

Kontrak projek ini dengan pemborong yang ada pada masa itu telahpun ditamatkan pada bulan Mei 2007 disebabkan kemajuan projek yang kurang memuaskan. Antara sebab-sebab utama ialah kontraktor dari negara luar yang menjalankan kerja-kerja utama itu telah menghadapi masalah kewangan. Alhamdulillah projek itu telah ditawarkan semula dan kontrak baru telahpun bermula pada Februari

2010 dan insya-Allah ianya akan dijangka siap pada bulan Oktober tahun 2013.

Mengenai kenaikan taraf bahu (*shoulder*) jalan raya Lebuhraya Muara/Tutong, peramba sukacita memberitahu bahawa rangkaian jalan raya di Negara Brunei Darussalam mempunyai beberapa kategori iaitu *primary roads*, (jalan-jalan utama), *secondary roads dan rural roads* atau jalan-jalan perkampungan.

Lebuhraya Muara/Tutong adalah dikategorikan sebagai *primary roads* atau jalan utama, bagi jalan dan kategori ini bahu jalan adalah diperlukan untuk tempat pemandu kenderaan berhenti dan selamat semasa kecemasan, penyediaan bahu jalan ini adalah mengikut piawai antarabangsa. Jabatan Kerja Raya juga telah menyediakan bahu jalan raya yang dikategorikan sebagai *secondary roads* bagi Jalan Muara, Jalan Berakas, Jalan Kota Batu, Jalan Limau Manis dan Jalan Junjungan dengan tujuan yang sama iaitu digunakan semasa kecemasan dan keselamatan pengguna jalan raya. Buat masa ini juga beberapa kontrak bagi pembinaan bahu jalan, jalan-jalan utama di luar bandar seperti Jalan Lamunin dan

Jalan Kuala Lurah sedang giat dilaksanakan. Jalan-jalan pedalaman seperti jalan-jalan kecil daerah dan jalan-jalan di kampung-kampung juga diberi perhatian.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara sejumlah \$120 juta telahpun disediakan untuk menaik taraf jalan-jalan kampung dan pedalaman bagi keselamatan dan keselesaan pengguna-pengguna jalan raya. Kerja-kerja ini adalah seperti menaikkan taraf jalan dari jenis jalan batu kepada jenis jalan aspal dan juga melebarkan jalan-jalan berkenaan jika perlu. Sekian Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Di-Pertua: Cukup jelas dan terang.

Jurutulis: Soalan yang kelima akan dibawakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima Kasih Yang Di-Pertua Dewan. Soalan ini akan ditujukan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama. Bantuan kepada fakir miskin, berikutan dengan bantuan-bantuan yang dihulurkan oleh Baitul Mal kepada fakir miskin, kadar kemiskinan telah menurun secara

mendadak dan mereka yang diberi bantuan itu ada yang menerimanya sehingga lima tahun.

Saya ingin tahu apakah langkah yang dilakukan oleh pihak berkenaan dalam menangani masalah kehidupan mereka dalam masa menerima bantuan ini, supaya mereka tidak akan bergantung sepenuhnya kepada bantuan tersebut, dan jika sekiranya keadaan mereka itu masih lagi dikategorikan miskin setelah tempoh bantuan itu tamat, adakah mereka masih lagi layak diberi bantuan? Sekian.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Assalamu-

alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, soalan ini mengandungi dua perkara.

Perkara pertama, apakah langkah yang dilakukan oleh pihak berkenaan dalam menangani masalah kehidupan fakir miskin dalam masa mereka menerima bantuan itu.

Alhamdulillah, nasihat-nasihat dan penerangan kepada fakir miskin itu telah diberikan khasnya melalui siaran-siaran radio dan televisyen dan melalui media cetak dan juga perjumpaan dengan sebahagian daripada mereka.

Di antara kandungan nasihat-nasihat dan penerangan itu ialah bahawa supaya penerima-penerima agihan itu menggunakan wang itu sebaik-baiknya, iaitu dengan cara mengelakkan pembaziran, mengelakkan penggunaannya dengan berbelanja dalam perkara yang tidak bermanfaat. Gunakanlah wang agihan tersebut kepada perkara-perkara yang lebih utama bagi keluarga seperti pendidikan anak-anak di samping keperluan hari-hari, kerana jika anak-anak tersebut berjaya dalam pendidikan, maka insya-Allah anak-anak berkenaan selaku generasi penyambung akan dapat mengeluarkan keluarga mereka itu daripada belenggu kemiskinan.

Dan juga diharap agar penerima agihan itu tidak akan hanya bergantung kepada wang agihan zakat yang mereka terima itu. Tetapi dapat memulakan usaha yang baru dan positif secara kecil-kecilan, ibarat kata orang-orang tua "*sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit*". Kehidupan mereka itu akan berubah dan secara perlahan-lahan akan mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan.

Dalam menangani perkara seperti ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam senantiasa memupuk

sikap berdikari di kalangan rakyat dan penduduk negara ini terutama mereka yang mempunyai keupayaan mental dan fizikal. Kerana usaha itu juga diharap akan dapat mengurangkan budaya dan pemikiran yang suka bergantung kepada bantuan daripada Kerajaan atau daripada pihak-pihak yang berkenan.

Dalam pada itu, saya ingin merujuk kembali kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Penyerahan Dokumen Agihan Baki Wang Zakat kepada Asnaf Fakir Miskin dan Al-Gharimin pada hari Rabu 17 Syawal 1430 bersamaan 7 Oktober 2009 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas. Antara lain Baginda bertitah “kepada bakal-bakal penerima dokumen agihan bagi wang zakat yang berjumlah lebih 4000 orang pula diharap akan memanfaatkan bahagian mereka masing-masing dengan bijaksana dan berhemah, dengan mengelakkan gaya hidup boros dan membazir. Bahagian masing-masing itu boleh membantu mereka untuk mengatur kehidupan yang lebih baik lagi selesai. Mereka sekarang bukan lagi di bawah level

fakir miskin sekurang-kurangnya untuk beberapa tempoh tertentu. Dan tidaklah mustahil dari jumlah seramai itu akan ada juga mereka yang tidak mahu lagi untuk berpaling ke belakang tetapi dengan azam kuat serta ikhtiar-ikhtiar bijaksana akan terus bertahan di bawah level “Tidak lagi memerlukan agihan zakat”. Demikianlah di antara kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang begitu prihatin kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Selanjutnya saya ingin membacakan firman Allah dalam Surah Ar Ra’d Ayat 11. Yang bermaksud: **“Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri”**. Inilah ajaran Al-Quran. Kuncinya ialah perubahan. Perubahan itu hendaklah diusahakan oleh diri sendiri. Di samping itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama ada menyediakan satu program yang dinamakan sebagai Program Pengupayaan Asnaf Zakat. (PROPAZ) dengan tujuan bagi membekalkan para penerima agihan zakat itu dengan kemahiran dan kebolehan melalui bimbingan dan latihan di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam waktu bimbingan latihan tersebut, para peserta itu akan diberikan penempatan kerja di sektor-sektor Kerajaan dan swasta. Dengan adanya kemahiran dan kebolehan serta usaha tersebut maka antara hasilnya yang akan diterima ialah akan dapat mengeluarkan diri mereka, ahli keluarga mereka daripada belunggu atau lingkaran kemiskinan. Membuka peluang pekerjaan atau perniagaan, mengurangkan pengantungan kepada bantuan mana-mana pihak. Insya-Allah akan dapat mengubah status para peserta daripada penerima zakat kepada pengeluar zakat. Segala aktiviti-aktiviti program tersebut dibiayai dari Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin.

Mengenai dengan perkara kedua, iaitu jika mereka di kategorikan miskin setelah tempoh bantuan tamat. Adakah mereka masih lagi layak diberi bantuan? Di antara orang-orang yang berhak kepada agihan wang zakat adalah Asnaf Fakir Miskin. Maka jika mereka itu jatuh miskin, maka mereka boleh membuat permohonan kepada Majlis Ugama Islam untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat dan jika ada wang zakat

maka Jawatankuasa tersebut akan mempertimbangkannya demikian.

Yang Di-Pertua: Maka saya percaya penjelasan itu cukup memuaskan.

Jurutulis: Soalan yang keenam yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Soalan ini akan ditujukan kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Pengeluaran padi tempatan untuk sara diri. Betapa prihatinnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap pengeluaran beras tempatan untuk sara diri bagi rakyat Negara Brunei untuk mencapai sasaran 20% pada tahun 2010 dan 60% pada tahun 2015. Baginda sendiri berkenan Bercemar Duli turun ke sawah pada tahun lepas. Untuk mencapai sasaran ini, kita bukan hanya mengadakan kawasan-kawasan tanah yang luas tetapi juga mempunyai infrastruktur yang cukup seperti tali air, jalan-jalan dan juga melibatkan pihak-pihak swasta serta bantuan-bantuan

seperti pemasaran hasil padi tersebut.

Saya ingin mengetahui, adakah Kerajaan bercadang untuk membuka ladang padi yang luas yang mempunyai parit dan tali air serta jalan-jalan yang mencukupi. Jika ada dimanakah tempatnya? Terima Kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba sekali lagi ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas soalan mengenai dengan kawasan baru untuk padi. Untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat dan sebagai menjawab kepada soalan tersebut disebutkan di sini bahawa beberapa kawasan baru telah dikenalpasti dan dibuka seperti berikut:

Di Daerah Brunei dan Muara saja terdapat 620 hektar kawasan baru iaitu Kawasan Batong seluas 170 hektar, Kawasan Pancur Murai 150

hektar, Kawasan Junjungan I dan Limau Manis 200 hektar dan Kawasan Junjungan II 100 hektar.

Di Daerah Belait seluas 2,560 hektar akan dibuka yang terdiri daripada Lubuk Sengkuang sambungan yang ada pada masa ini seluas 700 hektar. Labi Baru seluas 260 hektar, Buau 1000 hektar dan Kandol seluas 600 hektar.

Sementara di Daerah Temburong akan melibatkan pembukaan seluas 680 hektar kawasan baru iaitu Selapun 200 hektar, Senukuh sambungan kepada Senukuh Lama 80 hektar, Lakiun dan Pedayan seluas 400 hektar.

Sementara di Daerah Tutong akan membuka seluas 1,087 hektar yang terdiri daripada kawasan Majlis Perundingan Kampong Tanjong Maya 44.8 hektar, Paya Lubuk Gusi Bakiau 40 hektar, Pengkalan Mau 48.8 hektar dan Supon 955 hektar.

Jumlah-jumlah keempat daerah ini adalah dalam melebihi 4,500 hektar iaitu dalam 4,947 hektar jumlahnya semua. Selain daripada membuka kawasan baru pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga telah berusaha untuk meningkatkan

infrastruktur ladang di kawasan-kawasan sedia ada seperti kawasan-kawasan berikut.

Di Daerah Brunei dan Muara, kawasan Kemajuan Pertanian Wasan akan ditingkatkan sistem pengairan saliran dan menaik-taraf jalan ladang. Kawasan Bebuloh akan ditingkatkan sistem pengairan saliran dan menaikkan taraf jalan. Kawasan Batong juga akan ditingkatkan sistem pengairan saliran dan membuat jalan ladang. Kawasan Junjungan I dan Limau Manis juga akan ditingkatkan sistem pengairan saliran dan membuat jalan ladang dan Junjungan II juga akan ditingkatkan sistem pengairan saliran dan membuat jalan ladang.

Di Daerah Belait, Sengkuang sambungan kepada kawasan lama akan dibersihkan dan mendalami Sungai Rampayoh. Jalan ladang dan sistem saliran juga akan ditingkatkan. Sementara di Daerah Tutong, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan membuat jalan ladang Utama di Pengkalan Mau dan membersihkan kawasan pembersihan kawasan, pembinaan ban-ban dan longkang-longkang dan menaikkan taraf jalan ladang dan lain-lain kawasan.

Bantuan Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya sudah dipohonkan bagi membersihkan longkang yang sudah lama. Jalan Kecil Bukit Barun akan melibatkan pembersihan longkang di kawasan-kawasan ini dengan bantuan Kementerian Pembangunan. Pembersihan longkang di Biong, Lubuk Gusi, Bakiau sedang berjalan dengan bantuan Kementerian Pembangunan.

Sementara di Daerah Temburong, kawasan kemajuan Pertanian Lakiun Perdayan akan dinaikkan taraf jalan ladang dan longkang. Sementara di Selapun akan melibatkan pembersihan kawasan dan pembinaan jalan ladang serta sistem perairan dan saliran. Sekian Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Di-Pertua: Dan saya percaya Ahli Yang Berhormat puas hati atas penjelasan itu.

Jurutulis: Soalan yang ketujuh oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Wijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih, Yang Di-Pertua Dewan. Ditujukan kepada

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Masalah Belia Lepak. Dalam Forum Perdana anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah diadakan di Daerah Tutong yang disiarkan secara langsung melalui Televisyen Brunei pada pertengahan bulan Januari 2010 yang lalu. Forum tersebut telah menyentuh mengenai "**Belia-Belia Lepak**" di Kompleks membeli belah.

Ahli panel yang menekankan perlunya pendidikan agama dan menanamkan perasaan yang mempunyai jatidiri yang luhur. Salah satu cadangan ialah untuk mengadakan "**Kerahan Tenaga**" kepada belia-belia untuk mendisiplinkan mereka supaya akan menjadi masyarakat yang berguna dan bertanggungjawab. Saya ingin tahu sama ada pihak Kerajaan ada perancangan untuk mengadakan Skim "**Kerahan Tenaga**"?. Sekian, Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba

ingin mengucapkan terima kasih atas soalan Ahli Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai dengan perkara yang berkenaan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang merancang untuk mengadakan yang dinamakan "**Program Khidmat Bakti Belia Negara**" atau pendeknya PKBN bukan "**Program Kerahan Tenaga**" atau "**National Service**". Tetapi program ini pada masa ini belum mendapat persetujuan daripada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk dilaksanakan. Dalam kertas tersebut atau "**Program Khidmat Belia Negara**" ini adalah bertujuan untuk mewujudkan belia Brunei yang cemerlang selaras dengan matlamat dasar Belia Negara di samping meningkatkan semangat *Patriotik* "**Beriltizam dan Berdaya Saing**". Bagi mencapai tujuan berkenaan PKBN dicadangkan untuk mengandungi berapa komponen perlu dijalankan seperti berikut:-

1. Komponen jatidiri dan kenegaraan;
2. Komponen Latihan Disipilin dan Fizikal;

3. Komponen Khidmat Komuniti atau Kerja-Kerja Kemasyarakatan. PKBN adalah lebih berkonsepkan pembentukan belia calak Brunei tanpa melibatkan aspek-aspek ketenteraan terutama sekali mengenai dengan penggunaan senjata tetapi lebih ke arah pembentukan jatidiri, berwawasan berdaya tahan, bertatasusila dengan berlandaskan falsafah Negara Melayu Islam Beraja. Kumpulan sasar ialah Pelaja Tingkatan 5 atau Tahun 11 yang sudah selesai menduduki peperiksaan 'O' Level yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang berumur di antara 16 ke 18 tahun. Program ini dicadangkan berjalan selama 3 bulan. Peserta yang terlibat akan mengikuti peperiksaan kesihatan dan mendapat kebenaran daripada Ibu Bapa, Penjaga dan pihak Sekolah. Walau bagaimanapun seperti sebelum melaksanakan program PKBN berapa perkara wajib dan perlu disediakan terlebih dahulu:-
 1. Akta PKBN;
 2. Infrastruktur; dan
 3. Pentadbiran dan peruntukan perlu disediakan terlebih dahulu dan lain-lain diteliti dan ditunduki sedalam-dalamnya dan sehalus-halusnya supaya rancangan PKBN akan berjalan dengan lancar, teratur dan terurus bagi mencapai dasar dan objektifnya.
- Pada masa ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah dan sedang melaksanakan berapa program-program yang mirip dan sehaluan dengan PKBN atau kerahan tenaga:-
1. Program Belia Betuah;
 2. Program Kamas;
 3. Program Belia Aktif dan *Outreach* seperti berkayak dan berkemah; dan
 4. Program Belia Cinta Tanah Air dan sebagainya. Sebagai contoh program Belia Cinta Tanah Air adalah satu program yang dianjurkan bersempena Hari Kebangsaan. Program ini

dihasarkan untuk meningkatkan lagi semangat kenegaraan dengan menerapkan beberapa nilai-nilai murni hidup bermasyarakat, beragama, bernegara, berpasukan dan berpersatuan.

Program ini mempunyai 3 fasa seperti berikut:-

1. Iktizam belia dengan orang ramai;
 2. Menyertai perbarisan lalu sambutan Hari Kebangsaan; dan
 3. Berkhidmat untuk masyarakat.
- Yang Di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat tadi tidaklah sebegitu panjang tetapi keterangan ertinya masalah Belia Lepak itu sudah dijelaskan. Jadi saya fikir tidak perlu dipanjangkan lagi perkara-perkara yang akan dirancangan. Asal saja ada kerja akan datang itu sudah mencukupi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan. Akan dipendekkan

bahawa soalnya adalah Belia Lepak. Bagi peramba, Ahli Yang Berhormat perkataan lepak ini belum ada negative dan positifnya dalam kehidupan. Kalau lepak ertinya belia yang melepak tidak ada tujuan tertentu, baru ada negative. Kalau belia melepak ada tujuan tertentu membawa perkara positif dalam hidup belia. Jadinya peramba ingin mengupas jua soalan ini. Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerana nampaknya lepak ubatnya adalah *Panadol* kerana tenaga itulah jawapan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan perancangan ada yang telah pun ada 5 program untuk disediakan bagi *Panadol-Panadol Belia-belia Lepak*, untuk tidak berpanjang lebar. Yang Di-Pertua Dewan, Peramba ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya. Sekian terima kasih.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat penjelasan telah pun diberikan, maka saya percaya Ahli Yang Berhormat tentu puashati.

Jurutulis: Soalan yang kelapan akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan. Soalan saya akan ditujukan kepada Kementerian Pembangunan. Sebelum itu Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Soalan saya ialah mengenai dengan lebuhraya Telisai/Lumut. Adalah difahamkan bahawa tawaran (*tender*) bagi membina lebuhraya Telisai/Lumut telahpun ditawarkan kepada sebuah pemborong luar negeri iaitu Surati Construction Sdn. Bhd. dan sebuah Syarikat Tempatan dengan menelan belanja kira-kira \$138 juta, yang mana diharapkan akan dapat menyelesaikan masalah kesesakan di waktu-waktu "*peak hours*" sebelah pagi dan petang di jalan tersebut. Malangnya belum pun ada tanda-tanda pemborong itu memulakan kerja-kerjanya.

Saya ingin bertanya:-

- i. Bilakah kerja-kerja pembinaan lebuhraya berkembar itu akan dapat dimulakan?
- ii. Berapa peratuskah peluang-peluang pekerjaan/bisnes yang ditawarkan kepada anak-anak tempatan sejauh ini dalam projek tersebut?

Dan yang terakhir, jika tidak ada sebarang perkembangan apakah sebabnya? Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkanlah Peramba sekali lagi memberikan jawapannya dan mula-mula sekali Peramba mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih atas perhatian daripada Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya projek ini dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi dan jawapan ini daripada Lembaga Kemajuan Ekonomi tetapi sebelum itu, Peramba ingin membuat satu correction di sana atau pembedaan bahawa Syarikat Surati Construction ini bukanlah pemborong dari luar negeri tetapi adalah Pemborong Tempatan. Jadi Peramba ingin membacakan jawapan daripada BEDB. Projek pembinaan lebuhraya Telisai/Lumut akan dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi BEDB.

BEDB telahpun melantik Surati Construction Sdn Bhd. sebuah Pemborong Tempatan untuk membina lebuh raya tersebut dengan kos bernilai kira-kira \$138 juta.

Berdasarkan kepakaran, kebolehan dan pengalaman mereka dalam kerja-kerja pembinaan jalan raya sebelum ini. Pembinaan lebuh raya Telisai/Lumut tersebut dijangka akan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan. Kerja-kerja awal tanah telahpun bermula pada 16 Februari 2010 yang lalu, termasuk kerja-kerja membersihkan tapak dan ukur tanah. Insya-Allah, kerja-kerja penolakan tanah iaitu *earthwork*, pembinaan pejabat pengurusan tapak, depo dan bengkel akan dimulakan dalam jangka masa yang terdekat. Lebuh raya Telisai – Lumut ini akan dijangka siap pada 15 Februari Tahun 2013. BEDB juga telah dimaklumkan bahawa perlantikan Zheng Ahn Zhi dari China sebagai *Sub-Contractor* untuk kira-kira 75% daripada kerja-kerja yang terlibat.

Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada kerja-kerja tersebut termasuk tawaran untuk membekalkan bahan-bahan binaan akan diberikan kepada pemborong-pemborong dan pembekal-pembekal tempatan seperti kerja-kerja merata

dan menimbuk tanah, pembinaan longkang-longkang dan saluran-saliran pembentungan, membekalkan batu kelikir, komponen *structure* untuk jambatan, pemasangan lampu-lampu jalan raya dan kerja-kerja membubuh aspal dan sebagainya.

Selain dari itu, peluang-peluang pekerjaan di beberapa bidang juga telah dikenalpasti untuk ditawarkan kepada anak-anak tempatan terutama kekosongan dalam bidang-bidang pengurusan projek, lojistik pentadbiran dan sebagainya. Sekian Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Di-Pertua: Begitu panjang lebar, jadi saya percaya Ahli Yang Berhormat tentunya puashati atas jawapan ini.

Jurutulis: Soalan yang kesembilan akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih sekali lagi Yang Di-Pertua Dewan. Soalan seterusnya ialah saya tujukan kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama iaitu Warisan Pusaka Pusat Eco-Pelancongan Kuala Balai.

Pada musim Permesyuaratan Kali Kelima tahun lepas, Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam menjawab soalan mengenai projek ini bahawa kajian ke atas Projek Warisan Pusaka Pusat Eko-Pelancongan Kuala Balai yang diberikan peruntukan berjumlah sebanyak \$12 juta itu akan dilaksanakan secepat mungkin, namun setahun telah berlalu tetapi tidak terdengar atau nampak tentang perkembangannya.

Saya ingin tahu adakah pengkajian mengenai dengan projek tersebut telah selesai dilaksanakan atau adakah ianya dibekukan?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Projek Warisan Pusaka Pusat Eko-Pelancongan, Kuala Balai. Yang sebenarnya bukanlah dibekukan. Semasa ianya ditimbulkan pada Musim Permesyuaratan Kali Kelima pada tahun 2009 yang lepas, projek ini

belum ada peruntukan yang disebutkan sebanyak \$12 juta itu. Walau macam manapun, projek ini masih dalam kajian dan perbincangan diantara Jabatan Daerah Belait, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Universiti Brunei Darussalam dan Majlis Perundingan Kampung/ Kampung Kuala Balai. Di samping itu beberapa agency daripada pihak swasta juga telah terlibat dalam projek ini iaitu Syarikat Brunei Shell Petroleum pada misalnya terlibat dalam pembinaan rumah budaya. Sementara Syarikat pengendalian Pelancongan Mona Flora dan Fauna mempromosi dan memasarkan pusat ini sebagai destinasi Eco-Pelancongan.

Selain mempunyai sejarah warisan, Kuala Balai mempunyai beberapa produk Eko-Pelancongan lain yang berpotensi untuk dimajukan dan diketengahkan. Antaranya ialah seperti berikut perusahaan membuat ambulong secara tradisi bagi memperkenalkan salah satu budaya dan cara hidup puak Belait. Aktiviti *Bind Watching*, mengikut kajian Universiti Brunei Darussalam sebanyak 165 jenis burung terdapat di kawasan ini. Aktiviti *Bind Watching* boleh dipromosikan kepada pelancongan pada pelancong

pencinta alam dan aktiviti sukan di air dengan Sungai Kuala Balai yang tidak tercemar aktiviti sukan air seperti regatta, sukan memancing dan *jet sky* boleh menghidupkan semula kemeriahan Kuala Balai kawasan-kawasan yang berhampiran. Dan *Home Stay* pelancong-pelancong dapat merasakan dan mengalami keunikan cara-cara kehidupan seharian dan budaya orang Kampong melalui penyediaan pelancongan desa yakni home stay ini dapat meningkatkan penduduk-penduduk Kampong.

Bagi merealisasikan Kuala Balai sebagai destinasi Eko-Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mencadangkan peningkatan *infrastructure* dan perkhidmatan perlu diadakan ini termasuklah membangunkan semula dan menaik taraf rumah budaya puak Belait. Pembinaan Jeti bagi *river cruise* dan penglibatan pihak swasta yakni (*Association Travel Agent of Brunei Darussalam ATTAB*) dalam memajukan produk Kuala Balai.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama seterusnya berpendapat jika Kuala Balai dimajukan sebagai destinasi Eco-

Pelancongan ia akan menarik semula penduduk-penduduk Kampong dan yang berdekatan untuk bermastautin semula di Kampong Kuala Balai. Ini adalah faktor utama pada kejayaan dan kesinambungan Kuala Balai sebagai destinasi Eko-Pelancongan.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita tadi hanya menerangkan persidangan ini, iaitu menjawab apa yang dikemukakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat. Jadi perkara yang Ahli Yang Berhormat, bentangkan itu kita akan jelaskan kemudian. Maka saya berfikir jawapan-jawapan tadi sudahpun memadai.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Sekian terima kasih Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana kita akan bermesyuarat pada petang nanti maka sehingga kini sekarang sudah jam 11.00 pagi maka saya cadangkan bahawa Majlis pagi ini ditangguhkan sehingga 2.30 petang.

(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)

**Mesyuarat disambung pada
jam 2.30 petang**

Yang Di-Pertua: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Sekarang majlis disambung semula. Majlis bersidang.

Jurutulis: Oleh kerana Yang Berhormat Menteri Pembangunan belum hadir, maka soalan kesepuluh ditangguhkan. Soalan yang kesebelas akan dibawakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu peramba mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk menyampaikan soalan. Soalan saya ialah mengenai dengan penanaman padi untuk memenuhi keperluan negara bagi makanan asas. Kerajaan telah melancarkan Projek Penanaman Padi secara besar-besaran bermula dari kawasan penanaman padi di Kampong Wasan pada tahun

lepas dan akan dilaratkan ke seluruh negara supaya akan dapat mencapai target 20% pada tahun 2010 dan 60% pada tahun 2015 sara diri. Target ini tidak akan dapat dicapai tanpa melibatkan sektor-sektor swasta dan bantuan-bantuan yang perlu.

Sejauh ini apakah usaha-usaha yang sudah dijalankan untuk mencapai target ini?. Adakah semua pengusaha-pengusaha tanaman padi tidak kira sama ada anak-anak tempatan atau pihak swasta diberi subsidi dan hasil-hasil padi mereka dijamin akan dibeli dan dipasarkan oleh Kerajaan untuk meyakinkan mereka bahawa padi-padi tempatan tidak akan menghadapi masalah bagi pemasarannya.

Yang Di-Pertua: Menteri yang berkenaan sekarang tidak hadir, maka jawapannya akan dijelaskan apabila ia hadir nanti.

Jurutulis: Soalan yang kedua belas, akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmahnir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wasalatu Wasalau

Ala Hasrafil Ambia Ewal Mursalin, Saidina Muhamaddin Waala 'Alihi Washabihi Ajmeen. Assalamu-alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba akan membuat soalan ini kepada Kementerian Kesihatan, mengenai dengan mesin-mesin X-ray dan mesin memproses filem X-ray di Unit Radiology Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Daerah Temburong.

Sejak tahun 2007, Unit Radiology Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam hanya dibekalkan dengan Mesin X-ray mudah alih (*Portable X-ray Machine*) bagi kegunaan pesakit-pesakit di Daerah Temburong dan mesin ini sering mengalami kerosakan. Berikutan dengan kerosakan kepada *Power Transformer* pada 30 Januari 2010 yang lalu. Mesin ini tidak dapat diperbaiki lagi dan semua pesakit-pesakit yang memerlukan perkhidmatan X-ray terpaksa pergi ke hospital RIPAS di Bandar Seri Begawan manakala bagi pekerja-pekerja asing membuat pemeriksaan di Klinik Swasta di Berakas.

Peramba ingin tahu bilakah mesin X-ray yang rosak ini digantikan dengan yang baru supaya mereka yang

memerlukan perkhidmatan X-ray tidak lagi perlu pergi ke Bandar Seri Begawan?. Sekian Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Bismillahir Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatu, salam sejahtera. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Peramba mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di Daerah Temburong atas soalan-soalan yang telah dikemukakan.

Sebenarnya kita mempunyai dua mesin X-ray di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam Daerah Temburong, iaitu jenis mesin X-ray tetap yang sudah lama dan mesin X-ray mudah alih (*portable*). Kedua-dua dari masa ke semasa mengalami kerosakan. Kerosakan yang dialami adalah pada bahagian X-ray processor iaitu bahagian yang digunakan bagi memproses filem X-ray itu sendiri. Kementerian Kesihatan atas maklumat yang diterima dari pihak hospital telah mengambil dua langkah bagi mengurangkan down time atau gangguan ke atas perkhidmatan X-ray:-

1. Dengan melantik kontraktor berkelayakan untuk memperbaiki mesin-mesin tersebut; dan
2. Melakukan pemeliharaan rutin setiap dua minggu sekali. Setelah diperbaiki mesin-mesin tersebut telahpun beroperasi sepenuhnya sehingga boleh menggambar sebanyak 50 kali sehari. Malah mengikut statistik yang telah diperolehi daripada Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam seramai 166 orang telah di X-ray dari bulan Januari hingga Mac 2010 berbanding dengan 36 yang dihantar ke RIPAS dalam jangka masa yang sama.

Sebagai langkah penyelesaian kepada masalah ini dan supaya perkhidmatan X-ray tidak terputus, Kementerian Kesihatan telah juga memohon peruntukan bagi penggantian mesin X-ray tersebut dan pada masa ini dalam proses pembelian. Maka adalah diharapkan dengan adanya nanti pembelian mesin tersebut masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi akan dapat ketani atasi insya-Allah. Terima kasih.

Yang Di-Pertua: Menteri yang berkenaan maka dengan demikian saya percaya penerangan-penerangan itu adalah memadai kepada soalan yang dikemukakan tadi.

Jurutulis: Soalan ketiga belas akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam soalan yang ditujukan kepada Kementerian Kesihatan mengenai dengan Perahu Ambulan dan Paramedik. Oleh kerana ketiadaan kenderaan khas yang boleh digunakan oleh pesakit-pesakit dari Daerah Temburong yang setiap kali hendak mendapat rawatan ke Bandar Seri Begawan mereka hanya menggunakan perkhidmatan bot laju tambang yang bercampur barsama-sama dengan penumpang-penumpang awam yang lain kerana dikhuatiri ada pesakit-pesakit itu menghidap penyakit berjangkit.

Adakah Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan bercadang atau sudah ada perancangan untuk menyediakan Perahu Ambulan Khas yang dilengkapi dengan peralatan kecemasan dan paramedik untuk

membawa mereka terutama sekali yang menghidap penyakit kronik yang memerlukan rawatan ke Bandar Seri Begawan. Sekian Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Yang Di-Pertua Dewan. Sekali lagi peramba juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan sebentar tadi. Untuk menjawabnya sukacita peramba menjelaskan perkhidmatan pengangkutan pesakit dari Temburong yang dirujuk ke Hospital RIPAS adalah melalui bot laju tambang sebagaimana yang dinyatakan tadi adalah melalui bot laju tambang awam bagi pesakit-pesakit biasa. Tetapi bagi kes-kes pesakit yang menghidap penyakit berjangkit mereka akan diasingkan dan dibawa oleh bot-bot yang tidak bercampur dengan orang ramai yang lainnya, atau perkara itu sebagai satu *standard* prosedur pihak hospital.

Bagi kes-kes yang berbentuk *emergency* sebagaimana yang kita semua tahu, kita masih lagi menggunakan khidmat helikopter

di samping itu di bawah projek EMAS iaitu *Emergency Medical Ambulatory Services* Kementerian Kesihatan telahpun merancang untuk mengadakan perkhidmatan Ambulan Sungai ataupun *Riverline Ambulance Services* yang lengkap dengan peralatan *emergency* khusus bagi mengangkut pesakit yang memerlukan pengangkutan air bukan saja bagi penduduk dari Daerah Temburong tetapi juga bagi penduduk Kampong Ayer. Termasuk dalam projek EMAS ini ialah usaha untuk menambah kakitangan paramedik dan untuk tujuan ini perundingan telahpun diadakan dengan Institute Perubatan UBD bagi mengadakan program-program latihan yang bersesuaian. Insya-Allah dengan adanya projek EMAS ini berjalan nanti masalah *emergency services* ini akan dapat diperbaiki dari masa ke semasa. Dan insya-Allah isu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Temburong akan dapat kitani atasi bersama. Sekian menjunjung kasih Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Di-Pertua: Mudah-mudahan dengan penjelasan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu memadai dan diterima oleh Ahli Yang Berhormat, terima kasih.

Jurutulis: Soalan yang keempat belas akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam soalan yang terakhir ditujukan kepada Kementerian Pertahanan dalam draf pelan akhir Daerah Temburong yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa baru-baru ini, ada dinyatakan tentang perancangan bagi pembinaan sebuah Pengkalan Tentera di Bangar khusus bagi pembinaan Kampus Pendidikan Lanjutan Tentera (*Tertiary Education Campus*).

Peramba ingin tahu bilakah Kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan akan membina kampus ini? dan apakah perancangan masa hadapan terhadap khemah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Bangar yang ada pada masa ini? Adakah ianya akan diperluaskan dan dijadikan untuk perkhemahan Battalion Keempat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei? Sekian Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamenteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu peramba mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas dua soalan yang dikemukakan itu tadi.

Bagi soalan pertama, mengenai dengan pembinaan Kampus Pendidikan Lanjutan Tentera, sebagaimana menurut Yang Berhormat ianya terkandung dalam *draf plan* akhir Daerah Temburong, pihak Kementerian Pertahanan telah merujuk *draf plan* yang dimaksudkan. *Draf plan* tersebut menyatakan bahawa sekiranya Perkhemahan Bangar dipindah ke Labu, maka pertimbangan harus diberikan bagi kawasan di Perkhemahan Bangar tersebut dibangun semula sebagai *Tertiary Education Campus*. Kampus yang dimaksudkan di sini bukanlah kampus tentera seperti yang ditarifkan oleh Yang Berhormat, dan ianya bukan di bawah perancangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Perlu peramba terangkan di sini bahawa *draf plan* Daerah Temburong tersebut yang disediakan oleh pihak konsultan, peramba difahamkan, masih di dalam perbincangan di antara Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan berbagai pihak yang terlibat iaitu *stakeholders* yang berkenaan, bagi mendapatkan pandangan dan komen mereka. Dalam hal ini, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan turut sama menyumbangkan buah fikiran dalam menghalusi *draf plan* tersebut bagi menyokong usaha Kerajaan untuk membina Daerah Temburong melalui perancangan yang teratur.

Oleh yang sedemikian, cadangan untuk memindahkan Perkhidmatan Bangar ini akan diteliti dengan terperinci. Walau bagaimanapun, buat masa ini, pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei belum ada rancangan yang tetap untuk berpindah dari Perkhemahan Bangar tersebut.

Bagi soalan kedua, iaitu mengenai perancangan masa depan Perkhemahan Bangar, sememangnya terdapat perancangan untuk meningkatkan penempatan tentera

di Daerah Temburong, daripada satu *Company* yang ada pada masa ini kepada kekuatan satu batalion iaitu Batalion Keempat. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa penubuhan satu batalion dan seterusnya pembinaan perkhemahan bagi menempatkan kekuatan satu Batalion ini memerlukan perancangan yang teliti dan seterusnya pelaksanaan yang rapi. Ianya bukan saja melibatkan kawasan, bahkan juga pembinaan infrastruktur dan sumber tenaga manusia yang berkecukupan dan mencukupi.

Yang Berhormat sendiri pernah berkhidmat dengan cemerlang di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei setentunya memahami dan mengetahui bahawa perancangan sebesar ini merupakan pelaksanaan secara berperingkat-peringkat. Selain daripada kepentingan keselamatan, berbagai perkara lain juga perlu diambil kira misalnya dari segi ekonomi, sosial dan kesan alam sekitar dan sebagainya.

Sukacita dimaklumkan bahawa perancangan dan penilaian mengenai penubuhan Batalion Keempat ini akan dimasukkan ke

dalam Kertas Putih Pertahanan baru yang akan dijadualkan akan dikeluarkan pada tahun 2011. Insya-Allah projek ini besar kemungkinan akan terkandung di dalam perancangan masa sederhana Kementerian Pertahanan iaitu di antara lima ke sepuluh tahun. Sekian menjunjung kasih Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Di-Pertua: Diharap memuaskan kepada Ahli Yang Berhormat.

Jurutulis: Perkara yang keenam, Usul-Usul yang telah diberi notis. Usul yang pertama akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan

limpah izin dan kurnia-Nya jua serta atas kebijaksanaan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Bagi Majlis Mesyuarat Negara, sekali lagi telah dapat bersidang dalam suasana yang sangat selesa dan penuh harmoni.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya Baginda telah berkenan mengurniakan Titah, yang mana Majlis ini menjunjung kasih dengan setinggi-tingginya dan sepenuh-penuhnya adalah menunjukkan bahawa Baginda adalah seorang Ketua Negara yang sentiasa menitikberatkan dan mendahulukan hal-hal yang melibatkan tadbir urus negara dan kebajikan rakyat jelata di dalamnya.

Yang Di-Pertua Dewan yang arif lagi bijaksana. Saya bersama-sama rakan di sebelah sini yakin dan tanpa perasaan was-was menaruh kepercayaan akan kebijaksanaan Yang Di-Pertua Dewan sendiri dalam menentukan dan memastikan

perjalanan persidangan murni kita ini dalam keadaan teratur, lancar, jelas dan terarah untuk mencapai hasrat sebenar persidangan ini diadakan setiap tahun.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan itu saya bangun bagi mencadangkan atas nama saya satu Usul yang berbunyi:-

“Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Keberangkatan Baginda ke Majlis ini pada hari Khamis dan di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana Majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh- penuhnya”.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, selepas kita atau dunia melalui crisis *period*, seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia iaitu saya petik:-

“Berkat dasar kita yang mantap dan sikap sihat dalam berbelanja tanpa bergantung kepada hutang maka sosial-ekonomi kita terus kukuh dan stabil”.

Titah Baginda itu sangat dalam maknanya kerana kekukuhan dan kestabilan itulah kita dapat terus menyaksikan negara kita telah mampu meneruskan agenda-agenda pembangunan dan mengekalkan keharmonian bagi memastikan rakyat dan penduduknya hidup dengan aman dan selesa. Kejayaan tersebut telah semakin meningkatkan keyakinan segenap pihak akan keupayaan pemerintahan Baginda yang tetap berdaya tahan dalam apa jua suasana.

Tidak dapat dinafikan dalam ketekunan kita mengejar kemajuan, kadangkala kita hampir-hampir terlepas pandang terhadap perkara dasar yang menjadi tulang belakang kepada kekuatan sesebuah masyarakat itu. Kita juga mengakui

bahawa dalam kepesatan dan kepantasan teknologi hari ini, cabaran-cabaran yang dihadapi bukan lagi seperti masa yang lalu. Ombak teknologi terkini yang amat besar dan kuat itu boleh menghakis peradaban bangsa kita yang tinggi dan halus ini hingga kita amat kluatir yang generasi kita akan datang akan menghadapi krisis identiti, krisis karakter dan yang lebih parah lagi adalah krisis jati diri.

Namun, Alhamdulillah, kepimpinan bijaksana dan tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah begitu cepat menyedarkan kita, agar kita senantiasia berada di landasan yang betul.

Ketegasan itu telah berjaya membawa negara berdaulat ini menuju ke arah kemajuan secara menyeluruh tanpa mengambil lewa aspek-aspek kerohanian sebagai benteng yang kukuh.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kita menyahut Titah Baginda itu kita perlu mengambil teladan bahawa kemajuan sahaja tidak mencukupi untuk memastikan negara ini akan

senantiasia berada dalam keadaan aman sejahtera kerana pembangunan dan kemajuan fizikal itu adalah intervensi terhadap alam lingkungan sama ada lingkungan fizikal ataupun lingkungan sosial. Jika kita tersilap kita akan merosak lingkungan itu.

Oleh sebab itu, falsafah negara, "Melayu Islam Beraja" yang menjadi tonggak negara ini adalah kunci kesejahteraan yang mesti diperturunkan kepada generasi yang akan datang.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada keseluruhannya Titah Baginda itu padat berisi dengan nasihat untuk menjadi asas pegangan kita dalam menerajui Agensi-Ageni Kerajaan. Seterusnya, selaku Ahli Sidang Majlis yang berada di dalam Dewan yang mulia ini, kita semua adalah jentera utama dalam mekanisme Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini. Oleh sebab itu, sebagai barisan hadapan dalam badan induk ini kita perlu ikhlas dan reseptif dalam mendengar dan menerima apa jua pandangan dan penjelasan yang diberikan tanpa adanya prejudis.

Seterusnya, selaku *representative* daripada pihak Kerajaan dan rakyat jelata, apa jua buah fikiran dan isu yang akan diutarakan, kita semua perlu sentiasa fokus kepada perkara-perkara fakta, utama dan sesuai untuk dibentangkan di dewan yang mulia ini dan bermusyawarah secara berhemah serta menghalakan perbincangan itu kepada sasaran yang jelas dan nyata.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memerintah negara ini adalah satu kurnia yang amat tinggi daripada Allah Subhanahu Wata'ala, yang telah memberikan kita kehidupan aman makmur yang berpanjangan, zaman-berzaman, kesentosaan hidup berbangsa bernegara ini akan dapat kita pertahankan selagi kita berada landasan yang betul dan yakin dengan keupayaan kita sendiri sebagai sebuah negara yang kecil tetapi mantap dan teguh dengan kelebihan yang dimiliki oleh negara ini. Titah yang dikurniakan oleh Baginda itu umpama suluh yang menunjukkan jalan kepada kita semua untuk bertindak dengan sewajarnya.

Ini akan memertakan kemajuan yang dibina itu kekal bertapak di atas flak dan kukuh dan dengan kepimpinan krismatik dan bijak bistari Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri, Negara yang kita cintai ini akan berjaya mencapai Baldatun Taiyyibatun Warabbun Ghafur, insya-Allah. Oleh sebab yang demikian saya sekali lagi mencadangkan usul yang dikemukakan ini akan dapat diterima oleh semua pihak di dalam majlis ini. Sekian Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin. (Bangun berdiri tanda menyokong).

Yang Di-Pertua: Telah mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan saya meminta Ahli-Ahli yang menyokong usul itu, sila angkat tangan. Ada sokong, yang bersetuju sila angkat tangan. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya terlupa tadi, ucapan Yang Berhormat Menteri tadi telah disokong dan saya memohonkan, sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin membahaskan sila angkat tangan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Othman bin Uking:

Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan. Dalam menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, saya mengambil kesempatan dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan menjunjung kasih setingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Keberangkatan Baginda Bercemar Duli seterusnya mengurniakan Titah bagi merasmikan Sidang Mesyuarat Yang Keenam semalam.

Dalam mengurniakan Titah beberapa aspek telah Baginda sentuh kepada keseluruhannya adalah menjana perkembangan dan kemajuan negara dan rakyat semata-mata. Di antara aspek-aspek tersebut ialah majlis ini ditubuhkan atau dalam sidang mesyuarat ini diadakan telah dijadikan satu saluran atau satu agensi bagi rakyat menyampaikan masalah mereka melalui wakil-wakil atau Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dikenali oleh mereka. Di mana rakyat mengharapkan supaya masalah mereka akan dapat dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan (Kementerian dan

Jabatan-Jabatan Kerajaan) sama ada secara runding cara ataupun jika perlu dan sesuai akan dibahaskan di dalam dewan yang mulia ini.

Dalam perbahasan ini, di antara kedua pihak, pihak Kerajaan dan pihak yang menyampaikan masalah rakyat, suara rakyat akan disampaikan kepada Kerajaan. Semua permasalahan atau cadangan yang dikemukakan akan didengar dan dinilai dan diteliti dengan sebaik mungkin, sama ada masalah yang dibahaskan itu sesuai atau selagi dengan masalah Kerajaan atau memerlukan pengubahsuaian. Dan jika sesuai dan selaras dengan dasar serta kehendak Kerajaan maka ianya atau cadangan serta pandangan tersebut akan menjadi asas kepada perancangan negara.

Dalam masa yang sama Baginda menitahkan supaya pihak Kerajaan atau Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kerajaan agar sentiasa berkewajipan atau lebih pro-aktif untuk mendekati rakyat bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh pihak Kerajaan untuk merancang dan membangun kemajuan projek-projek tertentu yang faedah dan manfaatnya adalah untuk rakyat dan negara jua.

Secara tidak langsung Baginda mengharapkan supaya mereka (rakyat dan penduduk) negara ini dapat sama-sama bertanggungjawab betapa mustahaknya negara memerlukan rancangan untuk memajukan demi kemajuan rakyat dan negara.

Selain daripada itu Baginda mengharapkan supaya perkara-perkara dibincangkan atau dibahaskan di dalam Dewan ini mestilah mengambilkira keperluan rakyat dan Negara atau lain perkataan setiap perkara cadangan, projek hendaklah dibincang dengan serious dan telus serta berhati-hati supaya ianya benar-benar menjadi kenyataan sebagai perkara cadangan atau projek diperlukan untuk rakyat demi kemajuan negara.

Dalam satu-satu perbincangan sama ada pandangan atau kenyataan Baginda mengharapkan mestilah ada fakta atau asas yang kukuh supaya segala perbincangan dan perbincangan tidak terkeluar atau lari dari tujuan asal iaitu untuk membangun kemajuan negara dengan jaya dan siap sempurna supaya dapat dinikmati oleh rakyat.

Baginda mengambil contoh ada projek-projek yang terbangkai atau tidak dapat disiapkan seperti yang

telah dijadual atau dalam tempoh tertentu. Atas alasan inilah Baginda menginginkan mengingatkan kepada Ahli-Ahli Dewan supaya tidak bersikap sambil lewa hendaklah dengan berhati-hati atau serious menghadapi untuk melaksanakan satu-satu rancangan atau satu-satu projek mega atau sebaliknya supaya ianya tidak tersasar dari tujuan asal.

Dalam pada itu, Baginda menitahkan supaya pihak yang berkenaan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi atau mencari satu formula bagi membantu menyelesaikan masalah-masalah kelambatan menyiapkan projek-projek mengikut jadual dan kegagalan mencapai sasaran.

Secara peribadi saya menaruh keyakinan sepenuhnya kepada pihak-pihak yang mengendali satu-satu projek mereka ini dan Pegawai-pegawai Pentadbir dan pelaksana telah mempunyai pengalaman setelah mereka ini berulang kali atau berhadapan dengan perkara-perkara yang sama sejak dahulu lagi walaupun perkara itu di luar dugaan dan perancangan. Secara tidak langsung Baginda menitahkan dengan ada kegagalan ialah merupakan satu asas bagi pihak berkenaan akan dapat mengkaji dan belajar bagi tujuan untuk mengetahui

dan mengatasi kesilapan yang di luar perancangan atau perkara apa yang timbul mendatang.

Di samping itu, Baginda melahirkan kebimbangan disebabkan kegagalan atau kelambatan dalam pelaksanaan satu-satu projek akan mendatangkan keburukan kepada negara seperti memerlukan peruntukan yang lebih besar dan menghadapi keadaan pasaran sekitar melambong naik.

Dalam bidang sosio-ekonomi atau kepimpinan dengan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dengan langkah-langkah dan tindakan Baginda yang mantap lagi sihat, rakyat seharusnya bersyukur bersama-sama Baginda kerana telah berbelanja tanpa bergantung harap kepada pihak lain. Dalam menyelesaikan kewangan pada 2009/2010. Bagi patik dan pihak yang berkenaan operasi perkhidmatan Kerajaan menjunjung kasih setinggi-tingginya.

Dalam bidang pendidikan, Baginda bertitah dan mengakui tidak bosan-bosan menyarankan supaya pendidikan tidak diabaikan oleh semua pihak atau seluruh rakyat

kerana pendidikan adalah pelaburan yang bernilai untuk sepanjang hayat dan bukan hanya negara yang lebih menfaatnya untuk diri individu itu serta keluarga masing-masing. Dalam hubungan ini Baginda menitahkan supaya pendidikan fizikal dan rohani hendaklah diseimbangkan dan dimiliki oleh setiap individu dengan adanya yang seimbang untuk dunia dan akhirat (ugama).

Majlis yakin dapat mengurangkan atau mengelakkan gejala-gejala sosial yang kurang sihat yang telahpun melibatkan sebahagian penduduk dan rakyat negara ini.

Dalam perkara ini Yang Di-Pertua Dewan, majlis menyeru dan merayu kepada pihak-pihak ibu bapa, keluarga, badan-badan kebajikan, persatuan-persatuan belia supaya sama-sama mengambil langkah yang lebih pro-aktif untuk mencegah atau sama-sama memantau anak-anak atau belia-belie dari terjebak perkara-perkara yang merosak anak-anak, belia-belie itu sendiri dan menjadi bebanan kepada ibu bapa itu sendiri. Kita ibu bapa dan orang ramai tidak seharusnya mengharapkan kepada pihak kerajaan sahaja dalam mengatasi

masalah yang melibatkan belia-belia dan anak-anak masing-masing. Kerana punca utama anak-anak yang terlibat seperti dadah, melepak dan lain-lain ialah kerana kurangnya penghayatan kepada ugama dan ibadah dan kurangnya pemantauan keluarga itu sendiri ketika anak-anak itu berada di rumah mereka masing-masing sepertimana yang menjadi keraguan Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi. Sekian Yang Di-Pertua Dewan. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin:

Selamat tengahari Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu peramba mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang ini untuk membahaskan dan menyampaikan ucapan junjung kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Keenam pada 11 Mac 2010, hari Khamis yang lalu. Usul ini telah dibahaskan dengan terperinci dan jelas oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah seorang Raja yang sangat perihatin dan pemedulian tentang kebajikan rakyat dan penduduk negara ini supaya mereka dapatlah hidup dengan selesa.

Dalam hubungan ini, Titah Baginda membawa mesej yang jelas supaya semua perkara yang dibincangkan di dewan yang mulia ini benar-benar adalah untuk kepentingan rakyat. Dengan projek-projek dilaksanakan dengan sempurna dan tidak dilambatkan atau delay. Dengan demikian pihak-pihak yang berkenaan seperti Menteri-Menteri hendaklah memahami harapan Baginda itu, misalannya dalam memastikan perlaksanaan berbagai-bagai projek dan perkara-perkara lain yang menjurus kepada kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyebut tentang perlunya sebarang kelambatan dan kegagalan mestilah diatasi dengan secepat-cepatnya. Kerana kedua-dua fungsi ini membawa akibat yang sangat buruk kepada negara. Apa projek yang telah dilaksanakan haruslah dijaga dengan sempurna, janganlah tergendala kerana pasal sedikit

masalah kecil yang boleh diselesai antara agensi-agensi Kerajaan sama sendiri.

Sebagai contoh lagi bagi tahun kewangan 2009/2010 Kerajaan Baginda meluluskan budget tambahan sebanyak \$626.8 juta untuk memastikan operasi perkhidmatan Kerajaan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan tidak terjejas oleh krisis ekonomi dunia di samping untuk merangsangkan aktiviti-aktiviti ekonomi. Semua ini adalah kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Titah Baginda ini adalah dijunjung dan peramba bersyukur. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam sejahtera. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bismillahir Rahmanir Rahim. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengabungkan diri bersama dengan Ahli Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji

Awang Abdul Rahman, Menteri Pendidikan bagi menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Keberangkatan Baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara di Musim Permesyuaratan Yang Keenam dan di atas kurnia Titah Baginda di majlis perasmian tersebut.

Yang Di-Pertua Dewan. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan itu adalah sangat-sangat bernas dan lengkap serta penuh dengan pengajaran dan juga sebagai peringatan kepada kita semua akan tanggungjawab tugas dan peranan kita masing-masing. Ianya juga berpandangan jauh ke hadapan dengan isi yang tertentu untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

Baginda ingin memastikan segala permasalahan rakyat dapat diselesaikan dengan baik dan diberikan perhatian dengan serius. Baginda memandang berat tentang kelambatan penyiapan pelaksanaan

projek-projek yang seringkali Baginda timbulkan di beberapa acara-acara lawatan Baginda dan menitahkan supaya dicari punca kesalahan atau kelemahan tersebut yang mana juga akan dapat dipelajari supaya kita tidak akan mengulangi lagi di masa depan.

Kelambatan atau kegagalan dalam pelaksanaan projek itu adalah memberikan akibat yang negatif dan buruk kepada rakyat dan negara ini. Sebagai Raja yang prihatin dan pemedulian terhadap kepentingan rakyat dan negara, Baginda juga telah memperkenankan peruntukan tambahan sebanyak \$626.8 juta semata-mata dengan hasrat supaya perkhidmatan Kerajaan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Baginda juga mementingkan pendidikan yang mempunyai sistem yang betul yang boleh membentuk bidang rohani yang tinggi. Justeru itu kita juga supaya melengkapkan pembangunan negara ini dengan hanya memfokuskan kepada infrastruktur fizikal malah memberikan juga penekanan kepada bidang kerohanian, sekali lagi Baginda menyeru dan memberikan

kepercayaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya kita akan dapat memberikan perhatian sepenuhnya ke atas permasalahan yang dialami oleh rakyat dan penduduk negara ini dan juga termasuklah yang di pedalaman untuk dibincangkan bersama-sama di dewan yang mulia ini. Yang Di-Pertua Dewan sekali lagi saya dengan sepenuhnya menyokong usul yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi, sekian Wabillahit Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu diucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas peluang diberi kepada saya berucap di Majlis ini bagi menyatakan sokongan saya kepada usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam bagi menyembah sepenuh-penuhnya

menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Keberangkatan Baginda pada hari Khamis 11 Mac 2010 dan di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang majlis ini menjunjung kasih sepenuh-penuhnya.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya akan menyentuh dua isu, dua perkara sahaja daripada Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:-

1. Mengenai dengan perkara atau isu yang dibincangkan di Dewan Majlis yang mulia ini oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Baginda menitahkan garis panduan supaya ianya hanyalah perkara-perkara yang penting sahaja. Baginda bertitah setiap perkara yang dibincangkan hendaklah benar-benar mengambil kira permasalahan rakyat dan negara bukannya perkara yang tidak penting, ia mestilah

dilihat dengan serius bukannya dengan sikap sambil leka. Sebarang kenyataan ataupun pandangan perlu disokong dan kajian dengan fakta titah Baginda lagi. Garis panduan yang saya sebutkan itu tadi perlu diambil perhatian oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Majlis ini; dan

2. Mengenai projek yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh tertentu yang ditetapkan ataupun kerja-kerja terbengkalai ataupun projek-projek yang tergendala perlaksanaannya, supaya ianya dikaji dan didalami sebab-sebabnya. Mengapa kegagalan itu boleh berlaku dan apa puncanya mustahaklah dibutirkan selengkap-lengkapnya fakta-fakta tersebut kerana ini sangat besar kegunaannya titah Baginda. Ini bukan kali pertama Baginda menimbulkan isu ini, kita masih ingat Permesyuaratan Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat

Negara pada 12 Mac 2009, Baginda menyeru supaya diadakan kajian akan punca-punca untuk mengatasinya. Semua itu memerlukan kajian dan jawapan tepat untuk mengatasinya Titah Baginda.

Diharap kajian-kajian yang dimaksudkan oleh Baginda itu telahpun dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sekian saja Yang Di-Pertua Dewan, akhirnya sekali lagi saya menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan. Sekian Wabillahit Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Di-Pertua Dewan kerana memberikan peluang kepada saya untuk berucap di majlis ini.

Saya menyokong dengan sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, bagi menyembahkan untuk menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Keberangkatan Baginda Bercemar Duli dan di atas Titah Baginda sempena Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyaurat Negara.

Yang Di-Pertua Dewan, keseluruhan Titah Baginda itu adalah merupakan dasar panduan, nasihat dan saranan kepada Ahli-Ahli Dewan ini dalam menjalankan peranan, tugas dan tanggungjawab sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada musim permesyuaratan ini. Menurut Baginda Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini adalah sebagai saluran bagi menyampaikan dan membahaskan pandangan-pandangan ahli sebagai cara untuk menjana perkembangan dan kemajuan negara. Suara-suara yang dibawa oleh Ahli-Ahli sebelah sini akan dinilai dan diteliti dan jika didapati bersesuaian ianya akan menjadi asas kepada perancangan-perancagnan negara. Di penghujung

Titah Baginda itu Baginda berseru kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat supaya akan lebih peka dengan segala permasalahan rakyat dan penduduk negara ini termasuk yang tinggal di kawasan pedalaman supaya permasalahan mereka itu dibincangkan di dalam Dewan Persidangan ini. Yang Di-Pertua Dewan itulah sahaja yang peramba sampaikan sekian Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu-alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.

Yang Di-Pertua: Ada yang lain.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Yang Di-Pertua Dewan peramba berdiri di sini sebenarnya adalah sebagai menyokong ucapan yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebentar tadi. Memang benar dan memang sungguh-sungguh benar, Titah yang disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini, sebagaimana yang telah dihuraikan satu-persatu oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini adalah menjadi satu panduan yang elok dan baik bukan hanya untuk kita di sini tetapi untuk seluruh rakyat di Negara

Brunei Darussalam ini. Hanya oleh kerana semua Ahli-Ahli yang telah berucap di sini mengulas dan mengucapkan terima kasih. Peramba bersama mengucapkan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Hanya ada harapan peramba di sini.

Oleh kerana seruan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat di Majlis ini ertinya bukan hanya kita di sini termasuklah segala para-para Menteri yang lain, kita berhak bersama-sama. Tapi atas apa jua titah ini kita junjung telah mengakui Titah ini adalah sama. Jadi, yang peramba junjung supaya majlis ini. Apa jua benda yang difikirkan untuk kepentingan Kerajaan atau rakyat di negeri ini hendaklah berunding bersama-sama bukan hanya kepada Menteri Kabinet sahaja tetapi Ahli-Ahli di sini yang mustahak supaya jangan nanti disebut mereka ini sebagai 'Sarung Tangan' sahaja. Apa jua yang disebutkan di sini semua bagus.

Dan ini saya berharap Majlis Mesyuarat ini bukan hanya setahun sekali diadakan. Bila-bila masa perkara yang perlu dibawa kita berunding bersama-sama supaya dapat mengikut sebagaimana Titah

ini supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini dapat sama-sama merundingkan bersama-sama. Banyak perkara yang telah ditanyakan lebih awal dan diterangkan lebih awal yang patutnya peramba percaya mudah-mudahan mesyuarat ini tidak hanya setahun sekali sebagaimana apa yang kita lihat yang sudah-sudah kali yang keenam, cuma setahun sekali kita bermesyuarat. Tetapi saya percaya bila-bila masa ada perkara yang mustahak yang dikehendaki rakyat bersama-sama memberi fikiran akan diadakan walaupun 4, 5 kali dalam setahun.

Banyak perkara yang saya ingin meminta supaya perkara ini. Misalannya satu cadangan yang elok sangat yang panjang lebar diterangkan oleh Menteri yang ada menyebut satu projek yang akan diadakannya PKGN katanya, yang akan dibawakan segala-segalanya dengan panjang lebar telah dijelaskannya. Saya berharap perkara ini bukan hanya dalam rancangan Menteri Kabinet sahaja tetapi bawalah kami bersama-sama berunding, dapat memberi fikiran apa yang dapat dibuat dan apa yang tidak patut. Begitu juga barangkali dapat mendengar berapa banyak

perusahaan-perusahaan produk yang akan disediakan hanya menyebut berapa ribu hektar tanah yang telah ditanam. Tetapi kita tidak dapat mengetahui apa hasil yang akan diterima untuk rakyat sama ada kita sentiasa boleh sekarang berdiri diatas tapak kaki sendiri dengan tidak berkendakkan import beras daripada luar negeri saja.

Jadi peramba menjunjung ampun tidaklah dapat mengolah yang lain-lain pasal itu saja yang peramba junjungkan. Dan lagi sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan. Memang benar apa juga yang dibentangkan oleh Menteri Pendidikan itu. Apa kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memang benar memang untuk kebaikan negara dan rakyat yang dikasihinya ini. Dan akhirnya, harapan saya satu yang saya ketahui bahawa Sekolah Ugama di Lamunin akan dibangunkan. Saya berharap jangan hanya diangan-angan ada sekolahnya, sebagaimana Masjid yang di Kampong di Tutong sana berapa tahun masih dalam tembok kononnya menanti tanah. Jadi saya harap segala-galanya ini akan dapat diselesaikan dengan sempurna dan

dapat digunakan dengan baik untuk menyempurnakan apa jua yang dikehendaki oleh Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Terima Kasih.

Yang Di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, peramba ingin menyentuh cadangan untuk membuat undang-undang rapat daripada setahun sekali adalah sukar kerana di dalam majlis ini hanya dibincangkan apabila Kerajaan merancang untuk membuat undang-undang. Pada hari ini kita perlukan membincangkan Rancangan Undang-Undang Kewangan bagi tahun 2010/2011 dan ada juga sedikit undang-undang yang dibawa yang tidak sempat dibuat dahulu ada juga sedikit. Maka dengan demikian, kita tidak boleh selalu mengadakan majlis mesyuarat ini melainkan ada undang-undang untuk dibentuk menjadi undang-undang. Demikian, terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak-banyak terima kasih

di atas kesempatan ini. Izinkan saya menggabungkan diri saya untuk sama-sama menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. Iaitu menyembahkan dengan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Keberangkatan Baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permsyuaratan Keenam Tahun 2010 dan di atas kurnia Titah Baginda di Majlis Perasmian itu.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kurnia Titah perasmian Baginda adalah penuh dengan nasihat-nasihat dan saranan yang perlu kita amat-amati demi untuk kepentingan kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan negara dan seluruh rakyat. Titah Baginda itu sangat tinggi nilainya bukan sahaja untuk diambil perhatian khusus untuk Ahli-

Ahli Yang Berhormat di dewan ini sahaja, tetapi kepada seluruh jentera Kerajaan dan lapisan rakyat di negara ini.

Di antara lain Baginda ada bertitah; **“Dari sinilah suara-suara akan didengar dan sampai kepada pihak-pihak Kerajaan. Semuanya itu akan dinilai dan diteliti jika didapati bersesuaian ia akan menjadi asas kepada perancangan-perancangan negara”**. Baginda juga seterusnya bertitah **“pihak-pihak dalam Kerajaan pula sentiasa berkewajipan untuk mendekati rakyat dan penduduk dengan maklumat-maklumat yang berguna supaya mereka sama-sama dapat merasakan betapa mustahaknya negara, merancang dan membangun untuk kemajuan”**. Baginda juga ada menyentuh mengenai projek-projek yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

“Apa alasannya maka berlaku yang demikian itu. Inilah yang perlu kita kaji dan dalam sebab-sebabnya sama ada dari pihak Kerajaan sendiri mahupun pihak pengusaha”, Titah Baginda. Saya berpendapat dialog-dialog ber-

terusan di antara pihak Kerajaan secara menyeluruh yang terlibat mengendalikan projek-projek Kerajaan dengan pihak-pihak pengusaha, konsultan dan orang ramai.

Kedua-dua pihak mestilah dengan minda terbuka dan bersikap transparent tanpa menghiraukan siapa yang bersalah atau finger pointing. Matlamat utama kita bersama adalah untuk mencari punca atau sebab projek-projek tergendala dan seterusnya mencari penyelesaian, insya-Allah. Dengan kebijaksanaan Baginda menerajui kepimpinan negara, kini Negara Brunei Darussalam sedang rancak dengan pembangunan ekonomi. Alhamdulillah sosial-ekonomi negara terus kukuh dan stabil. Hasil pendapatan Negara meningkat dan terus mampu untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan.

Yang Di-Pertua Dewan, kita diberi kepercayaan untuk membincangkan dan insya-Allah meluluskan Peruntukkan Perbelanjaan 2010/2011 yang hampir berjumlah \$5 billion. Saya percaya jika kita diberi masa secukupnya untuk membincangkan perbelanjaan

perbelanjaan ini. Insyaa-Allah kita akan dapat menyelesaikannya dalam tempoh yang kita fikirkan bersesuaian.

Baginda juga mengingatkan kita bahawa dalam perkara pembangunan kita perlulah memahami bahawa pembangunan yang lengkap itu bukan semata-mata di fokus kepada infrastruktur fizikal sahaja. Tetapi juga mesti memberikan penekanannya kepada bidang rohani. Kedua-duanya fizikal dan rohani mestilah seimbang dibangunkan kerana itu Baginda seringkali bertitah mengenai pendidikan. Pendidikan adalah pelaburan sepanjang hayat yang tidak boleh diabaikan dasarnya mestilah sihat dan sistemnya mestilah betul.

Dasar dan sistem yang baik ialah dasar dan sistem yang mampu untuk membangunkan rohani bukan membaca kitab-kitab. Akhir sekali Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara bertitah supaya Ahli-Ahli

Majlis Mesyuarat akan dapat lebih peka kepada segala permasalahan-permasalahan yang dialami oleh rakyat dan penduduk negara ini termasuk yang tinggal dikawasan-kawasan pedalaman dan membawa permasalahan tersebut untuk dibincangkan di dalam dewan yang mulia ini. Di kesempatan ini, saya juga ingin menyebarkan dengan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Baginda Bercemar Duli berkenan menyampaikan, menyempurnakan majlis Penganugerahan Gerangan Tanah Di Bawah Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara dan Anak-anak Kunci Rumah Di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Lumapas "A" pada 18 Ogos 2010. Dan seterusnya berangkat kediaman penerima geran tanah dan anak-anak kunci rumah. Ini membuktikan keprihatinan Baginda terhadap kesejahteraan rakyat di negara ini. Sekian. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Yang Berhormat, Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertama peramba terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak-banyak terima kasih di atas kesempatan ini. Izinkanlah peramba mengabungkan diri untuk sama-sama sepenuhnya menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam iaitu menyebarkan dengan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Keberangkatan Baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Negara Pertama Dari Musim Permesyuaratan yang Keenam Tahun 2010 di atas Kurnia Titah Baginda di Majlis perasmian tersebut.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Kurnia Titah perasmian Baginda adalah padat dengan isi yang penuh makna dan membuka sasaran matlamat yang jauh ke hadapan demi meningkatkan Wawasan Negara. Titah Baginda itu sangat tinggi nilainya bukan sahaja untuk diamat-amati khusus oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di dewan ini. Tetapi juga pihak-pihak yang berkenaan dan lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini. Antara lain hasrat Titah Baginda supaya mendengar suara-suara untuk disampaikan kepada pihak Kerajaan dan mendekati rakyat agar sama-sama merasa pembangunan dan kemajuan Kerajaan termasuklah segala permasalahan yang dialami penduduk mahupun kawasan di pedalaman. Di samping sihat berbelanja tanpa bergantung dengan beban hutang. Baginda berharap supaya ekonomi ini akan terjamin. Termasuklah juga Titah Baginda mengapa kegagalan boleh berlaku dengan diselesaikan di mana belajar dari kesilapan, mengetahui di mana punca dan penyebabnya. Dalam mengetahui penyebabnya, perlu lebih cepat untuk mengatasi agar tidak akan berulang.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Alhamdulillah dengan kebijaksanaan Baginda menerajui kepimpinan negara ini, dengan sistem yang mengutamakan rakyat, maka dapatlah negara menikmati pelbagai keistimewaan, mengekalkan kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan serta ketenteraman yang sukar diperolehi oleh negara-negara lain.

Antara lain Baginda mengharapkan, tidak semata-mata bergantung sepenuhnya kepada pendapatan minyak dan gas, namun kita perlu membangun dan memfokus keadaan fizikal dan rohani supaya seimbang dibangun dengan pelbagai ekonomi. Bidang pendidikan juga amat penting untuk kekal diutamakan dengan sikap sihat dan dasar yang mesti betul dan baik untuk menjana dasar dan sistem yang mampu membangun rohani yang bukan melemahkannya.

Setiap permesyuaratan, Baginda juga merayu kepada Ahli-Ahli Mesyuarat supaya lebih peka memantau, melihat permasalahan yang dialami oleh rakyat, tidak terkecuali penduduk yang tinggal dikawasan pedalaman untuk dibincang sama.

Di kesempatan ini, peramba ingin menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana tidak ada tulus bandingnya di rantau ini, yang sangat-sangat prihatin terhadap rakyatnya. Terutamanya rakyat yang tidak mengira apa bangsa yang sama-sama bernaung di Negara Brunei Darussalam. Raja yang adil, rakyat sanjung. Raja yang pemurah, rakyat mensyukuri. Raja yang pengasih, seluruh rakyat menyayangi. Sekian Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan kerana memberi peluang untuk saya berucap. Bahawa sesungguhnya saya dengan hati yang tulus ikhlas bersetuju dan menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang

Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan. Dalam menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas perkenan Baginda mengurniakan Titah di Majlis Pembukaan Rasmi Musim Permesyuaratan Keenam di dewan yang mulia ini pada hari Khamis yang baru berlalu.

Saya amat menjunjung tinggi akan Titah Baginda kerana isi kandungan titah Baginda telah memberi kesan dan isyarat yang mendalam di dalam sanubari saya supaya persidangan ini dijadikan saluran bagi menyampaikan permasalahan rakyat di Daerah Belait yang wakili khasnya dan rakyat Brunei amnya. Dalam membahaskan serta memberi apa jua pandangan-pandangan berpandukan fakta-fakta yang termampu dan yang bersesuaian untuk dijadikan asas perancangan-perancangan untuk menjana perkembangan dan kemajuan ekonomi negara.

Saya sungguh kagum dan bangga kerana mempunyai seorang Raja dan Ketua Negara yang mempunyai wisdom yang sungguh tinggi dan berpandangan jauh ke depan dan beyond. Berkeinginan untuk melihat negaranya maju bukan sahaja di bidang fizikal bahkan juga di bidang rohani. Sememangnya pembangunan yang lengkap itu bukan semata-mata difokuskan kepada infrastruktur fizikal tetapi juga mestilah memberikan tumpuan dan penekanan kepada bidang rohani. Kedua-duanya mestilah seimbang dibangun demikian antara lain Titah Baginda pada hari Khamis 11 haribulan Mac 2010 Masehi yang baru lalu.

Demikian juga kita seharusnya janganlah alpa dan memandang sambil lewa terhadap pembangunan di kawasan-kawasan pedalaman. Perhatian dan keutamaan juga perlu dipertimbangkan demi kesejahteraan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut. Jika kita mengambil kira semua saranan yang telah dititahkan oleh Baginda itu, dan dapat melaksanakan dengan sebaik-baiknya, insya-Allah, bangsaku, negaraku, Brunei Darussalam akan sentiasa berada dalam keadaan selamat, aman, damai duniawi dan

ukhrawi. Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan, sekian saja yang peramba dapat sampaikan. Terima kasih.

Yang Di-Pertua: Mesyuarat hari ini ditangguhkan pada jam 4.00 dan disambung semula pada 15 haribulan Mac 2010 jam 9.30 pagi.

Sekali lagi saya ingin menerangkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, selalunya apabila membawa dan menyuarakan cadangan dalam majlis ini, janganlah dibawa sekali lagi apabila perkara itu telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli lain. Jadi kita nanti akan banyak membuang masa kerana masa kita di dalam majlis ini sangat berharga walau satu second sekalipun sungguh berharga. Maka kerana itu, dalam mengemukakan ucapan-ucapan di dalam majlis ini, hendaklah berhati-hati dan fikirkan bahawa perkara itu belum sampai ke majlis ini, bolehlah dipercakapkan. Demikian majlis ini saya tangguhkan sehingga 15 haribulan Mac iaitu Hari Isnin, jam 9.30 pagi. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan) akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji

Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohamed Taib: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Di-Pertua Dewan, dengan segala hormatnya saya ingin memohon keizinan kepada Yang Di-Pertua Dewan untuk membentangkan di atas meja Kertas No: 1 Tahun 2010 yang bertajuk Senarai Perintah-Perintah Darurat Yang Telah Diluluskan Dalam Tahun 2009 Menurut Fasal 83 Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih.

Jurutulis: Kertas No: 2 Tahun 2010 yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi

DEWAN MAJLIS**Isnin, 29 Rabiulawal 1430 / 15 Mac 2010**

Secara tidak langsung Baginda mengharapkan supaya mereka (rakyat dan penduduk) negara ini dapat sama-sama bertanggungjawab betapa mustahaknya negara memerlukan rancangan untuk memajukan demi kemajuan rakyat dan negara.

Selain daripada itu Baginda mengharapkan supaya perkara-perkara dibincangkan atau dibahasakan di dalam Dewan ini mestilah mengambilkira keperluan rakyat dan Negara atau lain perkataan setiap perkara cadangan, projek hendaklah dibincang dengan serious dan telus serta berhati-hati supaya ianya benar-benar menjadi kenyataan sebagai perkara cadangan atau projek diperlukan untuk rakyat demi kemajuan negara.

Dalam satu-satu perbincangan sama ada pandangan atau kenyataan Baginda mengharapkan mestilah ada fakta atau asas yang kukuh supaya segala perbincangan dan perbincangan tidak terkeluar atau lari dari tujuan asal iaitu untuk membangun kemajuan negara dengan jaya dan siap sempurna supaya dapat dinikmati oleh rakyat.

Baginda mengambil contoh ada projek-projek yang terbangkalai atau tidak dapat disiapkan seperti yang telah dijadual atau dalam tempoh tertentu. Atas alasan inilah Baginda menginginkan mengingatkan kepada Ahli-Ahli Dewan supaya tidak bersikap sambil lewa hendaklah dengan berhati-hati atau serious menghadapi untuk melaksanakan satu-satu rancangan atau satu-satu projek mega atau sebaliknya supaya ianya tidak tersasar dari tujuan asal.

Dalam pada itu, Baginda menitahkan supaya pihak yang berkenaan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi atau mencari satu formula bagi membantu menyelesaikan masalah-masalah kelambatan menyiapkan projek-projek mengikut jadual dan kegagalan mencapai sasaran.

Secara peribadi saya menaruh keyakinan sepenuhnya kepada pihak-pihak yang mengendali satu-satu projek mereka ini dan Pegawai-pegawai Pentadbir dan pelaksana telah mempunyai pengalaman setelah mereka ini berulang kali atau berhadapan dengan perkara-perkara

yang sama sejak dahulu lagi walaupun perkara itu di luar dugaan dan perancangan. Secara tidak langsung Baginda menitahkan dengan ada kegagalan ialah merupakan satu asas bagi pihak berkenaan akan dapat mengkaji dan belajar bagi tujuan untuk mengetahui dan mengatasi kesilapan yang di luar perancangan atau perkara apa yang timbul mendatang.

Di samping itu, Baginda melahirkan kebimbangan disebabkan kegagalan atau kelambatan dalam pelaksanaan satu-satu projek akan mendatangkan keburukan kepada negara seperti memerlukan peruntukan yang lebih besar dan menghadapi keadaan pasaran sekitar melambong naik.

Dalam bidang sosio-ekonomi atau kepimpinan dengan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dengan langkah-langkah dan tindakan Baginda yang mantap lagi sihat, rakyat seharusnya bersyukur bersama-sama Baginda kerana telah berbelanja tanpa bergantung harap kepada pihak lain. Dalam menyelesaikan kewangan pada 2009/2010. Bagi patik dan pihak yang berkenaan operasi perkhidmatan Kerajaan menjunjung kasih setinggi-tingginya.

Dalam bidang pendidikan, Baginda bertitah dan mengakui tidak bosan-bosan menyarankan supaya pendidikan tidak diabaikan oleh semua pihak atau seluruh rakyat kerana pendidikan adalah pelaburan

yang bernilai untuk sepanjang hayat dan bukan hanya negara yang lebih menfaatnya untuk diri individu itu serta keluarga masing-masing. Dalam hubungan ini Baginda menitahkan supaya pendidikan fizikal dan rohani hendaklah diseimbangkan dan dimiliki oleh setiap individu dengan adanya yang seimbang untuk dunia dan akhirat (ugama).

Majlis yakin dapat mengurangkan atau mengelakkan gejala-gejala sosial yang kurang sihat yang telahpun melibatkan sebahagian penduduk dan rakyat negara ini. Dalam perkara ini Yang Di-Pertua Dewan, majlis menyeru dan merayu kepada pihak-pihak ibu bapa, keluarga, badan-badan kebajikan, persatuan-persatuan belia supaya sama-sama mengambil langkah yang lebih pro-aktif untuk mencegah atau sama-sama memantau anak-anak atau belia-belie dari terjebak perkara-perkara yang merosak anak-anak, belia-belie itu sendiri dan menjadi bebanan kepada ibu bapa itu

sendiri. Kita ibu bapa dan orang ramai tidak seharusnya mengharapkan kepada pihak kerajaan sahaja dalam mengatasi masalah yang melibatkan belia-belia dan anak-anak masing-masing. Kerana punca utama anak-anak yang terlibat seperti dadah, melepak dan lain-lain ialah kerana kurangnya penghayatan kepada ugama dan ibadah dan kurangnya pemantauan keluarga itu sendiri ketika anak-anak itu berada di rumah mereka masing-masing sepertimana yang menjadi keraguan Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi. Sekian Yang Di-Pertua Dewan. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin:

Selamat tengahari Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu peramba mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang ini untuk membahaskan dan menyampaikan ucapan junjung kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Keenam pada 11 Mac 2010, hari Khamis yang lalu. Usul ini telah dibahaskan dengan terperinci dan jelas oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri

Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah seorang Raja yang sangat perihatin dan pemedulian tentang kebajikan rakyat dan penduduk negara ini supaya mereka dapatlah hidup dengan selesa.

Dalam hubungan ini, Titah Baginda membawa mesej yang jelas supaya semua perkara yang dibincangkan di dewan yang mulia ini benar-benar adalah untuk kepentingan rakyat. Dengan projek-projek dilaksanakan dengan sempurna dan tidak dilambatkan atau *delay*. Dengan demikian pihak-pihak yang berkenaan seperti Menteri-Menteri hendaklah memahami harapan Baginda itu, misalannya dalam memastikan pelaksanaan berbagai-bagai projek dan perkara-perkara lain yang menjurus kepada kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyebut tentang perlunya sebarang kelambatan dan kegagalan mestilah diatasi dengan secepat-cepatnya. Kerana kedua-dua fungsi ini membawa akibat yang sangat buruk kepada negara. Apa projek yang telah dilaksanakan haruslah dijaga dengan sempurna, janganlah

tergendala kerana pasal sedikit masalah kecil yang boleh diselesai antara agensi-agensi Kerajaan sama sendiri.

Sebagai contoh lagi bagi tahun kewangan 2009/2010 Kerajaan Baginda meluluskan *budget* tambahan sebanyak \$626.8 juta untuk memastikan operasi perkhidmatan Kerajaan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan tidak terjejas oleh krisis ekonomi dunia di samping untuk merangsangkan aktiviti-aktiviti ekonomi. Semua ini adalah kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Titah Baginda ini adalah dijunjung dan peramba bersyukur. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam sejahtera. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bismillahir Rahmanir Rahim. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengabungkan diri bersama dengan Ahli Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang

Abdul Rahman, Menteri Pendidikan bagi menyebarkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Keberangkatan Baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara di Musim Permesyuaratan Yang Keenam dan di atas kurnia Titah Baginda di majlis perasmian tersebut.

Yang Di-Pertua Dewan. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan itu adalah sangat-sangat bernas dan lengkap serta penuh dengan pengajaran dan juga sebagai peringatan kepada kita semua akan tanggungjawab tugas dan peranan kita masing-masing. Ianya juga berpandangan jauh ke hadapan dengan isi yang tertentu untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

Baginda ingin memastikan segala permasalahan rakyat dapat diselesaikan dengan baik dan diberikan perhatian dengan serius. Baginda memandang berat tentang kelambatan penyediaan pelaksanaan projek-projek yang seringkali Baginda timbulkan di beberapa

acara-acara lawatan Baginda dan menitahkan supaya dicari punca kesalahan atau kelemahan tersebut yang mana juga akan dapat dipelajari supaya kita tidak akan mengulangi lagi di masa depan.

Kelambatan atau kegagalan dalam pelaksanaan projek itu adalah memberikan akibat yang negatif dan buruk kepada rakyat dan negara ini. Sebagai Raja yang prihatin dan pemedulian terhadap kepentingan rakyat dan negara, Baginda juga telah memperkenankan peruntukan tambahan sebanyak \$626.8 juta semata-mata dengan hasrat supaya perkhidmatan Kerajaan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Baginda juga mementingkan pendidikan yang mempunyai sistem yang betul yang boleh membentuk bidang rohani yang tinggi. Justeru itu kita juga supaya melengkapkan pembangunan negara ini dengan hanya memfokuskan kepada infrastruktur fizikal malah memberikan juga penekanan kepada bidang kerohanian, sekali lagi Baginda menyeru dan memberikan kepercayaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya kita akan dapat memberikan perhatian sepenuhnya ke atas permasalahan yang dialami

oleh rakyat dan penduduk negara ini dan juga termasuklah yang di pedalaman untuk dibincangkan bersama-sama di dewan yang mulia ini. Yang Di-Pertua Dewan sekali lagi saya dengan sepenuhnya menyokong usul yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi, sekian Wabillahit Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu diucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas peluang diberi kepada saya berucap di Majlis ini bagi menyatakan sokongan saya kepada usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam bagi menyembah sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Keberangkatan Baginda pada hari

Khamis 11 Mac 2010 dan di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang majlis ini menjunjung kasih sepenuhnya.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya akan menyentuh dua isu, dua perkara sahaja daripada Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:-

1. Mengenai dengan perkara atau isu yang dibincangkan di Dewan Majlis yang mulia ini oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Baginda menitahkan garis panduan supaya ianya hanyalah perkara-perkara yang penting sahaja. Baginda bertitah setiap perkara yang dibincangkan hendaklah benar-benar mengambil kira permasalahan rakyat dan negara bukannya perkara yang tidak penting, ia mestilah dilihat dengan serius bukannya dengan sikap sambil leka. Sebarang kenyataan ataupun pandangan perlu disokong dan kajian dengan fakta titah

Baginda lagi. Garis panduan yang saya sebutkan itu tadi perlu diambil perhatian oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Majlis ini; dan

2. Mengenai projek yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh tertentu yang ditetapkan ataupun kerja-kerja terbengkalai ataupun projek-projek yang tergendala perlaksanaannya, supaya ianya dikaji dan didalami sebab-sebabnya. Mengapa kegagalan itu boleh berlaku dan apa puncanya mustahaklah dibuktikan selengkap-lengkapnya fakta-fakta tersebut kerana ini sangat besar kegunaannya titah Baginda. Ini bukan kali pertama Baginda menimbulkan isu ini, kita masih ingat Permesyuaratan Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Majlis Mesyuarat Negara pada 12 Mac 2009, Baginda menyeru supaya diadakan kajian akan punca-punca untuk mengatasinya. Semua itu memerlukan kajian dan jawapan tepat untuk mengatasinya Titah Baginda.

Diharap kajian-kajian yang dimaksudkan oleh Baginda itu telahpun dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sekian saja Yang Di-Pertua Dewan, akhirnya sekali lagi saya menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan. Sekian Wabillahit Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Di-Pertua Dewan kerana memberikan peluang kepada saya untuk berucap di majlis ini. Saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, bagi menyembahkan untuk menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Keberangkatan Baginda Bercemar Duli dan di atas Titah Baginda

sempena Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyaurat Negara.

Yang Di-Pertua Dewan, keseluruhan Titah Baginda itu adalah merupakan dasar panduan, nasihat dan saranan kepada Ahli-Ahli Dewan ini dalam menjalankan peranan, tugas dan tanggungjawab sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada musim permesyuaratan ini. Menurut Baginda Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini adalah sebagai saluran bagi menyampaikan dan membahaskan pandangan-pandangan ahli sebagai cara untuk menjana perkembangan dan kemajuan negara. Suara-suara yang dibawa oleh Ahli-Ahli sebelah sini akan dinilai dan diteliti dan jika didapati bersesuaian ianya akan menjadi asas kepada perancangan-perancangan negara. Di penghujung Titah Baginda itu Baginda berseru kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat supaya akan lebih peka dengan segala permasalahan rakyat dan penduduk negara ini termasuk yang tinggal di kawasan pedalaman supaya permasalahan mereka itu dibincangkan di dalam Dewan Persidangan ini. Yang Di-Pertua Dewan itulah sahaja yang peramba sampaikan sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu-

alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.

Yang Di-Pertua: Ada yang lain.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Yang Di-Pertua Dewan peramba berdiri di sini sebenarnya adalah sebagai menyokong ucapan yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebentar tadi. Memang benar dan memang sungguh-sungguh benar, Titah yang disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini, sebagaimana yang telah dihuraikan satu-persatu oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini adalah menjadi satu panduan yang elok dan baik bukan hanya untuk kita di sini tetapi untuk seluruh rakyat di Negara Brunei Darussalam ini. Hanya oleh kerana semua Ahli-Ahli yang telah berucap di sini mengulas dan mengucapkan terima kasih. Peramba bersama mengucapkan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Hanya ada harapan peramba di sini.

Oleh kerana seruan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat di Majlis ini ertinya bukan hanya kita di sini termasuklah segala para-para Menteri yang lain,

kita berhak bersama-sama. Tapi atas apa jua titah ini kita junjung telah mengakui Titah ini adalah sama. Jadi, yang peramba junjung supaya majlis ini. Apa jua benda yang difikirkan untuk kepentingan Kerajaan atau rakyat di negeri ini hendaklah berunding bersama-sama bukan hanya kepada Menteri Kabinet sahaja tetapi Ahli-Ahli di sini yang mustahak supaya jangan nanti disebut mereka ini sebagai 'Sarung Tangan' sahaja. Apa jua yang disebutkan di sini semua bagus.

Dan ini saya berharap Majlis Mesyuarat ini bukan hanya setahun sekali diadakan. Bila-bila masa perkara yang perlu dibawa kita berunding bersama-sama supaya dapat mengikut sebagaimana Titah ini supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini dapat sama-sama merundingkan bersama-sama. Banyak perkara yang telah ditanyakan lebih awal dan diterangkan lebih awal yang patutnya peramba percaya mudah-mudahan mesyuarat ini tidak hanya setahun sekali sebagaimana apa yang kita lihat yang sudah-sudah kali yang keenam, cuma setahun sekali kita bermesyuarat. Tetapi saya percaya bila-bila masa ada perkara yang mustahak yang dikehendaki rakyat bersama-sama memberi fikiran akan diadakan walaupun 4, 5 kali dalam

setahun.

Banyak perkara yang saya ingin meminta supaya perkara ini. Misalannya satu cadangan yang elok sangat yang panjang lebar diterangkan oleh Menteri yang ada menyebut satu projek yang akan diadakannya PKGN katanya, yang akan dibawakan segala-segalanya dengan panjang lebar telah dijelaskannya. Saya berharap perkara ini bukan hanya dalam rancangan Menteri Kabinet sahaja tetapi bawalah kami bersama-sama berunding, dapat memberi fikiran apa yang dapat dibuat dan apa yang tidak patut. Begitu juga barangkali dapat mendengar berapa banyak perusahaan-perusahaan produk yang akan disediakan hanya menyebut berapa ribu hektar tanah yang telah ditanam. Tetapi kita tidak dapat mengetahui apa hasil yang akan diterima untuk rakyat sama ada kita sentiasa boleh sekarang berdiri diatas tapak kaki sendiri dengan tidak berkendakkan import beras daripada luar negeri saja.

Jadi peramba menjunjung ampun tidaklah dapat mengolah yang lain-lain pasal itu saja yang peramba junjungkan. Dan lagi sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan. Memang benar apa juga yang

dibentangkan oleh Menteri Pendidikan itu. Apa kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memang benar memang untuk kebaikan negara dan rakyat yang dikasihinya ini. Dan akhirnya, harapan saya satu yang saya ketahui

bahawa Sekolah U gama di Lamunin akan dibangunkan. Saya berharap jangan hanya diangan-angan ada sekolahnya, sebagaimana Masjid yang di Kampong di Tutong sana berapa tahun masih dalam tembok kononnya menanti tanah. Jadi saya harap segala-galanya ini akan dapat diselesaikan dengan sempurna dan dapat digunakan dengan baik untuk menyempurnakan apa jua yang dikehendaki oleh Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Terima Kasih.

Yang Di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, peramba ingin menyentuh cadangan untuk membuat undang-undang rapat daripada setahun sekali adalah sukar kerana di dalam majlis ini hanya dibincangkan apabila Kerajaan merancang untuk membuat undang-undang. Pada hari ini kita perlukan membincangkan Rancangan Undang-Undang Kewangan bagi tahun 2010/2011 dan ada juga sedikit undang-undang yang dibawa yang tidak sempat dibuat dahulu ada

juga sedikit. Maka dengan demikian, kita tidak boleh selalu mengadakan majlis mesyuarat ini melainkan ada undang-undang untuk dibentuk menjadi undang-undang. Demikian, terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan sebanyak-banyak terima kasih di atas kesempatan ini. Izinkan saya menggabungkan diri saya untuk sama-sama menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. Iaitu menyembahkan dengan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Keberangkatan Baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Tahun 2010 dan

di atas kurnia Titah Baginda di Majlis Perasmian itu.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kurnia Titah perasmian Baginda adalah penuh dengan nasihat-nasihat dan saranan yang perlu kita amat-amati demi untuk kepentingan kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan negara dan seluruh rakyat. Titah Baginda itu sangat tinggi nilainya bukan sahaja untuk diambil perhatian khusus untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat di dewan ini sahaja, tetapi kepada seluruh jentera Kerajaan dan lapisan rakyat di negara ini.

Di antara lain Baginda ada bertitah; **“Dari sinilah suara-suara akan didengar dan sampai kepada pihak-pihak Kerajaan. Semuanya itu akan dinilai dan diteliti jika didapati bersesuaian ia akan menjadi asas kepada perancangan-perancangan negara”**. Baginda juga seterusnya bertitah **“pihak-pihak dalam Kerajaan pula sentiasa berkewajipan untuk mendekati rakyat dan penduduk dengan maklumat-maklumat yang berguna supaya mereka sama-sama dapat merasakan betapa mustahaknya negara, merancang dan membangun**

untuk kemajuan". Baginda juga ada menyentuh mengenai projek-projek yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

"Apa alasannya maka berlaku yang demikian itu. Inilah yang perlu kita kaji dan dalam sebab-sebabnya sama ada dari pihak Kerajaan sendiri mahupun pihak pengusaha", Titah Baginda. Saya berpendapat dialog-dialog berterusan di antara pihak Kerajaan secara menyeluruh yang terlibat mengendalikan projek-projek Kerajaan dengan pihak-pihak pengusaha, konsultan dan orang ramai.

Kedua-dua pihak mestilah dengan minda terbuka dan bersikap *transparent* tanpa menghiraukan siapa yang bersalah atau *finger pointing*. Matlamat utama kita bersama adalah untuk mencari punca atau sebab projek-projek tergendala dan seterusnya mencari penyelesaian, insya-Allah. Dengan kebijaksanaan Baginda menerajui kepimpinan negara, kini Negara Brunei Darussalam sedang rancak dengan pembangunan ekonomi. Alhamdulillah sosial-ekonomi negara terus kukuh dan stabil. Hasil pendapatan Negara meningkat dan terus mampu untuk menampung perbelanjaan perbelanjaan Kerajaan.

Yang Di-Pertua Dewan, kita diberi kepercayaan untuk membincangkan dan insya-Allah meluluskan Peruntukkan Perbelanjaan 2010/2011 yang hampir berjumlah \$5 billion. Saya percaya jika kita diberi masa secukupnya untuk membincangkan perbelanjaan-perbelanjaan ini. Insya-Allah kita akan dapat menyelesaikannya dalam tempoh yang kita fikirkan bersesuaian.

Baginda juga mengingatkan kita bahawa dalam perkara pembangunan kita perlulah memahami bahawa pembangunan yang lengkap itu bukan semata-mata di fokus kepada infrastruktur fizikal sahaja. Tetapi juga mesti memberikan penekanannya kepada bidang rohani. Kedua-duanya fizikal dan rohani mestilah seimbang dibangun kerana itu Baginda seringkali bertitah mengenai pendidikan. Pendidikan adalah pelaburan sepanjang hayat yang tidak boleh diabaikan dasarnya mestilah sihat dan sistemnya mestilah betul.

Dasar dan sistem yang baik ialah dasar dan sistem yang mampu untuk membangunkan rohani bukan membaca kitab-kitab. Akhir sekali Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara bertitah supaya Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat akan dapat lebih peka kepada segala permasalahan-permasalahan yang dialami oleh rakyat dan penduduk negara ini termasuk yang tinggal dikawasan-kawasan pedalaman dan membawa permasalahan tersebut untuk dibincangkan di dalam dewan yang mulia ini. Di kesempatan ini, saya juga ingin menyebarkan dengan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Baginda Bercemar Duli berkenan menyampaikan, menyempurnakan Majlis Penganugerahan Gerangan Tanah Di Bawah Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara dan Anak-anak Kunci Rumah Di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Lumapas "A" pada 18 Ogos 2010. Dan seterusnya berangkat kediaman penerima geran tanah dan anak-anak kunci rumah. Ini membuktikan keprihatinan

Baginda terhadap kesejahteraan rakyat di negara ini. Sekian. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Yang Berhormat, terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertama peramba terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbilang-banyak terima kasih di atas kesempatan ini. Izinkanlah peramba mengabungkan diri untuk sama-sama sepenuhnya menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam iaitu menyebarkan dengan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Keberangkatan Baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Negara Pertama Dari Musim Permesyuaratan yang Keenam Tahun 2010 di atas Kurnia Titah Baginda di Majlis Perasmian

Akidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah dan Mazhab Shafiee. Dengan cara ini Ugama Islam telah memberi sumbangan yang besar dan membawa keamanan dan kesejahteraan kepada Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan bijaksana Raja-Raja Brunei yang ditaati oleh rakyatnya.

Berpegang kepada aliran akidah dan mazhab tersebut serta kesederhanaan dalam amalan beragama itu telah memperkukuhkan Islam di Negara Brunei dan menguatkan lagi iman kaum muslimin di Brunei serta Syiar Islam semakin bersinar di Brunei.

Dengan keadaan sedemikian itu menjadilah rakyat ...

Yang Di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, berapa panjang lagi yang akan berbicara?

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Sekarang ani sampai muka 5, ani sampai muka 8, ada 3 muka lagi, mungan ampun. Tapi taipnya jarak jauh.

Yang Di-Pertua: Cukup jelas, Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Jadi berhenti tah ni?

Oleh yang demikian peramba telah diminta oleh pembawa Usul ini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli semua, yang telah menyokong Usul yang dibawanya bagi menyembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, menjunjung kasih di atas keberangkatan Baginda dan kurnia titah Baginda kepada majlis ini. Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih. Ahli-Ahli lain? Sekiranya Ahli-Ahli lain sama ada Yang Dilantik atau Kerajaan tidak akan mengambil bahagian.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada perbincangan yang lain. Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya Usul daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah dibahaskan dan mendapat sokongan penuh daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Maka yang demikian saya ingin bertanya, siapa yang bersetuju kepada Usul ini, sila angkat tangan. (Semua Ahli mengangkat tangan).

Siapa yang tidak bersetuju? (Tidak ada)

Dilihat pada keseluruhan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Nampaknya ramai Ahli-Ahli yang bersetuju. Maka dengan sendirinya Usul menjunjung kasih Kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan diluluskan.

Jurutulis: Perkara yang Ketujuh, Rang Undang-Undang yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Dengan segala hormatnya Peramba menjunjung izin mengemukakan bagi pihak Menteri Kewangan "**Suatu Rang Undang-Undang Yang Bergelar Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2010/2011 dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang**

Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu" untuk bacaan kali pertama. Menjunjung kasih.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang menyokong sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Jurutulis: "**Suatu Rang Undang-Undang Yang Bergelar Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2010/ 2011 dan Untuk Memperuntukkan Wang Yang Disebutkan Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu"**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, peramba menjunjung izin bagi memaklumkan pada Majlis ini bahawa peramba akan mengemukakan cadangan untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2010/2011 dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu"** pada mesyuarat hari ini jua.

Oleh kerana peramba bercadang untuk membawa bacaan yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang tersebut pada hari ini jua, maka peramba menjunjung kebenaran Tuan Peramba supaya digantungkan Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara supaya dibolehkan dibuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini. Permohonan peramba ini adalah samata-mata untuk membolehkan Majlis ini memudahkan kerja-kerjanya dengan lebih licin lagi.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat setelah mendengar huraian ringkas daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II saya izinkan supaya Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan untuk membolehkan Rang Undang-Undang yang bergelar “Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2010/2011 Dan Bagi Memperuntukan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu” dibaca pada kali kedua dan ketiga menurut syarat 48(3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Yang Di-

Pertua Dewan, peramba menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas izin Tuan Peramba untuk peramba mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Yang Bergelar **“Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2010/2011 Dan Bagi Memperuntukan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu”** dibaca bagi kali yang kedua.

Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil’alamin, Wassalatu Wassalamu’ala Asyrafil Ambiya Ewal Mursaliin, Sayyidina Muhammadin, Wa’ala Alihi Wasahbihi Ajma’in, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

2. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah **“Untuk membenarkan pengeluaran, sejumlah, Empat Ribu, Sembilan Ratus Lapan Puluh Lima Juta, Tujuh Ratus Lapan Puluh Lima Ribu, Enam Ratus Ringgit Brunei (B\$4,985,785,600.00) dari Kumpulan wang Yang Disatukan, bagi perkhidmatan**

Tahun Kewangan 2010/2011, dan untuk memperuntukannya, bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual”. Dalam berbuat demikian, saya memohon izin Yang Di-Pertua Dewan bagi menghuraikan secara ringkas mengenai dengan perkembangan ekonomi negara pada tahun 2009, dan juga isu-isu utama ekonomi dan geo-politik global khususnya yang berkaitan dan mempunyai impak ataupun kesan langsung terhadap sosio-ekonomi negara ini.

Insyallah, saya juga akan mengongsikan faktor-faktor utama yang diambil kira dalam merancang Belanjawan Negara termasuk mengenai fokus belanjawan dan cabaran-cabaran yang bakal dihadapi dalam Tahun Kewangan 2010/2011 yang akan datang.

Yang Di-Pertua Dewan.

3. Pada keseluruhannya krisis kewangan dan ekonomi yang melanda dunia pada tahun 2008 yang lalu nampaknya telah dapat ditangani dengan berkesan. Keupayaan ekonomi global dalam mencapai pemulihan setakat ini adalah hasil tindakbalas dasar yang kukuh (strong policy responses), di seluruh dunia terhadap krisis kewangan global berkenaan. Setakat ini dasar-dasar fiskal dan monetari yang telah dilaksanakan,

Alhamdulillah, telah dapat mengawal permintaan dunia (global demand) dari terus merosot dan telah juga dapat mengurangkan ‘systemic risk’ dalam pasaran kewangan. Keadaan ini telah mula mengembalikan aktibiti-aktibiti perekonomian global selepas menurun sejak suku keempat tahun 2008. Pihak International Monetary Fund (IMF) telah beberapa kali membuat perubahan pada ramalan pertumbuhan ekonomi global dengan meningkatkan anjuran bagi tahun 2009 dan 2010.

4. Walau bagaimanapun, proses pemulihan ini masih dalam keadaan rapuh (fragile). Pasaran kewangan masih sangat ‘sensitive’ kepada laporan-laporan dan perangkaan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Ini dapat dilihat melalui reaksi pasaran misalnya terhadap kadar pengangguran; defisit-defisit kewangan dan kadar hutang awam yang tinggi di beberapa buah negara ekonomi utama dunia dan pusat kewangan antarabangsa. Kebanyakan negara juga kini sudah mula menilai semula kemampuan mereka untuk meneruskan dasar stimulative, yang setakat ini telah berjaya menghindarkan dari kemelesetan yang lebih parah memandangkan kesannya yang amat membimbangkan terhadap bebanan hutang Kerajaan di negara-negara berkenaan.

5. Para penganalisa meramalkan bahawa jumlah hutang awam yang terlalu tinggi akan mengakibatkan komplikasi terhadap halatuju dasar monetari dan fiskal, di negara-negara tersebut. Ini mengambilkira bahawa dasar-dasar stimulative sekarang mungkin akan meningkatkan kadar inflasi yang perlu segera dikawal melalui policy reversal selepas itu yang akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi tidak mampu bertahan. Kadar faedah pinjaman akan mula meningkat apabila tumpuan dasar beralih daripada pemulihan ekonomi kepada masalah pembayaran balik hutang awam dan pengawalan inflasi.

6. World Economic Outlook terbitan IMF bagi bulan Oktober 2009, meramalkan kebanyakan negara akan mencatatkan pertumbuhan positif bagi tahun 2009 dan 2010. Bagi tahun 2010 negara-negara ekonomi utama dunia, diramal tumbuh pada kadar 1.7% manakala negara-negara membangun diunjurkan tumbuh pada kadar 5.5%. Baru-baru ini, unjuran pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2010 ini telah dikaji semula oleh IMF kepada 3.99% berbanding 3.2% yang diramalkan pada bulan Oktober 2009.

7. Bagi Negara Brunei Darussalam pula, Asian

Development Bank (ADB) meramalkan bahawa ekonomi negara, akan menurun - 1.2% bagi tahun 2009. Walaubagaimanapun pada tahun 2010 ekonomi negara diramal tumbuh melebihi 2% dengan andaian bahawa permintaan dan harga minyak global akan meningkat; projek-projek RKN akan pesat dilaksanakan; serta bermulanya pengeluaran dari loji Brunei Methanol. Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini walaubagaimanapun, mengunjurkan ekonomi Negara Brunei Darussalam akan tumbuh pada kadar di antara 0.7% hingga 2.3% pada tahun 2010, Insyaa-Allah.

8. Risiko mengenai perkembangan dan arah tuju ekonomi global tadi adalah sangat relevan dalam aspek perekonomian di negara ini kerana impaknya terhadap permintaan dunia, di pasaran minyak dan gas. Impak tersebut akan memberikan kesan langsung terhadap hasil pendapatan negara kerana sektor minyak dan gas masih lagi terus menyumbang kira-kira 90% kepada hasil pendapatan Kerajaan dan lebih 95% kepada eksport walaupun berbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan untuk mempelbagaikan asas ekonomi negara.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

9. Pada tahun 2009, purata harga minyak dunia telah menurun berbanding tahun-tahun sebelumnya. Paras harga minyak yang rendah, dan tahap pengeluaran negara yang berkurangan, telah sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan Kerajaan. Disamping itu, negara juga perlu menangani beberapa isu yang melanda dunia seperti pandemik Influenza A H1N1, Avian Flu, kesan daripada perubahan cuaca global dan lain-lain.

10. Alhamdulillah, disebalik cabaran-cabaran tersebut, terutamanya kemelut ekonomi global di kebelakangan ini, dengan izin dan limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua, serta dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk negara ini terus dapat menikmati taraf hidup yang selesa dalam keadaan aman, selamat dan tenteram. Disamping projek-projek pembangunan yang secara berterusan dilaksanakan, kemudahan-kemudahan yang agak menyeluruh bagi beberapa

keperluan dan perkhidmatan asas masih terus dihulurkan. Keupayaan ini adalah juga hasil dasar berhemat Kerajaan dalam mengurus belanjawan dan kewangan negara, selaras dengan objektif pengukuhan fiskal yang diamalkan sejak beberapa tahun yang lalu.

11. Di sektor pendidikan, Sistem Pendidikan Abad Ke 21 (SPN 21) telah dilancarkan pada awal Januari 2009. Langkah ini antara lainnya bertujuan bagi memastikan bahawa sistem pendidikan akan sentiasa relevan dengan tuntutan zaman termasuk dengan mengukuhkan penekanan terhadap unsur-unsur keugamaan dan rohani. Beberapa strategi telah dikenalpasti oleh Kementerian Pendidikan untuk mempersiapkan rakyat negara ini dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar mampu bersaing, berjaya dan berdayatahan dalam apa jua keadaan serta perubahan yang berlaku di sekeliling kita.

12. Sebagai langkah bagi menyediakan perancangan-perancangan yang lebih teratur, bagi meningkatkan daya saing serta iklim pelaburan dan perniagaan di negara ini, khususnya di Ibu Negara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah melantik sebuah firma konsultan antarabangsa bagi penyediaan Pelan Induk Kemajuan

Bandar Seri Begawan. Pelan induk ini, dihasratkan untuk menyediakan satu pelan kemajuan yang komprehensif dan bersepadu bagi menyelaraskan hala tuju dan strategi pembangunan Bandar Seri Begawan.

13. Sebagai usaha untuk pengukuhan sektor swasta, beberapa inisiatif lain juga telah diambil antara lainnya termasuklah:-

13.1 P e r t a m a ,
Perlantikan firma perakaunan antarabangsa oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi menyediakan Pelan Induk Penswastan (Privatization Master Plan) untuk memandu hala tuju strategik kearah pelaksanaan agenda penswastan;

13.2 Kedua, Pelancaran jenama Brunei Halal semasa Ekspo Halal Antarabangsa Brunei 2009. Inisiatif ini diharap akan menjadi wadah

ataupun platform bagi memperkembangkan pemasaran produk-produk halal tempatan kepada pasaran antarabangsa melalui bantuan dan sokongan dalam aktiviti pemasaran, pengiklanan dan pembungkusan;

13.3 K e t i g a ,
Pemanjangan tempoh pemilikan hartanah di bawah "strata title" kepada 99 tahun dijangka akan membantu perkembangan sektor binaan dan hartanah di negara ini; dan

13.4 K e e m p a t ,
Pengurangan kadar cukai pendapatan korporat yang telah diperkenalkan secara berperingkat-seperingkat sejak tahun 2007 pada kadar 30% kepada hanya 23.5% pada tahun 2010;

14. Pada tahun 2009, Alhamdulillah, negara juga menyaksikan Majlis Menanam dan Menuai Padi Laila. Inisiatif ini adalah selaras dengan objektif bagi mencapai sara diri pengeluaran beras negara. Disamping itu, beberapa aktiviti pembukaan kawasan penanaman padi, dan penuaian juga dilaksanakan diseluruh negara.

15. Sebagai langkah bagi memberikan jaminan sosial kepada pesara-pesara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bersempena dengan Hari Keputeraan Baginda ke 63 tahun, telah mengurniakan titah bagi pelaksanaan Skim Persaraan Caruman Tambahan (PCT) atau Supplemental Contributory Pension. Skim ini adalah sebagai tambahan kepada skim Tabung Amanah Pekerja yang meliputi rakyat dan penduduk tetap negara ini yang mengikuti Skim TAP, samada berkhidmat di sektor awam, swasta mahupun yang bekerja sendiri dalam sektor informal. Melalui Skim ini, peserta yang berkelayakan akan menerima pendapatan tetap minima bulanan (annuiti) sesudah mereka mencapai umur persaraan mandatori. Skim tersebut, yang turut memuatkan beberapa elemen penting, seperti "survivorship", "catch-up" atau caruman secara

kebelakangan, "top-up" (penimbal) dan "matching", diharap akan dapat memberikan bantuan dan jaminan sosial kepada para pesara dan juga tanggungan mereka, InsyaAllah. Selaras dengan pengenalan Skim ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah mengurniakan titah bagi umur persaraan mandatori dilanjutkan daripada 55 tahun kepada genap 60 tahun, khusus bagi pekerja-pekerja yang di dalam Skim TAP dan Skim Persaraan Caruman Tambahan.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sekarang izinkanlah saya mengongsikan mengenai asas dan unjuran pendapatan Negara bagi Tahun Kewangan 2010/2011 ini.

16. Pada tahun 2008, pasaran minyak dunia telah menyaksikan ketidakstabilan harga yang drastik dan amat membimbangkan. Bagi kali pertamanya, harga minyak telah melebihi paras US\$100 setong dan seterusnya mencapai paras tertinggi pada kadar US\$147 setong pada bulan Julai 2008. Walau bagaimanapun, harga tersebut telah menjunam ke paras US\$38 setong hanya dalam tempoh lima bulan selepas itu. Sepanjang tahun 2009, harga pasaran minyak dunia ini masih mengalami volatility yang sukar diramalkan. Walaupun, The

International Energy Agency menjangkakan permintaan minyak dunia, pada tahun 2010, meningkat 1.4 juta tong sehari kepada 86.3 juta tong, namun kemampuan bekalan minyak juga, diunjurkan akan meningkat 2.1 juta tong sehari kepada 93 juta tong. Dengan peningkatan bekalan minyak yang lebih tinggi dipasaran berbanding permintaan ianya setentunya akan memberikan lagi tekanan kepada penurunan harga minyak dunia.

17. Dengan berasaskan ramalan-ramalan serta arahnya ekonomi dunia pada masa ini, dengan mengambilkira tahap pengeluaran minyak negara dan nilai pertukaran matawang Dolar Amerika Syarikat, unjuran pendapatan Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2010/2011 dijangka sebanyak kira-kira \$4,630,510,000.00 berbanding unjuran bagi Tahun Kewangan 2009/2010 sebanyak \$4 billion. Unjuran hasil tersebut juga mengambilkira jangkaan peningkatan hasil Perkhidmatan Kerajaan dan kutipan-kutipan cukai dan caj-caj kepada \$789.5 juta, berbanding \$766 juta yang diunjurkan bagi Tahun Kewangan 2009/2010.

18. Walaupun terdapat perkembangan positif dalam arahnya ekonomi global dan hasil

pendapatan negara, agensi-agensi Kerajaan terus diingatkan untuk mengamalkan sikap berbelanja secara berhemah dan terancang. Langkah ini adalah bagi memastikan bahawa setiap objektif perbelanjaan akan dapat dicapai secara berkesan dan cost-effective, serta menjurus kepada "value for money". Keutamaan hendaklah diberikan kepada perbelanjaan-perbelanjaan yang selaras dengan fokus belanjawan yang telah ditetapkan, terutamanya usaha-usaha bagi mengembangkan aktiviti per-ekonomian negara.

19. Dengan hasil pendapatan daripada sektor minyak dan gas yang tidak menentu, agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengutip hasil pendapatan Kerajaan, perlulah mengukuhkan pentadbiran dan pengurusan kutipan hasil masing-masing. Hasil-hasil Kerajaan hendaklah dipastikan dikutip tepat pada masanya dan tidak membiarkan tunggakan-tunggakan tersebut terus meningkat. Dalam hubungan ini, kerjasama orang ramai juga dipohonkan bagi melunaskan apa jua bayaran atau tuntutan-tuntutan tertunggak kepada Kerajaan. Hasil kutipan dari perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, Insya-Allah, akan dapat digunakan semula bagi membiayai projek-projek dan program-program

pembaikan yang dikhususkan bagi meningkatkan lagi kesejahteraan dan tahap hidup rakyat dan penduduk Negara ini. Yang Di-Pertua Dewan.

20. Objektif utama belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2010/2011 ini masih dikekalkan sepertimana pada tahun-tahun sebelumnya dengan penumpuan kepada pengukuhan fiskal. Ianya adalah sebagai langkah kearah mencapai kedudukan fiskal yang berdayatahan bagi menjana perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan (sustainable).

Dalam pengurusan kewangannya, Kerajaan Insya-Allah, akan memastikan pembaziran perbelanjaan dielakkan melalui pengawalan terhadap perbelanjaan yang kurang memberi nilai tambah dalam mencapai objektif dan fokus perbelanjaan yang telah dikenalpasti. Oleh itu, perancangan-perancangan dan inisiatif-inisiatif yang dapat meningkatkan tahap perkhidmatan Kerajaan; memelihara kemakmuran negara; memperkasakan usaha-usaha pengukuhan, perluasan, dan pempelbagaian aktiviti ekonomi Negara (stimulation of economic activities); serta meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk akan diberikan keutamaan. Ini termasuklah:-

- 20.1 Pertama, Peningkatan tahap perkhidmatan Kerajaan secara lebih berkesan, berkualiti dan cost-effective. Pelaksanaan projek-projek akan dijuruskan kepada bukan sahaja meningkatkan tahap perkhidmatan Kerajaan, tetapi jua berupaya membawa kepada penjimatan perbelanjaan secara jangka panjang tanpa menjejaskan operasi dan functionality;
- 20.2 Kedua, Perluasan asas pendapatan (widening revenue base) kearah kesinambungan sumber kewangan negara tanpa menjejaskan golongan yang berpendapatan rendah; dan
- 20.3 Ketiga, Pengukuhan sektor swasta, sesuai dengan hasrat

mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi negara agar sumber kemakmuran dan kesejahteraan akan lebih terjamin dan berterusan dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Yang Di-Pertua Dewan dan ahli-ahli Yang Berhormat.

21. Dengan pergantungan negara yang berterusan kepada hasil daripada sektor minyak dan gas, yang mana adalah merupakan sumber yang terhad, usaha-usaha bagi mempelbagaikan ekonomi Negara perlulah dipertingkatkan dan dipergiatkan. Ini bertujuan bagi memastikan agar negara akan mempunyai sumber pendapatan yang lebih luas dan sustainable dimasa hadapan. Kearah itulah, bagi mencapai matlamat strategik negara jangka panjang secara lebih berkesan objektif Belanjawan 2010/2011 ini akan terus diuruskan kepada perkara-perkara berikut:-

21.1 P e r t a m a ,
M e m a s t i k a n
kedudukan fiskal
Negara akan terus
kukuh dan

berdayatahan melalui pengurusan belanjawan negara dengan berasaskan prinsip prudence. Ini kerana mengambil pendapatan daripada hasil minyak dan gas akan terus dipengaruhi oleh faktor-faktor yang diluar kawalan kita seperti:-

- i. Kedudukan harga minyak di pasaran dunia yang terus tidak stabil;
- ii. Meningkatnya kematangan (maturity) telaga-telaga minyak yang menjejaskan tahap pengeluaran; dan
- iii. peningkatan kos operasi dan pemeliharaan yang tinggi.

- 21.2 K e d u a , Mengukuhkan lagi pengurusan hasil p e n d a p a t a n Kerajaan bagi meningkatkan kutipan hasil dan mengurangkan tunggakan dari sumber-sumber yang sedia ada di samping mengenalpasti sumber-sumber hasil baru yang berpotensi. Ini adalah bertujuan bagi sekurangk u r a n g n y a menampung kos p e m b e r i a n perkhidmatan tersebut terutama bagi perkara-perkara yang berbentuk bukan keperluan asas;
- 21.3 K e t i g a , Menggiatkan usaha-usaha atau inisiatif yang dapat meningkatkan lagi tahap perkhidmatan Kerajaan kepada orang ramai dengan lebih berkesan seperti dengan mengutamakan konsep 'business friendly' yang menjurus kepada pro business dan pro investment sebagai langkah u n t u k menggalakkan a k t i v i t i perekonomian dan pelaburan di Negara ini;
- 21.4 Keempat, Meningkatkan usaha-usaha yang dapat menggalakkan pengwujudan sektor swasta yang dinamik, berkemampuan, berdayatahan dan berdayasaing bagi menjana aktiviti-aktiviti ekonomi Negara, yang antara lainnya, termasuklah:
- i. M e m b a n t u mengukuhkan kegiatan-kegiatan perniagaan dan pelaburan yang sedia ada di sektor swasta negara ini, bagi mencapai tahap kemahiran p e n g u r u s a n perniagaan (b u s i n e s s m a n a g e m e n t

- expertise) dan operasi (technical expertise), yang benar-benar mampu menghasilkan perkhidmatan dan produk yang berkualiti dan berdaya saing untuk membolehkan penerokaan pasaran antarabangsa yang lebih meluas;
- ii. Meningkatkan daya saing iklim pelaburan dan ekonomi Negara (competitiveness) bagi menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (ke Negara ini, terutama sekali Multi National Cooperations yang berkualiti. Insentif-insentif yang telah diperkenalkan dan insentif-insentif baru diharap akan dapat membuka
- banyak peluang perniagaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana yang sebaliknya akan dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan di negara ini. Ini termasuklah meningkatkan usaha untuk memudahkan prosedur-prosedur bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan;
- 21.5 Kelima, Mendokong dan memperkukuhkan usaha agensi-agensi yang terlibat dalam keselamatan dan perbekalan permakanan. Ini antaranya termasuk usaha meningkatkan produktiviti sektor agri makanan seperti penghasilan beras secara

- bersepadu dari kedua-dua sektor awam dan swasta;
- 21.6 Keenam, Meningkatkan keberkesanan usaha-usaha dan perancangan bagi membasm kemiskinan di Negara ini; dan
- 21.7 Ketujuh, Memperbanyakkan peluang bagi peningkatan keupayaan sumber tenaga manusia dan jati diri terutama dalam menyediakan latihan-latihan teknikal dan kemahiran bagi membantu meningkatkan tahap sosio ekonomi rakyat dan penduduk terutamanya dalam mendokong aktiviti-aktiviti perekonomian di Negara ini.
22. Berasaskan objektif belanjawan dan faktor-faktor yang telah saya bentangkan tadi, anggaran jumlah Perbelanjaan Biasa bagi Tahun Kewangan 2010/2011 termasuk bagi peruntukan Kumpulan wang Kemajuan dicadangkan sebanyak Empat Ribu, Sembilan Ratus Lapan Puluh Lima Juta, Tujuh Ratus Lapan Puluh Lima Ribu, Enam Ratus Ringgit Brunei (B\$4,985,785,600.00)
23. Mengambil kira anggaran hasil yang bakal diperolehi berbanding dengan anggaran perbelanjaan Kerajaan yang bakal dilibatkan di atas, termasuk Perbelanjaan Yang Di Akui, kedudukan fiskal Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2010/2011 dijangka akan mengalami defisit sebanyak kira-kira \$1.02 billion. Dengan usaha gigih serta kerjasama kesemua pihak dalam mendokong dasar berjimat cermat dan berbelanja secara berhemah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Insya Allah, akan masih mampu untuk membiayai keseluruhan perbelanjaan ini dengan hasil pendapatan negara demi memelihara kedudukan sosio ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.
- Yang Di-Pertua Dewan dan ahli-ahli Yang Berhormat.

24. Bagi Tahun Kewangan 2010/2011 ini, fokus-fokus perbelanjaan yang telah dikenalpasti pada Tahun Kewangan 2009/2010 akan diteruskan. Tetapi penekanan, akan ditumpukan sepenuhnya **kepada peningkatan kaedah pelaksanaannya.** Aspek-aspek yang akan diberi penekanan tersebut, termasuklah perkara-perkara berikut:-

- 24.1 Pertahanan dan Keselamatan Awam;
- 24.2 Kesejahteraan Sosial dan Pembasmian Kemiskinan;
- 24.3 Keselamatan Bekalan Makanan Kebangsaan (National Food Security);
- 24.4 Perkembangan dan Pengukuhan Sektor Swasta; dan
- 24.5 Perkembangan Sumber Tenaga Manusia dan Peningkatan Kapasiti (termasuk Perkembangan Belia).

Pertahanan dan Keselamatan Awam

25. Bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan dan untuk memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini dalam jangka panjang, keutamaan akan terus diberikan kepada aspek-aspek keselamatan, keamanan, dan kestabilan Negara. Fokus ini, adalah juga selaras dengan Strategi Keselamatan di dalam Wawasan Brunei 2035, yang bertujuan bagi memelihara kestabilan politik dan mempertahankan kedaulatan Negara, serta menghubungkan keupayaan pertahanan dengan keupayaan diplomatik. Ini termasuklah dalam persediaan Negara untuk menangani ancaman penyakit dan bencana alam.

26. Bagi kategori ini, sejumlah \$1,049,054,830.00 (18.55%) telah diperuntukkan, yang termasuk jua bagi meningkatkan keberkesanan langkah-langkah pengurusan bencana dan pengawalan wabak seperti berikut:-

- 26.1 \$5 juta akan disediakan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi pengendalian operasi dan Pengurusan Bencana Alam;

- 26.2 Sejumlah \$5 juta juga diuntukkan di bawah kawalan Kementerian Kesihatan bagi Menangani Ancaman Wabak Penyakit; dan
- 26.3 Sebanyak \$5 juta lagi disediakan di Kementerian Kewangan bagi Menangani Bencana Alam dan Wabak Penyakit Berjangkit.

27. Disamping itu, sebagai langkah mengukuhkan lagi infrastruktur-infrastruktur asas di negara ini, mengambil kira kesan dan sumbangannya dalam meningkatkan taraf hidup dan keselamatan rakyat dan penduduk Negara ini serta dalam membantu meningkatkan daya saing negara untuk menarik aktiviti pelaburan ke Negara ini tambahan-tambahan peruntukan juga disediakan, khusus bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan bekalan tenaga elektrik di negara ini.

28. Bagi Tahun Kewangan 2009/2010, disamping peruntukan yang telah diluluskan oleh Majlis ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenankan peruntukan tambahan sejumlah \$16.7 juta bagi menangani masalah penularan wabak penyakit Influenza A H1N1. Manakala, peruntukan sejumlah \$40.4 juta juga telahpun disediakan untuk mempercepatkan lagi usaha atau langkah-langkah pembaikan, pemeliharaan dan menaik taraf infrastruktur dan lain-lain kemudahan awam seperti sistem saliran; bekalan air; letrik; serta sistem perhubungan; yang mana peruntukan ini adalah sebagai tambahan kepada peruntukan yang telah disediakan dalam Rancangan Kemajuan Negara.

Kesejahteraan Sosial dan Pembasmian Kemiskinan

29. Selaras jua dengan usaha berterusan Kerajaan bagi memastikan kebajikan rakyat dan penduduk negara ini akan sentiasa terpelihara, berbagai kemudahan dan bantuan telahpun disediakan. Sejak sekian lamanya, kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan tersebut telah dihulurkan melalui berbagai cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini termasuklah melalui skim-skim bantuan, pemberian subsidi-subsidi dan pengawalan caj-caj

perkhidmatan atau harga-harga bekalan asas. Disamping itu, bantuan langsung turut dihulurkan oleh agensi-agensi tertentu kepada golongan yang kurang berkemampuan atau berkeupayaan. Langkah-langkah ini, Alhamdulillah, telah membolehkan rakyat dan penduduk Negara ini secara keseluruhannya, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah, dapat menikmati taraf kehidupan yang lebih baik berbanding dengan negara-negara lain. Pemberian perkhidmatan yang dimaksudkan termasuklah bagi keperluan-keperluan asas seperti perkhidmatan kesihatan, pendidikan, bekalan tenaga elektrik, minyak kenderaan, air, beras, gula, malahan juga penyediaan skim perumahan Negara, dan pengurniaan tanah bagi rakyat jati, dan lain-lain.

30. Keperluan kewangan Kerajaan bagi membiayai keperluan-keperluan di atas adalah amat besar. Jumlah ini dijangka terus meningkat dari tahun ke setahun, memandangkan pertambahan bilangan rakyat dan penduduk serta peningkatan kos-kos bekalan dan kos-kos pemberian perkhidmatan berkenaan. Keperluan penyediaan sumber kewangan yang mencukupi bagi menampung kemudahan-kemudahan ini adalah merupakan satu cabaran yang amat besar yang

perlu dihadapi. Demi memastikan fiscal sustainability dalam pengurusan kewangan Kerajaan, ianya amat perlu ditangani dengan bijak dan bersepadu oleh setiap agensi Kerajaan yang terlibat dan akan memerlukan kefahaman dan kerjasama padu rakyat dan penduduk di Negara ini.

31. Begitu juga mengenai isu-isu kesejahteraan sosial dan pembasmian kemiskinan. Bagi jangka panjang, isu-isu ini perlu ditangani secara menyeluruh melalui perancangan bersepadu dengan melibatkan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Ini adalah bertujuan bagi mengatasi masalah kemiskinan ini secara lebih sistematik, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Awal Tahun 1430 Hijrah 'supaya negara terus bergerak untuk meningkatkan taraf hidup, sesuai dengan matlamat mencapai tahap kemiskinan sifar'. Ke arah mendokong usaha-usaha tersebut, secara keseluruhannya sejumlah \$327,313,000.00 (5.79%) telah pun disediakan di bawah kategori perbelanjaan Kesejahteraan Sosial dan Pembasmian Kemiskinan ini yang antarlainnya termasuk bagi perkara-perkara seperti berikut:-

31.1 Sejumlah \$3 juta disediakan bagi Kementerian Kebudayaan

- Belia dan Sukan bagi melaksanakan kerja-kerja kajian Program Pembasmian Kemiskinan;
- 31.2 Peruntukan Derma Bantuan telah disediakan sebanyak \$9 juta bagi mereka yang berkecukupan;
- 31.3 Sejumlah \$23.4 juta telah disediakan bagi membiayai keperluan caruman majikan dan Top-Up di bawah Skim Persaraan Caruman Tambahan (PCT) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2010. Jumlah tersebut tidak termasuk sebanyak \$340.3 juta yang telah pun disediakan oleh Kerajaan bagi pembayaran 'catch-up' bagi peserta-peserta yang berkecukupan;
- 31.4 Dari aspek perkhidmatan kesihatan, selain daripada \$5 juta yang disediakan bagi menangani Wabak Penyakit Berjangkit, peruntukan-peruntukan tambahan yang telah disediakan antaranya bagi Perkhidmatan Perubatan Untuk Pesakit Keluar Negeri; Pembelian Perkakas dan Peralatan disediakan sebanyak \$6.43 juta; serta
- peruntukan bagi pembelian ambulans. Sebagai makluman, sejumlah \$22 juta pula telah pun diluluskan sebagai tambahan kepada peruntukan sedia ada sebanyak \$40 juta bagi membiayai keperluan pembelian ubat-ubatan bagi Tahun Kewangan 2009/2010 ini.
32. Disamping itu, beberapa program/projek juga sedang dan akan terus dilaksanakan dalam usaha untuk menangani isu-isu pembasmian kemiskinan, dan mengatasi pengangguran yang antaranya termasuklah:-
- 32.1 Program Pembangunan Keusahawanan Belia bagi Belia Berdikari, yang dikelola oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sebagai tambahan kepada program-program khas bagi membiayai keperluan peningkatan latihan bagi Perkembangan Belia; dan
- 32.2 Penyediaan peruntukan sebanyak \$200,000.00 dibawah akaun Aktiviti Perekonomian Mukim dan Kampung di bawah kelolaan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri disamping peruntukan yang sedia ada sebanyak \$220,000.00 bagi aktibiti-aktibiti Perundingan Mukim dan Kampung.

33. Sebagai usaha meningkatkan tahap penyediaan perkhidmatan asas dan infrastruktur seperti perkhidmatan bekalan elektrik, perumahan, jalan raya, tempat-tempat riadah, bersukan dan sebagainya, peruntukan sejumlah \$656.3 juta juga telah disediakan dibawah sektor binaan dan kemudahan awam bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur ini.

34. Adalah diharapkan, dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan dibawah sektor ini, pihak Kerajaan akan mencapai objektif-objektif seperti berikut:

34.1 Pertama, Untuk memastikan setiap kanak-kanak dinegara ini, mampu untuk mengikuti persekolahan mereka dimana bantuan-bantuan yang dihulurkan bukan sahaja bagi memenuhi keperluan sara hidup harian keluarga berkenaan, akan tetapi juga memastikan setiap anak-anak mereka dapat

mengikuti program persekolahan mereka sepenuhnya;

34.2 Kedua, Untuk mengukuhkan dan meningkatkan lagi tahap program bagi latihan dan perkembangan belia-belia seperti Belia Cintakan Negara, Projek Skim Berdikari dan sebagainya yang dikhususkan bagi memupuk sikap berdikari dikalangan rakyat dan penduduk negara ini terutama mereka yang mempunyai keupayaan mental dan fizikal. Inisiatif ini juga diharap akan dapat mengurangkan budaya meminta-minta dan pemikiran yang suka berharap kepada bantuan Kerajaan; dan

34.3 Ketiga, untuk mempercepatkan dan menggalakkan lagi aktibiti perekonomian rakyat dan penduduk di negara ini diperingkat akar umbi, selaras dengan usaha memupuk sikap berdikari dan budaya bekerjasama diperingkat mukim dan kampung.

Keselamatan Bekalan Makanan Kebangsaan (National Food Security)

35. Sebagai langkah berterusan bagi mendokong usaha Kerajaan bagi mencapai objektif sara diri pengeluaran beras Negara, peruntukan sebanyak \$20 juta akan disediakan di bawah kawalan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi melaksanakan Projek Penanaman Padi Negara. Melalui peruntukan tersebut, dan juga peruntukan-peruntukan tertentu yang akan disediakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara, ianya diharapkan akan dapat membantu program-program penggalak penanaman padi di negara ini.

Perkembangan dan Pengukuhan Sektor Swasta

36. Bagi Tahun Kewangan 2010/2011, berbagai projek telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di samping kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Di antara projek-projek yang dirancang termasuklah:

36.1 Pertama, Projek Rebung Keusahawanan yang diperuntukkan sebanyak \$100,000.00 kelolaan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;

36.2 Kedua, Pembaikan Jeti Pengambilan Air Laut di Pusat Perkembangan Akuakultur, Meragang yang diperuntukkan sebanyak \$200,000.00 bagi membekalkan air laut secara berterusan dalam kerja-kerja pengkajian untuk menghasilkan induk udang yang Specific Pathogen Free;

36.3 Ketiga, Aktiviti Per-ekonomian Mukim dan Kampung di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang diperuntukkan sebanyak \$200,000.00. Peruntukan ini bertujuan sebagai pemangkin dalam mempelbagaikan lagi kegiatan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung terutamanya untuk menerokai produk-produk baru yang mempunyai keunikan di mukim dan kampung masing-masing yang dikenalpasti bukan sahaja dapat memenuhi pasaran tempatan bahkan juga, untuk dimajukan bagi pasaran luar negeri. Penerusan aktiviti-aktiviti ini mengambilkira kejayaan-kejayaan yang telah dicapai

oleh beberapa buah Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang telah melaksanakan berbagai inisiatif bagi menjana pendapatan anak-anak buah mukim dan kampung sebagai nilai tambah kepada pendapatan dan taraf hidup mereka yang terlibat. Ianya sekaligus untuk menerapkan sikap berdikari dan sara diri kepada anak-anak buah mukim dan kampung.

- 36.4 Keempat, Penerusan Skim Berdikari dan Program Latihan Perkembangan yang bertujuan bagi menggalakkan belia-belia untuk berdikari dengan melibatkan diri dalam perniagaan. Sebagai perancangan bagi memastikan belia-belia tersebut mempunyai keupayaan dan peluang untuk berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburi, pelaksanaan Skim ini akan menetapkan kriteria-kriteria tertentu. Antaranya ialah setiap pemohon akan diperlukan untuk mengikuti kursus asas pengurusan perniagaan dan kemahiran. Skim Bantuan atau Pinjaman Kewangan hanya akan dihulurkan setelah

pemohon berjaya menamatkan kursus yang bakal diceburinya.

37. Disamping itu, dengan sasaran perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara bagi Tahun Kewangan 2010/2011 sebanyak \$1,050 juta, dimana antaranya sebanyak \$245.1 juta disediakan bagi Sektor Perindustrian dan Perdagangan; \$105.7 juta bagi Sektor Pengangkutan dan Perhubungan; sebanyak \$42.9 juta bagi Sektor Teknologi Info-Komunikasi; serta pengagihan-pengagihan awal sebahagian peruntukan dibawah Projek Rampaian, adalah diharapkan aktiviti perekonomian di negara ini akan dapat dipertingkatkan.

38. Dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan tersebut, ianya juga diharap akan dapat memberikan penekanan kepada pengukuhan modal insan (human capital) itu sendiri, seperti kepakaran, kemampuan, keupayaan, komitmen, kemahiran pengurusan dan sebagainya. Ini mengambilkira bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyediakan pelbagai skim kemudahan kewangan yang dikelolakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Sehingga 31 Disember 2009, Skim Kemudahan Perusahaan yang

dikelolakan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui dua buah bank tempatan, telah menghulurkan bantuan kemudahan pinjaman kewangan kepada sebanyak 122 pengusaha keseluruhannya yang berjumlah \$42.3 juta; manakala sejumlah \$9.6 juta telah dihulurkan bagi bantuan dibawah Skim Kewangan Mikrokredit kepada seramai 485 pengusaha. Walaubagaimanapun, daripada jumlah tersebut, masih terdapat tunggakan bagi Skim-Skim berkenaan. Ini menunjukkan bahawa bantuan kewangan atau modal semata-mata bukanlah merupakan satu-satunya faktor yang dapat menjamin kejayaan seseorang pengusaha tersebut. Adalah lebih perlu penekanan diberikan kepada peningkatan kapasiti, terutama pengetahuan teknikal, pengurusan perniagaan dan pengurusan kewangan, serta dalam hal ehwal pemasaran produk.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

39. Sebagai langkah berterusan dalam usaha Kerajaan bagi memperkukuhkan sistem percukaian, khususnya untuk meningkatkan lagi daya saing bagi menarik aktiviti pelaburan dan perekonomian ke negara ini,

disamping membantu pihak swasta untuk mengukuhkan lagi pengurusan kewangan dan menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan bagi pindaan-pindaan terhadap beberapa peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan (Penggaj 35) seperti berikut:-

- 39.1 Pertama, Bagi kadar cukai pendapatan korporat terus dikurangkan, bagi tahun taksiran 2011 kepada 22% berbanding 23.5% bagi tahun taksiran 2010. Langkah ini adalah jua sebagai penghargaan, khususnya kepada syarikat-syarikat swasta tempatan dan luar negara, yang telah memberikan kerjasama dan sokongan padu mereka terhadap inisiatif yang diambil oleh Kerajaan sejak tahun 2008, yang membolehkan kutipan cukai korporat meningkat dari tahun kesetahun, walaupun kadar cukai korporat dikurangkan daripada 30% pada tahun 2007;
- 39.2 Kedua, Sebagai tambahan kepada pengurangan kadar

cukai pendapatan korporat di atas, dan bagi membantu serta menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SME) menyumbang kepada aktiviti perekonomian di negara ini, threshold bagi keuntungan yang dikenakan kadar cukai yang lebih rendah yang diperkenalkan dalam tahun 2008, akan dinaikkan daripada \$100,000.00 kepada \$250,000.00 seperti berikut:-

- Pertama, Bagi keuntungan \$100,000 pertama, cukai pendapatan hanya akan dikenakan pada kadar 25% daripada kadar cukai penuh (full rate) berbanding \$50,000 pertama yang ditetapkan sebelum ini;
- Kedua, Bagi keuntungan \$150,000 berikutnya, cukai pendapatan hanya dikenakan pada kadar 50% daripada kadar cukai penuh

berbanding \$50,000 berikutnya yang ditetapkan sebelum ini;

Walaupun bagaimanapun, pengecualian cukai pendapatan ke atas keuntungan B\$100,000 pertama bagi syarikat yang baru ditubuhkan di Negara ini, bagi tiga tahun pertama taksiran (selepas mula beroperasi) yang telah diperkenalkan semasa pembentangan belanjawan tahun 2008 adalah masih dikekalkan.

Melalui threshold cukai yang baru diperkenalkan tadi, ianya akan dapat mengurangkan beban cukai bagi syarikat-syarikat kecil yang memperoleh keuntungan kurang dari B\$250,000 setahun. Kadar cukai yang dikenakan pada tahun taksiran 2011 bagi keuntungan B\$100,000 pertama hanyalah sebanyak 5.5% sahaja; manakala keuntungan \$150,000 seterusnya hanyalah dikenakan cukai pada kadar 11% sahaja.

39.3 Disamping itu, sebagai kesinambungan kepada langkah pemberian potongan tambahan (further deduction) sebanyak 100% keatas sumbangan asal majikan bagi Tabung Amanah Pekerja, faedah ini juga akan dilartakan kepada sumbangan majikan bagi Skim Persaraan Caruman Tambahan. Oleh itu, bayaran potongan sumbangan majikan bagi TAP dan PCT akan diperkirakan sekali ganda daripada perbelanjaan sebenar. Langkah ini diharap akan membantu meringankan beban kewangan syarikat swasta di negara ini disamping bagi menggalakkan pengambilan pekerja-pekerja tempatan.

40. Seperti jua saranan saya pada sesi tahun lepas, adalah diharapkan inisiatif-inisiatif tersebut akan dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan lagi dayasaing Perusahaan Kecil dan Sederhana di negara ini melalui langkah-langkah berikut:-

40.1 Pertama, Menambahkan pelaburan bagi meningkatkan keberkesanan dan efficiency operasi syarikat untuk meningkatkan lagi daya-saing dan dayamaju syarikat;

40.2 Kedua, Memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan supaya masalah pengangguran dapat dikurangkan;

40.3 Ketiga, Memperbaiki dan meningkatkan lagi kemudahan dan keselesaan ditempat kerja, agar akan lebih menarik kepada pekerja-pekerja tempatan dan juga pekerja-pekerja mahir dan pakar daripada luar negara yang bersesuaian; dan

40.4 Keempat, Meningkatkan lagi program-program latihan bagi pekerja-pekerja syarikat, terutama pekerja-pekerja tempatan bagi membantu dan mendokong usaha-usaha syarikat untuk berkembang dan bersaing diperingkat serantau dan antarabangsa.

41. Sukacita juga saya mengongsikan disini bahawa setakat ini, langkah-langkah mengemas-kinikan Akta Cukai Pendapatan yang telah diambil sejak tahun 2008, telah membolehkan negara meningkatkan ranking sebanyak 12 anak tangga ke kedudukan 22 daripada 34 pada tahun sebelumnya bagi kategori

Paying Taxes, dalam Laporan 'Ease of Doing Business 2010' yang dikeluarkan oleh Bank Dunia.

42. Disamping itu, usaha akan juga diteruskan bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana akan juga diteruskan di negara ini. Ini termasuklah melalui Program-Program Kemahiran Belia Kelolaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei; pengukuhan dan perluasan program-program incubator, seperti penubuhan iCentre, yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei; serta cadangan penubuhan food incubator di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Inisiatif ini diharap akan dapat memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha dan SME yang berpotensi, untuk berkembang disamping meningkatkan pengalaman dan kemahiran mereka dalam hal ehwal pengurusan perniagaan.

Perkembangan Sumber Tenaga Manusia dan Peningkatan Kapasiti (termasuk perkembangan belia)

43. Dalam dekad ini dan akan datang kita akan menghadapi cabaran perubahan teknologi yang lebih pesat serta saingan yang lebih hebat. Pertumbuhan dan persaingan ekonomi dalam sebuah negara akan

kurang bergantung kepada sumber aslinya malahan lebih kepada daya inovasi dan daya-saing rakyatnya. Isu ini adalah relevan kepada konteks Negara Brunei Darussalam, mengambil-kira pergantungan negara kepada hasil minyak dan gas yang merupakan sumber yang terhad. Oleh itu, bagi menghadapi persaingan abad ke 21 ini, pembangunan kapasiti dan modal insan perlu diberikan keutamaan bagi memastikan penjanaaan pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan.

44. Kearah merealisasikan harapan ini, selaras jua dengan Wawasan 2035, usaha-usaha akan terus ditumpukan kepada melahirkan rakyat yang berpendidikan; berkemahiran tinggi dan berjaya melalui sistem pendidikan sebagai platform untuk memberikan peluang kepada seluruh rakyat dan penduduk untuk memenuhi kehendak ekonomi yang dinamik dan sentiasa berubah.

45. Komitmen Kerajaan kearah mendokong aspirasi ini dapat dilihat melalui pelaburan, dengan jumlah yang besar dalam penyediaan infrastruktur pendidikan di seluruh negara. Disamping itu, kearah mencapai matlamat rakyat yang berpendidikan tinggi, biasiswa dibawah berbagai-bagai skim yang membolehkan pelajar-pelajar dan

juga anggota-anggota perkhidmatan awam tempatan untuk meningkatkan taraf pendidikan masing-masing, termasuk melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri Insya Allah, akan terus dihulurkan kepada rakyat yang berkelayakan.

46. Penduduk dan tenaga kerja yang berpengetahuan (k-workers), berkemahiran, kreatif dan berinovatif adalah merupakan aset penting kepada pembangunan negara. Pengalaman negara-negara maju menunjukkan bahawa semakin tinggi bilangan graduan yang mempunyai ciri-ciri dan kualiti seumpama ini, maka semakin tinggilah kemajuan yang boleh dicapai, dalam pelbagai bidang. Selaras dengan itu, Kementerian Pendidikan telah mengenalpasti, beberapa strategi di bawah pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara Abad 21. Ini antaranya termasuklah melabur dalam pendidikan awal kanak-kanak; menggunakan amalan terbaik antarabangsa dalam pengajaran dan pembelajaran; memperkukuhkan kompetensi dalam teknologi info-komunikasi termasuk integrasi ICT ke dalam kurikulum sekolah disamping terus mengukuhkan usaha ke arah menghasilkan penuntut yang beriman dan bertakwa.

47. Kearah itu, beberapa peruntukan bersesuaian telah

disediakan antara lainnya termasuklah:-

- 47.1 Pertama, Tambahan keseluruhan peruntukan bagi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama berbanding Tahun Kewangan 2009/2010, bagi membiayai tambahan tenaga-tenaga pengajar di Kementerian Pendidikan; Kementerian Hal Ehwal Ugama; serta institusi-institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian-Kementerian berkenaan terutama institusi yang baru dinaikkan taraf menjadi Universiti. Peruntukan tambahan yang diluluskan juga termasuk bagi pembelian peralatan-peralatan sekolah; dan pelaksanaan projek-projek pembaikan, pengubahsuaian dan menaik-taraf kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah; dan juga program GenNext yang telah diperkenalkan oleh Universiti Brunei Darussalam;
- 47.2 Kedua, Peruntukan sejumlah \$87.9 juta juga disediakan di bawah Rancangan Kemajuan

- Negara bagi mendokong sektor pendidikan di negara ini, termasuk keperluan pelaksanaan SPN21 dan sebagainya;
- 47.3 Ketiga, Peruntukan bagi Latihan Dalam Perkhidmatan akan ditambah menjadikannya sebanyak \$20 juta berbanding \$18 juta pada Tahun Kewangan 2009/2010. Pada keseluruhannya jumlah ini adalah meningkat \$7 juta berbanding Tahun Kewangan 2008/2009; dan
- 47.4 Keempat, Peruntukan sejumlah \$35 juta juga disediakan dibawah Dana Sumber Tenaga Manusia, Rancangan Kemajuan Negara dengan Harga Rancangan sejumlah \$241.9 juta.
48. Disamping peruntukan-peruntukan di atas, peruntukan juga diuruskan kepada memperkembangkan sumber tenaga manusia dengan tumpuan kepada aspek-aspek utama seperti:
- Meningkatkan kemahiran dan produktiviti (Capacity Building);
 - Menjana Belia yang mampu menyara diri dan marketable; dan
 - Peningkatan Penyelidikan dan Perkembangan (Research and Development).
49. Secara keseluruhannya, sejumlah **\$1,108.1 juta (19.59%)** telah disediakan bagi agensi-agensi yang berperanan dalam merancang dan melaksanakan Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, termasuk pendidikan dan hal ehwal ugama. Disamping itu, sejumlah \$79.1 juta juga diperuntukkan bagi pengurusan, pengendalian dan pelaksanaan Teknologi Maklumat dan Info-komunikasi di Negara ini.
- Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.
50. Dalam keadaan ekonomi dunia yang masih dalam proses pemulihannya, serta berbagai ramalan, andaian dan risiko-risiko yang boleh menggugat proses tersebut, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala bahawa dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam, amalan pengurusan

kewangan Kerajaan yang berhemat telah dapat membantu negara mengharungi krisis kewangan dan ekonomi yang melanda dunia baru-baru ini. Walaupun pendapatan Kerajaan sedikit sebanyak terjejas oleh kemelut ekonomi tersebut, usaha-usaha bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, Alhamdulillah, masih terus dapat dilaksanakan.

51. Walaubagaimanapun, semua pihak perlulah juga menyedari bahawa keupayaan Kerajaan untuk berterusan melaksanakan projek-projek dan program-program, bagi kesejahteraan rakyat dan penduduknya, adalah banyak bergantung kepada kemampuan negara untuk memperolehi sumber pendapatan yang sustainable. Oleh itu, usaha-usaha perlulah diper-giatkan untuk mempelbagaikan aktibiti per-ekonomian dan sumber pendapatannya, supaya per-gantungan kepada sumber asli yang terhad, seperti sektor minyak dan gas ini akan dapat diimbangi, Insya Allah.

52. Kearah itu, kerjasama semua pihak, termasuk orang ramai dan pihak swasta adalah diperlukan bagi sama-sama mendokong aspirasi negara bagi mempelbagaikan aktibiti ekonominya. Dalam masa yang sama, melalui sumber pendapatan yang sedia ada,

kita perlulah mengamalkan sikap berjimat cermat dan mengelakan pembaziran. Agensi-agensi Kerajaan perlulah berusaha meningkatkan tahap efficiency dalam menyalurkan perkhidmatan mereka dengan jua menekankan “cost-effectiveness” melalui perancangan yang teratur dan pelaksanaan yang teliti dan sempurna.

53. Dalam hubungan ini, saya sukacita mengambil kesempatan untuk memetik Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Keputeraan Baginda kali ke 55 tahun pada 15 Julai 2001 pada mana Baginda bertitah:-

“Disamping menerapkan ‘Value for Money’ ke atas penggunaan peruntukan kerajaan, segala bentuk pembaziran juga hendaklah diatasi dan dielakkan. Begitu juga hasil-hasil, hendaklah dikutip dan diperhitungkan dengan jujur dan amanah supaya dinikmati bersama, oleh generasi-generasi akan datang.”

54. Ke arah itu, bagi membolehkan program-program yang telah diaturkan dapat dilaksanakan, adalah penting supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini, disokong, untuk dijadikan satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan daripada Peruntukan Kumpulan wang yang

Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu, sepanjang Tahun 2010/2011. Mudah-mudahan program-program dan projek-projek yang dirancang dan bakal dilaksanakan ini akan membuahkan hasil yang baik, dan akan dapat meningkatkan lagi keamanan dan kemakmuran negara secara berterusan selaras dengan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar negara kita ini, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, akan sentiasa menjadi negara Darussalam "Baladatul Tayyibatun, Warabbun Ghafur", iaitu negara yang baik (aman makmur), yang mendapatkan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengampun. Maka saya memohon supaya undang-undang ini diluluskan.

Sekian, Wabillahitaufik Wal-Hidayah,
W a s s a l a m m u a l a i k u m
Warrahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Saya ingin berdiri untuk memberikan tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua (II) dan menyokong usul yang telah dikemukakannya untuk dibacakan bagi kali kedua dan seterusnya diluluskan.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cadangan Ahli Yang Berhormat daripada Menteri Kewangan II (Kedua) tadi yang dibaca panjang lebar telah mendapat sokongan. Maka untuk memberi peluang kepada Ahli-Ahli memikirkan dengan sebaik-baiknya saya tangguhkan majlis ini dan akan disambung pada jam 2.30 petang.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)
Mesyuarat disambung pada
jam 2.30 petang**

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula sebagaimana dijelaskan pagi tadi. Suatu Akta untuk Perbekalan tahun 2010/2011 telah dibahaskan, dikemukakan oleh Menteri Kewangan dan mendapat sokongan daripada Menteri Pelajaran. Sekarang saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli kiranya akta ini dibahaskan. Sekiranya tidak ada Ahli-Ahli ingin membahaskan. Saya minta sesiapa.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih, menjunjung kasih Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan (II) Kedua yang telah menerangkan dengan panjang lebar akan objektif belanjawan tahun 2010/2011 dan juga menerangkan akan perancangan-perancangan yang akan diperuntukkan kepada Kementerian-Kementerian dan pihak-pihak yang berkenaan untuk mengusahakannya termasuklah juga memberikan latihan-latihan training

dan bantuan-bantuan yang akan diberikan kepada pihak-pihak yang tertentu dengan begitu lengkap. Ada juga disebut di sana pendapatan negara dan perbelanjaan, yang mana akan menghadapi *deficit* kira-kira lebih \$1 billion. Ini bergantung kepada hasil pendapatan dengan kenaikan, turunnya harga minyak pasaran dunia sebagaimana asas utama pendapatan negara.

Sebagaimana yang kita maklumi kerajaan juga telah mempraktikkan *cooperation* dan *privation terhadap* perkhidmatan-perkhidmatan seperti Telekom, Telbru, DST, B-Mobile dan juga di bidang *Brupetro Chemical Industries* seperti *Methanol* dan lain-lain.

Soalan saya adakah ini dapat dijadikan sebagai penampung atau penambah kepada pendapatan negara selain dari hanya mengenakan cukai kepada perusahaan tersebut? Kedua. Adakah dalam perancangan Kerajaan untuk mengadakan penswastaan bagi perkhidmatan-perkhidmatan authority yang lain seperti perkhidmatan elektik, air dan sebagainya. Selain daripada bergantung kepada pendapatan dari hasil minyak dan gas. Kerajaan juga mengalakkan untuk mempelbagaikan ekonomi dan menarik

pelabur luar, iaitu FDI. Forum Development Investment. Salah satu projek mega yang pernah hangat dibincangkan ialah projek PMB. Iaitu Projek Pulau Muara Besar.

Di mana BEDB telah melantik satu consortium dari Singapura iaitu Sabana. Untuk menjalankan kajian bagi plan Induk Pulau Muara Besar. Perlantikan ini telah dibuat pada bulan Oktober tahun 2008. Ketika Majlis Perlantikan yang diadakan pada bulan Oktober itu, saya difahamkan bahawa di antara teras perancangan Pembangunan PMB ialah untuk memberi peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Saya ingin bertanya apakah status plan Induk pembangunan PMB setakat ini? Adakah perancangan PMB telah dapat disiapkan dan bagaimanakah perancangan Plan Induk ini akan dapat menjana peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk dan rakyat negara ini?

Dalam hubungan itu juga, saya difahamkan bahawa satu syarikat tempatan bernama Petro-Bru dengan inisiatif mereka sendiri menjalankan kajian terperinci mengenai usul-usul membangunkan Loji Penapisan Minyak di Brunei dan mengikut kajian Petro-Bru dijalankan dengan kerjasama badan-badan

Kerajaan dan juga BEDB. Ketika kajian awal Petro-Bru telah menandatangani MOU bersama dengan Unit Petroleum pada bulan Januari 2008 bagi pertukaran maklumat untuk kemungkinan membangunkan Loji penapisan di Pulau Muara Besar. Kajian awal berkenaan telah merumuskan bahawa Brunei amnya dan Pulau Muara Besar khususnya berpotensi untuk membangunkan Loji Penapisan Minyak di negara ini. Kita faham Petro-Bru telah seterusnya menjadikan, menjalankan detail study menggunakan khidmat perundingnya *world mechanize*. Sebuah syarikat perunding minyak yang terkemuka di dunia. Kajian yang mengambil masa selama 9 bulan itu telah pun siap dijayakan.

Hasil kajian tersebut telah dikemukakan kepada Kerajaan melalui satu Majlis yang telah diselenggarakan BEDB. Di antara kelebihan-kelebihan yang telah dapat diberikan oleh pembangunan Loji Penapis ini ialah menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar sektor swasta memainkan peranan sebagai jentera pemankin Pembangunan Ekonomi. Dan kedua memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk di negara ini. Difahamkan bahawa operasi Loji Penapisan ini sahaja boleh menampung peluang

pekerjaan sebanyak 2000 orang dan menarik pelaburan asing terus melalui usaha sama, membangun projek-projek penapis ini. Dan seterusnya untuk mempercepatkan pertumbuhan tenaga insan melalui teknologi transfer dengan rancangan jangka panjang untuk berdikari.

Jadi soalan saya adakah plan perancangan Petrol-Bru boleh dimajukan dan apakah insentif-insentif yang dapat ditawarkan oleh badan-badan Kerajaan untuk membantu Petrol-Bru untuk membantu menjayakan perancangan ini.

Begitulah yang dapat saya kongsi bersama untuk mempelbagaikan dan menambahkan lagi pendapatan Negara. Dan seterusnya saya sukacita menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan (II) Kedua itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, salam sejahtera. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengemukakan dua soalan ;-

1. Mengenai dengan bayaran-bayaran yang masih tertunggak. Kita semua

maklum bahawa bayaran-bayaran seperti bil-bil air, elektrik, cukai tanah, cukai pintu dan skim perumahan masih banyak lagi belum dijelaskan oleh orang-ramai kepada kerajaan. Pada bulan Mac 2008, jumlah yang tertunggak ialah \$475.8 juta. Sedangkan wang yang tertunggak itu seperti yang dinyatakan oleh yang Berhormat Menteri Kewangan (II) (Kedua), tadi boleh dilunas semula untuk membiayai projek-peojek di masa hadapan. Apakah tindakan pihak Kerajaan menangani perkara ini? dan sejauh ini apakah penghasilannya?

Di samping itu pihak Kerajaan mestilah juga prihatin kepada masalah *cash floor*, yang dihadapi oleh syarikat-syarikat, koprat seperti TelBru, DST, B-Mobile dan sebagainya disebabkan tunggakan pembayaran dari pihak dari Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan ;

2. Pada permesyuaratan kita pada kali ini, kita akan meluluskan peruntukan sebanyak hampir \$4 billion. Adalah difahami bahawa tambahan ini diperlukan disebabkan peruntukan ini diperlukan sebab

kenaikan gaji kakitangan Kerajaan yang sedia ada untuk perkhidmatan-perkhidmatan. Saya ingin bertanya adakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan, tadi kalau Yang Berhormat sebelah sini, ada menyuarakan mengenai dengan penswastakan saya ingin mengemukakan penswastakan khusus. Kita juga maklum bahawa Kerajaan pada masa ini sudah pun melantik sebuah konsultan antarabangsa untuk membantu Kerajaan ke arah penswastakan. Soalan saya adakah konsultan ini juga di *term of referencenya* untuk mengkaji untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dalam PE ini? Terima kasih Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua..

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya untuk menyatakan sokongan saya atas cadangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan (II) Kedua, iaitu Rang Undang-Undang 2010 Perbekalan, 2010/2011 bagi pengeluaran dan peruntukan wang kira-kira \$5 billion.

Saya tidak akan menyentuh dengan panjang lebar atas apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan (II) Kedua pagi tadi. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat atas huraian, atas penyampaian Perbekalan 2010/2011. Ia merupakan satu budget, satu perbekalan yang pro-business. Salah satu daripada langkah-langkah untuk perkembangan swasta, perkembangan *private sector* ataupun *business*, ialah menurunkan cukai pendapatan, koprak, koprak tax kepada 22 % yang dahulunya saya tahu koprak tax ini 30%, lepas itu diturunkan kepada 27.5 % dan lepas itu 25.5% dan lepas itu juga diturunkan kepada 23.5%. Juga untuk membantu mengurangkan babanan cukai koprak, kepada *private sector*. Potongan tambahan iaitu *deduction* dukacita sebanyak satu kali atas perbelanjaan bagi bayaran sumbangan majikan kepada TAP dan PCT.

Saya ada satu pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), iaitu baru-baru ini saya terbaca di salah satu surat khabar tempatan, iaitu satu penemuan Audit, dalam tempoh 2003 hingga 2008, menyiarkan kelemahan dalam pengurusan kewangan dan harta benda kerajaan membabit jumlah

\$163 juta. Apakah langkah-langkah yang akan diambil? ataupun diambil supaya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi akan dapat dielakkan? Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang saya hormati sekalian. Bagi membantu mengurangkan *deficit*, perbelanjaan pihak Kerajaan, yang dijangka akan mengalami *deficit* sebanyak kira-kira \$1.02 billion itu seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) pagi tadi, dan sebagai usaha menjana ekonomi negara, saya ingin menyuarakan sumbangan, pandangan seperti berikut :-

Kita semua maklum bahawa Kerajaan telah memberi subsidi minyak diesel, semua gasoline iaitu regular dan super dan domestik minyak crosine hanya minyak aircraft atau kenderaan udara tidak disubsidi oleh Kerajaan, kalau tidak silap saya. Dalam tahun 2007 dianggarkan kira-kira \$400 juta dan dalam tahun 2008 dianggarkan lebih

kurang \$230 juta kalau salah perbetulkan saya. Subsidi yang diberikan oleh Kerajaan kepada pengguna komuniti ini. Subsidi yang paling tinggi ialah minyak diesel bukan terhadap pengguna kenderaan tetapi kepada pengguna yang terdiri dari industri-industri, bagaimana kita boleh menjimatkan subsidi sebegini besar tanpa melibatkan sektor yang bukan industry seperti berikut ;-

Dua. Jenis minyak kenderaan di Negara Brunei Darussalam ini iaitu Regular mengandungi kadar optana atau hydrocarbon 85, premium mengandungi kadar optana 92 dan 97 dan saya difahamkan bahawa di Negara Brunei Darussalam kira-kira 90% kenderaan boleh menggunakan minyak yang kadar optananya 95 majority digunakan oleh orang kebanyakan manakala pengguna kenderaan mewah luxury cars hanya 10% .

So' dalam hubungan ini mengapa tidak Kerajaan membuat satu peraturan menjual minyak yang mengandungi kadar optima 95 sahaja kerana ini dapat menjimatkan kos menghasilkan premium yang boleh digunakan oleh majority kenderaan seperti yang saya sebutkan di atas tadi. Sementara itu pemberian subsidi kepada industri-industri haruslah dikaji semula. Kalau perlu dan munasabah alasan kita

hendaklah ditiadakan, kecuali sekiranya mereka dapat merendahkan harga produk-produk mereka atau mereka atau jika mereka dapat menunjukkan satu inisiatif untuk mengambil pekerja-pekerja anak tempatan atau peluang-peluang bisnes kepada anak-anak tempatan dan barulah dipertimbangkan subsidi terhadap mereka. Itupun diberi mengikut kadar peratus banyaknya anak tempatan diambil bekerja dan peluang bisnes yang diberikan seharusnya Kerajaan hanya memberi subsidi pada kenderaan-kenderaan dan kapal atau bot yang memberikan kemanfaatan kepada pengguna-pengguna yang majority, penglibatan sedemikian ini boleh membantu menjana ekonomi negara dan sekaligus dapat membantu perbelanjaan kerajaan bagi pembangunan infrastruktur negara dan lain-lain perbelanjaan.

Saya sukacita mencadangkan supaya perkara ini akan dapat difikirkan secara mendalam dan terperinci dan seterusnya satu kajian yang terperinci dapat diusahakan dengan mengambil kira sebarang *sensitivity* jika ada. Sekian saja Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan yang dapat peramba sumbangkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahmanir

Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wataala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, pertamanya peramba sangat-sangat menyokong sepenuh-penuhnya apa yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan (II) Kedua sebagaimana apa yang telah diterangkan dengan begitu panjang lebar mengenai dengan penjaan kewangan Negara. Memang amat mudah apabila kita mendengar apa yang telah diterangkan oleh Menteri Kewangan (II) Kedua tetapi bukan mudah bagi kita untuk menambahkan kewangan Negara Brunei Darussalam. Jadi di sini peramba ingin menggabungkan diri untuk menyumbangkan cadangan-cadangan mengenai dengan kewangan ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan. Sekitar tahun 2008 rakyat telah diperingatkan dengan Skim Cepat Kaya dan sekitar tahun 2009 yang lalu rakyat sekali lagi digemparkan dengan salah satu skim yang giat beroperasi di negara ini untuk menarik pelanggan di negara ini sehingga ada yang telah terpedaya dengan skim berkenaan.

Dalam hubungan ini peramba sangat-sangat merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang mana telah cepat bertindak bagi

menyedarkan rakyat negara ini iaitu untuk mengadakan jerayawara ke seluruh daerah di negara ini. Apa yang peramba hendak tanyakan di dewan yang mulia ini, adakah perancangan kita khususnya Kementerian Kewangan untuk mewujudkan skim-skim tertentu dalam bentuk pelaburan yang boleh disertai oleh keseluruhan rakyat di Negara ini tanpa mengira mereka masih berkhidmat dengan kerajaan mahupun mereka ini sudah bersara mahupun daripada orang ramai jua yang telah diamalkan oleh negara jiran.

Peramba yakin dengan wujudnya skim sedemikian ini rakyat bukan hanya berpeluang untuk ikut serta melabur akan tetapi memberikan keyakinan kepada mereka kerana skim ini diusahakan oleh Kerajaan yang berauthority. Sekian Wassalamualaikum Warahmatullahi Wataala Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Kiranya ada yang ingin membahaskan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Peramba ingin menimbulkan sedikit perkara iaitu mengenai dengan projek-projek Kerajaan yang

disenaraikan dalam Rancangan Kemajuan Negara 2009/2010 dan 2011. Kalau kita melihat daripada senarai projek-projek kemajuan yang ada dalam peruntukan yang disediakan ini nampaknya ada beberapa projek yang telah dibenarkan pada tahun lepas, dan mungkin sebelum tahun sebelumnya tidak berjalan sama sekali dan peruntukannya terpaksa dibawa ke tahun hadapan. Projek yang diluluskan dan disediakan peruntukannya pada tahun 2009/2010 telah dibawa semula ke tahun 2010 dan 2011. Kerana projek ini tidak dimulakan sama sekali tetapi ada juga projek di antara projek itu telah dimulakan dan peruntukan yang dipohonkan pada tahun 2010/2011. Setelah digunakan pada tahun berikutnya telah berkurang dan ini menunjukkan bahawa projek itu telah berjalan telah dimulakan pada tahun lepas. Permohonan *revote* ini adalah wajar.

Peramba ingin bertanya kenapakah projek-projek yang telah dibenarkan pada tahun lepas dan tahun-tahun sebelumnya itu tidak dimulakan sama sekali, tidak berjalan sama sekali pada tahun-tahun tersebut hingga dibawa peruntukannya masa ini. Mungkin peruntukan yang dipohonkan pada masa ini yang sebanyak \$4 billion lebih, tidak akan digunakan semuanya mungkin ada lebihnya.

Selain daripada itu, peramba ingin menimbulkan mengenai dengan jawatan-jawatan kosong di Jabatan-Jabatan Kerajaan. Kalau kita melihat jawatan-jawatan di jabatan-jabatan yang disenaraikan ini, ada jawatan itu sudah kosong bukan dari tahun lepas tetapi dari tahun sebelumnya hingga masa ini masih kosong dan dipohonkan dalam peruntukan tahun ini. Sedangkan orang yang memohon pekerjaan sangat banyak. Jadi peramba ingin mencadangkan supaya jawatan-jawatan ini akan dapat dipercepatkan untuk diisikan dan supaya cara-cara proses pengambilan pekerja-pekerja bagi mengisi jawatan-jawatan kosong ini akan dapat direview supaya dapat dipercepatkan. Sekian Yang Di-Pertua.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kiranya ada Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin membahaskan, sila angkat tangan. (tidak ada).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kami di sini tertarik dengan beberapa pertanyaan yang telah pun ditimbulkan. Tetapi sebenarnya atas perasaan setia kawan kami di sini hanya

mendengar pada ketika ini dan kalau boleh Ahli-Ahli di sebelah sana barangkali menimbulkan soalan-soalan yang sedemikian itu apabila kitani karang berpindah kepada mempertimbangkan cadangan-cadangan secara terperinci dan kitani bermesyuarat dalam Komiti.

Kalau dilihat daripada *standing order* Majlis ini, sesudah kitani membaca Rang Undang-Undang ini bagi kali yang kedua, kitani hanya membahaskan perbahasan kitani itu kepada asas dan buruk baiknya Rang Undang-undang itu. Jadi barangkali ada baiknya kalau kitani tumpukan perhatian kitani kepada asas Undang-Undang yang telah pun dikemukakan untuk dibincangkan dan jika sekiranya ada pertanyaan-pertanyaan secara khusus itu ada baiknya dikemukakan apabila kitani bersidang secara Komiti kemudian. Begitulah Yang Di-Pertua Dewan penerangan daripada pihak di sini.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah dihadapkan ke Majlis pada hari ini ialah Belanjawan. Saya bertanya, siapa yang bersetuju pada Rang ini, sila angkat tangan. (Semua Ahli mengangkat tangan). Siapa yang tidak bersetuju, sila angkat tangan. (tidak ada).

Nampaknya semua Ahli bersetuju atas Rang Undang-Undang yang dibahaskan tadi dan kita akan meneliti lebih lanjut mengenai dengan Rang ini menerusi Jawatankuasa.

Jurutulis: Suatu Rang Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2010/2011 Dan Untuk Memerintukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa kesemuanya untuk membincangkan Bab Akta Rang Undang-Undang satu persatu.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis Bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: 2(1) dan (2) di persetujui.

Jurutulis: Bab 2 (1) dan (2) dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA01A - Jabatan Perdana Menteri.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang

Berhormat sekiranya tidak ada yang ingin menyoalkan Bab SA01A - Jabatan Perdana Menteri. Sila.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Terima kasih Pengiran Pengerusi. Saya mempunyai satu pertanyaan iaitu, sejak kita mencapai Kemerdekaan penuh pada tahun 1984, jawatan Setiausaha Tetap telah ditubuhkan di setiap Kementerian dengan portfilio masing-masing dan tahap kuasa yang sama. Setiausaha Tetap merupakan satu jawatan yang tertinggi di Jabatan Perkhidmatan Awam. Tujuannya barangkali bagi memastikan dan mengatur arah-tuju segala pengurusan Pentadbiran Awam Kerajaan supaya lebih terurus...,

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat masalah jawatan dan tugas-tugas mereka semua pun orang faham, jadi perkara ini janganlah dibawa kemari. Baca apa yang sebenarnya tidak dipersetujui dicadangkan ataupun ingin dipinda. Jadi tafsiran jawatan itu semua pun orang tahu tak payah dibincangkan dalam mesyuarat kita pada petang ini.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Pengiran Pengerusi, saya cuma ingin mengajukan jawatan Setiausaha Tetap...

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Apakah pertanyaan?

Yang Berhormat Awang Mohd. Haji Shafiee bin Ahmad: Pertanyaan saya ingin mencadangkan, bahawa kita hanya mempunyai Setiausaha Tetap, jadi tidakkah di dalam perancangan Kerajaan untuk menubuhkan satu jawatan Ketua Setiausaha Tetap untuk semua kementerian bagi mengawasi dan memantau tugas semua Setiausaha-Setiausaha Kerajaan? Itu saja terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Nampaknya itu adalah satu cadangan daripada Yang Berhormat itu, dan pada masa ini kita mempunyai Ketua Pegawai Civil Services iaitu Perkhidmatan Awam tapi ia bukanlah Setiausaha Tetap. Walau macam manapun saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan dan saya akan mengajukan cadangan ini kepada pihak-pihak yang berwajib untuk dipertimbangkan. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli yang bersetuju, sila angkat tangan. (Semua Ahli mengangkat tangan) Nampaknya Tajuk ini dipersetujui ramai yang mengangkat tangan jadi dengan sendirinya ia diluluskan.

Jurutulis: SAO1A - Jabatan Perdana Menteri dijadikan sebagai salah satu Jadual SAO2A - Jabatan Adat Istiadat Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli yang ingin mempersoalkan atau mencadangkan sesuatu, sila angkat tangan. (tidak ada). Jadi Tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: SAO2A - Jabatan Adat Istiadat Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. SAO3A - Jabatan Audit.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya tidak ada yang ingin mempersoalkan Jabatan ini, maka Tajuk ini diluluskan dijadikan Undang-Undang.

Jurutulis: SAO3A - Jabatan Jabatan Audit dijadikan sebahagian daripada Jadual. SAO4A - Jabatan Biro Kawalan Narkotik.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Saya berhubung dengan Kawalan Narkotik. Pada membincangkan peruntukan Biro Kawalan Narkotik ini saya sesungguhnya tertarik yang mana residen-residen yang tinggal Pusat Rawatan dan Pemulihan Pusat Al-Islah. Apakah mereka ini diberi Elaun Khas terutama residen perempuan untuk kelengkapan mereka? Kalau ada saya ucapkan terima kasih. Kalau tidak ada disarankan supaya residen perempuan ini akan dapat diusahakan untuk perbelanjaan peribadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Peramba akan menyiasat perkara ini sama ada elaun yang ditanyakan itu diberikan atau pun tidak. Sekian, Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Pengiran Pengerusi, Peramba ingin mengajukan dua pertanyaan :-

1. Sejauh ini usaha-usaha Jabatan ini dan agensi-agensi yang lain sungguh menggalakkan kerana

banyak kejayaan-kejayaan bagi memberantas sebahagian daripada penjenayah yang dapat dijejaki.

Melihat situasi yang ada, sering dilihat bekas-bekas tin minuman keras didapati di tepi-tepi jalan di kawasan-kawasan di taman persiaran dan juga di tepi-tepi pantai. Ini menunjukkan bahawasanya kemasukan minuman keras ini memang berleluasa. Saya percaya pihak berkenaan memang memaklumi dan apakah tindakan dan usaha-usaha bagi mengurangkan perkara tersebut agar perkara ini tidak akan lebih *serious* masa yang akan datang? Terutama sekali akibatnya kepada belia-belie, remaja yang mudah diperdayakan dengan dan akan merosakan akhlak belia ;

dan

2. Bagi meneliti semula kebenaran kepada penduduk yang non-muslim yang dibolehkan membawa masuk ke negara ini dalam had yang ditentukan, jadi tidak mustahil mereka ini akan mengedarkan ataupun menjual minuman tersebut

kepada orang-orang Islam terutama sekali belia-belia remaja yang mana ini akan mendatangkan impak yang merosakkan sebilangan daripada rakyat di negara ini. Sekian menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi Mengenai tin-tin minuman keras yang mungkin didapati bersepah di tepi-tepi jalan, pada masa ini pihak berkuasa tidaklah dapat menentukan sama ada tin-tin ini telah dibuang oleh belia-belia terutama sekali belia-belia yang beragama Islam. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat itu menyedari bahawa penduduk-penduduk yang bukan beragama Islam dibenarkan untuk membawa masuk minuman-minuman keras. Dan pengawalan minuman-minuman keras ini adalah satu perkara yang mungkin sukar untuk ditangani terutama sekali kalau mereka meminum minuman ini di tepi-tepi jalan dan membuang sisa-sisa ataupun tin-tin dan botol-botol minuman keras ini di tepi jalan. Jadi barangkali satu perkara yang mungkin hanya dapat ditangani dengan pelajaran sivik kepada penduduk-penduduk di negara ini

supaya jangan membuang sampah dan mengotori persekitaran kita.

Mengenai dengan cadangan supaya orang-orang yang bukan beragama Islam tentang hak mereka dibenarkan untuk membawa masuk sejumlah minuman keras untuk penggunaan mereka ini adalah satu polisi dan adalah dikawal oleh Jabatan Kastam mungkin rakan peramba Menteri Kewangan (II) Kedua dapat menjelaskan perkara ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, terlebih dahulu diucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat di sana. Sebenarnya soal-soal memasukkan minuman keras ini memang dipantau secara terperinci oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja dan ada sukat-sukatnya untuk memasukkan jumlah-jumlah tertentu saja dan dalam dua tiga tahun yang lepas perkara ini pun telah pun diperketatkan dengan memastikan jangka waktu untuk memasukkan itu adalah lebih daripada 48 jam. Insya-Allah perkara ini akan kita pantau dari masa ke semasa. Itu saja Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh:

Terima kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim. Kita semua maklum bahawa kes-kes penyalahgunaan dadah makin setahun ke setahun makin meningkat, walaupun BKN telah banyak membuat tangkapan-tangkapan pengedar dadah dengan bukti-buktinya sekali, banyak di antaranya didakwa dan dihukum mengikut kesalahan masing-masing. Tetapi ada juga yang lepas dari hukuman walaupun bukti yang ada.

Saya ingin mencadangkan supaya BKN dibekalkan dengan kakitangan yang terlatih mencukupi di samping BKN juga perlu mempunyai kepakaran, pengetahuan dan peralatan yang tidak diragui apabila dijadikan bukti dihadapan hakim agar semua tangkapan-tangkapan dan tuduhan akan tidak terlepas dan menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan mereka.

Soalan saya seterusnya, mengenai beberapa orang rakyat negara ini telah pun didakwa dan dihukum di beberapa buah negara luar. Memandangkan jenis hukuman yang mereka sedang hadapi dan mereka ini semuanya beragama Islam, saya ingin mencadangkan mereka ini di "extradite" ke negara ini untuk

menjalani hukuman yang sama, tetapi sekurang-kurangnya akidah mereka terpelihara.

Pada tahun lepas saya ada menyuarakan soalan mengenai dengan jenis-jenis latihan ataupun kursus yang diadakan di Pusat Latihan Al-Islah, saya ingin tahu apakah kedudukannya pada masa ini. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng:

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih atas cadangan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan tahanan-tahanan yang berada di luar negeri. Saya mengucapkan terima kasih dan perkara ini akan dikaji, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud:

Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, mengenai dengan pihak Biro Kawalan Narkotik yang tidak berhasil sepenuhnya untuk mendakwa pesalah-pesalah narkotik ini. Perkara yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat di sebelah sana adalah diambil ingatan dan akan disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi: Ada yang ingin membahaskan lagi, sekiranya tidak ada yang hendak membahaskan, yang bersetuju sila angkat tangan (semua ahli mengangkat tangan) tidak setuju sila angkat tangan (tidak ada) maka tajuk ini diluluskan sebagai Rang Undang-Undang.

Jurutulis: Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA05A - Biro Mencegah Rasuah.

Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat ada yang ingin membahaskan, silakan angkat tangan.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Perkara apa nama Biro Mencegah Rasuah memang sudah rapat kali kita dengar dan beberapa banyak persoalan dan persediaan Biro Mencegah Rasuah. Tetapi saya percaya walau bagaimanapun barangkali yang terdapat bak kata orang, ada dapatlah satu dua yang dapat. Tetapi saya rasa ini saya tak tau bagaimana tentu sekali ada sulit sekali orang nak menetapkan sama ada dia itu penerima rasuah atau pencegah rasuah. Kalau misalnya kedua-dua orang yang menerima

rasuah mengatakan tidak. Saya tidak menerima rasuah dan disiasat siapa. Dan kalau ada dituduh pun siapa yang memberi rasuah, ditanya orang memberi rasuah pun tidak. Saya tidak membuat apa-apa, apakah satu ikhtiar pencegah rasuah untuk mendapat proof orang ini benar-benar fasal yang menerima pun tidak mengaku yang memberi pun tidak mengaku dia memberi rasuah, tetapi sebenarnya boleh jadi adakah tidak kah, kita pun tidak tahu.

Jadi bagaimana caranya ikhtiar untuk mendapatkan yang sebenar-benarnya hal rasuah ini. Sungguhpun barangkali, saya tidak menuduh siapa-siapa, memang sudah dunia heboh pasal mencegah rasuah. Jadi supaya kita di sini sama-sama ingin mendengar bagaimana cara yang sebenar-benarnya membetulkan cara-cara rasuah yang saya katakan tadi. Orang menerima tidak mengaku dan orang memberi pun tidak mengaku. Jadi kepada siapa dan bagaimana caranya?. Barangkali tak tahulah kalau ada ikhtiar yang sempurna dapat kita dengar di sini, ingin juga saya mendapat pengetahuannya untuk ilmu dalam perkara ini. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, barangkali soalan Yang Berhormat itu satu soalan yang bukan bagi peramba untuk menjawabnya di sini. Kerana peramba tidaklah mempunyai kepakaran tentang cara-cara macammata untuk mendapati, sama ada satu rasuah itu telah dijalankan dan tindakan diambil terhadapnya. Peramba percaya bahawa pegawai-pegawai Biro Mencegah Rasuah mempunyai kepakaran dalam menjalankan tugas-tugas mereka dan jika sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat itu, di sebelah sana terutama sekali belum pernah mengadakan lawatan kepada Biro Mencegah Rasuah ini barangkali, peramba sarankan supaya satu lawatan diadakan dan soalan sebegini bolehlah ditanyakan kepada pihak-pihak yang mempunyai kepakaran itu. Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sebagaimana jawapan yang telah diberi kepada saya tadi, supaya saya bertanya kepada Biro Mencegah Rasuah, dibenarkan kah saya

memanggil dia ataupun bagaimana, adakah saya mesti mengadap Ketua Biro itu ataupun Ketua Biro itu dapat dipanggil? Kalau saya tidak mengadapkan dengan dia barangkali bukan tak bolehlah dengan telefon pun barangkali boleh. Tetapi macam-macam. Kalau sekiranya ada satu perintah barangkali boleh jadi meminta sama ada Ahli Majlis Mesyuarat inilah yang mengadap Bironya sendiri ataupun Biro itu sendiri dapat dipanggil.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba berpendapat bahawa Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat adalah mempunyai hak ataupun mempunyai kemudahan untuk meminta supaya melawat ataupun meminta penerangan daripada Jabatan Biro Mencegah Rasuah. Perkara ini tidaklah dilarang mengikut sebarang undang-undang yang Peramba ketahui. Jadi pihak Biro Mencegah Rasuah Peramba fikir tidak ada apa-apa halangan jika sekiranya ada Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin membuat lawatan dan kunjungan kepada Biro ini adalah dipersilakan, terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kalau sekiranya tidak

ada lagi tambahan untuk perbahasan maka sebahagian Rang Undang-Undang yang disebut Mencegah Rasuah diluluskan sebagai salah satu Rang Undang-Undang yang dibenarkan.

Saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli yang bersetuju pada Rang Undang-Undang ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli-Ahli bersetuju).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: SA05A - Biro Mencegah Rasuah dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita membincangkan Tajuk Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, sekiranya ada Ahli-Ahli yang ingin membahaskan di Jabatan ini, sila angkat tangan. Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya tidak ada yang ingin membahaskan maka tajuk ini kita luluskan.

Saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli yang bersetuju pada Rang Undang-Undang ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada yang ingin membahaskan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli yang bersetuju pada tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli-Ahli bersetuju).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan. (Tidak ada).

Jurutulis: SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA08A - Radio Televisyen Brunei.

Yang Berhormat Awang Sulaiman Haji Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Peramba meng-

utarakan dua perkara mengenai dengan Radio Televisyen Daerah Temburong, RTB Daerah Temburong sesuai dengan hasrat untuk menyalurkan maklumat dan apa jua perkara-perkara yang berlaku di dalam mahupun di luar negara kepada rakyat dan penduduk di daerah ini. Maka adalah perlu maklumat-maklumat ini sampai kepada seluruh penduduk terutamanya kawasan-kawasan pedalaman. Maka sehubungan dengan ini apakah ada perancangan pihak-pihak yang berkenaan untuk membina bangunan yang kekal dilengkapi dengan kemudahan peralatan-peralatan yang mencukupi seperti juga daerah-daerah yang lain sesuai dengan perkembangan RTB dengan menuju ke arah era digital.

Dan perkara yang kedua masalah yang dihadapi masih ada jua lagi terdapat kawasan-kawasan yang tidak dapat menerima dengan jelas siaran TV Brunei terutamanya kawasan-kawasan pedalaman di Mukim Bokok, Mukim Batu Apoi dan Mukim Labu. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah diambil

maklum. Satu usaha telah dibuat bagi mendirikan transporser di Mukim Batu Apoi. Dan dengan adanya transporser ini nanti kawasan-kawasan yang berkenaan akan menerima siaran dengan jelas. Sukacita juga Peramba menerangkan bahawa pada masa ini RTB memang bercadang untuk membina bangunan kekalnya di Daerah Temburong. Tetapi tapak yang bersesuaian sedang dan telah pun dipohonkan dan bila tapak ini diperolehi nanti Insya-Allah rancangan untuk membina stesen RTB yang kekal akan dilaksanakan. Terima Kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. RTB Cawangan Daerah Belait mempunyai sebuah bangunan yang cukup canggih dengan digital sekali tetapi terdapat beberapa kekurangan terutama dari segi tenaga kerja yang berkemahiran. Bagi merealisasikan inspirasi menjana inspirasi RTB, sukacita mencadangkan supaya ditambah kakitangan yang mencukupi bagi membolehkan menghasilkan lebih banyak rancangan.

Yang Kedua, mengembalikan semula siaran Berita dari Daerah Belait secara langsung melalui studionya tanpa melalui studio di Bandar Seri Begawan.

Yang Ketiga dicadangkan supaya RTB rancangan radionya selain daripada Rancangan National difahamkan ditambah rangkaian-rangkaian yang lain.

Dan yang keempat, 70% daripada kakitangan RTB di Daerah Belait masih dibayar dengan melalui *vouchers*, harus diberi pertimbangan supaya diberi Skim Bergaji Bulan atau sekurang-kurangnya Skim Bergaji Hari. Sekian, terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saranan-saranan dan cadangan-cadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu adalah diambil maklum dan akan diajukan kepada pihak RTB untuk menimbangkan cadangan-cadangan itu. Sekian, terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Sekiranya tidak ada lagi untuk membahaskan tajuk ini yang bersetuju sila angkat tangan (semua Ahli mengangkat tangan). Tidak bersetuju (tidak ada). Maka tajuk Radio Televisyen Brunei diluluskan.

Jurutulis: SA08A - Radio Televisyen Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA09A - Jabatan Penerangan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Masyarakat Mukim dan Kampong di Daerah Temburong amat mengambil baik inisiatif yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan pada masa ini iaitu mengadakan Program Bedudun Mukim dan Kampong sebagai salah satu program pendekatan masyarakat. Walau bagaimanapun, jika kita bandingkan usaha-usaha penerangan di masa lalu yang bukan sahaja menyalurkan maklumat melalui risalah-risalah ke kampung-kampung dan pedalaman malah menyatu-padukan masyarakat melalui wayang gambar secara percuma melalui kampung-kampung.

Peramba ingin bertanya apakah ada perancangan pihak Jabatan berkenaan untuk membuat pendekatan yang lebih berkesan, sesuai dengan peredaran zaman dan teknologi masa kini seperti penggunaan internet dan website. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Alhamdulillah Jabatan Penerangan

telah pun memanfaatkan media baru dalam menyampaikan maklumat seperti internet dan website. Pada tahun 2008 telah dilancarkan E-Pelita yang boleh dilayari pada setiap hari. Walau macammanapun, sebagaimana yang peramba terangkan tadi, E-Pelita ini dapatlah di access ataupun dilayari pada bila-bila masa setiap hari untuk menyebarkan penerangan. Sekian, terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Sekiranya tidak ada lagi mahu membahaskan, maka yang bersetuju angkat tangan. (semua Ahli mengangkat tangan). Tidak bersetuju (tidak ada). Nampaknya semua bersetuju maka tajuk ini diluluskan sebagai salah satu Rang Undang-Undang.

Jurutulis: SA09A - Jabatan Penerangan dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual. SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekiranya ada yang bersetuju sila angkat tangan (semua Ahli mengangkat tangan). Tidak bersetuju (tidak ada).

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih, Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam permesyuaratan ke Lima Majlis Mesyuarat Negara saya telah pun menyuarakan perlunya ada satu Skim Perkhidmatan untuk Kakitangan Professional Teknikal Kerajaan diadakan. Alhamdulillah, saya telah difahamkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Kementerian Pembangunan sedang merangka satu skim perkhidmatan untuk kakitangan professional teknikal. Saya juga difahamkan bahawa skim perkhidmatan ini hanya merangkumi professional-professional teknikal di Jabatan Kerja Raya sahaja iaitu Arkitek, Jurutera dan Juruukur Bahan.

Saya ingin tahu bilakah Skim Perkhidmatan Professional yang lainnya seperti Planning Office, Valuer, Estate Manager, Environmental Scientist, Juruukur Tanah, Pegawai Pemantauan, Pegawai IT yang bertugas di Jabatan Tanah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa., Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Jabatan Ukur dan Jabatan Kemajuan Perumahan akan dibuat. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin

Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mula-mula sekali Peramba mengucapkan terima kasih di atas persoalan ini. Memang betul rancangan sedang dibuat memberikan satu Teknikal Skim. Teknikal Skim ini pada mulanya pada masa ini hanya bagi bukan di Jabatan Kerja Raya tetapi adalah bagi yang dipanggil Jurutera, Juruukur Bahan dan Arkitek dimana saja. Jadi apa yang mustahak ialah untuk mengadakan sistem ini dahulu apabila insya-Allah ia akan berjaya ia akan dilaratkan kepada mana-mana professional yang lain bukan saja di Jabatan Tanah malah di mana-mana saja perkhidmatan Kerajaan. Sekian.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Sekiranya tidak ada lagi mahu membahaskan tajuk ini saya ini bertanya yang bersetuju sila angkat tangan (semua Ahli mengangkat tangan). Tidak bersetuju (tidak ada). Maka Tajuk ini diluluskan sebagai salah satu Rang Undang-Undang iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jurutulis: SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada yang ingin membahaskan.

Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Maka tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA12A - Polis Diraja Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Pada permesyuaratan kali ke lima pada tahun lepas saya ada menyuarakan tentang bangunan perumahan Polis IPO di Bukit Puan dan mendapat jawapan daripada Menteri berkenaan bahawa perkara tersebut akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan. Jadi, saya cuma ingin tahu apakah statusnya pada masa sekarang?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji

Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba akan mendapatkan jawapan daripada pihak berkenaan jika diizinkan jawabannya akan ditangguhkan pada masa ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Jika tidak ada Ahli-Ahli yang membahaskan maka kita beredar kepada tajuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, kita berbalik lagi kepada tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei ini diluluskan.

Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: SA12A - Polis Diraja Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada maka kita akan beralih daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kepada Unit Petroleum. Saya ingin bertanya yang setuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Jurutulis: SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA15A - Unit Petroleum.

Yang Berhormat, Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Melalui maklumat yang diterima adalah difahamkan masih terdapat orang-orang yang tidak bertanggungjawab menggunakan kereta-kereta pendaftaran tempatan bagi tujuan menyeludup minyak diesel untuk mengelirukan agensi-agensi yang berkenaan. Peramba ingin bertanya sejauh manakah keberkesanan dalam pengawalan penyeludupan minyak diesel yang disubsidi oleh Kerajaan hingga masa kini? Sekian, Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Pengiran Pengerusi nampaknya perkara penyeludupan minyak diesel terutama sekali di Daerah Temburong adalah masih berleluasa, dan juga pengawalannya adalah

tidak memuaskan pada masa ini. Perkara ini bukanlah dalam bidang Unit Petroleum mengawasinya ada beberapa agensi yang sepatutnya mengawasi perkara ataupun hal-hal penyeludupan ini.

Dan pihak-pihak yang bertanggungjawab adalah sentiasa sahaja mengadakan perjumpaan-perjumpaan dan mesyuarat untuk mencari jalan yang lebih berkesan bagi membendung perkara penyeludupan ini.

Izinkan peramba untuk berbalik kepada soalan mengenai dengan rumah kediaman APO di Bukit Puan. Jawapannya ialah bahawa pihak Jabatan Logistik, Polis Diraja Brunei pada masa ini sedang berusaha mencari tempat yang sesuai bagi memindahkan Pos Polis di Bukit Puan ini. Itulah jawapan yang peramba janjikan tadi. Sekian, Terima kasih.

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba akan mengongsikan sahaja mengenai dengan keberhasilan penguatkuasaan ke atas penyeludupan barang subsidi minyak diesel tadi, di mana sejak 1 Januari 2009 hingga 30 November

2009 beberapa tangkapan telah pun dibuat yang melibatkan barang-barang subsidi. Antaranya rampasan minyak sebanyak kira-kira 2,659.9 liter iaitu bagi minyak disel dan petrol. Di samping itu ada jua beras sebanyak 3,519 kilogram. Jadi kejayaan tersebut sememangnya tidak dapat dinafikan jua adalah bersumber maklumat dan kerjasama orang ramai yang secara tidak langsung turut berperanan menangani masalah tersebut. Di samping itu ianya juga adalah hasil daripada pemantauan dan penelitian maklumat dari Unit Risikan, Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja dan jua kerjasama kukuh dengan agensi-agensi keselamatan yang lain. Itu sahaja yang dapat peramba kongsikan. Junjung Kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Sekiranya tidak ada apa-apa perbincangan mengenai dengan Unit Petroleum, maka sekarang kita akan membincangkan di tajuk Jabatan Mufti Kerajaan.

Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: SA15A - Unit Petroleum dijadikan sebahagian daripada jadual. SA16A - Jabatan Mufti Kerajaan.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada yang ingin membahaskan, maka kita beralih kepada tajuk lain.

Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: SA 16A - Jabatan Mufti Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd.

Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Pada tahun lepas juga JPKE atau Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi telah memperkenalkan satu *mekanisme consumer watch column* atau ringkasnya CWC secara *online*. Saya ingin bertanya, bagaimanakah respon dari orang ramai?.

Adakah mengalakkan atau sebaliknya. Kalau ia dan sebaliknya apakah perancangan ditiadakan JPKE seterusnya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B)

Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud:

Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Peramba minta maaf kerana belum dapat memberikan penjelasan mengenai dengan perkara ini. Peramba akan memberikan apabila mengetahui akan jawapannya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sepertimana yang kita maklum bahawa setiap kali menjelang bulan Ramadhan maka kita dapati gedung-gedung perniagaan terpampang iklan 'Grand Sale' telah dipasang, yang mana satu tarikan pada orang ramai supaya berbelanja dalam negeri. Namun demikian bahawa pada masa yang sama mereka masih juga berbelanja keluar negeri. Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, Apa yang kita ingin tahu, kira-kira berapakah banyak wang Brunei dibelanjakan pada masa tersebut?

1. Adakah wang Brunei ini masuk balik ke Brunei sepertimana yang dibelanjakan?;
2. Adakah ianya bertambah atau berkurangan?; dan
3. Apakah satu cara untuk mengurangkan perbelanjaan di luar negara.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Soalan-soalan yang diajukan tadi adalah soalan yang bukan mudah untuk diberikan jawapannya tanpa membuat kajian-kajian. Jadi peramba memohon maaf tidak dapat memberikan penjelasan pada soalan-soalan yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diteliti dan apabila jawapannya telah pun didapati, perkara itu akan dimaklumkan. Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi telah selesai di bahaskan maka sekarang kita beralih kepada Undang-Undang. Perlu dimaklumkan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam permesyuaratan

kita ini, peringkat Jawatankuasa ini. Sebenarnya tidak banyak soalan yang didengar tadi mengenai dengan detail jumlah perbelanjaan dalam tajuk-tajuk yang berkenaan. Tetapi banyak soalan-soalan mengenai dasar. Maka dengan demikian kalau kita buat begitu juga, masa perbincangan kita dalam majlis Jawatankuasa ini akan lebih bertambah. Maka saya cadangkan silalah tengok dari satu persatu tajuk perbelanjaan yang dikemukakan untuk dibincangkan pada waktu-waktu tertentu.

Umpamanya sekarang kita akan membincangkan Bahagian Undang-Undang, di dalam kertas itu ada digariskan belanja-belanja yang tertentu kepada kumpulan-kumpulan dan nama-nama yang tertentu atau sebab-sebab, jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan pertanyaan dan persoalan mengenai dengan perbelanjaan yang didetailkan pada tajuk-tajuk yang sudah disampaikan kepada Ahli-Ahli.

Jurutulis: SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA18A - Bahagian Undang-Undang.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Satu undang-undang namanya *Legal Professional Act*, di dalamnya adalah *Legal Professional Act Contingency Fee Rule 1994 Section 65* Akta tersebut. Akta ini telah dilulus pada 1 haribulan Julai 1994. Akta ini adalah digunakan di United Kingdom dan Australia, tetapi tidak ada dalam Asia kecuali Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Tujuan akta ini adalah untuk menolong orang membuat tuntutan *claim* bagi *third party injury*. Misalannya kalau seorang itu mendapat kecederaan dalam satu kemalangan, maka seorang *lawyer* bolehlah menolong orang itu membuat tuntutan atau *claim*. Di bawah *contingency* ini, satu *claim award* yang diputuskan oleh Mahkamah, *lawyer* akan mendapat 30% dan orang-orang yang cedera itu mendapat 70%. *Third party claim* ini sudah menjadi *business* besar di Negara Brunei Darussalam dan membuat *motor insurance* dalam dilema kerana peguam-peguam hanya memberikan fokus kepada *third party claim* sahaja. Sebagai contohnya apabila seorang mendapat cedera dan masih dalam di hospital, kakitangan *lawyer* akan berada di tempat katilnya sebelum ia sembuh kerana di hospital adalah

informernya. Kakitangan *lawyer* ini menawarkan untuk membantu orang yang cedera membuat *claim* dari syarikat *insurance* selalunya ialah di panggil *ambulance chasing*.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, baru-baru ini adalah satu *claim* delima makataldin memberikan award sebanyak \$36 juta kepada seorang budak kerana cedera dalam kemalangan. Jumlah \$36 juta ini adalah award yang terbesar di dalam Asia untuk satu orang kanak-kanak.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, syarikat-syarikat *insurance* tidak ada halangan tetapi dalam hal ini perlulah *transparency* dalam pembahagian award ini. Perlulah di tanyakan oleh Mahkamah berapalah untuk *lawyer* dan berapalah untuk orang-orang yang cedera itu. Keduanya, tempat *court* membuat keputusan juga boleh dinaikkan jumlahnya, misalannya kemalangan ini berlaku pada tahun 2000 dan keputusan dibuat dalam tahun 2008. Dimana *court* memberikan award...

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Di dalam kita bermesyuarat iaitu Mesyuarat Jawatankuasa mengenai dengan rang undang-undang yang kita bincangkan pada tengahari ini. Saya ingin meminta Ahli Yang Berhormat apa-apa pertanyaan

untuk pihak-pihak yang berkenaan yang ada dalam majlis ini kemukakan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Saya minta maaf Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Fasal barang ini cuma di dewan yang mulia ini peramba boleh dilepaskan. Latah kalau boleh peramba menjunjung kasih untuk peramba habiskan dulu barang ani. Menjunjung kasih. Masalahnya ada satu *claim* pada tahun 2000, keputusannya di buat dalam tahun 2008, dimana *court* memberikan *award* \$300 ribu. Maka pihak *insurance* juga membayar interest di atas bagi tempoh 8 tahun ini. Kalau interest 8% setahun, ertinya kalau 8 tahun ialah 64%. Semua jumlah *interest* sama *award*nya adalah \$492 ribu.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Inilah bukan salah syarikat *insurance* tetapi kerana *court* adalah lambat membuat keputusannya. Saya harap barang ni, yang berkuasa bolehlah kalau dapat bincangkan sama AG, pasal bunga interestnya. *Insurance* itu tidak langsung tidak boleh bayar. pasal lambatnya bukannya pasal *insurance*, pasal *court award* lambat. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Oleh yang demikian,

Pejabat Peguam Negara mestilah menyiasat dan ada satu *guideline* untuk lawyer supaya tidak ada fokus pada di *claim* saja. Kalau Pejabat Peguam mestilah adakan satu jawatankuasa untuk menelitikan lawyer mengikut peraturan *contingency rule*. Janganlah menurut akta. Kalau ada lawyer yang *abuse*. Tindakan mestilah diambil. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Apa juga saranan-saranan dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diteliti dan akan disampaikan kepada pihak-pihak yang berkuasa untuk menimbangkannya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin mengongsikan sahaja mengenai dengan perkara-perkara yang di bangkitkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu mengenai dengan insuran. Yang mana, sebagaimana yang difahami. Pengawal Salia kegiatan aktiviti Syarikat-Syarikat insuran dan takaful di negara ini adalah sebenarnya bahagian Institusi Kewangan, di

Kementerian Kewangan. Jadi memang perkara ini disedari dan dalam menangani masalah ini. Bahagian Institusi Kewangan, Kementerian Kewangan antara lain telah mengambil beberapa langkah ;-

1. Mengadakan perbincangan dari masa ke semasa dengan wakil-wakil dari persatuan Insuran Am Negara Brunei Darussalam dan Syarikat-Syarikat Takaful ;
2. Mengadakan perbincangan dan Agensi-Agensi Kerajaan yang berkenaan seperti Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Pengangkutan Darat selaku stick holder dalam isu ini. Memang benar, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, pada masa ini berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa. Tuntutan *liability* adalah unlimited seperti yang dipraktiskan di negara-negara jiran juga mengambil kira bahawa negara kita juga, guna pakai sistem di bawah British Law ;

3. Insya-Allah akan meneliti untuk mengubal semula akta kenderaan bermotor yakni bahaya-bahaya pihak ketiga penggal 90 yang telah telah dikuatkuasa sejak tahun 1958; dan
4. Kita juga akan meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai terutama pemegang polisi tentang Insuran dan terma-terma yang diguna pakai. Insya-Allah, jadi itu sahaja yang dapat peramba kongsiikan untuk makluman dewan ini. Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengerusi: Yang Berhormat sekarang sudah jam 4 lalu sedikit. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya memohon yang bersetuju pada Bahagian Undang-Undang sila angkat tangan. (Semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju. Sila angkat tangan (Tidak ada). Nampaknya ramai yang bersetuju mengenai dengan bahagian undang-undang.

Jurutulis: SA18A - Bahagian Undang-Undang. Dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual.

00Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang sudah jam 4 lalu. Maka persidangan kita di dalam Majlis Jawatankuasa. Saya tangguhkan dan kita berbalik semula bermesyuarat dalam Majlis Mesyuarat Negara. Terima kasih.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

DEWAN MAJLIS**Selasa, 30 Rabiulawal 1431 / 16 Mac 2010****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni Al-
Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua ,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA
JAWATAN (PERDANA MENTERI
DAN MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam, Perdana Menteri,
Menteri Pertahanan dan Menteri
Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji Al-
Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),
The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour
(Lao), DSO (Singapore), Order of
Lakandula with the Rank of Grand
Cross (Philippines), DSO (Military)
(Singapore), PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana
Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei
Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato
Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman
bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,
PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI.,
PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji
Ahmad bin Haji Jumat, PSNB.,
SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan
Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato
Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin
Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB.,
PHBS., PIKB., PKL., Menteri
Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Adanan
bin Begawan Pehin Siraja Khatib
Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.
Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB.,
PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin

Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK.,
PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Hamzah
Pahlawan Dato Seri Setia Awang
Haji Abdullah bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar
Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan
Awang Haji Mohammad bin Haji
Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ.,
DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato
Seri Setia Awang Haji Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji
Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB.,
PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-
Sumber Utama, Negara Brunei
Darussalam.

**(Tidak hadir sebelah petang
kerana ada urusan tertentu)**

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato
Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman
bin Haji Ibrahim, PSNB.,
DPMB., PIKB., PKL., Menteri
Kewangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa
Dato Seri Setia Awang Lim Jock
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
ORANG YANG BERGELAR :**

Yang Amat Mulia
Pengiran Setia Negara Pengiran
(Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran
Haji Abdul Rahim, DK., SPMB.,
DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kol (B)
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd.
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,
Timbalan Menteri Pertahanan,
Kementerian Pertahanan,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
ORANG-ORANG YANG TELAH
MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato
Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking, SMB., PSB.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin
Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin
Ahmad,
Daerah Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato
Paduka Awang Haji Muhammad
Taha bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Haji Judin Haji Asar,
DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia
Dayang Rose Aminah binti Haji
Ismail,
Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis
Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat disambung pada jam
9.30 pagi.**

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir
Rahim, Mesyuarat Pertama dari
Musim Permesyuaratan Ke enam
bagi Majlis Mesyuarat Negara, iaitu
bagi hari yang ke empat disambung
semula dengan didahului bacaan
Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Doa Selamat dibacakan oleh Yang
Dimuliakan Pehin Khatib Awang
Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam
Jame' Asr Hassanil Bolkia).**

(Membaca Doa Selamat)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang
Berhormat. Sebelum kita
menyambung semula persidangan
ini, ada satu perkara yang belum
dapat kita selesaikan, yang
sepatutnya di buat awal lagi, tetapi
oleh kerana Yang Berhormat Menteri
yang akan menjawab persoalan ini
tidak hadir, maka sekarang kita
menyambung dan mempersilakan

soalan jawab mulut daripada Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, sekarang saya mempersilakan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Disini peramba akan mengajukan soalan mulut yang peramba ringkaskan seboleh-bolehnya untuk menjimatkan masa. Soalan ini peramba tujukan kepada Kementerian Pembangunan, iaitu yang bertajuk Projek Pembinaan Jambatan dan Pembinaan Jalan Raya yang menghubungkan Daerah Brunei dan Muara khususnya ke Daerah Temburong dengan menyebarangi Sungai Brunei ke Pulau Berembang. Faedah-faedah cadangan untuk membina jambatan dan seterusnya pembinaan jalan raya yang menghubungkan Daerah Brunei Muara dengan Daerah Temburong, khususnya dalam jangka masa yang panjang dan melalui Pulau Berembang, iaitu yang terdapat di dalamnya ialah Kampung Menunggul dan seterusnya melalui Kampung Bolkiah 'B', Sungai Butir dan menyeberang ke Kampung Buang Sakar.

Jadi bukan sahaja akan dapat mengembang majukan kawasan-

kawasan yang selama ini belum dapat di datangi melalui kenderaan darat yang berpotensi untuk dijadikan pusat pelancongan, tetapi juga boleh digunakan sebahagian alternatif menuju ke Bandar Seri Begawan bagi mereka yang tinggal di kawasan-kawasan termasuk Mukim Lumapas dan kampung-kampung yang sekitarnya. Untuk mengelakkan kesesakan jalan raya yang telah dimaklumi iaitu di kawasan Bunut, Kawasan Kilanas, kawasan Kampung Bengkurong dan kawasan Kampung Junjungan, khususnya Jalan Junjungan / Masin. Jadi disini peramba ingin bertanya:-

- a) Apakah status cadangan projek ini, sama ada ianya di masukkan dalam Rancangan Kemajuan Ke-9 atau tidak?;
- b) Jika rancangan ini telah di masukkan adakah sudah satu tawaran, suatu yang sudah dibuat (*tender*) untuk membuat kajian kemungkinan (*feasibility study*) bagi projek ini di keluarkan? dan jika sudah berapa banyakkah syarikat-syarikat dan konsultan-konsultan dari dalam dan luar negeri yang membuat tawaran; dan

- c) Berapa lamakah rancangan ini dijangka akan dapat dilaksanakan?

Sekian menjunjung kasih. Wassalam mualaikum Warahmatullahi Wata'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Mula-mula sekali peramba menjunjung ampun kerana akan menjawab belum kena lagi, tetapi peramba fikir bahawa soalan ini sudah dikemukakan rupanya, belum. Peramba sukacita menerangkan bahawa kajian kemungkinan untuk menghubungkan Daerah Temburong dengan Daerah Brunei dan Muara tidak akan melalui kawasan Pulau Berambang, Kampung Menunggul dan Bolkiah 'B'.

Projek bagi meliunkan atau melalukan jalan daripada Berambang, Kampung Menunggul dan Kampung Bolkiah 'B' dan Sungai Butir dan Buang Sakar adalah satu projek yang sendirinya yang belum ada dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Yang Ke-9. Tetapi walau bagaimanapun ura-ura untuk

menubuhkan projek ini akan sentiasa diambil perhatian dalam perancangan Projek Kementerian Pembangunan. Jadi untuk menyatakan bilakah projek ini akan dapat dilaksanakan belumlah dapat diketahui sehingga projek itu dapat dijalankan dengan secara jelas.

Walau bagaimanapun, menyentuh mengenai dengan kesesakan jalanraya di kawasan-kawasan yang di sebutkan itu, Alhamdulillah pihak Jabatan Kenderaan Darat dan Polis Di-Raja Brunei telah mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengendalikan kesesakan jalanraya itu.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa projek-projek yang masa ini dijalankan untuk menangani keadaan kesesakan jalan raya itu seperti melebarkan Jalan Junjungan, Jalan Lumapas dan Jalan Kasat yang menelan belanja sebanyak \$12.5 juta. Jalan Bengkurong dan Jalan Masin di lebarkan pada tahun lepas dan belanja \$4 juta dan kerjakerja menaikkan taraf Jalan Putat sedang juga berjalan dengan belanja sebanyak \$2.4 juta.

Jabatan Kerja Raya telah mengumpul data-data trafik semasa kesibukan di persimpangan Jalan Tutong dan Jalan Telanai kepada

analisa data-data trafik. Jabatan Kerja Raya telah memperbaiki *timing* atau jangka waktu bagi lampu-lampu isyarat yang sedikit sebanyak telah dapat mengurangkan kesesakan jalan raya itu. Tetapi tidak dinafikan bahawa keadaan itu masih lagi sesak. Jabatan Kerja Raya sentiasa memantau keadaan trafik di jalan-jalan utama dan mencari jalan untuk menggelakan dan mengurangkan kesesakan jalan.

Disamping itu juga Jabatan Kerja Raya mengadakan muzakarah bersama dengan pihak Polis Di-Raja Brunei dan Jabatan Pengangkutan Darat Kementerian Perhubungan mengenai dengan pengawalan U-turn di sepanjang Jalan Tutong dan di kawasan Kampung Bunut. Dengan pengawalan U-turn yang lebih efisien kesibukan jalanraya di Jalan Tutong diharap akan dapat di kurangkan sedikit sebanyak. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Speaker.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Perkara yang belum sempat di\selesaikan dalam permesyuaratan kita pertama sudah pun di selesaikan. Maka pada hari penangguhan baru-baru ini kita sedang membincangkan di dalam Persidangan Jawatankuasa iaitu mengenai perkara dengan

Perbelanjaan *Budget* Tahunan. Maka bagi menyelesaikan perundingan kita dalam meneliti budget itu dalam Persidangan Jawatankuasa maka dengan sebab itu saya dengan ini menangguhkan Majlis Mesyuarat dan bersidang semula dalam Jawatankuasa.

Jurutulis: Tajuk SA20A - Jabatan Percetakan Kerajaan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada sebarang Ahli ingin membincangkan tajuk ini, maka saya kira bahawa tajuk ini diluluskan dan akan menjadi sebahagian Rang Undang-Undang yang lulus. Saya bertanya yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan (Semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan (Tidak ada).

Jurutulis: Tajuk SA20A - Jabatan Percetakan Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA21A - Pejabat Peguam Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada yang bercadang untuk membahaskan tajuk ini, maka saya sifatkan tajuk ini sebagai salah satu Undang-Undang

yang diluluskan.

Saya bertanya yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: Tajuk SA21A - Pejabat Peguam Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA22 A - Jabatan Kehakiman Negara.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Terima kasih, Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wata'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Syukur Alhamdulillah di atas limpah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Brunei *Arbitration Order* 2009 and *International Arbitration Order* 2009 telah pun di luluskan pada bulan Januari 2010 tahun ini. Pada permesyuaratan tahun lalu saya ada menimbulkan mengenai dengan penubuhan *Arbitration Centre* ataupun Pusat Timbang Tara, kini

saya rasa keperluan mengadakan *Arbitration Centre* ini sudah lebih ketara setelah order atau perintah ini telah pun diluluskan. Sebagaimana juga di negara-negara yang mempunyai *Arbitration Centre* ini penubuhan-penubuhannya di bantu dengan menyediakan bangunan dan bantuan kewangan lebih-lebih lagi di peringkat permulaannya.

Dengan adanya *Arbitration Court Building* yang bersesuaian, akan dapat membolehkan AABD (*Arbitration Association of Brunei Darussalam*) untuk menjalankan pembicaraan (*arbitration hearing*) bagi domestik *The Arbitration dan International Arbitration Dispute* dan juga menyediakan AABD secara *official* sebagai *Secretary Pointing Body For Arbitration*

Penyelesaian melalui *Arbitration* ini semakin popular dan meningkat keperluannya seperti juga di negara-negara lain seperti Singapura, Sydney, Malaysia, Dubai dan lain-lain. Kedudukan Negara Brunei Darussalam adalah memberikan kelebihan untuk kita memberikan perkhidmatan ini kepada company-company orang luar. Kerana kita juga mempunyai *International Standard of Law* yang sama dengan Singapura, Malaysia dan lain-lain, yang menggunakan *United Nation Model Law Draft*. Jadinya kalau bangunan tidak ada, samalah seperti kita tidak

boleh mengadakan pembicaraan *court case* kalau tidak ada *court room*.

Arbitration ada kelebihannya kerana pihak *parties* yang berkenaan akan membayar perkhidmatan *arbitrator* sedangkan *court case*, negeri ataupun Kerajaan yang membayarkan hakim.

Inilah juga apa yang akan dapat di berikan oleh AABD sebagai khidmat kepada negara dan juga memudahkan penyelesaian *dispute*, selain daripada melalui *court proceeding*. Dari itu untuk kebaikan bersama sukacita dipohonkan sekali lagi untuk penyediaan bangunan pusat *Arbitration Centre* ini dapat di segerakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sebagaimana yang diterangkan tadi oleh Yang Berhormat, *Arbitration Order* tahun 2009 telahpun diluluskan dan pada masa ini menunggu ketetapan daripada Yang Berhormat Peguam Negara bagi perlaksanaannya.

Mengenai dengan penubuhan *Arbitration Centre*. Perkara ini adalah di bawah bidang kuasa *President Arbitration Association*. Yang peramba di fahamkan telah pun dilantik iaitu Dr. Collin Ong. Dan

berpandukan dengan *Arbitration Order* tahun 2009 dan *International Arbitration Order* tahun 2009. Adalah terpulang kepada Presiden untuk mengemukakan cadangan-cadangan bagi penubuhan *Arbitration Centre* ini. Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada yang bercadang untuk membahaskan tajuk ini lagi. Yang bersetuju dengan tajuk ini. Sila angkat tangan. (Semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju. Sila angkat tangan. (Tidak ada). Sekarang kita beredar kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Jurutulis: SA22A – Jabatan Kehakiman Negara dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual. SK05A – Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mengenai dengan penggunaan tenaga elektrik. Perancangan untuk memenuhi keperluan penggunaan tenaga elektrik yang semakin

meningkat di negara ini adalah menjadi suatu cabaran atau challenge. Lebih-lebih lagi dalam waktu yang sama, usaha untuk mengurangkan consumption penggunaan tenaga elektrik juga pasti diberikan perhatian untuk menjimatkan tenaga elektrik dan juga mengurangkan carbon emission untuk memelihara environment ataupun alam sekitar.

Pada bulan Jun 2009 tahun lalu, satu MOU telah ditandatangani antara Brunei Darussalam dengan Sarawak untuk menyediakan *Feasibilities Studies* selama enam bulan mengenai dengan kemungkinan Brunei Darussalam dapat menggunakan tenaga dari Sarawak melalui projeknya yang 2,400 *mega watt* yang akan dikomisin, yang mempunyai tenaga elektrik *surplus* bagi beberapa tahun yang akan datang nanti.

Soalan saya, kini sudah lebih enam bulan berlalu, kita sudah dalam tahun 2010. Majlis sukacita ingin mengetahui akan hasil study tersebut dan tindakan kita seterusnya?

Kedua, mengenai dengan Tenaga Suria Brunei. Kita sangat-sangat berbangga dan mengucapkan tahniah di atas usaha Kerajaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Perdana *Energy Division* mengenai dengan kerjasama dengan Mitsubishi dari Jepun dalam usaha membuat projek Tenaga Suria Brunei sebagai *alternatif source of energy*, yang mana juga akan menjadikan Negara Brunei sebagai negara yang pertama menjadi pengeluaran *solar power* di rantau Asian ini.

Projek yang akan mengeluarkan 1.2 mega watt akan dapat menjimatkan Negara Brunei sebanyak 340,000 *litres* minyak mentah ataupun *crude oil* setahun dan juga akan mengurangkan *carbon emission* kira-kira 940 tan setahun.

Jadi soalan saya, bilakah ianya akan dapat beroperasi dan apakah plan rancangan-rancangan dibidang implikasinya dalam penggunaan untuk digunakan bagi projek-projek bangunan dan sebagainya?

Satu lagi yang saya ingin bawakan di sini ialah, saya ingin bertanya mengenai dengan perkembangan projek *Thin Film Solar Modules Manufacturing Plan*, yang telah di tandatangi pada bulan Disember 2008 oleh Sambawang *Engineer and Constructor* dengan *Hamidojo Development Company* yang beroperasi di Brunei.

Di mana mengikut laporannya juga, syarikat ini akan beroperasi di atas tapak 2.3 hektar di Lambak Kanan *Industry Side*. Soalan saya, apakah pencapaian projek buat masa kini? Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba sukacita mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengajukan tiga persoalan.

Yang pertama, mengenai dengan *Feasibilities Studies* mengenai dengan kemungkinan penyambungan kuasa elektrik daripada Sarawak dengan Negara Brunei Darussalam. Alhamdulillah, peramba dan rombongan telahpun berkunjung ke Kuching, Sarawak pada bulan Februari yang lalu dan telahpun menerima laporan *Feasibilities Studies* ini pada 17 Februari yang lalu.

Alhamdulillah, kita telah pun diserahkan hasil *Feasibilities Studies* ini dan perkara ini sedang diteliti dengan secara terperinci sebelum kita membuat keputusan yang muktamad mengenai perkara ini.

Mengenai dengan Tenaga Suria, perancangan ini sedang berjalan dengan lancar dan pada bulan Januari tahun ini peramba sendiri telahpun merasmikan peletakan *solar panel* yang terakhir sekali di Tapak Tenaga Suria yang terletak di Bandar Seria. Dan pada masa ini kerja-kerja penyediaan projek ini sedang giat dijalankan dan ia dijangka akan beroperasi pada bulan Ogos tahun ini.

Mengenai dengan penjanaan kuasa daripada tenaga ini, ia akan disalurkan kepada grid nasional dan ia akan merupakan tambahan kepada bekalan elektrik ke negara bagi penggunaan di seluruh negara ini.

Kita pada masa ini belumlah mengetahui akan kesannya kepada bangunan-bangunan yang tertentu tetapi ia akan menampung penjanaan kuasa bagi seluruh negara. Dan kita harapkan projek ini akan menjadi satu projek yang akan digunakan untuk membuat kajian bagi pembangunan Tenaga Suria pada masa yang akan datang. Memang banyak lagi cabaran-cabaran yang harus ditentang mengenai dengan projek ini untuk menjadikan ia satu projek yang sangat *vaivle* pada masa yang akan datang. Sekian terima kasih.

Mengenai dengan Rancangan Amedeo. Perkara ini bukanlah satu projek Kerajaan ia adalah satu yang projek dijalankan oleh usahasama sebuah syarikat swasta, jadi peramba tidaklah mengetahui tentang kemajuan yang dibuat oleh syarikat ini pada masa ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh. Peramba ingin menimbulkan satu perkara mengenai kejadian blackout Kejadian besar pada bulan Januari 2009 telah menyebabkan blackout di sebahagian besar kawasan yang menggunakan Janakuasa Elektrik Gadong. Kerana janakuasa berkenaan terkena banjir yang menyebabkan kerosakan dan kerugian kepada banyak kawasan perniagaan dan rumah-rumah kediaman yang terlibat. blackout hanya boleh dipulihkan selepas 3 hari secara berperingkat-peringkat. Dengan pengalaman yang telah dialami itu, saya percaya pihak-pihak yang berkenaan telah mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi mengelakkan supaya blackout

yang sama tidak berulang lagi. Tetapi pada bulan September 2009 telah terjadi lagi blackout yang hampir sama besarnya seperti yang telah berlaku pada bulan Januari tahun yang sama tetapi dengan sebab-sebab yang berlainan.

Berbagai sebab telah diberikan oleh pihak yang berkenaan kenapa blackout itu berlaku sehinggakan pihak yang berkenaan mengambil tindakan untuk mengurangkan cahaya lampu-lampu jalan bagi mengurangkan penggunaan tenaga.

Dalam hubungan ini, adalah bersesuaian jika sekiranya pihak yang berkenaan dapat memberitahu apakah sebenarnya sebab-sebab blackout. Yang kedua ini terjadi dan apakah langkah-langkah pihak yang berkenaan untuk memperbaiki keadaan tersebut supaya blackout tidak berulang lagi di masa yang akan datang? Sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba mengucapkan terima kasih di atas soalan Yang Berhormat tadi. Mengenai dengan blackout yang terjadi pada 20 Januari tahun 2009. Kita telah mengetahui bahawa ini disebabkan oleh kebanjiran air dan

sistem penjanaan kuasa di Gadong telahpun dimasuki air. Alhamdulillah, segala kerja-kerja untuk mengelakkan air masuk ke dalam janakuasa ini telah siap di laksanakan sepenuhnya dan diharap jika sekiranya kejadian banjir berlaku air tidak akan memasuki Station Janakuasa Gadong.

Mengenai dengan kejadian blackout pada bulan September tahun 2009, perkara ini tidaklah berkaitan dan ataupun tidak ada kena mengena dengan keadaan banjir. Ia adalah disebabkan oleh penutupan saluran gas yang membekalkan gas bagi jentera-jentera Janakuasa di Gadong. Dan peramba telahpun menyuruh perkara ini disiasat dengan terperinci dan pihak-pihak yang berkenaan di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan juga dengan Syarikat Minyak Shell yang membekalkan gas berjanakuasa di seluruh negeri ini telah mengadakan penyiasatan.

Dan akhirnya telahpun bersetuju bahawa punca blackout itu adalah disebabkan oleh *human error* yang tersalah tutup bekalan gas pada masa itu. Perkara ini dipantau dan setelah berbincangan dengan pihak Brunei Shell Sendirian Berhad pengawalan gas kepada Janakuasa Gadong itu akan dilakukan pihak Syarikat Minyak Shell untuk

mengelakkan kesalahan yang sama di lakukan pada masa yang akan datang. Sekian Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga baru ini tadi, bahawa kita mempunyai rancangan untuk membeli bekalan kuasa elektrik dari luar iaitu dari Sarawak.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Bekalan elektrik adalah satu barangan satu komuniti ataupun perkhidmatan yang strategik. Jika boleh ianya akan dibekalkan dari dalam negeri sahaja, bukannya diimport ataupun didatangkan dari luar.

Saya ingin bertanya apakah, adakah sebab-sebab tertentu bahawa kita akan membeli bekalan elektrik dari luar. Sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato **Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud:** Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Pada masa ini kita mempunyai bekalan yang cukup untuk menangani permintaan bagi kegunaan elektrik di negara ini.

Walau bagaimanapun dalam keadaan pembangunan kita yang sedang pesat dijalankan dan banyak rumah-rumah yang akan didirikan pada masa yang akan datang, dengan permintaan industri yang mungkin akan ditubuhkan pada masa akan datang. Kita mestilah menyiapkan bekalan elektrik ini bagi permintaan yang bertambah pada masa yang akan datang.

Rancangan untuk mengimpor ataupun mendatangkan kuasa elektrik daripada negara jiran negeri ini adalah untuk menentukan bahawa kita mempunyai *reserve* ataupun tenaga yang boleh menampung keperluan-keperluan kita pada masa akan datang. Pada masa yang sama tujuan kita ialah untuk mengurangkan pengantungan kita kepada penajaan menggunakan gas yang mana perkara ini adalah satu kenyataan yang berlaku pada masa ini.

Kalau kita dapat mengurangkan penggunaan elektrik daripada penajaan menggunakan gas ini dengan mengimpor kuasa daripada luar negeri kita akan menggunakan atau menjual sumber gas ini kepada pasaran yang menawarkan harga yang lebih tinggi lagi daripada apa yang Kerajaan bayar kepada Syarikat Minyak Shell pada masa ini bagi penajaan kuasa.

Jadi dengan sendirinya kita akan mendapat keuntungan daripada segi ekonomi untuk menambahkan hasil dari negara kita ini pada masa yang akan datang. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Apabila melihat Anggaran Perbelanjaan Jabatan Elektrik pada tahun ini nampaknya meningkat kira-kira \$6 juta dan kita berharap peningkatan perbelanjaan ini akan dapat dibelanjakan secara mengikut Jadual yang tertentu.

Di kesempatan ini Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi rakyat di Daerah Belait mengucapkan Alhamdulillah dan terima kasih pada Kerajaan Kebawah Duli kerana telah memasang lampu-lampu jalan di kebanyakan kawasan di Daerah Belait. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kawasan lagi yang di fikirkan perlu dipasang seperti Lumut Bypass Mumong hingga menuju ke Persimpangan Mumong dan Seria Bypass. Ingin mengetahui adakah perancangan Jabatan Elektrik untuk memasang lampu-lampu di jalan

tersebut?

Yang Kedua awal tahun ini Daerah Belait pun sering mengalami pengalaman gangguan bekalan elektrik. Dari sumber-sumber yang saya ketahui ianya berpunca daripada kabel-kabel, kerosakan kabel yang sudahpun berusia. Saya ingin bertanya adakah dalam perancangan Jabatan Elektrik untuk mengganti kabel-kabel yang sudah berusia ini termasuklah kabel-kabel yang menuju ke mukim pedalaman seperti Bukit Sawat dan Labi?

Dan yang terakhir saya tertarik dengan apa yang baru di perbincangkan sebentar tadi tentang Negara Brunei Darussalam akan mengimport gas janakuasa daripada negara jiran. Saya ingin menambah cadangan sedikit, kalau kita di beri peluang, jika ada peluang dan kesempatan oleh Kerajaan jiran kita, bukan saja mengimport bahkan kita kalau boleh melabur di dalam projek tersebut sebagai suatu sekuriti pada Negara Brunei Darussalam. Dikhuatiri kalau kita hanya membeli kita tidak tahu barangkali oleh sebab apa sebarang sekalipun suatu ketika nanti kita tidak dapat menerima bekalan, kita akan mengalami masalah. Jadi saya ingin mencadangkan sekiranya ada peluang ada kesempatan untuk kita

ikut serta dalam projek tersebut. sekian Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng: Pengiran Pengerusi, barangkali untuk saya mengucapkan terima kasih atas cadangan-cadangan yang Ahli Berhormat tadi. Barangkali ini untuk makluman saja. Yang sebenarnya ada rancangan-rancangan yang ditawarkan kepada Negara Brunei Darussalam dari Malaysia untuk bekerjasama dalam bahagian tenaga iaitu *hydro-electric power*. Satu cadangan adalah secara melabur membeli saham kepada *joint venture* itu. Tapi ani, perkara ini masih dalam rundingan pada masa ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat tadi terhadap kerja-kerja pembaikan pembekalan elektrik di Daerah Belait. Memang beberapa rancangan telahpun dibuat misalnya kawasan-kawasan yang dikenal pasti mempunyai masalah adalah seperti kawasan Jalan Maulana, Jalan Mumong, Kuala Balai, Jalan Sungai Mumong, Jalan Tengah dan Jalan Pandan. Dan projek untuk

menangani perkara ini telahpun ditawarkan dan projek ini dijangka siap pada bulan April 2011.

Mengenai dengan kawasan daripada Sungai Liang ke Bukit Puan tawaran dijangka dikeluarkan pada bulan Oktober pada 2010 dan tempoh pembinaan adalah sebanyak 18 bulan. Bagi kawasan Mukim Sungai Liang ke Andulau dan Tunggulian, tawaran dijangka dikeluarkan pada September 2010 dan tempoh pembinaan juga adalah selama 18 bulan.

Bagi bekalan elektirk 66 KV daripada Janakuasa Lumut ke Kuala Belait tawaran akan dikeluarkan pada bulan ini bulan Mac 2010 dan tempoh pembinaan adalah selama 24 bulan.

Banyak lagi perkara-perkara yang telahpun dirancangan bagi membaik pulih pembekalan elektrik di kawasan Belait. Barangkali tidak payahlah peramba membutirkan satu persatu mengenai dengan perkara ini. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir rahmanir rahim. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lainnya,

salam sejahtera. Saya kagum mendengarkan bahawa inisiatif Kerajaan Kebawah Duli untuk mengurangkan penggantungan penggunaan gas untuk kegunaan janakuasa elektrik seperti projek suria. Saya ingin bertanya adakah Kerajaan bercadang walaupun perkara ini pernah diteliti pada masa-masa beberapa tahun yang lalu iaitu mengenai dengan penggunaan *hydro-electricity*.

Kita pada masa ini akan membina satu ampangan di Lubuk Ning, saya ingin bertanya adakah ampangan ini juga bertujuan untuk *hydro power* ataupun hanya untuk *irrigation* sahaja. Dan apakah adakah kemungkinan juga untuk menyelidik penggunaan Sungai Temburong sebagai *hydro-electricity*. Terima kasih. Yang Amat Mulia.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, ampangan air di Lubuk Ning tidak ada komponen hydro-electric ia hanyalah sebagai satu regulating dam saja atau ampangan untuk penadahan air saja.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B)

Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, mengenai dengan soalan sama ada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terutamanya melalui Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri sedang berusaha untuk meneliti kemungkinan, kita membuat penjanaaan kuasa elektrik menggunakan *hydro power*. Perkara ini adalah dalam penelitian pihak Bahagian Tenaga. Walaupun keadaan sungai-sungai dan tempat kemungkinan kita mengadakan *hydro power* ini adalah terhad, kita tidak mempunyai sungai-sungai yang besar dan panjang di negara ini. Dan dalam keadaan terhad ini kita belumlah dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya.

Kalau peramba dapat menceritakan pengalaman peramba melihat Ampangan Bakun yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Sarawak pada masa ini. Kawasan yang akan ditenggalami air adalah seluas kawasan Singapura. Itulah kaedahnya yang mana perkara yang serupa itu kita tidak mempunyai keluasan kawasan yang sebegitu. Jadi perkara ini kita tidaklah menumpukan perhatian sepenuhnya tetapi usaha-usaha sedang dibuat untuk menelitinya jika ada kemungkinan, terutama sekali di

Daerah Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Sepertimana yang diketahui Jabatan Elektrik telah memperkenalkan pilihan kepada pengguna untuk menggunakan sistem *prepaid* pra-bayar kepada masyarakat selain daripada pembayaran bill yang teratur. Apakah ada penjimatan yang ketara kepada masyarakat pengguna jika ia menggunakan sistem *prepaid* pra-bayar berbanding dengan sistem *conventional* iaitu *meter reading*? Memandangkan pada masa ini pembayaran meter yang kurang tepat hanya anggaran pada setiap bulan. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Konsep meter pra-bayar ialah beli dulu kemudian pakai. Manakala bagi meter *conventional* pakai dulu kemudian bayar. Jadi konsep pra-bayar ini dapat mendidik pengguna

dalam merancang pemakaian bekalan elektrik pengguna sendiri mengikut kemampuan mereka. Pengguna akan sentiasa berjimat dalam penggunaan elektrik untuk mengelakkan bekalan elektriknya tertutup.

Jadi dengan demikian isu anggaran atau salah bacaan tidak akan terjadi sepertimana pada bagi meter pra-bayar ini. Manakala dari segi untuk menangani isu tunggakan, kaedah penggunaan meter pra-bayar ini berkesan kerana tidak ada lagi masalah tunggakan. Dan seterusnya tidak memerlukan pembacaan meter dan pembaca Meter yang dapat digunakan untuk membuat pengawalan dan pemantauan penggunaan bekalan elektrik.

Untuk makluman setakat ini jumlah pengguna meter pra-bayar adalah sebanyak 26 ribu pengguna dan kutipan hasil daripada meter pra-bayar ini berjumlah sebanyak lebih kurang \$1.5 juta sebulan. Itulah penerangan yang dapat peramba berikan, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum

Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya masih teringat dalam keluaran Pelita Brunei Tahun 2008 dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Baginda menegur mengenai dengan hutang tertunggak dari pengguna elektrik yang berjumlah berpuluh-puluh juta ringgit. Adakah perkara ini telah selesai dibayar ataupun tidak kepada kerajaan? Jika belum mengapa ia tidak diselesaikan oleh pengguna? Siapakah pengguna yang belum menyelesaikan hutang tersebut. Saya berpendapat nama-nama mereka yang masih berhutang itu haruslah didedahkan kepada umum, dan kuasa-kuasa undang-undang perlu dilaksanakan tanpa memilih bulu. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan tunggakan ini pada masa ini peramba belumlah dapat mengatakan bahawa tunggakan itu telah semua dibayar. Walau macamapun Alhamdulillah, tunggakan itu sedikit demi sedikit telahpun dibayar dan jumlah tunggakan adalah berkurangan daripada masa ke semasa.

Mengenai dengan cadangan supaya

nama-nama orang yang mempunyai tunggakan itu didedahkan, peramba berpendapat perkara ini tidaklah perlu dibuat kerana mengambil kira *sensitivity* kepada nama baik rakyat di negara ini. Dan dalam hal ini peramba sukacita menjemput rakan peramba Menteri Kewangan II (Kedua) untuk memberikan penjelasan yang lebih lanjut.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba terlebih dahulu mengucapkan terima kasih di atas soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Peramba hanyalah ingin menambah sedikit mengenai dengan langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Dan di samping itu juga, peramba ingin mengongsikan bahawa secara keseluruhannya terdapat dua kategori tunggakan. Pertama iaitu tunggakan yang dikenakan kepada Agensi-Agensi Kerajaan kepada agensi-agensi pemberi perkhidmatan seperti air, tenaga elektrik dan telefon. Dan yang kedua ialah tunggakan orang ramai kepada Agensi-Agensi Kerajaan.

Mengenai dengan tunggakan Agensi-Agensi Kerajaan, agensi-agensi tersebut telahpun diminta oleh Kementerian Kewangan untuk melunaskan mana-mana tunggakan-tunggakan tersebut. Sekiranya *budget* bagi perkara itu tidak mencukupi maka agensi-agensi tersebut telah diminta untuk memohon budget-budget tambahan. Alhamdulillah setakat ini pada Tahun Kewangan 2007/2008 sejumlah kira-kira \$180 juta tambahan telahpun diluluskan bagi tujuan untuk melunaskan tunggakan-tunggakan dari Agensi-Agensi Kerajaan.

Mengenai dengan tunggakan orang ramai kebanyakannya adalah dari perkhidmatan-perkhidmatan asas seperti air dan tenaga elektrik sehingga kepada pembayaran perumahan, cukai pendapatan korporat, cukai pintu dan lain-lain. Pihak Kerajaan melalui Jabatan Perbendaharaan telah secara berterusan memantau kutipan hasil yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ini. Kutipan hasil ini sentiasa diperkukuhkan dan Agensi-Agensi Kerajaan yang di pertanggungjawabkan bagi melaksanakan kutipan hasil sentiasa diberikan penekanan untuk membuat kutipan hasil dalam tempoh yang

telah ditetapkan.

Sukacita juga peramba ingin memaklumkan bahawa, langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan pada waktu ini untuk menangani perkara ini;-

1. lalah dengan menubuhkan Jawatankuasa bagi menangani masalah tunggakan hasil yang di pengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan;
2. lalah membuat penagihan secara bersurat atau dijumpai dan dipanggil berbincang;
3. Menyediakan laporan untuk dihadapkan kepada pihak Peguam Negara bagi tindakan undang-undang;
4. Melaksanakan bayaran hutang secara ansur;
5. Memotong gaji orang yang berhutang atau penjamin dan baksis orang yang berhutang;
6. Memotong hutang melalui potongan deposit seperti

telefon dan sebagainya;

7. Memberhentikan kemudahan yang ada dengan tidak menyambung apa-apa jua lesen dan permit serta menghadkan operasinya;
8. Mengemaskan lagi bahagian pengurusan dengan menubuhkan Unit Bahagian Kutipan Hasil dan melatih pegawai dan kakitangan di bahagian tersebut;
9. Menggunakan sistem komputer dan perisian yang lebih berkesan;
10. *Mereview* balik perjanjian-perjanjian misalnya perjanjian rumah sewa dan sebagainya yang mana sekiranya terdapat ada hutang-hutang daripada orang-orang yang punya rumah sewa maka kerajaan akan di bolehkan untuk memotong dari sewa-sewa rumah tersebut; dan
11. Menubuhkan jawatankuasa atau pengurusan menangani tunggakan hasil.

Sekian yang dapat peramba sampaikan. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Di sini peramba ingin mengajukan satu soalan. Apa yang terdapat di kawasan-kawasan kampung-kampung dan juga kampung-kampung pedalaman, melihat keadaan tiang-tiang elektrik, nampaknya ada yang sudah berkeadaan cundung dan sebahagiannya ada yang pula dibahagian bawahnya itu yang berkerat, termasuk tiang-tiang elektrik di kawasan Kampung Ayer. Jadi saya di sini peramba ingin bertanya adakah bagi pihak jabatan yang berkenaan mempunyai perancangan untuk menggantikan perkara yang peramba sebutkan tadi? Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan tiang-tiang elektrik yang cundung dikawasan pedalaman ini JPE (Jabatan Perkhidmatan Elektrik) telah mengenalpasti kawasan-kawasan tersebut. Dan tindakan membaikpulih sudahpun dilaksanakan bersama dengan pihak Jabatan Kerja Raya yang mengendalikan misalnya pembesaran jalan raya dan

sebagainya.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Sekiranya tidak ada persoalan lagi di dalam bidang Jabatan Perkhidmatan Elektrik maka kita akan berpindah kepada Pusat Kebangsaan E-Kerajaan. Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan. (semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan (tidak ada).

Jurutulis: SK05A – Jabatan Perkhidmatan Elektrik dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual. SA23A – Pusat Kebangsaan E-Kerajaan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Mengenai dengan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan ataupun EGNC, usaha pihak Kerajaan dalam memperkembangkan sistem E-Kerajaan adalah sangat-sangat dialu-alukan dan disokong tinggi lebih-lebih lagi sekarang kita berada di era dunia ICT. Kebaikannya adalah banyak seperti, kita dapat memberikan sistem pentadbiran yang efisien dan memudahkan perhubungan komuni-

kasi di dalam negeri dan juga hubungan dengan luar negeri Global Komunikasi.

Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah memberikan peruntukan lebih \$1 billion untuk sektor ICT dalam RKN 2007 / 2012 setentunya ini juga akan memberikan peluang-peluang *business* dan pekerjaan kepada rakyat di negara ini. Kita difahami jua dalam proses pelaksanaan ini kita menempuh berbagai-bagai isu-isu dan cabaran-cabaran.

Di tahun-tahun kebelakangan ini, penyediaan panggilan tawaran projek ataupun Tender Projek ICT sangat-sangatlah berkurangan. Mengikut statistik yang ada pada saya menunjukkan, misalnya dalam tahun 2005, 40 buah projek yang ditenderkan dan hanya 16 projek saja yang dapat di teruskan. Dalam tahun 2006, menurun kepada 12 projek hanya dapat ditenderkan dan hanya 4 projek dapat diteruskan. Tahun 2007, langsung tidak ada projek yang dipanggil. 2008 hanya 2 projek dan 2009 hanya 5 projek.

Dengan sejumlah yang kecil itu pula tidak semua yang berjaya di *implement*. Ada yang terpaksa ditawarkan balik ataupun *retender* dan ada yang langsung ditiadakan.

Ini boleh menyebabkan kegagalan kepada kebanyakan pengusaha-pengusaha IT atau tidak ada *sustainability* dalam *business IT*.

Jadi soalan saya, apakah pencapaian E-Kerajaan buat masa ini kalau disukat-sukat dengan target ataupun objektif-objektif yang dihasratkan?

Kedua, apakah Route Map Kerajaan untuk E-Kerajaan demi untuk memajukan penggunaan E-Kerajaan dan Pembangunan Industri IT?

Sebagaimana yang difahami juga, industri IT banyak melibatkan pengusaha-pengusaha tempatan dan juga yang terdiri daripada PKS ataupun SME. Yang mana industri IT ini juga boleh diklasifi sebagai salah satu industri yang boleh menyumbangkan kepada per-tumbuhan ekomoni negara.

Dan seterusnya saya difahamkan juga salah satu cabaran yang dihadapi oleh EGNC atau Pusat Kebangsaan E-Kerajaan ini, ialah kekurangan kakitangan yang terlatih dalam bidang ICT untuk melaksanakan projek-projek E-Kerajaan. Apakah masalah ini sudah dapat diatasi? Adakah peruntukan ini mencukupi untuk menambahkan kakitangan-

kakitangan yang diperlukan itu?

Saya juga ingin mencadangkan salah satu *approach* untuk mengimplementasikan projek-projek IT ialah melalui PPP (*Public Private Partnership*). Saya harap pihak Kerajaan akan dapat mengambil-kira untuk mempraktikkan PPP bagi projek-projek IT. Untuk kebaikan bersama ataupun win win situation di mana akan mendapat faedah seperti *Technology Transfer* ataupun Skill Transfer, kedua, pihak kerajaan akan dapat memberikan perkhidmatan yang cepat kepada orang ramai.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Ahli Yang Berhormat itu telahpun mengemukakan banyak soalan dan juga banyak saranan barangkali kalau peramba memberikan jawapan yang terperinci memang akan memakan masa yang panjang mengenainya.

Mengenai dengan pencapaian, banyak pencapaian telah pun dibuat mengenai dengan E-Kerajaan ini iaitu antaranya ialah pencapaian daripada segi *developing capabilities*

dan *capacity* dan juga daripada segi *straightening security and trust*. Peramba berpendapat tidaklah payah peramba memberikan penerangan yang terperinci mengenai dengan apa yang disoalankan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Peramba akan memberikan taklimat secara berasingan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mempunyai minat dalam perkembangan *E-Government* ini. Dan dalam masa yang sama mengucapkan ribuan terima kasih di atas perhatian terhadap perkara-perkara yang ditimbulkan. Juga terima kasih di atas saranan-saranan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi. Sekian ribuan terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Terima kasih. Seperti yang di nyatakan oleh rakan peramba di sebelah sini baru ini tadi. Bahawa projek-projek E-Kerajaan adalah satu-satunya projek Kerajaan yang lambat perlaksanaannya. Beberapa tawaran seperti yang disebutkan tadi di batalkan. Keputusan tawaran mengambil masa yang lama. Tawaran bagi E-Kerajaan lambat di keluarkan. Ada projek yang tidak dapat dilaksanakan oleh kontraktor setelah mendapat tawaran atau pun

projek itu. Memandangkan kepada masalah-masalah yang saya sebutkan itu tadi.

Adakah Pusat E-Kerajaan akan membuat kajian seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari khamis, 11 Mac 2010 di Dewan Majlis yang mulia ini?. Sekian terima kasih

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Maklumat tentang kelambatan pelaksanaan E-Kerajaan ini telah diajukan juga oleh pihak swasta dan Persatuan *Info com Federations* Brunei selaku Badan Persatuan Syarikat ICT dalam negeri.

Jabatan Perdana Menteri telah mengambil maklum dan menelitinya. Pada dasarnya pihak Kerajaan sememangnya ingin mempercepatkannya pelaksanaan projek-projek tersebut. Akan tetapi juga pihak Kerajaan juga mempunyai cabaran-cabarannya tersendiri. Antara lain adalah dari jumlah kakitangan ICT yang mencukupi yang mahir dalam pelaksanaan projek sebegini ini. Secara kasar

jumlah kakitangan ICT dalam kerajaan yang ada di bawah *E-Government* nasional *centre* ialah seramai kira-kira 358 orang manakala jumlah yang diperlukan ialah melebihi 500 orang.

Dalam pada itu, Jabatan Perdana Menteri membuat perancangan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi menangani perkara ini. Antara lain bagi jangka masa pendek dan sederhana. Mengambil khidmat pakar luar negeri dan dalam negeri dan mengambil mentor ataupun pembimbing untuk latihan dalam kerja bagi kakitangan sekarang.

Bagi jangka masa panjang, mengikut anak tempatan akan diberikan latihan dan pengalaman tertentu. Sebanyak lebih \$20 juta ringgit telah dipohonkan untuk latihan ICT ini. Sementara itu, pihak kerajaan mengambil langkah untuk memberikan keutamaan atau pun *prioritizing* projek-projek yang lebih penting untuk dijalankan terlebih dahulu. Sekian penerangan daripada peramba. Diucapkan terima kasih dan peramba persilakan rakan peramba Menteri Perhubungan untuk memberikan keterangan lanjut mengenai perkara ini.

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong:

Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Peramba juga ingin mengucapkan terima kasih di atas soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Peramba di sini hanya ingin mengongsikan beberapa maklumat;-

1. Mengenai dengan *tender-tender* projek, latar belakangnya daripada tahun 2005-2009. Apa yang terjadi sebelum 2007 ialah bahawa penelitian projek-projek itu diserahkan kepada kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan sahaja. Dan apa yang didapati oleh satu *commission* atau badan yang telah kita tubuhkan dalam tahun 2006 untuk meneliti kemajuan ataupun kegagalan projek-projek E-Kerajaan yang dianggotai oleh orang-orang dari luar negeri dan konsultan dari luar negeri mendapati bahawa pelaksanaan projek E-Kerajaan pada waktu itu dalam silos ertinya masing-masing dengan hala tuju sendiri.

Jadi selepas itu, hasil daripada penelitian konsultan itu kita menubuhkan apa yang kita sebutkan sebagai E-Government Technical Authority Body. Jadi dengan

wujudnya Technical Authority Body ini ia dapat menyelaras dari segi kepakaran teknikal akan projek-projek yang dihadapkan kementerian-kementerian itu. Dengan sendirinya kita bukan saja dapat menyelaras keperluan-keperluan kementerian tetapi ini dengan sendirinya dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan dari segi pelaksanaan E-Kerajaan.

Jadi kalau ada kelambatan pada masa ini ia adalah kerana tender-tender itu di teliti oleh *E-Government Technical Authority Body*. Tetapi kita telah pun meningkatkan bilangan konsultan-konsultan atau pakar-pakar dalam bahagian EG TAB atau *EG Technical Authority Body* ini .

Kemudian peramba juga ingin mengongsikan mengenai dengan syarikat-syarikat tempatan, Kerajaan telahpun meluluskan baru-baru ini satu inisiatif yang digelar inisiatif pengiktirapan syarikat-syarikat ICT. Maknanya hanya syarikat-syarikat ICT yang mempunyai taraf *ICT accredited business* yang akan nanti akan dapat memasuki atau menyertai *tender-tender* Kerajaan. Ini ialah memastikan bahawa orang-orang yang mendapat *tender* itu benar-benar mempunyai *capability* bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga tenaga untuk melaksanakan projek - projek

e-Kerajaan.

Selain daripada itu, kerajaan jua baru-baru ini telahpun meluluskan dasar hala tuju dasar ICT iaitu berkaitan dengan bagaimana kitani mengembangkan industri ICT. Ada 4 hala tuju yang telah diluluskan.

Satu daripadanya ialah memberi keutamaan bagi syarikat-syarikat ICT yang mempunyai status *ICT accredited business* atau ICTAB untuk menyertai projek-projek ICT Kerajaan;

2. Menggalakkan pembangunan produk-produkatau komponen-komponen *Made in Brunei* dengan menjadikan ia satu keutamaan bagi syarikat-syarikat yang menjadi Projek ICT Kerajaan;

3. Menggalakkan *out-sourcing* bagi projek-projek ICT Kerajaan yang terpilih bagi sektor swasta bagi *public private partnership* sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi; dan

4. Menjadikan Syarikat *Multi-national Corporations* atau MNC, mengambil peranan sebagai mentor kepada syarikat-syarikat ICT kongsi sama tempatan sebagai salah satu syarat semasa memenangi projek ICT Kerajaan yang terpilih. Jadi adalah di harapkan dengan hala tuju dasar ini nanti akan dapat membantu memperkembangkan SME ICT kitani

di Brunei. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang Pusat Kebangsaan E-Kerajaan telah selesai di rundingkan. Maka kita terpaksa berpindah kepada Kementerian Pertahanan.

Yang bersetuju bagi tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SB - Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekali lagi Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei adalah bertanggungjawab dalam mempertahankan Negara Brunei Darussalam dan menjaga keamanan dan kesejahteraan negara.

Sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, kita berbangga dan beruntung kerana dapat menikmati rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, juga sebagai Kepala Pemerintah Agung Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Selain dari menjalankan tugas-tugas di dalam negeri, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga aktif di dalam dunia antarabangsa dengan menyertai aktiviti-aktiviti pendamaian di rantau ASEAN dan negara-negara jiran seperti menyertai aktiviti-aktiviti yang dikelolakan oleh United Nation seperti di Cambodia dan Lebanon dan sebagainya.

Juga sering menyertai *mission-mission* bantuan penyelamat kepada negara-negara yang ditimpa bala seperti tsunami di Aceh, di Mandanao dan di lain-lain negara yang memerlukannya.

Sebagaimana yang tersurat dalam kertas putih 2004 untuk menyertai proses pendamaian di luar negeri itu yang telah di laksanakan. Selain dari mempertahankan keamanan dalam negeri, Kementerian Pertahanan juga aktif dalam memberi bantuan

dan pertolongan sebagai Ahli *National Disaster Management Centre (NDMC)*. Juga aktif dalam projek-projek kejurangan dan kebajikan di dalam negeri.

Kertas putih Kementerian Pertahanan juga ada menyarankan Kementerian Pertahanan berperanan untuk menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Jadi EXPO BRIDEX 2009 yang baru-baru ini di adakan adalah salah satu aktiviti Kementerian Pertahanan dalam menjana ke arah mempromosikan pengusaha-pengusaha tempatan SME dan GLC untuk berkecimpung dan membangunkan industri pertahanan tempatan. Di ucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pertahanan. Terima kasih juga di atas support dan bantuan diberikan kepada sektor swasta.

Soalan saya apakah pencapaian oleh pengusaha-pengusaha tempatan yang telah dapat dicapai dalam mempromosikan dan memperkembangkan ekonomi dan business dalam aktiviti-aktiviti Kementerian Pertahanan?

Kedua, dalam kertas-kerja putih yang akan dikeluarkan dalam tahun 2011 yang akan datang ini, apakah penekanan yang diberikan terhadap perkembangan ekonomi negara

nanti? Pihak swasta berharap ia akan juga bercorak business friendly dengan Kementerian Pertahanan fokus dibidang pertahanan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamenteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar:

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Bismillahirrahmanirrahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba mengucapkan terima kasih atas soalan yang diberi yang diusulkan oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya peramba tadi cuma kan mem-beri ringkasan mengenai usul anggaran perbelanjaan Kementerian Pertahanan tahun 2010/2011. Oleh sebab ada soalan daripada Yang Berhormat tadi, peramba akan menjawab tentang *spin-off impact* kepada ekonomi dan industri tempatan. Ini memanglah di hasratkan dan ianya akan di masukkan dalam Kertas Putih Pertahanan 2011. Jadi kalau boleh Tuan peramba, izinkan peramba memberi penerangan sedikit saja tentang budget pertahanan untuk 2010/2011.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, anggaran perbelanjaan

Kementerian Pertahanan dan Jabatan-Jabatan di dalamnya bagi tahun kewangan 2010/2011 adalah sebanyak lima ratus sebelas juta, sembilan ratus lapan puluh tiga ribu ringgit (B\$511,983,000.00). Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 0.7% daripada anggaran peruntukan yang diluluskan pada tahun lepas, iaitu di bawah 1%.

Bagi kategori perbelanjaan **Pembayaran Gaji**, terdapat penambahan lebih kurang 3% iaitu \$8.4 juta berbanding tahun lepas. Ini disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan, penambahan bilangan anggota tentera dan juga pengisian jawatan-jawatan kosong yang ada pada masa ini.

Bagi kategori **Lain-lain, Belanja Tahunan Yang Berulang-ulang**, berkurangan sebanyak \$6.2 juta iaitu 3.6%. Pengurangan ini adalah bagi menyahut hasrat negara untuk lebih cermat membelanjakan wang Kerajaan tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan. Di antara penyumbang utama bagi pengurangan ini adalah pelaksanaan berapa kursus, yang sebelum ini diikuti di luar negeri, secara tempatan. Kursus-kursus seperti Program Perkembangan Eksekutif, Kursus Pegawai Kadet, Kursus Staff Rendah, dan yang akan datang

Kursus *Command & Staff*, masing-masing telah dan akan di laksanakan secara tempatan. Pengiktirafan kualiti kursus-kursus tersebut telah terbukti dengan penyertaan dari pegawai-pegawai dari beberapa negara-negara ASEAN, China dan yang akan datang Negara Oman.

Selain itu, pengenalan kaedah *outsourcing* dalam pelaksanaan tugas-tugas bukan utama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga telah berjaya mengurangkan perbelanjaan tahunan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Pada masa ini, kaedah *outsourcing* juga telah dilaratkan kepada perkhidmatan pemeliharaan.

Sehubungan dengan itu, sukacita juga di maklumkan bahawa pada masa ini, Kementerian Pertahanan sedang menjalankan *Performance Budgeting* di Tentera Laut dan Tentera Udara Diraja Brunei, yang akan turut dilaratkan ke Tentera Darat serta semua Jabatan Arah di Kementerian Pertahanan. Hasil penelitian ini nanti akan dijadikan panduan untuk mengambil tindakan-tindakan pembaikan, meningkatkan *cost-effectiveness* dan mengelakkan pembaziran dan Insya-Allah akan membawa kepada lebih banyak penjimatan.

Manakala kategori perbelanjaan Lain-lain, Pembayaran Perbelanjaan Khas, meningkat sebanyak \$1.3 juta iaitu lebih kurang 2%. Peningkatan ini adalah di hasratkan untuk menambah keupayaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, di antaranya termasuklah pelaksanaan, penyelidikan ke atas keupayaan terkini, pelaksanaan C4ISR, penggantian aset-aset kecil seperti kenderaan dan sebagainya.

Dalam pelaksanaan projek-projek peningkatan keupayaan tentera ini, Kementerian Pertahanan akan sebolehnya memastikan bahawa manfaat akan turut dapat dirasai oleh sektor-sektor lain khususnya sektor ekonomi dan sosial. Salah satu cara adalah dengan menekankan impak spin off iaitu pulangan kepada ekonomi negara daripada aktiviti-aktiviti perolehan. Di dalam projek perolehan terkini Kementerian Pertahanan, misalnya, iaitu perolehan *system* C4ISR yang baru di tandatangani pada Januari lepas, perlaksanaannya akan melibatkan beberapa kompeni tempatan (*incubatees*) daripada *i-Center* di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei. Selain itu, berapa projek lain Kementerian Pertahanan, kaedah yang selalu masa ini kitani dengar *Public-Private Partnership* (PPP)

Insya-Allah akan dilaksanakan. Ini juga sebagai salah satu inisiatif proaktif Kementerian Pertahanan untuk melibatkan sektor swasta.

Alhamdulillah, belanjawan tahun 2010 / 2011 akan menyaksikan lebih banyak *flexibility* di berikan kepada Kementerian Pertahanan dalam menguruskan kewangannya. Ini di antara lain melalui pengenalan *Semi-Block Budgeting*, iaitu dengan mencantumkan akaun-akaun kecil kepada yang lebih besar jumlahnya dan lebih am. Ini akan memberikan Kementerian ini *flexibiliti* selaras dengan keperluan semasa. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan akan memastikan *Corporate Governance* dan *accountability* setiap pegawai akan sentiasa di pantau. Ini termasuklah, pengukuhan Audit Dalaman, pemantauan kerap ke atas *Key Performane Indicators* (KPI) setiap perkhidmatan.

Dengan peruntukkan ini, Kementerian Pertahanan akan terus berusaha menjalankan peranan-peranan yang diamanahkan dengan sebaiknya yang meliputi pelaksanaan dasar pertahanan, peningkatan keupayaan tentera, mempromosikan diplomasi pertahanan dan pada waktu yang sama menyumbang kepada pembangunan

bangsa dan negara.

Barangkali ini anda payah lagi peramba sebutkan. Telah di sebutkan oleh Yang Berhormat tadi tentang mempromosikan diplomasi pertahanan yang mana kita telah banyak dapat menyertai misi-misi. Misi-misi keamanan antarabangsa yang masa ini berjalan adalah di Lebanon dan Republik Filipina. Ini bukan sahaja sebagai satu usaha diplomasi, bahkan juga merupakan satu pendedahan (*exposure*) kepada anggota yang terlibat dan sudah setentunya akan meningkatkan lagi kreditabiliti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Akhir kata, sokongan dari semua pihak adalah sangat-sangat diharapkan dan dengan peruntukan yang disediakan ini, Kementerian Pertahanan yakin akan mampu menjalankan peranan-peranannya bagi mencapai visi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk menjadikan sebuah angkatan tentera yang *robust*, *responsive* dan *resource efficient*, bagi seterusnya menjalankan misi untuk mempertahankan kedaulatan negara integriti wilayah dan menegakkan perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja. Sekian. Menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Sekarang kita berbincang sampai kepada jam 11.05 minit, dan telah mendengar penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan mengenai peruntukan Kementerian berkenaan, maka dengan yang demikian; Saya ingin bertanya yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju. Sila angkat tangan.

(Tidak ada). Sekarang Kementerian Pertahanan diluluskan.

Jurutulis: SB - Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti mana yang saya jelaskan tadi. Sekarang jam sudah menunjukkan 11.05 minit, Barangkali karing leher. Jadi saya tangguhkan mesyuarat ini.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Majlis

bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Memandangkan jam sekarang sudah 11.05 minit pagi. Maka saya tangguhkan Majlis Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Mesyuarat disambung pada jam 2.30 petang

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, selamat petang. Majlis bersidang semula. Sebagaimana dimaklumi, pagi tadi kita membincangkan Anggaran Belanjawan menerusi perundingan dalam Jawatankuasa. Maka oleh itu bagi menyelesaikan usaha-usaha kita untuk menyempurnakan perundingan dalam Jawatankuasa, maka saya tangguhkan Majlis

Mesyuarat Negara dan kita akan berunding dalam Majlis Jawatankuasa. Ditangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Jurutulis: SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kiranya ada Ahli-Ahli ingin membahaskan Tajuk di dalam Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Yang ingin membahaskan sila angkat tangan. Nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak tertarik untuk membahaskan di dalam Tajuk ini. Oleh itu Tajuk ini diluluskan.

Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SDO1A – Jabatan

Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya akan menimbulkan lagi isu yang telah saya bawakan pada hari kelmarin, mengenai dengan Kementerian Kewangan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan II (Kedua) Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim yang telah menerangkan dengan berpanjang lebar akan objektif dan perancangan Belanjawan Tahun 2010/2011 semalam.

Di sana ada juga disebutkan pendapatan dan perbelanjaan negara yang mana akan menghadapi defisit kira-kira \$1 billion. Ini bergantung kepada hasil pendapatan dan kenaikan turunya harga pasaran minyak dunia, sebagaimana menjadi asas pendapatan negara. Jadikan kita pastilah mencari jalan untuk mengatasinya dalam konsep mempelbagaikan ekonomi dan meningkatkan pendapatan

negara. Sebagaimana yang kita maklumi bersama kerajaan juga telah mempraktikkan copratation dan penswastaaan bagi perkhidmatan seperti telefon yang kini di kenal sebagai TelBru, DST, B-Mobile dan di bidang Industri Petro-Chemical, seperti methanol dan lain-lain. Jadi soalan saya:-

1. Selain daripada mengenakan cukai pendapatan kepada perusahaan-perusahaan seperti itu, adakah pendapatan lain yang diterima daripada perusahaan ini yang boleh membantu untuk dijadikan sebagai pendapat negara?; dan
2. Bagaimana pula dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain seperti penyediaan tenaga elektri dan pembekalan air?

Mendengar ujah-ujah yang dibincangkan pagi tadi, isu-isu tunggakan menjadi masalah besar. Belajar dari pengalaman dari negeri-negeri yang maju, yang menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan ini, nampaknya kurang mengalami isu tunggakan. Jadi sebagaimana juga yang di

cadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kewangan II (Kedua). Satu perkhidmatan Konsultan International Accounting Firm akan ataupun sudah dilantik untuk menyediakan Plan Induk Penswastaaan ataupun Privatization Master Plan untuk memandu ala-tuju strategik ke arah pelaksanaan agenda penswastaaan.

laitu soalan saya adakah dalam perancangan Kerajaan perkhidmatan-perkhidmatan seperti penyediaan tenaga elektrik dan pembekalan air ini akan di swastakan nanti? Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan salam sejahtera. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terlebih dahulu peramba ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas soalan Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu mengenai dengan adakah ia dapat dijadikan sebagai penampung atau penambah pada pendapatan negara selain dari hanya mengenakan cukai kepada perusahaan GLC (Government Link Company).

Di antara objektif utama Kerajaan

melaksanakan perbadanan atau pun privatization ini adalah bagi membolehkan sesuatu operasi atau agensi tersebut akan dapat ditadbir secara lebih efektif dan efisien sebagai sesebuah entity secara komersial. Jadinya ianya di berikan autonomi kewangan dengan prosedur kawalan dalaman yang kukuh dan bertanggungjawab kepada Lembaga masing-masing.

Dalam hubungan ini Kerajaan sebagai pemilik atau pemegang saham kepada Syarikat atau entity berkenaan dan selaras jua dengan amalan koporat serta Undang-Undang yang ditetapkan seperti dalam Akta Syarikat-Syarikat, apa jua keuntungan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat berkenaan pihak Kerajaan akan memperolehi pendapatan; -

1. Daripada cukai pendapatan; dan
2. Daripada dividen.

Sekiranya company tersebut menguntungkan. Jadi perolehan pendapatan selepas cukai selain dari dividen bukan saja tidak selaras dengan peruntukan undang-undang tetapi mungkin boleh menjejaskan keutuhan sesebuah syarikat berkenaan.

Mengenai dengan soalan kedua iaitu isu-isu tunggakan perkara ini telah pun peramba sentuh dan terangkan secara panjang lebar pada pagi tadi. Jadi peramba tidaklah akan mengulang mengenai perkara itu.

Mengenai dengan soalan ketiga iaitu penswastaaan masterplan sama ada Jabatan Elektrik ataupun air akan diswastakan. Perkara ini barangkali kawan-kawan sejawat peramba boleh menerangkan. Tapi peramba boleh mengambil maklum bahawa perkara ini adalah tertakluk kepada viability ataupun feasibility bagi sesebuah cadangan-cadangan ataupun proposal tersebut. Sekian terima kasih,

Kalau ada jua perkenaan Puan Peramba, peramba akan menerangkan mengenai dengan beberapa soalan awal saja yang di kemukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam menimbulkan usul menjunjung kasih yang di kemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Mohammad Taha iaitu mengenai dengan tambahan peruntukan sebanyak kira-kira \$600 juta. Adakah peruntukan yang disediakan tidak mencukupi dan perlu dikaji punca-

puncanya.

Kalau dapat peramba menyebarkan penerangan. Sebenarnya penyediaan peruntukan tambahan oleh Kerajaan ini selalunya adalah bagi menampung keperluan-keperluan perbelanjaan Kerajaan yang tidak dijangkakan. Sebagai contoh saja antara punca-punca tersebut ialah pertama dari segi pelaksanaan projek ataupun pembelian peralatan. Misalnya ada projek-projek yang dilaksanakan cepat daripada jadual-jadual yang telah ditetapkan dan pembayaran-pembayaran perlu dibuat lebih awal daripada jadual-jadual tersebut. Dan oleh itu tambahan-tambahan peruntukan perlu diadakan asalkan projek itu tidak melebihi daripada harga rancangan yang telah diluluskan.

Kedua, dari segi keperluan bagi kepentingan awam yang mendadak misalnya dalam tahun 2009 kita telah menghadapi masalah pandemik influenza A H1N1. Peramba telah menerangkan tadi yang peruntukan tambahan \$16.7 juta telah diberikan bagi maksud tersebut untuk membeli perubatan-perubatan bagi maksud tersebut. Dan jua dalam tahun 2009 jua disebabkan oleh fenomena hujan lebat dan

banjir yang melanda negara pada awal tahun 2009 maka beberapa projek pembaikan dan jua projek-projek untuk mempercepatkan projek-projek misalnya saluran, longkang dan sebagainya telah pun di laksanakan yang menyebabkan ada tambahan sebanyak \$57 juta bagi maksud tersebut. Dan disamping itu juga untuk membeli ubat-ubatan bagi perkhidmatan awam orang ramai juga telah di tambah sebanyak \$22 juta. Begitu juga peralatan-peralatan bagi mengukuhkan infrastruktur pertahanan dan keselamatan. Perkara ini telah ditambah di sebabkan peralatan-peralatan itu telah sampai awal daripada waktunya.

Disamping itu sebagaimana ahli-ahli yang sedia maklum bahawa pada awal tahun 2010 Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan supaya persaraan caruman tambahan di laksanakan untuk dikuatkuasakan. Dan oleh itu kerajaan perlu membayar kepada pencarum-pencarum catch-up ataupun caruman kebelakangan yang mana jumlah ini adalah sebanyak \$340 juta. Itulah tambahan-tambahan itu di perlukan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat jua bahawa penyediaan Peruntukan Tambahan ini adalah merupakan satu perkara yang lazim bukan saja di negara ini tetapi juga di negara-negara lain. Peruntukan undang-undang negara ini juga membolehkan perkara ini dilaksanakan. Ini adalah disebabkan bahawa perancangan belanjawan adalah sesuatu yang dinamik di mana jika terdapat keperluan bagi keperluan umum maka dengan justifikasi yang kukuh peruntukan tambahan bolehlah dipertimbangkan.

Oleh itu sebagai penerangan kepada kekhawatiran yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan sukacita peramba memaklumkan di sini bahawa satu peruntukan tambahan tersebut sebelum di luluskan, kajian dan penelitian terperinci akan terlebih dahulu dilaksanakan. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba sukacita untuk mengongsikan maklumat mengenai dengan penswastaan. Pada masa yang terdekat ini pihak peramba iaitu Jabatan Perkhidmatan Elektrik belumlah ada mempunyai rancangan untuk menswastakan perkhidmatan

elektrik di negara ini, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd

Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Pengiran Pengerusi. Saya ada dua perkara untuk di bangkitkan: (i) Baru-baru ini satu peraturan baru mengenai dengan credit card telah pun dikeluarkan credit card dimestikan gaji mereka dimasukkan ke dalam bank yang berkenaan ataupun kalau tidak mempunyai simpanan tetap, fix deposit dengan kadar bayaran 8% kebanyakan pemegang kad kredit ini menganggap charges tersebut keterlaluan.

Saya ingin bertanya adakah charges yang dikenakan ini direstui oleh Kementerian Kewangan? kalau ya, saya minta penjelasan? dan kalau tidak dapatkah Kementerian campurtangan dalam hal ini untuk mengurangkan kadar tersebut ketahap yang lebih berpatutan.

(ii) Dengan tertubuhnya ICT perkhidmatan kaum wanita pun dilanjutkan ke 60-tahun dan ia menjadi mandatory. Saya ingin bertanya juga dan memaklumkan bahawa tiada semua kaum wanita ingin melanjutkan perkhidmatan mereka ke-60 tahun. Adakah ruang mereka membuat pilihan sama ada

ingin melanjutkan perkhidmatan atau sebaliknya, jika tidak dapatkah simpanan TAP mereka dikeluarkan apabila menjangkau ke usia 55 tahun seperti juga pekerja lelaki. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menimbulkan dua isu iaitu isu credit card (mengenai dengan charges) kedua mengenai umur SCP sama ada wanita boleh menamatkan perkhidmatan 60 tahun. Mengenai dengan credit card ini peramba tidaklah akan menerangkan mengenai tujuan Kerajaan memperkenankan peruntukan ni secara terperinci kerana telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa hari bersempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam antara lain Baginda menitahkan **“Supaya kita sama-sama memahami bahawa kemewahan hidup yang bersandarkan kepada hutang yang bertompok-tompok merupakan kemewahan yang rapuh dan malah akan banyak mendatangkan kerugian pada jangka panjang”**.

Peramba karang menjawab mengenai dengan charges itu tapi peramba akan menerangkan, sebab banyak perkara-perkara ini timbul daripada public. Jadi peramba akan menerangkan secara terperinci.

Sebenarnya isu kredit kad ini telah dibuat kajian hampir satu tahun. Manakala Kementerian Kewangan jua dari segi pemantauan sudah bermula pada tahun 2005. Jadi bukanlah perkara baru tetapi ia dipantau sejak tahun 2005. Jadi peramba akan mengongsikan mengenai dengan hasil pengkajian tersebut.

(i) Jumlah kredit kad yang dikeluarkan telah meningkat dari 101,243 kad pada tahun 2004 kepada lebih 54% pada suku ketiga 2009 iaitu sebanyak 159,377 kad. Manakala baki ataupun role over balance keseluruhan kad kredit bagi tempoh yang sama meningkat 100%. Daripada \$172.8 juta pada \$343.5 juta pada suku ketiga 2009. Jadi berdasarkan jumlah tersebut, kalau kita mengira purata kadar faedah yang di kenakan ialah 2% sebulan, jadi kalau di kompaun, ianya adalah 26.9% bagi setahun.

Jumlah pembayaran faedah sahaja bagi kemudahan ini yang perlu

ditanggung oleh pemegang-pemegang kad tersebut ialah kira-kira \$92 juta. Jadi berdasarkan pada data pada bulan September 2009, jumlah kad kredit yang dikeluarkan pada golongan yang berpendapatan rendah sebanyak \$1,500 ke bawah adalah sebanyak 70,704 kad iaitu 44.32% dari jumlah keseluruhan. Dan jumlah nilai kad kredit yang tertunggak 90 hari ke atas ataupun non-performing loan over 90 hari telah meningkat kepada \$11.2 juta yang mana kira-kira 42.86% ataupun \$4.8 juta adalah bagi kategori kumpulan gaji \$1,500 dan ke bawah.

Mengenai dengan pertanyaan tadi. Sebenarnya 5% dan 8% itu bukannya charges. Sebenarnya 5% dan 8% itu adalah jumlah minimum payment. Jumlah bayaran minima yang perlu dibayar oleh individu yang menggunakan kredit kad.

Barangkali biskita ada membaca di Borneo Bulletin baru-baru ini, di mana ada sebuah bank telah memberikan perkiraan-perkiraan sekiranya jumlah minimum payment hanya ditentukan sebanyak 2%. Maka penghutang-penghutang kredit kad dengan sendirinya hutang-hutang itu tidak akan habis. Dan kalau hutang-hutang itu tidak habis, maka dalam jangka 25 tahun

misalnya hutang \$10,000 dengan sendirinya penghutang itu akan membayar interest sebanyak \$65,000.

Tapi kalau minimum payment itu dinaikkan kepada 5% sebulan, dengan sendirinya penghutang itu, sekiranya ada berhutang \$10,000, ianya akan lunas hutang-hutang tersebut dalam jangka waktu, inda salah tiga tahun dan interest bagi hutang tersebut hanyalah dalam kira-kira \$3,000.

Dan manakala sekiranya dinaikkan kepada 8% minimum payment itu, dengan sendirinya hutang-hutang \$10,000 itu akan lunas dalam jangka waktu kira-kira 18 bulan sahaja. Dan interest ataupun bayaran bagi kredit kad itu hanyalah kira-kira \$2,000. Jadi anilah kebaikan-kebaikannya, cuma public barangkali salah anggap bahawa 5% charges untuk kredit kad itu.

Mengenai dengan SCP tadi. Bolehkah peserta SCP menamatkan perkhidmatan sebelum mencapai umur persaraan mandatori 60. Perkara ini barangkali perlulah dihadapkan kepada Lembaga SCP. Sekiranya permohonan - permohonan tersebut diajukan dan dari sana nanti Lembaga akan menetapkan sama ada orang-orang yang berkenaan terutamanya wanita-

wanita boleh berhenti sebelum umur 60 tahun. Tetapi yang tepatnya caruman persaraan tersebut tidak akan dikeluarkan sehingga umur 60 tahun. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba akan menyampaikan dua perkara di dewan yang mulia ini.

Sebagaimana yang peramba bacakan pada semalam. Pertama, sekitar tahun 2008, rakyat di negara ini telah diperingatkan dengan Skim Cepat Kaya. Dan sekitar tahun 2009 yang lalu pula rakyat sekali lagi di gemparkan dengan salah satu skim, yang mana giat beroperasi untuk menarik pelanggan-pelanggan di negara ini hingga ada rakyat yang telah terpedaya dengan skim berkenaan.

Dalam hubungan ini, peramba merakamkan syabas dan tahniah setinggi-tingginya kepada Kementerian Kewangan, yang mana telah cepat bertindak bagi menyedarkan rakyat negara ini iaitu dengan mengadakan beberapa jerayawara ke seluruh daerah di negara ini.

Apa yang peramba ingin hendak tanyakan di dewan yang mulia ini, adakah perancangan kita khususnya

Kementerian Kewangan untuk mewujudkan skim-skim yang tertentu dalam bentuk pelaburan yang mana boleh disertai oleh keseluruhan rakyat di negara ini tanpa mengira mereka masih berkhidmat mahupun sudah bersara dengan Kerajaan, mahupun rakyat yang tidak mempunyai pekerjaan, yang mana perkara ini telah diamalkan oleh negara-negara lain.

Peramba yakin dengan wujudnya skim sedemikian, rakyat bukan saja berpeluang untuk ikut serta melabur di negara ini, akan tetapi memberikan keyakinan kepada mereka kerana skim ini diusahakan oleh kerajaan yang berauthoriti.

Yang (ii), sebagaimana suara-suara bagi pekerja-pekerja di Negara Brunei Darussalam ini yang bekerja dengan syarikat-syarikat swasta yang mana bayaran kurnia \$170 sebulan telah diberikan kepada pekerja-pekerja atau kakitangan Kerajaan. Tetapi bagi pekerja-pekerja dipihak swasta dan sebahagian daripada agensi-agensi lain yang tidak menerima kurnia tersebut supaya dipohonkan kepada pihak berkenaan untuk meneliti semula. Dan kiranya dapat dipertimbangkan bagi mereka ini diberikan bayaran

kurnia sebagaimana yang dimaksudkan di atas supaya pekerja-pekerja di negara ini yang bekerja di pihak swasta akan dapat memasuki kerja-kerja di pihak swasta. Menjunjung kasih. Sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas saranan-saranan Yang Berhormat mengenai dua perkara iaitu;-

1. Sama ada pihak Kerajaan akan menubuhkan skim-skim pelaburan di negara ini; dan
2. Mengenai dengan bayaran kurnia untuk dilaratkan kepada pihak pekerja-pekerja swasta.

Mengenai dengan skim cepat kaya ini Kementerian Kewangan Insya-Allah akan sentiasa memantau pasaran kewangan di negara ini, bagi memastikan tiada syarikat-syarikat mengendalikan aktiviti-aktiviti dan menawarkan skim cepat kaya atau skim pelaburan yang tidak berlesen dengan memberikan pulangan yang tidak munasabah di negara ini.

Dalam hal ini Kementerian Kewangan akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan terutama dalam mengambil tindakan-tindakan yang tertentu.

Salah satu tindakan yang berterusan yang sedang giat dilaksanakan ialah untuk memberikan kesedaran awam (Public Awareness) dan pendidikan kepada orang ramai mengenai pelaburan ini termasuk mengadakan misalnya jerayawara, ceramah dan taklimat untuk memberikan kesedaran dan kefahaman para pelabur supaya tidak terjerumus skim-skim cepat kaya dan sebagainya.

Usaha ini telah dikendalikan bersama dengan Agensi-Agensi Kerajaan yang lain termasuk pihak Polis Di-Raja Brunei, Pejabat Peguam Negara, Pejabat Daerah di ke empat-empat daerah, Radio Televisyen dan Jabatan Penerangan. Mengenai dengan soalan Yang Berhormat tadi, secara specific pada waktu ini Kementerian Kewangan belumlah mempunyai perancangan untuk mengadakan skim pelaburan seperti yang dicadangan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Bagaimanapun, bagi membolehkan orang ramai mempunyai pilihan-

pilihan pelaburan yang mencukupi Kementerian Kewangan telah dan akan terus berusaha untuk melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:-

1. Menggalakan dan memberikan kemudahan-kemudahan kepada Sektor Swasta seperti Bank-Bank, Conventional dan Islam, Perbadanan Tabung Islam Brunei, Syarikat-Syarikat Insuran dan Takaful dan Institusi-Institusi Kewangan yang lain di negara ini untuk lebih aktif dan kreatif dalam menawarkan produk-produk pelaburan bagi mempelbagaikan pilihan pelaburan kepada orang ramai; dan
2. Kementerian Kewangan juga telah dan akan terus mengeluarkan lesen kepada penasihat pelaburan yang bertaraf antarabangsa bagi membantu pelabur-pelabur membuat pelaburan yang bersesuaian menurut selera risiko ataupun risk appetite masing-masing. Dan pihak kerajaan melalui jerayawara financial planning juga akan menggalakan supaya orang ramai lebih peka dan berwaspada dalam

membuat pelaburan dan hanya melabur melalui bank-bank dan institusi-institusi kewangan berlesen.

Alhamdulillah pada masa ini telah terdapat beberapa institusi perbankan di negara ini dan jua beberapa institusi kewangan yang menawarkan produk dan juga khidmat nasihat dalam pengurusan kewangan seperti wealth management, mutual fund dan sebagainya. Ini adalah juga bertujuan untuk memberikan kepelbagaian dalam produk-produk pelaburan yang ditawarkan dan dalam pada waktu yang sama kerajaan telah menggalakan juga supaya Ahli-Ahli TAP dan SCP untuk membuat caruman tambahan secara sukarela ataupun voluntary bagi menambah persediaan apabila bersara nanti.

Di sini peramba ingin menekankan dan mengingatkan jua bahawa produk-produk investment yang sebenar yang selalunya ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan adalah menawarkan pulangan yang lebih berpatutan menurut pasaran. Selalunya tidak melebihi apa yang di "offer" oleh Skim Cepat Kaya ini. Namanya cepat kaya kan dengan sendirinya, sebab itulah ianya lebih menarik dan tidak berpatutan. Tapi kesan buruknya skim ini, adalah

merupakan duit penyertaan peserta-peserta baru dan bukannya duit pulangan dari pelaburan yang dibuat sepertimana produk-produk pelaburan yang sebenar, yang mana apabila ianya sudah tidak dapat bertahan pada tempoh yang singkat, ianya akan jatuh sama sekali dan akan merugikan pelabur-pelabur tersebut. Jadi berawas-awaslah dalam perkara ini.

Manakala bagi produk-produk pelaburan dari bank dan sebagainya itu ianya akan menjanjikan pulangan dari segi jangka panjangnya.

Mengenai dengan untuk melarutkan Elaun Kurnia Khas. Sebenarnya Elaun Kurnia Khas ini perambanya hanya akan mengongsikan Elaun Kurnia Khas ini kalau dikira-kirakan adalah pemberian khusus untuk pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan untuk itu kerajaan telah perlu menampung komitmennya kira-kira \$120 juta setahun. Kalau kita melihat di sektor Kerajaan, tidak salah dalam 72,000 pekerja dan kalau dilarutkan lagi kepada sektor swasta iaitu sebanyak 62,000 barangkali, dengan sendirinya Kerajaan akan menanggung double daripada jumlah tersebut iaitu sebanyak \$120 juta lagi, setahun yang perlu Kerajaan akan menanggung.

Mungkin perkara ini dari jangka pendek mungkin impaknya itu mungkin juga benar ia akan menarik orang-orang bekerja di private sector. Tapi jangka panjangnya unsustainable tidak sustainable bagi kerajaan dan di mana-mana pun nampak-nampaknya perkara ini seingat-ingat saya tidaklah berlaku di mana Kerajaan terpaksa menampung elaun-elaun untuk orang-orang yang bekerja di private sector. Mungkin perkara-perkara lain perlu dikaji dulu perkara-perkara seperti ini kerana kesan-kesannya amat berat kepada kewangan Kerajaan yang mana sudah tadi di bentangkan yang Kerajaan pada Tahun Kewangan 2010/2011 pun akan menanggung defisit sebanyak kira-kira sebillion. Jadi kalau kita lagi melarutkan perkara ini kepada private sector dengan sendirinya defisit tersebut akan bertambah. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Perambanya menimbulkan satu perkara yang mana perambanya diminta oleh pesara-pesara yang menerima pensyen daripada Kerajaan iaitu pesara-pesara yang berumur lebih daripada 70 tahun atau yang telah mencapai umur 70 tahun.

Masalah pesara-pesara yang sudah berumur 70 tahun yang pembayaran pencen mereka melalui bank diberhentikan dan mereka itu dikehendaki menerima wang pencen mereka di Kementerian Kewangan.

Bagi pesara-pesara yang baru mencapai umur 70 tahun dan masih berupaya untuk datang sendiri ke Kementerian Kewangan untuk menerima pencen mereka mungkin tidak ada masalah. Tapi bagi pesara-pesara yang sudah lanjut usia dan kurang upaya kurang sihat mereka bermasalah untuk datang ke Kementerian Kewangan. Sudah pun susah untuk datang ke Kementerian Kewangan mereka terpaksa lagi menunggu giliran untuk menerima pencen mereka.

Bagi mengurangkan masalah untuk datang ke Kementerian Kewangan, adalah dicadangkan supaya pencen mereka itu terus dibayar melalui Bank dengan jaminan anak-anak pesara dan pengesahan Bank bahawa yang berkenaan atau seseorang pesara itu masih hidup. Ataupun di buka cawangan-cawangan atau pusat-pusat sementara di kawasan-kawasan yang ramai pesara berumur 70 tahun ke atas selama seminggu setiap bulan untuk membolehkan pesara-

pesara itu menerima pencen mereka pada hari-hari yang ditetapkan. Sekian, Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Terlebih dahulu peramba ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas saranan Yang Berhormat Dato Awang Haji Puasa mengenai pesara-pesara yang berumur 70 tahun. Barangkali pun Dato pun tahu rasionalnya tu iaitu ialah bagi mengelakkan duit pencen dari diambil atau di salahgunakan oleh pihak individu yang tidak bertanggungjawab jika pesara berkenaan telah meninggal dunia. Dato pun tadi sudah nyatakan perkara ini. Lagi situasi ini boleh juga terjadi jika makluman mengenai kematian pesara tidak atau lambat di hadapkan ke Jabatan Perbendaharaan.

Sebenarnya Kementerian Kewangan sudah menyedari perkara ini. Dan, sebab itulah ada dua pilihan diberikan kepada pesara-pesara ini. Satu ialah dengan cara surat wakil di mana pesara masih boleh mewakilkan orang lain untuk mengambil wang pencen bulanan mereka dengan menggunakan borang wakil dan memberikan

salinan kad pengenalan pesara dan orang yang diwakilkan, pertama.

Kedua, pilihannya lagi ialah pembayaran melalui Bank. Pesara yang berkehendakan bayaran diterima dari Bank boleh di pertimbangkan dengan syarat mereka menghadapkan surat pengakuan dari Bank yakni bank guarantee yang bersetuju sekiranya pesara meninggal dunia bayaran pencen yang telah dikreditkan di dalam akaun pesara akan dikembalikan semula oleh Bank kepada Kerajaan.

Sebenarnya peramba sendiri apabila masa orang-orang menerima pencen ini pun ada jua menghubungi pesara-pesara ani untuk bertanyakan mengenai dengan perkara-perkara seperti ini. Dan nampak-nampaknya banyak pesara-pesara ini usul-usulnya masih jua mahu untuk menerima dan mengambil sendiri. Apa alasan yang di berikan ialah untuk berjumpa-jumpa kawannya. Jadi perkara ani barangkali adalah atas pilihan pesara-pesara itu jua.

Mengenai dengan saranan supaya diadakan pusat-pusat di tempat-tempat pesara-pesara tersebut sekiranya ada pesara-pesara yang ramai di kawasan-kawasan yang tertentu. Sebenarnya untuk

mengambil pencen-pencen ani di Belait ada sudah tu dan jua di Tutong sudah dibuka di Jabatan Perbendaharaan Daerah Tutong dan di Daerah Belait. Jadi walau bagaimanapun perkara ini akan diteliti lagi mengenai dengan keperluannya dan keutamaannya nanti. Insya-Allah

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Terima kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Peramba ingin menyuarakan satu perkara mengenai dengan personnel emolument. Nampaknya setiap tahun Kerajaan menyediakan peruntukan untuk emolument lebih kurang dalam \$4 billion. Dan langkah ini selama ini nampaknya berkekalan dan tiada usul-usulnya akan turun. Apakah usaha pihak Kerajaan supaya perbelanjaan untuk personnel emolument ini turun? Dan saya di fahamkan juga bahawa Kementerian Kewangan pada masa ini telah melantik satu Konsultant Antarabangsa, bolehkan consultant ini juga meneliti cara-cara untuk menurunkan perbelanjaan personnel emolument ani?.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Haji

Ibrahim: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Terlebih dahulu peramba ingin mengucapkan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohd Yunos mengenai dengan personnel emolument. Sebenarnya personnel emolument itu ialah kira-kira \$1.8 billion bukannya \$4 billion seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Apa namanya ni, saya akan mengongsikan gaji kakitangan ialah sebanyak bagi tahun 2009/2010 ialah \$1.787 billion.

Satu langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan ialah sebagaimana jua yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bukan sahaja kepada Kementerian Kewangan tapi kepada Kementerian-Kementerian yang lain juga ialah untuk mengadakan manpower audit, untuk menentukan sama-ada apa namanya ni manpower yang di pohonkan untuk satu-satu kementerian satu-satu jabatan itu adalah berlebihan ataupun berkurangan. Jadi manpower audit ini juga Insya-Allah mungkin kalau setiap kementerian akan membuat manpower audit nya boleh jadi jumlah-jumlah P.E (Personnel Emolument ini) mungkin akan dapat dikurangkan dengan cara meningkatkan produktiviti pekerja-pekerja. Insya-Allah.

Peramba juga ingin tau apa yang di maksudkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Yunos mengenai dengan consultant, apa yang sebenarnya, consultant apa tu Dato?

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Terima Kasih, Pengiran Pengerusi. Apa yang peramba maksudkan daripada penerangan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) pada hari kemarin, bahawa Kementerian Kewangan telah melantik sebuah consultant untuk meneliti dengan arah tuju ekonomi dan juga di antara term of reference consultant berkenaan ialah untuk penswastaan. Saya ingin bertanya di sini adakah consultant ini juga term of referencenya mengkaji untuk penurunan personnel emolument ini, Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:

Nampaknya apa yang direfer oleh Yang Berhormat Dato tadi ialah mengenai dengan consultant yang bertindak untuk meneliti mengenai dengan arah tuju ataupun strategi penswastaan. Saya barangkali tidaklah tahu secara detail apa term of reference yang telah dibuat untuk consultant

penswastaan ini kerana ianya adalah di bawah EPU, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Jadi mungkin bolehlah akan di dapatkan barangkali Dato daripada Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi samada terdapat jua term of reference yang berkaitan dengan, untuk menurunkan personnel emolument ini. Tapi barangkali doubtful mengenai dengan perkara ini. Personnel emolument ini selalunya adalah di pihak Kerajaan. Jika Jabatan Kerajaan diswastakan dengan sendirinya akan menjadikan satu-satu perbadanan ataupun Agensi Kerajaan dialih pembayaran gajinya itu kepada perbadanan tersebut. Memanglah ia akan sekurang-kurangnya mengurangkan personal emolument. Misalnya apabila TelBru di perbadankan dengan sendirinya gaji ataupun personal emolument telah diambil alih oleh Syarikat tersebut dan ianya tidak lagi dimasukkan di dalam personal emolument bagi pihak Kerajaan, terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Jabatan Kementerian Kewangan telah di bahaskan, sekiranya perbahasan itu tidak ada lagi.

Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila

angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Maka Jabatan Kementerian Kewangan diluluskan sebagai salah satu Rang Undang-Undang Kewangan.

Jurutulis: SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Honourable Chairman, Cabinet Ministers and members of Legislative Council, I would like to know what the enforcement official do with the all non halal foods like chicken and alcohol, that have been confiscated, whether there is a record or letter of acknowledgement the details of the goods stated, one copy for offender and one copy for the custom record. When this confiscated goods being destroyed, whether there were higher officer to be there to certify goods destroyed on accordance with the records.

Honourable Chairman, for the non muslims destroying any foods and drinks is a wasted, God create foods for us to eat, if food is not suitable for us we must give others to benefits.

Honourable Ministers, I would like to suggest a different way to take care of this matters, I suggest to store in a warehouse the meats that we store in the freezer for sale to the non muslims, for the alcohol I suggest that they can be sold to foreign embassies who do have special quota to import alcohol or give money collected to be donated to the non muslim charity, I hope that the Minister concern consider my suggestion, thank you very much.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat Pehin Goh mengenai dengan tindakan-tindakan yang diambil mengenai dengan barang-barang rampasan. Apa yang saya difahamkan barang-barang rampasan ini ada mempunyai peraturan-peraturan dan garis pandu untuk memusnahkannya. Misalnya beras. Beras-beras yang diperakui

masih baik dan selamat untuk dimakan akan di serahkan kepada agensi-agensi berkaitan untuk diagih-agihkan kepada mereka yang memerlukan. Beras-beras yang diserahkan adalah di dalam keadaan yang baik. Minyak pula dimusnahkan dengan bantuan pihak BSP memandangkan kondisi minyak-minyak yang dirampas tidak diketahui kualitinya sama ada baik ataupun sebaliknya. Kalau dijual nanti boleh jadi akan merosakkan kenderaan-kenderaan lain.

Mengenai dengan minuman keras. Lanya akan dimusnahkan di tapak pembuangan sampah. Itu peraturan yang ada pada waktu ini. Dan begitu juga dengan kenderaan yang di rampas sama ada diserahkan kepada agensi-agensi Kerajaan yang memerlukan atau untuk dilelong kepada orang ramai.

Mengenai dengan perkara-perkara yang di timbulkan misalnya barang-barang yang tidak halal pun saya rasa adalah di musnahkan begitu saja, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Minta maaf jua, macam dalam dari segi ugama, saya minta maaf peramba bukan jua orang Islam. Kalau seorang itu dari

segi ugamanya kalau barang ini tidak boleh makan, kami berikan orang-orang bukan Islam, ini adalah salah dalam agama kami. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran. Itu adalah peraturan yang ada pada waktu ini. Mungkin kita boleh berunding barangkali nanti mengenai perkara ini. Tetapi ianya adalah mengikut keperluan dan aspek-aspek lain yang perlu kita pertimbangkan nanti, terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terlebih dahulu peramba memohon maaf kerana membawa perkara ini beberapa kali dalam Dewan Majlis ini. Tetapi belum juga ada tindakan iaitu tentang bangunan lama Kastam Diraja diPekan Kuala Belait. Bilakah bangunan lama Kastam ini yang sudah lama terbiar dan saya lihat tidak selamat untuk digunakan disebabkan beberapa sebab khususnya sebab teknikal akan dapat dirobohkan? kerana bangunan tersebut menjejaskan lanskap Pekan Kuala Belait dan sekaligus dikhuatiri ada aktiviti-aktiviti negative. Dan yang ketiga seperti yang kita maklum bahawa

Pekan Kuala Belait ketika ini sedang membangun, terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terlebih dahulu Peramba ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee yang telah menimbulkan perkara ini lagi.

Untuk makluman saja, rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan khususnya mengenai kedudukan teknikal bangunan tersebut telah pun selesai dilaksanakan, yang mana hasil penelitian teknikal tersebut telah pun diterima yang menyatakan atau merumuskan bahawa kedudukan struktur bangunan tersebut adalah tidak selamat dan perlu diroboh. Selain daripada itu kebenaran bagi pelupusan bangunan tersebut juga telah pun diperolehi pada peringkat ini rancangan bagi meroboh bangunan tersebut telah pun dibuat. Tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja meroboh bangunan akan dikeluarkan tidak lama lagi bagi mendapatkan tawaran yang kompetitif. Insya-Allah sebaik saja proses-proses tersebut diselesaikan,

kerja-kerja meroboh bangunan tersebut akan di mulakan dengan segera.

Untuk makluman jua bahawa bagi menampung keperluan pejabat bagi Jabatan Kastam di Daerah Belait, kerja-kerja pembinaan Pejabat Kastam di Sungai Tujuh di bawah Rancangan Kemajuan Negara sudahpun bermula, dan ianya dijangka siap insya-Allah pada tahun hadapan. Bagi tempoh sementara ini, Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja akan terus menggunakan kemudahan pejabat di Bangunan Jabatan Pelabuhan, Kuala Belait. Itu sahaja yang dapat peramba kongsikan dan lagi sekali di ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menimbulkan perkara ini.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Maaf Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Ingin menambah sedikit saja terlupa tadi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Cuma menambah memberi pandangan sedikit sekiranya, Kementerian Kewangan akan membuat bangunan baru lagi kalau boleh jangan di tempat yang sama kerana keadaan di Pekan Belait kalau ditambah bangunan yang sama mungkin sesak kerana tempat parking

kekurangan. Kalau boleh keluar dari Pekan Belait seperti di Bandar Seri Begawan di mana kastamnya luar daripada Bandar Seri Begawan. Saya akan mengucapkan terima kasih, sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi iaitu kerja-kerja pembinaan Pejabat Kastam di Sungai Tujuh di bawah Rancangan Kemajuan Negara sudah pun bermula yang mana adalah keluar daripada Pekan Belait. Insya-Allah kita mengambil maklum mengenai dengan saranan Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Walaupun perkara ini bagi peramba terlalu kecil untuk peramba hadapkan tetapi atas permasalahan yang dihadapi oleh penduduk Daerah Temburong. Kita tidak dapat mengelakkan apa-apa jua peraturan yang dibuat oleh Jabatan Kastam apabila orang-orang Temburong. Terutamanya yang membawa beras ataupun peralatan elektrik yang dibeli dari Bandar Seri Begawan untuk dibawa dalam kereta

ke Daerah Temburong melalui pos kawalan-kawalan untuk keperluan sendiri. Seringkali mereka membuat aduan membawa seguni beras pun payah untuk ke Temburong.

Jadi apakah dapat pertimbangan daripada pihak yang berkenaan dan meminta pandangan mengenai perkara ini? Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat, wakil dari Daerah Temburong mengenai permasalahan yang dikemukakan. Sebagaimana yang kita sedia maklum tugas Pegawai-Pegawai Kastam adalah untuk menjaga keselamatan dan tugas untuk memeriksa itu memanglah tugas penting bagi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Oleh itu, memang mana-mana barang-barang yang masuk saya ingat kemasukan perkara-perkara ini adalah, misalannya dari Limbang kah apa, sebab itulah yang diperiksa.

Tapi, cadangan saya kepada Ahli Yang Berhormat ialah supaya

barangkali perkara ini bolehlah kitani rundingkan bersama-sama, duduk dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagaimana untuk mengatasi masalah-masalah ini. Kerana apa yang kita lihat kadang-kadang masalahnya, kadang-kadang misalnya kereta-kereta yang membawa itu walaupun berdaftar Brunei tapi kadang-kadang ada jua kereta-kereta luar. Jadi itulah yang perlu kita periksa secara saksama. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Jawapan daripada Kementerian Kewangan II (Kedua). Jadi jelas bahawa perkara Kastam telah pun diusahakan oleh pihak Kerajaan. Maka perkara itu sudah selesai. Sekarang kita berpindah kepada Jabatan Perbendaharaan.

Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: SD03A – Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dijadikan sebahagian daripada Jadual. SD05A – Jabatan Perbendaharaan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Nampaknya tidak ada yang ingin membahaskan Jabatan Perbendaharaan ini. Maka dengan demikian ia telah dijadikan sebahagian Rang yang lulus oleh majlis ini. Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan (Semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan (tidak ada).

Jurutulis: SD05A – Jabatan Perbendaharaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SD05A – Perkhidmatan Rampaian.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Nampaknya Ahli-Ahli yang Berhormat pun tidak ingin membahaskan Perkhidmatan Rampaian ini, maka ianya dijadikan salah satu Rang Undang-Undang yang diluluskan.

Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.
(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: SD05A – Perkhidmatan Rampaian dijadikan sebahagian daripada Jadual. SD06A – Jabatan

Teknologi Maklumat dan Stor Negara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya di fahamkan bahawa Stor Negara mengimport beras dari Negara Thailand secara usaha sama tujuan venture dengan sebuah syarikat di negara tersebut. perbetulkan saya jika saya salah. Saya ingin bertanya adakah di dalam perancangan Stor Negara untuk memperluaskan usaha sama sedemikian itu di negara-negara lain yang dikira stabil? Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai dengan kerjasama penubuhan syarikat kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dengan Thailand. Memang betul, ada penubuhan syarikat tersebut dan syarikat inilah yang mengimport beras untuk keperluan Negara Brunei Darussalam.

Memang sebenarnya perancangan Jabatan Perbekalan dan Stor Negara sebagai langkah untuk keselamatan makanan. Kita juga sekarang telah melihat beberapa buah negara selain daripada negara yang kita import selama ini jadi sebagai langkah untuk men-'diversify' risiko-risiko keselamatan permakanan ini.

Insya-Allah perkara ini akan di usahakan tidak lama lagi dan kita sedang meneliti secara terperinci bentuk kerjasama dengan negara-negara tersebut kerana modal yang ada pada waktu ini adalah, nya orang workable dengan negara yang ada pada waktu ini. Tapi mungkin disebabkan oleh kuantiti yang kita import adalah jumlahnya kecil mungkin dari segi apa namanya ni pembentukan syarikat itu mungkin tidak viable bagi negara-negara lain. Tapi memang ada kita untuk mengimport daripada negara-negara selain daripada negara yang kita import pada waktu ini. Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Penjelasan telah diberikan maka sekarang kita beredar kepada Perkhidmatan Rampaian.

Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila

angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: SD 06A - Jabatan Teknologi dan Stor Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. SD08A - Perkhidmatan Rampaian HMSF.

Pengerusi: Sekiranya tidak ada Ahli-Ahli yang mahu membahaskan, maka tajuk ini disifatkan telah diluluskan.

Yang bersetuju dengan tajuk ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: SD08A - Perkhidmatan Rampaian HMSF dijadikan sebahagian daripada Jadual. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat, Awang Haji

Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima Kasih, Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Peramba ada 3 perkara untuk dikemukakan;-

1. Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Peramba ingin mengucapkan pujian dan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana telah berjaya menghasilkan satu projek yang sungguh significant iaitu Anugerah Kampung Cemerlang. Cuma saya ingin mencadangkan sedikit tentang komposisi jawatankuasa penilai. Kalau boleh Pegawai-Pegawai Daerah jangan dimasukkan dalam penilaian tersebut di khawatiri berlaku bais atau complex of interest;
2. Proses pemilihan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung. Kalau pada pandangan saya kalau boleh proses pemilihan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung harus dikaji semula bagi memantapkan institusi tersebut, supaya calon-calon yang sesuai yang mendapat sokongan

majoriti penduduk bukan sahaja pihak atasan bahkan pihak penduduk kampung disokong dengan sepenuhnya akan dilantik.

Saya percaya dengan adanya proses sedemikian hasrat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk melahirkan sebuah kampung yang cemerlang dengan adanya pemimpin akar umbi yang cemerlang berkemungkinan akan tercapai.

Dan kalau boleh saya cadangkan tempoh menjadi Penghulu dan Ketua Kampung dikaji juga semula. Mungkin

b a r a n g k a l i
dalam tempoh 5 tahun kalau Penghulu atau Ketua Kampung itu, prestasinya bagus disambung 5 tahun lagi, kalau tidak disebaliknya; dan

3. Pada tahun lepas, saya pernah menyuarakan perkara ini. Alhamdulillah dijawab bahawa iaitu tentang Skim Tanggagaji Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung.

Pada tahun lepas telah pun dijawab dalam proses penilaian. Saya cuma ingin tahu proses sekiranya proses penilaian telah selesai dan di hadapkan kepada pihak yang tertentu untuk memberi penilaian selanjutnya. Bilakah agaknya sekurang-kurangnya ada target?

Kerana saya fikir secara peribadi sekiranya term and condition Penghulu-Penghulu dan Ketua Kampung ini dikaji semula, tidak mustahil ada calon-calon yang berkalibar yang mempunyai wawasan yang lebih mempunyai ilmu akan tampil ke hadapan untuk mencalonkan diri sebagai pemimpin akar umbi. Jika ini berlaku insya-Allah Mukim dan Kampung akan dipimpin oleh pemimpin yang mempunyai kalibar dengan sekaligus hasrat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menghasilkan sebuah kampung yang cemerlang akan tercapai. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih, Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, Ahli Yang

Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Terlebih dahulu peramba ingin mengucapkan berbanyak terima kasih ke atas Ahli Yang Berhormat, yang memberikan saranan-saranan dan juga soalan-soalan yang baru tadi.

(i) Berhubung dengan AKC sepertimana yang kita maklum Anugerah Kampung Cemerlang adalah julung-julung kalinya baru diadakan pada tahun 2009 dan disempurnakan pada tahun 2010. Memanglah satu Jawatankuasa penilaian ini bukan hanya dihadkan kepada Pegawai Daerah. Tetapi juga seperti yang kita maklum, Ahli-Ahli penilainya ini adalah juga terdiri daripada wakil Kementerian-Kementerian yang berkenaan. Bagi membolehkan penilaian yang dibuat secara menyeluruh bukan sahaja dari aspek Pentadbiran dan Pengurusan tetapi juga Produk Kampung, Kehormanian, Keselamatan, kebajikan, kebersihan alam sekitar, keugamaan, pendidikan dan info-komunikasi dan seumpamanya..

Yang saya maksudkan Kementerian-Kementerian seperti ada wakil daripada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Ugama, Kementerian Pendidikan dan tidak dinafikan ada juga daripada Pegawai-Pegawai

Daerah yang dilantik, dan juga dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi Insya-Allah perkara ini akan di teliti tentang kesesuaiannya, sama ada sesuai Pegawai Daerah untuk menjadi Ahli dalam penilaian tersebut. Kitani sama-sama akan memperbaiki dan me-review dan mengadakan post mortem tentang penilaian-penilaian terutama sekali Keahlian Ahli Jawatankuasa AKC Penilaian tersebut.

(ii) Yang di timbulkan tadi ialah tentang penilaian Ketua-Ketua Kampung. Kitani maklum bahawa Skim Penghulu Mukim dan Ketua Kampung memanglah sudah ada iaitu Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung 1998. Dan jua Skim Dalam Ketua Kampung ini memangnya belum ada tempoh-tempoh yang tertentu bagi menamatkan perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Dan ianya keseluruhan skim itu memanglah apa yang peramba janjikan dalam penelitian ianya menghendaki penelitian-penelitian yang lanjut. Memang sudah ada kertas kerjanya ianya memerlukan penilaian-penilaian lanjut

dan kesesuaian-kesesuaian terhadap skim tersebut dan ianya akan juga di rundingkan dengan Kementerian-Kementerian yang berkenaan supaya satu skim kemudian akan dapat dimantapkan dengan lebih sempurna. Ini termasuklah tempoh perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung itu akan juga dikaji. Memanglah hasrat kita untuk memajukan kampung itu, kita menghendaki seseorang Penghulu dan Ketua Kampung yang berkalibar dan berwibawa dapat memimpin Kampung dan Mukim itu seperti yang dihasratkan bagi memajukan kampung. Bukan sahaja dari aspek perekonomian malahan juga keharmonian, kesejahteraan dan kemajuan kampung seperti yang dihasratkan. Itulah sahaja yang dapat peramba jelaskan Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih. peramba bukanlah untuk sama-sama mengucap dalam bahagian ini. Bukan peramba tidak mewakili Ketua Kampung, Penghulu, hanya satu perkara saja. Dari segi keselamatan peramba pernah

bertanya dan difahamkan bahawa seseorang sama ada dia Ketua Kampung ataupun barangkali dia diserahkan juga kepada oleh Penghulu.

Setiap bulan, wang-wang pencen bukan hanya pencen orang tua juga wang-wang bantuan kepada orang-orang diperlukan. Di bawah jagaan mereka, wang itu dipegang oleh Ketua Kampung sendiri, berpuluh-puluh ribu ringgit sebulan. Tetapi peramba bukan nak menegurkan apa-apa. Tetapi peramba kluatir dengan wang yang berpuluh-puluh ribu di tangan seseorang Ketua Kampung, tidak ada satu jaminan keselamatan bagi dirinya, kalau-kalaulah misal kita tak tahu, maklum sajalah wang yang dipegang oleh mereka ini sama ada dia kena rampas ataupun dia kena kidnap. Tak ada security yang boleh. Jadi ini bukan saya nak hanya untuk pengetahuan supaya hal-hal ini dapat dilihat dengan telitinya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terlebih dahulu peramba ingin mengucapkan berbilang

terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menimbulkan. Perkara ini memang sering ditimbulkan bukan saja di dalam dewan majlis ini tetapi juga di dalam perjumpaan-perjumpaan dengan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung. Mereka juga telah dinasihatkan supaya akan dapat menghubungi pihak-pihak berkenaan bagi bersama-sama menjaga keselamatan mereka. Dan mereka juga dinasihatkan bukan saja seorang-orang tetapi jua ada orang yang mendangani ataupun mendampingi mereka supaya bersama-sama menjaga keselamatan. Seperti jua maklum mereka ini akan menyerahkan pencen-pencen tua dan bantuan-bantuan kebajikan kepada anak-anak buah mereka yang berkenaan.

Dalam pada itu juga, peramba mengambil maklum dan perhatian perkara ini serta akan dikaji dan juga diteliti dalam bersama-sama kitani menjaga keselamatan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Di sini peramba akan menyampaikan dua perkara;-

1. Di Dewan yang mulia ini, peramba ingin menyampaikan perasaan yang sangat gembira daripada peniaga-peniaga serta mereka mengucapkan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya Jabatan-Jabatan Daerah, Jabatan Bandaran, kerana mengeluarkan Lesen Rampaian yang baik dan baru memohon mahupun yang membaharui telah pun dikeluarkan atau diberikan dengan tempoh masa yang cepat. Menepati Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) setiap agensi yang berkenaan. Dalam pada itu peramba juga merakamkan penghargaan atas tindakan penguatkuasa agensi-agensi berkenaan dalam membentras peniaga-peniaga tanpa lesen, peniaga-peniaga di tepi jalan yang kebanyakannya dikendalikan oleh orang asing serta penguatkuasaan kebersihan kepada mereka.

Peramba mengharapkan tindakan-tindakan sedemikian ini juga akan dapat dilaratkan ke kawasan-kawasan di luar bandar khususnya, di kampung-kampung yang semakin hari semakin ramai pengendali-

pengendali kedai perniagaan yang terdiri daripada orang asing. Jika sekiranya agensi-agensi yang terlibat mempunyai kekurangan pegawai dan kakitangan, peramba menyarankan dan mencadangkan agar peruntukan tambahan kakitangan akan dapat difikirkan oleh agensi-agensi yang terlibat. Dan juga seterusnya memandangkan agar pegawai serta kakitangan yang terlibat dalam tugas dan tanggungjawab melaksanakan penguatkuasa peraturan dan undang-undang ini diberikan elaun khas; dan

2. Peramba dengan rasa hati yang tulus ikhlas mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada kementerian yang mana berjaya mengendalikan Kampung Cemerlang sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Di sini peramba walau macamana pun mula-mula peramba ragu-ragu juga kerana takut-takut akan melawan tauke. Tapi walau macamana pun hasrat saya bukan hendak melawan tauke, cuma kan membantu dan menolong.

Yang mana di dewan yang mulia ini

menyampaikan sokongan projek di atas. Cuma peramba cadangkan supaya mukim-mukim diberikan budget atau peruntukan tahunan pada setiap mukim mengikut kadar keramaian kampung-kampung di dalamnya. Supaya kampung-kampung yang berjaya terus meningkatkan dengan peruntukan yang ada dan kampung-kampung yang belum dan sedang mengusahakan akan dapat menggunakan sama budget untuk memajukan projek masing-masing sebagaimana yang telah di buat dan diamalkan di negara-negara yang pernah dilawati sebagai melancarkan dan memajukan kampung-kampung masing-masing. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terlebih dulu peramba sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan dan membuat saranan-saranan terutama sekali dalam aspek penguatkuasaan.

Memanglah Jabatan-Jabatan Daerah dan Lembaga Bandaran, menguatkuasakan undang-undang

jika sekiranya di dapati kesalahan-kesalahan termasuklah juga seperti pembuangan sampah seperti kita lihat telah pun diambil tindakan undang-undang.

Dan dalam menguatkuasakan undang-undang ini bukan sahaja Jabatan Daerah, malahan juga secara bersepadu di antara agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang yang lain pemeriksaan-pemeriksaan kepada mana-mana premis-premis yang melanggar peraturan, sama ada dari aspek di bawah Akta Buruh, Akta-Akta Imigresen dan juga di bawah Akta Lesen Rampaian.

Dalam pada itu, dalam menguatkuasakan undang-undang ini, kita terlebih dahulu mengadakan risikan-risikan dan mendapatkan maklumat-maklumat. Jika perkara-perkara itu benar-benar perlu dan ada didapati kesalahan-kesalahan maka tindakan-tindakan undang-undang memanglah diambil secara berpatutan. Dan kalau sekiranya mereka itu perlu dikompoun akan dikompoun oleh agensi-agensi berkenaan yang mempunyai bidangkuasa masing-masing.

Berhubung dengan elaun khas bagi penguatkuasa undang-undang di

Jabatan Bandaran dan juga Jabatan Daerah, memang pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mencadangkan akan mengadakan kepada pihak berkuasa. Tetapi malangnya elaun khas tersebut tidaklah dapat dipertimbangkan setakat ini. Walau bagaimanapun pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan meneliti semula tentang keperluannya kerana keberkesananannya memanglah nampak bagi memberikan rangsangan kepada mereka membuat penguatkuasaan dan apatah lagi ada risiko-risiko yang timbul dalam menjalankan tugas-tugas tersebut.

Berhubung dengan AKC ataupun Anugerah Kampung Cemerlang. Seperti yang kitani maklum peruntukan tambahan telah pun diberikan oleh Kerajaan seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (kedua), iaitu khusus untuk Hal Ehwal Perekonomian \$200 ribu. Dan memanglah pada masa ini pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memberikan peruntukan sebanyak \$220 ribu kepada Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Apa yang diharapkan di sini, peruntukan-peruntukan tersebut adalah

sepatutnya digunakan, bukannya diberikan tetapi hendaklah dipohonkan. Permohonan memanglah dari semasa ke semasa diproses berdasarkan kepada projek-projek dan rancangan-rancangan yang akan di kendalikan oleh Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Misalnya saja, dari aspek perekonomian. Permohonan-permohonan telah pun juga diberikan. Terutama sekali di daerah Temburong. Di Daerah Temburong telah banyak mengadakan projek-projek perekonomian seperti perusahaan-perusahaan kulat, perusahaan-perusahaan ambulong, perusahaan perusahaan kraf tangan, perusahaan mee dan seumpamanya telah di berikan oleh Kerajaan sebanyak \$28,425.00.. Macam itu juga Daerah Brunei Muara dari aspek perekonomian telah pun diberikan \$13,998.00 dan manakala Daerah Belait \$5,130.00 bagi perusahaan chili-chili sos, bagi perusahaan kraf tangan dan juga perusahaan-perusahaan permakanan dan seumpamanya. Dan begitu juga di daerah Tutong telah pun diberikan \$3,080.00.

Ini berdasarkan kepada permohonan-permohonan dan juga dianalisa samaada bersesuaian produk-produk itu akan dapat di majukan oleh Kampung masing-

masing. Daripada aspek tersebut bukan sahaja dalam perekonomian malahan juga di aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Aktiviti-aktiviti keharmonian, keugamaan dan seumpamanya. Peruntukan khusus kepada Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, itulah setakat ini juga untuk makluman bersama bahawa sebanyak \$214,917.46 telah pun diberikan peruntukan kepada Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara.

Peruntukan-peruntukan ini tidak diberikan secara advance bagi membolehkan apa juga aktiviti-aktiviti atau rancangan-rancangan itu akan diproses supaya akan dapat digunakan dan dimanfaatkan oleh Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Sekian. Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba sungguh tertarik mengenai dengan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Baru-baru ini. Kalau peramba tidak silap, dalam beberapa bulan yang lepas ada satu projek yang mengatakan pengredan restoran-restoran yang ada di

bandar atau pun di luar bandar. Di sini peramba ingin tahu, apakah ciri-ciri penghakiman mendapat Grade A, Grade B, ataupun Grade C, menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terlebih dahulu peramba sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan tentang pengredan restoran-restoran dan kedai-kedai makan.

Tujuan pengredan restoran-restoran dan kedai makan diperkenalkan di negara ini adalah untuk memastikan premis-premis tersebut mencapai tahap kebersihan dan kesihatan yang memuaskan mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Ini adalah juga untuk menjaga keselamatan dan keselesaan orang ramai untuk menikmati apa jua permakanan-permakanan yang dihidangkan di restoran-restoran dan kedai-kedai makan. Setakat ini sebanyak 90 restoran telah pun diberikan pengredan.

Satu Panel Pemeriksaan (Panel of Inspection) telah pun ditubuhkan

untuk membuat pemeriksaan ke atas restoran dan kedai makan dan seterusnya memberikan pengredan. Antara kriteria-kriteria untuk menentukan pengredan restoran dan kedai makan adalah mengambil-kira dari aspek-aspek berikut:-

1. Kesihatan dan Kebersihan yang dipecahkan seperti berikut:-
 - a. Premis
 - b. Perlindungan Makanan
 - c. Penyimpanan Makanan
 - d. Pekerja / Cara Pengendalian
 - e. Peralatan dan Perkakas Makanan
 - f. Kemudahan - kemudahan untuk menyuci
 - g. Bekalan Air
 - h. Pembuangan Najis (Plumbing)
 - i. Tandas Awam
 - j. Pembuangan Sampah; dan
 - k. Kawalan tikus/serangga
2. Keindahan dan Kecantikan
 - Sama ada dalam bangunan atau luar bangunan

3. Keselesaan
 - Seperti alat kelengkapan kerusi dan meja
 - Suasana (hawa dingin, kipas angin dan lampu)
 - Ruang tempat makan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa keahlian Ahli Panel bukan sahaja di kalangan wakil daripada Jabatan-Jabatan Daerah dan Lembaga-Lembaga Bandaran malahan juga daripada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan wakli daripada pihak Swasta.

Tidak semestinya restoran-restoran dan kedai-kedai makan yang telah pun mendapat gred dalam kategori 'A' dan 'B' tidak berubah. Jika sekiranya kebersihan dan kesihatan tidak menepati piawaiian seperti yang ditentukan kemungkinan gred mereka akan turun atau jika sekiranya kebersihan tidak mencapai ketahap yang memuaskan mengikut tahap yang ditentukan restoran itu akan ditutup.

Seperti berlaku beberapa tahun baru-baru ini beberapa restoran

telah ditutup kerana didapati oleh pihak berkenaan keadaan kebersihan dan kesihatan tidak memuaskan yang boleh menjejaskan kesihatan ataupun memudaratkan orang ramai. Sekian yang dapat peramba jelaskan. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Terima kasih atas penjelasan begitu banyak. Sekarang kita akan beralih daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kita beralih semula mesyuarat penuh maka saya memohonkan mengatakan Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah dibahaskan dan nampaknya tidak ada begitu banyak bantahan. Jadi saya meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan tajuk Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sila angkat tangan (Semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju. Sila angkat tangan (Tidak ada). Nampaknya tidak ada. Dengan demikian tajuk SA01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah diluluskan menjadi salah satu Tajuk yang diluluskan dalam Anggaran Belanjawan 2010/2011.

Jurutulis: SA01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang nampaknya sudah pukul 4. Jadi saya balik semula bermesyuarat dalam Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
Ditangguhkan)**

**(Mesyuarat Negara Bersidang
Semula)**

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sudah membincangkan banyak perkara di dalam Majlis ini dan sekarang sudah sampai waktu itu kepada jam 10 limpas pukul 4.10 minit limpas pukul 4. Maka memikirkan tiap-tiap Ahli-Ahli dan orang yang ingin melihat permesyuaratan kita ada mempunyai rancangan tersendiri selepas pukul 4 maka memikirkan jam ini agak sesuai kita akan berehat dari permesyuaratan ini maka dengan yang demikian saya tangguhkan Mesyuarat Negara ini sehingga Jam 9.30 pagi esok.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

PETANG

HARI SELASA, 30 RABIULAWAL 1430 / 16 MAC 2010

198

DEWAN MAJLIS**Rabu, 1 Rabiulakhir 1431 / 17 Mac 2010****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA:**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni
Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA
JAWATAN (PERDANA MENTERI
DAN MENTERI-MENTERI):**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam, Perdana Menteri,
Menteri Pertahanan dan Menteri
Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),
The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour
(Lao), DSO (Singapore), Order of
Lakandula with the Rank of Grand
Cross (Philippines), DSO (Military)
(Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara
Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei
Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato
Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman
bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,
PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI.,
PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji
Ahmad bin Haji Jumat, PSNB.,
SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan
Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato
Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin
Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB.,
PHBS., PIKB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Adanan
bin Begawan Pehin Siraja Khatib
Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.
Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB.,
PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin
Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK.,
PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Hamzah
Pahlawan Dato Seri Setia Awang
Haji Abdullah bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar
Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan
Awang Haji Mohammad bin Haji
Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ.,
DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato
Seri Setia Awang Haji Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji
Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB.,
PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-
Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato
Seri Setia Awang Haji Abdul
Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB.,
DPMB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa
Dato Seri Setia Awang Lim Jock
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia
Pengiran Setia Negara Pengiran
(Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran
Haji Abdul Rahim, DK., SPMB.,
DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kol (B)
Dato Seri Paduka Awang Haji
Mohammad Yasmin bin Haji Umar,
SPMB.,
Timbalan Menteri Pertahanan,
Kementerian Pertahanan,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
ORANG-ORANG YANG TELAH
MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato
Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking, SMB., PSB.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin
Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin
Ahmad,
Daerah Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato
Paduka Awang Haji Muhammad
Taha bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar,
DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia
Dayang Rose Aminah binti Haji
Ismail,
Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis
Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat disambung pada jam
9.30 pagi.**

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir
Rahim, Mesyuarat Pertama dari
Musim Permesyuaratan Keenam
bagi Majlis Mesyuarat Negara, iaitu
bagi hari yang kelima disambung
semula didahului dengan bacaan
Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Doa Selamat dibacakan oleh Yang
Dimuliakan Pehin Khatib Awang
Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam
Jame'Asr Hassanil Bolkiah).**

(Membaca Doa Selamat)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang
Berhormat, bersyukurlah kita ke
hadrat Allah Subhanahu Wata'ala
bahawa pagi ini kita telah
menyambung semula permesyuaratan kita. Pada hari kelmarin,
kita telah membincangkan banyak
masalah dalam belanjawan untuk
Peruntukan Kewangan dalam tahun
ini. Jadi sekarang kita harus

menyambung semula perbincangan itu kerana banyak Kementerian-Kementerian, Jabatan-Jabatan belum lagi dapat diselesaikan. Saya meminta kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam membincangkan *detail* perbelanjaan masing-masing Kementerian dan Jabatan-Jabatan kita haruslah tumpukan kepada tajuk-tajuk yang berkenaan, pemegang-pemegang ataupun pembelian-pembelian barang dan boleh menyoalkan dengan secepat, tepat dan seterang-terangnya supaya masalah itu dapat dijelaskan sama ada buruk baiknya dan sebagainya.

Maka dengan demikian saya tidak lengah-lengah lagi untuk menyempurnakan sebahagian besar lagi Jabatan-Jabatan dan Kementerian-Kementerian yang belum kita dapat selesaikan. Maka dengan ini saya memohonkan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa bahawa permesyuaratan kita dalam Mesyuarat Negara kita tangguhkan dan kita akan balik bermesyuarat dalam Majlis Jawatankuasa untuk membincangkan satu persatu perbelanjaan kita yang kita akan luluskan pada tahun 2010/2011.

(Mesyuarat Negara Ditangguhkan)

**(Majlis bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Jurutulis: Tajuk SEO2A – Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

**Yang Berhormat Dato Paduka
Awang Haji Idris bin Haji Abas:**

Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan. Sebagaimana yang telah dimaklumi bersama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun melantik Konsultan Antarabangsa bagi menyediakan Plan Induk Kemajuan, Bandar Seri Begawan, bagi menyelaraskan hala tuju dan strategi pembangunan Bandar Seri Begawan dan meningkatkan lagi daya-saing dan pertumbuhan *infrastruktur* dan bangunan-bangunan untuk perniagaan, pelaburan dan persiaran yang selesa untuk masa kini dan 20 tahun hingga 50 tahun akan datang. Ini adalah satu tugas yang paling mencabar di mana kita harus mempunyai *vision* dan pandangan yang jauh ke hadapan bagi memenuhi kehendak dan keperluan dari segala bidang termasuklah pembangunan *infrastruktur* seperti perkhidmatan-perkhidmatan jalan raya, *network, facilities, services, zoning, foreseen environment*, alam sekitar dan berbagai-bagai lagi.

Sebagaimana yang saya ketahui juga proses pelaksanaannya pada masa ini sedang berjalan dengan baik yang mana beberapa options telah dicadangkan. Kita berharap akan mengekalkan imej Bandar Seri Begawan sebagai bandar yang selamat *safe and friendly* juga dikenali sebagai *Top Liveable City*.

Saya juga ini mencadangkan pada pihak konsultan supaya mengambil kira ciri-ciri kelslaman dalam cadangannya supaya menggambarkan Brunei adalah negara Islam. Bandar Seri Begawan adalah sebagai *Islamic City* yang *sustainable*.

Juga menekankan lagi penggunaan Sungai Kedayan sebagai *Water Futures* untuk kegunaan realistik dan juga pelancongan yang boleh digunakan sebagai *Water Transportation* ataupun penghubung pengangkutan melalui sungai. Cadangan biarlah berbentuk *futuristic* tetapi mestilah praktikal dan *realistic* agar dia akan dapat di implementasikan dengan kualiti dan harga yang bersesuaian dengan mengikut lunas-lunas keadaan semasa dan suasana alam sekitarnya.

Soalan saya untuk pengetahuan orang ramai bilakah projek ini akan dapat disiapkan? dan apakah langkah-langkah yang akan dapat diambil bagi mengimplementasikan cadangan-cadangan tersebut?.

Kedua dalam proses mengimplementasikan nanti ia mestilah mengikut segala piawaian, peraturan-peraturan dan undang-undang bandaran. Jadi soalan saya bilakah *Municipal Building by law* yang baru ataupun *revise by law* akan dapat disiapkan dan digunakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terdahulu peramba mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris telahpun menimbulkan dan juga memberikan saranan-saranan dalam majlis ini. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Dato sendiri juga sebagai Ahli kepada Jawatankuasa Perancangan dan Kemajuan, Bandar Seri

Begawan. *HOK International* telah pun dilantik oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penyediaan plan induk yang mana telah pun ditandatangani pada 8 September 2009. Status pada masa ini di mana konsultan tersebut telah pun mencapai pertengahan penyediaan di mana telah melaksanakan dalam bidang 'Inception', *interim Servey*, dan 'Interim Proposal' dan 'strategies'. Matlamat *strategic* perkembangan Bandar Seri Begawan telah pun dimasukkan dalam 'Terms of Reference Consultant' tersebut yang mengenalpasti 10 matlamat *strategic* perkembangan dan kemajuan Bandar Seri Begawan iaitu

1. Menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai sebuah Bandar Raya;
2. Bandar Seri Begawan sebagai Pusat Pemerintahan dan Pentadbiran Negara;
3. Memantapkan imej Bandar Seri Begawan sebagai tempat yang selamat mesra (*friendly*) dan selesa (*liveable*).
4. Menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai destinasi

pelancongan yang menarik dan indah dengan ciri-ciri keunikan yang istimewa serta mempunyai kebudayaan khazanah dan warisan sejarah yang tersendiri;

5. Menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai sebuah bandar yang dinamik, *vibrant* dan unggul;
6. Menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai Bandar dalam Taman (*City in the Garden*) dan yang mempunyai alam sekitar yang bersih dan bebas dari pencemaran;
7. Bandar Seri Begawan Pusat Perniagaan dan Perdagangan dan Kewangan yang berdaya maju dan berdaya saing;
8. Menyediakan rekabentuk, pembinaan operasi serta prasarana (*infrastructure*) yang serba terancang mencukupi bersesuaian dan mesra alam;
9. Menjadikan Bandar Seri Begawan mempunyai sistem perhubungan dan pengangkutan yang efisien; dan
10. Memantapkan pentadbiran pengurusan dan keupayaan

dan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan ke arah yang lebih efisien.

Seperti sedia maklum bahawa jerayawara, plan induk kemajuan telahpun diadakan. Begitu juga dengan bengkel Wawasan (*vision workshop*) telahpun diadakan pada 6 Oktober 2009 iaitu bertujuan untuk mengetahui aspirasi isu yang berkaitan dan visi utama bagi 'stakeholders' bagi Bandar Seri Begawan dalam tempoh jangka masa sederhana, jangka panjang dan jangka pendek.

Dalam pada itu juga pihak konsultan telahpun mengadakan perjumpaan-perjumpaan, temuduga-temuduga untuk mendapatkan *input* kepada *stakeholders* bukan saja Agensi-Agensi Kerajaan malahan juga Agensi-Agensi Sektor Swasta dan orang ramai memberikan peluang memberikan *feedback and input* mereka, untuk menjadikan Bandar Seri Begawan di masa-masa akan datang.

Status terkini yang dicapai ialah seperti mengenalpasti *sustainable economic group, city structure, transportation strategics* dan *urban carbon infrastructure initiative*. Pada peringkat awal ini pihak konsultan telahpun dapat mengenalpasti tujuh

penjana ekonomi yang berpotensi akan dapat membantu meningkatkan perekonomian Bandar Seri Begawan:-

1. Hub pendidikan serantau (*regional education hub*);
2. Hub penyelidikan dan sains (*research and science hub*);
3. Pelancongan budaya dan pintu masuk ke hutan hijau (*Culture and tourism and gateway to rainforest*);
4. Pusat Kesihatan dan Kesejahteraan Serantau (*Regional Health and Wellness Pleasure*);
5. Persaraan peribadi bagi pesaraan antarabangsa (*private retirement for international market*);
6. Pusat Kewangan Islam, (*Islamic Finance Centre*); dan
7. Perkhidmatan Pengiktirafan Halal dan Ekspot (*Halal Certification and Export Services*).

Dalam pada itu juga pihak konsultan juga telahpun mengenal pasti tiga struktur pilihan bagi pembangunan yang dicadangkan iaitu *distributed centres*, *concentrated notes* dan *river front corridor*. Setakat ini pilihan yang utama ialah yang bersifat *river front corridor* dengan mengambil kira dan juga beberapa elemen-elemen yang bersesuaian dari pilihan *distributed centres* dan juga *concentrated notes*.

Insyallah pada minggu hadapan satu bengkel akan diadakan iaitu dalam usaha untuk mengekalkan Kampung Ayer dan warisannya dalam proses pembangunan dan perubahan. Adalah juga diharapkan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan juga *stakeholders* akan dapat bersama-sama memberikan *feedback* dan *input* dalam mencapai wawasan kita 2035 dan juga supaya 10 strategik plan akan dapat dicapai.

Insyallah dalam bulan September plan induk kemajuan Bandar Seri Begawan akan dapat disiapkan. Itulah saja barangkali dalam hal ehwal *implemation* itu, ini tertaklukkan nanti *recommendation* daripada pihak konsultan tatacara untuk mengatasi dengan mengambil kira kehendak dan kepentingan negara. Sekianlah yang dapat peramba terangkan setakat ini. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Di sini peramba akan menyampaikan dua permasalahan. Kalau tadi bagi pihak secara global, di sini peramba akan membawakan isu-isu dan *referency* yang meliputi dalam kawasan Bandar Seri Begawan:-

1. Menyampaikan bagi suara-suara pengguna-pengguna dan peniaga di Pasar Tamu Sungai Kianggeh. Mereka menyatakan bahawa setahun demi setahun, bagi pihak Jabatan ini telahpun memberikan kemudahan dan keindahan bandar. Mereka sangat bersetuju, yang mana bagi pihak peniaga-peniaga dikenakan bayaran \$1 setiap petak ataupun seorang.

Alhamdulillah, jadi walau macamapun, bagi pihak sebahagian daripada peniaga-peniaga merasa satu perasaan yang mereka kurang senang bahawasanya bagi pihak Jabatan ini akan menambahkan lagi tempat-tempat kawasan perniagaan yang lebih besar dan lebih berpotensi di daerah ini. Bahawasanya mereka memohonkan supaya tapak tamu yang ada sekarang

ini dikekalkan seperti biasa di samping rancangan-rancangan bagi pihak Jabatan ini akan mengadakan atau memindahkan tapak-tapak tamu yang lebih ataupun yang baharu;

2. Mengenai dengan pekerja-pekerja buruh yang peringkat rendah. Sebahagian mereka ada yang mengadu bahawa sebahagian gaji mereka ketika ini ada yang belum dinaikkan iaitu gaji tahunan mereka. Walaupun kenaikan gaji mereka ini sangat kecil tetapi sangat-sangat diperlukan.

Jadi diharapkan supaya perkara ini akan dapat dibuat penyelidikan dan pengkajian bagi Jabatan ini, bagi maksud yang peramba sebutkan tadi termasuk juga bayaran *overtime* atau bayaran lebihmasa sewaktu majlis-majlis keraian negara yang lalu; dan

3. Mengenai dengan kemudahan tempat menyimpan kereta atau parking kereta bagi rakyat atau penduduk Daerah Brunei dan Muara yang hendak pergi ke Temburong mahupun penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan Temburong dan hendak menyimpan kereta

di Bandar Seri Begawan dalam masa yang lebih lama.

Jadi supaya dipohonkan bagi pihak Jabatan ini tempat kawasan parking kereta yang tanpa menggunakan bayaran kerana kalau mereka menyimpan kereta dari pagi hingga ke petang setentunya akan mendapat bayaran yang terlalu banyak. Jadi supaya pihak yang berkenaan akan membuat kajian bagi maksud tersebut. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.

Yusof: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dan peramba juga mengucapkan terima kasih terlebih dahulu kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan beberapa perkara iaitu tiga perkara:-

1. Tentang kemungkinan untuk memindah mereka yang berniaga di kawasan Tamu Sungai Kianggeh. Dalam perkara ini insya-Allah, pihak-pihak yang berkenaan khususnya pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan akan meneliti

sepenuhnya tentang kesesuaiannya. Dan daripada aspek positif dan negatifnya tentang kehendak orang-orang yang berniaga di kawasan Tamu, Sungai Kianggeh;

2. Berhubung dengan pekerja-pekerja buruh bergaji hari. Memanglah kitani mempunyai peraturan-peraturan yang telah ditentukan, sama ada mereka ini berhak untuk dinaikkan gaji tahunan dan seumpamanya. Dan begitu juga dengan bayaran *overtime*. Peramba percaya perkara ini akan diambil perhatian dan insya-Allah. Oleh sebab pada masa ini saya tidaklah ada maklumat-maklumat untuk memberikan penjelasan yang sebenarnya, perkara ini akan diselidiki dan diteliti oleh pihak yang berkenaan nanti, insya-Allah; dan
3. Berhubung dengan parking kereta. Parking kereta ini kitani maklum memanglah satu masalah dan juga kawasan-kawasan letak kereta memang telahpun disediakan di kawasan Bandar Seri Begawan. Dan manakala ada tempoh-tempoh tertentu, bayaran

tidak dikehendaki terutama sekali selepas jam 5 petang atau 6 petang. Jadinya di sini, masalah perletakan kereta ini memanglah terletak kepada kebijaksanaan masing-masing dan waktu-waktu yang tertentu di mana mereka ini akan meletakkan kereta.

Adalah menjadi satu kesukaran jika kitani hendak membezakan orang yang akan ke Temburong ataupun orang dari Temburong ke Bandar Seri Begawan. Salah satu daripada pandangan peramba, gunakanlah kebijaksanaan kitani. Di mana akan kitani meletakkan kereta kitani, berapa lama kitani akan meletakkan kereta tersebut kalau sekiranya usaha kitani untuk menghindarkan supaya tidak dikenakan bayaran letak kereta di tempat-tempat yang tertentu.

Walau macamapun, perkara ini diambil perhatian dan akan diteliti sehalus-halusnya tentang masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ada dua perkara untuk ditimbulkan mengenai dengan Tajuk ini:-

1. Mengenai dengan bangunan besar yang sudah lama terbiar di tepi Sungai Kianggeh berdekatan dengan Bangunan Guru-Guru yang ada masa ini bangunan ini sudah beberapa tahun terbiar dan tinggal begitu sahaja. Keadaan bangunan ini adalah mendatangkan pandangan yang kurang elok. Peramba ingin tahu, apakah akan dibuat oleh Lembaga Bandaran ke atas bangunan ini?; dan
2. Mengenai dengan kawasan bandaran yang telah diperluaskan masa ini. Peramba ingin tahu adakah semua bangunan-bangunan perniagaan yang termasuk dalam kawasan bandaran yang diperluaskan ini telah dikenakan bayaran *assessment*? Sekurang-kurangnya semua bangunan-bangunan perniagaan itu dikenakan bayaran *assessment* kecuali barangkali rumah-rumah kediaman

mengikut peringkatnya. Bayaran *assessment* ini adalah wajar dipungut untuk menambahkan pendapatan Kerajaan.

Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sekali lagi peramba mengucapkan terima kasih ke atas dua isu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat:-

1. Yang berhubung dengan bangunan yang telah lama tidak disiapkan iaitu berdekatan dengan Sungai Kianggeh. Masalah ini memanglah diambil perhatian yang serius oleh pihak yang berkuasa khususnya Lembaga Bandaran. Dan masalah yang timbul di sini ialah pemilik bangunan tersebut mempunyai *financial problem*. Dan beberapa kali perundingan dan permuzakarahannya telahpun diadakan dengan wakil pemilik tersebut tetapi sampai sekarang ini belumlah dapat satu penyelesaiannya.

Dalam perkara ini memanglah kitani mengambil perhatian berat tentang perkara ini untuk diselesaikan dan ianya memanglah *complicated*. Sebab ianya mempunyai masalah *financial problem* yang dihadapi dan ada kaitannya dengan *bank financing project* bagi pemilik ini. Dan perkara ini sentiasa diambil perhatian oleh pihak Kerajaan dan akan menyelesaikannya seboleh-bolehnya dengan seberapa segeranya. Insya-Allah.

2. Berhubung dengan *assessment* memanglah kawasan-kawasan yang baru di kawasan Bandar Seri Begawan terutama sekali bangunan-bangunan komersial dan bangunan-bangunan yang disewakan akan dikenakan cukai *assessment*. Tetapi pada masa ini memanglah kitani baru mengenakannya pada 1 haribulan April 2009 kemungkinan-kemungkinan adalah yang ketinggalan belum dapat diassess dan dinilai pada keseluruhannya. Insya-Allah perkara ini secara berperingkat-peringkat mengikut *zoning* di kawasan masing-masing akan menyeluruh dikenakan *assessment* kepada bangunan-bangunan komersial termasuklah rumah-rumah ataupun bangunan-bangunan yang disewakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: *Thank you very much, Honourable Chairman, Cabinet Ministers, Members of the Legislative Councils. Brunei Community, Business Community, have raised the issue of Municipal Tax imposed by The Municipal Board last year. This feedback is from the business community and I would like to convey this feedback to The Honourable Minister:-*

1. *Street Lighting (2%)*
They do not agree to pay the straight lighting. This has been provided by the government for the public use;
2. *Entrance Road (2%).*
This access road is for public use to go from one place to another place;
3. *Rubbish Collection (1%)*
They have already own rubbish collection services;
4. *Sewage System (2%)*
They have their own sewage system; and
5. *Cleaning Services (1%)*
They have their own cleaning services. All the above 5 services they refuse to pay because they do not need the service. Honourable Minister I hope you can review this matter.

Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dalam menentukan *rate* atau kadar-kadar bayaran yang telah ditentukan adalah menjadi tanggungjawab pemilik untuk mengemukakan perkara-perkara yang mereka sendiri memberikan *provide services* ataupun memberikan perkhidmatan. Kalau sekiranya mereka membersihkan kawasan-kawasan dan sampah dan seumpamanya mereka boleh mengemukakan dan berunding dengan pihak Lembaga Bandaran.

Perkara ini telahpun diambil perhatian kepada sebilangan pemilik-pemilik tersebut supaya *rate* untuk perkhidmatan tersebut dikecualikan kerana mereka sendiri yang mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Yang mustahak sekali ialah maklumat-maklumat itu hendaklah disampaikan kepada pihak yang berkenaan supaya mereka ini dapat dikecualikan perkhidmatan-perkhidmatan, setelah diteliti dan diperiksa oleh pihak-pihak yang berkuasa untuk mengenakan *rate-*

rate ataupun kadar-kadar cukai kepada pemilik-pemilik pengguna berkenaan.

Ahli Yang Berhormat akan memaklumkan kepada rakan-rakan sejawat peniaga-peniaga tentang perkara ini supaya mereka akan memahami prosedur tersebut. Walaupun sekiranya *assessment* mungkin tidak munasabah atau terlampau tinggi pihak Lembaga Bandaran juga mengkehendaki pemilik bangunan untuk membuat rayuan kerana notis juga telah diberikan oleh pihak berkenaan sama ada kadar cukai yang dikenakan dipersetujui hendaklah menghadapkan rayuan kepada yang berkenaan untuk dipertimbangkan semula bagi menentukan kadar bayaran yang ditetapkan mengikut kaedah yang telah ditentukan. Sekianlah yang dapat peramba menerangkan serba sedikit mengenai dengan isu yang ditimbulkan tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Salam sejahtera. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ada satu isu yang peramba sampaikan. Dalam permohonan untuk membangun

sesebuah kedai Kerajaan menghendaki kawasan-kawasan untuk *Public Seculation* seperti road runtius kaki lima dan juga parking untuk orang ramai. Tapi sejak kebelakangan ini kita dapati bahawa kaki lima ataupun shoproutis digunakan untuk tempat-tempat meniaga dan tempat-tempat parking ada yang digunakan untuk meniaga ataupun *reserve private parking*. Apakah perkara ini mendapat kebenaran dari pihak Bandaran dan kalau tidak, apakah tindakan. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Rasanya tidak payah dibawa ke majlis ini kerana kita ada mempunyai Jabatan tersendiri mengenai dengan hal pemohon-pemohon untuk membangun rumah dan tempat parking apa. Boleh diselesaikan sana, boleh anda payah lagi kitani bawa kemari untuk dibincangkan. Kerana kitani akan menggunakan masa yang benar-benar ada kait-mengait Rang Undang-Undang Perbelanjaan yang kita akan belanjakan pada tahun 2010/2011. Maka demikian hal-hal boleh diselesai oleh Jabatan-Jabatan yang berkenaan itu. Saya rasa tidak payah ditanyakan di sini lagi. Demikian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof: Mohonkan ampun dapat Peramba, anda payah. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sekarang kita beralih Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan telahpun kita bincangkan begitu lama.

Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Maka sekarang kita beredar kepada Lembaga Bandaran Kuala Belait.

Jurutulis: SE02A – Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahamd: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi. Pertama peramba mengucapkan tahniah di atas kejayaan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria kerana memetri perjanjian dengan Bank Baiduri baru-baru ini bagi memudahkan orang yang tinggal di kawasan Pekan Belait dan Seria untuk membayar cukai.

Kita mengharapkan pihak Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria terus memainkan peranannya demi membangun membina Pekan Kuala Belait sepertimana yang saya difahamkan. Semalam kita sama-sama mendengar bahawa Bangunan Kastam Lama akan diroboh dan Bangunan Kastam Baru akan didirikan di Sungai Tujuh. Diharap tapak-tapak yang akan dikosongkan oleh Jabatan tersebut dapat dimanfaatkan sebaik mungkin.

Saya ingin bertanya, mengenai dengan pasar baru. Untuk maklumat orang ramai selain tempat menjual ikan dan sayur, apakah lagi kemudahan-kemudahan lain yang akan disediakan di pasar baru apabila bangunan tersebut siap?. Untuk maklumat orang ramai juga apakah perancangan Lembaga Bandaran ke atas pasar lama baru memandangkan peruntukan Lembaga Bandaran pada tahun ini meningkat kira-kira \$40,000.00. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.

Yusof: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dalam perkara yang di timbulkan oleh Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas perhatian dan keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam perkara ini. Berhubung dengan pasar baru yang mana pada masa ini dalam proses pembinaannya dan Insyallah ianya akan dapat diselesaikan dalam penghujung tahun ini. Kemudahan-kemudahan di sana memanglah kemudahan-kemudahan seperti yang kitani maklum sebuah pasar bukan saja untuk menjual sayur, ikan, daging dan seumpamanya. Ia juga boleh dimanfaatkan untuk *café* dan seumpamanya yang kitani fikirkan bersesuaian dalam bersama-sama menggalakkan terutama sekali anak-anak tempatan berkecimpung dalam hal ehwal perniagaan. Ini tertaklukkan kepada kesesuaian untuk dimanfaatkan oleh masyarakat di Daerah Belait.

Dan berhubung dengan perkara lain yang ditimbulkan tadi ialah tentang tambahan peruntukan bagi Lembaga Bandaran Kuala

Belait dan Seria. Memanglah akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi memajukan dan juga untuk diambil perhatian bagi keselesaan, kesejahteraan, kebajikan masyarakat di Daerah Belait khususnya dan umumnya bagi Negara Brunei Darussalam. Itulah yang dapat peramba jelaskan. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Lembaga Bandaran Kuala Belait telah dibahaskan dengan singkat maka sekiranya tidak ada lagi yang lain ingin membahaskan Lembaga Bandaran Kuala Belait diluluskan.

Yang bersetuju dengan tajuk ini, silakan angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju. Sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dijadikan sebahagian daripada Jadual. SE04A - Lembaga Bandaran Tutong.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan. Satu bangunan Pasar

Tamu telahpun didirikan dan digunakan sejak 3 tahun yang lalu di Pekan Tutong. Masalah yang timbul ialah jalan yang dicadangkan oleh Lembaga Bandaran daripada Pasar Tamu menuju ke Bangunan Hasbullah sehingga sekarang belum dapat diwujudkan. Jadi tujuan jalan tersebut ialah untuk mengatasi kesesakan lalu-lintas pada saat-saat ataupun waktu-waktu tertentu. Jadi majlis ingin tau adakah jalan tersebut akan dibina di masa akan datang?

Dan masalah yang kedua ialah ruang tempat gerai sayur-sayuran di bangunan Pasar Tutong. Setelah beroperasi 3 tahun yang lalu sehingga masa ini gerai tersebut tidak beroperasi, tidak ada yang mengambil bahagian. Oleh itu saya sarankan supaya gerai tersebut di ubahsuai dan membolehkan pihak-pihak yang berminat seperti pada berjual makanan, gerai makan. Jadi pada waktu-waktu Hari Khamis gerai yang ada tidak mencukupi bagi pelanggan-pelanggan di sana. Jadi saya sarankan sekali lagi supaya bangunan tersebut diubah suai dan diberi kepada peniaga-peniaga di Daerah Tutong. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin

Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terlebih dahulu sekali lagi peramba ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telahpun menimbulkan masalah tersebut dan kebetulan juga Ahli Yang Berhormat adalah sebagai seorang Lembaga Bandaran di Pekan Tutong. Perkara seperti ini sepatutnyalah bagi pendapat peramba dibawa cadangan tersebut ke dalam mesyuarat Lembaga Bandaran Tutong.

Kerana Lembaga Bandaran Tutong adalah Lembaga yang boleh mencadangkan dan juga membincangkan mana-mana perkara yang ada kaitannya dengan bidang kuasa dan tugas Lembaga Bandaran, itulah yang bersesuaian.

Walau macamanapun berhubung dengan jalan yang dicadangkan, memang perkara ini telah diambil perhatian dan telahpun diadakan perundingan-perundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan tentang kesesuaian dan keperluan untuk membina jalan di kawasan tersebut. Kerana adalah diakui peramba sendiri pernah ke tempat tersebut memang terutama sekali Hari Khamis, traffic jam dan kesibukan-kesibukan jalan di

kawasan tersebut. Perkara ini sedang diambil perhatian dan diadakan perundingan dengan pihak-pihak berkenaan sama ada sesuai atau tidak untuk membuat jalan seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Keduanya, tentang beberapa buah petak-petak kosong yang sepatutnya dikhususkan untuk berjual sayur-sayuran. Perkara ini memanglah dari masa ke semasa akan dikaji tentang apakah jenis perniagaan yang perlu untuk dimanfaatkan oleh orang ramai. Kerana petak-petak tersebut atau gerai-gerai tersebut disediakan oleh pihak Kerajaan untuk dimanfaatkan oleh orang ramai. Dan perkara ini diambil perhatian dan dikaji selidik oleh pihak berkenaan jenis-jenis perniagaan yang sesuai bagi dimanfaatkan oleh penduduk-penduduk di Daerah Tutong khususnya di Negara Brunei Darussalam. Terima kasih. Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih, Pengiran Pengerusi. Peramba tertarik mengenai dengan hal Lembaga Bandaran Tutong ini. Yang mana kita mengetahui bahawa Bangunan Hospital Lama

kemungkinan kitani tahu di sana agaknya tidak bersesuaian keadaannya pada masa ini. Jadi kalau boleh eloklah ia diroboh ataupun diganti dengan bangunan lain. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.

Yusof: Terima kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Bangunan hospital itu adalah di bawah dalam bidang Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun perkara ini akan dirundingkan dengan Kementerian Kesihatan dan mungkin juga barangkali rakan sejawat, Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada maklumat tentang perkara ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatuhi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Yang sebenarnya dalam perancangan Kementerian Kesihatan, Bangunan Hospital Lama di Daerah Tutong memang akan diroboh nanti mohonkan ampun, untuk dijadikan

sebagai tapak *National Isolation Centre*, Pusat Pengasingan yang akan ditempatkan di Daerah sana, iaitu berhampiran dengan Hospital Tutong yang lama. Jadi dalam perancangan memang akan dirobohkan. Itu sajalah jawapan yang ringkas mengenainya. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih kepada Lembaga Bandaran Tutong.

Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Jurutulis: SA04A - Lembaga Bandaran Tutong dijadikan sebahagian daripada Jadual, SA05A - Jabatan Buruh.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih ke Jabatan Buruh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Terima kasih Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi. Apa yang peramba ingin timbulkan di sini adalah gaji minima bagi buruh-buruh anak tempatan dan Penduduk Tetap yang berkhidmat di sektor swasta. Kadar pembayaran gaji bagi buruh-buruh di sektor swasta adalah tidak menentu dan ada diantaranya adalah lebih jauh rendah daripada gaji buruh-buruh di pihak Kerajaan.

Berpandukan kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri 14/2006, kadar gaji buruh yang berkerja dengan Kerajaan yang tidak mahir adalah \$20.20 hingga ke \$20.70 sehari. Dan bagi buruh yang separuh mahir dari \$20.80 hingga \$27.20. Agar buruh-buruh anak tempatan dan Penduduk Tetap yang bekerja di sektor swasta akan sama-sama dapat menikmati kualiti hidup yang sederhana dan kita berharap bertambah ramai lagi rakyat dan Penduduk Tetap di negara ini memilih kerjaya di sektor swasta.

Peramba ingin mencadangkan agar pihak Kerajaan akan dapat mengeluarkan satu peraturan yang menentukan gaji minima yang wajib dibayar oleh majikan-majikan swasta kepada rakyat dan Penduduk Tetap yang berkhidmat di syarikat mereka. Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih atas keprihatinan dan *concern* Ahli Yang Berhormat berhubung dengan minimum gaji bagi buruh di sektor swasta.

Dalam perkara ini, sebelum kitani menentukan minimum gaji mengikut apa yang dicadangkan pertamanya, selalunya gaji ini mengikut *demand and supply* ataupun *market causes* yang menentukan turun naiknya gaji seseorang itu. Apa yang harus diteliti di sini ianya menghendaki penelitian dan pengkajian yang sehalus-halusnya supaya ianya tidak mendatangkan kesan negatif tetapi banyak mendatangkan positif. Bukannya kepada individu itu sahaja tetapi secara *holistis* apakah kesan-kesan ekonomi kepada negara akan mungkin mendatangkan negatif atau positif. Kalau ada positif Insya-Allah ianya akan mendatangkan kesan yang baik dan boleh mendatangkan pertumbuhan ekonomi. Perkara ini adalah diberi perhatian dan menghendaki pengkajian dan penelitian yang sehalus-halusnya sebelum kitani komited untuk

menetapkan *minimum wage rate* bagi *private sector*,

Apa yang saya difahamkan macam di negara Singapura, memang mereka senghaja tidak menetapkan *minimum wage rate*. Kerana mengikut perbincangan dengan rakan sejawat peramba, memang adalah sukar untuk menentukan *minimum wages* ini. Kerana ianya boleh mengakibatkan ekonomi secara negatif kalau sekiranya ditetapkan *wage rate* tersebut. Walau bagaimanapun seperti yang peramba jelaskan tadi, sila ambil perhatian ianya memerlukan penelitian dan pengkajian yang secara terperinci. Junjung kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Junjung kasih sekali lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Tidak dinafikan Jabatan Buruh telah banyak berusaha ke arah memperbaiki perkhidmatannya pada orang ramai, termasuklah mengadakan taklimat-taklimat mengenai peluang pekerjaan pada belia-belia dan lain-lain. Sejauh ini pernahkan Jabatan Buruh meminta majikan sektor tempatan dan jua luar negeri secara *collective* mengadakan jerayawara menerangkan peluang-peluang pekerjaan pada anak tempatan di syarikat masing-

masing selain dari mengeluarkan iklan-iklan di surat-surat khabar, sekian junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat yang menimbulkan. Dalam perkara ini, memanglah Jabatan Buruh khususnya Bahagian Pusat Pekerja Tempatan sentiasa bukan saja memberikan jalan untuk mengiklan dan menggunakan Pusat Pekerjaan di Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait. Tetapi juga mereka ini diberikan aksesibiliti untuk mengadakan temuduga di tempat-tempat tersebut untuk menggalakkan mereka ini supaya mengambil pekerja-pekerja tempatan.

Dalam pada itu juga, pihak Jabatan Buruh juga telahpun mengambil kira sebelum memproses dan mempertimbangkan lesen pengambilan pekerja asing. Permohonan-permohonan ini akan di proses terlebih dahulu kalau sekiranya ada peluang-peluang dan boleh dimasuki oleh pekerja-pekerja tempatan. Mereka pihak majikan itu akan

digalakkan untuk mengambil dan mengutamakan pekerja-pekerja tempatan daripada pekerja asing. Memanglah dasar Jabatan Buruh mengutamakan untuk mengambil pekerja-pekerja tempatan daripada pekerja-pekerja asing berdasarkan kepada kelulusan, kemahuan dan kemahiran-kemahiran mereka tersebut. Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam Jabatan Buruh peramba di Daerah Brunei dan Muara ini banyak menerima aduan-aduan dan jua perkara-perkara yang ingin disampaikan di dewan ini. Jadi walau bagaimanapun peramba telah pun dua tiga hari datang ke Jabatan Buruh untuk memastikan perkara-perkara yang diadakan oleh orang awam. Jadi nampaknya apabila peramba melihat keadaan-keadaan dan masalah-masalah yang diadakan oleh orang ramai, kebanyakannya adalah perkara-perkara yang menyebabkan permasalahan daripada pihak pemohon sendiri. Jadi walau bagaimanapun perkara-perkara sedemikian abis peramba tidaklah menyampaikan usul-usul atau perkara-perkara yang hendak dibawakan oleh pihak orang ramai.

Walau bagaimanapun mengikut pengamatan peramba, orang ramai yang berurusan di Jabatan Buruh ketika ini memanglah mengikut sistem-sistem yang telah diatitkan oleh pihak yang berkenaan. Kalau tidak lupa dulu beberapa tahun yang lalu sesiapa jua yang berurusan di Jabatan ini ada pihak Pegawai di Jabatan Buruh telahpun mengalu-alukan ataupun memerhati kedatangan orang ramai. Apabila orang ramai datang dengan berpakaian tidak sesuai ke Jabatan tersebut seperti memakai seluar pendek, memakai selipar dan memakai pakaian yang tidak sesuai, tidak diterima masuk untuk berurusan di Jabatan ini. Tetapi melihat keadaan suasana sekarang perkara sedemikian tidak lagi diamalkan oleh pihak Jabatan ini. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menimbulkan dan yang sangat prihatin tentang orang ramai yang ke Jabatan Buruh memakai pakaian yang dianggapnya kurang senonoh.

Seperti yang kita sedia maklum mereka yang berurusan ke Jabatan Buruh ini bukan saja orang-orang tempatan, mereka adalah juga terdiri orang-orang asing. Kadang-kadang mereka membuat aduan gaji tidak di bayar dan seumpamanya. Adalah sukar kitani untuk menentukan jenis-jenis pakaian yang harus mereka pakai. Kitani haruslah jua menghormati mengikut *culture* mereka, kerana mereka itu adalah bukan terdiri daripada warganegara rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan ataupun penduduk negara ini. Tetapi juga terdiri daripada warganegara asing. Dalam perkara ini, kitani akan teliti tentang kesesuaiannya sama ada mereka ini dibenarkan atau inda. Tapi seharusnya mereka memahami akan keadaan kitani kalau kan berurusan itu mestilah dengan pakaian yang kemas dan sesuai untuk berurusan dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan. Itulah yang dapat peramba jelaskan dalam perkara ini. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Jabatan Buruh telahpun selesai dibincangkan. Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan (semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan (tidak ada). sekarang kita beralih kepada Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Jurutulis: SE05A – Jabatan Buruh dijadikan sebahagian daripada Jadual. SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Yang Berhormat tidak ada yang membincangkan Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Sekarang kita beredar kepada Pejabat Daerah Belait.

Jurutulis: SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara dijadikan sebahagian daripada Jadual. SE07A – Pejabat Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peruntukan bagi Daerah Belait pada tahun ini tidak banyak berbeza pada tahun lepas iaitu \$4.7 juta sahaja. Tahun ini hanya diberikan Angaran Perbelanjaan Peruntukan sebanyak \$4.7 juta,

sedangkan kawasan dan tanggungjawab bagi pembangunan terutama pembangunan kawasan pedalaman, jalan utama dan kecil, di luar bandar agak luas, seperti Mukim Sukang, Melilas yang perlu ditingkatkan, diusai dan ditambah bagi kesejahteraan penduduk di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, peramba ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Daerah Belait kerana telah berusaha gigih membina beberapa buah rumah untuk keluarga-keluarga daif pada tahun lepas walaupun peruntukan hanya diberi sebanyak itu.

Yang kedua, satu perbincangan pernah diadakan pada tahun lepas, di mana perancangan untuk membahagikan beberapa buah kampung yang ada di Mukim Daerah Belait. Selaras dengan apa yang berlaku di mukim-mukim di daerah lain. Peramba ingin bertanya, sejauh ini apakah keputusan atau tindakan telah diambil di atas cadangan-cadangan untuk memecahkan beberapa kampung di Mukim Liang, umpamanya Mukim Seria dan Kampung Mumong agar lebih *manageable* dan tahap pemeduliaan dapat ditingkatkan?

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Diucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telahpun menimbulkan dua perkara. Kalau Yang Berhormat meneliti *budget* yang telahpun diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Daerah Belait memang tidak disediakan di bawah tajuk Perbelanjaan Khas. Akan tetapi Perbelanjaan Khas adalah dimasukkan dalam Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di mana peruntukan diberikan berjumlah \$500 ribu bagi Daerah Belait termasuklah untuk digunakan membuat jalan-jalan, menaikkan taraf infrastruktur yang diperlukan oleh Jabatan Daerah Belait.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bahawa jalan-jalan di pedalaman seperti jalan penghubung Bidadong Ulu ke Sukang telahpun dibunuh batu dan telahpun siap hinggalah ke rumah Panjang Bidadong Ulu. Pembinaan jambatan konkrit di Bidadong Ulu pada masa ini adalah dalam proses 25%. Manakala tahap jalan yang mengalami banjir yang telah

dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan seperti di Jalan Kawasan Beluhur dan Jalan Kawasan Patai menuju ke Labi telah dinaikkan ketinggiannya dan telahpun siap 100%.

Isu yang kedua yang ditimbulkan ialah berkenaan dengan memecahkan kawasan-kawasan sempadan Kampung dan Mukim-mukim. Perkara ini memanglah ada cadangan sedemikian memandang kepada kepadatan penduduk semakin ramai di mukim-mukim dan Kampung-kampung yang berkenaan. Ianya memerlukan penelitian dan juga penyelidikan dengan pihak-pihak berkenaan bagi menimbang kesesuaian untuk membahagi Kampung dan mukim-mukim dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Jabatan Kemajuan Perumahan. Perkara seperti ini telah pernah dilakukan bagi beberapa buah Mukim dan Kampung di Daerah Brunei dan Muara. Jadinya, itulah yang dapat peramba jelaskan mengenai perkara ini. Menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan (semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan (tidak ada). Sekarang kita berpindah kepada Daerah Tutong.

Jurutulis: SE07A – Pejabat Daerah Belait dijadikan sebahagian daripada Jadual. SE08A – Pejabat Daerah Tutong.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan. Di Daerah Tutong ada beberapa jalan kecil masih dalam penjagaan Jabatan Daerah Tutong. Bererti, walaupun perkara ini telah diperbincangkan umpamanya Jalan Melabui Nung Tadiun di kawasan Kampung Bukit dan Jalan Bangligi menuju ke sempadan Belait. Mereka berkali-kali mengadukan perkara ini masih belum diperbaiki. Saya difahamkan pihak Jabatan Kerja Raya belum dapat membuat kerana belum ada penyerahan khas daripada Jabatan Daerah Tutong bererti masih bertaraf jalan kecil.

Sekiranya perkara ini benar belum berhasil, majlis memohonkan supaya perkara ini dapat diatasi. Kerana sejak beberapa tahun, penduduk-penduduk Jalan Melabui Nung Tadian, apabila saja berlaku banjir mereka tidak dapat keluar kerana dalamnya sampai 6 kaki. Jadi melalui majlis ini saya sarankan sekali lagi kepada pihak-pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk mengatasi masalah yang dihadapi

oleh rakyat di kawasan berkenaan. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekali lagi peramba mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil perhatian berat tentang hal ehwal kebajikan terutama sekali di tempat-tempat penduduk yang terlibat oleh jalan-jalan banjir dan seumpamanya itu. Insya-Allah perkara ini diambil perhatian dan dibuat penelitian dan jika perlu akan dirundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan dalam mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk di kawasan-kawasan berkenaan. Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba sukacita menarik perhatian dalam Bahagian Hal Kakitangan Jabatan Daerah Tutong yang mana mempunyai Pemangku Pegawai

Daerah, Penolong Pegawai Daerah, Pegawai Pentadbir dan Pegawai Tugas-Tugas Khas.

Pada sesuatu masa bahawa mereka ini kadang-kadang tidak berada di Pejabat, kerana banyak keluar untuk mesyuarat untuk apa itu ini. Jadi adalah diharapkan kepada pihak berkenaan supaya akan dapat menambah lagi seorang Pegawai Pentadbir bagi menangani Daerah Tutong ini. Terima kasih

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terlebih dahulu peramba ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telahpun menimbulkan perkara yang sedemikian. Dalam perkara ini, memanglah tugas-tugas Pegawai Daerah, Pegawai Pentadbir dan Pegawai Tugas-Tugas Khas bukan hanya duduk dalam Pejabat terutama sekali di Jabatan Daerah.

Ia memerlukan turun padang di tempat-tempat yang berkenaan, apatah lagi jika keperluan itu mendadak untuk melawat dan membuat lawatan kerja ke tempat masing-masing. Terutama sekali jika

ada aduan perkara-perkara yang berlaku di kawasan masing-masing. Memanglah perkara itu kitani akui tugas Pegawai Daerah bukan hanya tertumpu semata-mata di dalam Pejabat, tetapi ianya memerlukan melihat masalah dan kesejahteraan rakyat dan penduduk dan aduan-aduan orang ramai.

Walau macamanapun, perkara ini diambil perhatian kalau ada keperluan dan juga kesesuaiannya dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Di sini bahawa pada tahun ini, Pejabat Daerah Tutong juga telah diberikan peruntukan tambahan, satu jawatan Penolong Pegawai Kerja Tingkat I, di Bahagian Perhubungan Awam dan Penyelidikan serba sedikit masalah tersebut yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dapatlah diatasi dalam perkara ini. Sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampak tidak ada lagi yang mahu membahaskan kepada tajuk ini.

Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Jurutulis: SE08A - Pejabat Daerah Tutong dijadikan sebahagian daripada Jadual, SE09A - Pejabat Daerah Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Peramba tidaklah banyak mengulas mengenai dengan peruntukan kewangan bagi Daerah Temburong yang berjumlah \$5.2 juta. Alhamdulillah, jumlah peruntukan pada tahun ini telah meningkat daripada tahun lepas dengan lebih sebanyak \$242,720.00 ribu. Sukacita peramba menyarankan mana-mana permohonan-permohonan yang telah dirancang oleh Jabatan Daerah Temburong supaya akan mendapat sokongan oleh pihak Kementerian berkenaan terutama sekali dalam pembisaian, pembaikan dan kemudahan awam. Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin

Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dalam perkara ini memanglah yang mustahak sekali ialah peruntukan-peruntukan yang diberikan itu hendaklah di manfaatkan dan digunakan sepenuhnya. Pihak Kementerian 100% memang menyokong untuk digunakan perbelanjaan tersebut terutama sekali untuk kesejahteraan, kebajikan dan juga apa jua isu-isu yang boleh diselesaikan bagi kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di Daerah Temburong. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu-alaikum Warahmatullahi Wabara-katuh. Daerah Temburong dengan kekayaan tanah buminya di mana letaknya Taman Negara adalah Daerah yang mempunyai potensi untuk memajukan Eko-Pelancongan. Di sana juga terletak sebuah zoo yang terbiar. Kalau tidak silap saya dua tahun yang lepas, ada saya bawakan isu ini mengenai dengan keadaan zoo yang terbiar itu di mana binatang-binatang dan haiwan-haiwan yang berada di sana dalam keadaan yang terancam kehidupannya.

Tempat ini terbuka kepada pelancong-pelancong, peramba kkuatir tersilap hari, mungkin ia akan dilawati oleh orang-orang yang berkuasa dibidang *animal query* *WWF*. Dari itu saya cadangkan supaya peruntukan akan dapat diberikan untuk membina semula zoo ini, supaya menjadi sebuah zoo yang betul-betul memenuhi piawaian *Wild Life* Antarabangsa lagipun ialah satu-satunya zoo di negara ini. Ini juga boleh dijadikan sebagai satu destinasi penarikan positif untuk pelancong melawat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Terima Kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih atas cadangan daripada Yang Berhormat, perkara itu akan dikaji. Terima kasih. Sebenarnya zoo ini adalah di bawah jagaan Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat nampak tidak ada lagi yang mahu membahaskan kepada tajuk ini.

Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Pardon me, if I am wrong.

Yang tidak bersetuju.

By right, they should not impose any re-entry permit and re-entry visa for the local Permanent Resident because they are born in Brunei. This make the local born Permanent Resident very-very disappointed but not because of the money. Your Honorable Chairman, Why local born Permanent Resident need to have endorsement in the Certificate of identity stated as follows:-

(Tidak ada)

Jurutulis: SE09A - Jabatan Daerah Temburong dijadikan sebahagian daripada jadual, SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

“Holder excluded in Brunei entry permit number may return to Brunei for Permanent Resident within the validity of this certificate of identity, re-entry permit and re-entry visa”

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: *Honourable Chairman, Cabinet Ministers and Members of Legislative Council. The matter of re-entry visa and re-entry permit for the permanent residents has been raised by local permanent residents in Brunei. In Brunei there are 2 type of Permanent Resident:-*

What do you mean by this? Do you mean that if the re-entry permit and the re-entry visa expired, the local Brunei cannot enter Brunei anymore? Honourable Minister, the act or the akta is outdated, you should be revised and abolish it.

1. *Local born Permanent Resident and another is holding Permanent Resident with Foreign passport. There is discrimination specially for the local born PR for example why do local permanent resident had to pay \$50.00 per year for the re-entry permit plus \$10 per year for re-entry visa. But some the local permanent resident no need to pay for the re-visa and re-entry permit. For the Foreign Resident they only pay \$3.00 per year for there entry visa?*

Honourable Chairman, I would like to suggest to improve the image of the local born permanent resident, the Minister concern may open the concern of His Majesty, to consider to replace the certificate of identity Brunei Darussalam to certificate of identity Brunei Darussalam

Protected Person. I repeat, from Certificate of Identity Brunei Darussalam to Certificate of Identity Brunei Darussalam Protected Person. This will upgrade the status of local born PR to the international status. Any feedback is about the loss of the local talent to our country. That's the Honorable Minister be aware of. Local born PR have left the country to work as been given citizenship in our country with immediate 1 year 2 year, there's already given to them.

Many of our talent people such as doctors, pilots, professionals who left the country because they are unable to obtain Brunei citizenship. Honourable Chairman, I know that there is an act or akta for this but we can give them special priority and exempted them so that they will remain in our country. Lets for example in Malaysia. Malaysia has a system of second Malaysian home. You inverse...

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, berapa lama lagi Ahli Yang Berhormat untuk bercakap fasal hal ini. Kerana perkara ini adalah perkara yang biasa. Jadi seharusnya perkara ini dapat di runding dengan Pegawai Imigresen bukan di dalam majlis ini. Maka saya fikir kalau

bercakap terlalu panjang adalah akan mengambil masa yang sangat berharga di dalam majlis kita ini.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Menjunjung kasih, barang ini di Imigresen tidak dapat selesai punya, iatah Peramba untuk mau menghujahkan dalam dewan yang mulia ini, menjunjung kasih. For example in Malaysia, there have a second home investor. If you invest M\$200 thousand in a bank, they will give you 10 years re-entry visa.

There's one more important thing, for local Brunei businessman, who visit Peninsular Malaysia, they must apply visa. This very inconvenient for the Brunei Permanent Resident. Can Brunei Government bring up the matter to the Malaysian Government to make it easier without visa like for their visiting Sabah and Sarawak. Thank you very much.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih di atas beberapa isu yang panjang lebar dan ditimbulkan oleh Ahli Yang

Berhormat di sana. Dalam perkara-perkara seperti ini yang berhubung dengan *entry permit*. Status Penduduk Tetap dan kerakyatan, kitani memang ada undang-undang. Akta Imigresen dan Akta Taraf Kebangsaan Brunei yang perlu kitani patuhi dan ikuti. Misalnya tadi berkenaan dengan *charges* kepada *re-entry permit*, *re-entry visa* di mana memanglah mengikut kadar yang termaktub di dalam undang-undang berkenaan.

Walau macammanapun, perkara-perkara yang sedemikian itu memanglah diambil perhatian untuk diteliti dan dikaji tentang kesesuaiannya di mana jika perlu kadar bayaran yang dikenakan akan dipinda setelah sahaja dibuat penyelidikan. Penduduk tetap ada mempunyai dua kategori, kategori pertama *stateless* iaitu penduduk tetap yang tidak mempunyai status kewarganegaraan manakala kategori kedua adalah Penduduk Tetap yang mempunyai kewarganegaraan asing.

Berhubung yang mempunyai status Penduduk Tetap boleh memohon taraf kerakyatan dan mereka tidak dilarang asalkan mereka ini memenuhi syarat-syarat yang diperuntukan dalam undang-undang di bawah Akta Taraf Kebangsaan

Brunei. Misalnya saya memberikan contoh perangkaan mereka yang telah dikurniakan taraf kerakyatan bagi mereka yang mempunyai status Penduduk Tetap di negara ini yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di bawah Bab 5(1) dan 8(1) dari Akta Taraf Kebangsaan Brunei di mana salah satu syarat mereka ini dikehendaki lulus ujian Bahasa Melayu secara bertulis berjumlah 210 orang pada tahun 2008 dan 199 orang tahun 2009.

Dalam pada itu kelonggaran telah juga diberikan bagi mereka yang buta huruf yang tidak dapat menulis dan begitu juga orang-orang tua mengikut syarat-syarat yang tertentu dengan dikecualikan menduduki peperiksaan ujian Bahasa Melayu secara bertulis tetapi dikehendaki menjalani ujian Bahasa Melayu secara lisan yang dikelolakan oleh Lembaga Bahasa. Jumlah pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang ditentukan di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei yang lulus dalam ujian Bahasa Melayu secara lisan dalam kategori ini yang telahpun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi

mendapatkan taraf kerakyataan di bawah Bab 5(1) dan 8(1) pada tahun 2009 seramai 117 orang.

Mengikut perangkaan tersebut, daripada tahun 1962 hingga tahun 2009 permohonan di kalangan Penduduk Tetap yang memohon taraf kerakyataan yang di perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadi rakyat Baginda setelah mereka memenuhi salah satu daripada syarat-syarat yang diperuntukkan iaitu lulus dalam Bahasa Melayu sama ada secara lisan atau bertulis berjumlah 7815 orang. Ini menunjukkan peluang-peluang telah diberikan kepada mereka yang berstatus Penduduk Tetap tetapi mereka haruslah memenuhi kehendak yang di peruntukkan di bawah bab Akta Taraf Kebangsaan Brunei khususnya lulus dalam ujian Bahasa Melayu. Persoalannya kenapa mereka ini boleh lulus Bahasa Melayu sedang orang lain tidak boleh, apatah lagi mereka yang terpelajar. Ini bermakna kalau mereka benar-benar untuk mendapatkan kerakyataan semestinya mereka memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei khususnya mengetahui dan memahami Bahasa

Melayu dan semestinya lulus ujian Bahasa Melayu.

Berhubung dengan *Certificate of identity*. *Certificate of identity* ini dalam pemerhatian peramba adalah lumrah bukan sahaja Negara Brunei Darussalam malahan negara-negara lain mempunyai *Certificate of Identity*. Mereka yang dikeluarkan *Certificate of identity* ini adalah mereka yang dikategorikan tidak mempunyai taraf kewarganegaraan di negara yang berkenaan yang menggunakan dokumen perjalanan tersebut.

Certificate of Identity atau dokumen perjalanan ini dikeluarkan bagi membolehkan mereka itu membuat perjalanan keluar negeri. Dokumen perjalanan seperti Pasport Kebangsaan negara masing-masing, Pasport Diplomatik, Pasport *Official* atau *Certificate of Identity* hanya sah digunakan atau *validnya* tidak kurang daripada enam (6) bulan dari tarikh sebelum mansuh dokumen perjalanan tersebut.

Berhubung dengan mereka yang mempunyai status Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, mereka ini disarankan supaya memastikan *validity passport* tersebut jika hendak keluar negeri jangan sampai tarikh mansuhnya kurang daripada

enam (6) bulan jika mereka tidak akan dibenarkan masuk ke negara-negara luar berkenaan. Ini adalah salah satu daripada peraturan yang seharusnya dipatuhi yang di amalkan diperingkat antarabangsa.

Berhubung dengan visa yang dikenakan seperti negara Malaysia bagi pemegang *Certificate of identity* di mana yang sebenarnya tertakluk kepada peraturan negara berkenaan. Adalah tidak dinafikan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan pengecualian visa dengan negara-negara luar termasuklah Malaysia secara *reciprocity*. Setakat ini Negara Brunei Darussalam mengadakan pengecualian visa dengan 55 buah negara luar bagi kemasukan ke negara masing-masing. Pengecualian visa ini hanyalah diberikan kepada warganegara bagi negara-negara berkenaan iaitu bagi mereka yang dikeluarkan Pasport Kebangsaan, Pasport Diplomatik ataupun Pasport Rasmi. Ini tidak termasuk bagi mereka yang berstatus Penduduk Tetap yang mana dikenakan visa untuk masuk ke negara-negara berkenaan. Ini adalah kerana tidak termasuk dalam persetujuan bagi pengecualian visa bagi mereka yang berstatus Penduduk Tetap atau yang dikeluarkan *Certificate of identity*.

Walau bagaimanapun seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi mempunyai kesukaran untuk mereka masuk ke Malaysia ianya akan diteliti dan diambil perhatian. Jika perlu perkara ini akan dirundingkan dengan pihak yang berkenaan khususnya pihak yang berkenaan khususnya pihak Malaysia untuk memudahkan kesulitan yang dihadapi terutama sekali di kalangan *Businessman of our permanent resident status of Brunei Darussalam*. Jadi sekianlah yang dapat peramba jelaskan. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Secara ringkas sahaja mengenai dengan kemudahan-kemudahan di tempat kawalan. 2 bulan yang lalu saya melawat ke Negeri Sabah dan balik melalui jalan darat. Saya mendapati dan memerhatikan Jambatan Terusan nampaknya sudah hampir-hampir siap. Apabila sampai di *check point*. Tempat kawalan imigresen di Terusan dan termasuk ke kawasan Temburong. Saya bandingkan keadaan tempat kawalan kita di Kawalan Malaysia dengan kawalan tempat Imigresen kitani, begitu jauh berbeza. Dari segi keindahan, dan daripada saiznya, bentuknya. Saya

rasa tempat kawalan ini adalah satu-satunya *first impression* ataupun imej yang dilihat oleh pendatang-pendatang dari luar negeri. Saya rasa ini mustahak untuk mengenalkan negara kitani.

Adakah perancangan untuk *upgrade* di tempat-tempat kawalan ini. Peramba rasa ianya perlu kerana ia juga akan melegarkan perjalanan trafik. Kerana apabila Jambatan Terusan itu beroperasi. *Traffic volume* akan bertambah. Jadi ia akan dapat melegarkan lagi perjalanan trafik. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengetahui Pos Kawalan Imigresen mana yang di maksudkan oleh Yang Berhormat?. Adakah Pos Kawalan Labu, Pos Kawalan Puni?.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Dari Terusan ke Labu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin

Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Dari Terusan ke Labu. Terima kasih Yang Berhormat. Dalam perkara ini, yang sebenarnya Pos Kawalan di Labu dulunya di bina adalah berbentuk sementara sahaja. Jadi perkara ini, diambil perhatian dan juga akan diteliti kalau ada keperluannya untuk kitani membina dan menaik taraf Pos Kawalan di Labu yang dimaksudkan. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat yang telahpun menimbulkan masalah tersebut yang menunjukkan beliau mengambil perhatian tentang keperluan untuk menaik taraf Pos kawalan di Labu. Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bagi menyambung perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat baru-baru sebentar tadi. Peramba ingin menimbulkan sebagai mana pernah peramba timbulkan pada mesyuarat pada musim per-

mesyuarat yang lalu mengenai dengan Pos Kawalan Puni Hujung Jalan Temburong. Pos Kawalan Puni ini mengikut penerangan yang terdahulu ialah peruntukannya sudah ada tapaknya sudah disediakan dan tender akan dikeluarkan. Tapi nampaknya hingga masa ini Pos Kawalan baru bagi Kampong Puni ini belum lagi dimulakan kerja-kerjanya. Peramba ingin tahu bilakah Pos Kawalan ini akan mula dibina. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dan sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menimbulkan tentang Pos Kawalan Imigresen Puni Immigration. Kedudukan yang sebenarnya, bahawa pembinaan Pos Kawalan Puni di Temburong telah pun diberikan kepada Kontrak yang berjaya iaitu Ocean Quarry Construction sendirian berhad pada 28hb Januari 2010. Kontraktor berkenaan telahpun masuk ke tapak tersebut dan insya-Allah ianya dijangkakan akan dapat disiapkan dalam tempoh 18 bulan

dari tarikh menandatangani kontrak tersebut, iaitu mungkin barangkali penghujung bulan Julai tahun 2011 akan dapat disiapkan. Kalau mengikut kontrak perjanjian yang ditandatangani oleh pihak Kerajaan dengan kontraktor. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Terima kasih. Sekarang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah selesai. Maka tajuk ini dijadikan sebahagian daripada Undang-Undang. Sekarang kita beralih kepada Jabatan Penjara.

Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.
(Tidak ada).

Jurutulis: SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SE11A - Jabatan Penjara.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Nampaknya tajuk Jabatan Penjara tidak ada yang ingin membahaskan.

Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Maka Jabatan Penjara dijadikan salah satu tajuk yang diluluskan.

Jurutulis: SE11A – Jabatan Penjara dijadikan sebahagian daripada Jadual. SE12E – Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Peramba rasanya agak kebaratan jika tidak menyampaikan hasrat dan kemahuan daripada Anggota-Anggota Bomba dan Penyelamat. Jadi di dewan yang mulia ini peramba ingin merujuk semula permohonan yang peramba bawakan pada tahun, kalau tidak silap tahun 2007 mengenai dengan permohonan kenaikan tanggagaji Anggota Pasukan Bomba dan Penyelamat dan mengenai dengan permohonan Berpencen.

Sebagaimana telah dimaklumi Anggota Pasukan Bomba oleh pihak berkenaan telahpun membagikan jawapan yang mana akan di pertimbangkan. Sehingga ketika ini bagi pihak Anggota Bomba sangat-sangat mengalu-alukan jawapan dan keputusan berikut. Jadi berpandu kepada Undang-Undang Pasukan Bomba, Negara Brunei Darussalam pada tahun 1966, iaitu Bahagian 2, Pertubuhan Tugas-Tugas dan Kuasa-Kuasa, Syarat-Syarat Perkhidmatan Anggota-Anggota Pasukan Bomba Bilangan 4. Yang menyatakan Undang-Undang Berpencen dan Peraturan-Peraturan Pencen dan Perintah Am negara ini, yang sedang berjalan kuatkuasa sesuai setakat mana yang tidak dipersyaratkan di dalamnya atau di dalam Undang-Undang ini. Atau di dalam sebarang peraturan-peraturan yang telah diperbuat di bawah Undang-Undang ini akan dikenakan kepada semua anggota. Jadi oleh yang demikian bahawasanya Anggota Pasukan ini memohon sekali lagi sebagaimana sejajar dengan anggota-anggota pasukan yang beruniform yang lain sekian. Sekian menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin

Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dalam perkara ini yang sebenarnya pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telahpun menghadapkan kepada pihak yang berkenaan bagi menyokong sepenuhnya supaya Anggota-Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat akan diberikan berpencen, sepertimana juga dinikmati oleh Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Jabatan Penjara. Walau bagaimanapun pihak Kementerian juga telah menerima jawapan bahawa permohonan tersebut dukacita tidaklah dapat dipertimbangkan. Itulah yang dapat saya berikan jawapan dalam majlis ini. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin membincangkan.

Yang bersetuju dengan tajuk ini. sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Maka tajuk ini diluluskan, sekarang kita beralih kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Jurutulis: Tajuk SE12A – Jabatan Bomba dan Penyelamat dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya pada hari ini kita sungguh bekerja keras, banyak pejabat-pejabat yang sudah kita selesaikan. Maka oleh kerana itu kita berehat dan akan disambung semula pada petang ini dan saya sekarang akan berpindah kepada mesyuarat penuh, sebelum menangguhkan mesyuarat penuh mengikut peraturan yang lazim.

(Mesyuarat Jawatankuasa tangguhkan)

(Majlis Mesyuarat Bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang dalam Majlis Mesyuarat Negara, sebagaimana saya sampaikan dalam

penerangan saya di Bahagian Mesyuarat Jawatankuasa, maka sekarang saya ingin menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini hingga jam 2.30 petang nanti. Ditangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**Mesyuarat disambung pada
jam 2.30 petang**

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wata'ala Wabarakatuh. Syukur kehadiran Allah bahawa petang ini kita berjumpa sekali lagi untuk menyambung permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara yang kita sempurnakan dan selidiki satu persatu daripada bahagian Jawatankuasa. Maka kalau saya tidak silap, tadi kita telah membincangkan sampai Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Maka sekarang kita akan membincangkan di Bahagian Kementerian Pendidikan. Maka dengan demikian saya akan beralih untuk menyelidik Belanjawan ini satu persatu dalam Permesyuaratan Jawatankuasa. Sekarang kita akan mesyuarat dalam Jawatankuasa. Majlis ditangguhkan.

**(Mesyuarat Negara
Ditangguhkan)**

**(Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa)**

**Yang Amat Mulia Pengiran
Pengerusi:** Silakan duduk.

Pemangku Timbalan Jurutulis: SF
- Kementerian Pendidikan.

**Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji
Awang Abdul Rahman bin Dato
Setia Haji Mohamed Taib:**
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Oleh sebab Kementerian Pendidikan telah pun diperuntukkan Belanjawan yang besar. Maka ada baiknya sebagai mukadimah barangkali peramba menyembahkan beberapa perkara untuk pengetahuan Ahli-Ahli dan juga pengetahuan kitani bersama.

Kementerian Pendidikan, di atas sokongan Kementerian Kewangan dan juga dengan melihat hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah-titah Baginda berhubung dengan pendidikan sepanjang hayat, maka Belanjawan 2010 / 2011 yang diperuntukkan adalah sebanyak \$620 juta. Ini adalah suatu jumlah yang besar dan Kementerian Pendidikan telahpun membuat beberapa strategi tertentu untuk memastikan kita mencapai wawasan seperti yang terkandung dalam Wawasan Negara 2035, Insyaa-Allah.

Kementerian Pendidikan ingin memastikan pencapaian wawasanya bagi menyediakan satu sistem

pendidikan yang berkualiti tinggi ke arah negara yang maju, aman dan makmur dan diredhai Allah Subhanahu Wata'ala juga. Kita juga mempunyai misi, di mana kita hendak menyediakan pendidikan menyeluruh untuk semua pelajar mencapai potensi maksimum mereka. Terdapat pada waktu ini 73,000 pelajar yang sedang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Kerajaan daripada peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat Universiti dengan keramaian lebih kurang 7,351 tenaga pengajar. Ini tidak termasuk seramai lebih kurang 22 ribu pelajar yang sedang mengikuti pengajian mereka di Institusi-Institusi Pendidikan Swasta dengan keramaian 1,549 tenaga pengajar.

Kementerian Pendidikan telah menyediakan strategi-strategi yang mendukung inisiatif-inisiatif Kementerian yang dijangka akan memberikan pulangan jangka panjang terhadap peruntukan yang telah diberikan. Strategi-strategi di mana kita ingin melihat pelaburan dalam pendidikan awal kanak-kanak, penyediaan sistem pendidikan khas kelas pertama, penggunaan ICT dalam pembelajaran dan pengajaran, meningkatkan akses kepada pengajian tinggi, menyediakan

program bagi pembelajaran sepanjang hayat, meningkatkan kajian dan penyelidikan, memastikan *cost effectiveness* dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan dan meningkatkan keberkesanan pengurusan Sekolah-sekolah.

Inisiatif-inisiatif utama yang dijalankan pada ketika ini ialah pelaksanaan SPN 21 yang akan meningkatkan kualiti pendidikan anak-anak kita. Dua pelaksanaan program kepimpinan Sekolah atau *School Leadership Programme*, yang mana akan melahirkan pemimpin-pemimpin Sekolah yang berkalibar, kerana kepimpinan sekolah memainkan peranan penting dalam mewujudkan sistem pendidikan bertaraf dunia.

Pelaksanaan program-program pembangunan sumber tenaga manusia *Continuing Professional Development* bagi memastikan tenaga pengajar dibekalkan dengan kemahiran-kemahiran dan pengetahuan yang terkini.

Pelaksanaan projek-projek ICT dalam pendidikan, yang mana akan meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran. Penerusan pelaksanaan projek *Building Improvement School and Infrastructure*, atau BISAI ringkasnya

bagi meningkatkan lagi suasana pembelajaran yang lebih kondusif dan selamat.

Menaikkan taraf institusi-institusi pengajian tinggi seperti Institut Teknologi Brunei menjadi sebuah Universiti bagi meningkatkan lagi saiz pengajian tinggi di Brunei dari 13% ke 30% kemasukan *kohort* kanak-kanak.

Melaksanakan kajian dan penyelidikan dalam kelas-kelas tenaga *environment, biodiversiti*, perubatan, sains dan teknologi. Dan secara berperingkat-peringkat, kita akan memulakan *intervensi programme* di Sekolah-sekolah, untuk menentukan bahawa anak-anak sekolah atau murid-murid sekolah, penuntut-penuntut sekolah akan mendapat manfaat yang sebaik-baiknya dari pembelajaran yang disediakan.

Begitulah serba sedikit Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mukadimah yang dapat peramba sembahkan sebagai memulakan perbincangan kita mengenai dengan cadangan *Budget* Kementerian Pendidikan ini.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Ahli-Ahli

Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Sudah menjadi *global trend* dewasa ini, negara-negara yang maju di dunia ini mahukan rakyatnya berpelajaran tinggi dan inginkan negara menjadi *Knowledge Based Economy*. Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan. Inginkan rakyatnya berilmu, terpelajar, mempunyai kerohanian yang tinggi selaras dengan insiprasi negara dalam mencapai Wawasan 2035.

Kementerian Pendidikan, juga mempunyai perancangan strategi untuk meningkatkan taraf pendidikan di negara ini. Dan mengenalkan reformasi ini dalam sistem pendidikan dengan pelaksanaan Sistem Pendidikan Abad Ke-21 (SPN 21) yang bermula pada bulan Januari 2009.

Dengan mempunyai visi dan misi yang tertentu, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Pendidikan itu tadi. Untuk memberikan pendidikan yang berkualiti tinggi lebih-lebih lagi dengan peruntukan yang begitu banyak, begitu besar. Usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif Kementerian Pendidikan ini sangat-sangatlah dipuji dan dialu-alukan.

Saya hanya ingin bertanya sedikit. Setelah setahun SPN 21 diperkenalkan, apakah kesan-kesan dan impaknya kepada pencapaian murid-murid Sekolah?

Yang kedua, adakah sistem ini diwajibkan untuk semua Sekolah-sekolah Kerajaan sahaja. Saya difahamkan, ada juga sekolah persendirian *Private School* yang ada belum menggunakan sistem ini. Adakah ini dibolehkan? Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas kenyataan yang dibuatnya, yang mana peramba percaya akan memberikan perangsang yang kuat kepada bisperamba untuk melaksanakan tugas-tugas demi kepentingan rakyat dan Negara Brunei Darussalam.

Mengenai dengan soalnya secara spesifik, impak SPN 21 secara khususnya barangkali belumlah dapat dilihat oleh sebab ia baru dilaksanakan mulai daripada tahun lepas. Sungguhpun pada tahun 2008 kita memulakan provisional pelaksanaannya, tetapi secara

menyeluruh, impaknya akan hanya dapat dilihat apabila *kohort* yang memasuki Sekolah pada tahun lepas mencapai umur sehingga mereka menempuhi peperiksaan 'O' Level ataupun sehingga mereka memasuki tahun persekolahan Tahun 10 ataupun Tahun 11.

Tetapi walau bagaimanapun, dari pada perbincangan-perbincangan saya sendiri dengan guru-guru dan juga ibu bapa, banyak kebajikannya yang dapat dilihat, yang mana kebaikan-kebaikan itu bukan sahaja bagi kepentingan kanak-kanak tetapi juga menarik minat guru-guru yang mengajar.

Kita juga dengan SPN 21 ini membawa perubahan yang besar kepada cara pengajaran. Bila dulunya pengajaran adalah *Teachers Centric*, sekarang pembelajaran adalah *students centric*.

Kita telahpun memulakan pedagogi pengajian pelajaran baru, yang mana dipercayai akan menimbulkan minat kanak-kanak untuk mengikuti pelajaran masing-masing.

SPN 21 adalah dimestikan untuk diikuti oleh semua Sekolah yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan kecuali Sekolah-sekolah Antarabangsa yang mengikuti sistem

pendidikan mereka sendiri. Ertinya Sekolah-sekolah Swasta yang berdaftar di bawah kita, mengikuti sistem ini secara menyeluruh, dan kita juga memberikan bantuan dalam bentuk latihan bagi guru-guru mereka seperti juga latihan yang kita berikan kepada guru-guru kita sendiri. Begitu juga dengan panduan-panduan dan buku-buku adalah disamakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wataala Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peruntukan Kementerian Pendidikan 2010/2011 sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan baru-baru ini tadi adalah amat tinggi amat besar sebanyak \$620 juta yang merupakan 12.5% daripada jumlah peruntukan negara yang sebanyak \$5 billion.

Memang perbelajaran untuk memberi pelajaran untuk mendidik itu amat tinggi. Peramba berpendapat beban Kementerian Pendidikan ataupun tanggungjawab akan dapat dikurangkan jika pihak swasta tidak dapat mendirikan sekolah-sekolah lebih banyak lagi. Akan tetapi pelaburan ataupun Investment untuk membuat sekolah

adalah amat tinggi juga. Terutama bangunan sekolah itu yang memerlukan kewangan yang banyak.

Didapati sekarang ada Sekolah-sekolah ditempatkan di rumah kediaman diubahsuai dijadikan bilik-bilik darjah dan tidak mempunyai kawasan. Saya mencadangkan supaya Kerajaan akan dapat memberi bantuan ataupun *assistant* untuk mendirikan sekolah itu sahaja.

Diadakan kerjasama di antara Swasta dan Kerajaan dibidang pendidikan ini yang dipanggil sekarang PPP atau *Private Public Partnership*. Bantuan-bantuan yang saya sebutkan tadi itu ada beberapa cara untuk memberinya. Di antaranya bangunan Sekolah akan didirikan oleh Kerajaan akan disewakan oleh, ataupun memberi bantuan kewangan untuk mendirikan bangunan sekolah tidak semestinya 100% daripada wang yang dikehendaki untuk mendirikan Sekolah.

Loan ataupun pinjaman dari bank untuk mendirikan Sekolah adalah amat sukar didapati oleh kerana beberapa sebab yang tertentu. Perlu diingatkan di sini bahawa bantuan...

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Yang Berhormat, sekarang banyak saya dengar cerita kebanyakannya. Sekarang kita

di hadapan melihat Anggaran Belanjawan Jabatan Kementerian Pendidikan yang ada terdapat kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di dalam muka yang di Tajuk Jabatan Kementerian Pendidikan ada digariskan perbelanjaan-perbelanjaan untuk Jabatan Kementerian Pendidikan.

Jadi seharusnya Ahli-Ahli Yang Berhormat perlulah menyelidiki Belanjawan-Belanjawan iaitu Anggaran-Anggaran Kewangan ada diutarakan dalam lembaran itu. Sekiranya nama-nama atau perkara-perkara yang difikir tidak ada ataupun berlebihan ataupun bolehlah dirunding di sini. Jadi masalah dasar dan sebagainya boleh juga dikemukakan supaya cara-cara pelaksanaan Jabatan Kementerian Pendidikan akan dapat halusi dan diperbaiki dari masa masa ke semasa walaupun sekarang saya kira Jabatan Kementerian Pendidikan begitu maju ke hadapan. Demikian.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, apa yang peramba akan cakapkan ada kaitannya dengan Peruntukan \$620 ribu juta itu. Izinkan peramba untuk meneruskan.

Perlu diingatkan di sini bahawa bantuan ini akan diberi hanya kepada

Sekolah-sekolah yang ada bukti mempunyai pentadbiran dan pengurusan yang baik. Supaya nanti bayaran sewa atau pinjaman akan dapat dibayar dengan tepat dan cepat. Dengan adanya skim saya nyatakan sekolah-sekolah swasta akan bertambah. Ia akan dapat mewujudkan sekolah-sekolah swasta yang berkualiti tinggi dan akhirnya akan dapat meringankan beban ataupun menurunkan belanjawan oleh Kementerian Pendidikan. Sekian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi setakat ini memang terdapat beberapa buah Sekolah Swasta di Negara Brunei Darussalam yang dikelolakan dan dibiayai oleh pihak swasta sendiri.

Mereka mengikut sistem yang terdapat di dalam Kementerian Pendidikan, dan Kementerian Pendidikan memantau perjalanan mereka dari segi kemajuan dicapai dan juga memantau mengenai dengan pengajaran dibuat oleh guru-guru. Pengambilan guru-guru juga di dalam pengawasan Kementerian Pendidikan dan secara menyeluruhnya pendaftaran mereka adalah di bawah menurut Akta

Pendidikan yang berjalan pada ketika ini. Apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan satu perkara baru yang sungguh menarik perhatian beberapa pihak dan perkara ini juga sudah pernah pun dibincangkan oleh Majlis Pelajaran Kebangsaan. Tetapi hanya dalam peringkat perbincangan, belum ada sesuatu penyelidikan yang menyeluruh ataupun yang teguh bagi membolehkan kitani membuat sokongan-sokongan yang tertentu. Walau bagaimanapun apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Dengan izin untuk peramba menyuarakan dua perkara di dewan yang mulia ini:-

1. Sepertimana jua peramba maklum dan difahami iaitu sekolah rendah didua-dua buah Mukim iaitu Mukim Bokok dan Mukim Labu bahawa Kementerian Pendidikan bercadang untuk membina 2 buah sekolah baru di dua buah Mukim berkenaan. Ini disebabkan

Sekolah Rendah Bokok yang mengalami banyak kerosakan bangunan dan peralatan akibat banjir besar.

Ketika ini pelajar-pelajar dari para sekolah hingga tahun 6 yang asalnya belajar di Sekolah Bokok ditempatkan di Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar dengan menaiki bas sekolah yang mengambil lebih 30 minit untuk sampai ke sekolah. Perjalanan ini mempunyai risiko yang tersendiri dan menghadiri sekolah ugama sebelah petang.

Mengenai dengan Sekolah Rendah Senukoh, beberapa tahun yang lepas telah ditutup disebabkan bangunan sekolah yang tidak boleh dipergunakan lagi. Dan peramba juga dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan menggabungkan tiga buah sekolah. Sekolah Rendah Senukoh, Sekolah Rendah Labu Estet dan Sekolah Rendah Piasau-Piasau untuk sekolah baru, untuk sekolah baru yang moden disuatu tempat yang telah dipersetujui di Mukim Labu. Peramba ingin bertanya bilakah pembinaan

dua buah sekolah baru ini akan bermula?; dan

2. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Keperluan untuk membina sebuah lagi Sekolah Menengah di Daerah Temburong. Sebab-sebab keramaian pelajar sudah melebihi 1,000 orang. Dalam mewujudkan persaingan di kalangan pelajar dan guru-guru jika wujud dua buah Sekolah Menengah di Daerah Temburong. Banyak perkara-perkara atau masalah boleh diatasi. Contohnya senario ketika ini di mana Sekolah Menengah Sultan Hassan terpaksa menyelesaikan masalah sendiri.

Apakah rancangan Kementerian Pendidikan dalam mengatasi perkara ini dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Seperti yang Peramba maklum dan difahami daerah-daerah lain sudah ada mempunyai beberapa buah Sekolah Menengah sedangkan Daerah Temburong ketika ini hanya mempunyai sebuah Sekolah Menengah yang menghadapi beberapa masalah. Masalah ini dari segi usia bangunan, kerosakan-kerosakan struktur yang agak serius. Beberapa buah bilik sudah tidak boleh

digunakan lagi. Sukacita peramba dalam ke arah ini harapan yang tinggi dari rakyat dan penduduk Daerah Temburong untuk membina lagi Sekolah Menengah bagi kemudahan rakyat dan penduduk Daerah Temburong. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan Sekolah-sekolah Rendah yang disebutkan oleh Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat tadi dari Temburong. Insya-Allah perkara ini sedang diusahakan. Tetapi Yang Berhormat barangkali harus menyedari bahawa perkara seperti ini tidaklah dapat semudahnya dilaksanakan. Walau bagaimanapun, apa yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan ialah ikhtiar awal untuk menjaga keselamatan kanak-kanak. Kementerian Pendidikan sentiasa peka akan tanggungjawabnya untuk memberikan pendidikan, tetapi dalam masa yang sama keselamatan kanak-kanak di bawah jagaannya adalah sangat penting.

Jadi dengan sebab itu satu apabila wujud keadaan Sekolah-sekolah yang disebutkan itu tidak selamat untuk digunakan maka kanak-kanak sekolah telah dipindah. Mereka di-

pindah dengan penuh tanggungjawab dan penuh tawakal jua dengan ibu bapa, Ketua-Ketua Kampong yang berkenaan supaya Kementerian Pendidikan dapat mengangkut kanak-kanak yang berkenaan itu dengan kenderaan Kerajaan sendiri untuk bersekolah di suatu tempat yang selesa. Insya-Allah perkara ini akan dapat diatasi apabila Sekolah-sekolah yang berkenaan itu akan dapat dimulakan.

Mengenai dengan keperluan Sekolah Menengah tersebut. Memang diakui bahawa Sekolah Menengah yang ada sekarang menghadapi masalah teknikal tiga buah blok. Tiga blok Sekolah yang berkenaan terpaksa dikosongkan oleh sebab tidak selamat untuk digunakan. Jadi beberapa ikhtiar telahpun dijalankan. Pada misalnya Kementerian Pendidikan telahpun mengambil tindakan untuk membangunkan *porto cabin* secara sementara supaya persekolahan kanak-kanak tidak terjejas.

Secara jangka panjang apabila dilihat dari segi perangkaan, Daerah Temburong nampaknya hanya memerlukan satu Sekolah Menengah. Sekolah Menengah yang berkenaan dicadangkan untuk dibangunkan di suatu kawasan yang lebih sesuai, iaitu di kawasan

Kampong Rataie, yang boleh memuat kira-kira 1,200 orang penuntut. Dan apa yang cuba Abis Peramba sampaikan, ialah barangkali untuk membangun ataupun menggunakan kawasan Sekolah Menengah yang ada sekarang di Bangar, untuk dijadikan sebagai sebuah Sekolah Teknikal dan Vokasional.

Ini barangkali lebih kena daripada kitani membangun dua buah Sekolah Menengah. Jadi sebuah Sekolah Menengah, sebuah Sekolah Teknikal dan Vokasional dan Pengajian-pengajian akan dapat dibuat menurut kesesuaian daerah itu sendiri. Ertinya Daerah itu adalah sebuah daerah yang terkenal dengan '*Eco-Tourism*'nya pada misalnya. Jadi setentulah lebih sesuai kalau sekiranya kitani mengadakan kursus-kursus yang berhubung kait dengan *hospitality industry* seumpamanya. Jadi itulah rancangan jangka panjang Kementerian Pendidikan. Insya-Allah dengan sokongan daripada Ahli Yang Berhormat apa yang kita idam-idamkan ini akan dapat tercapai.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih, menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba turut

menggabung diri kerana pihak Kementerian Pendidikan telah mendapat peruntukan yang begitu besar. Dan adalah diharapkan dengan peruntukan yang begitu besar pihak Kementerian akan dapat melaksanakan projek-projek yang telah dirancang dengan baik dan beres.

Dalam hubungan ini saya ambil peluang bahawa Kementerian Pendidikan pada masa ini membuat satu peraturan, Pegawai-pegawai dan Kakitangan yang berumur 45 tahun ke atas tidak digalakkan melanjut pelajaran mereka di peringkat yang lebih tinggi. Dalam hubungan ini, saya ingin mengambil kesempatan selaras dengan slogan pendidikan negara belajar sepanjang hayat terutama sekali bagi rakyat negara ini yang ingin meningkatkan pelajaran mereka supaya lebih luas dan lebih lebar. Dan selaras dengan itu juga peraturan kerja iaitu memberi pencen Negara sehingga umur 60 tahun.

Jadi peramba sarankan supaya pihak Kementerian akan melonggarkan syarat ini supaya memberi peluang kepada Pegawai-pegawai dan Kakitangan yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Yang sebenarnya peraturan yang disebutkan itu bukan dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Ia adalah merupakan Peraturan Perkhidmatan Awam, Latihan Dalam Perkhidmatan dan Kementerian Pendidikan adalah salah sebuah Agensi Kerajaan yang terpaksa menurut peraturan yang ditentukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. 40 tahun nampaknya adalah satu tarikh yang dipilih memandangkan bahawa kebanyakan daripada Pegawai-pegawai yang berkenaan akan mula bersara dalam umur 55 tahun.

Jadi dari segi ekonominya, barangkali apa yang difikirkan ialah perkhidmatan yang diperolehi mereka yang telah melebihi 45 tahun itu adalah tidak seimbang dengan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun secara peribadi memang peramba sendiri ragu-ragu mengenai dengan had umur 40 tahun ini.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Lepasan graduan dari Universiti Brunei Darussalam termasuk lepasan bagi Tahun 2009, yang mana mereka yang mengambil jurusan, perguruan dalam bidang Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu dan juga yang mengambil jurusan Sarjana Muda Sastera Pendidikan. Yang mana ketika ini mereka merasa gusar kerana mereka masih menunggu sebarang tawaran pekerjaan dalam profesion perguruan. Jadi oleh yang demikian peramba berharap perancangan dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak yang berkenaan untuk mengatasi perkara tersebut?; dan
2. Pada setiap tahun memang tidak dinafikan penjaga dan ibu bapa penuntut mahupun Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah sibuk setiap akhir tahun untuk mendapatkan buku-buku rujukan dan juga buku teks Sekolah. Yang mana sering kali didapati di kedai-kedai buku yang telah dibenarkan oleh pihak yang berkenaan untuk menjualnya. Ada yang memberi alasan buku ini belum sampai, ada pula yang memberi alasan buku

ini tidak cukup. Jadi diharapkan supaya perkara sedemikian dapat diuruskan lebih awal dan semua penuntut akan mendapat dan memiliki buku tersebut seawal-awalnya. Sedangkan biasanya sehingga bulan Februari barulah penuntut ini mendapatkan buku dan setentunya pelajaran bermula pada awal Januari.

Sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Perkara mengenai dengan pengambilan Guru-guru Graduan-graduan Tempatan merupakan satu perkara yang berulang-ulang setiap tahun, yang mana atas ihsan daripada Kementerian Kewangan II (Kedua), maka setiap tahun, Abis Peramba terpaksa meminta kepada pihak-pihak yang berkenaan, dan barangkali rakan peramba dari sebelah sini lebih mengetahui, supaya menambah perjawatan perguruan ini. Tapi sebenarnya abis peramba sendiri sedar bahawa perkara ini jika berterusan tidaklah '*sustainable*'. Maksudnya kitani barangkali tidak dapat setiap tahun mengadakan 300, 200 jawatan untuk

mereka yang keluar ini dengan tidak mengambil keperluan sebenarnya. Baru beberapa hari yang lalu, kitani telah menimbulkan dalam dewan ini bahawa setiap Kementerian harus membuat *manpower* auditnya sendiri. Jadi, ini satu perkara yang harus kitani pertimbangkan dan diharap barangkali Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana akan dapat membantu abis peramba di sebelah sini supaya perkara ini akan dapat diketahui dan difahami.

Memang terdapat kekosongan Guru-guru, perjawatan perguruan di Sekolah-sekolah swasta. Oleh sebab kitani masih bergantung di Sekolah-sekolah Swasta itu, guru-guru dari luar negeri. Malangnya orang-orang muda yang keluar daripada universiti ini masih mengharapkan pekerjaan daripada Kerajaan. Jadi itulah keadaan yang dihadapi oleh Kementerian waktu ini.

Mengenai dengan buku-buku teks ini pula, buku-buku teks kalau sekiranya buku-buku teks yang dibeli itu maksudnya barangkali *workbooks*. *Workbooks* itu, insya-Allah Abis Peramba akan menentukan supaya masalah seperti ini tidak timbul lagi.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Junjung kasih Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bismillahir Rahmanir Rahim. Sepanjang yang peramba ikuti SPN 21 belumlah dapat dinilai secara menyeluruh kerana ianya baharu dimulakan pada Tahun 2009. Walau bagaimanapun atas daya usaha Kementerian Pendidikan ke arah ini peramba ucapkan terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, perkara yang kedua pada membincangkan peruntukan Kementerian Pendidikan yang mana peramba pernah membangkitkan pembinaan Sekolah Vokasional di Daerah Tutong. Sepertimana yang peramba ikuti melalui Warta Berita RTB pada 24 Julai 2009, hari Jumaat malam Sabtu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan sedang mencari tapak untuk membina sekolah tersebut. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sejauh ini apakah sudah ada perkembangannya? kalau ada di mana lokasinya? Sekian menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba menghargai sanjungan daripada Ahli Yang Berhormat dan

sentimen seperti inilah yang barangkali dipohonkan daripada semua Ahli Yang Berhormat, supaya kitani sama-sama dapat melaksanakan tugas yang berat ini. Yang mana pada waktu ini barangkali tidaklah sepatutnya dibebankan saja kepada satu-satu Kementerian yang tertentu. Tapi walau macamapun Abis Peramba sentiasa bersedia untuk menerima apa-apa jua teguran daripada mana-mana pihak mengenai pelak-sanaannya.

Mengenai dengan Sekolah Vokasional Daerah Tutong. Perkara ini yang sebenarnya sungguhpun kami cuba untuk mencari kawasan, kawasan di Daerah Tutong barangkali agak mudah untuk diperolehi tapi yang lebih sukar untuk mendapatkan ialah kewangannya. Jadi bersabarlah diharapkan Ahli Yang Berhormat, bersabar dalam menunggu giliran masing-masing untuk mendapatkan kemudahan seperti itu. Tapi walau macamapun di Daerah Tutong boleh dikatakan, sudah beberapa Sekolah Menengah dibangunkan, ada sebuah Pusat Tingkatan Enam yang akan didirikan ataupun sudah dilaksanakan pada ketika nanti, insya-Allah.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pehin Menteri Pendidikan kerana telah memberi mukadimah awal sehinggakan peramba terpaksa menggugurkan beberapa soalan bagi menjimatkan masa. Walau macamapun, ada 3 soalan yang ingin peramba kemukan iaitu:-

1. Apabila seseorang penuntut ingin hendak melanjutkan pelajaran ke Peringkat Universiti. Calon tersebut hendaklah memilih salahsatu senarai yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan. Jika tidak permohonan penuntut akan tidak dipertimbangkan. Peramba ingin bertanya berapa kekerapan senarai *subjects* itu dikemaskinikan? Soalan yang pertama;
2. Tentang perbezaan pembayaran umpamanya. Kalau seorang yang berkelulusan Sarjana Muda Sastera diambil sebagai guru *relief* yang Aliran Melayu akan dibayar secara elaun (elaun mengajar). Manakala guru yang lepasan sama tapi aliran mengajar dalam Bahasa Inggeris dan Mathematics, mereka ini diberi Gaji Hari, perbezaan. Peramba ingin mengetahui mengapa perbezaan

berlaku? Itu soalan yang kedua; dan

3. Peramba rujuk kepada Anggaran Perbelanjaan daripada Tahun 2010 / 2011, terdapat ada peruntukan untuk membina Sekolah Menengah satu di Lumut dan satu Sekolah Sains di Kuala Belait. Bilakah agaknya kedua-dua sekolah ini akan dibina?

Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Memang betul kita setiap tahun mengeluarkan senarai kursus yang boleh dipohonkan oleh pelajar-pelajar untuk memasuki ke Universiti-universiti sama ada universiti tempatan mahupun universiti luar negeri. Senarai ini adalah dibuat berasaskan kepada perundingan dengan Kementerian-kementerian lain menurut keperluan mereka.

Dan akhir-akhir ini, kita juga telahpun membuat *revision* yang barangkali boleh dilihat sebagai salah satu *revision* yang munasabah, iaitu untuk mengurangkan senarai yang berkenaan itu dan lebih *general*

daripada yang sudah-sudah. Ini akan memberikan kesempatan yang lebih kepada penuntut-penuntut tidak mengikuti kursus yang *specialized* terlalu awal. Insya-Allah, usaha seperti ini barangkali akan mendatangkan faedah bukan sahaja kepada penuntut-penuntut yang berkenaan malah kepada Kerajaan secara amnya.

Mengenai dengan perbezaan pembayaran elaun mengajar ataupun gaji hari ini, tertakluk kepada keperluan yang ditentukan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah dan menurut peraturan yang berjalan pada ketika ini. Peramba sendiri kurang pasti mengenai dengan perinciannya tapi walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai *detail* yang tertentu, insya-Allah abis peramba dapat menyiasatnya.

Mengenai dengan Sekolah Menengah Lumut dan Sekolah Sains di Daerah Belait pula, di Lumut ini barangkali soal tanahnya sudah selesai. Jadi, insya-Allah perkara ini akan dapat dilaksanakan dalam sedikit masa lagi. Tapi mengenai dengan Sekolah Sains ini masalah *site* ini masih menjadi masalah. Oleh sebab kalau dilihat di Daerah Belait, abis

peramba hanya diperuntukkan sekian banyak kewangan, tetapi *site* di Belait itu memerlukan *site preparation* yang perbelanjaannya barangkali maka perbelanjaannya jauh lebih besar daripada perbelanjaan membangun Sekolah itu sendiri. Jadi pada waktu ini itulah keadaannya. Insya-Allah perkara ini akan dapat kita atasi barangkali.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ada satu perkara yang ingin ditimbulkan. Sebagaimana kita sama-sama telah mengikuti beberapa Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia akhir-akhir ini mengenai dengan keperluan memasukkan pelajaran Ugama di Sekolah-sekolah dari Peringkat awal lagi. Titah Baginda yang terakhir ialah semasa Pembukaan Rasmi Majlis Permesyuaratan yang Ke enam ini iaitu dibahagian akhir. Antara titah Baginda:-

“Beta berkali-kali memberi isyarat bahawa pendidikan ugama daripada bawah lagi sewajarnya wajib bukan 50 tahun sebagai pilihan”

Peramba ingin bertanya, sama ada sekarang sudah disediakan di Sekolah-sekolah atau dimestikan di sekolah-sekolah supaya pelajaran

ugama dijadikan satu subjek atau matapelajaran yang wajib di semua sekolah di negara ini. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sebagaimana yang diketahui mata Pelajaran Ugama Islam di Sekolah-sekolah di bawah kelolaan abis peramba adalah merupakan mata pelajaran *compulsory*. Iaitu mesti diambil peramba percaya rakan Peramba di sebelah sini barangkali kemudian karang apabila datang kepada *budgetnya* barangkali dapat menerangkan lebih lanjut lagi mengenai dengan Pendidikan Ugama Islam yang dikelolakan oleh sekolah-sekolah di bawah kelolaan kementeriannya.

Berbalik kepada pelajaran agama yang dikelolakan oleh Kementerian peramba, Kementerian Pendidikan, sebagaimana yang telah peramba sembahkan tadi ialah merupakan satu mata pelajaran *compulsory*. Ia bermula dari prasekolah lagi, maksudnya daripada murid-murid telahpun diajar tulisan Jawi. Misalnya dan diajar sedikit-sedikit mengenai dengan kebersihan. Diajar serba sedikit bertudong dan bersongkok melayu dan mengetahui mengenai

dengan beberapa unsur-unsur keislaman, dan seterusnya dari Tahun 1, Tahun 2 dan hinggalah ke Tahun 8. Pada waktu yang sudah-sudah dalam peperiksaan PMB ataupun peperiksaan menengah, mata pelajaran agama Islam seperti juga mata pelajaran Bahasa Melayu adalah merupakan pelajaran wajib ataupun compulsory kepada semua penuntut yang berada di Sekolah Kerajaan. Ertinya sama ada ia beragama Islam atau tidak, ia harus mengikuti pendidikan ini.

Mulai daripada SPN 21 ini, kita akan melaratkan perkara ini hingga ke pengajian ke tahun 10 ataupun peringkat 'O' level. Insya-Allah, perundingan-perundingan telahpun dibuat dengan pihak-pihak yang berkenaan yang mengelolakan peperiksaan yang berkenaan, supaya perkara ini akan dapat dilaksanakan dengan teratur.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perkara yang terakhir yang peramba utarakan mengenai dengan Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan sistem pendidikan negara yang baru yang dikenali Sistem Pendidikan Abad 21 (SPN 21). Alhamdulillah jelas SPN 21 ini,

beberapa aspek pendidikan menerima perubahan dengan ketara jika SPN ini dilaksanakan dengan sepenuhnya, Insya-Allah negara akan mendapat manfaat daripadanya dengan melahirkan generasi bertaraf global, berpendidikan tinggi, berakhlak mulia dan berkebolehan dalam berbagai bidang untuk memajukan negara dengan keupayaan mereka bukan sahaja kan laku dalam negara akan tetapi luar negara.

Walau bagaimanapun, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ada mendengar beberapa keluhan dari ibu bapa terutama sekali mereka dari golongan berpendapatan sederhana dan rendah mengenai harga buku kerja pelajaran yang mahal. Di dewan yang mulia, peramba menyuarakan kiranya dapat mengatasi perkara ini, harga buku kerja ini boleh dikurangkan dengan mengurangkan kualiti buku kerja itu sedikit, kerana buku kerja ini digunakan untuk setahun. Peramba percaya pihak berkenaan mempunyai kaedah sendiri untuk mengatasi perkara ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba juga ingin bertanya, apakah ada cadangan atau perancangan pihak Kementerian untuk memberi peluang kepada cendiikiawan menghasilkan buku

kerja ilmunan Negara Brunei Darussalam di masa hadapan.

Akhirnya dalam kesempatan ini, peramba mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan atas pelaksanaan SPN 21 yang telah mengubah dan mempertingkatkan landskap pendidikan Negara Brunei Darussalam. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohamed Taib: Terima kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, peramba mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli yang Berhormat di atas sentimen yang telahpun disembahkan, dan peramba percaya jika kita semua berusaha sebagai satu pasukan, maka insya-Allah apa jua perkara yang berat akan sama-sama dapat dipikul dan dijinjing.

Mengenai dengan *workbook*, perkara ini, memang dalam kajian Kementerian Pendidikan ketika ini. Beberapa andaian telahpun dibuat dan beberapa kos perbelanjaan telahpun dikira. Insya-Allah perkara seperti ini akan dapat kitani usahakan dengan baiknya menjelang penghujung tahun ini. Ertinya atas ihsan rakan peramba di dalam

Kementerian Kewangan, maka perkara ini dapat diusahakan.

Walau bagaimanapun mengenai dengan sokongan pihak-pihak ilmunan, peramba sendiri mengatakan bahawa peramba mengalu-alukan sekiranya ada orang yang mahu untuk memberikan sumbangan-sumbangan, sebagai-mana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kita sedia menerima dan melihat, insya -Allah.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Kalau tidak lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai dengan tajuk tadi, Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

maka sekarang kita akan beralih kepada Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Pemangku Timbalan Jurutulis: SF - Kementerian Pendidikan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli yang ingin untuk mengambil perbahasan mengenai dengan tajuk ini maka sekarang Jabatan Perhutanan.

Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Pemangku Timbalan Jurutulis:

SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dijadikan sebahagian daripada Jadual. SH02A - Jabatan Perhutanan.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Nampaknya Ahli-Ahli pun tidak mahu mengambil bahagian mengenai perbahasan di Jabatan ini, maka Jabatan ini telah diluluskan sebagai salah satu tajuk dalam undang-undang iaitu perbekalan tahun 2010/2011. Sekarang kita beralih kepada Jabatan Perikanan.

Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Pemangku Timbalan Jurutulis:

SH02A - Jabatan Perhutanan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SH03A - Jabatan Perikanan.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi : Ahli-Ahli pun nampaknya tidak ingin mengambil bahagian. Oleh yang demikian, Jabatan Perikanan diluluskan salah satu tajuk di dalam undang-undang.

Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Pemangku Timbalan Jurutulis :

SH03A - Jabatan Perikanan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Yang Berhormat Awang Haji

Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, meningkatkan sara diri melalui penghasilan pengeluaran beras tempatan selain daripada mempelbagaikan aktiviti-aktiviti industri negara. Setentunya, para peladang-peladang dan petani memerlukan

bantuan dan bimbingan daripada pihak Kerajaan dari segi kemudahan asas serta lain-lain keperluan. Yang mana melibatkan perbelanjaan yang besar, jika ianya ditanggung sendiri.

Apakah ada program-program yang telah diatur oleh pihak yang berkenaan dari segi tatacara penanaman dan penjagaan tanaman padi tempatan yang betul terutamanya padi Laila agar dapat menghasilkan pengeluaran yang diharapkan?

Di samping itu, Peramba juga ingin bertanya apakah ada peluang syarikat-syarikat tempatan untuk menghasilkan perusahaan projek tanaman padi secara berskala besar?. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat lainnya. Kedua-dua soalan itu, jawabnya adalah ya! Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ada merancang dalam strateginya untuk akan membawa pengetahuan dan teknologi baru kepada peladang-

peladang tempatan tentang terutamanya tanaman Beras Laila. Dan kedua peluang-peluang penanaman padi akan dibukakan kepada pengusaha-pengusaha tempatan terutamanya yang melibatkan perusahaan yang berskala besar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menimbulkan mengenai dengan pemasaran buah-buahan dan pembangunan industri buah-buahan. Pada musim buah-buahan yang lalu di negara banyak buah-buahan tempatan tidak habis dimakan dan tidak habis dijual kerana tidak ada pasaran dan buah-buahan tersebut sebahagiannya dibiarkan buruk begitu sahaja.

Dibawah Rancangan Kemajuan Negara di Bahagian Pertanian gelaran 022 ada terdapat Tajuk Pembangunan Industri Buah-buahan dan diberi peruntukan \$1,100,000.00. Peramba ingin tahu adakah peruntukan ini untuk menggalakkan penanaman buah-buahan secara besar-besaran di negara ini?

Kalau maksudnya untuk menggalakkan penanaman buah-buahan

secara besar-besaran di negara ini, adakah sudah soal masalah pemasaran ini difikirkan. Menurut tajuk di bawah sektor pertanian gelaran 007 ada terdapat Rancangan Kemajuan Pemasaran Hasil Pertanian diberi peruntukan \$978,000.00. Adakah maksud peruntukan ini untuk Jabatan yang berkenaan mengadakan penyelidikan dan penyiasatan atau mencari pasaran-pasaran bagi buah-buahan dan hasil-hasil pertanian di negara ini.

Barangkali itulah saja yang Peramba tanyakan kepada pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan atau Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dalam menimbangkan untuk membangun industri buah-buahan ini. Yang perlu dibuat dulu ialah kajian ataupun menyediakan pemasaran. Jadi dalam usaha kementerian masa ini sedang mengkaji untuk menubuhkan marketing agensi bagi memasarkan buah-buahan tempatan. Dan setelah itu dikenalpasti baru akan dinilai sama ada perlukah kita mengadakan

penanaman buah-buahan tempatan secara besar-besaran. Jadi yang sepatutnya dilakukan dulu adalah kajian pemasaran dan juga bantuan-bantuan untuk membantu pemasaran buah-buahan tempatan. Baru kita memikirkan untuk mengadakan industri buah-buahan secara besar-besaran.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sepertimana rakan sejawat tadi menerangkan bahawa hasil buah-buahan pada tahun ini iaitu mulai September hingga Januari boleh dikatakan melambak dan tidak laku dan setengahnya dibuang. Jadi oleh kerana kebanyakan hasil buah-buahan itu adalah daripada projek-projek yang dibuat oleh Jabatan Pertanian sejak tahun 80'an iaitu melalui Kumpulan Peladang Luar Bandar. Dan hasilnya sama-sama kita merasai dan sama-sama nampak.

Jadi apa yang saya ingin tahu, adakah usaha-usaha untuk menjadikan perusahaan buah-buahan yang terbiar begitu saja? Jadi kalau sekiranya tidak ada usaha-usaha yang dibuat bererti rancangan Kerajaan yang selama ini akan sia-sia. Jadi saya harap apa yang berlaku lambakan buah-

buah akan diikhtiarkan. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin mengucapkan terima kasih di atas pengamatan Yang Berhormat tadi mengenai dengan keadaan lambakan buah dalam musim lepas ini. Memang dalam penelitian Kementerian, di samping mengeluarkan bahan *primary* ini akan juga diadakan industri-industri pemrosesan makanan dan buah-buahan. Jadi itu memang dalam perancangan Kementerian untuk mengadakan industri-industri pemrosesan buah-buahan dan barang-barang tanaman.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba hanya ingin menyampaikan pesanan daripada pemimpin akar umbi di Mukim Labi. Tidak dinafikan bahawa MIPR atau khususnya Jabatan Pertanian sering menjemput apabila ada sesuatu aktiviti khususnya aktiviti menanam padi di Mukim tersebut dijemput untuk hadir sama bekerjasama.

Jadi sebagai sumbangan, sebagai setia kawan dalam sama-sama memajukan projek khususnya projek menanam padi di Labi. Adalah harapan pemimpin akarumbi di Mukim tersebut Penghulu dan Ketua Kampung, khususnya kerjasama daripada Jabatan Pertanian, berharap apa-apa juga aktiviti yang berlaku yang ada hubungkaitnya mereka bersedia untuk menyumbang kearah bekerjasama...

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Kita sekarang membincangkan *estimate* iaitu perbelanjaan di tajuk di Jabatan Pertanian. Maka pesanan-pesanan orang yang belum kena mengena dengan ini janganlah dahulu dibawa. Jadi nanti satu ketika kita akan membincangkan sama. Jadi kalau kita buat juga sebarang pendapatan di dalam penerangan dalam majlis ini. Akhirnya masa kita akan bertambah dan permesyuaratan ini akan lanjut. Mungkin nanti menjadi kluatir kepada kita yang sangat besar ialah perbelanjaan ini tidak akan keluar dalam tempoh sehari dua ini.

Kita berharap sebarang Anggaran Belanjawan yang ditarakan di dalam buku belanjawan yang kita bincangkan sekarang akan dapat kita selesaikan dengan sebaik-

baiknya supaya jentera perbelanjaan dalam negara ini akan berjalan dengan lancar. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Cuma ialah untuk membantu meningkatkan produktiviti di kampung, supaya dapat bekerjasama memberi pengalaman yang ada supaya produktiviti padi itu akan berhasil. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat, tidak ingin membincangkan tajuk ini.

Yang bersetuju sila angkat tangan.
(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju.
(Tidak ada).

Maka dengan demikian tajuk Pertanian dan Agrimakanan diluluskan. Sekarang kita berpindah kepada tajuk Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

Pemangku Timbalan Jurutulis: SH04A – Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SH05A – Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menimbulkan mengenai dengan perkembangan koperasi di Negara ini. Dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara April 2009 yang lalu, hingga Mac 2010 di bawah sektor gelaran. Rancangan Skim Permohonan Koperasi ada disediakan peruntukan sebanyak \$2,000,200.00. Saya ingin tahu apakah jenis Skim yang telah dirancang bagi peruntukan ini. Adakah skim ini sudah berjalan jika belum kenapakah ianya belum dijalankan. Dalam hubungan Pembangunan Koperasi di negara ini, selain daripada skim yang peruntukannya telah disediakan sebanyak \$2,000,200.00 ini, nampaknya tidak ada peruntukan khas untuk Perkembangan dan Kemajuan Koperasi di negara ini. Di negara-negara lain termasuk di negara-negara jiran peruntukan tertentu ada disediakan khas untuk kemajuan dan Pembangunan Koperasi.

Pada masa ini Negara Brunei Darussalam mempunyai sebanyak 154 buah koperasi yang berdaftar termasuk sebuah koperasi nasional iaitu gabungan koperasi nasional. Koperasi-koperasi ini boleh

memohon atau meminjam wang yang tidak lebih daripada \$50,000 bagi peniaga kecil dan sederhana. Tetapi jika sesebuah koperasi itu ingin meminjam lebih daripada itu bagi perniagaan, perusahaan atau projek yang tidak berkaitan dengan pertanian dan perikanan, pinjaman mereka tidak akan dipertimbangkan kecuali pinjaman biasa ke bank-bank yang mengenakan *interest* yang tinggi.

Sekiranya koperasi-koperasi yang berdaftar ini, ingin memulakan satu projek perusahaan atau perniagaan atau perniagaan yang besar atau memperkembangkan perusahaan atau perniagaan mereka pertanian atau perikanan. Adakah peruntukan *interest* yang rendah 4% *interest* perusahaan atau perniagaan mereka yang sedia ada yang tidak berkaitan dengan Pertanian dan Perikanan. Adakah peruntukan telah disediakan untuk koperasi-koperasi ini meminjam wang dengan *interest* yang rendah atau munasabah misalnya tidak lebih daripada 4% *interest* seperti skim SME yang berkaitan dengan Pertanian dan Perikanan pada masa ini?.

Kalau tidak ada maka sudah tiba masanya pihak yang berkenaan menyediakan peruntukan khas yang lebih besar untuk perkembangan koperasi di negara ini bagi semua

jenis perusahaan dan perniagaan di negara ini dengan *interest* yang rendah. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mem-bawakan beberapa perkara mengenai dengan koperasi ini. Bagi menjawab soalan pertama. Dalam \$2.2 juta peruntukan dalam RKN itu. Termasuklah perbelanjaan sebanyak \$800 ribu untuk membangun Pusat Latihan Koperasi. Ertinya akan diadakan satu *Training Center* untuk koperasi dan kedua ialah sebanyak \$1 juta melibatkan Komplek Koperasi Batu Apoi Temburong yang mana pada masa ini reka bentuk dan konsepnya sedang dalam penilaian dan akan diluluskan. Diharap ini akan dapat disiapkan dalam tahun 2011 kalau sekiranya berjalan lancar.

Ketiga sebanyak \$400 ribu ialah plan permohonan koperasi. Dan plan inilah yang akan banyak membutuhkan strategi dan pelan tindakan untuk membangun koperasi di Negara Brunei Darussalam.

Mengenai dengan Skim Kewangan, Kementerian pada masa ini sedang

menilai sama ada skim yang masa ini berjalan untuk membantu SME dan juga *micro* kredit akan dapat dilaratkan kepada koperasi-koperasi dengan memberi kemudahan pada mereka untuk meminjam wang pinjaman daripada tabung-tabung yang dikawal oleh Kementerian, dalam penilaian untuk dibolehkan supaya Koperasi boleh meminjam daripada wang tabung tersebut.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat, tidak ingin membincangkan tajuk ini lagi.

Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).
Yang tidak bersetuju.
(Tidak ada).

Dan sekarang kita mula membincangkan Jabatan Kemajuan Pelancongan pula.

Pemangku Timbalan Jurutulis: SH05A – Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) dijadikan sebahagian daripada Jadual. SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Waba-

rakatuh. Pelancongan adalah salah satu industri yang telah dikenal pasti selain daripada industri minyak dan gas yang boleh menyumbangkan pada per-tumbuhan ekonomi dan GDP dan KDNK negara kitani.

Dengan adanya khazanah alam semula jadi seperti Hutan Hijau Tropika unik dan kaya biodiversity kita membuat branding untuk mempromosikan eko-pelancongan bagi Negara ini. Boleh dikatakan setiap daerah di Negara ini mempunyai tempat-tempat yang menarik yang boleh dan sedang diusahakan destinasi-destinasi eko-pelancongan. Ini akan boleh menambah, membantu lagi perkembangan SME yang boleh menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti perhotelan, *tour guide*, *restaurant*, pengangkutan dan lain-lain.

Kerajaan juga telah membelanjakan beribu-ribu, berjuta-juta ringgit untuk membangun infrastruktur dan kemudahan-kemudahan seperti di Ulu Temburong dan Taman Negara, Tasik Merimbun dan lain-lainnya. Usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ini sangat-sangatlah dialukan dan dipuji. Di kebelakangan ini banyak didapati di Temburong, *facility-facility* seperti

talian gantung, tangga sebahagian daripada telah rosak ada yang disebabkan usia yang begitu lama dan ada yang kurang pemeliharaan ataupun *maintenance*. yang sedihnya pula sudah terjadi kes-kes kemalangan yang mana terlibat orang-orang luar atau pelancong-pelancong jatuh dan berbahaya.

Soalan saya Adakah Peruntukan yang mencukupi untuk Kerajaan memberikan pemeliharaan terhadap ini, kalau tidak dia akan menimbulkan satu resiko yang buruk dan menghalang kedatangan pelancong-pelancong ke Negara ini.

Adakah peruntukan sebanyak \$1.5 juta itu mencukupi untuk usaha ke arah ini. Saya juga melihat dalam peruntukan kemajuan dan tidak ada yang tercatat di sana untuk pelancongan lebih-lebih lagi seperti untuk mempromosikan pelancongan. Diharap keutamaan akan dapat diberikan juga kepada pelancongan kerana ia adalah satu industri yang telah diiktiraf sebagai salah satu menyumbang kepada KDNK Negara. Satu lagi faktor yang mustahak saya rasa ialah macam mana kita mendatangkan pelancong-pelancong ke negara ini?. Pelancong-pelancong akan datang melalui jalan darat, jalan laut atau jalan udara.

Menyentuh tentang jalan udara melalui penerbangan misalnya melalui RBA sebagai nasional *carrier*. Saya ingin bertanya adakah satu *study* dibuat untuk jadual perjalanan atau *flight routing study* dan mengenal pasti akan destinasi-destinasi negara yang dituju. Supaya perjalanan boleh lebih efisien. Kerana ada keluhan yang jadual dan waktu penerbangan kurang bersesuaian.

Kedua *Flight Schedule* yang ada juga kurang menggalakkan atau membolehkan *transit passenger* untuk menggunakannya sebagai *stop over* di Brunei sebagai pelancong ke negara ini. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Soalan pertama mengenai dengan keselamatan pelancong-pelancong. Yang sebenarnya pada masa ini Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang bekerjasama dengan pihak yang berkenaan tentang taraf kemudahan-kemudahan pelancongan terutama di kawasan-kawasan Temburong. Dan peruntukan adalah bukan

di dalam peruntukan Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama tetapi kepada peruntukan Kementerian Pem-bangunan, dan pada masa ini sudahpun diperbaiki dan diawasi keadaannya.

Di samping itu Jabatan Kemajuan Pelancongan, di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga akan mempersyaratkan semua ejen-ejen pelancongan untuk mempunyai insuran bagi melindungi semua pelancong-pelancong yang dikendalikan sebagai langkah untuk meningkatkan keselamatan pelancongan.

Mengenai dengan perkara kedua kedatangan pelancong. Pelancong yang menggunakan udara, jalan udara ini tertakluk kepada keadaan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan jika sekiranya diizinkan kalau Peramba boleh Pengerusi RBA untuk menerangkan kedudukan sebenarnya.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba mengucapkan terima kasih atas cadangan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan *routing* dan *route exercise* yang ada *time-table*, penerbangan Diraja Brunei.

Ini memanglah mengambil kira dan ada kerjasama dengan Jabatan Pelancongan. Dan perkara-perkara ini memanglah dilihat dengan *time tablenya* selalu sama dengan musim panas dan musim sejuk dimana pelancong-pelancong dari luar negeri itu *time-tablenya* itu dibuat. Tetapi terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat, perkara ini barangkali dapat saya sarankan kepada *Management* RBA nanti untuk mengambil kira cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Pertama peramba mengajukan satu permohonan iaitu mengenai dengan pembaikan, pembisaian dan memajukan Bukit Saeh. Sebenarnya pada beberapa tahun yang lalu, kalau tidak salah peruntukan bagi memajukan Bukit Saeh ini telahpun ada. Jadi di dewan yang mulia ini peramba memohonkan dan mencadangkan supaya Bukit Saeh ini dapat dipertingkatkan dan dimajukan. Kerana pada ketika ini nampaknya rombongan-rombongan termasuk daripada penuntut-penuntut, jabatan-jabatan dan juga dari Universiti, sentiasa menaiki Bukit Saeh ini. Dan nampaknya mereka amat berminat.

Kedua mengenai dengan penarikan pelancong ke Negara Brunei Darussalam, kalau mengikut pendapat daripada pelancong-pelancong yang datang ke Negara Brunei Darussalam apa yang menjadi tumpuan mereka ialah datang dan melawat ke kawasan Kampung Air. Kalau mereka tidak datang dan tidak melawat ke kawasan Kampung Air, nampaknya kata mereka belum sah.

Jadi saya mencadangkan supaya pihak yang berkenaan akan menampakkan semula identiti sejarah rumah-rumah tradisi orang-orang di Kampung Air. Kerana apa, di zaman sekarang tidak lagi kelihatan rumah-rumah tradisi yang dipakai oleh orang-orang yang tinggal di Kampung Air, yang dulunya dibuat daripada bahan-bahan kayu-kayu tempatan, termasuk nibung dan sebagainya dan berlatar belakang dengan jala, rambat, dan juga salambau di hadapan rumah masing-masing.

Jadi peramba mencadangkan agar supaya apa yang peramba maksudkan tadi akan dapat ditunjukkan semula sebagai tinjauan dan untuk dilihat oleh pihak pelancungan sebagai tarikan. Sekian menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan Bukit Saeh ini akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan untuk memajukan dan *upgrade* kemudahan di Bukit Saeh itu.

Dan kedua mengenai dengan identiti Kampung Air yang boleh ditunjukkan ini pun juga akan diambil kira dalam merancang untuk membangunkan *local product development* yang dirancang oleh Kementerian pada masa ini. Barangkali itu dapat diambil kira untuk dimasukkan dalam perancangan Kementerian nanti. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: *Honorable Chairman, Cabinet Minister and Members of the Legislative Council. Today I would like to speak about the potential of tourism as a stable source of revenue for the country beside oil and gas.*

Tourism is one way to diversify our economy. Brunei is a safe, peaceful and politically stable country with clean environment. We are already known for our friendliness, hospitality, tradition and culture. We

must make full use of this good image.

We have the unique cultural destination of Kampong Air and for eco-tourism we have Temburong. In addition, we have one of the best hotels in Asia, The Empire Hotel and Country Club with beautiful Seaview and first class golf course.

We must attract tourists from Asia region such as China, Japan, Taiwan, Hong Kong and South Korea. Together these countries represent a total population of at least \$1.6 billion. I think the current allocation of \$1.5 million to promote tourism is not enough. We must allocate some money to promote our unique country in the media.

The first impression of the visitors is your airport facilities. We must have easy and friendly environment. We must reduce long queues at the Airport and make the tourists feel Brunei is a friendly and welcoming country

Access and entry into the country must also be improved by adopting speedy visa process for foreign visitors from these countries.

Although Brunei Darussalam is an Islamic country, non muslim visitors/residents are already

permitted to bring in alcohol for personal consumption, 2 bottles of liquor and 12 cans of beer.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: *Honorable, I don't want to hear the story but I like to hear your suggestions.*

Peramba cuma buat macamana kitani mau attract orang-orang luar dari luar negeri ini pasal sudah open already. I know this is a very sensitive issue to suggest that we can go one step further and create special zoning areas to include restaurants for non muslim tourist only is not for Brunei to enjoy their food and drinks.

For at least ensure the money remains in Brunei and also attract more tourists while we create jobs for locals in our restaurants, hotels, shops, etc. The restaurants are not allowed to sell alcohol. Only tourist with the proper permit paper.

Honourable speaker, may I ask the minister concerned how much of our money per year has flow out to their countries like Kuala Lurah, Labuan and Miri. Thank you vey much.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dalam menilai perkara ini, yang sebenarnya pada masa ini sudah ada dilonggarkan untuk orang-orang datang membawa 2 botol minuman keras. Dan yang menjadi penilaian abis peramba di Kementerian, dan setelah menilai apa yang berlaku di negara-negara lain yang membolehkan membawa masuk dan yang menghad kemasukan ini, bahawa pembenterasan kemasukan minuman keras bukanlah faktor yang akan mempengaruhi pertumbuhan dan kemajuan industri pelancongan sesebuah negara. Banyak lagi faktor-faktor lain yang lebih utama dan kritikal.

Dan di sini peramba ingin membetulkan yang sebenarnya *contribution* daripada sektor yang dikawal di Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama termasuk pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan cuma menyumbangkan kurang daripada 1% daripada *gross domestic product* (KDNK) cuma satu 1% saja. Tidaklah banyak seperti diharap-harapkan untuk menyumbang kepada pendapatan ataupun perindustrian.

Dan yang kedua, yang ingin peramba sebutkan di sini, sektor-sektor yang berharap kepada minuman keras bukanlah menjadi

sasaran untuk Negara Brunei Darussalam. Kita berharap dan mensasarkan kepada pelancong-pelancong yang akan memfokus kepada yang mencari ketenteraman dan ketenangan serta gaya hidup sihat yang terdiri daripada para pesara, warga emas yang sudah berkeluarga pencipta alam, pencipta warisan budaya dan sejarah.

Segmen pelawat ini tidak semestinya memerlukan pengambilan minuman alkohol. Walhal ada di antara mereka cuba mengelakkan daripada pengambilan minuman alkohol ini. Jadi yang perlu ditekankan diantara faktor-faktor yang boleh memajukan pelancongan ialah banyak faktornya yang perlu kita ambil kira dan perlu kita ambil kira dan perlu diintergrasi bersama di negara ini. Ini termasuklah infrastruktur-infrastruktur pelancongan seperti misalnya penyediaan *visa* dan sebagainya.

Dan tahap pemberian perkhidmatan kepada pelancong-pelancong juga harus dijaga dan mesti menggambarkan tatasusila dan kebudayaan orang-orang Brunei. Dan program-program mempromosikan dan memasarkan Negara Brunei Darussalam perlu terarah lebih fokus dan tidak mengambil kira trend permintaan pasaran pelancong-pelancong.

Ertinya kita tidak akan terikut-ikut dengan trend untuk menarik pelancong yang berduyun-duyun atau *mass-tourism* itu.

Kesimpulannya Negara Brunei Darussalam hendaklah mengekalkan imej sebuah Negara Islam yang credible aman dan makmur dengan kes-kes jenayah yang berbangkit dari pengambilan minuman keras pada tahap terkawal. Langkah-langkah pembenterasan yang diambil oleh kerajaan adalah satu langkah bijaksana dan sebagai faktor penyumbang kepada kurangnya kes-kes sedemikian.

Langkah-langkah pembenterasan kemasukan minuman keras ini adalah selari dengan pegangan negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja. Selain itu ianya juga menanai hasrat menjadikan negara sebagai Negara Zikir. Di samping itu boleh mendokong dan menanai usaha untuk membangun dan mempromosikan kemasukan jenama Brunei Halal.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Nampak-nampaknya hari ini lebih daripada hari-hari yang sudah dan Ahli-Ahli Yang Berhormat pun sudah membincangkan Jabatan Kemajuan agak panjang dan banyak Ahli-Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian bagi membahaskan tajuk

Jabatan Kemajuan Pelancongan. Oleh kerana tiada ada lagi yang ingin mengambil bahagian dalam tajuk ini, maka saya bertanya kepada Ahli-Ahli yang bersetuju pada tajuk ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Nampaknya tajuk Jabatan Kemajuan Pelancongan diluluskan.

Pemangku Timbalan Jurutulis: SHO6A – Jabatan Kemajuan Pelancongan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikianlah dulu kita membincangkan rancangan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2010/2011. Maka saya mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa dipindah kepada Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa Ditunggukan)

(Majlis Bersidang Semula)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada petunjuk jam di tangan saya menunjukkan bahawa sekarang sudah jam 4.15 petang. Memikirkan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat ada banyak masalah-masalah akan diselesaikan di rumah masing-masing, maka bagi memberi peluang supaya keselesaan dapat dinikmati oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan lain-lain pendengar. Maka dengan demikian saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini hingga esok hari mulai jam 9.30 pagi.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Khamis, 2 Rabiulakhir 1431 / 18 Mac 2010****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA:**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni
Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua ,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA
JAWATAN (PERDANA MENTERI
DAN MENTERI-MENTERI):**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam, Perdana Menteri,
Menteri Pertahanan dan Menteri
Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),
The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour
(Lao), DSO (Singapore), Order of
Lakandula with the Rank of Grand
Cross (Philippines), DSO (Military)
(Singapore), PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana
Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei
Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato
Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman
bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,
PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI.,
PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji
Ahmad bin Haji Jumat, PSNB.,
SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan
Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato
Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin
Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB.,
PHBS., PIKB., PKL., Menteri
Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Adanan
bin Begawan Pehin Siraja Khatib
Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.
Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB.,
PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin
Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK.,
PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Hamzah
Pahlawan Dato Seri Setia Awang
Haji Abdullah bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar
Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan
Awang Haji Mohammad bin Haji
Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ.,
DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato
Seri Setia Awang Haji Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji
Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB.,
PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-
Sumber Utama, Negara Brunei
Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato
Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman
bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB.,
PIKB., PKL., Menteri Kewangan II
(Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa
Dato Seri Setia Awang Lim Jock
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia
Pengiran Setia Negara Pengiran
(Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran
Haji Abdul Rahim, DK., SPMB.,
DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kol (B)
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd.
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,
Timbalan Menteri Pertahanan,
Kementerian Pertahanan,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
ORANG-ORANG YANG TELAH
MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato
Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking, SMB., PSB.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin
Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin
Ahmad,
Daerah Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato
Paduka Awang Haji Muhammad
Taha bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Haji Judin Haji Asar,
DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia
Dayang Rose Aminah binti Haji
Ismail,
Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis
Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat disambung pada jam
9.30 pagi.**

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang
Berhormat, sila duduk.

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir
Rahim. Mesyuarat Pertama dari
Musim Permesyuaratan Keenam
Majlis Mesyuarat Negara disambung
semula iaitu pada hari yang keenam
dengan mendahului bacaan Doa
Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Doa Selamat dibacakan oleh Yang
Dimuliakan Pehin Khatib Awang
Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam
Jame' Asr Hassanil Bolkihah).**

(Membaca Doa Selamat)

Yang Di-Pertua: Bismillahir
Rahmanir Rahim. Assalamualaikum
Warah-matullahi Ta'ala Waba-
rakatuh. Saya bersyukur ke hadrat
Allah Subhanahu Wata' ala bahawa
pada hari yang mulia ini, kita dapat
berjumpa sekali lagi untuk
menyambung permesyuaratan kita
yang telah berlangsung beberapa
hari yang sudah.

Saya berharap mudah-mudahan
dalam permesyuaratan pada pagi
ini, Ahli-Ahli telah banyak
meneliti mengenai perbelanjaan-per-
belanjaan yang diperuntukkan

kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan untuk diselidiki dengan tepat dan betul. Dan mengeluarkan pemikiran-pemikiran untuk pemindaan atau apa saja yang difikirkan baik untuk kebajikan rakyat dan negara hendaklah diselidik satu persatu.

Maka sekarang barangkali sudah sampai lima hari kita bermesyuarat. Maka dengan izin Allah, kita akan menyambung semula bermesyuarat untuk menyelidik Belanjawan Tahun 2010/2011 dan akan bermula dengan membincangkan di dalam Majlis Jawatankuasa. Maka kerana itu Majlis Mesyuarat Negara saya tangguhkan.

**(Mesyuarat Negara
Ditangguhkan)**

**(Majlis bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Kita sekarang bersidang dalam Majlis Jawatankuasa, yang kita gunakan untuk meneliti sebarang perbelanjaan mengenai dengan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan untuk diperbaiki atau dibetulkan sekiranya ada jumlah belanjawan-belanjawan itu berlebihan atau memadai atau sesuai atau perlu dipinda. Maka dengan demikian, setelah kita menyempurnakan salah sebuah

kementerian semalam iaitu Jabatan Kemajuan Pelancongan. Maka pada hari ini kita akan beralih dan membincangkan kepada SJ – Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pemangku Timbalan Jurutulis: Kementerian Hal Ehwal Ugama. SJ – Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Di dewan yang mulia ini melihat dari segi peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama pada tahun ini mempunyai peningkatan lebih kurang \$13 juta. Alhamdulillah dengan adanya peningkatan peruntukan pada tahun ini, mungkin banyak perkembangan-perkembangan yang akan dapat dilaksanakan. Jadi di dewan yang mulia ini, peramba bagi mewakili Daerah Brunei dan Muara sememangnya banyak menerima perkara-perkara yang akan disampaikan di Dewan ini. Walau bagaimanapun, peramba hanya memilih 3 perkara saja yang hendak disampaikan. Untuk tidak membuang masa:-

1. Dalam dewan yang mulia ini, peramba ingin membangkitkan yang mana usaha negara kita dalam meningkatkan serta mengangkat taraf qari dan qariah Negara Brunei Darussalam yang pernah mewakili

negara ke pertandingan membaca kitab suci Al-Quran di peringkat antarabangsa. Alhamdulillah sejak negara kita mengikut pertandingan membaca kitab suci Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur yang bermula sekitar tahun 60-an hinggalah sekarang, mutu bacaan qari dan qariah negara semakin maju dan malah telah mencapai beberapa kemenangan, iaitu menyandang gelaran johan, naib johan serta tempat yang ketiga. Jadi sebagai negara yang mempunyai keramaian penduduk yang sedikit, kejayaan-kejayaan qari dan qariah dalam pertandingan berkenaan adalah kejayaan yang amat besar. Dalam memartabatkan negara ini ke persada dunia antarabangsa khususnya dan bidang membaca kitab suci Al-Quran.

Maka pada mengenang jasa qari dan qariah yang mengharumkan negara atas kejayaan mereka serta qari dan qariah yang pernah mewakili negara dipertandingan berkenaan maka peramba ingin mencadangkan:-

- a. Mana-mana qari dan qariah yang pernah memenangi kejayaan dalam pertandingan membaca kitab suci

Al-Quran diperingkat antarabangsa dan tidak mengira sama ada ia menjadi johan, naib johan atau pun tempat ketiga supaya diberi insentif khas yang berupa elaun bulanan yang diberikan kepada mereka selagi mereka masih hidup kerana itulah sebagai satu skim mengenang jasa mereka; dan

- b. Mana-mana qari dan qariah yang pernah mewakili negara ini ke pertandingan membaca kitab suci Al-Quran di peringkat antarabangsa supaya akan dapat disokong diberikan Pingat ataupun Bintang Kebesaran Negara.

2. Sebagaimana sungutan daripada penduduk di Mukim Panchor Murai. Jadi di dewan ini mohon penjelasan mengenai dengan kedudukan pembinaan Masjid Kampung Batong khususnya di Mukim Panchor Murai yang mana dimaklumkan proses permohonan ini sudah berjalan beberapa tahun. Jadi apakah kedudukan proses pembinaan masjid tersebut?; dan

3. Sehingga sekarang, Alhamdulillah kaum-kaum yang belum memeluk agama Islam, sekarang nampaknya semakin banyak yang memeluk agama Islam di negara kita ini sungguh menggalakkan. Yang mana malangnya sebahagian mereka telah memeluk agama Islam masih tinggal bersama-sama dengan keluarga mereka yang masih belum memeluk agama Islam. Maka perkara ini dipohonkan supaya diberikan mereka ini tempat tinggal sendiri iaitu sekurang-kurangnya mereka ini diberikan rumah teres ataupun diberikan kemudahan rumah perpindahan khususnya bagi orang-orang yang memeluk agama Islam. Kerana apa sebagai contoh di kawasan Kampung Bebuluh banyak yang sudah memeluk agama Islam. Jadi saya berpendapat supaya mereka-mereka yang kumpulannya yang ramai memeluk agama Islam ini diberikan kemudahan tempat untuk mereka tinggal. Sekian Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Bahawa sebarang percakapan itu yang dibincangkan tadi tidaklah banyak kena mengena dengan kertas yang akan kita

bincangkan pada pagi ini. Hanya sekadar menceritakan, Saya ingin mengambil perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam membincangkan kertas kerja Majlis Mesyuarat di tajuk Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama, kita patut tumpukan sebarang persoalan dan percakapan atau cadangan adalah berkaitan dengan Rang Undang-Undang Belanjawan di bahagian Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Jadi ini hanya sekadar memberi perhatian. Mudahan-mudahan dalam jalan pembetulan cara kita bercakap dan berbincang akan lebih mencepatkan permesyuaratan kita dan tidak akan mengganggu perbelanjaan dalam beberapa bulan lagi. Sekarang saya sila Kementerian Hal Ehwal Ugama menjawab beberapa persoalan.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat menimbulkan beberapa perkara. Mengenai dengan qari-qari dan qariah-qariah yang meng-

harumkan Negara Brunei Darussalam dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa, maka mereka itu diberikan hadiah-hadiah tertentu di dalam skim yang tertentu bagi mereka itu. Mengenai dengan cadangan supaya mereka diberikan elaun bulanan sepanjang hayat, memanglah belum termasuk di dalam skim tersebut. Walau bagaimanapun oleh kerana perkara ini ditimbulkan dalam majlis yang mulia ini perkara ini adalah diambil perhatian.

Mengenai dengan mereka qari-qari dan qariah-qariah yang mengharumkan nama Brunei Darussalam di peringkat antara-bangsa itu, memanglah sebahagiannya telah pun disokong dan menerima pingat kehormatan yang diberikan oleh negara.

Berhubung dengan Masjid Kampung Batong, ini adalah salah sebuah masjid yang telah disokong untuk dilantik konsultan bagi membinanya.

Berhubung dengan keluarga memeluk agama Islam yang sebahagiannya masih tinggal di rumah keluarga yang belum memeluk agama Islam, maka sebahagian dari mereka ini telah pun diberikan rumah-rumah yang tertentu. Dan insya-Allah perkara ini memanglah di dalam perhatian Kementerian Hal Ehwal Agama.

Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Peramba bercakap mengenai pertambahan pegawai-pegawai dakwah bagi peruntukan tahun ini.

Perkembangan dakwah amat menggalakkan di mana ramai saudara-saudara baru telah memeluk Ugama Islam yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dan tidak kurangnya orang-orang luar negara yang bekerja di negara ini tertarik dan meyakinkan diri mereka bahawa agama Islam itu adalah suatu agama yang suci sebagai cara hidup untuk dunia dan akhirat.

Dalam pandangan saya perkembangan yang memeluk agama Islam dari tahun ke tahun tidak seimbang dengan pegawai-pegawai pembimbing (pegawai-pegawai yang mem-bimbing mereka) saudara-saudara baru. Kerana sebahagian pegawai-pegawai pembimbing yang

berpengalaman telah besara. Dan bilangan pegawai-pegawai yang ada tidak memadai dan mencukupi.

Oleh hal yang demikian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba sarankan supaya pegawai-pegawai pembimbing yang telah besara dan mempunyai pengalaman dalam membimbing saudara-saudara baru akan dapat diambil semula sekurang-kurangnya seorang pegawai di setiap daerah. Kerana membimbing saudara-saudara yang berumur tua atau yang sudah meningkat umurnya bukanlah mudah. Jadi oleh itu kepada pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman adalah diperlukan. Sekian Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Persoalan dan percakapan patutlah bersekitar daripada anggaran-anggaran yang ada di depan muka kita.

Maka janganlah dibawakan cerita-cerita lain mudah-mudahan kita akan dapat menyelesaikan perkara belanjawan ini dengan secepat mungkin dan saya harap semua Ahli-Ahli mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd.

Zain bin Haji Serudin: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat memberikan buah fikiran dalam perkara ini. Sebenarnya bimbingan kepada saudara-saudara baru adalah berjalan terus dan diatur menurut jadual-jadual yang tertentu. Di antaranya kelas-kelas bagi mereka diadakan berbagai-bagai peringkat menurut kesesuaiannya. Itu kelas-kelas yang diadakan. Kemudian diadakan lawatan-lawatan kepada mereka. dan seumpamanya pada bulan Ramadan, pegawai-pegawai dakwah melawat ke satu-satu tempat, berbuka puasa, bersembahyang Maghrib, sembahyang Isyak dan bersembahyang Terawih. Dan memanglah pegawai-pegawai ini bertugas dengan cukup teliti sehingga mereka sebahagiannya itu selama sebulan puasa tidak sampai 10 hari berbuka puasa di rumah bersama anak bini mereka. Tentang bilangan itu tidaklah menjadi masalah kerana perkara ini diaturkan dengan serapi-rapinya oleh Pusat Dakwah Islamiah.

Mengenai pegawai-pegawai yang bersara memang sebahagiannya telah diambil semula tetapi apabila telah berumur lanjut perkara ini terpaksa ditimbang semasak-masaknya. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Jika dilihat daripada Anggaran Perbelanjaan pada tahun ini Kementerian Hal Ehwal Ugama mendapat kira-kira \$220 juta iaitu peningkatan \$6 juta. Dalam hubungan ini peramba bersetuju dan menyokong penuh di atas Anggaran Belanjawan ini. Walau bagaimanapun peramba ingin membawa ke pengetahuan Kementerian Hal Ehwal Ugama bahawa pada satu taklimat yang diadakan di Daerah Belait pada pertengahan tahun lepas, di mana pegawai dari kementerian tersebut telah pun menerangkan bahawa beberapa masjid telah dicadangkan akan dibina di daerah tersebut. Status pada ketika itu ialah penggazetan tanah dalam proses. Peramba ingin tahu dan penjelasan berapa lamakah proses tersebut akan mengambil masa? Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mungkin yang

dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah rancangan untuk membina masjid di kawasan Mumong. Alhamdulillah, proses tanah sedang berjalan dan mudah-mudahanlah akan dapat digazetkan secepat mungkin. Sebaik saja tanah ini digazetkan insya-Allah usaha-usaha selanjutnya akan dijalankan, khasnya bagi memohon peruntukan. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:

Peramba menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Dengan izin di Dewan yang mulia ini, peramba akan menyampaikan mengenai dengan penempatan sementara penuntut-penuntut yang belajar kelas ugama di Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba, Kampung Senukoh, Mukim Labu, Temburong. Sejak penutupan Sekolah Rendah Senukoh pada tahun 2008, penuntut-penuntut yang belajar di kelas ugama dalam darjah pra hingga darjah IV telah ditempatkan di Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba. Sukacita peramba ingin bertanya sampai bilakah penempatan sementara penuntut-penuntut ini dan apakah rancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menangani masalah

ini? Sekian. Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat mengenai dengan masalah Sekolah Ugama Senukoh. Apabila Sekolah Rendah Senukoh berpindah ke Sekolah Rendah Labu Estet disebabkan oleh bangunan sekolah itu tidak mengizinkan untuk digunakan maka sekolah ugama pun bersama-sama pindah ke Sekolah Rendah Labu Estet. Tetapi dalam tahun 2009 rayuan daripada penduduk Kampung Senukoh telah meminta supaya murid-murid dari Senukoh itu biarlah belajar di Bangunan Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba.

Maka pada tahun 2010 ini permohonan itu dibenarkan. Ramai penuntut ialah 11 orang. Mengenai dengan rancangan untuk membangun bangunan yang kekal bagi Kampung Senukoh, perkara ini memang menjadi perhatian. Status sekarang ini ialah perundingan-perundingan diadakan dengan Pejabat Tanah bagi mencari tapak yang bersesuaian. Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Di Daerah Tutong tidak kurang juga seperti mana yang disuarakan rakan-rakan sejawat. Ada tiga buah masjid yang akan dibina:-

1. Masjid Kampung Kiudang mungkin akan siap pada tahun ini, Alhamdulillah;
2. Masjid Kampung Sengkarai pada masa ini tanahnya sedang ditembok; dan
3. Tambahan Masjid Kampung Keriam nampaknya belum ada.

Oleh itu diharap perkara ini akan dapat diusahakan. Selain daripada itu sekolah ugama juga akan dibangunkan di Daerah Tutong:-

1. Sekolah Ugama Tanjong Maya pada masa ini tapaknya sedang ditembok, Alhamdulillah jua;
2. Sekolah Ugama Kupang; dan

3. Sekolah Ugama Kampung Keriam.

Apa yang peramba harapkan bahawa segala projek ini akan dapat dilaksanakan mengikut jadual-jadual yang telah ditentukan. Sekian menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih kepada Yang Berhormat menimbulkan mengenai dengan masjid dan sekolah ugama, Alhamdulillah Masjid Kiudang sedang dalam pembinaannya dan hampir siap. Mengenai dengan Masjid Sengkarai, masjid ini sudahpun ditawarkan dan tawaran sudahpun dibuka dan sekarang ini ia masih dalam penilaian untuk dihantar kepada Lembaga Tawaran, mudah-mudahanlah akan segera perkara ini.

Mengenai dengan Masjid Keriam. Perkara ini telah pun ditawarkan, didapati tawaran-tawaran itu terlampau melebihi peruntukan yang ada. Maka perkara ini terpaksa dikaji semula. Ini sama lagunya dengan Masjid Pengkalan Batu apabila ditawarkan, harga tawaran cukup tinggi daripada peruntukan, maka dikemaskinikanlah pelan itu

dan sekarang ini telah pun digunakan Masjid Pengkalan Batu. Jadi Masjid Keriam ini pelannya sudah dikemaskinikan, disesuaikan dengan peruntukan.

Mengenai dengan sekolah ugama yang disebutkan itu tadi, insya-Allah perkara ini memanglah dalam perhatian yang amat berat oleh Kementerian hal Ehwal Ugama dan diusahakan seberapa segera yang boleh insya-Allah. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat mengambil perhatian yang amat mendalam dalam kementerian ini. Di kesempatan di dewan yang mulia ini, peramba mohon dengan pertimbangan ihsan Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi untuk peramba dapat menyampaikan kiranyalah yang akan disampaikan ini lari sedikit daripada sebagaimana yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi nyatakan. Iaitu dalam perkembangan media melalui internet berbagai maklumat boleh dilayari dan didapati termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan hal ehwal pengetahuan ugama.

Sehubungan dengan itu, peramba sukacita ingin bertanya apakah usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi mengimbangi maklumat-maklumat yang terdapat dalam internet yang tidak diketahui hal kesahihannya menurut ajaran-ajaran Ahli Sunnah Wal -Jemaah.

Adalah perlu untuk pihak-pihak yang berkenaan mengwujudkan laman web sebagai rujukan alternatif khusus bagi kemudahan semua golongan masyarakat di negara ini melayarinya. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih kepada Yang Berhormat menimbulkan perkara yang cukup menarik ini. Dalam usaha ke arah mengimbangi limpahan maklumat yang semakin banyak terutama sekali melalui laman-laman web dan juga blog-blog tertentu di dalam internet. Berbagai langkah telah dan akan terus dilakukan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama, terutama sekali dalam mengimbangi dan menyebarkan maklumat dan pengetahuan keagamaan yang benar dan betul. Pada masa ini beberapa inisiatif yang sudah

terlaksana dan boleh digunakan oleh orang ramai adalah seperti berikut:-

Pada Tahun 2006, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah memulakan operasi laman web rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga pautan bersama jabatan-jabatan di bawahnya. Ia di hasratkan menjadi sumber rujukan, menyediakan perkhidmatan *online* dan menyediakan maklumat perkembangan, penyebaran dan kefahaman Islam, laman web itu boleh dilayari melalui <http://www.religiousaffairs.gov.bn>.

Sementara itu, satu sistem informasi elektronik yang menyediakan bahan dan maklumat perkhidmatan, serta pengetahuan Islam yang diperlukan oleh orang ramai telah beroperasi pada tahun 2006 yang dikenali sebagai e-Islam Informasi Kementerian Hal Ehwal Ugama. Ia beroperasi secara menarik dan interaktif. Beberapa buah mesin ini telah diletakkan di tempat-tempat yang bersesuaian bagi memudahkan orang ramai menggunakannya. Terutama di tempat-tempat strategik seperti masjid dan juga pasar raya-pasar raya yang ada di tempat kita ini.

Pada masa ini persiapan-persiapan juga sedang dibuat untuk menambah lagi penyebaran pengetahuan dan

maklumat melalui media baru. Dalam hal ini Pusat Dakwah Islamiah dan Jabatan Syar'iah sedang membuat persiapan yang mengandungi perisian dan juga mekanisme dalam memenuhi sasaran ke arah penyebaran maklumat dan pengetahuan agama Islam yang berkesan.

Dengan kerjasama erat dari pihak Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri ia dihasratkan untuk dapat meningkatkan lagi penyebaran dakwah islamiah melalui media baru. Terutama mengenai sasaran generasi belia yang berminat kepada media baru itu sebagai sumber maklumat yang mereka cari. Melalui media baru ini akan dapat disalurkan maklumat dan info mengenai ajaran-ajaran Islam melalui blog unit ceramah media Islamic. Memuatkan teks-teks ceramah keugamaan dan juga bahan-bahan lain yang difikirkan bersesuaian.

Pada masa ini beberapa sumber dan wadah tertentu boleh dilayari melalui internet yang memuatkan bahan-bahan keugamaan yang diungkapkan oleh Pusat Dakwah Islamiah bersama dengan Jabatan Radio Televisyen Brunei. Antaranya ialah melalui *net radio*, *i-talk* dan *i-sinar chatterbox* yang mengandungi takwim hijrah, doa-doa pilihan Semua sumber-sumber bahan

dakwah maklumat sedemikian ini boleh dimuat naik turun melalui RTB City www.rtb.gov.bn.

Dan juga perkhidmatan TV *Interactive* melalui *Chattersbox* seperti Panduan Maklumat Awam. Kandungan khusus boleh dimuat naik turun ke dalam muka laman i-muslim melalui i-sinar, sementara blog Ceramah Media Islami boleh dihyperlink dengan i-sinar bagi membolehkan pelayar internet mendapatkan khidmat Pusat Dakwah Islamiah. Insya-Allah sebagai langkah perkembangan dan perluasan penyertaan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam terus mengikut perubahan teknologi semasa ini juga akan bekerjasama dalam meningkatkan Pusat Dakwah Islamiah melalui mobile TV.

Satu langkah dan usaha yang juga sedang dilakukan ialah untuk meningkatkan pemantauan, pengawalan, penyebaran maklumat dan pengetahuan Islam ini di dalam media Internet dengan akta penyiaran yang ada di negara kita ini. Melalui akta ini kajian akan dibuat bagi meningkatkan pengawalan dan menilai sebarang penyebarannya terutama sekali dalam usaha ke arah membantu orang ramai mengetahui tentang penyebaran maklumat yang

betul dan benar serta juga yang sebaliknya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sekali peramba bercakap mengenai Hal Ehwal Ugama. Masjid Kampung Ukong telah pun tanahnya diukur dan digazet oleh pihak-pihak yang tertentu. Tanah ini adalah pemberian seorang yang belum beragama Islam. Peramba berasa syukur kerana simpati daripada pihak yang belum beragama Islam. Tanah tersebut ialah tanah kepunyaan beliau atas nama TOL sebanyak seluas 3 ekar. Oleh kerana dengan peruntukan ini tidak ada tercatat dan mungkin belum tercatat peruntukan bagi Masjid Kampung Ukong.

Peramba sarankan suapaya peruntukan akan dapat diadakan pada tahun yang akan datang. Mudah-mudahan dengan terbinanya masjid di Kampung Kawasan Ukong ini lebih ramai lagi mereka yang belum beragama Islam akan mendapat petunjuk daripada Allah Subhannahu Wata'ala, insya-Allah. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd.

Zain bin Haji Serudin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih di atas usulan yang dibawakan oleh Yang Berhormat itu. Sebenarnya memang banyak masjid di dalam rancangan, tetapi kitani terpaksa membuat tahap demi tahap. Kalau semua pun akan dimasukkan dalam peruntukan memang inda terungkayah. Terima kasih. Tentang masjid ini insya-Allah memang dalam perhatian Kementerian Hal Ehwal Ugama. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ada satu perkara saja yang ditimbulkan iaitu mengenai dengan hal ehwal haji yang termasuk dalam peruntukan di bawah Hal Ehwal Ugama.

Peramba ingin menimbulkan mengenai dengan urusan-urusan haji ini. Nampaknya urusan-urusan mengenai dengan hal ehwal haji dari dahulu hingga sekarang di negara ini telah sedang ditangani dengan baik dan memuaskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dalam hubungan ini, hal ehwal kebajikan haji ini, saya ingin mengetahui adakah Kementerian Hal Ehwal Ugama telah memikirkan untuk menubuhkan Badan Tabung Haji di negara ini,

seperti yang terdapat di negara jiran yang merupakan sebuah badan yang menguntungkan dan memberikan faedah-faedah yang banyak kepada ahli-ahlinya.

Tabung Haji bukan sahaja untuk menguruskan jemaah haji pergi ke tanah suci dan menyediakan kemudahan-kemudahan, tetapi juga berfungsi sebagai badan alternatif kepada umat Islam di negara ini untuk menyimpan wang sebagai melabur secara halal dan mengikut lunas-lunas Islam yang akan memberi keuntungan yang maksima kepada depositors atas wang simpanan mereka. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menilai bahawasanya perkhidmatan haji yang berjalan selama ini adalah mendatangkan faedah dan juga memberikan layanan yang terbaik kepada jemaah-jemaah haji. Mengenai dengan saranan atau pertanyaan penubuhan Tabung Haji sebagaimana yang ada di negara jiran. Sebenarnya, penubuhan Perbadanan Tabung Amanah Islam Taib adalah meniru Tabung Haji di negara jiran. Dalam Akta

Perbadanan Taib itu berhubung dengan urusan haji dinyatakan, hendaklah ditubuhkan satu tabung yang digelar Tabung Amanah Islam Brunei yang terletak pada perbadanan bagi maksud-maksud am perintah ini dan bagi maksud-maksud membolehkan orang untuk menyimpan, melabur dan untuk menunaikan fardhu haji ke Mekah ke dalam tabung mana hendaklah dimasukkan. Simpanan dan wang lain sebagaimana yang diarahkan oleh perintah ini supaya dimasukkan ke dalam tabung tersebut.

Ertinya Perbadanan TAIB adalah sebuah badan di antaranya ialah orang menyimpan untuk naik haji. Wang simpanannya itu, jika sekiranya perbadanan mendapat untung mereka akan mendapat dividen. Akhir-akhir ini, pada tahun lepas umpamanya, penyimpan mendapat 2% dividennya tapi sebelum itu sehingga mencapai 5% dividen. Jadi perbadanan TAIB sebuah badan yang menyimpan dan melabur, di samping mengeluarkan produk-produk halal yang boleh disertai oleh orang-orang Islam dan juga bukan orang-orang Islam. Jadi Alhamdulillah, kita di Brunei sebenarnya mempunyai sebuah badan seperti Tabung Haji yang ada di negara jiran. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Yang membahaskan tajuk ini maka dengan sendirinya tajuk Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama kita telah luluskan menjadi salah satu Rang Undang-Undang bagi tahun 2010/2011. Yang bersetuju sila angkat tangan. (Semua Ahli mengangkat tangan). Tidak bersetuju. (Tidak ada).

Dan sekarang kita beredar kepada Jabatan Kementerian Pembangunan.

Pmk. Timbalan Jurutulis: SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual. Kementerian Pembangunan. SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji

Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menyentuh beberapa ada dua soalan:-

1. Pada Musim Mesyuarat Kelima pada tahun lepas Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menjawab soalan peramba. Bahawa persisiran Pantai Kuala Belait adalah stabil kecuali kawasan yang berdekatan dengan tebing

Kuala Sungai Teraban. Setahun telah berlalu tiada ada sebarang perkembangan di Kuala Sungai Teraban tersebut.

Peramba ingin bertanya dan minta penjelasan, bilakah kerja-kerja bagi mendalam dan menyelamatkan tebing Kuala Sungai Teraban itu akan dapat dilaksanakan? Dan apa menyebabkan kelambatan ini berlaku. Itu perkara pertama; dan

2. Perparitan di Kampung Lumut, di Sungai Liang dan di sesetengah kampung di Mumong amat mendukacitakan keadaannya.
3. Kawasan-kawasan ini sering dilanda banjir. Ingin mengajukan dan mencadangkan minta perhatian, dipohonkan diberikan keutamaan supaya dapat membuat satu sistem perparitan konkrit yang lebih teratur dan terancang bagi menghindari masalah banjir di kawasan tersebut seperti di kawasan-kawasan kampung Daerah Brunei dan Muara contohnya. Dan diminta dipertingkatkan pemeliharaan semua perparitan ada di

kawasan-kawasan tersebut tanpa bersikap tunggu dan lihat baru buat.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu. Mula-mula sekali peramba ingin memberi jaminan kepada beliau bahawa Jabatan Kerja Raya tidak mengamalkan sikap tunggu, lihat dan baru buat. Mana-mana kerja yang dapat dibuat akan dibuat. Jadi dengan semangat itulah kerja-kerja di Kampung Sungai Teraban ini, nampaknya dalam penelitan pada masa ini. Dan begitu juga perparitan di Mumong memang disadari, fokus pada masa ini ialah perparitan di Seria dahulu.

Tapi Walau bagaimanapun, terima kasih kepada Yang Berhormat itu, insya-Allah perkara-perkara yang beliau bangkitkan itu akan dapat disiasat. Terima kasih. Sekali lagi peramba memberi jaminan kepada beliau, bahawa Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan tidak mengamalkan tunggu, lihat

baru buat itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Junjung Kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu-alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Beberapa tahun lepas, sebuah ampangan telah pun dibina di Sungai Binutan iaitu bertempat di Kampong Menengah. Peramba difahamkan, fungsi atau peranan ampangan tersebut adalah sebagai persediaan bagi menghalau atau menguyung air masin ataupun pasang untuk memasuki pam air Layong dan Kuala Abang. Pada masa tertentu, apabila keadaan air berlebihan di ampangan akan dikeluarkan dan dibuang kerana dikhuatiri akan menjejaskan struktur ampangan tersebut. Soalan peramba, tidakkah ada rancangan pihak-pihak tertentu supaya menggunakan air ini untuk tujuan-tujuan pertanian ataupun lain-lain?. Kerana membuang air yang berlebihan itu peramba fikir satu perkara yang membazir. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji

Bakar: Terima kasih Pengiran Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini. Sebenarnya ampangan di Kuala Abang ialah satu ampangan untuk mencegah air masin daripada memasuki Dam Binutan, apabila Dam Binutan ini apabila sungai di Kuala Tutong, kering. Supaya jangan air itu masin di Kuala Abang.

Fungsi Ampangan Air di Binutan itu ialah *regulating* dam ertinya ia hanyalah satu dam untuk menadah air dan air itu tidak akan dibuang. Sebenarnya, Air itu akan dialirkan kepada Kuala Abang apabila Kuala Abang itu kering. Misalnya dalam keadaan sekarang sudah satu atau dua kali air itu dilepaskan dari Ampangan Binutan untuk menaikkan paras air Sungai Tutong. Tidak ada praktis atau tidak ada kegiatan untuk membuang air itu melainkan apa-apa air yang melimpah daripada tebing iaitu dipanggil speed way. Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menimbulkan mengenai dengan parit besar Jalan Mulaut. Parit besar di

sepanjang Jalan Mulaut sebagai aliran Sungai Sengkurong, Sungai Tampoi dan aliran dari Ban 1 hingga Ban 5 yang sedang dalam pembinaan pada masa ini. Nampaknya kerja-kerja pembinaan telah berjalan dengan baik dan cepat semenjak kelambatan ditimbulkan dalam permesyuaratan yang lalu. Nampaknya pihak kerajaan telah memberikan respons yang baik atau sebahagian masalah yang ditimbulkan dalam Majlis Mesyuarat ini.

Walau bagaimanapun berhubung dengan pembinaan parit ini, peramba ingin membuat sedikit teguran mengenai dengan pembinaan jambatan yang begitu banyak dibina bagi menyeberangi parit besar ini di antara Ban 3 dan 4 sahaja yang jaraknya kira-kira 48 rantai, peramba hitung sebanyak 11 buah jambatan telah dibuat, dan ada di antaranya sangat berdekatan di antara satu dengan yang lain yang sepatutnya tidak terjadi bagi menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Pembinaan jambatan yang banyak ini akan mengendalakan aliran air kerana sampah-sampah atau uras-uras yang hanyut itu akan tersangkut di tiang-tiang jambatan berkenaan.

Selain daripada itu jambatan-jambatan besi bagi Ban 3, 4 dan 5 yang menyeberangi longkang, Jalan

Mulaut itu yang hanya boleh dilalui sebuah kereta dalam satu masa belum diganti. Jambatan ini yang sepatutnya didahulukan untuk diganti dan dibesarkan bagi memudahkan lagi kereta-kereta menyeberang ke Ban 3, 4 dan 5. Oleh kerana jambatan-jambatan ini sudah dibina dan tidak dapat diapa-apakan lagi, maka bagi pembinaan projek seperti ini seterusnya peramba berharap pembinaan jambatan-jambatan haruslah dikurangkan bagi mengelakkan pembaziran. Sekian. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Pengiran Pengerusi. Sekali lagi, peramba mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini. Feedback beginilah yang dihargai oleh Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan mudah-mudahan feedback seperti ini dapat diberikan sentiasa bukan di Dewan yang mulia ini sahaja supaya perancangan di kawasan itu akan lebih mantap dan memenuhi kehendak penduduk-penduduk kampung. Terima Kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Junjung kasih, Yang

Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Di Dewan yang mulia ini, peramba ingin menyampaikan harapan daripada pihak-pihak yang berkenaan khususnya di Negara Brunei Darussalam ini. Iaitu yang bertajuk sebagaimana yang telah disarankan atau disampaikan pada tahun yang lalu iaitu mengenai dengan kedudukan pemilik tanah lease 55 tahun. Jadi sekali lagi bagi pihak yang berkenaan merayu agar bayaran yang dimaksudkan ini bagi pemilik-pemilik persendirian yang mana hanya digunakan untuk mendirikan atau telah didirikan untuk rumah persendirian dan kediaman sendiri maka dipohonkan akan dikecualikan daripada pembayaran premium setelah tamat genap tempoh 55 tahun atau sekurang-kurangnya diberikan keistimewaan bagi perkara yang disebutkan di atas tadi. Junjung kasih. Sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Perkara ini masih dalam perhatian Kementerian Pembangunan atau Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Haji

Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bismillahir Rahmanir Rahim. Dalam Wawasan Kemajuan Negara 2035, ada menyebutkan hakisan Pantai Penanjung dan begitu juga hakisan Pantai Kampung Danau. Jadi adalah diharapkan kepada kementerian yang berkenaan, supaya perkara ini akan dapat diusahakan sebelum ianya lebih besar lagi hakisannya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba mengambil perhatian mengenai cadangan itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ramai yang membincangkan dalam tajuk ini, maka setelah perbincangan sudah selesai, Ahli-Ahli yang bersetuju kepada Jabatan Kementerian Pembangunan sila angkat tangan. (Semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju. (Tidak ada). Maka apabila didapati yang bersetuju banyak maka tajuk ini diluluskan sebagai salah satu jabatan yang telah diluluskan bagi peruntukan 2010 / 2011.

Pemangku Timbalan Jurutulis:

SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Bismillahir Rahmanir Rahim, menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Mengenai perumahan. Isu perumahan telahpun diambil perhatian yang serius di beberapa tahun kebelakangan ini. Langkah-langkah tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah ketara dan berkesan demi untuk memastikan kehendak dan keperluan perumahan di negara ini. Kementerian Pembangunan melalui RKN 2007/2012 berusaha giat untuk menyiapkan sebanyak 12,439 buah rumah di lima buah tapak yang dipilih. Selain daripada itu, ada yang diberikan di bawah Skim T.O.L..

Di samping itu juga, BEDB sedang mengungkayahkan 2,000 buah rumah di Daerah Belait, 4,000 buah rumah di Daerah Brunei Muara, 1,500 buah rumah di Daerah Tutong yang masih dalam peringkat awal lagi. Perumahan-perumahan per-sendirian juga digalakkan dan

dengan adanya Akta Structure Title, yang telah diluluskan pada 1 haribulan Julai 2009. Peluang-peluang untuk orang luar juga diberikan kesempatan untuk memiliki rumah di negara ini.

Perkembangan ekonomi diteruskan dengan membenarkan pelabur-pelabur luar ikut serta dengan melalui FDI (*Foreign Direct Investment*). Ekonomi outlook bagi Brunei 2010 / 2011 ini sudah jelas menunjukkan peluang-peluang bisnes di bidang pembinaan begitu cerah dengan adanya projek-projek yang bernilai kira-kira lebih \$1 bilion akan dijalankan. Penglibatan oleh pemborong-pemborong dari luar negeri sedang berlaku dan tidak dapat dinafikan kerana kita tidak mempunyai kapasiti tempatan yang mencukupi.

Walau bagaimanapun peluang-peluang harus dan pasti diberikan kepada pengusaha-pengusaha SME tempatan dengan memberikan keutamaan melalui peraturan-peraturan tawaran atau *commission of contract*. Begitu juga dengan perkhidmatan-perkhidmatan konsultan tempatan perlu juga diberikan keutamaan.

Inilah yang kami harapkan daripada Jabatan Kemajuan Perumahan agar dapat membantu pengusaha-

pengusaha tempatan. Peruntukan tahun 2010/2011 ini, ada tambahan sedikit saja dari tahun lepas. Adakah ini mencukupi untuk pelaksanaan projek-projek perumahan yang begitu bertambah dan meningkat tinggi? Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu tadi. Sebenarnya Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Kemajuan, Jabatan Kerja Raya yang mengusahakan STKRJ berharap akan dapat membuat melaksanakan output rumah sebanyak 2,000 dan lebih tiap-tiap tahun daripada tahun ini hingga ke tahun 2013. Insya-Allah target ini akan dicapai.

Mengenai dengan peruntukan yang tidak banyak bertambah itu, Jabatan atau Kementerian Pembangunan telah diberi *assurance* oleh Jabatan Kemajuan dan Perancangan Ekonomi yang menjaga peruntukan kemajuan ini bahawa skim *value* yang ada memang mencukupi. Dan jika skop atau bidang kerja itu melebihi daripada peruntukan yang diberikan, permintaan ini akan dapat dipertimbangkan oleh Jabatan

Kemajuan dan Perancangan Ekonomi dengan lebih positif dan pertimbangan yang saksama. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin membawa ke pengetahuan Dewan yang mulia ini. Bahawa beberapa penerima Rancangan Perumahan Negara Kampung Lumut yang berlangsung pada 19 haribulan Januari tahun 2010 baru-baru ini.

Yang berpendapatan rendah merasa terkilau dan terkejut apabila potongan bayaran hutang rumah di luar kemampuan mereka. Terutama yang dipotong langsung melalui bank menerima kosong gaji. Peramba diberitahu oleh penerima-penerima tersebut tiada penerangan yang jelas mengenai jumlah pemotongan yang dikenakan di peringkat awal sebelum majlis penganugerahan rumah-rumah.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengenai dengan pemotongan dan sebagainya ini, ini perkara biasa iaitu dijalankan oleh pentadbiran kerajaan dari masa ke semasa. Sekiranya orang ramai atau siapa-siapa pun tidak puas hati dengan perkara-perkara yang

dikenakan. Mereka boleh memohon kepada jabatan atau kementerian berkenaan perkara itu dibatalkan dan tidak akan menyulitkan. Maka perkara yang sekecil ini janganlah dibawa ke majlis ini. Nanti masa kita banyak terbuang. Jadi kerana itu saya memohon maaf perkara ini janganlah dibawa semacam ini sepertimana saya jelaskan tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Yang sebenarnya peramba telah pun membawa perkara ini. Dan orang-orang yang menerima itu pun telah pun membawa perkara ini ke pejabat sepertimana Yang Amat Mulia Pengerusi. Tetapi sayangnya tidak dilayan dan tidak dijawab. Makanya tiada tempat peramba mengadu selain daripada Dewan Majlis ini untuk mengambil sesuatu tindakan. Izinkan peramba bercakap sedikit saja lagi Pengiran Pengerusi, izinkan peramba.

Penerima mendakwa jika mereka mengetahui hal yang sebenar, mungkin sesetengah mereka akan membuat pilihan untuk tidak menyertai skim tersebut. Peramba memohon jasa baik daripada kementerian supaya dapat memberi perhatian dan pertimbangan

sewajarnya jika tidak dikhuatiri billangan orang susah akan bertambah.

Yang kedua, dipohonkan Jabatan Perumahan akan dapat mengadakan satu taklimat khas diadakan secepatnya bagi masalah tersebut. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Sebagaimana saya jelaskan tadi, perkara ini boleh Ahli Yang Berhormat memberitahu kepada jabatan ataupun kementerian berkenaan supaya mencepatkan atau menguruskan dengan sebaik-baiknya. Jadi masalah ini bukanlah polisi kita membincangkan jumlah peruntukkan Jabatan Kementerian Pembangunan, malah ia adalah pentadbiran seharian maka saya cadangkan lain kali janganlah perkara yang tidak ada kena. Yang kita akan rundingkan iaitu belanjawan Jabatan Kementerian Pembangunan yang sekarang kita bincangkan. Maka saya berharap kementerian mengambil berat dan Ahli-Ahli mesyuarat pun mengambil berat dalam perkara ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji

Bakar: Sabda Tuan Peramba itu sudah jelas dan tidak payah peramba menambah lagi.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan peruntukan-peruntukan yang diberikan pada setiap tahun. Mudah-mudahan dalam jangka masa yang panjang peruntukan ini akan dipertingkatkan lagi yang mana peramba mencadangkan dalam jangka masa yang panjang mengenai dengan kemajuan perumahan di satu tempat yang akan dicadangkan. Supaya dalam pembangunan perumahan di satu tempat akan dibangunkan, sekali gus bangunan sekolah dan juga bangunan masjid. Supaya tempat-tempat pemindahan yang akan dirancang dalam masa jangka yang panjang ianya akan menjimatkan tenaga dan kos perbelanjaan bagi pihak Kemajuan Perumahan. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih. Pengiran Pengerusi. Peramba mengambil maklum cadangan daripada Yang Berhormat itu. Tapi masjid dan sekolah ini.....

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Hari ini kita bincangkan seberapa boleh, kita akan meneliti garis-garis perbelanjaan yang telah diluluskan dan beberapa banyak jumlah yang akan dibelanjakan dalam 2010/2011. Adakah belanja-belanja itu memadai atau tidak cukup atau patut ditambah untuk kegunaan orang ramai di daerah-daerah yang berkenaan. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Peramba menjunjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Projek Perumahan Negara, Perpindahan Kampung Rataie Daerah Temburong bagi fasa 4. Peramba difahamkan ada terdapat 50 buah rumah yang sudah dalam perancangan untuk dibangunkan, namun pada pemerhatian peramba pada masa ini kerja-kerja pembinaan ke atas rumah tersebut tidak dijalankan. Apakah punca dan sebab-sebabnya projek tersebut tergendala dan tidak ada kerja-kerja pembinaan rumah yang tersebut pada masa ini dan peramba difahamkan ada pemohon-pemohon yang memohon Perumahan Negara yang tersenarai belum lagi memiliki rumah, walaupun sudah menunggu hingga 18 tahun. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia

Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Memang disedari bahawa 50 buah itu telah tergendala dan projek itu telah pun di terminate atau diberhentikan kepada penender yang ada, dan telah pun ditenderkan semula. Dan insya-Allah ia akan bermula dan dijangka siap dalam pertengahan tahun ini bersama-sama dengan 130 buah rumah tambahan di sana. Izinkan peramba menjelaskan sebanyak 195 buah rumah sebenarnya di Temburong ini jumlah rumah yang akan dibina 227 buah, termasuk 57 buah rumah yang tergendala itu. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba sesungguhnya tertarik tadi ucapan salah seorang Ahli Yang Berhormat di sebelah sana, mengatakan di Daerah Tutong. Jadi peramba ingin bertanya bahawa Perumahan Negara di Kampung Keriam sejauh ini apakah sudah ada pelaksanaan ataupun perkembangan. Yang Kedua, peramba sungguh tertarik tadi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi mengatakan supaya perbelanjaan ini sama ada cukup ataupun ditambah. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Projek Perumahan di Kampung Keriam yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan, iaitu dengan memanggil *inspiration of interest* daripada apa yang tertentu bagi melaksanakan beberapa ribu buah rumah di sana. Jadi akan diungkayahkan secara menyeluruh. Menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Siapa yang akan membahaskan lagi masalah Anggaran Belanjawan yang ada di depan kita, sila angkat tangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamualaikum. Bismillahir Rahmannir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin bertanya satu soalan adakah Jabatan Kemajuan Perumahan masih lagi menyediakan tapak-tapak perumahan yang kosong untuk diagih-agihkan kepada pemohon-pemohon yang tertentu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Usaha ini sekarang sudah makin

berkurang sebenarnya. Ada beberapa tapak saja lagi. Walau bagaimanapun beberapa tapak-tapak itu akan dikenal pasti diberikan Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Tekeduhong peramba memegang note izinkanlah peramba berucap, kerana isu ini dibangkitkan mengenai dengan tunggakan hasil. Peramba menjunjung izin kepada Tuan Peramba, untuk bercakap sedikit mengenai dengan tunggakan perumahan. Tunggakan perumahan ini berlaku pada masa ini dan sejauh ini untuk pengetahuan Dewan. Jumlah tunggakan yang ada lebih kurang \$16 juta dan yang terlibat adalah sebanyak 1,493 orang, jadi ertinya purata \$10,000 bagi tiap-tiap seorang dengan beberapa sebab-sebab berlakunya tunggakan ini antara lainnya:-

1. Beberapa pemilik rumah tidak lagi bekerja dan tidak mempunyai pendapatan tetap dan hanya menerima pencen tua;
2. Pemilik rumah bersara dari perkhidmatan dan hanya berhak menerima baksis tidak berpencen yang tidak mencukupi untuk menjelaskan keseluruhan baki rumah;
3. Beberapa pemilik rumah meninggal dunia dan tidak mempunyai simpanan

- Tabung Amanah Pekerja atau baksis untuk menjelaskan baki pinjaman yang mana waris juga tidak berkesanggupan untuk menyambung pembayaran;
4. Pembayaran potongan tunai atau potongan gaji tetap terhenti disebabkan pemilik rumah dibuang kerja muflis atau ada yang bercerai dengan suami atau isteri yang sebelumnya menjadi pembayar;
 5. Bayaran tunai tidak dapat dibuat dengan konsisten mengikut kadar jadual yang telah dipersetujui disebabkan oleh komitmen atau beban kewangan yang berat seperti pinjaman-pinjaman dengan bank, pinjaman kenderaan dan pinjaman kad kredit; dan
 6. Penjamin tidak dapat dipotong gaji kerana bersara dari perkhidmatan dan tidak berpencen. Mempunyai gaji yang rendah dan tidak mencukupi untuk dipotong. Beberapa langkah-langkah secara jangka pendek dan jangka panjang diusahakan. Antara langkah-langkah itu ialah telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) dalam satu ucapan beliau menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat.
- Tetapi izinkanlah peramba memberikan beberapa jawapan-jawapan itu:-
- a. Memastikan bayaran balik dibuat secara konsisten dengan setiap bulan dan tidak terhenti;
 - b. Tidak membenarkan sebarang penangguhan atau perhentian potongan gaji sama ada cara sementara atau berterusan;
 - c. Tidak membenarkan sebarang permohonan untuk mengubah cara bayaran seperti yang telah dibuat melalui potongan gaji kepada bayaran tunai. Ada setengah pemohon memohon supaya janganlah dipotong gaji. Beliau akan membayar secara tunai. Permohonan seperti ini tidak akan dilayan;
 - d. Menyediakan penyata akaun jadual pembayaran untuk dikirimkan kepada pemilik-pemilik rumah;
 - e. Mencadangkan memberikan tempoh maksima bagi pembayaran balik kepada pinjaman perumahan kepada 25 tahun sahaja bukan 30 tahun yang m a n a

- kadar potongan sebulan tidak terlalu rendah;
- f. Menjelaskan tunggakan rumah terlebih dahulu sebelum proses tukar milik, pelepasan geran tanah dapat dipertimbangkan;
 - g. Menjelaskan tunggakan rumahterlebih dahulu sebelum permohonan untuk menambah/mengubahsuai rumah dapat dipertimbangkan;
 - h. Menjelaskan tunggakan atau sewa bangunan atau hutang-hutang yang lain dahulu sebelum permohonan sebelum bayaran-bayaran selaras dengan bayaran-bayaran perumahan;
 - i. Penyelesaian sebahagian tunggakan pinjaman perumahan melalui bantuan pembayaran Al-Gharimin dari Majlis Ugama Islam seperti yang telah berlaku pada tahun lepas yang mana sejumlah \$2 juta lebih telah dibayar;
 - j. Penyelesaian sebahagian tunggakan pinjaman perumahan melalui pengeluaran caruman atau TAP;
 - k. Memastikan *ledger-ledger* perseorangan bagi perumahan dikemas-kinikan; dan
 - l. Memastikan penggunaan perisian dimanfaatkan sebagai pemudah cara.

Dalam jangka panjang pula, Jabatan Kemajuan Perumahan dan Kementerian Pembangunan akan menimbangkan mengutip keseluruhan baki pinjaman perumahan melalui baksis yang akan bersara. Bukannya secara ansur melalui pembayaran tunai setelah bersara tanpa dipotong baksis. Pada masa ini hanya sebahagian sahaja baki pinjaman perumahan dapat dikutip melalui baksis perkhidmatan iaitu berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan.

Yang kedua, ini serangkai cadangan untuk mengujudkan Skim Tabung Perumahan yang mana apabila pemohon itu memohon perumahan, mereka akan digalakkan untuk melabur atau mengadakan Skim Tabung Perumahan. Dan dalam rangkaian ini mengurangkan tempoh menunggu bermula daripada permohonan yang pada masa ini sehingga 20 tahun atau 18 ke 20 tahun kepada lebih kurang 5 tahun sahaja, insya-Allah. Dengan itu mempercepatkan tempoh penyiapan rumah.

Juga menggalakkan menggunakan loan kerajaan untuk rumah tersebut. Apa yang berlaku pada masa ini ada setengah-setengah penerima itu tidak memakai loan kerajaan ini hanya membayar secara tunai.

Dan sebaliknya menggunakan loan kerajaan ini untuk menambah rumah. Ini tidak akan digalakkan, apa yang digalakkan, apa yang disarankan, ialah supaya pembayaran rumah itu akan menggunakan loan kerajaan.

Dan mengenakan tempoh pembayaran balik mengikut tempoh baki perkhidmatan pembayar. Bukan penjamin yang masih mempunyai baki perkhidmatan yang lebih panjang daripada pembayaran. Sekianlah sahaja Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan peramba menjunjung kasih ke hadapan Majlis Tuan Peramba.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengerusi, peramba ingin menambah sedikit mengenai dengan tunggakan ini. Wang kumpulan zakat Al-Gharimin menyumbangkan dari segi menyelesaikan fakir miskin yang tidak terdaya untuk menyelesaikan tunggakan tersebut. Sehingga kini sokongan-sokongan terhadap 539 orang telah dibuat oleh Majlis Ugama

Islam yang jumlah kelunasannya \$6,725.993.53.

Jawatankuasa yang menimbangkan perkara ini mendapati, sebanyak 145 orang tidak tepat dimasukkan dalam istilah Al-Gharimin. Yang tidak disokong untuk dijelaskan, dilunaskan hutangnya. Banyak sebab-sebab antaranya:-

- Pemilik berkemampuan;
- Pemilik masih meneruskan pembayaran melalui potongan gaji;
- Pemilik bekerja dan berkemampuan;
- Anak-anak pemilik adalah berkemampuan dan mampu meneruskan pembayaran;
- Penjamin telah membayar tunggakan hutang rumah;
- Waris berkemampuan untuk membayar tunggakan hutang rumah;
- Waris mempunyai pekerjaan dan mampu untuk meneruskan pembayaran rumah;
- Pemilik menambah rumah melebihi, menghampiri daripada harga asal rumah, pemilik

masih meneruskan pembayaran secara tunai; dan

- Suami isteri pemilik rumah adalah berkemampuan.

Demikian penerangan tambahan.
Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada lagi ahli yang ingin bercakap, jadi saya sekarang beredar daripada Tajuk Jabatan Kemajuan Perumahan kepada Jabatan Kerja Raya. Sekarang Tajuk Jabatan Kemajuan Perumahan telah diluluskan dan kita sekarang membincangkan Jabatan Kerja Raya.

Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Pemangku Timbalan Jurutulis: Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Setinggi-tinggi menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba ingin betanyakan mengenai dengan peruntukan-peruntukan kerja-kerja maintenance ataupun pemeliharaan. Kebelakangan ini sering berlaku banjir kilat, apabila hujan turun berterusan, bukan sahaja di daerah pedalaman, malah di kawasan berdekatan bandar ianya terjadi. Peramba menerima aduan dari penduduk-penduduk Kampung Menglait yang sering mengalami banjir kilat setiap kali hujan lebat. Ini disebabkan keadaan longkang-longkang yang ditimbuni oleh rumput-rumput panjang tanpa penyelenggaraan yang sempurna dan kurang pemantauan.

Pembersihan hanya akan dilakukan selepas beberapa kali aduan dibuat, itupun memakan masa yang lama. Mereka memohonkan supaya longkang-longkang kekal atau kalbat dapat dibina bagi memudahkan air mengalir dengan sempurna. Peramba juga ingin memberi saranan secara keseluruhannya, adalah baik dilakukan *constant maintenance* atau pemeliharaan yang berjadual. Adalah diperlukan bagi setiap kawasan yang diperlukan sebagai best practice untuk mengelakkan kejadian banjir berlaku. Peramba juga ingin bertanya adakah peruntukkan bagi kerja-kerja *mainte-*

nance ataupun pemeliharaan bagi parit-parit saluran pembentungan atau dari sistem ini mencukupi untuk melaksanakannya. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini. Insya-Allah perkara ini akan diambil perhatian. Dalam pada itu juga sukacita peramba menerangkan bahawa satu daripada projek besar ialah untuk mengadakan tadahan air di Kampung Menglait. Jadi diharap projek ini akan dapat dilaksanakan dan kawasan ini sedikit sebanyak akan mengalami pembaikan dari segi banjir kilat ini.

Dalam pada itu juga mengambil kesempatan kerana abis peramba pun berbincang juga dengan penduduk-penduduk di Kampung Menglait dan Yang Berhormat pun nampaknya ada interaksi juga dengan penduduk-penduduk Kampung Menglait. Apa yang sering diperhatikan juga ialah kadang-kadang sampah-sampah dibuang dengan sewenang-wenangnya dan ini juga adalah satu sebab mengapa

longkang-longkang itu tidak dapat mengalirkan air. Jadi mereka sama-sama menyarankan kepada pihak-pihak yang terlibat supaya pembuangan sampah ini dijalankan dengan cara yang selamat dan baik. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Melihat senario zaman sekarang dan ketika ini kesesakan jalan raya di daerah ini semakin menimbulkan tinggi dugaannya kepada iman dan kesabaran pemandu-pemandu di negara ini. Tapi mau tidak mau perkara ini haruslah ditempuh pada setiap hari. Kerana sebab-sebab impak perkara ini disebabkan kesesakan-kesesakan ini setentunya akan menimbulkan kerugian dan kegagalan dalam perkara-perkara lain. Terutama di perjalanan sepanjang Jalan Tutong Kilanas, Masin dan begitu juga jalan-jalan raya di sebelah Gadong.

Jadi dicadangkan supaya belanjawan di masa yang akan datang diperuntukkan untuk mengatasi dalam jangka masa yang panjang, sekurang-kurangnya mengurangkan masalah kesesakan jalan raya ini. Menjunjung kasih

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri

Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih Pengiran Pengerusi. Perkara ini memang menjadi perhatian kepada Kementerian Pembangunan. Dalam pada itu juga, peramba suka memberikan jaminan bahawa dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya, bahagian jalan raya pihak Polis Diraja Brunei dan Jabatan Pengangkutan Darat, masalah-masalah seperti ini adalah menjadi satu fokus kepada ketiga-tiga jabatan ini. Dan jabatan ini sering mencari jalan sama ada secara pendek atau secara panjang untuk menyelesaikan perkara ini, menjunjung kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba bercakap mengenai banjir yang berlaku di Ulu Tutong. Pada penghujung tahun lepas iaitu 2009, sekali lagi banjir melanda di Ulu Tutong walaupun tidak sama pada awal Tahun 2009. Dan peramba sendiri bersama Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera telah dibawa oleh penduduk-penduduk kawasan tersebut untuk melihat secara jelas apa yang mereka alami, dalam tinjauan abis peramba berdua bahawa sebahagian kawasan iaitu kawasan Kuala Ungar dan Pancong, menuju ke Sekolah Pancong masih

tenggelam. Dan begitu juga Kuala Ungar Benutan, dan di antara Kuala Ungar dan Rambai.

Sebelum itu usaha-usaha telah pun dibuat oleh pihak bekeaan JKR dan meninggikan taraf jalan raya atas kurniaan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada tahun lepas sebanyak \$30 juta. Alhamdulillah terima kasih adalah menjadi harapan penduduk-penduduk setempat supaya kawasan-kawasan yang masih tenggelam akan ditinggikan taraf jalan tersebut untuk membolehkan mereka apabila saja berlaku banjir tidak tergendala untuk keluar bekerja di pekan-pekan atau pun di bandar-bandar. Terutama sekali bagi budak-budak sekolah. Kerana peramba difahamkan bila berlaku banjir ada binatang-binatang ganas berkeliaran di kawasan pedalaman. Dan ini akan mendatangkan bahaya kepada murid-murid sekolah. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba benar-benar menghargai feedback daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya, insya-Allah perkara-perkara ini akan dapat

disiasat pembaikannya akan dapat diusahakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba difahamkan bahawa peruntukan bagi peningkatan Jalan Sungai Liang, Labi sebanyak \$500.00 perbetulkan kalau salah. Memang diketahui kerja-kerja peningkatan masa ini sedang dijalankan. Peramba ingin bertanya adakah peruntukan ini mencukupi untuk memperbaiki jalan-jalan yang sudah lama terjejas di kawasan tersebut. Sekian terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih Pengiran Pengerusi izinkan peramba minta pembetulan, \$500.00 sahaja, sebab apa \$500.00 gaji mandur pun tidak cukup tu.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Pengiran Pengerusi, tersalah lagi \$500,000.00.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Menjunjung kasih Pengiran. Sebenarnya ada dua projek di sana yang dijalankan pada masa ini. Satu pembaikan daripada Jalan Seria daripada Tutong ke Telisai simpang ke Jalan Lumut by pass sebanyak 16 kilometer. Projek ini berharga \$7.8 juta. Dan satu lagi ialah daripada Lumut By Pass hingga junction Seria By Pass. Projek ini berharga lebih kurang juga dalam belasan juta. Kedua-dua projek ini telah pun dimulakan. Junjung ampun peramba sebenarnya satu kontrak ialah \$4.39 juta dan satu projek adalah sebanyak \$11 juta lebih. Kedua-dua projek ini sudahpun berjalan dan diharapkan akan siap menjelang Ogos tahun 2011, insya-Allah.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menimbulkan mengenai dengan keadaan jalan raya dari Pos Imigresen Puni ke Kampung Tamada di Mukim Bokok Temburong yang mana keadaannya yang kecil dan kurang selesa. Sukacita supaya akan dapat dinilai dan dipertimbangkan untuk disesuaikan bagi keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih kehadapan majlis Tuan Peramba. Cadangan daripada Yang Berhormat itu akan diteliti.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih menjunjung ampun dan maaf, kerana soalan yang peramba kemukakan tadi itu lain jawapannya tetapi walau macamana pun itu jawapan *advanced*. Peramba mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Soalan peramba ialah mengenai dengan peningkatan Jalan Sungai Liang/Labi. Ada setengah-tengah jalannya itu yang lama sudah ada barangkali 4 - 5 tahun. Adakah ia termasuk dalam peruntukan yang peramba sebutkan sebentar tadi. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih. Tidak termasuk, Yang Amat Mulia.

Peramba ingin menjelaskan bahawa kedua-dua jalan ini tidak termasuk Sungai Liang / Labi. Jalan Sungai Liang / Labi ini akan diusahakan melalui peruntukan tahunan Jabatan Kerja Raya. Menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli puas hati dengan peruntukan Jabatan Kerja Raya? Maka sekiranya tidak ada pembahasan di tajuk ini lagi, maka dengan sendirinya diertikan bahawa tajuk ini telah diluluskan.

Yang bersetuju dengan Tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Pemangku Timbalan Jurutulis: SK03A - Jabatan Kerja Raya dijadikan sebahagian daripada Jadual. SK04A - Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Pada 16 haribulan Februari 2010, pihak yang berkuasa yang layak Kawalan Kemajuan, yang dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa akan menyelaraskan dan menyatukan semua kawasan luar kawalan seluruh negara, menjadi kawasan kawalan kecuali kawasan-kawasan Lembaga Bandaran.

Kalau dulu permohonan kerja-kerja pembangunan bagi tapak-tapak di luar kawasan-kawasan kawalan adalah dikendalikan oleh Jabatan Tanah. Tetapi sejak tarikh itu tadi, semua permohonan hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Kebaikan prosedur baru ini adalah ianya akan mengurangkan *duplication* dan bureaucracy insya-Allah:-

Peramba ingin bertanya, memandangkan pertambahan peruntukan untuk Jabatan Perancang Bandar dan Desa adalah dalam kadar \$200,000.00. Adakah tambahan ini mencukupi, memandangkan bertambahnya keluasan kawasan Jabatan Perancang Bandar dan Desa; dan

Mengenai dengan kerja-kerja tanah. Apakah tindakan-tindakan pihak berkenaan mengenai dengan kawalan-kawalan kerja-kerja tanah terutama sekali pihak-pihak kontraktor-kontraktor yang berusaha dalam kerja-kerja tanah? Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:
Peramba menjunjung kasih sekali lagi kepada Tuan Peramba dan mengucapkan terima kasih kepada

Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini.

Sebenarnya tujuan untuk menyatukan kawasan yang dalam kawalan ini ialah kedua-dua tanah dan bukit ini diselaraskan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Dalam peringkat yang awal ini, apa yang dibuat ialah kerja penyeliaan bagi kerja-kerja ini dibuat oleh Jabatan Tanah dan beberapa pegawai di Jabatan Kerja Raya.

Untuk menjalankan tugas yang baru ini, semua pegawai-pegawai di Jabatan Tanah yang menilai perkara ini dulu. Dan beberapa pegawai-pegawai di Jabatan Kerja Raya yang menilai tanah ini sekarang diperbantukan ke Jabatan Perancang Bandar dan Desa untuk kerja-kerja yang baru ini. Belum ada penambahan pegawai difikirkan buat masa ini.

Izinkan peramba juga dalam kesempatan ini memberikan beberapa *Top Process* Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Kementerian Pembangunan untuk menyelaraskan beberapa isu-isu mengenai perancangan ini.

Pada masa ini terdapat beberapa bangunan-bangunan yang sudah lapuk. Dan walaupun setengah-

setengah bangunan baru yang dibangun lebih awal dalam keadaan yang baik. Tetapi setelah digunakan bangunan ini, beberapa kawasan-kawasan parking, beberapa kawasan-kawasan lanskap telah tidak dipelihara.

Seperti yang kitani maklum, strata title telah pun dikuatkuasakan pada tahun lepas. Dengan strata title ini memerlukan pihak yang mempunyai strata title itu menubuhkan satu *management cooperation* untuk kerja-kerja, apa yang dipanggil kawasan common areas. Dalam hal ini, bangunan-bangunan yang baru ini tidak termasuk dalam strata *title* ini.

Apa yang menjadi Top Process Jabatan Perancang Bandar dan Desa ialah untuk mengadakan satu dasar yang mana bangunan-bangunan seperti bangunan-bangunan perniagaan yang tidak termasuk dalam strata *title* ini akan diperlukan, juga mengadakan satu, apa yang dipanggil *management cooperation* bagi menentukan bahawa bangunan-bangunan ini dipelihara dengan betul.

Dan ke arah ini, satu usaha ialah untuk memikirkan sama ada OP atau Occupation Permit yang diberikan itu tidak akan diberikan secara perpetual tetapi diberikan secara berkala. Dan

apabila tempohnya sudah mansuh, OP ini akan dinilai semula, sama ada bangunan ini masih lagi dapat digunakan atau masih kukuh. Inilah dalam *Top Process* Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Setelah jawapan diberi mengenai dengan

Jabatan Perancang Bandar dan Desa cukup sempurna dan tidak ada lagi Ahli-Ahli yang ingin membahaskan.

Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Pmk. Timbalan Jurutulis: SK04A - Jabatan Perancang Bandar dan Desa dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandangkan kepada masa sekarang sudah 11.15 dan kebanyakan Ahli-Ahli Yang Berhormat tentunya ada akan diundang ke Majlis di Istana pada petang ini. Maka dengan demikian, saya akan menamatkan per-

mesyuaratan kita di bidang Jawatankuasa. Dan saya tangguhkan untuk saya bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita mendapati sungguh indah pada permesyuaratan pagi ini. Ramai yang ingin mengambil bahagian pada tajuk-tajuk yang dikemukakan pada hari ini.

Sayang sekali, oleh kerana petang ini kita akan hadir ke istiadat yang telah diatitkan maka pada pagi ini Majlis Mesyuarat Negara kita tangguhkan. Kita tidak akan berbincang petang ini. Jadi kita akan bermesyuarat pada hari Sabtu, jam 9.30 pagi. Sekian terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 4 Rabiulakhir 1431 / 20 Mac 2010****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA:**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni
Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA
JAWATAN (PERDANA MENTERI
DAN MENTERI-MENTERI):**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam, Perdana Menteri,
Menteri Pertahanan dan Menteri
Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),
The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour
(Lao), DSO (Singapore), Order of
Lakandula with the Rank of Grand
Cross (Philippines), DSO (Military)
(Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara
Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei
Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato
Seri Setia Haji Awang Abdul
Rahman bin Dato Setia Haji
Mohamed Taib, PSNB., SLJ.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI.,
PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji
Ahmad bin Haji Jumat, PSNB.,
SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan
Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato
Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin
Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB.,
PHBS., PIKB., PKL., Menteri
Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Adanan
bin Begawan Pehin Siraja Khatib
Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.
Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB.,
PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin
Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK.,
PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Hamzah
Pahlawan Dato Seri Setia Awang
Haji Abdullah bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar
Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan
Awang Haji Mohammad bin Haji
Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ.,
DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato
Seri Setia Awang Haji Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji
Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB.,
PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-
Sumbang Utama, Negara Brunei
Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato
Seri Setia Awang Haji Abdul
Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB.,
DPMB., PIKB., PKL., Menteri
Kewangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir sebelah pagi)

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa
Dato Seri Setia Awang Lim Jock
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia
Pengiran Setia Negara Pengiran
(Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran
Haji Abdul Rahim, DK., SPMB.,
DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kol (B)
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd.
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,
Timbalan Menteri Pertahanan,
Kementerian Pertahanan,
Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir sebelah petang)

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
ORANG-ORANG YANG TELAH
MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato
Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking, SMB., PSB.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin
Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin
Ahmad,
Daerah Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato
Paduka Awang Haji Muhammad Taha
bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Haji Judin Haji Asar,
DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia
Dayang Rose Aminah binti Haji
Ismail,
Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis
Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat disambung pada jam
9.30 pagi.**

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir
Rahim, Mesyuarat Pertama bagi
Musim Permesyuaratan Keenam
Majlis Mesyuarat Negara
di sambung semula bagi hari yang
ketujuh didahului dengan bacaan
doa selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Doa selamat dibacakan oleh Yang
Dimuliakan Pehin Khatib Awang
Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam
Jame' Asr Hassanil Bolkia).**

Yang Di-Pertua: Bismillahir
Rahmanir Rahim. Sekarang kita
bermesyuarat dalam Majlis
Mesyuarat Negara dan sebentar lagi
kita beralih kepada Majlis
Jawatankuasa untuk menyelesaikan
urusan kita yang sedang kita
bincangkan pada kelmarin dan
sekarang Majlis Mesyuarat Negara
saya tangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

**Yang Amat Mulia Pengiran
Pengerusi:** Syukur Alhamdulillah
Rabbil Alameen, sehingga kelmarin
kita telah menyelesaikan peruntukan

Jabatan Perancang Bandar dan Desa, maka pada pagi ini kita akan mula membincangkan Jabatan Tanah.

Pemangku Timbalan Jurutulis:
Kementerian Pembangunan, SK06A
- Jabatan Tanah.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:
Bismillahir Rahmanir Rahim, menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Peramba ingin menimbulkan sedikit mengenai dengan isu tanah yang leasenyanya sudah mansuh sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh rakan Yang Berhormat di sebelah sini. Izinkan Peramba untuk memberikan sedikit saranan. Peramba ada juga menerima beberapa aduan daripada tuan-tuan punya tanah bergeran lease 50 – 55 tahun yang sudah mansuh dan apabila untuk di sambung leasenyanya itu dikenakan bayaran premium. Peramba cuba juga menerangkan kepada mereka-mereka ini, yang ini ialah peraturan kerajaan dan bayaran-bayaran itu adalah sebagai

salah satu pendapatan negara juga. Tetapi kalau dilihat dari sudut yang lain dibandingkan dengan Skim Tanah Kurnia, negara ini, di mana setiap rakyat yang tidak mempunyai tanah berhak untuk mendapat sebidang tanah untuk membuat sebuah rumah.

Jadinya di sini peramba membuat satu rasional dan ingin mencadangkan supaya orang-orang yang berkenaan ini juga seorang rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia bolehlah dilonggarkan untuk pembayaran pembaharuan leasenyanya itu dengan syarat:

- i. Inilah tanah yang satu-satunya hanya miliknya.
- ii. Ia tidak dibenarkan untuk menjual tanah ini dan hanya boleh diturunkan kepada warisnya sahaja.
- iii. Kalau ia mempunyai tanah lebih daripada satu kelonggaran ini hanya boleh diberikan kepada satu tanah sahaja.

Peramba serahkanlah kepada pihak yang berkenaan untuk menghaluskan, terima kasih.

Dan isu yang kedua, ialah isu penukaran syarat tanah (land condition). Juga diadukan kepada peramba prosesnya ini selalu lambat bertahun-tahun lamanya, memang difahami proses ini tidak begitu mudah banyak isu-isu yang harus diselesaikan. Tetapi setelah selesai sesuatu sebab itu didapati masih belum lagi mendapat approval ataupun kelulusan. Tidaklah peramba ingin berpanjangan lebar di sini, kes-kes seperti ini memang ada dan boleh dibuktikan. Hanya dipohonkan pihak-pihak yang berkenaan akan dapat mengambil perhatian untuk mencepatkan proses ini. Peramba juga ingin tahu adakah kelambatan ini disebabkan oleh kekurangan kaki tangan. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih, Yang Amat Pengiran Pengerusi. Bismillahir Rahmannir Rahim. Peramba ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat. Kedua-dua isu iaitu isu pembaharuan tanah-tanah lease dan isu penukaran syarat tanah ini, memanglah menjadi perhatian di kementerian ini. Apa yang diharapkan ialah beberapa isu itu adalah legacy daripada dasar kita

yang kita ambil selama 50 tahun yang lepas. Dan sudah tiba masanya kementerian ini memikirkan perkara ini dan diharap beberapa dasar-dasar baru akan dapat difikirkan atau dirumuskan untuk dijadikan satu way forward dalam menangani isu tanah ini.

Mengenai kelambatan penukaran syarat tanah sebahagian daripada kelambatan ini memanglah berpunca daripada kekurangan kakitangan tetapi apa yang menjadi satu isu ialah penukaran syarat-syarat itu mengikut master plan use tanah tersebut. Inilah yang sedang dikaji oleh kementerian ini. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ada satu isu iaitu peralihan tanah waris. Sistem yang ada pada masa ini semua pertukaran nama kerana tidak memiliki tanah adalah keseluruhannya dihadapkan ke Jabatan Perdana Menteri termasuk juga bagi yang memiliki tanah yang diwarisi.

Dalam hubungan ini kebanyakan urusannya terlalu lama kadang-kadang sehingga memakan masa lebih setahun ada kalanya lebih dari

itu. Dengan timbul masa yang terlalu lama ini boleh menyebabkan ada pegawai kakitangan kerajaan yang menghadapi masalah risiko apabila hendak mendapatkan kemudahan pinjaman wang daripada kerajaan yang memerlukan geran tanah bagi tapak membuat loan rumah. Mesti ada nama peminjam dengan geran tersendiri untuk proses tersebut (menukar nama sub-division).....

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, mengenai kelambatan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat sudah dijawab itu sudahpun dijawab oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Haji Awang Othman bin Uking: Minta maaf dan menjunjung kasih. Peramba teruskan oleh sebab proses ini terlalu lama, adalah diharapkan supaya pihak berkenaan mengkaji balik peraturan ini ke arah yang lebih cepat dan lebih mudah selaras dengan penggunaan era komputer atau online. Terutama sekali bagi tanah yang diturunkan kepada waris, daripada bapa, ibu, penjaga kepada anak-anaknya. Sebagai menjadi kebiasaan budaya kita di negara ini bapa, ayah, penjaga memberi hartanya kepada anak-anaknya seperti kata pepatah “di mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi”.

Untuk urusan ini tanah waris disarankan supaya penguasa tanah daerah diberi kuasa bagi melaksanakannya. Ini bertanggungjawab seperti terdapat kepada era sebelum peraturan yang ada pada masa ini diguna pakai. Pada pengalaman peramba tidak ada sebarang masalah timbul pada masa yang lalu berhubung dengan pengusahaan tanah pusaka kepada warisnya. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba sekali lagi mengucapkan Terima kasih Yang Berhormat. Penurunan tanah secara waris ini bukanlah semudah hanya menurunkan secara waris. Tetapi bakal pemilik tanah dan syarat tanah itu sendiri mestilah diteliti sama ada ianya tidak bercanggah dengan tabiat atau syarat-syarat tanah yang ada pada tanah itu. Ada beberapa tanah yang telah dikenakan syarat bahawa tidak boleh diturunkan melainkan kepada misalnya kepada bumiputera atau kepada rakyat jati. Kadang-kadang penurunan tanah itu anaknya bukan lagi rakyat jati kerana anaknya sudah berkahwin atau anaknya sudah tidak lagi mempunyai taraf jati. Perkara-perkara beginilah yang harus diteliti dulu.

Mengenai dengan statement atau penerangan daripada Yang Berhormat tadi bahawa dahulu Pegawai Tanah Daerah diberikan kuasa untuk memindah tanah ini. Peramba menerangkan di sini secara kategori bahawa tidak pernah kuasa ini diberikan kepada Pegawai Tanah Daerah. Kuasa ini adalah kuasa penurunan tanah dan sebagainya adalah kuasa yang dipegang oleh satu pihak yang lebih tinggi lagi. Junjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Pertama, peramba menyokong apa yang disarankan oleh Yang Berhormat di sebelah tadi iaitu mengenai dengan tajuk lease 55 tahun kerana abis peramba juga diamanahkan oleh pihak yang berkenaan untuk disampaikan di Dewan ini. Cuma meringkaskan saja dipohonkan supaya pemilik-pemilik tanah tersebut yang membangunkan rumah sendiri dikecualikan daripada bayaran premium dan seboleh-bolehnya dipohonkan pertimbangan serendah-rendahnya premium tersebut.

2. Mengikut keadaan kedudukan tanah-tanah bergeran yang kedudukan tanah tersebut dianggap bukan juga kedudukannya dalam kawasan Negara Brunei Darussalam

dan bukan juga dianggap ia dalam kawasan di negara jiran. Apa yang dimaksudkan di sini apakah kedudukan tanah-tanah bergeran yang dimiliki oleh rakyat di Negara Brunei Darussalam ini yang mana dimaklumkan geran-geran tanah tersebut telah pun tersimpan di Jabatan Tanah tersebut. Jadi dipohonkan macam manakah kedudukan tanah-tanah tersebut?

3. Bagi pihak orang ramai memohonkan kepada pihak yang berkenaan yang mana tanah-tanah T.O.L dimaklumi ketika ini telah pun tidak lagi dibenarkan untuk men T.O.L tanah. Jadi supaya difikirkan semula mengenai dengan tanah tersebut supaya ianya dibolehkan semula untuk orang ramai menT.O.L dan menggunakan untuk diusahakan. Menjunjung kasih Yang Amat Mulia.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Peramba mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat. Sekali lagi kami memberi jaminan bahawa-bahawa tanah-tanah fasal lease ini sedang dalam perhatian tetapi secara pemikiran awal sukacita diberitahu

bahawa janganlah kitani memikirkan untuk mengecualikan daripada premium kerana kebiasaan untuk memberi secara percuma ini adalah sesuatu dasar yang tidak *sustainable* di masa-masa yang akan datang. Jadi peramba hanya memberikan pemikiran awal bahawa pengecualian dari membayar premium itu mudah-mudahan saja tidak akan dibangkitkan lagi, kerana kitani seperti tahu perkara seperti ini bukanlah satu dasar yang *sustainable*.

Mengenai tanah-tanah bergeran di luar kawasan negara ini atau di kawasan-kawasan yang termasuk dalam sempadan ini, peramba berasa bahawa ini adalah satu isu yang sedang difikirkan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk merundingkan hal-hal sempadan. Mengenai T.O.L pula, izinkan peramba bercakap panjang sedikit mengenai T.O.L ini. T.O.L ini. Sebenarnya ialah apa yang termasuk dalam peruntukan 31 *Lands code 31 (2) (vii)*, *iaitu such rule may provide among other things*. Ertinya kerajaan akan berhak membuat satu undang-undang yang akan menjaga antara lain *occupation and cultivations of state lands by natives of the states under the temporary licenses*. Ertinya kerajaan berhak untuk membuatkan satu

perundangan atau peraturan mengenai pendudukan atau penggunaan tanah oleh *native secara temporary licenses*. Perkara ini dibuat kerana pada tahun 50 difahamkan bahawa terdapat banyak tanah telah pun deposit tetapi tidak diusahakan. Oleh itu, kerajaan tidak lagi *eliminate* atau melupuskan tanah kerajaan dan mana-mana orang yang berhajat untuk mengusahakan tanah diberikan secara T.O.L. Tetapi pada akhir-akhir ini iaitu daripada tahun 50-an hinggalah sekarang kebanyakan tanah-tanah T.O.L itu di T.O.L tetapi tidak diusahakan. Dan malangnya beberapa tanah-tanah T.O.L itu kadang-kadangnya dijual. Dan 3 hari lepas peramba mendengar bahawa satu tanah T.O.L 3 ekar diwakafkan pulang. Jadi nampak di sana bahawa tanah T.O.L ini di salah gunakan.

Oleh kerana kerajaan atau Kementerian Pembangunan satu cara baru supaya tanah T.O.L ini dapat diberikan tetapi tidak disalah gunakan. Jadi beberapa pendekatan-pendekatan baru akan dibuat tetapi tidaklah seperti T.O.L yang ada pada masa ini.

Insya-Allah apabila dasar-dasar ini akan dapat difikirkan atau akan dapat diluluskan ianya akan dapat

diberikan, tapi buat pada masa ini keadaan T.O.L seperti yang pada masa ini peramba kira tidak sustainable. Dan nampaknya T.O.L yang ada pada masa ini banyak digunakan bagi tujuan-tujuan yang bukan pada asalnya T.O.L itu digunakan. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: *Honorable Chairman, Cabinet Ministers and Members of Legislative Council.*

In the past, buying and selling land is easy most of the foreign investors know that in Brunei to buy a piece of land commercial house is not easy.

Honorable Chairman, I am speaking on behalf of the Chinese Community who is holding the yellow I/C. This is the message they ask me to convey to your minister.

The Subject has been rise before

I must congratulate the previous officer for implementing the policy that non-malay cannot own more than 5 acres of land. This is good policy to control the ownership of land. Can I ask the Minister concern is the Policy still imposed? If so, please give us a proper guideline so that the non-malay know what to do.

In having Changing of Land Conditions:

Honorable Chairman, Regarding Changing of land condition, If certain area is already gazetted in a zoning area for commercial, housing, condominium, If land is already gazette on that zoning area, approval must be straight forward but if zoning area is gazette as a bungalow house but if he want to change the condition to commercial then of course will take time.

Honorable Chairman, In regard to changing land condition, Please have proper guideline so people can understand.

The biggest worry and problem for local PR is that, they cannot purchase a landed property of their own to stay which I have raised many my time.

When local PR get married we don't expect them to stay with their parent. Consideration should be given to married local PR to own landed property. We are aware that strata title implemented last year. But most local PR still prefer landed property. There are many housing development projects now and local PR can increase demand for landed property so property business will grow.

As your Honorable Minister aware that His Majesty Government has built thousands and thousands of houses and given TOL land for the landless subject with subsidy. His Majesty is very concern that every Bruneian must have a house of their own by 2035. To my surprise how come Your Honorable Minister try to control the local PR from buying a house. Thank you.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Speakar. Ada 4 perkara yang dibangkitkan. Perkara mengenai pemilikan tanah lebih 5 ekar dihadkan kepada pemilik-pemilik bukan Melayu, polisi ini masih lagi diamalkan.

2. Mengenai penukaran syarat tanah yang zoningnya sudah ditentukan. Perkara ini difikirkan dalam undang-undang perancangan yang mana adalah diharapkan undang-undang perancangan ini akan atau master planning ini akan mempunyai statutory strength atau Kuasa Undang-Undang. Dan jika atau ini diperolehi nanti, rancangan atau penggunaan tanah di tempat-tempat sudah di zon menjadi komersial area itu diharap akan dipermudahkan

tergantung juga kepada syarat-syarat tanah yang sudah ada.

Mengenai permohonan syarat-syarat tanah. Perkara ini adalah disedari dan diharapkan dalam masa ke depan ini penukaran syarat-syarat tanah ini akan diberikan dengan lebih cepat.

Mengenai dengan PR ini perambaa rasa dengan adanya Perambaa rasa strata title ini diharapkan ini akan dapat memberikan kemudahan. Dan Perambaa ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa di negara-negara yang lain pun PR ini misalnya di Singapura dihadkan tidak boleh mempunyai landed property. Kitani di sini sudah lebih longgar sudah, Itu saja yang dapat perambaa terangkan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bismillahir Rahmanir Rahim. Setiap penukaran pemilik tanah misalnya ayah kepada seorang anak dikenakan bayaran cukai terlalu tinggi. Contohnya tanah seluas 0.143 hektar dikenakan bayaran \$372.00 ringgit. Dan ada di antaranya sampai kepada \$696.00 sebagai caj pertukaran nama sahaja. Belum lagi

bayaran pecahan geran tanah yang sudah tentu harganya lebih mahal.

Peramba cadangkan bahawa supaya kerajaan akan dapat menilai semula mengenai bayaran cukai penukaran nama tanah ini bagi mengurangkan beban rakyat dan sesuai dengan konsep kerajaan membantu dan memudah cara kepada orang ramai. Caj tersebut perlu dikaji semula sesuai dengan keadaan masa ini. Junjung Kasih Yang Amat Mulia Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba sekali lagi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Tuan Peramba dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat itu.

Sebenarnya *stamp duty* bagi penukaran tanah ini ialah 6% ertinya tiap-tiap 1,000 penukaran kerajaan akan mengenakan stamp duty sebanyak 6% setiap 1,000 - \$6.00. Jadi kalau dilihat di rantau ini, inilah yang paling rendah sekali dan caj ini tidak pernah difikirkan atau di revise. Kalau kan dikira, kalau kitani kan revise adalah likely atau lah lebih berkemungkinan caj ini akan dinaikkan bukan diturunkan. Kerana caj ini adalah telah wujud selama ini dan adalah paling rendah di rantau ini. Walau bagaimanapun, beberapa

sambutan atau feedback seperti ini diterima kasih dapatlah dijadikan input kalau kita hendak memikirkan mengkaji semula caj ini. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menimbulkan dua perkara yang pendek sahaja.

1. Mengenai dengan tanah-tanah pesendirian yang terlibat dengan pembinaan jalan raya terutama sekali kampung-kampung hingga masa ini belum lagi dibayar ganti rugi. Kenapakah pembayaran ganti rugi itu lambat dikeluarkan atau dibayar?. Dan bilakah pembayaran ganti rugi itu akan dapat dilaksanakan oleh pihak kerajaan?
2. Tadi salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat sebelah sini menimbulkan mengenai dengan kelambatan tukar syarat tanah. Peramba ingin menimbulkan di sini ialah mengenai dengan kelambatan pindah milik tanah. Pada masa ini, pindah milik tanah ada yang mengambil masa

setahun dan ada yang lebih setahun belum juga ada keputusannya sama ada dibenarkan atau sebaliknya. Orang-orang yang membeli tanah kebanyakannya berhajat untuk membina rumah kediaman manakala orang yang berjual tanah itu memerlukan kewangan untuk keperluan menampung perbelanjaan keluarga dan keperluan-keperluan peribadi yang mendesak. Diharap pihak yang berkuasa berkenaan akan dapat mempercepatkan proses permohonan jual beli tanah ini. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih. Sekali lagi Peramba mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Izinkan Peramba menjawab soalan yang kedua ini dahulu, iaitu kelambatan persuratan Pindah Milik Tanah. Peramba menjadi jaminan bahawa perkara ini menjadi perhatian kementerian ini.

Mengenai penggantian tanah bagi kawasan-kawasan yang diambil

untuk jalan. Beberapa isu mengenai dengan penyukatan jalan-jalan ini yang masih lagi menyangkut. Insya-Allah apabila perkara ini selesai usaha-usaha untuk membuat gantian tanah ini akan dapat diuruskan seberapa yang segera yang terdaya. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarrakatuh. Bismillahir Rahman-nir Rahim. Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menambah sedikit mengenai dengan tanah pajakan dengan memberikan satu cadangan. Supaya tanah-tanah berkenaan diperlakukan sebagai infill scheme. Seperti yang pernah dilakukan oleh kerajaan dalam Tahun 1996 bagi kawasan Kampung Anggerek Desa dan kampung-kampung sekitarnya.

Mengenai dengan perintah penilaian dan ejen harta tanah pada 30 haribulan Jun 2009, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan satu perintah yang bergelar Perintah Penilai dan Agen Harta Tanah 2009.

Soalan-soalannya, sudahkah Lembaga Penilai dan Harta Tanah dibentuk?. Berapa banyakkah penilai

dan ejen harta tanah sudah didaftar? Dan apakah akan terjadi kepada ejen-ejen harta tanah yang sedia ada tetapi tidak memiliki kelulusan yang diperlukan? Keperluan perintah ini tiada reflected di dalam Bajet Tahunan 2010/2011 ini. Dalam permesyuaratan kitani beberapa tahun yang lepas, beberapa perkara telah ditimbulkan. Terutama sekali mengenai dengan tanah-tanah yang terpencil jauh dari infrastruktur atau bentuknya sudah susah untuk dimajukan (relocation atau reformat). Apakah tindakan pihak kerajaan mengenai perkara ini?. Junjung kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih Pengiran Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Mengenai dengan tanah pajakan yang dapat dimajukan sebagai infill scheme, perkara ini akan diteliti.

Mengenai ejen harta tanah perkara ini belumlah diperhatikan secara dekat tetapi beberapa inisiatif-inisiatif untuk melatih atau untuk register atau untuk mendaftarkan ejen hartanah dan ejen yang dimaksudkan dalam perundangan ini sedang dibuat.

Mengenai mereka yang pada masa ini menjalankan kerja-kerja ini tetapi tidak mempunyai kelulusan. Beberapa usaha-usaha akan dilaksanakan dan difikirkan oleh satu badan di bawah perundangan ini.

Mengenai tanah-tanah yang terpencil jauh, sebenarnya tanah ini dibagikan adalah hampir semua tanah-tanah di Brunei ini apabila dibagikan adalah untuk bercucuk tanam semua. Dan apabila urbanisation berlaku beberapa tanah ini menjadi urban areas. Tetapi kalau kitani tinjau daripada keperluan pertanian tanah-tanah yang hijau itu memang masih memenuhi hak-hak untuk pertanian itu. Jadi apa yang peramba ingin timbulkan di sini ialah pada masa ini Kementerian Pembangunan sedang memikirkan semula dasar-dasar pemberian tanah yang telah dibuat dan beberapa pembaharuan atau pemikiran-pemikiran yang baru mengenainya sedangpun difikirkan. Menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Pejabat Tanah telah pun banyak dibahaskan, maka tidak ada sesuatu yang mengganggu pada tajuk Jabatan Tanah, maka saya pohonkan Ahli-Ahli Yang bersetuju pada Jabatan Tanah, sila angkat tangan (semua ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan (tidak ada).

Nampaknya Jabatan Tanah semua ahli kebanyakannya bersetuju. Maka dengan sebab itu kita beredar kepada Jabatan Ukur.

Pemangku Timbalan Jurutulis:
SK06A - Jabatan Tanah dijadikan sebahagian daripada Jadual. SK07A - Jabatan Ukur.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:
Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Bismillahir Rahmannir Rahim. Peramba sesungguhnya tertarik dengan mengenai bajet Bahagian Tanah, Jabatan Ukur. Permohonan memecah tanah yang proses dan prosedurnya makin susah dan memakan masa yang lama. Bangunan-bangunan seperti garage kereta yang tidak berdinging dan pagar- pagar dawai yang terkeluar dari garis bangunan walaupun masih dalam tanah pemilik mestilah diroboh dahulu adalah tindakan yang menyusahkan. Kalau dulu permohonan pemecahan tanah dapat diselesaikan dengan keluaran tanah dalam tempoh 6 bulan. Tetapi akan sekarang memakan masa hampir setahun.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, yang kedua. juruukur-juruukur tanah *private* berlesen nampaknya makin banyak menggunakan orang-orang luar negeri daripada anak-anak tempatan. Sedangkan anak-anak tempatan banyak yang menganggur. Pekerja-pekerja, juruukur-juruukur ini sering memasuki tanah-tanah persendirian dan kawasan-kawasan rumah untuk melaksanakan kerja-kerja mereka. Adalah difikirkan lebih elok jika perkara ini dilakukan oleh orang-orang kitani, di samping memberi pekerjaan kepada mereka. Menjunjung kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih sekali lagi kehadapan Majlis Pengiran dan berterima kasih kepada Yang Berhormat. Mengenai dengan keperluan untuk membuat beberapa perkara-perkara untuk memenuhi syarat guna tanah itu, adalah difikirkan mana-mana yang dapat diberikan kelonggaran akan diberikan kelonggaran dan peramba terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini.

Mengenai juruukur daripada anak tempatan peramba rasa ini saya

rasa adalah satu isu yang lebih besar. Kerana dasar-dasar pengambilan mereka yang bekerja ini adalah satu dasar yang nampaknya mesti kitani fikirkan secara menyeluruh bukan sahaja dalam bahagian juruukur malah dalam semua jenis-jenis perkhidmatan di negara ini.

Apa yang terfikir dalam fikiran peramba sebelum membuat pekajian yang mendalam ialah jika juruukur-juruukur itu yang berdaftar itu mengambil juruukur-juruukur dari luar, mereka seharusnya peka terhadap kos mengadakan perkhidmatan yang taraf kepakaran, pekerja-pekerja dan juga beberapa aspek-aspek sosial seperti sama ada pekerja-pekerja tempatan berkecenderungan untuk mengambil jawatan-jawatan dalam bidang-bidang pengukuran ini dan menjadikannya sebagai satu karier atau satu bidang pekerjaan yang tetap. Ini adalah satu yang mesti kitani fikirkan secara mendalam dan menyeluruh bukan sahaja bidang-bidang pengukuran malah semua bidang-bidang terutama sekali yang dalam bidang kuasa Kementerian Pembangunan seperti pembinaan dan bidang-bidang yang tertentu. Junjung kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh : Menjunjung kasih. Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi. Bajet untuk penyelidikan dan perkembangan dan bajet untuk perkhidmatan pengukuran telah pun dikurangkan sebanyak \$30,000.00 dan \$40,000.00 respectively. Tidakkah ini akan mengurangkan kemampuan Jabatan Ukur untuk memberi perkhidmatan pengukuran terutama sekali kita masa ini kita menghadapi masalah gazetiting bagi tapak-tapak projek. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih sekali Kepada Majlis Pengiran dan juga kepada Yang Berhormat. Walaupun peruntukan itu berkurangan di sini tetapi peruntukan yang serupa ditambah dalam bajet kemajuan iaitu dalam bajet kemajuan ada di sana pengukuran tanah jadi beberapa-beberapa kerja-kerja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dapat ditampung dalam bajet Kemajuan. Junjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain tidak bersedia untuk membahaskan.

Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan (semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju sila angkat tangan (tidak ada).

Maka dengan demikian, Jabatan Ukur telah diluluskan untuk menjadi salah satu tajuk rang undang-undang yang diluluskan. Maka sekarang kita beredar ke Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Pemangku Timbalan Jurutulis:
SK07A - Jabatan Ukur dijadikan sebahagian daripada Jadual. SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Idris: Junjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Mengenai dengan environment alam sekitar. Sebagaimana menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai dengan isu environment yang telah menekankan peri mustahaknya mengadakan peraturan-peraturan yang tertentu bagi menjaga dan memantau alam sekitar supaya tidak terancam seperti mengadakan EIA (*Environment Impack Assesment*). Sebelum memberikan kebenaran untuk

membuat sesuatu projek yang besar yang melibatkan pemotongan bukit-bukau dan pokok-pokok, hutan-belantara, kerja-kerja tanah yang melibatkan saluran drainage dan sebagainya.

Sudah jelas di sini kita memerlukan *legal frame work* terhadap peraturan-peraturan yang menegenainya. Jadinya perundangan atau *environmental order* ataupun perintah akan memainkan peranan yang penting di dalam membantu untuk memantau isu-isu *environment* ini.

Peramba di fahamkan draf Akta Perintah Alam Sekitar, sudah sampai ke peringkat penghujungnya untuk diluluskan. Jadinya peramba ingin bertanya bilakah Akta ataupun Perintah ini akan diwartakan dan kuatkuasakan. Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih rangka undang-undang ini telah pun disediakan oleh pihak Peguam Negara pada 31 Januari 2010. Apa yang dibuat pada masa ini ialah dipanggil find tuning untuk menghalusi lagi undang-undang

dengan melihat keperluan-keperluan untuk mengawal pencemaran udara dan tanah, mengawal pencemaran bahan-bahan berbahaya, pengawalan pencemaran sisa buangan berbahaya dan keperluan bagi aktiviti projek yang menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Insyallah apabila perundingan ini selesai ia akan dikuatkuasakan dengan seberapa segeranya. Dalam pada itu juga, beberapa kerja-kerja structural atau organization yang lain sedang dibuat iaitu seperti yang peramba sebutkan dalam beberapa persoalan yang lalu untuk mengadakan satu unifiight quality control bagi kerja-kerja pemajuan tanah dengan memusatkannya di Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan untuk menilai keperluan-keperluan pembangunan terutama sekali mengenai peraliran air dan peruntukan tanah. Jadi insyallah perkara ini sedang dalam perhatian kementerian ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dapat Peramba menambah sedikit?. Salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa hari yang lepas mengenai kawasan Bukit Saeh. Peramba telah difahamkan bahawa Bukit Saeh ini adalah satu kawasan yang strategik bagi Negara Brunei Darussalam dalam beberapa

keperluan pengukuran-pengukuran dan beberapa keperluan alam sekitar. Dan lereng-lereng Bukit Saeh ini adalah dizonkan sebagai kawasan pemeliharaan banjaran atau range conservation area. Memandangkan kepada bentuk tanah yang tinggi dan slope yang begitu cerun dan sensitif dengan kesan hakisan. Lanya hanya boleh di gunakan untuk kemajuan aktiviti secara pasif dan terhad sahaja. Junjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad:

Junjung kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. JASTRE mendapat Anggaran Peruntukan perbelanjaan sebanyak \$13 juta bagi tahun 2010 /2011. Jika sekiranya peruntukan pada tahun ini tidak mencukupi khususnya dalam pemeliharaan taman-taman yang sedia ada ataupun dipohonkan supaya dapat memberi per-tambahan peruntukan khususnya bagi Daerah Belait dalam membina taman-taman seperti MCK, hiasan taman pokok-pokok bunga yang bersesuaian di sepanjang Jalan Maulana, Kuala Belait sepanjang jalan berkembar yang masa ini masih dalam pembinaan. Nanti, apabila siap, Pantai Lumut, Pantai Jubli Anduki, pantai-pantai, ataupun wasai-wasai di pedalaman di bawah kawalan

jabatan tersebut, agar lebih menarik untuk tujuan membantu perkembangan eko-pelancongan. Sekian terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Insya-Allah Peramba sekali lagi mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat. Insya-Allah usaha-usaha seperti ini akan sentiasa dalam pemerhatian. Peramba juga dimaklumkan bahawa JASTRI mempunyai kawasan-kawasan yang terhad pada masa ini. Beberapa kawasan saja yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu di bawah jagaan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Mana-mana kawasan-kawasan yang termasuk dalam bidang kuasa JASTRI, insya-Allah akan dipertingkatkan dan usaha-usaha seperti yang diharapkan itu insya-Allah akan diteliti dan diusahakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menimbulkan satu perkara iaitu mengenai tempat pembuangan sampah di kampung-kampung. Dahulunya banyak tempat-tempat

pembuangan sampah disediakan oleh kerajaan di kampung-kampung dan tidak banyak masalah pembuangan sampah ditimbulkan. Tapi apabila tempat-tempat pembuangan sampah ini ditiadakan masalah pembuangan sampah ini timbul semula, kerana ada di antara penduduk-penduduk kampung tidak mampu atau tidak mahu membayar upah pengangkutan sampah yang diungkayahkan oleh pihak swasta. Ada di antara mereka turut membuang sampah mereka di tempat-tempat pemungutan sampah orang-orang yang membayar kepada swasta tanpa kebenaran orang-orang yang berkenaan.

Bagi sampah-sampah berat yang lainnya, mereka akan membuangnya di tepi-tepi jalan yang sunyi yang jauh daripada tempat orang tinggal dan biasanya di tepi-tepi jalan yang ada gaung. Adakah pihak yang berkenaan mengetahui masalah ini dan apakah usaha-usaha yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih. Perkara ini pernah telah pun dibangkitkan dalam tiga tahun yang lepas kalau

peramba inda silap. Dalam pada itu peramba mengambil kesempatan untuk menerima kasih kepada Yang Berhormat itu. Apabila perkara ini dibangkitkan dalam tiga tahun yang lepas, peramba telah menjunjung atau memohon kerjasama daripada semua pihak termasuklah pihak-pihak Yang Berhormat yang mewakili kawasan-kawasan itu supaya sama-sama kitani membuat satu saranan atau awareness bahawa keperluan untuk mengadakan hidup yang sehat di Brunei ini memanglah berbelanja kitani, bukan hanya disediakan oleh kerajaan dengan mengadakan skip-skip di tepi-tepi jalan. Kerana skip-skip di tepi jalan ini bukanlah satu praktis yang baik atau sihat.

Jadi, kalau mereka tidak mampu, itu adalah kesulitan yang kitani hadapi bersama tetapi kalau seperti yang disarankan atau diterangkan oleh Yang Berhormat, mereka tidak mahu, ertinya sama-samalah, biskita pun kami pun tolongtah berkempen kepada mereka-mereka yang kita wakili itu, baiktah kitani sama-sama memikirkan bahawa kehidupan kitani dengan cara sampah kitani atau cara wastage yang kitani buat ini adalah memerlukan perbelanjaan dan memerlukan pengorbanan.

Jadi perkara ini memang disedari tetapi adalah satu conscious satu polisi yang diambil oleh Jabatan Alam

Sekitar dan Kementerian Pembangunan bahawa perkhidmatan untuk mengangkat sampah ini adalah satu yang perlu dan kalau di negara-negara maju, ini termasuk dalam perbelanjaan yang memang ditanggung dalam mengadakan penghidupan itu.

Sukacita juga mengambil perhatian di sini bahawa kalau kitani lihat sampah ini daripada pengangkutan sampai pelupusannya kalau pengangkutan itu hanya berharga \$25 sahaja kadang-kadang setengah-tengah tempat berharga \$15. Tetapi yang paling mahal dalam sampah ini ialah pelupusannya atau disposalnya dengan mengadakan insya-Allah daripada suatu masa incinerator atau engineered land field, inilah yang paling mahal. Dan nampaknya kalau sudah kitani inda mahu untuk membayar untuk perkhidmatan sampah, masalah kitani akan bertambah lagi apabila kitani memikirkan cara-cara untuk mengadakan pembayaran bagi pelupusan sampah.

Jadi peramba berseru kepada abiskita dan kepada kitani semua bahawa perlulah kitani mengambil kesedaran orang ramai bahawa perkhidmatan atau keperluan untuk melupus sampah yang kitani adakan ini adalah satu keperluan yang mesti kitani bayar. Dan kalau kitani

membuang sampah itu merata-rata ianya akan menimbulkan risiko-risiko yang lain. Kerana seperti yang kitani lihat beberapa kawasan-kawasan yang menghadapi banjir adalah berpunca daripada sampah-sampah yang dibuang. Jadi itu saja yang dapat peramba sarankan. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih. Ringkas sahaja isu yang saya akan timbulkan ini. Baru-baru ini beberapa pihak telah didenda berhubung dengan pencemaran alam sekitar. Peramba ingin tahu cara-cara Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi memantau atau mengawal pencemaran alam sekitar. Adakah pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi ini membuat pemeriksaan dari masa ke semasa?, Adakah juga hotline atau telefon yang orang ramai boleh mengadu jika adanya pencemaran berlaku. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Peramba menjunjung kasih terhadap majlis Tuan Peramba dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya usaha-usaha atau pendendaan terhadap

alam sekitar yang baru dibuat baru-baru ini adalah lebih diketahui oleh rakan peramba daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kerana usaha-usaha untuk menguatkuasakan itu adalah termasuk dalam bidang kuasa yang terkandung dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri misalnya mendenda di tempat-tempat premesis.

Usaha Jabatan Alam Sekitar pada masa ini banyak tertumpu kepada pencemaran udara dan pencemaran air, belum lagi dalam pencemaran sampah. Walau bagaimanapun peramba memberi jaminan bahawa dengan keadaan jerebu yang ada pada masa ini, beberapa usaha untuk mengadakan hotline yang ditangani oleh Jabatan Alam Sekitar telah diadakan. Tetapi keadaan seperti pencemaran alam sekitar secara besar-besaran adalah pada masa ini atau yang melibatkan emergency situation pada masa ini ditangani oleh pusat NDMC – *National Disaster Management Centre*.

Usaha-usaha untuk menguatkuasakan pembuangan sampah yang dibuat oleh Jabatan Rekreasi pada masa ini ialah bersekitar untuk menguruskan pembuangan-pembuangan sampah dan mengadakan pemungutan-pemungutan sampah

di kawasan-kawasan yang belum ada perkhidmatan itu. Jadi kalau dapat peramba memohon wakil daripada rakan peramba di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberikan penerangan mengenai usaha-usaha yang telah diambil untuk mendenda mereka yang melanggar peraturan membuang sampah ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dalam menguatkuasakan pembuangan sampah di kawasan-kawasan awam ini memang ada satu undang-undang iaitu di bawah aturan Rang Kesalahan-Kesalahan Kecil telah pun dikuatkuasakan termasuklah mengkompaun kepada pesalah-pesalah yang didapati membuang sampah sarap di tempat-tempat kawasan awam. Setakat ini Jabatan Daerah dan juga Lembaga Bandaran telah pun mengenakan kompaun kepada 63 individu termasuklah beberapa syarikat-syarikat yang melanggar peraturan-peraturan. Memang ada garis panduan yang telah pun ditetapkan di bawah undang - undang berkenaan. Jumlah kompaun yang telah pun dikutip setakat ini iaitu mulai daripada Januari hingga 9 haribulan Mac ialah

sebanyak \$13,300.00. Ada yang dikompaun \$600.00, ada yang dikompaun \$200.00, \$1000 dan \$500.00 tertakluk kepada jenis-jenis kesalahan bagi mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan tersebut.

Misalannya saja kalau di bawah bab 12(1) meletak, melonggok, atau mencampakkan sebarang debu, habuk, kertas, abu, bangkai binatang, sampah, kotak, tong, karong atau barang lain di seberang di tempat awam bagi individu akan dikenakan kompaun \$100.00. Manakala badan-badan ataupun syarikat-syarikat akan dikenakan \$200.00. Peramba tidaklah perlu menerangkan satu persatunya di sini tetapi ada jadual-jadual khusus, apa jenis-jenis kesalahan yang dapat dikenakan kompaun. Di samping dikenakan kompaun, mereka ini juga boleh didakwa ke mahkamah, tertakluk kepada jenis kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan.

Ini adalah tujuan kita untuk beberapa kali kitani sudah mengadakan kempen-kempen dan juga mengadakan kempen-kempen yang di seluruh Negara, tetapi tidaklah berkesan. Jadinya kita tidaklah ada cara lain terpaksa kita menjalankan undang-undang dan mereka ini kalau perlu dihadapkan di mahkamah, di samping

mengadakan kompaun-kompaun jika mereka ini mempunyai kesalahan-kesalahan yang kecil. Apa yang diharapkan seperti yang telah disarankan oleh rakan sejawat peramba, Yang Berhormat Menteri Pembangunan tadi, adalah kerjasama dan kesedaran masyarakat untuk bersama-sama menjaga kebersihan dan memastikan bahawa tidak ada pencemaran alam sekitar di negara kita ini. Bukan sahaja tujuannya untuk menjaga kesihatan tetapi juga untuk memastikan bahawa keadaan Negara Brunei Darussalam ini sentiasa dalam keadaan baik dan sihat, dan juga menghindarkan daripada risiko-risiko yang akan kitani alami seperti banjir dan juga sampah sarap yang boleh menghindarkan air terus berjalan dengan lancar di tempat-tempat yang telah pun dikenal pasti. Salah satu daripada punca seperti yang telah diterangkan Yang Berhormat Menteri Pembangunan tadi ialah kerana kecuaiannya untuk membuang sampah dimerata-rata tempat. Jadi sekianlah yang dapat peramba sampaikan dalam majlis ini. Terima kasih.

Yang Amat Mullia Pengiran Pengerusi : Majlis ini ditangguhkan sebentar dalam kira-kira masa 15 minit.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib (mengambil alih selaku Pengerusi): Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat selaku Jawtankuasa ditangguhkan.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib (mengambil alih selaku Yang Di-Pertua): Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membolehkan kita menyelesaikan perkara-perkara kita selanjutnya dengan lebih teratur lagi. Maka Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga jam 11.00 nanti.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya memohon maaf sebentar tadi. Sekarang kita akan menyambung semula perkara-perkara yang akan membincangkan

dan mengira atau meneliti sebenarnya Anggaran Belanjawan Tahun 2010/2011. Sebagaimana difahami oleh semua Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi kita membincangkan tajuk-tajuk itu secara detail dalam Permesyuaratan Jawatankuasa.

Maka dengan sebab itu saya, sekarang tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara untuk membolehkan kita bersidang dalam Majlis Jawatankuasa. Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan.

(Mesyuarat Negara Ditangguhkan)

**(Majlis Bersidang Sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang sedang membincangkan Rang Undang-Undang Kewangan di dalam Tajuk Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi. Kalau saya tidak silap ada satu, dua tadi Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin memperbahaskan Rang Undang-Undang ini. Sila angkat tangan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Melihat dari segi bajet Tahun 2010/2011 dibandingkan dengan bajet pada tahun yang lepas,

nampaknya menurun dalam anggaran \$2 juta lebih. Peramba percaya walaupun bajet ini agaknya menurun sedikit. Jadi supaya permohonan-permohonan atau rancangan-rancangan tidak akan terjejas.

Jadi di sini peramba akan menyambung semula apa yang akan disampaikan di Dewan yang mulia ini. Sebenarnya ada beberapa perkara yang akan dibawakan. Walau macamapun telahpun disentuh oleh rakan sejawat lebih awal tadi.

Walaupun macamapun peramba ingin menambah sedikit sahaja yang tidak disentuh, iaitu mengenai dengan pembuangan sampah supaya dipohonkan permohonan yang sedang diproses oleh pihak yang berkenaan, mahupun permohonan yang belum diproses supaya ianya akan dapat dilaksanakan. Dan berikutan dengan perkara sedemikian, melihat dari segi kesesuaian, lori-lori pembuangan sampah oleh syarikat-syarikat pembuangan sampah:

1. Sering berlaku sisa-sisa air yang keluar daripada lori-lori tersebut yang melimpah di jalan raya, supaya perkara-perkara sedemikian

- makan dapat pembaikan dan mengatasi supaya apa yang dimaksudkan ini tidak akan berlaku kerana ianya menjejaskan suasana, keadaan alam sekitar; dan
2. Menyentuh mengenai dengan pembuangan sisa-sisa minyak pelincir yang terpakai, yang mana sering berlaku di kawasan workshop pembaikan kereta. Didapati pencemaran ini atau minyak yang disebutkan sedemikian dibuang dilongkan-longkang dan di parit-parit yang disebabkan pencemaran ini berlaku hingga dialami oleh jiran-jiran yang berhampiran dari workshop tersebut.

Jadi diharapkan supaya perkara sedemikian akan dapat dipantau dan dikawal oleh pihak-pihak yang berkenaan. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:
Peramba menjunjung kasih Kehadapan Majlis Tuan Peramba dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini:-

1. Mengenai dengan permohonan-permohonan bagi mengangkut sampah, insya-Allah perkara ini akan diteliti;
2. Mengenai danur selalunya daripada sampah yang melimpah daripada kereta itu, insya-Allah, perkara ini akan ditekankan kepada mereka-mereka yang sudah berjaya; dan
3. Mengenai pembuangan minyak-minyak pelincir ini. Memanglah perkara ini satu perkara yang berat dan melanggar undang-undang. Insya-Allah perkara ini akan sentiasa diambil perhatian.

Dalam pada itu juga mudahan-mudahan sahaja perkara ini akan dapat dikawal daripada segi perlesenan dan beberapa perundangan, seperti juga pembuangan sampah yang sudahpun dibuat. Tetapi Peramba menjunjung kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:
Bismillahir Rahmanir Rahim,

Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, men-junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Apa yang sudah nampak ketara dilihat pada masa ini, Sungai Temburong sudah semakin sempit dan pencemarannya di kawasan-kawasan perusahaan batu kelikir. Ini kesan dari syarikat perusahaan yang dijalankan. Masalahnya ialah pengaliran sisa-sisa minyak dari mesin yang digunakan dan pembuangan kotoran dari pembersihan batu-batu yang dibuang ke sungai-sungai yang mengalir menjuju ke sungai utama iaitu, Sungai Temburong. Dengan yang demikian telah mengakibatkan air sungai menjadi kabut dan berminyak. Pandangan lebih dramatik lagi apabila selepas hujan turun di mana semua sisa-sisa kotoran mengalir ke dalam sungai. Secara tidak langsung gejala ini dilihat sebagai ancaman kepada hidupan liar dalam sungai terutama hidupan udang galah dan ikan-ikan yang menjadi salah satu hasil tangkapan kepada pencarian rezeki penduduk. Sukacita peramba ingin tahu apakah langkah-langkah yang sudah dibuat oleh pihak yang berkenaan dalam mengambil perhatian yang serius untuk mengatasi masalah ini. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih perkara ini ditangani oleh dua jabatan iaitu satu Jabatan Alam Sekitar bagi Alam Sekitar tetapi dalam pada itu juga perkara ini ditangani oleh Jabatan Tanah yang pajakan atau lease bagi perusahaan itu diberikan. Dalam perkara ini dibangkitkan dalam beberapa tahun yang lepas tetapi apabila pemeriksaan dibuat perkara ini nampaknya berhenti tetapi insya-Allah dengan teguran daripada Yang Berhormat tadi langkah-langkah yang lebih ketat dan serius akan diambil. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Alhamdulillah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah pun menyediakan kutipan-kutipan sampah bagi kawasan-kawasan Kampung Ayer. Yang peramba ini tanyakan di sini adakah pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi membuat pemantauan ataupun tindakan mengenai dengan kualiti air di kawasan Kampung Ayer, menjunjung kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih sekali lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dan terima kasih kepada Yang

Berhormat. Pada masa ini beberapa projek bagi membersihkan Kampung Ayer dari segi sisa buangan sedang diusahakan dan akan berjalan sehingga tahun 2012 kalau ingatan peramba betul. Dan akan dilaratkan jika ia berjaya pada bahagian-bahagian sungai di atas dari Kampung Ayer itu hingga ke sungai di atas daripada Sungai Damuan dan juga hingga ke atas daripada Sungai Kedayan. Satu daripada specification projek ini ialah sentiasa mengadakan kualiti kebersihan Kampung Ayer itu dan ini data-data sentiasa diperolehi dan dikaji. Menjunjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Nampaknya tidak ada lagi yang membahaskan. Yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan (Semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju. Sila angkat tangan (tidak ada). Tajuk Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi telah diluluskan dan dijadikan sebagai salah Satu

Rang Undang-Undang Kewangan Yang Telah diluluskan.

Pemangku Timbalan Jurutulis: SK08A - Jalan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dijadikan sebahagian daripada Jadual. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan Kementerian Belia dan Sukan. Sebagaimana yang difahami Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berperanan penting dalam membina belia-belia yang berguna untuk negara melalui berbagai-bagai program seperti Belia Cinta Tanah Air, Belia Bertuah, Belia Aktif, Program Kemas.

Dan satu lagi program baru-baru ini yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan di awal-awal permesyuaratan kita beberapa hari yang lalu iaitu program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Semuanya ini semata-mata untuk meningkatkan lagi semangat kenegaraan dengan menerapkan beberapa nilai-nilai murni

hidup bermasyarakat, beragama, bernegara, berpasukan dan berpersatuan.

Menyentuh dengan berpersatuan yang paling dekat dengan diri peramba selaku Naib Yang Di-Pertua dan juga pada setengah-tengah kita yang berada di dalam dewan yang mulia ini, iaitu Persatuan Pengakap. Penglibatan belia dalam pengakap sudah bermula daripada yang paling kecil dan muda iaitu melalui Persatuan Tunas, Pengakap Scout ataupun Brownies bagi anak-anak perempuan. pengakap muda, pengakap remaja, pengakap kelana bolehlah dikatakan dari setiap peringkat umur. Selain dari latihan-latihan di sekolah-sekolah, pengakap-pengakap juga memerlukan tempat-tempat latihan di luar sekolah, dan juga di luar negeri seperti menghadiri, menyertai perkhemahan-perkhemahan dan jambori-jambori pengakap.

Oleh yang demikian bantuan dari pihak kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan sangat-sangatlah diharapkan untuk menyediakan tapak-tapak latihan dan perkhemahan seperti jambori pengakap yang besar yang boleh menempatkan lebih 5,000 orang misalnya.

Sebagaimana yang telah dibincangkan tapak tersebut telah

pun dikenal pasti iaitu di Ikas, di Daerah Tutong, pihak pengakap bersedia untuk memberikan kerjasama di dalam usaha ini dalam bidang-bidang yang tertentu. Kemudahan-kemudahan yang peramba katakan ini bukan hanya untuk kegunaan pengakap sahaja, malah boleh digunakan oleh semua aktiviti belia seluruh negara.

Diharap pihak kementerian akan mendapat peruntukan yang diperlukan. Insyallah pengakap akan menyumbangkan bagi membentuk generasi yang akan menjadi warga negara yang berdisiplin. Serta berguna kepada masyarakat dan yang memahami kehendak falsafah dan peraturan negara yang kita cintai ini. Sekian terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad bin Haji Jumat: Bismillahir Rahmanir Rahim. Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat Perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai dengan berapa program untuk membimbing belia-belia negara yang disebutkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga Negara Brunei Darussalam memanglah kaum belia ini adalah satu kumpulan yang selalu

kita namakan mereka adalah aset negara yang penting yang juga akan menjadi kumpulan pemimpin negara di masa akan datang.

Peramba hanya akan menyentuh mengenai dengan program Persatuan Pengakap. Iaitu pengakap muda, pengakap remaja dan persediaan-persediaan yang telah pun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai dengan barangkali tempat-tempat mereka untuk camping (berkemah).

Peramba pada masa ini kurang pasti, penyediaan tapak itu. Jadi untuk menjawab specifically mengenai dengan tapak ini barangkali maklumat perkara ini, peramba masa ini tidak ada maklumat yang terperinci. Barangkali peramba akan berbalik lagi nanti mengenai dengan spesifik soalan yang tertentu ini mengenai dengan tapak ini. Memanglah program-program tertentu seperti ini barangkali Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menentukannya nanti. Jadi untuk tidak panjang lebar bagi spesifik soalan yang tersebut jawapannya akan diberikan nanti. Menjunjung kasih dan terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi. Peramba ada dua perkara untuk disuarakan. Tentang kaji selidik kemiskinan di Negara Brunei Darussalam. Baru-baru ini kementerian telah pun menandatangani satu perjanjian dengan sebuah syarikat tempatan bagi mengendalikan satu kaji selidik tentang kemiskinan.

Peramba ingin tahu sama ada kaji selidik ini disertai atau kata yang lain disynchronize dengan kementerian-kementerian yang berkepentingan yang sama, bagi lebih cost effective, itu yang pertama.

Yang kedua, pembayaran Elaun Pencen Tua. Peraturan pada masa ini, penerima-penerima pencen di kalangan Penduduk Tetap yang tidak bermastautin ditarik balik. Ini sudah berkuat kuasa, berjalan sudah.

Bagi menjimatkan wang kerajaan lagi peramba sukacita mencadangkan jika diperkenan supaya peraturan yang ada sekarang ini dihalusi dengan lebih halus lagi dengan mengubah suai mana-mana yang perlu. Iaitu Penduduk Tetap yang menerima Elaun Tua, sama ada mereka ini bermastautinkah, apa lagi kalau yang tidak bermastautin tetapi mempunyai passport asing selain daripada passport Brunei. Perlu juga kitani kaji

semula, sama ada mereka ini dipertimbangkan untuk diberi pencen atau sebaliknya.

Yang ketiga, hatta rakyat Kebawah Duli sekalipun, kalau sudah yang berhijrah atau umpamanya kahwin, tinggal di perantauan, tidak lagi balik-balik, bercucu sudah di sana. Harus juga dipertimbangkan untuk dihalusi sama ada Elaun Tuanya itu diitahankah ataupun sebaliknya.

Atu sahaja daripada Peramba, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba mengucapkan terima kasih mengenai dengan masalah yang ditimbulkan Ahli Yang Berhormat. Dua perkara.

Pertama, mengenai dengan kajian-kajian kemiskinan. Memang telah pun diperkenankan, satu kajian konsultan telah pun dilantik yang bernama ZD Consultant. Dan masa ini penandatanganan konsultan ini semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana telah pun dijemput dan telah pun hadir dalam waktu menandatangani di antara pihak

kerajaan dan konsultan. Konsultan ini akan memberikan keputusan penyelidikan ini sehingga hujung tahun daripada 12 bulan, satu tahun.

Dalam satu tahun, tiap-tiap tiga bulan, Kementerian Kebudayaan spesifik satu Jawatankuasa yang ditubuhkan dalam kementerian untuk bersama-sama meneliti. Dan dalam perjalanan 12 bulan itu, tiap-tiap tiga bulan diberi feedback. Jadi ada empat kali jawatankuasa dan konsultan ini akan meneliti hasil daripada progress konsultan ini, penyelidikan ini akan dikira. Jadi, maksudnya bahawa dalam hujung bulan Disember tahun ini, konsultan itu akan memberikan hasil penyelidikan tersebut.

Memanglah *appropriate* barangkali bahawa mengenai dengan kemiskinan ini satu penyelidikan yang rapi dan teliti sewajarnya dahulu didapati dan baru membuat penyelesaian terhadap kajian-kajian tersebut. Dan apa langkah-langkah Kerajaan Kebawah Duli mengenai dengan kemiskinan ini?

Yang kedua, mengenai dengan peraturan pemberian pencen tua. Barangkali perkara ini beri spesifik mengikut dengan peraturan ini. Di belakang sana, jabatan yang bertanggungjawab ada di sini untuk mendengar dan untuk

menyelesaikan masalah ini. Barangkali perkara ini boleh diselesaikan dan peramba harap Ahli-Ahli yang terlibat dalam perkara ini bagi menyelesaikan masalah yang spesifik itu bukan yang general tetapi spesifik itu bolehlah datang ke JAPEM untuk bersemuka dan menyelesaikan masalah yang difikirkan very specific oleh perkara ini.

Walau bagaimanapun, peramba menjunjung kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menimbulkan perkara ini. Menjunjung kasih dan terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menimbulkan satu perkara iaitu mengenai dengan permainan yang digemari oleh belia-belia negara ini. Apa yang peramba ingin timbulkan ialah mengenai dengan bola sepak di negara ini. Yang mana satu permainan yang paling ramai peminatnya dari semua peringkat umur sama ada kanak-kanak, orang muda, orang tua, lelaki dan perempuan.

Kemajuan dan prestasi bola sepak di negara ini telah meningkat dengan cepatnya di mana pasukan negara ini pernah menyandang Juara Piala

Malaysia. Dan Pasukan DPMM FC selepas itu telah menyandang juara Piala Singapura. Tetapi dalam pertandingan seterusnya yang disertai oleh Pasukan DPMM FC di Singapura telah terhenti di tengah pertandingan kerana masalah dengan FIFA yang timbul daripada pembatalan pendaftaran BAFA.

Dalam hubungan ini, kejadian yang telah terjadi yang menyebabkan FIFA membuat keputusannya yang tidak diingini itu biarlah dijadikan pengalaman yang telah berlalu, dan menjadi satu peristiwa untuk kita lebih prihatin dan berhati-hati kepada undang-undang dan peraturan-peraturan negara di masa-masa yang akan datang. Bukan sahaja bagi bola sepak tetapi juga bagi permainan-permainan yang lain.

Sebagai pemerhati dan peminat bola sepak, Peramba nampak banyak usaha-usaha telah pun dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan, untuk membolehkan supaya pasukan bola sepak di negara ini dibenarkan semula untuk menyertai pertandingan-pertandingan di luar negara, tetapi belum juga berhasil.

Dalam hal ini, peramba ingin tahu apakah usaha-usaha yang telah dan sedang dibuat oleh kementerian

atau jabatan yang berkenaan itu sendiri, supaya pasukan-pasukan bola sepak Negara Brunei Darussalam dibenarkan semula untuk menyertai pertandingan-pertandingan atau kejohanan-kejohanan di luar negara. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Masalah perlawanan bola sepak dan sebagainya mendapat kebenaran adalah perkara yang lazim diusahakan iaitu perkara pentadbiran. Maka perkara pentadbiran ini, Ahli Yang Berhormat bolehlah menolong kepada pihak-pihak berkenaan untuk memohonkan perkara itu terus kepada jabatan yang berkenaan atau kementerian yang berkenaan. Kerana perkara ini perkara yang peraturan biasa, bukan dibuat atau patut dirundingkan dalam Majlis ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Barangkali ada appropriate jua tercucuk jua

Ahli Yang Berhormat di sebelah sana bertanya mengenai dengan perkembangan-perkembangan bola sepak ini. Yang sebenarnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersedia untuk memohon kepada Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi bagi menerangkan mengenai dengan pertanyaan itu.

Jadi peramba terlebih dahulu memohon izin kepada Tuan Peramba, Pengiran Pengerusi membaca teks yang telah pun disediakan, sebabnya peramba sendiri expect jua, perkara-perkara seperti ini akan ditimbulkan di majlis ini. Bagi peramba adalah *appropriate*.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin di sini menyatakan bahawa pembubaran BAFA oleh pihak Pendaftar Pertubuhan ROS *Register of Society* pada 15 November 2008 adalah berikutan beberapa kegagalan BAFA sendiri di dalam memenuhi keperluan undang-undang di Negara Brunei Darussalam. BAFA melalui Perlembagaannya sendiri khusus article 37 mengakui bahawa pihak ROS adalah Registrar of Society mempunyai kuasa untuk membubarkan BAFA.

Berikut dengan pembubaran tersebut FIFA sebagai sebuah Badan Penaung Bola Sepak Antarabangsa telah meng-gantungkan keahlian BAFA. Yang dengan sendirinya mengakibatkan Pasukan Kelab dan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tidak dapat menyertai pertandingan bola sepak serantau ataupun antarabangsa.

Kedudukan ini disedari tidak akan menguntungkan siapa-siapa pun. Oleh yang demikian, semua pihak yang terlibat akan terus berusaha dengan mengadakan perundingan dengan pihak-pihak yang tertentu ke arah mengembalikan keahlian Negara Brunei Darussalam dalam FIFA.

Oleh kerana perundingan yang sedang berjalan dengan pihak-pihak terlibat adalah cukup sensitif dan *delicate* dan memerlukan pencarian jalan penyelesaian yang boleh diterima oleh semua pihak. Cukuplah peramba, peramba di sini menyatakan bahawa apa jua pun penyelesaian semestinya tidak akan menyalahi undang-undang Negara Brunei Darussalam.

Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama berapa agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam yang lain penuh berharap satu penyelesaian akan dapat dicapai dengan pihak FIFA bagi membolehkan Brunei Darussalam kembali menyertai pertandingan bola sepak di luar negara.

Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti, program, kejohanan bola sepak di Negara Brunei Darussalam terus diadakan dan dikendalikan oleh Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam yang namanya FFBD. FFBD telah didaftarkan pada 18 Disember 2008 sebagai badan induk baharu dan sah dari segi undang-undang untuk menjalankan program-program dan kejohanan-kejohanan bolasepak di Negara Brunei Darussalam.

Di antara kejohanan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh FFBD ialah Liga Kebangsaan bagi umur di bawah 14 tahun, di bawah 16 tahun dan juga Liga Perdana Brunei Darussalam.

Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan akan terus berusaha untuk mencari jalan penyelesaian demi untuk mengembangkan dan memajukan sukan bola sepak bagi Negara Brunei Darussalam. Menjunjung kasih dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Masalah Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah dibahaskan panjang lebar.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Berbanyak-banyak menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Apa yang akan peramba sampaikan di dewan ini adalah mengenai dengan bajet dan kewangan negara. Iaitu masalah penghantar pencen umur tua dan bantuan kebajikan yang kedudukannya tempat tinggalnya (penerimanya) ialah di luar sempadan di negara ini.

Sebagaimana dimaksudkan ialah seperti Kampung Bebuluh iaitu Mukim Pengkalan Batu. Yang mana Ketua Kampung ini terpaksa menggunakan pasport keluar dari kawasan sempadan pada setiap bulan. Jadi untuk menyerahkan kepada penerimanya, jadi masalahnya apa yang dihadapi Ketua Kampung berkenaan ialah keselamatan dirinya kerana setiap kali ia keluar negeri untuk setentunya membawa kewangan.

Jadi Ketua Kampung banyak menggunakan passport. Terlalu menggunakan passport kerana setiap bulan. Jadi kawasan rumah penerima

tersebut, apakah termasuk dalam kawasan penjagaan dan pengawasan Ketua Kampung tersebut sedangkan ianya adalah di luar daripada kawasan sempadan negara ini.

Perkara ini setentunya memerlukan penelitian semula oleh pihak yang berkenaan untuk menyelesaikan. Jadi dicadangkan supaya perkara ini tidak dipertanggungjawabkan kepada Ketua Kampung tersebut.

Pihak yang berkenaan dicadangkan supaya mengarahkan supaya penerima-penerima yang kedudukan di luar kawasan, khususnya di luar negara ini menerima sendiri ke kementerian tersebut pada setiap bulan atau ianya dicadangkan diserahkan oleh agensi-agensi yang lain atau pihak-pihak swasta untuk menghantarnya jika sesuai. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat: Menjunjung Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Nampaknya masalah yang ditimbulkan Ahli Yang Berhormat tersebut adalah dari spesifik nyata ada apa ni perkara ini ditimbulkan. Sebagai taukeh di Kementerian Kebudayaan Belia dan

Sukan, peramba cadangkan bahawa perkara ini boleh diselesaikan. Jadi peramba men-jemputlah Ketua Kampong Ahli Yang Berhormat dan peramba sendiri bersedia untuk menyelesaikan perkara ini satu tarikh, satu masa yang tertentu.

Jadi dapat jua barangkali Ahli Yang Berhormat, peramba oleh membawa minum-minum kopi di kementerian suatu tarikh yang tertentu dan membawa orang yang terlibat mun kan ampun. Untuk tidak panjang lebar peramba terima kasihlah Ahli Yang Berhormat dan dipelawalah Ahli Yang Berhormat dan Ketua Kampong dan orang tersebut dapat menyelesaikan perkara ini.

Peramba, tadi ada ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai dengan tapak bagi scout-scout, tapak scout, nampaknya di sini ada maklumat yang terkini yang peramba dapat daripada jabatan tertentu. Mengenai dengan tapak bagi pendapatan pengangkap mengadakan perkhemahan iaitu sepanjang Lebuh Raya Jerudong - Tutong pada dasarnya cadangan ini disambut baik. Walau bagaimanapun perundingan awal dengan semua pihak yang berkenaan perlu diadakan terlebih dahulu.

Dari segi kesesuaian tapak, keluasan tapak dan ability tapak tersebut dengan mengambil kira cadangan penggunaan secara lebih spesifik dan terperinci. Menjunjung kasih dan terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Nampaknya Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan agak panjang juga dibincangkan, maka dengan yang demikian sekiranya Ahli-Ahli yang bersetuju mengenai Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Sila angkat tangan. (Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju. Sila angkat tangan. (Tidak ada).

Dilihat nampak banyak yang bersetuju maka Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan diluluskan menjadi sebahagian Rang Undang-Undang Belanjawan Tahun 2010/2011 yang diluluskan.

Pemangku Timbalan Jurutulis:
SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual. **SL02 A** - Jabatan Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Banyak-banyak menjunjung kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, salah satu perkhidmatan yang diberikan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka ialah dalam menyediakan library atau khutubkhanah dan memberikan perkhidmatan library bergerak ke sekolah-sekolah dan tempat-tempat pedalaman. Ini sejajar dengan inspirasi negara untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan kepada rakyat dan penduduk di negara ini. Dewan Bahasa dan Pustaka seingat-ingat saya sudah lama ditubuhkan sejak peramba dibangku sekolah dan peramba juga sering menggunakan library di waktu itu.

Alhamdulillah, persoalannya hingga kini kita belum lagi mempunyai National Library. Ini peramba rasa penting penubuhannya barangkali tidaklah payah saya menghuraikan berpanjang lebar dan akan objektif-objektif dan kebajikannya. Saya hanya ingin bertanya adakah sudah perancangan dan peruntukan bagi projek National Library ini terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:

Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Disini peramba ada melihat rancangan untuk Public Library, memanglah pada masa ini Public Library ini tapaknya sudah ada berdekatan dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Peruntukannya untuk membuat kajian ini sudah ada.

Peramba sendiri sebagai Menteri sebagai Pengerusi melantik konsultan telah pun duduk 2 kali mengenai perkara ini. Dasar dulu perlantikan konsultan ini berubah. Dulu peramba jadi taukeh di Kementerian Pembangunan memanglah semua lantikan-lantikan konsultan ini oleh Menteri Pembangunan, sekarang dasarnya adalah tiap-tiap kementerian ada jawatankuasa untuk melantik konsultan. Jadi untuk tidak berpanjang lebar mohonkan ampun, Ahli Yang Berhormat menimbulkan bahawa pada masa ini perkara mengenai dengan Public Library ini sudah ada dalam rancangan dan konsultan akan dilantik dan tanahnya tempat untuk Public Library ini sudah ada. Insya-Allah barangkali dalam perjalanan kitani nanti insya-Allah dalam empat lima

tahun lagi kita akan mempunyai Public Library. Junjung kasih dan terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Dewan Bahasa dan Pustaka telah pun banyak perbahasan dan tidak ada perkara-perkara yang menyinggung, maka saya bertanya Ahli-Ahli Yang Bersetuju kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sila angkat tangan.

Yang Tidak bersetuju. (Tidak ada)

Nampaknya banyak yang bersetuju maka dengan sendirinya Dewan Bahasa dan Pustaka diluluskan sebagai sebahagian Undang-Undang tahun 2010/2011.

Sekarang kita beredar kepada Jabatan Belia dan Sukan

Pemangku Timbalan Jurutulis: SL02A -Dewan Bahasa dan Pustaka dijadikan sebahagian daripada Jadual. SL03A -Jabatan Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dua perkara yang sudah pernah Peramba suarakan di dewan yang mulia ini.

1. Mengenai kolam renang Kompleks Sukan Batu

Apoi sepertimana yang difahamkan kepada peramba telah siap dibina dan sepatutnya sudah boleh diguna pakai pada bulan Jun tahun lepas. Tetapi hingga kini masih belum dibuka kepada orang ramai. Apakah sebabnya?.

2. Peramba juga ingin bertanya bilakah kiranya lampu-limpah padang Kompleks sukan Batu Apoi dapat dilaksanakan sepenuhnya bagi kesejahteraan dan kemudahan orang ramai yang menggunakan pada waktu malam. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Ada dua perkara satu ialah satu kompleks kolam berenang, ini jadi masalah. Ini diakui masalah. Yang sebenarnya kolam berenang yang ada di Temburong sudah lima tahun inda pandai siap, ini memang diakui. Peruntukan membuat lima tahun, \$1.8 million peruntukan ini,

sehingga masa ini belum siap. Kolam berenang di Tutong dalam 18 bulan masa ini boleh dipakai. Ini lah satu teguran kepada kitani, peramba pun yang Ahli Yang Berhormat menegurkan appropriate jua. Ini yang masalah lah jadi sehingga masa ani belum lagi siap barangkali rakan sejawat saya di Kementerian Pembangunan, Menteri Pembangunan boleh menjawab. Bukan sindir-sindir sana, sindir-sindir sini mohonkan ampun tetapi ini diakui di mana kitani tergigit lidah ini mesti jua ada sakitnya. Mohonkan ampun.

Yang satu adalah lampu-limpah akan diselidiki perkara ini diambil maklum.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih atas kepada majlis Tuan Peramba dan terima kasih kepada Yang Berhormat dan mustahak sekali mohon maaf kepada Yang Berhormat. Apabila peramba mula-mula pindah ke Kementerian Pembangunan peramba berasa ini tah satu projek yang kitani mesti merasa bangga dan dapat memberikan penduduk-penduduk di Daerah Temburong satu keistimewaan, tetapi sampai awal tahun ani didapati bahawa projek itu masih berudal-udal belum siap.

Peramba menjunjung ampun dan maaf kepada penduduk-penduduk Daerah Temburong tetapi malasnya peramba kan memberitahu masalah-masalahnya. Walau bagaimanapun peramba memberi jaminan bahawa projek itu akan siap menjelang bulan Julai tahun ini. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf: Terima kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba menyatukan diri untuk membincangkan Jabatan Belia dan Sukan mengenai dengan peruntukan. Sesuatu perkara yang dikerjakan atau dilaksanakan tentulah mempunyai tujuan.

Pada misalnya Belia cintakan tanah air membawa bendera negara semasa menyambut Hari Kebangsaan. Ini dapat kita ertikan bahawa bendera adalah lambang negara.

Yang kedua, menyedarkan kepada orang ramai mengibarkan bendera di rumah masing-masing. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kemungkinan ada tujuannya lagi seperti mana kata orang-orang tua yang tersurat dan tersirat. Pada misalnya sesuatu rancangan atau

projek di Jabatan Belia dan Sukan apakah mereka ini diutamakan? Sekian, menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat: Yang Amat Mulia, in da berapa terang. Taulah tua-tua ani. In da berapa terang apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Bagi peramba di sini mustahak nampaknya perkataan yang dinyatakan itu. Apa itu.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, terpaksa peramba terangkan balik.

Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Behormat di sebelah kanan tadi bertanya, soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat itu tidak berapa jelas dan terang. Dapat kemukakan apa maksud Ahli Yang Berhormat sebenarnya.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf: Peramba akan jelaskan balik. Sesuatu perkara yang dikerjakan atau dilaksanakan tentulah mempunyai tujuan. Belia cintakan

tanah air, membawa bendera negara semasa menyambut Hari Kebangsaan. Jelas, ini dapat kita ertikan bahawa bendera adalah lambang negara.

Menyedarkan kepada orang ramai mengibarkan bendera di rumah masing-masing. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kemungkinan ada sesuatu tujuannya lagi seperti mana kata orang tua-tua yang tersurat dan tersirat. Pada misal sesuatu rancangan atau projek Jabatan Belia dan Sukan apakah mereka ini diutamakan. Sekian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, iatah dari segi pemikiran yang waras. Pemikiran waras memanglah sesuatu perkara program tertentu yang dibuat mesti ada vision tertentu di hujung jalan atau dikatakan target tertentu untuk dicapai.

Memang peramba di sini dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sana pun barangkali yang dinyatakan tersirat, tersurat apa itu barangkali peramba sendiri mengakui yang perkara tersebut untuk mengebarkan bendera di rumah dan belia cinta tanah air memanglah bersetuju

perkara tersebut. Tetapi yang tersirat, tersurat peramba kurang pasti apa yang nya orang putih, in between the lines, peramba kurang pasti.

Jadi walau bagaimanapun, mungkin ampun perkara ini memanglah tujuan kitani untuk mengangkat belia cemerlang dan memakai bendera sebagai simbol adalah satu perkara yang membangkitkan jati diri kepada belia dan juga barangkali transmit-transmit perkara tersebut kepada semua penduduk Negara Brunei Darussalam menjadikan ia berbangsa, berbahasa dan juga melambangkan masyarakat cemerlang Brunei Darussalam. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor : Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sebagaimana melihat keadaan pembinaan padang permainan yang begitu indah dan sesuai sebagaimana yang telah dibuat di sebahagian sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan.

Jadi peramba tertarik, apakah pihak kementerian ini atau Jabatan Belia dan Sukan ini membuat padang yang dimaksudkan di atas kepada mukim-mukim atau tempat-tempat yang bersesuaian di negara ini?. Kerana

ini adalah amat penting bagi tempat-tempat yang memerlukan apabila mengadakan sesuatu sukan dan perkara-perkara yang bersesuaian diadakan seperti yang diberi contoh di atas tadi. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Peramba mengucapkan terima kasih Ahli Yang Berhormat menimbulkan perkara ini. Telurus jua, peramba ini orang bolehlah juga dikatakan suka untuk bersukan. Dasar Sukan Negara dua vision nya. Adalah satu sukan yang berprestij, mendapatkan pingat-pingat tertentu.

Dan yang kedua vision nya adalah untuk memasyarakatkan supaya sukan itu untuk semua. Sport for all pengertian dalam bahasa Inggeris. Memang Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan memanglah kali akhirnya nanti dalam mencapai untuk memasyarakatkan sukan itu sendiri kepada satu tahap yang lebih baik lagi peringkatnya, memanglah dalam rancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memperkesakan lagi vision target untuk memasyarakatkan sukan itu, sukan untuk semua itu. Facilities sukan-sukan ini memang satu dalam rancangan.

Kementerian-kementerian dalam peringkat kementerian sendiri melantik satu jawatan kuasa untuk melihat dalam mencapai keberkesanan sukan dimasyarakatkan itu. Adakah facilities untuk memasarkan sukan itu sudah cukup di bandar, di kampung, di wilayah mukim-mukim. Jadi satu jawatan kuasa telah dibentuk untuk melihat kelengkapan *infrastructure* sukan bagi memantapkan, memperkesakan lagi dasar sukan for all, bagi masyarakat Negara Brunei Darussalam.

Jadi tekeuhung juga barangkali walaupun atas naungan Kementerian Pendidikan Infrastructure yang ada pada masa ini dibuat di sekolah-sekolah menengah adalah satu kepunyaan *Infrastructure* Negara Brunei Darussalam, mukim dan kampung tidak pernah dasar pendidikan menengah bahawa *facilities-facilities* tersebut akan dipakai anak-anak buah di kampung, murid-murid yang di kampung, penuntut-penuntut di kampung.

Peramba sendiri, di kampung peramba sendiri dewan sekolah dipakai 3 kali, dipakai untuk bermain badminton dan juga di kampung peramba sendiri di Sekolah Rendah Kapok, facilities yang baik tersebut

dipakai oleh anak-anak kampung. Dan perkara ini barangkali cukuplah, Menteri Pendidikan boleh juga menambah. Menjunjung kasih. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Sekarang setelah mendengar perbahasan mengenai dengan Jabatan Belia dan Sukan. Nampaknya begitu baik. Yang bersetuju dengan tajuk ini sila angkat tangan (Semua ahli angkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan (Tidak ada).

Maka dengan sendirinya Jabatan Belia dan Sukan dapat kelulusan dalam perbincangan kita pada petang ini dan Jabatan Belia dan Sukan adalah dijadikan undang-undang, iaitu sebahagian Undang-Undang 2010/2011 diluluskan.

Pemangku Timbalan Jurutulis : SL03A -Jabatan Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SL04A - Jabatan Muzium.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita beralih kepada tajuk SLO4A - Jabatan Muzium. Nampaknya tidak ada yang mahu membincangkan, saya meminta Ahli-Ahli yang bersetuju, sila angkat tangan (semua ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan (tidak ada).

Sekarang kita berpindah kepada Pusat Sejarah.

Pemangku Timbalan Jurutulis:
SLO4A - Jabatan Muzium dijadikan sebahagian daripada Jadual. SLO5A - Pusat Sejarah.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya ada yang mahu membincangkan.

Jika tidak, Ahli-Ahli diminta yang bersetuju, sila angkat tangan (semua ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, (tidak ada).

Jadi dengan sendirinya Pusat Sejarah diluluskan dan dijadikan sebahagian di dalam Rang Undang-Undang Kewangan Tahun 2010/2011.

Pemangku Timbalan Jurutulis:
SLO5A - Pusat Sejarah dijadikan sebahagian daripada Jadual. SLO6A - Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada Ahli-

Ahli Yang Berhormat ingin mengambil perbincangan pada Jabatan Pembangunan Masyarakat. Jika tidak, Ahli-Ahli diminta yang bersetuju, sila angkat tangan (semua ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, (tidak ada).

Nampaknya ramai yang bersetuju maka Jabatan Pembangunan Masyarakat telah diluluskan dan dijadikan sebahagian di dalam Rang Undang-Undang Kewangan Tahun 2010/2011.

Pemangku Timbalan Jurutulis:
SLO6A - Jabatan Pembangunan Masyarakat dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya berfikir waktu sekarang sudah 12 tengahari maka tentu sekali Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk berehat menikmati sarapan tengahari. Maka kita patutlah bertimbang rasa bahawa dengan demikian saya akan menangguhkan Majlis Mesyuarat dalam Jawatan-kuasa dan balik kepada Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang sudah jam 12.05 minit. Maka dengan demikian saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang nanti.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**Mesyuarat disambung pada
jam 2.30 petang**

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah sekarang kita bersidang di Majlis Mesyuarat Negara. Sebagaimana di ketahui oleh Ahli Yang Berhormat semua, sebentar tadi kita bersidang dalam bidang Jawatankuasa untuk membincangkan rang undang-undang satu persatu dengan telitinya maka untuk menyambung permesyuaratan kita dalam Jawatankuasa itu saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara untuk bersidang di Majlis Jawatan kuasa.

(Mesyuarat Negara Ditangguhkan)

**(Majlis bersidang selaku
Jawatankuasa)**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, pagi tadi kita sudah menyelesaikan Jabatan Pembangunan Masyarakat. Sekarang kita pula akan membincangkan Kementerian Kesihatan.

Pemangku Timbalan Jurutulis: Kementerian Kesihatan. SM - Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Bismillahir Rahmanir Rahim. Junjung

kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabara-katuh dan salam sejahtera. Kementerian Kesihatan, selain dari perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan melalui rumah-rumah sakit kerajaan dan pusat-pusat kesihatan, Kementerian Kesihatan juga bekerjasama dengan JPMC-Jerudong Park Medical Centre dalam memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan. Beberapa perkhidmatan yang dulunya kita terpaksa menghantar pesakit-pesakit keluar negeri, kini sudah dapat dibuat di JPMC. Misalnya seperti rawatan jantung cardiology. Ini bukan saja menjimatkan perbelanjaan kerajaan malah juga menyelamatkan pesakit yang di dalam keceemasan. Alhamdulillah, kita bersyukur dan berterima kasih di atas kurnia Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memberikan perkhidmatan yang berkebajikan ini. Peramba ingin bertanya berapakah perbelanjaan yang dapat diijamatkan dalam skim perkhidmatan ini mungkin secara *percentage* atau peratus misalnya?

Peramba juga difahamkan kerjasama dalam penubuhkan *national cancer centre* sedang diusahakan. Apakah pencapaian yang terkini mengenai dengan projek

ini? Apakah ada lagi perancangan-perancangan lain yang boleh menyumbang kearah menjadikan peruntukan negara yang *sustainable*. Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:
Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum Warah-matullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan tadi. Untuk menjawabnya:-

1. Kita telah pun mengadakan perjanjian dengan medical JPMC sejak 2002 dan adalah bertujuan antara lain memberi perkhidmatan yang diperlukan di negara kita sendiri bagi kesenangan pesakit serta keluarga mereka;
2. Memberi pendedahan professional kepada doktor dan pakar tempatan kita supaya mereka dapat turut sama menjalani prosedur-prosedur yang agak complicated dalam pada itu mendedahkan mereka kepada kepakaran; dan

3. Mengurangkan perbelanjaan kerajaan menghantar pesakit-pesakit jantung ke luar negara. Walau bagaimanapun, Pengiran Pengerusi masih terdapat beberapa prosedur ataupun rawatan yang masih perlu bagi pesakit dihantar ke luar negeri. Maka secara total perbelanjaan masih bertambah tetapi ia merangkumi semua jenis rawatan yang masih belum boleh dibuat ataupun dirawat di hospital dalam negeri.

Untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat tadi. Berapa percentagekah atau berapakah jumlah saving atau penjimatan perkhidmatan yang boleh dibuat sejak perkhidmatan jantung ini diadakan di negara kita sendiri?. Pihak kementerian tidaklah dapat memberi jawapan tepat dalam perkara ini. Cuma ingin Peramba menyatakan, tanpa adanya kerjasama dengan *Gleneagle JPMC*, perbelanjaan penghantaran pesakit-pesakit ke luar negeri setentunya akan lebih tinggi dengan apa yang ada sekarang.

Insya-Allah, mungkin kerana urusan pembayaran bukanlah dikawal Kementerian Kesihatan sendiri tetapi juga di kementerian yang lain

yang berkenaan. Jadi perkara ini tidaklah dapat dikatakan dengan tepat.

Mengenai dengan National Cancer Centre. National Cancer Centre barupun ditempatkan di Jerudong Park Medical Centre (JPMC) atas usaha sama PPP di antara Kementerian Kesihatan dengan Jerudong Park Medical Centre. Dan Alhamdulillah, tempatnya lebih selesa, lebih nyaman tempatnya dan Alhamdulillah segala kelengkapan pun dapatlah ditambah oleh pihak JPMC. Ini sebagai satu usaha public private partnership.

Adalah terlalu awal untuk kitani mengetahui faedah-faedahnya tetapi semenangnyalah tujuannya supaya perbelanjaan kerajaan dalam menghantar pesakit-pesakit cancer untuk dirawat ke Singapura akan dapat dikurangkan iaitu apabila kitani sudah mendapatkan semua pakar-pakar, doktor-doktor yang diperlukan dan juga mendapat alat-alat rawatan yang perlu kitani beli. Dan juga setelah mengadakannya sepenuhnya di Gleneagle di JPMC. Walau bagaimanapun memang tujuan asalnya ialah untuk mengurangkan perbelanjaan.

Untuk membagikan keselesaan kepada pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit kanser. Dalam

keadaan itu pun masih juga perlu dihantar pesakit-pesakit untuk menjalani radioterapi sebab equipment itu belum terdapat di JPMC. Insya-Allah di masa akan datang perkara itu akan dapat diperolehi.

Dari segi apakah lagi perancangan lain untuk yang dapat diusahakan oleh pihak kementerian dengan kerjasama JPMC. Mungkin kita akan mengerjakan kerjasama dalam bahagian rehabilitation. Perkara ini sedang dalam perundingan dan insya-Allah perkara ini kalau sudah bulat karang perundingan akan dimaklumkan kepada pihak-pihak berkenaan dan orang ramai jua. Itu saja kali muncak ampun.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Alhamdulillah, menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Perkara yang hendak peramba sampaikan di Dewan Majlis ini:-

1. Bagi orang ramai yang menderma darah di kementerian ini semakin menggalakkan maupun pihak perseorangan dan pihak secara berkumpulan. Jadi kesedaran orang ramai ini amat dibanggakan yang sama-sama menjana bagi penglibatan secara langsung kepada kerajaan.

Jadi bagi penderma-penderma darah yang mencapai lebih daripada 100 kali ke atas supaya dicadangkan penderma-penderma ini diberikan ganjaran yang berharga termasuklah diberikan pingat-pingat kehormatan dan pingat-pingat kebesaran. Kerana apa selama ia menderma darah yang sudah mencapai 100 kali ini, bermakna jasanya ini amat tinggi yang ianya dianggap boleh menyelamatkan 300 nyawa disebabkan ia menderma 100 kali. Jadi dipohonkan supaya diberikan ganjaran yang tinggi bersesuaian; dan

2. Menyentuh bagi suntikan Influenza A H1N1 tentunya rakyat di Negara Brunei Darussalam ini sangat-sangat menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia khusus bagi Kementerian Kesihatan yang mana mempunyai perbelanjaan yang amat tinggi semata-mata untuk membantu rakyat di negara ini. Walau bagaimanapun, peramba ingin bertanya:-

- i. Yang menjadi tandatanya kepada sebahagian orang ramai, kenapa setiap orang yang hendak disuntik dimestikan menu runkan tanda-tangan persetujuan dalam borang yang disediakan?;
- ii. Apakah suntikan ini dianggap ianya berbahaya?; dan
- iii. Apakah tidak atau belum pernah bagi pihak rakyat di negara ini yang telah disuntik menerima risiko?

Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Kita sangat mengalu-alukan dan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat mengenai isu yang ditimbulkan iaitu orang-orang yang menderma darah ini patut diberi penghargaan, pingat dan sebarang ganjaran. Kementerian

Kesihatan sangatlah mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ahli-ahli penderma sepertimana yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Semakin banyak yang sudah tampil ke hadapan untuk menyumbangkan ataupun menderma darah dan kita menyeru agar lebih banyak lagi yang boleh tampil ke hadapan untuk menambah darah di bank-bank darah kitani. Jadi cadangan itu, insya-Allah akan kitani bincangkan bersama dengan pihak-pihak yang tertentu dan saranan itu akan diambil tindakan dan diambil dibawa pertimbangan untuk dibincangkan.

Mengenai dengan suntikan Influenza A H1N1, kita akui memanglah itu satu perbelanjaan yang amat tinggi. Walau bagaimanapun untuk menjawab persoalan tadi mengapa mesti diturunkan tandatangan sebelum orang itu diinjek ataupun *vaccinate*. Perkara ini memang perkara yang lazim dilakukan *standard procedure* mohonkan ampun. Apabila satu *vaccine* itu baru mestilah dibuat satu pengakuan oleh yang perlu diinjek itu yang pihak penginjek ataupun pihak kerajaan tidaklah bertanggungjawab kalau ada apa-apa. Walau bagaimanapun perkara ini bukanlah satu perkara yang patut ditakuti kerana sebelum *vaccine* ini diguna pakai ataupun dibagi kepada

orang ramai, kese-lamatannya adalah dipastikan dan kita menjamin bahawa *vaccine* itu memang selamat digunakan dan penduduk seluruh dunia lebih daripada 70 juta sudah menggunakan *vaccine* ini. Jadi peramba harap pihak-pihak orang ramai janganlah merasa ragu mengenai keselamatan *vaccine* ini.

Sama ada sudah ada *adverse effect* ataupun pesakit yang sudah *vaccinate and then* mengatakan bahaya pada mereka sejauh ini belum ada kes-kes yang sedemikian. Di Negara Brunei Darussalam ini memanglah ada kes-kes sakit tangan, bengkak dan sebagainya itu perkara biasa. Mana-mana *vaccination* pun yang diberikan memang ada bengkak dan sedikit mungkin 2 hari 3 hari demam bagi sebahagian orang. Tapi bagi banyak orang lain yang kita terima laporan tidak ada yang merasa masalah apa-apa selepas di *vaccinate*. Soalan yang ketiga mengenai menerima risiko tadi kurang jelas kalau dapat diulang sekali lagi.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Mohonkan ampun, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sebenarnya apakah tidak atau belum pernah risiko yang ditanggung oleh rakyat di negara ini yang pernah dilakukan *injection* sebetulnya sudah berjawab Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebanyak \$35 juta telah diperuntukkan untuk membeli ubat-ubatan pada tahun 2010/2011. Adakah peruntukan ini untuk tahun ini sahaja? atau ada lagi baki pada tahun 2009 yang belum dijelaskan? Yang Berhormat Pehin, kalau boleh kongsikanlah anggaran untuk dilebihi sebanyak 10% jadikan peruntukan tahun ini \$38 juta. Kerana jikalau peruntukan ini tidak mencukupi, jika kitani minta akan mengambil masa.

Peramba juga ingin tahu apa caranya membeli ubat-ubatan ini adakah melalui *tender* ataupun *quotation*?. Kalau pakai dua cara ini kita mestilah:-

1. Ubat kualiti yang baik;
2. *Delivery time*; dan
3. Harganya.

Bayarannya mestilah tepat. Kalau 3 syarat ini sudah dipatuhi yang pentingnya ialah pembayarannya. Contohnya pembayarannya akan dijelaskan selepas 45 hari ubat-ubat ini diterima oleh pihak yang berkuasa. Kita akan dapat harga yang memuaskan seperti discount 10%, kerana pembekal tahu bayarannya akan sentiasa ada selepas membekalkan ubat ini. Kalau pembayarannya lambat, pembekal akan naikkan harganya kepada 10% atau 20% lebih tinggi untuk menampungkan perbelanjaan operasinya dan bayar kadar seperti interest. Menurut perjanjian kalau kita membayar harga tanpa tempoh kontrak, kita akan jimat lebih kurang \$3.5 juta kerana kita dilihat sebagai pembayaran yang baik.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peruntukan bagi service maintenance bagi di semua daerah tahun ini, tahun 2009/2010 ialah kira-kira \$3.5 juta. Tahun 2010 dan 2011 - \$5 juta. Jumlah ini cukupkah?. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Service Maintenance seperti pemajakan alat rawatan, air-con, kebersihan dan facilities lain-lainnya adalah sangat mustahak. Kalau alat-alat facilities didapati kerosakan ini akan menimbulkan kesusahan kepada pihak-pihak hospital dan orang-orang sakit.

Yang Berhormat Pehin, sejumlah \$1.8 juta untuk RIPAS Tahun 2010/2011 termasuk untuk makanan, maintenance dan peramba fikir tidak cukup. RIPAS ialah hospital pusat. Semua kes-kes serius dari semua daerah dihantar ke RIPAS. Peruntutannya mestilah cukup, dari \$1.8 juta kalau boleh ditambahkan kepada \$36 juta. Kerana RIPAS ialah hospital centralised untuk empat daerah. Kaola juga ingin tahun berapakah ramai doktor yang ada di negara ini? Dan berapakah anak-anak tempatan? Macamana gaji mereka dibandingkan dengan doktor-doktor lain seperti doktor-doktor asing. Mungkin gaji doktor tempatan perlulah direview supaya mereka tidak pindah ke luar negeri atau bekerja atau praktis sendiri. Akhirnya pada masa ini dunia menghadapi macam-macam penyakit yang belum ada seperti Influenza A H1N1. Adakah Kementerian Kesihatan mempunyai equipment yang lengkap untuk tockle penyakit yang baru ini?. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih jua kepada Ahli Yang Berhormat kerana mengajukan soalan tadi, banyak usulnya soalan itu:-

1. Samada peruntukan \$34 juta itu mencukupi. Sebenarnya untuk membetulkan kepada Ahli Yang Berhormat perbelanjaan ubat kitani setiap tahun bukanlah \$34 juta lebih daripada itu. Sebenarnya hampir ke \$65 ke \$70 juta. Jadi peruntukan yang ada itu memanglah tiap-tiap tahun, maka di samping itu akan dipohonkan lagi permohonan tambahan lagi, memang tidak cukup;
2. Cara pembeliannya ubat ini, memanglah melalui *tender* dan *quotation* dan yang telah diambil bahagian oleh beberapa supplier tempatan dan ia melalui proses-proses *financial procedure* yang teratur, di mana setiap tawaran akan dikaji dan dilihat dari segi kualitinya, validity time dan harganya memang terkandung didalam penilaian di dalam sesuatu *tender* itu. Dan kita mengambil maklum akan saranan supaya bayaran mesti tepat. Perkara ini belaku dari masa ke-semasa, memang perkara ini sebagai perkara praktis biasalah. Tetapi kalau pun ada bayaran yang tidak

tepat pada masa nya mungkin disebabkan masalah-masalah tertentu yang bukan sahaja di pihak Kementerian Kesihatan tetapi di pihak supplier. Maka sebab itulah kadang-kadang pembayarannya itu tidak berapa tetap.

Jadi kita memang sentiasa mengambil maklum mengenai dengan kualiti, *validity* time dan harganya. Ada lagi satu cara pembelian yang kitani buat pada masa ini, iaitu pembelian secara direct jadi mana-mana ubat yang diperlukan cepat yang tidak dapat di supply ataupun dibekalkan oleh pihak-pihak penender ataupun penender-penender yang sudahpun dipersetujui. Maka kita akan membeli secara *direct* daripada *manufacturer* atau *distribution* yang tertentu bukan melalui kontrektor ataupun *supplier-supplier* tempatan. Dengan cara ini kita telah memampu mengatasi masalah kekurangan ubat yang pernah berlaku pada satu ketika.

3. Mengenai dengan *maintenance* \$1.8 juta. Memanglah kita payah mengagak keperluan *maintenance* ini, kerana *maintenance* ini sebagai *rough figure* sahaja kerana kemungkinan dalam setahun itu kitani lebih banyak memer

lukan *maintenance* daripada apa yang dijangkakan. Jadi walaupun nampaknya *figure* ini, jumlah ini tidak mencukupi, insya-Allah jika ada keperluan *maintenance* perkara ini akan kita rundingkan dengan pihak-pihak tertentu dan insya-Allah akan mendapat peruntukan yang diperlukan itu, insya-Allah; dan

4. Persoalan mengenai dengan berapa ramai doktor di negara ini. Mula-mula ingin peramba menjelaskan bahawa di negara kita pada masa ini terdapat 427 orang doktor. 132 daripadanya adalah doktor tempatan, sementara 295 adalah doktor *expatriate* ataupun doktor yang didatangkan daripada luar negeri. Sementara itu kita juga mempunyai 25 orang doktor yang menjalani kursus di sebarang laut di bawah Latihan Dalam Perkhidmatan.

Dan dari segi gaji-gaji doktor pula, pada masa ini gaji doktor kalau mahu diketahui gaji doctor, Pegawai Perubatan yang baru berkhidmat yang berkelulusan MBBS, yang

sudah berdaftar dengan Brunei *Medical Board* akan mendapat gaji di antara \$3,260.00 hingga \$4,595.00 dalam scale gaji M16. Sementara Pegawai Perubatan Gred 1, iaitu orang yang sudah lulus dan telah berkhidmat selama 6 tahun akan mendapat gaji M16A, iaitu \$4,750.00. dan seterusnya Pegawai Perubatan Kanan M17 \$5,540.00 Pegawai Perubatan Kanan Gred 1, \$5,900.00 dengan kumpulan gaji M17A. Pakar akan mendapat gaji \$6,800.00 Superscale C, dan Pakar yang mempunyai certificate ataupun AST ataupun Complete Specialist Training atau Membership akan mendapat \$8,000.00 M19. Dan Pakar yang mempunyai tiga tahun pengalaman sudah mendapat SCCST dan sudah pun dalam M19 selama tiga tahun ataupun mendapat membership selama lima tahun akan mendapat gaji M20 dan seterusnya Pakar Superscale AA akan mendapat gaji \$11,000.00 dalam kumpulan scale M21.

Usaha kita pada masa ini ialah untuk mengkaji skim perkhidmatan kedokteran yang pada masa ini. Insya-Allah perkara ini telahpun dibincangkan dengan pihak-pihak dan agensi-agensi tertentu dan kita akan mendapat keputusannya daripada sokongan kitani itu insya-Allah. Dan usaha kitani itu ialah untuk memperbaiki lagi skim perkhid-

matan yang ada supaya lebih menarik kepada pelajar-pelajar kitani untuk mengambil bidang kedokteran. Dan supaya juga mana-mana doktor yang sudah berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan tidak akan meninggalkan perkhidmatan dengan kerajaan., kerana gaji yang sudah revised. Dan juga untuk kitani menarik pelajar-pelajar ataupun graduan-graduan kitani, doktor-doktor kitani yang ingin mahu balik ke Brunei disebabkan oleh memandangkan pada pemikiran mereka gaji mereka rendah. Jadi perkara ini diharapkan dengan adanya skim baru ini akan dapat mengatasi masalah-masalah yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Mengenai dengan bermacam-macam penyakit. Perkara ini telahpun diambil maklum oleh pihak Kementerian Kesihatan dan usaha-usaha kitani ialah untuk mengawasi perkembangan penyakit-penyakit ini supaya tidak ada satu penyakit pun yang menimpa negara kitani. Usaha-usaha begini bukan saja dapat dilakukan oleh Kementerian Kesihatan tapi insya-Allah dengan ada kerjasama orang ramai kita akan dapat sama-sama mengatasi apa jua jenis penyakit yang akan datang ke negara kitani.

Dan mengenai dengan peralatan-peralatan atau dokumen-dokumen doktor-doktor kitani perkara ini memanglah sentiasa kitani usahakan supaya dapat kitani menangani masalah penyakit yang bermacam-macam ini . Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Peramba bercakap mengenai dengan kepakaran profesional. Peramba sesungguhnya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Kesihatan yang sentiasa mengambil perhatian dan tindakan dalam jangka panjang pada mempertingkatkan kepakaran profesional melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

Ini terbukti apa yang dinyatakan dalam Media Permata keluaran 7 Disember 2009 seramai 75 orang profesional kesihatan di antaranya 26 doktor, 9 orang doktor pergigian dan 40 orang profesional kesihatan bersekutu. Sehubungan dengan ini bahawa dalam ketiga-tiga jurusan berapa orang kah di tempatkan di hospital-hospital di Daerah terutama sekali Doktor Pakar?.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Selain dari 75 orang profesional yang telah mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan ini adalah disarankan supaya ianya diteruskan kepada pegawai-pegawai, jururawat-jururawat, kakitangan mengikuti kursus-kursus yang bersesuaian kerana mereka ini adalah tenaga penggerak dalam sesuatu jabatan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Yang keduanya kelmarin dulu ada peramba menyatakan sebuah hospital lama di daerah Tutong patut di roboh, yang mana jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan bukannya perkara itu, ini yang saya katakan ialah sebuah hospital lama yang dibangunkan pada tahun 50-an yang mana kedudukannya di atas bukit dibelakang kedai lama. Sekian menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Menjunjung kasih sekali lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Izinkan peramba menjawab soalan yang terakhir sekali itu ada sedikit kekeliruan di sini. Nampak juga generation gap between abis peramba dengan Ahli Yang Berhormat tadi itu. Bagi

abis peramba hospital yang lama yang sudah diroboh yang dekat dengan hospital yang ada sekarang ini. Jadi perkara itu memang sudah diroboh mun kan ampun. Dan dijadikan sebagai National Kolation Centre dan pusat-pusat pengasingan antara nasional kebangsaan yang akan siap insya-Allah dalam bulan Jun ini mun kan ampun siap.

Hospital lama yang dimaksudkan itu ialah hospital yang didirikan sebelum abis peramba lahir barangkali. Jadi orang-orang abis peramba inda tau hospital lama ini. Tapi setelah disiasat hospital itu rupanya di bawah Pejabat Daerah, dan perkara itu sudahpun abis peramba rujuk kepada Pejabat Daerah ada rancangan Pejabat Daerah untuk meroboh bangunan hospital lama itu untuk dijadikan tapak Pejabat Daerah. Dan kebenaran telah pun diperolehi mengikut laporan dari Pejabat Daerah mun kan ampun.

Mengenai dengan kepakaran profesional Alhamdulillah sejak dari dulu sudah kita dapat melahirkan profesional-profesional dan setiap tahun jumlahnya bertambah bukan saja dari doktor, pakar, malahan alat-alat professional dan profesional-profesional yang lain. Tapi walaupun nampak pertambahan ini sebenarnya masih inda mencukupi, kerana semakin tinggi pengajian

doktor ini semakin itu mereka membuat specialitation. Jadi dalam sub specialty dan specialty itu memang sentiasa inda mencukupi mun kan ampun. Itulah sebabnya kitani masih jua mendapatkan tenaga-tenaga daripada luar negeri.

Walaubagaimanapun, Alhamdulillah jua dengan adanya bertambah profil-profil kitani dapatlah juga kitani agih-agihkan. Tapi malangnya ke daerah-daerah ini belum dapat banyak yang diagih-agihkan, sebabnya apabila mereka itu balik yang ada di sini akan keluar untuk mengambil lagi dan meneruskan pengajian mereka. Jadi number itu walaupun banyak pada awal tahun kadang-kadang inda sampai berapa bulan akan berkurangan lagi. Oleh sebab dasar kitani sentiasa menggalakkan orang kitani doktor-doktor pakar itu mengambil kursus-kursus yang lebih lanjut lagi, agar mereka lebih cekap dalam menjalankan kerja-kerja lebih mahir dalam kerja mereka.

Walau bagaimanapun saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian dan mana-mana doktor kitani yang ada itu yang akan kitani agih-agihkan kepada daerah-daerah seperti yang ditimbulkan itu.

Mengenai dengan skim profil ini untuk makluman Ahli Yang

Berhormat jua, perkara ini memanglah dilaratkan juga seperti mana yang berjalan sekarang kepada bukan saja kepada Doktor Pakar seperti juga pegawai-pegawai kesihatan yang lain. Seperti jururawat seperti orang makmal, banyak orang makmal kitani yang mengikuti jurusan PhD dan sebagainya. Jadi bukanlah dihadkan kepada doktor saja. Itu saja yang sudah dapat dijawab. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba hanya menyokong menguat menambah hujah-hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat di sini.

Bajet \$290 juta untuk kesihatan adalah di sokong memandangkan kitani masih lagi menghantar para pesakit keluar negeri. Terutama pakar-pakar bidang Ekologis, pakar kanser dan sebagainya.

Walau bagaimanapun perkara ini dalam jangka panjang mungkin dapat dipertahankan bajet pada masa ini supaya jangan meningkat. Ataupun kalau anda dapat dikurangkan dengan pakar sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi walaupun banyak doktor atau mereka kepakaran kurang, doktor pakar kurang tapi kalau boleh doktor pakar itu jangan-

lah ditukar-tukar biar ia stay di mana ia pada masa ini.

Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih. maaf dapat menambah sedikit lagi tentang permasalahan memang susah sukar dihadapi. Semua orang mengetahui tentang pengambilan ubat di hospital. Mohon kalau dapat ruang untuk warga tua pun dihaskan untuk menyenangkan warga tua supaya jangan lama menunggu di hospital, terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi,

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Menjunjung kasih sekali lagi Pengiran Pengerusi. Barangkali komen yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu diambil maklum mengenai dengan bajet-bajet mengenai Kementerian Kesihatan. Peramba mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat memahami bahawa bajet tersebut memanglah besar. Tetapi di masa-masa akan datang kita jangka memang meningkat. Perkara ini bukan saja berlaku di negara kitani tetapi di mana-mana negara pun bajet perubatan ini memang sentiasa meningkat, oleh disebabkan beberapa perkara mungkin ampun.

Mengenai dengan cadangan supaya doktor pakar ini jangan ditukar-tukar perkara ini akan ditunduki, akan abis peramba liat sejauh mana perkara boleh dibuat diubah secara praktisnya. Kerana kadang-kadang doktor pakar ini diperlukan dan ditempatkan di mana ia paling diperlukan sangat, itulah sebabnya kalau misalnya ada Ahli Yang Berhormat meminta supaya pakar-pakar jua di tempatkan jua di tempat-tempat yang mereka inda diperlukan maka perkara itu mungkin dapat kitani lakukan. Kerana we will concern di mana lebih diperlukan.

Mengenai dengan masalah ubat-ubat ini Alhamdulillah pihak Ahli Yang Berhormat pun memahami bahawa masa menunggu dan sebagai itu tidak dapat dielakkan kelambatannya kadang-kadang tetapi ikut catatan abis peramba masih dalam tempoh TPOR yang kitani maklumkan kepada orang ramai dalam 55 minit even less. Tetapi masalah sebenarnya memang berlaku dari masa ke semasa di mana kelambatan menerima ubat dan sebagainya. Tapi cuba kalau kitani bayangkan saja bahawa pengunjung ke rumah sakit setiap tahun makin bertambah dan preskripsi kitani semakin bertambah. Dan kalau sebagai contoh saja di tahun 2002 bilangan preskripsi ataupun prescription ubat yang diberi

adalah sebanyak 857, 954 dan jumlah ubatan-ubatan yang didispense ataupun jumlah ubatan yang diberi ialah \$2,331,545.00. Sementara 2009 pula, bilangan preskripsi yang didispense ialah \$1.3 juta dan jumlah ubatan-ubatan yang didispense \$4.02 juta.

Sementara itu dispenser yang ada, kalau tahun 2002, kita mempunyai 56 orang dispenser tetapi sekarang kita mempunyai 68 orang dispenser. Jadi dengan pertambahan yang begitu sedikit itu memanglah ada berlaku kelambatan-kelambatan dalam memberi ubat.

Salah satu juga punca kelambatan itu ialah tatacara kita memastikan ubat itu supaya selamat dan sebagainya. Maka setiap ubat yang diberikan sebelum diserahkan kepada pesakit, akan disemak dua tiga kali supaya ubat itu tidak salah dan sebagainya. Itulah sebabnya perkara itu lambat.

Walau macamapun, usaha-usaha lain telah pun diambil untuk mengatasi ini dan langkah-langkah bagi pembaikan bagi mengurangkan masa menunggu mengambil ubat yang telah pun, diambil termasuklah menggunakan ubat-ubat yang telah dibungkus sedia yakni free pack ubat bagi mempercepatkan proses mendispense.

Yang keduanya, menggalakkan pesakit untuk meninggalkan preskripsi semasa waktu sibuk dan mengambil kemudian mengikut kepentingan masing-masing. Satu kaunter khas bagi mengambil ubat yang belum dituntut telah pun disediakan di tiga hospital kerajaan.

Seterusnya, kita menggunakan Pembantu Tukang Ubat sebagai tenaga tambahan dalam proses menyediakan ubat pada masa tertentu. Di RIPAS, kita mengadakan kaunter berasingan bagi preskripsi pesakit luar. Warga emas, satu ubat di Hospital RIPAS dan kad kaunter klinik akan diadakan di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

Perancangan bagi hospital lain, akan dicadangkan, tertakluk kepada ruang kerja dan kakitangan yang mencukupi. Kadang-kadang keadaan hospital itu tidak ada space untuk kita mengadakan servis-servis macam ini. Jadi, kalau ada space, ruang, insya-Allah kita adakan juga khidmat-khidmat yang begini.

Yang seterusnya, kita sentiasa meneliti dan mengemaskini sistem perjalanan proses kerja seperti menyatukan proses mendispense dan sebagainya. Walau macamana-pun, dalam perancangan pelaksanaan Sistem e-Pharmacy, jika perkara ini nanti sudah dapat dilak-

sanakan, insya-Allah pesakit-pesakit tidak akan lama menunggu kerana rekod ubat pesakit akan dapat diperolehi dengan serta merta, ini melalui e- Pharmacy ini. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Hanya satu isu yang akan peramba kemukakan.

Pada Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kelima iaitu pada tahun lepas, tahun 2009, Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada menyatakan bahawa kerja-kerja e-Health akan dapat dimulakan pada tahun ini, iaitu tahun lepas dan berfungsi mungkin dua tahun dari sekarang, iaitu dari tahun 2009.

Yang Berhormat ada juga menyatakan bahawa projek e-Health ini diyakini akan memudahkan kerja-kerja di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan atau klinik. Juga masalah dalaman akan dapat diatasi dengan adanya e-Health Information System ini.

Bagaimana dengan status ataupun perkembangan projek yang peramba kira amat penting ini bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Kementerian Kesihatan?. Sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Menjunjung kasih Pengiran Pengerusi dan kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanyakan soalan tadi.

Memang dalam mesyuarat yang lepas, dalam persidangan yang lepas, telah kita mengatakan mengenai e-Health. Dan harapan kitani ialah untuk dapat dilaksanakan pada 2010 ani. Tetap seperti kata pepatah Melayu, "Hajat hati hendak memeluk gunung, apa daya tangan tak sampai". Jadi, dalam perkara inipun memanglah rancangan kitani supaya perkara ini dapat kitani mulakan. Tetapi oleh sebab-sebab teknikal yang tidak dapat dielakkan, maka perkara ini terpaksa kitani kaji dahulu lagi sekali, lebih teliti. Dan insya-Allah, sebaik sahaja kajian ini selesai, akan dapat kitani usahakan secepat yang mungkin.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Peramba menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Dalam menyuarakan dua perkara di Dewan yang indah ini:-

1. Waktu bertugas kakitangan perkhidmatan perubatan dan kesihatan, yang bertugas harian setiap hari dari Bandar Seri Begawan ke Daerah Temburong seperti yang peramba maklum hanya akan bermula jam sekitar 9.00 pagi dan akan balik ke Bandar Seri Begawan sekitar 3.30 petang. Peramba dan orang ramai ingin tahu, kenapa perkara ini boleh berlaku?; dan
2. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. peramba dimaklumi Jabatan Perubatan dan Jabatan Kesihatan, Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Temburong, masih belum terdapat mesin incinerator dari Bahagian Biomedical Engineering RIPAS untuk pembakaran atau kegunaan membasmi kuman jarum-jarum bekas suntikan, yang masa ini masih dihantar ke Bandar Seri Begawan melalui Limbang. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri

Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sekali lagi diucapkan terima kasih.

Yang sebenarnya, pekerja ini 9.00 pagi, pekerja ini adalah di sana datang daripada Bandar Seri Begawan dan masalah yang terdapat pada masa ini ialah dari segi perumahan, jadi pegawai-pegawai itu terpaksa berulang-alik daripada sini. Jadi kalau perkara ini barangkali tidak berapa sesuai dengan keperluan di Daerah Temburong maka akan dikaji-lah supaya mereka dapat datang lebih awal lagi. Artinya lebih awal daripada sini dan lebih awal sampai ke sana. Begitu juga dengan mereka balik ke Bandar Seri Begawan daripada Temburong.

Mengenai dengan incinerator ini yang sebenarnya perkara ini telah pun diusahakan. Dan insya-Allah dalam sedikit masa lagi, kita akan dapat membekalkan incinerator kepada Hospital Temburong. Perkara ini telah pun diambil tindakan, dan buat pada masa ini oleh kerana masalah pembekalan maka sisa-sisa clinical waste itu terpaksa diantar ke bandar untuk dihapuskan buat sementara ini. Tetapi insya-Allah perkara ini akan dapat diusahakan segera. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Peramba telah mengikuti scale gaji doktor-doktor tadi seperti \$3,760.00 dan kemudian meningkat \$4,750.00 dan seterusnya peramba memikirkan perkara ini, pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengkaji balik gaji doktor-doktor supaya dinaikkan lagi, supaya lebih ramai anak-anak tempatan mengambil jawatan tersebut.

Dan pada masa ini, peramba difahamkan yang kelulusan doktor, orang-orang muda kebanyakannya masuk Askar kerana di sana ada Elaun Khas. Jadi peramba sekali lagi sarankan pihak yang berkenaan akan mempertimbangkan scale gaji doktor itu, sekurang-kurangnya pun \$5,000.00 sebulan. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Perkara ini telah pun diambil tindakan dan insya-Allah, sebagaimana yang peramba nyatakan tadi akan mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan

dan perkara ini telah pun diusahakan. Ingin peramba menambah jua selain daripada itu, yang telah diluluskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia jua ialah elaun on call bagi doktor-doktor yang bertugas di hospital-hospital semasa on call. Sebelumnya elaun on call ini tidak ada. Jadi ini telah pun diadakan dan insya-Allah elaun on call ini akan dapat menarik doktor-doktor bekerja di Kementerian Kesihatan atau pun di hospital-hospital kerajaan. Selain dari itu juga, bagi pakar, ada jua diadakan M - Elaun sebagai tambahan ertinya bukanlah mereka menerima gaji sahaja yang mereka terima tetapi juga elaun-elaun tertentu. Jadi perkara ini memang sudah lama berjalan dan juga Elaun Khas akan dapat menarik minat doktor-doktor kitani terus berkhidmat dengan pihak kerajaan. Junjung kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin bertanya semula perkara-perkara yang telah peramba tanyakan pada tahun lepas:-

1. Bayaran overtime bagi doktor healthlight, health-professional dan technician. Kebersihan wad koridor kawasan menunggu dengan menyediakan *alkohol hand*

wash pembersihan tandas; dan

2. Pakar kedokteran dari kalangan anak-anak tempatan seperti seperti yang terdapat di Jerudong Medical Center dan adakah anak-anak tempatan diberi keistimewaan tangga gaji sebanding dengan doktor-doktor expatriate?.

Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Overtime bagi doktor sebelum ini, tidak ada. Cuma sekarang ini apa yang telah diluluskan ialah on call elaun, overtime memang tidak adai, tapi bagi elaun health professional yang lain pun perkara ini belum ada diadakan, jadi dengan adanya pandangan daripada Yang Berhormat tu perkara ini akan kitani rundingkanlah, sama ada boleh diadakan ataupun in da.

Alcohol hand wash memang dibekalkan di toilet dan sebagainya. Tetapi mungkin kadang-kadang barang ini ada dan tidak ada sebabnya kadang-kadang ada hilang tah jua, bukannya bukannya tidak

dibekalkan memang ada dibekalkan, hanya kadang-kadang barang ini kehilangan. Munkan Ampun.

Sama ada anak-anak tempatan dibagi peluang berkhidmat di JPMC memang ada anak-anak tempat kitani bekerja di JPMC sebagai *visiting consultant* ataupun *visiting specialist* dan sebagainya. Jadi peluang-peluang itu mereka memang ada. Mohonkan Ampun. Itu saja kali soalnya, in da tau soalan yang lain kali Yang Berhormat atu.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Soalan terakhir adalah, adakah anak-anak tempatan diberi keistimewaan tangga gaji sebanding dengan doktor-doktor *expatriate*.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:

Ya. Yang sebenarnya doktor *expatriate* menerima gaji yang berbeza daripada doktor tempatan. Ini disebabkan memanglah sebagai doktor *expatriate* yang jemput datang mereka mendapat beberapa keistimewaan yang tidak terdapat kepada doktor tempatan seperti tambang, elaun anak sekolah dan sebagainya. Gaji mereka pun dalam kepakaran mereka bergantung kepada kepakaranlah. Jadi ada privileges

yang berlainan sedikit dengan doktor-doktor tempatan. Walau bagaimanapun, usaha kitani pada masa ini dalam memperbaharui skim perkhidmatan bagi doktor dan pakar bagi anak tempatan mudah-mudahan akan dapat mengatasi jurang perbezaan yang masa ini terdapat diantara doktor tempatan dengan doktor luar negeri.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sebagai tambahan khusus bagi Kementerian Kesihatan perkara ini datangnya daripada penuntut-penuntut dari Maktab Jururawat. Mereka mengatakan bahawasanya lulusan di Maktab Jururawat apabila mereka lulus daripada Maktab Jururawat mereka terlalu lama menunggu pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan yang mereka pelajari. Menjunjung ampun.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Perkara ini memang berlaku, apabila mereka graduate ataupun tamat mereka tidak dapat diambil terus oleh kerana proses-proses kitani. Walau macam manapun setiap masa perkara ini memanglah akan diusai, diperbaiki supaya tempohnya itu singkat, munkan ampun. Diambil maklum.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tidak ada lagi mahu membincangkan.

Yang bersetuju dengan tajuk ini Sila angkat tangan.

(Semua mengangkat tangan).

Tidak setuju.

(Tidak ada).

Maka Tajuk Jabatan Kementerian Kesihatan diluluskan.

Pemangku Timbalan Jurutulis: SM -Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Kementerian Perhubungan SNO1A - Jabatan Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ada 2 perkara untuk dihadapkan:-

1. Ingin tahu sahaja bahawa satu kajian mengenai dengan pengangkutan awam sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada Sesi Mesyuarat Musim Kelima Tahun lepas telah pun

selesai. peramba ingin tahu statusnya pada ketika ini; dan

2. Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah pun brief kita bahawa pada ketika itu dilancarkan online pendaftaran. Jadi ingin menge- tahu perkembangan perkara tersebut. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran. Assalamua-likum Warah- matullahi Wabarkatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat mengenai dengan kajian pengangkutan awam. Status perkara ini belum lagi sampai kepada satu tahap kajian yang konkrit. Masalah pengangkutan awam ini, kalau peramba dibenarkan bercakap sedikit.

Bukan tidak ada sistem pengangu- tan awam arah kitani, memang ada sistem pengangkutan awam, tetapi masalahnya ialah bagaimana mahu mengubah minda orang kitani untuk menggunakan pengangkutan awam yang sedia ada. Dari segi Jabatan Pengangkutan Darat akan

meningkatkan beberapa perkara yang dapat menaikkan tahap perkhidmatan pengangkutan awam atau umpamanya daripadanya jadual perjalanan dan sebagaimana diterangkan tahun lepas juga perhentian bas dan sebagainya.

Insyallah pada hujung tahun ini apabila tender pengangkutan awam yang baru akan dikeluarkan kita akan berusaha untuk memasukkan beberapa kriteria yang dirasakan penting bagi jenis kenderaan yang digunakan dalam pengangkutan awam khusus bagi yang memberikan perkhidmatan pengangkutan di Bandar Seri Begawan supaya membolehkan, misalnya orang-orang warga tua, warga emas akan mudah menaiki bas-bas sedemikian.

Perkara kedua mengenai dengan SPD atau Perkhidmatan on-line ini. Pada masa ini perkhidmatan ini sudah beroperasi tapi diikhhususkan baru bagi pendaftaran kereta-kereta. Jadi, belum lagi dibukakan bagi pembaharuan lesen ataupun road tax, kerana ini ada berkaitan dengan perkara teknikal dari segi pembayaran yang Jabatan Pengangkutan Darat akan berusaha untuk mengatasinya dalam masa yang terdekat, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ada dua pertanyaan:-

1. Apakah progres dan peningkatannya Pelabuhan Muara dalam usaha punggah edar atau transshipment selama 3 tahun kebelakangan ini? Dan berapa banyak kah penglibatan anak-anak tempatan atau adakah kitani masih lagi bergantung kepada pengusaha luar?; dan
2. *Tower* Pemancar dan *mono pole* yang dimiliki oleh Telbru, B-Mobile dan DST seringkali didapati berhampiran di antara satu dengan yang lain. Adakah disarankan agar pihak Kementerian Perhubungan melalui AiTi akan dapat membuat ko-ordinasi terhadap syarikat-syarikat tadi untuk guna sama tower pemancaran atau monopole jika ianya sesuai untuk diguna sama. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji

Apong: Menjunjung Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, pertama mengenai dengan Pelabuhan Muara, hal mengenai dengan punggah edar atau trans-shipment di pelabuhan tersebut. Sebenarnya trans-shipment dalam masa 3 tahun ini tidaklah begitu banyak meningkatnya. Ini adalah disebabkan oleh persaingan di antara Pelabuhan Muara dengan pelabuhan-pelabuhan di sekitar Borneo ini seperti Bintulu, tetapi Alhamdulillah dengan adanya kebenaran daripada kerajaan baru-baru ini bagi Pelabuhan Muara untuk menurunkan kadar bayaran bagi punggah edar, insya-Allah kita berusaha untuk mendapatkan ship liner yang biasanya dulu singgah bagi tujuan trans-shipment ke Brunei itu akan dapat berbalik semula ke negara ini dan juga mengundang atau menggalakkan liner yang lain untuk singgah ke Pelabuhan Muara.

Mengenai dengan perkara kedua, monopole ataupun tower B-Mobile dan DST. Terima kasih atas perhatian Yang Berhormat. Adalah menjadi dasar kepada AiTi supaya syarikat-syarikat akan dapat berkongsi tower di mana yang boleh. Jadi perhatian itu diambil perhatian dan diucapkan terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Menyentuh bagi pengangkutan kereta melalui jalan laut sebagaimana sejauh ini, perkara sedemikian telah pun berjalan. Jadi apa yang telah diketahui ketika ini pengangkutan tersebut telah diberhentikan sementara jadi apakah perkara-perkara ini yang menyebabkan terjadinya sedemikian? Dan adakah bagi pihak yang berkenaan untuk meluaskan lagi atau menambah lagi perjalanan bagi pengangkutan kereta-kereta melalui jalan laut khususnya misal kata sekarang Muara-Menumbok, Menumbok ke Muara. Apakah ada rancangan untuk terus ke Labuan? Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Menjunjung Kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Alhamdulillah kita telah dapat melancarkan RO-RO feri Muara-Serasa-Menumbok. Sebenarnya perjalanannya boleh pergi ke Labuan tetapi disebabkan di Labuan tempat jeti yang ada di Labuan itu belum memenuhi syarat, jadi belum dapat menampung feri itu, infrastrukturnya belum lagi sesuai dan pihak di Labuan akan berusaha untuk menaikkan taraf jetinya. Sehingga perkara itu nanti terlaksana, barulah

boleh barangkali feri daripada Brunei ini akan dapat singgah di Labuan. Walaupun pada masa ini kitani mengetahui ada perkhidmatan feri Menumbok-Labuan. Perkhidmatan tersebut adalah bersifat domestik. Apa yang kitani buat di Brunei ini ialah tahap antarabangsa kerana kitani melimpasi batas perairan antarabangsa bila memasuki Malaysia.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Maafkan peramba terpaksa bercakap sekali lagi. Mengenai dengan penerimaan telefon bimbit di pedalaman di Labi, soalan ini peramba kemukakan pada mesyuarat tahun lepas, pada keadaan serupa pada masa ini tiada ada perubahan, masih juga di setengah kawasan tidak dapat menerima pancaran telefon tersebut. Itu soalan pertama.

Soalan kedua, ialah tentang talian. Peramba difahamkan bahawa setengah-setengahnya yang berinternet itu tidak bermasalah disebabkan mereka sudah mempunyai *optic line*. Jadi tidak ada gangguan manakala sesetengah kawasan kadang-kadang, putus perhubungan kalau berhubung melalui e-mail dan sebagainya. Jadinya ingin mengetahui, apakah adakah rancangan pihak DST, Telbru yang diketahui oleh

Perhubungan untuk memperbaiki perkhidmatan ini. Sekian Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Terima Kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan terima kasih atas perhatian Yang Berhormat mengenai dengan penerimaan telefon bimbit di Labi. Insyallah perkara ini akan dapat diteliti dengan kedua pembekal perkhidmatan tersebut. Mengenai dengan perkhidmatan internet bagi setengah tempat yang tidak dibekalkan dengan *optic fibre* menghadapi masalah-masalah. Alhamdulillah baru-baru ini kerajaan telah pun membenarkan perkhidmatan Wimax mobile kepada dua buah syarikat dan kita berharap kedua buah syarikat ini akan dapat melaksanakan Wimax mobile ini khususnya di kawasan-kawasan yang belum dapat dipenuhi dengan fibre optic pada masa ini. Dan dengan cara tersebut diharapkan akan dapat memberikan perkhidmatan internet yang baik kepada kawasan-kawasan berkenaan. Junjung Kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Yang bersetuju pada

Jabatan Kementerian Perhubungan.

Sila angkat tangan. (Semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju. (Tidak ada)

Maka Tajuk Kementerian Perhubungan diluluskan, sementara kita akan beralih kepada Jabatan Laut, saya nanti naik ke atas dulu baru menangguhkan.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, majlis ditangguhkan 15 minit untuk menikmati jamuan petang.

(Majlis bersidang semula)

Pemangku Timbalan Jurutulis: SN01A -Jabatan Kementerian Perhubungan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita baru sahaja bermesyuarat untuk meneliti Perbelanjaan Tahun 2010/2011. Menerusi Jawatankuasa daripada Majlis Mesyuarat Negara. Maka oleh sebab penyelidikan dan melihat perkembangan-perkembangan perbelanjaan itu belum sempurna masih lagi dalam pembincangan. Maka sekarang kita akan semula bermesyuarat dalam Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Negara ini. Maka dengan demikian Majlis ditang-

guhkan untuk bermesyuarat di dalam Majlis Jawatankuasa.

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi kita meluluskan Jabatan Kementerian Perhubungan. Maka di dalam list ini sekarang kita akan membincangkan Jabatan Laut. Ahli-Ahli yang bersetuju, tidak mahu membincangkan Jabatan Laut. Sila angkat tangan. (Semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan. (Tidak ada).

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ada satu soalan sahaja. Pada tahun lepas peramba kemukakan juga tapi inda pasti jawapannya. Jadi peramba ingin mengajukan soalan, adakah dalam perancangan Jabatan Laut untuk mempertimbangkan memasang lampu api di kuala Sungai Kuala Belait. Untuk kemudahan para pelaut, nelayan di kawasan tersebut walaupun tidak seindah rumah api yang ada di Lumut. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong:

Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan terima kasih atas pertanyaan daripada Yang Berhormat mengenai dengan lampu api di Kuala Belait. Insyaa-Allah perkara ini akan diambil perhatian. Kebanyakan daripada lampu api di Kuala Belait itu sebenarnya adalah di bawah jagaan pihak Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad. Walau bagaimanapun perkara ini akan diteliti oleh Jabatan Laut.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Junjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat.

Mengenai permit perahu atau boat laju penumpang dari Daerah Temburong ke Bandar Seri Begawan dan sebaliknya. Pada masa ini yang beroperasi hanya tinggal 2 buah syarikat sahaja. Perkara ini menyebabkan kekurangan bot laju penumpang terutama pada hujung minggu dan hari-hari kebesaran dan kelelasan awam. Peramba difahami apabila memohon tambahan permit bot laju penumpang ianya tidak mendapat pertimbangan kerana sudah mencukupi. Dan adalah dicadangkan supaya permit yang telah diberi kepada boat pengusaha lama yang

tidak beroperasi lagi akan dapat dipohonkan dan dibuka semula daripada pengusaha baru ataupun yang masih beroperasi.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Perkara ini pernah diuarakan di mesyuarat yang lalu mengenai dengan kedudukan pancang waktu malam pada masa ini masih lagi orang ramai tertanya-tanya apakah ia boleh dilaksanakan mengenai dengan perkara ini?. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong:

Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan permit bot laju di antara Pekan Bengar dan Bandar Seri Begawan. Perkara ini akan diteliti oleh Jabatan Laut. Sekiranya benar ada keperluan untuk menambah permit ini kerana adanya permintaan atau pertambahan penggunaan; atau passengers yang banyak menggunakannya perkara tersebut boleh dipertimbangkan. Mengenai dengan kedudukan pancang, pada 2 tahun yang lepas melalui perbelanjaan khas telah pun dibina beberapa pancang dan dalam bajet untuk tahun hadapan ada diperuntukkan bagi menambah pancang-pancang tersebut. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Sekiranya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Jabatan Laut maka Jabatan ini. Tajuk di Jabatan Laut ini diluluskan.

Saya meminta siapa yang bersetuju angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Maka Jabatan Laut diluluskan.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Bersetuju maka Jabatan Laut diluluskan.

Pemangku Timbalan Jurutulis:

SNO2A - Jabatan Laut dijadikan sebahagian daripada Jadual. SNO3A - Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:

Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Alhamdulillah Daerah Temburong telah menikmati satu lagi prasarananya dengan adanya terminal perahu bot laju penumpang Temburong - Bandar Seri Begawan yang cukup selesa dan memuaskan. Penduduk

Daerah Temburong khususnya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan melalui Kementerian Perhubungan atas usaha yang telah dibuat.

Sukacita peramba ingin bertanya, apakah jua ada dalam perancangan pihak kementerian berkenaan untuk membina terminal yang sama akan dapat diwujudkan di Bandar Seri Begawan? Kerana tempat penaikan yang ada sekarang ini juga adalah kurang selesa dan pada masa ini belum terdapat kemudahan-kemudahan kenaikan yang teratur dan tidak kondusif untuk orang tua dan membawa anak-anak kecil. Mudah-mudahan dengan adanya terminal baru ini bukan sahaja akan memudahkan orang ramai juga tetapi juga meningkatkan imej kepada pelancong-pelancong luar yang berkunjung ke Daerah Temburong. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Menjunjung kasih dan terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Sememangnya, memang ada perancangan untuk membuat terminal yang sama di Bandar Seri Begawan dan ini dipercayai adalah

termasuk dalam Bandar Seri Begawan Master Plan. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju kepada Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan.

Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju.

Sila angkat tangan.

(Tidak ada). Terima kasih.

Nampaknya Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan lulus untuk dijadikan sebahagian tajuk Anggaran Belanjawan 2010/2011.

Pemangku Timbalan Jurutulis: SNO3A - Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SNO4A - Jabatan Penerbangan Awam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan projek Lapangan Terbang dan bangunan terminal yang baru-baru ini ada disiarkan dalam akhbar tempatan yang projek ini akan dikelolakan den-

gan dipengerusikan oleh Pengerusi BEDB. Sementara itu beberapa tahun yang lalu ada satu Projek *Feasibility Study* untuk 25 tahun *Master Plan* Projek ini.

Peramba ingin meminta sedikit pen-erangan, apakah kemajuan atau *status Master Plan Study* yang dicapai setakat ini dan apakah kaitannya dengan projek yang akan dikelolakan oleh BEDB itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Konsultan yang menyediakan Rancangan Airport *Master Plan* telah pun menghadapkan cadangannya dan telah pun diteliti oleh satu Jawatankuasa Master Plan Airport. Dan apa yang telah dilihat dalam akhbar mengenai dengan projek pembesaran Terminal Airport dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi atau BEDB adalah untuk membesarkan terminal tersebut. Pihak Jabatan Penerbangan Awam akan memberikan bantuan untuk memberikan spesifikasi apabila tiba masanya nanti. Kerana ia adalah sebahagian daripada jawatankuasa yang menangani projek itu jua. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Tidak ada lagi yang mahu membahaskan Jabatan Penerbangan Awam.

Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Nampaknya sebahagian besar yang bersetuju maka belanjawan untuk Jabatan Penerbangan Awam diluluskan.

Pemangku Timbalan Jurutulis:
SNO4A - Jabatan Penerbangan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual. SNO5A - Jabatan Pengangkutan Darat.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Peramba juga ingin bertanya apakah sudah ada dalam perancangan pihak jabatan berkenaan untuk mengadakan alat timbangan bagi kenderaan berat di Pos Kawalan Labu, bagi memastikan kenderaan yang membawa barang muatan tidak lebih yang dibenarkan, dan tidak dalam keadaan yang

membahayakan serta merosakkan jalanraya melalui Pos Kawalan Labu kehujung Jalan Puni. Sekian yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan terima kasih di atas soalan yang dikemukakan. Jawapannya ya, pada peringkat ini sudah dikenal pasti satu tapak yang berdekatan dengan Pusat Kawalan Imigresen Labu bagi menempatkan alat timbangan kenderaan berat tersebut.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ada dua yang ingin disampaikan:-

1. Mengenai dengan kemasukan kereta-kereta terpakai dari luar negeri untuk dijual di negara ini. Sebagaimana had umur atau model yang dibenarkan masuk ke negara ini adalah terhad. Yang mana, kemasukan ke negara ini dijual kepada orang ramai. Jadi, apakah perkara ini pihak yang berkenaan benar-benar memastikan betul-betul bahawasanya had

kereta yang terpakai untuk dimasukkan ke negara ini benar-benar ia menepati apa yang telah ditetapkan. Kerana apa, sebahagian daripada orang ramai mengatakan dan meragui tentang model yang telah diluluskan masuk ke negara ini; dan

2. Mengenai dengan kereta yang mengangkat simen iaitu *Ready Mixed* yang dipunyai oleh syarikat-syarikat di negara ini. Peramba memberi peringatan bahawasanya kereta-kereta tersebut haruslah dibuat pengkajian dan penelitian kerana selalu terdapat muatan simen yang dibawa oleh lori-lori tersebut melimpah atau gugur di jalan raya, terutama di kawasan-kawasan jalan naik bukit, di selekoh-selekoh jalan dan juga di beberapa simpang-simpang jalan. Jadi berharap supaya dapat diatasi perkara ini, sama ada ianya kereta tersebut diubahsuai ataupun dihadkan muatannya. Kerana perkara ini akan membahayakan pemandu-pemandu atau orang ramai di belakang yang mengekori kereta

tersebut dan juga akan mengotorkan jalan raya. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan terima kasih atas soalan yang baru dikemukakan dan rasa prihatin Yang Berhormat terhadap keselamatan di jalan raya.

Mengenai dengan kemasukan kereta terpakai, ianya dikeluarkan lesen kepada syarikat-syarikat atau bengkel-bengkel kereta yang memenuhi syarat-syarat tertentu sebagai bengkel bertaraf "A". Jadi tidak semua orang boleh mengimport dan memang ada had-had tertentu umur yang dikenakan kepada kereta-kereta tersebut dan ini adalah bergantung kepada syarikat yang menghantar kereta tersebut ke negara ini. Jadi tentang kesahihan dokumen-dokumen itu pihak Jabatan Pengangkutan Darat sebenarnya ada berkerjasama dengan syarikat-syarikat tertentu pihak agensi-agensi tertentu untuk menentukan kesahihannya. Walau bagaimanapun tidaklah dapat kitani secara 100% mendapat kesahihan tersebut kerana kadang-kadang terdapat memang ada benar ada terdapat kesilapan-kesilapan yang

mungkin disenghajikan. Mengenai dengan kereta ready mixed ini, ini akan di ambil perhatian dan akan dibawa ke pihak yang berkenaan.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Tidak ada lagi mahu membahaskan, dipohonkan Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju mengenai dengan Jabatan Pengangkutan Darat.

Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada).

Maka dengan demikian Jabatan Pengangkutan Darat di jadikan salah satu Rang Undang-Undang.

Pemangku Timbalan Jurutulis:

SNO5A - Jabatan Pengangkutan Darat dijadikan sebahagian daripada Jadual. SNO6A - Jabatan Perkhidmatan Pos.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Ahli-Ahli yang ingin membahaskan Jabatan Pos. Sekiranya tidak ada, saya memohonkan Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju kepada Jabatan Perkhidmatan Pos (Semua Ahli mengangkat tangan). Nampaknya semua bersetuju maka Jabatan Perkhidmatan Pos dijadikan salah

satu Rang Undang-Undang.

Pemangku Timbalan Jurutulis:

SNO6A - Jabatan Perkhidmatan Pos dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Izinkan Peramba membuat pembetulan sedikit barangkali sebelum berpindah kepada tajuk yang lain. Di bawah Kementerian Kesihatan tadi mohonkan ampun, ada pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan apakah perbezaan di antara keistimewaan-keistimewaan yang diberikan kepada doktor-doktor yang didatangkan daripada luar negeri dan doktor-doktor tempatan. Peramba ingin menerangkan bahawa yang sebenarnya tidak ada perbezaan dari segi gaji doktor-doktor tempatan dengan doktor-doktor luar negeri, kecuali mereka dari luar negeri ada dibagi gratuity setiap tiga tahun sedangkan doktor-doktor tempatan in da.

Dari segi lain-lain kemudahan seperti elaun anak-anak sekolah, elaun tambang tiga tahun sekali, semua sama. Mohonkan ampun. Sebagai penjelasan soalan tadi. Mohonkan ampun. Junjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Terima kasih. Ahli yang

berkenaan diharap maklum. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan tajuk ini, sila angkat tangan (semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan (tidak ada). Sekarang kita beralih kepada Kemajuan.

Pemangku Timbalan Jurutulis: SM - Kementerian Kesihatan dijadikan sebagai daripada Jadual. SPO1A - Kemajuan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahm-tullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba sukacita menjunjung untuk memberikan hanya sedikit mukadimah mengenai dengan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara yang dicadangkan ini.

Usaha peramba ini, adalah semata-mata untuk memudahkan dan menjadi panduan perbincangan majlis bagi tajuk spesifik ini.

Alhamdulillah, dua tahun yang lepas pihak kerajaan telah mengeluarkan Wawasan Negara 2035. Wawasan ini bertujuan untuk merancang arah tuju negara dalam jangka waktu 30 tahun mendatang.

Untuk mencapai Wawasan Negara

2035 ini, banyak projek-projek yang telah dirancang yang mencakupi aspek-aspek berkaitan dengan keselamatan, sosial, ekonomi, alam sekitar, dan infrastruktur. Wawasan berkenaan juga mengandungi aspirasi negara untuk mencapai kecemerlangan dalam beberapa bidang utama seperti:-

1. Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya;
2. Kualiti kehidupan rakyat; dan
3. Ekonomi Negara yang dinamik dan *sustainable*.

Sebagai usaha berterusan untuk mencapai hasrat ini, peruntukan sejumlah \$1,050 juta telah disediakan dalam peruntukan Rancangan Kemajuan Negara bagi tahun kewangan 2010/2011. Peruntukan ini adalah bagi membiayai sebanyak 1,043 projek-projek berpandukan kepada komitmen dan perancangan perlaksanaannya. Peruntukan ini diagihkan kepada beberapa sektor utama yang secara ringkasnya antara lainnya termasuklah bagi sektor-sektor berikut:-

- Sektor perkhidmatan sosial akan menumpukan kepada antara lainnya pem-

- bangunan sektor-sektor pendidikan, Perumahan Negara dan Sumber Tenaga Manusia. Sektor ini akan di peruntukan sebanyak \$283.4 juta (27%) dari keseluruhan peruntukan Kemajuan;
- Sektor Perindustrian dan Perdagangan diperuntukkan sebanyak \$245.1 juta ataupun (23%) dari keseluruhan peruntukkan. Ianya termasuk bagi melaksanakan beberapa projek-projek yang dikendalikan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkaitan termasuk jua projek-projek Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan Perkembangan beberapa *economic clusters* yang dikenal pasti;
 - Sektor penggunaan awam pula disediakan hampir \$167.7 juta (16%) dari keseluruhan peruntukan. Tumpuan sektor ini termasuk menyediakan bekalan air bersih yang mencukupi, merawat kumbahan, pembentungan, memperbaiki sistem saliran bagi pengawalan banjir dan penyediaan bekalan elektrik;
 - Sektor Pengangkutan dan Perhubungan disediakan sebanyak \$105.7 juta atau 10% dari keseluruhan peruntukan. Sektor ini menumpukan kepada sektor-sektor seperti jalan raya, telekomunikasi dan penerbangan awam;
 - Sektor Teknologi Infokomunikasi diperuntukkan sebanyak \$42.9 juta. Ianya ditumpukan bagi meningkatkan pembangunan keupayaan ICT termasuk infakstruktur dan sumber manusia, mengintegrasikan sepenuhnya ICT dalam perkhidmatan kerajaan dan proses perniagaan untuk mendukung usaha ke arah untuk mencapai ekonomi berteraskan pengetahuan (*Knowledge Economic Based*);
 - Sektor Bangunan Awam pula diperuntukkan sejumlah \$41.7 juta iaitu bagi meningkatkan dan menyediakan bangunan-bangunan kerajaan;

- Sektor Keselamatan disediakan sebanyak \$27.7 juta dari jumlah keseluruhan peruntukan. Sektor ini meliputi Subsektor Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei; dan
- Sektor Sains dan Teknologi dan Penyelidikan dan Pembangunan diperuntukkan sebanyak \$15.8 juta atau 2% dari peruntukan keseluruhannya. Ianya menjangkakan akan membawa pertumbuhan secara langsung, di sektor bukan minyak seperti pembinaan, perbankan dan kewangan, insuran perkhidmatan perniagaan dan hartanah yang akan memberikan kesan limpahan ataupun *spin-off* kepada sektor-sektor lain seperti jualan borong dan runcit, pengangkutan dan perhubungan dan perkhidmatan-perkhidmatan perniagaan.
- Untuk makluman, sehingga 15 Mac 2010 perbelanjaan yang telah dijelaskan bagi projek-projek di dalam Rancangan Kemajuan Negara telah sebanyak \$828.93 (78.9%). Dalam usaha untuk meningkatkan lagi perbelanjaan dan keupayaan dalam melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah berterusan meneliti dan melaksanakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil dalam usaha mencapai sasaran perbelanjaan seperti berikut:
 - i) Perwartaan tapak dan kebenaran '*Early Entry*';
 - ii) Sokongan penilaian tawaran;
 - iii) Penyiapan perjanjian kontrak;
 - iv) Bayaran kemajuan kontrak termasuk pengeluaran waran;
 - v) Penyiapan '*Final Account*' projek-projek;

- vi) Dialog bersama kontraktor/konsultan mengenai isu-isu pengurusan dan pelaksanaan projek untuk dikongsi sama dengan jabatan-jabatan pelaksana dan pengguna;
- vii) Perbincangan kemajuan projek di peringkat pegawai dan Setiausaha Tetap di semua kementerian;
- viii) Latihan dan mentoring khususnya dalam bidang kemahiran ICT dan *Science and Technology* di mana negara ini masih kekurangan, juga diberikan perhatian untuk meningkatkan kapasiti jentera kerajaan agar dapat terus diperingkatkan; dan
- ix) Perjumpaan dengan stake holders disemua peringkat akan diteruskan dan diperkesakan lagi di mana semua isu pelaksanaan yang mengganggu kelancaran pelaksanaan dan pembayaran akan ditangani secara *holistic*.

Sekian yang dapat peramba kongsi untuk panduan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Junjung kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat telah mendengar penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), saya percaya penjelasan yang panjang lebar itu memenuhi dan menerangkan segala rancangan yang akan berlaku pada jangka tahun 2010/2011. Maka saya ingin bertanya sekiranya Ahli-Ahli yang hadir ini bersetuju sila angkat tangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin bertanya mengenai dengan tajuk 903 perikanan 004 kemudahan-kemudahan pendaratan bagi nelayan-nelayan tradisional dan tajuk 019 002 rancangan bantuan bagi pengusaha yang mempunyai bajet \$504,000.00. Di Pantai Serasa terdapat beberapa nelayan-nelayan yang menjual tangkapan-tangkapan mereka dengan tempat-tempat yang kurang selesa. Adakah rancangan-rancangan kemajuan ini mengambil kira atas keadaan mereka itu?. Serupa juga dengan pendaratan tangkapan-tangkapan mereka. Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan

Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dalam rancangan membangun pengkalan-pengkalan pendaratan ada beberapa kawasan telah dikenal pasti untuk dibangunkan tetapi tempat-tempat itu ada dikenal pasti. Tetapi di Serasa ini barangkali, memandangkan kedudukan itu berdekatan dengan kemudahan fish landing centre kementerian, jadi orang-orang yang memerlukan keperluan itu sejauh ini menggunakan kemudahan di *fish landing centre* di Serasa.

Walau macamanapun, permohonan-permohonan ini selalu diterima mengenai dengan pembukaan pengkalan-pengkalan pendaratan terutamanya di pedalaman dan di daerah-daerah dan sejauh ini banyak sudah dibangunkan pengkalan-pengkalan pendaratan terutamanya di daerah-daerah Temburong, Tutong dan Kuala Belait. Jadi kalau ada sekiranya keperluan akan dipertimbangkan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin bertanyakan tajuk 929 projek BEDB. Dulu dalam awal permesyuaratan ada peramba menimbulkan mengenai dengan projek pembangunan Pulau Muara Besar, tetapi pada

masa itu belum dijawab, sukacita izinkan peramba menimbulkan sekali lagi di mana, BEDB telah melantik satu *consortium* dari Singapura Savanna untuk menjalankan kajian-kajian bagi pelan induk Pulau Muara Besar. Pelantikan ini telah dibuat pada bulan Oktober 2008. Ketika majlis pelantikan yang telah diadakan pada bulan Oktober itu, difahamkan bahawa di antara teras perancangan pembangunan PMB ialah untuk memberikan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Jadi soalnya apakah status pelan induk pembangunan PMB setakat ini? Kenapakah perancangan PMB setelah disiapkan?

Kedua, dalam hubungan itu juga sebuah company syarikat tempatan bernama Petro-Bru telah juga membuat inisiatif untuk menjalankan kajian terperinci mengenai dengan usul membangunkan loji penapis minyak. Dan kajian awal telah dibuat untuk kemungkinan membangunkan loji penapis minyak ini dan kajian ini telah merumuskan bahawa Brunei Darussalam amnya dan Pulau Muara Besar khususnya berpotensi untuk membangunkan loji penapis minyak di negara ini. Dan diteruskan dengan *detail future study* dengan kerjasama perunding minyak yang terkemuka dan hasil

kajian tersebut telah dikemukakan kepada kerajaan melalui satu majlis yang diselenggarakan oleh BEDB.

Di antara kelebihan-kelebihan yang dapat diberikan oleh pembangunan loji penapisan ini ialah:-

1. Menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar sektor swasta memainkan peranan penting sebagai jentera pemangkin pembangunan ekonomi; dan
2. Memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Difahamkan dengan adanya operasi loji penapis minyak ini akan menyediakan sebanyak 2,000 orang pekerja. Seterusnya menarik pelaburan asing terus melalui usaha sama membangunkan projek-projek loji penapis minyak dan seterusnya mempercepatkan pertumbuhan tenaga insan melalui teknologi transfer dengan rancangan jangka panjang untuk berdikari.

Jadi Peramba ingin mengetahui adakah pelan perancangan yang telah dibuat ini boleh dimajukan dan apakah incentive-incentive yang dapat ditawarkan oleh badan-badan kerajaan untuk membantu menjayakan rancangan ini dan juga

untuk mempelbagaikan ekonomi negara. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ada dua lagi akan bercakap jadi saya kira dua orang lagi nanti ketiga-tiga terus akan dijawab oleh Bahagian Kementerian.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menimbulkan tajuk 907 - Jalan raya dan tajuk 914 Perumahan Kerajaan. Mengenai dengan jalanraya. Peramba ingin menimbulkan kesesakan Jalan Gadong bermula dari simpang Jalan Tutong ke pusat bandar dan kesesakan Jalan Tutong dari Kampong Bengkurong dan Kampong Tasek Meradun ke pusat bandar terutama sekali semasa peak hours. Kekesakan jalan-jalan ini pernah ditimbulkan di Majlis Mesyuarat Negara di tahun-tahun yang lalu, tetapi keadaannya masih juga seperti dahulu, bahkan makin bertambah sesak lagi. Bagi Jalan Gadong selagi sekolah-sekolah di sepanjang jalan ini masih ada dan tidak berkurang selagi inilah kesesakan ini masih berlaku dan sukar untuk diatasi. Bagi Jalan Tutong dari Bengkurong dan Tasek Meradun, kesesakan ini nampaknya disebabkan kereta-kere-

ta yang menggunakan Jalan Tutong ke Bandar Seri Begawan ini semakin bertambah sedangkan jalan yang digunakan masih juga sama seperti dahulu.

Bagi mengatasi serta mengurangkan kesesakan ini pihak yang berkenaan haruslah membina jalan alternatif atau jalan baru untuk menuju ke pusat bandar. Misalnya membina jalan baru di antara Jalan Gadong dan Jalan Tutong dan sebelah utara Jalan Gadong iaitu dari Jalan Tutong ke Kampung Rimba, dikedua-dua kawasan ini tidak banyak melibatkan tanah-tanah persendirian. Dengan adanya jalan-jalan baru ini, insya-Allah kesesakan jalan yang berkenaan akan berkurang dan mungkin akan dapat diatasi dalam jangka panjang.

Jalan lain yang digunakan ialah Jalan Jerudong melalui highway ke pusat bandar. Jalan ini juga sesak atau berlaku traffic jammed bermula dari persimpangannya dengan Jalan Tutong hingga ke dual carriageway dekat Simpang 250 Jalan Jerudong. Ini ialah disebabkan kawasan jalan yang bukan dual carriageway ini menjadi bottleneck bagi kereta-kereta dari Jerudong atau yang menuju ke Jerudong dari Jalan Tutong.

Untuk mengatasi masalah kesesakan ini kerajaan haruslah menjadikan sep-

anjang Jalan Jerudong ini sebagai dual carriageway, di kawasan jalan ini pernah berlaku beberapa kali kemalangan yang melibatkan police escort. Bagi mengelakkan kemalangan dan kesesakan Jalan Jerudong serta bagi memberikan kemudahan orang ramai yang melalui jalan ini adalah diharapkan kerajaan akan membina dual carriageway dibahagian yang dimaksudkan itu. Kerajaan sedang membina jalan dari Kampung Katok menuju ke Jerudong tetapi kerja-kerja pembinaannya telah terhenti. Peramba ingin tahu mengapakah kerja-kerja itu belum diteruskan?. Jalan ini pada pandangan peramba adalah sangat berfaedah dan berguna kerana ianya akan mengurangkan kesesakan Jalan Gadong ke Bandar Seri Begawan.

Mengenai dengan masalah kereta-kereta yang menyebarkan Jambatan Sungai Pendaruan di Kampung Ujung Jalan Temburong, dalam musim Permesyuaratan Negara pada bulan Mac 2009 yang lalu. Peramba telah menimbulkan mengenai dengan berbagai masalah kerana ketiadaan jambatan bagi kemudahan kenderaan-kenderaan untuk menyebarkan Sungai Pendaruan Temburong terutama sekali semasa percutian sekolah dan hari-hari kelepasan awam yang hanya mengharapkan sebuah feri sahaja dalam satu masa.

Dalam hubungan ini peramba ingin mengetahui adakah rancangan kerajaan untuk membina jambatan bagi menyebarkan Sungai Pendaruan ini? Jika ada bilakah masanya jambatan ini akan dibina dan jika tidak apakah sebab-sebabnya.

Di bawah Tajuk 914 - Perumahan Negara, peramba ingin menimbulkan mengenai dengan rumah perpindahan ini. Menurut apa yang peramba difahamkan bahawa keramaian pemohon-pemohon yang sedang menunggu untuk mendapatkan Perumahan Negara ialah lebih kurang 30,000 pemohon. Peramba juga difahamkan bahawa kawasan tanah-tanah yang sesuai untuk membina perumahan ini adalah berkurangan dan mungkin tidak mencukupi jika kita meneruskan menurut bentuknya masa ini.

Jika demikian kedudukannya, maka untuk memenuhi keperluan Perumahan Negara bagi menyediakan perumahan bagi rakyat yang berkeelayakan untuk mendapatkan rumah, maka peramba berpendapat adalah wajar dan lebih sesuai supaya perumahan yang akan datang dibina dengan berbentuk pangsa atau flat sebagaimana yang dilakukan di negara jiran. Dengan cara ini ianya memerlukan kawasan yang lebih kecil, tetapi mempunyai unit tempat tinggal yang banyak dan

mungkin melibatkan peruntukan yang lebih rendah. Sekian, junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba ingin bertanya tentang sektor 904 ialah kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan di Sungai Bera. Peramba ingin mengetahui penjelasan status secara ringkas sahaja. Sektor 906 Sekolah Persediaan Arab Ugama, pun status secara ringkas sahaja. Seksyen 916 bangunan kompleks, Bangunan Jabatan Kenderaan Darat yang berjumlah kira \$7 juta pun Peramba ingin status secara ringkas sahaja. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Saya minta Ahli Yang Berhormat bahagian Kerajaan akan menjelaskan dahulu. Yang Berhormat yang satu saya tangguhkan dahulu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba menyembahkan berbilang menjunjung kasih di atas keizinan Tuan Peramba bagi memberikan

penjelasan terhadap soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, mengenai dengan status Pulau Muara Besar.

Pulau Muara Besar adalah dihasratkan untuk menjadi sebuah pusat bagi menjana peluang-peluang pelaburan yang baru berkonsepkan pembangunan bersepadu atau pun *integrated development*. Di antara lain mengandungi Pelabuhan, pusat lojistik, pusat pembuatan dan pusat Pemrosesan dan pusat komersil dan rekreasi. Statusnya pada masa ini ialah bahawa pelan induk pembinaan Pulau Muara Besar iaitu Master Plan telah disiapkan oleh sebuah syarikat konsultan iaitu Savanna dan *Global Marine and Ports Services Consortium* dari Singapura. Dan pelan ini telah siap sedia, tinggal lagi untuk dihadapkan kepada pihak-pihak yang berkuasa atasan di Negara Brunei. Jadi statusnya ialah menunggu *presentation* oleh syarikat ini bagi kelulusan oleh pihak berkuasa atasan.

Peruntukan yang diberikan pada Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara bagi Tahun 2010/2011 ialah untuk membiayai kerja-kerja *Consultancy Fees*. BEDB ataupun Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei telah pun merancang untuk mengadakan jerayawara di beberapa

buah negara bagi tujuan pemsaran sebagai sebuah destinasi pelaburan yang berpotensi. Mengenai dengan rancangan Petro-Bru menghadapkan projek bagi pemrosesan bagi *Oil Refinery* ataupun penapisan minyak di Pulau Muara Besar, rancangan Petro-Bru ini adalah mendapat sokongan daripada pihak BEDB kerana ianya merupakan satu pelaburan asing langsung ataupun *Foreign Direct Investment* yang akan dibawa oleh Petro-Bru dan dia mempunyai rancangan untuk mendatangkan bahan mentah ataupun raw materials daripada keluar negeri. Dan perkara ini iaitu penubuhan satu pusat penapisan minyak, peramba percaya telah pun dimasukkan juga di dalam Master Plan bagi Pulau Muara Besar yang sedang disediakan oleh pihak konsultan Savanna GM-APS ini. Itulah secara ringkas yang dapat peramba terangkan mengenai projek-projek ini. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. mengenai dengan projek peningkatan Sungai Bera, *Infrastructure* di Sungai Bera. Pada masa ini satu projek peningkatan *infrastructure* telah pun diaward iaitu menyediakan

longkang, jalan raya dan *fire hydrant* yang melibatkan dalam \$200 ribu telah pun diaward dan masa ini berjalan. Disamping itu satu projek membina *towers signal* juga telah pun dilaksanakan yang bernilai dalam \$50 ribu. Jadi ada peruntukan lagi untuk digunakan bagi peningkatan kemudahan projek di Sungai Bera itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba menjunjung kasih atas kesempatan ini. Dan peramba terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Awang Puasa kerana membangkitkan beberapa perkara.

Izinkan peramba menjawab seboleh yang peramba dapat kerana banyak data yang diberikan oleh Yang Berhormat itu. Dan mudah-mudahan saja peramba akan dapat capture atau mengambil semua data-data itu. Mula-mula sekali terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara-perkara kesesakan jalan raya ini dan dalam perbincangan-perbincangan kitani, ada juga usaha untuk *diversify* atau menambah laluan ke bandar.

Tetapi kalau kitani tinjau daripada apa yang dicakapkan itu. Masalahnya bukan kitani kekurangan jalan, masalahnya ialah kerana pusat bandar ini tempat tumpuan semua kereta. Kalau kitani melihat secara rambang saja tiap-tiap pagi hampir sebuah kereta itu seorang. Jadi usaha untuk membangun jalan menuju ke bandar itu, peramba sangka sebagai seorang bukan highway engineer, seorang bukan Jurutera highway tidak akan menyelesaikan perkara itu. Kerana keadaan bandar pada masa ini sudah nampaknya in da dapat dibaiki lagi jalannya kerana kalau dik dibaiki akan melibatkan perbelanjaan yang begitu besar. Jadi apa yang dicadangkan ialah untuk membuat circulation highway melalui bandar supaya mana-mana trafik-trafik itu dapat kalau dikira ditaruh dalam *circulation traffic*.

Dalam pada itu juga, dapatkah kitani peramba ingin menanya *thinking round the box*, ertinya kalau kitani membenarkan satu kereta seorang dapatkah kitani menguat kuasakan satu keperluan yang memerlukan supaya jangantah banyak kereta masuk ke bandar. Perkara ini dibuat di bandar-Bandar yang besar dan memerlukan beberapa pen-guatkuasaan dan memerlukan sis-

tem pengangkutan awam yang efisien.

Dalam pada itu juga, keadaan kitani yang kitani buat pada masa ini dalam *system environment* atau alam sekitar adalah tidak friendly kerana carbonprint yang kita buat pada masa ini adalah terlalu besar bagi sesebuah negara seperti kita. Jadi secara ringkas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memanglah dalam perhatian dan satu perkara ialah mengenai dua carriageway, di Jalan Jerudong perkara ini sudahpun dikenal pasti dan peruntukan-peruntutannya sedang pun dikaji untuk diperolehi, insya-Allah jika selesai perkara ini akan dapat dilaksanakan.

Mengenai jambatan yang menyeberang dari Sungai Pandaruan ke Temburong. Perkara ini adalah melibatkan isu-isu persempadanan dengan negara jiran tetapi walau bagaimanapun kementerian sedang berusaha melihat cara dalam mana pembinaan jambatan ini mungkin dapat dibina dengan usaha-usaha yang lain.

Mengenai dengan Perumahan Negara memanglah menjadi satu hasrat kementerian ini untuk membuat perumahan-perumahan yang

lebih padat ertinya more density dengan cara-cara pembinaan yang tidak menggunakan tanah yang banyak. Jadi perkara ini memanglah di dalam perhatian kementerian ini. Sebab itulah satu daripada inisiatifnya ialah untuk mengadakan strata title supaya rumah-rumah pangsa ini akan menjadi satu harta kepada pemiliknya apabila ia dibuat.

Dalam pada itu juga diharapkan perbelanjaan-perbelanjaan infrastruktur akan berkurang di samping keperluan tanah tetapi Kementerian Pembangunan pada masa ini menilai kaedah-kaedah pembangunan, kaedah-kaedah membangun rumah-rumah pangsa in dengan satu cara yang lebih cepat memang dijaminlah tetapi dengan cara yang lebih cost effective.

Jadi mengenai Jalan Katok ke Jerudong ini pun dalam penelitian Kementerian Pembangunan. Jadi itu saja yang dapat peramba capture dalam persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Menjunjung kasih peramba ingin menyentuh Tajuk 923 - Teknologi Maklumat dan Info-komukasi Yang Berhormat

Peruntukan perbelanjaan Kemajuan bagi Teknologi Maklumat dan Info-Komunikasi bagi 2010/2011 hanyalah \$42 juta.

Ini amat rendah jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Pada tahun 2009/2010 sebanyak \$56 juta dibelanjakan. 2008/2009 sebanyak \$63 juta, 2007/2008 \$72 juta. 2006/2007 \$76 juta. Peramba bimbang wang sebanyak \$42 juta ini yang diperuntukkan akan tidak mencukupi. Apatah lagi seperti kita maklum bahawa banyak lagi projek-projek e-Kerajaan belum lagi dilaksanakan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba hanya akan menerangkan sahaja mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat baru sebentar tadi, mengenai dengan peruntukan ICT, yang hanya kira-kira \$42 million.

Kalau Yang Berhormat melihat dalam Tajuk 932 – Simpanan Gagasan, ada telah diperuntukkan sebanyak \$95 juta. Yang mana tujuan simpanan gagasan ini ialah untuk menampung mana-mana peruntukan dari sektor-sektor atau tajuk-tajuk yang tidak mencukupi. Dan daripada pengalaman-pengala-

man yang lalu, perkara ini sentiasa dilakukan, kerana sebagaimana yang peramba telah nyatakan awal-awal lagi bahawa perancangan-perancangan kerajaan adalah satu perancangan yang dinamik. Dan selalunya, kalau terdapat keperluan-keperluan seperti ini, ianya dapat dipindah peruntukan kerana provisi dalam undang-undang dan peraturan pun memang ada bagi perkara sedemikian. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan perkara Sekolah Persediaan Arab Ugama Belait. Secara ringkas, bahawa status rancangan ini ialah dalam penelitian dan perhatian yang berat Kementerian Hal Ehwal Ugama. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Abis peramba menimbulkan iaitu Sektor 907 – Jalan Raya, iaitu 016 mengenai dengan pembesaran dan kemajuan sepanjang Jalan Residency.

Sebagaimana beberapa tahun yang lalu, perkara sedemikian telah

dibangkitkan di dewan yang sama, iaitu berhubung kait dengan permohonan kawasan tapak letak kereta bagi penduduk-penduduk di Kampung Ayer. Sebagaimana pada jawapan pada tahun yang lalu, ianya berhubung kait dengan rancangan pembesaran jalan tersebut. Jadi apakah rancangan pembesaran ini? dan bilakah ianya akan dirancangan dan berapa lamakah ianya akan dijangka dapat disiapkan? Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sebenarnya projek ini sudahpun diaward dan sepatutnya sudahpun berjalan.

Dalam kesempatan yang singkat ini, peramba tidaklah dapat memberikan butirannya secara terperinci kerana terpaksa melihat banyak kertas. Tetapi walau bagaimanapun, peramba akan memberikannya sebagai laporan dalam Hansard nanti. Dijunjung.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menimbulkannya iaitu Tajuk 907 – Jalan Raya.

Di sana ada menyatakan kajian bagi pembinaan jalan dan penghubung dari Daerah Brunei Muara ke Daerah Temburong.

Ini sudah setentunya adalah satu isu yang tersangat dekat di hati penduduk Daerah Temburong. Jadi untuk sekian kalinya dapatlah jua kiranya Yang Berhormat Menteri Pembangunan akan dapat menjelaskan sedikit, apakah perkembangan sudah berjalan dalam perkara ini. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Projek kajian, kemungkinan ini sudahpun memasuki stagenya yang akhir dan diharap kerja-kerja ini akan dijalankan dalam jangka masa yang terdekat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin bertanya mengenai dengan Tajuk 929 – Projek BEDB, iaitu:

Sungai Liang Industrial Park. Tahniah kepada BEDB kerana Peramba telah difahamkan bahawa SLA akan pertama kali akan menghasilkan methanol pada bulan April

ini. Peramba ingin bertanya, sehingga ini berapa peratuskah banyaknya anak-anak tempatan yang berkhidmat dengan syarikat berkenaan secara langsung atau secara tidak langsung?

Apakah tindakan atau strategi pihak SLA untuk memperbanyakkan lagi penglibatan anak-anak tempatan pada masa pendek dan panjang dalam projek-projek yang dikendalikan oleh SLA?

Mengenai dengan Projek Perumahan. Tahniah kepada Brunei Economic Development Board kerana telah melancarkan beberapa projek kawasan perumahan di seluruh negara, 2,000 di kawasan Kampong Pandan, 4,000 di kawasan Mengkabau dan baru-baru ini *tender* untuk 1,500 buah di kawasan Bukit Beruang, yang berjumlah lebih kurang dalam 7,500. Dalam pada itu, Peramba ingin bertanya beberapa soalan dan cadangan mengenainya.

Berapa jenis rumahkah yang akan dibina dan pernahkah pelan dan rekabentuk atau model rumah ditunjukkan kepada bakal-bakal penghuni? Input atau feedback daripada orang ramai adalah mustahak.

Apakah peranan BEDB dan Kementerian-Kementerian lain dalam projek ini? Sudahkah EIA dan SIA

dilaksanakan bagi kawasan-kawasan berkenaan?

Dan Peramba ingin mencadangkan dalam pelaksanaan projek-projek perumahan ini. Perundingan dengan pihak-pihak yang berpengalaman luas seperti Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan, Jabatan Kerja Raya dan yang lain-lainnya, akan sentiasa diadakan berterusan.

Peramba juga ingin mencadangkan agar siapnya rumah-rumah berkenaan dibuat secara berperingkat-peringkat. Seperti siapkan dulu dalam 300 buah, dan terus diagihkan kepada pemohon-pemohon yang berjaya untuk menentukan yang dibina itu adalah *marketable*. Jika sebaliknya, pengubahsuaian akan dapat dilaksanakan. Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Mengenai soalan pertama tentang Sungai Liang Industrial Park ataupun SPARK. Sukacita Peramba menerangkan bahawa Syarikat *Brunei Methanol Company* yang telah pun membina loji pembuatan Methanol. Pada masa ini telah pun

mengambil seramai 160 orang, orang tempatan dan ini adalah majoriti bagi pekerja-pekerja yang diperlukan untuk mengusahakan loji ini. Bagi pekerja-pekerja daripada luar negeri hanya beberapa orang sahaja yang pada masa ini terdapat di loji ini. Mereka itu adalah merupakan pegawai-pegawai pengawas dan mereka ini Peramba ini difahamkan akan bertugas di loji ini selama diantara 3 ke 5 tahun sahaja sebelum tempat-tempat mereka akan diambil oleh anak-anak tempatan.

Mengenai dengan projek perumahan yang dikendalikan oleh BEDB oleh sebab Peramba telah 5 tahun melepaskan sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi, jadi Peramba tidaklah mengetahui mengenai dengan jawapan kepada soalan-soalan yang telah diajukan oleh Ahli Yang Berhormat terutama sekali berapa jenis rumah akan dibina dan sama ada jenis-jenis ini telah pun tunjukan kepada orang ramai dan sebagainya.

Walau macammana pun, Peramba akan membuat penelitian mengenai dengan soalan-soalan ini dan berjanji akan memberikan jawapannya kepada satu masa yang akan datang. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan

Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih Kehadapan Majlis Tuan Peramba. izinkanlah peramba memberikan beberapa penerangan mengenai projek BEDB ini setakat yang datang kepada kepengetahuan kepada Tuan Peramba.

Sebenarkan projek di Kampong Pandan memang memberikan kebolehan untuk memberikan fasal delivery ertinya penyiapan rumah secara peringkat-peringkat. Dan perundingan-perundingan telah diadakan juga diadakan Kementerian Pembangunan setakat yang dapat.

Izinkan peramba membaliki semula soalan Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor mengenai Jalan Residency. Sebenarnya Jalan Residency ini telah pun bermula secara mobilisation pada 9 Oktober 2009 dan dijangka akan siap pada bulan Oktober 2011. Junjung kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Haji Awang Muhammad Taha bin Abd Rauf: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba cuma bertanya saja pertama sekali mengenai dengan Perubatan kesihatan mukasurat 62 dan 63 ceraian.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Jadi itu Perubatan telah limpas tadi.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Haji Awang Muhammad Taha bin Abd Rauf: Jadi in da tah dapat bercakap ni, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Mukasurat 62 perubatan dan kesihatan ceraian 002 - Pusat Kesihatan dan Perumahan Lamunin. Yang Keduanya mukasurat 63 cerian 010 - Pusat Dialysis Tutong. Macammana dia punya perkembangan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas pertanyaan itu. Yang sebenarnya Projek Lamunin masih berjalan tu, insya-Allah akan dimulakan setelah kajian-kajian dibuat, masih dalam perancangan kitani. Pusat Dialysis Tutong pun masih dalam projek dan insya-Allah akan dimulakan setelah selesai untuk ditender sebagainya akan dimula pada tahun ini. Mula-mula roboh bangunan lama atau selepas itu baru tah dijadikan baru tah membina ditapak yang sama Pusat Dialysis itu. Jadi kedua-kedua

projek itu memang berjalan, insya-Allah pada tahun ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafie bin Ahmad: Peramba cuma ingin bertanya kembali supaya soalan sektor 916 itu tidak terlepas pandang berasa kewajipan untuk memberitahu orang iaitu bangunan complex bangunan Jabatan Kenderaan Darat yang berjumlah \$7 juta. Peramba ingin mengetahui secara ringkas saja status pembinaannya. Sekian terima kasih Yang Amat Mulia.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Yang Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba fikir barangkali oleh sebab masa kitani pun sudah lanjut, dan nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat suka untuk bertanya dengan lebih panjang lebar mengenai dengan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara yang begitu besar, barangkali jumlahnya. Maka Peramba dengan penuh hormat dan takzim mencadangkan supaya kitani tangguhkan mesyuarat ini kepada hari Isnin.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli Yang Berhormat mencadangkan Majlis ini ditangguhkan. Ahli-Ahli Yang Berhormat

bersetuju untuk ditangguhkan, sila angkat tangan. Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan.

Maka oleh kerana ramai yang bersetuju, supaya majlis ini ditangguhkan, maka saya akan berpindah kepada Majlis Mesyuarat Negara untuk berbuat demikian.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
Ditangguhkan)**

**(Mesyuarat Negara Bersidang
Semula)**

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbincangan kita pada hari ini agak panjang lebar, sampai membawa sekarang sudah jam 20 minit lebih daripada pukul 5. Maka bagi membolehkan Ahli-Ahli untuk menyelidik banyak lagi masalah diadakan belanjawan 2010/2011 saya rasa Majlis ini perlu ditangguhkan sehingga pada hari Isnin pukul 9.30 pagi.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Isnin, 6 Rabiulakhir 1431 / 22 Mac 2010****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA:**

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Mahkota Pengiran
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni
Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS.,
PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua ,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA
JAWATAN (PERDANA MENTERI
DAN MENTERI-MENTERI):**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam, Perdana Menteri,
Menteri Pertahanan dan Menteri
Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),
The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour
(Lao), DSO (Singapore), Order of
Lakandula with the Rank of Grand
Cross (Philippines), DSO (Military)
(Singapore), PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana
Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei
Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato
Seri Setia Haji Awang Abdul
Rahman bin Dato Setia Haji
Mohamed Taib, PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PBLI.,
PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Dr. Haji Awang
Ahmad bin Haji Jumat, PSNB.,
SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan
Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato
Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin
Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB.,
PHBS., PIKB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan
Dato Seri Setia Haji Awang Adanan
bin Begawan Pehin Siraja Khatib
Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.
Yusof, PSNB., DPMB., PJK., PIKB.,
PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan
Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi
bin Haji Osman, PSNB., DPMB.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Hamzah
Pahlawan Dato Seri Setia Haji
Awang Abdullah bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar,
PSNB., DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar
Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji
Awang Mohammad bin Haji Daud,
PSPNB., DSNB., DSLJ., DPMB.,
PHBS., PBLI.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato
Seri Setia Haji Awang Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji
Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB.,
PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-
Sumber Utama, Negara Brunei
Darussalam.
**(Tidak hadir sebelah pagi / petang
kerana bertugas diluar negeri)**

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato
Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman
bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB.,
PIKB., PKL., Menteri Kewangan II
(Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa
Dato Seri Setia Awang Lim Jock
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia
Pengiran Setia Negara Pengiran
(Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran
Haji Abdul Rahim, DK., SPMB.,
DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Datu Singamanteri Kol (B)
Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd.
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,
Timbalan Menteri Pertahanan,
Kementerian Pertahanan,
Negara Brunei Darussalam.
**(Tidak hadir sebelah pagi / petang
kerana bertugas diluar negeri)**

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
ORANG-ORANG YANG TELAH
MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato
Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang
Haji Othman bin Uking, SMB., PSB.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin
Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK
MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat
Awang Haji Bakar bin Mansor,
SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Mohd. Shafiee bin
Ahmad,
Daerah Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Jaya Putera Dato
Paduka Awang Haji Muhammad Taha
bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimulikan
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Haji Awang Judin Haji
Asar, DPMB., SLJ., POAS., PBLI.,
PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia
Dayang Rose Aminah binti Haji
Ismail,
Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis
Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat disambung pada jam
9.30 pagi.**

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir
Rahim, Mesyuarat Pertama Dari
Musim Permesyuaratan Keenam
Majlis Mesyuarat Negara hari kela-
pan disambung semula dengan
mendahului bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Doa selamat dibacakan oleh Yang
Dimulikan Pehin Khatib Awang
Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam
Jame' Asr Hassanil Bolkiah).**

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Yang Di-Pertua: Bismillahir
Rahmanir Rahim. Syukur Alham-
dulillah. Di pagi yang mulia kita
telah berjumpa sekali untuk
menyambung perbahasan-per-
bahasan kita pada menyelesaikan,
penelitian dan mengesahkan
Perbelanjaan Kewangan Negara
Pada Tahun 2010/2011. Seperti
Yang Ahli-Ahli semua maklum
bahawa kelmarin kita sedang mem-
bincangkan dan membahaskan

Rang Undang-Undang di dalam Jawatankuasa. Mudah-mudahan perbincangan kita itu akan dapat diselesaikan, pada hari yang mulia ini. Dan segala urusan kita akan lancar dijalankan untuk kemajuan negara, bangsa dan pendapatan rakyat serta Negara Brunei Darussalam. Terima kasih. Maka dengan demikian saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini bagi kita mendapat menguruskan dan menyambungkan semula permesyuaratan kita dalam bidang Jawatankuasa semata-mata untuk meneliti dan menghalusi perbelanjaan di dalam Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2010/2011. Demikian ditangguhkan.

(Mesyuarat Negara Ditangguhkan)

**(Majlis bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang dalam Permesyuaratan Jawatankuasa bidang Jawatankuasa untuk menyambungkan semula perbincangan kita di dalam tajuk Kemajuan. Kalau saya tidak silap kelmarin kita masih membincangkan lagi tajuk Kemajuan belum selesai lagi. Maka saya minta dengan kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat kita dapat menyelesaikan dan kita akan banyak lagi mengadakan permesyuaratan seperti

Ahli-Ahli akan dibenarkan bercakap ucapan penangguhan dan berbagai-bagai lagi. Sekarang silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba hormati sekalian. Peramba ada dua perkara yang diajukan:-

1. Sektor 901 Rancangan Kemajuan Ladang Pertanian Kelompok yang diberi peruntukan sebanyak \$500 ribu. Peramba ingin mengetahui dan penjelasan selanjutnya tentang perkara ini; dan
2. Sektor – 910, talian kawat atas voltage tinggi 66 KW dari Sungai Liang ke Bukit Puan, Jalan Labi. Minta mohon penjelasan. Sekian terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Junjung kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba di sini tidak berhajat untuk

menjawab soalan yang baru dikemukakan oleh Yang Berhormat, tetapi peramba ingin menjawab soalan yang juga dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat pada hari Sabtu yang belum sempat peramba jawab. Mengenai dengan tajuk 919048 status Komplek Jabatan Pengangkutan Darat Cawangan Daerah Belait dan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer.

Sebenarnya mengenai projek ini, tapaknya telahpun diwartakan. Kerja-kerja penyediaan tanah dan pengukuran tapak telahpun siap dilaksanakan. Dan pada masa ini, Jabatan Pengangkutan Darat sedang dalam proses menyediakan keperluan spesifikasi yang diperlukan oleh Jabatan berkenaan sebelum ianya dihadapkan kepada Jabatan Kerja Raya untuk proses membuat reka bentuk bangunan. Sekian yang dapat peramba sampaikan. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba menjunjung kasih di atas kebenaran Tuan Peramba memberikan jawapan men-

genai soalan terhadap talian Voltage tinggi daripada Sungai Liang ke Bukit Puan, Jalan Labi yang mana harga rancangan ini adalah sebanyak \$18,700.00.00 dan tajuk peruntukan ini telahpun diubah oleh Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi. Daripada tajuk 1910 - 0118 kepada peruntukan 2010/2011. Peruntukan pada tahun ini adalah bagi kos consultant untuk projek ini masih lagi dalam *design stage* pada masa ini. Peramba sukacita juga mengambil kesempatan untuk memberikan penerangan sepertimana yang peramba janjikan pada hari Sabtu, yang lepas mengenai dengan Projek Perumahan yang dilaksanakan oleh pihak BEDB.

Sebagaimana yang diketahui pihak BEDB sedang melaksanakan dua buah Projek Perumahan di bawah Skim Perumahan Negara iaitu Projek Perumahan Negara sebanyak 2000 buah di Kampong Pandan, Daerah Belait dan Projek Perumahan Negara sebanyak 4000 buah di Kampong Mengkubau, Daerah Brunei Muara. Tujuan projek-projek ini dilaksanakan ialah bagi membantu mengurangkan jumlah senarai menunggu di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara.

Setelah selesai projek-projek ini, rumah-rumah tersebut akan diserahkan kepada pihak Kementerian

Pembangunan untuk diagihkan kepada penerima di bawah Skim Perumahan Negara. Jadi skim ini tidak banyak perbezaan dengan projek Skim Perumahan Negara yang lain, kecuali jumlah rumah yang dibina di bawah BEDB lebih cepat dan banyak lagi pada setiap projek. Pada masa ini terdapat dua jenis rumah yang dibina iaitu Rumah Berkembar ataupun *Semi-detached houses* dan sederet iaitu *Terrace houses*.

Disebabkan projek ini di bawah Skim Perumahan Negara. Rumah-rumah yang siap dibina akan diagihkan mengikut syarat dan peraturan Skim Perumahan Negara yang ada di bawah Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan. Ini termasuklah spesifikasi setiap jenis rumah penentuan kadar harga rumah tersebut dan juga orang-orang yang berhak menerima rumah-rumah tersebut.

Buat pada masa ini, belum ada cadangan bagi memperlihatkan contoh-contoh rumah tersebut. Tetapi pihak BEDB akan mempertimbangkan cadangan tersebut dengan lebih lanjut.

Dan akhirnya seperti yang telah dijelaskan tadi projek perumahan yang dilaksanakan oleh pihak BEDB adalah serupa dengan Projek

Perumahan Negara yang lain. Tentang sama ada ia boleh diagihkan berperingkat-peringkat pihak BEDB tidaklah bercadang untuk berbuat sedemikian. Kerana difikirkan akan menyukarkan pihak kontraktor jika sekiranya projek itu diagihkan secara berincit-incit. Jadi pihak kontraktor lebih suka, jika sekiranya projek itu siap dan akan diserahkan kesemuanya dalam satu masa sekaligus. Sekian sahaja yang dapat peramba maklumkan. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohamed Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Mengenai dengan soalan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi.

Yang Pertama, Berhubung dengan pertanyaan oleh sebab Menteri yang berkenaan rakan abis peramba di sebelah peramba tidak ada di dewan ini pada pagi ini. Maka Abis peramba akan meminta Menteri yang berkenaan itu menjawab soalan terus kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Insya-Allah.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli yang Berhormat, Bismillahir Rahmanir

Rahim. Saya membangkitkan 912-Pusat Pemulihan Dadah, di Kupang, muka surat 83. Pada masa ini yang peramba difahamkan dan peramba pun melawat di sana bangunannya cukup cantik boleh dikatakan semuanya selesai. Namun demikian, bahawa segala perabot belum lengkap lagi. Jadi kalau dilihat dalam peruntukan 2010 / 2011 ada \$2,500.000.00 dan diharap perkara ini akan dilengkapkan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Apa yang mungkin terjadi ialah *furniture* itu diberikan secara *nominated sub-contractor* dan peramba akan menyemak sama ada apakah yang terjadi pada projek itu.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menimbulkan satu perkara iaitu mengenai dengan Tajuk 916, 033 dan 034 mengenai dengan *Central Bus Station* atau *Bus Terminal* di Bandar Seri Begawan, Daerah Brunei dan Muara. *Central Bus Station* yang ada pada masa ini adalah kecil dan nam-

paknya sudah padat dan sesak dan perlu dibina *Bus Station* yang baru. *Bus Station* yang ada ini digunakan juga oleh bus-bus daripada Seria dan Tutong, oleh itulah ianya nampak tidak lagi sesuai. Peramba ingin bertanya oleh kerana ia ada dimasukkan peruntukannya dalam Rancangan Kemajuan ini, bilakah Bus Terminal atau *Central Bus Station* ini akan dibina dan dimana tempatnya? Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada yang kena-mengena ingin menjawab?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Pada masa ini tapak bagi *Central Bus Station* Brunei Muara sedang dalam proses perwartaan. Jabatan Pengangkutan Darat telahpun dimaklumkan bahawa proses perwartaan ini terpaksa ditangguhkan kerana di tapak yang ada pada masa ini masih ada satu *site office* kepunyaan sebuah syarikat, jadi insya-Allah bila perkara itu dapat diselesaikan, maka proses untuk mewartakannya akan dapat dilaksanakan. Sekian menjunjung kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh:

Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Peramba ingin menanyakan mengenai dengan projek sektor 919,067 bangunan baru Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Peramba akan bertanya mengenai dengan *operational* Jabatan berkenaan. Dalam pengetahuan Peramba, urusan orang ramai dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa selalunya ada hubung-kait dengan Jabatan Tanah dan Jabatan Ukur seperti pembangunan pemecahan tanah, pembangunan dan tukar syarat tanah. Jadinya kalau sekiranya bangunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa ditempatkan di tempat lain ini akan menyusahkan orang ramai untuk berurusan dengan Jabatan-Jabatan tadi. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia

Haji Awang Abdullah bin Begawan

Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sebenarnya Jabatan Perancang Bandar dan Desa oleh kerana Jabatan Tanah semakin memerlukan tapak terutama

sekali dalam pengurusan strata *title*. Jadi ruang Jabatan Perancang Bandar dan Desa ini adalah diperlukan bagi perluasan Jabatan Tanah. Walau bagaimanapun tanah yang dihasratkan untuk Jabatan Perancang Bandar dan Desa ini ialah satu tempat yang berdekatan dengan bangunan itu iaitu berdekatan dengan Kementerian Pembangunan. Jadi kekhuatiran atau kesulitan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi itu diharapkan tidaklah akan begitu teruk sangat, insya-Allah.

Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi: Ada yang lagi ingin membahaskan sila angkat tangan. Nampak tidak ada lagi Ahli yang akan membahaskan. Maka syukur Alhamdulillah, perbahasan kita mengenai dengan Rang Undang-Undang terdiri daripada Rang Undang-Undang Jabatan serta Kemajuan sekarang telah selesai. Maka saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana berjaya dalam hal ini.

Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Tidak setuju.

(Tidak ada).

Jurutulis: SA01A - Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual Bab 1 - Gelaran dan Permulaan Kuatkuasa.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Gelaran dan Permulaan Kuatkuasa. "Akta ini boleh digelar sebagai Akta Perbelanjaan (2010/2011) 2010 hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 April 2010".

Yang bersetuju mengenai perkara ini sila angkat tangan.

(Semua mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju sila angkat tangan.

(Tidak ada).

Maka Akta ini diluluskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, segala permesyuaratan kita dalam Belanjawan syukur Alhamdulillah sempurna dilaksanakan dan diluluskan maka dengan demikian Rang Undang-Undang Tahun 2010/2011 diluluskan. Sekarang kita akan bermesyuarat semula di dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Negara Bersidang Semula)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Peramba menjunjung izin memberitahu bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi perkhidmatan tahun Kewangan 2010 / 2011 dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu" telahpun dipertimbangkan dalam persidangan Jawatankuasa yang telah dipersetujui dengan tidak ada pindaan. Sekarang peramba menjunjung izin untuk mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibaca dan diluluskan, menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, peramba menyokong usul tersebut.

Yang Di-Pertua: Siapa yang bersetuju pada Rang Undang-Undang ini sila angkat tangan. (Semua Ahli mengangkat tangan). Siapa Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, sila angkat tangan (Tidak ada). Maka Rang Undang-Undang ini telah diluluskan

untuk perbelanjaan Tahun 2010 / 2011.

Jurutulis: Suatu Undang-Undang Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2010/2011 dan Untuk Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-maksud Tertentu.

Perkara yang Kelapan, Ketetapan Yang Pertama akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamad Taib, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Di-Pertua Dewan, izinkanlah peramba menerangkan secara ringkas mengenai dengan kertas yang dibentangkan di atas meja.

No 1, tahun 2010 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan Tahun 2009 menurut fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Yang Di-Pertua Dewan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebanyak 28 Perintah

yang disenaraikan telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sebahagian daripada perintah-perintah ini sudah pun berjalan pada tahun 2009 yang lalu dan sebahagiannya lagi akan mula berjalan pada tahun ini. Kesemua perintah itu juga telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Perintah-perintah ini telah diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan untuk memastikan segala takbir urusan kerajaan dan negara ini berjalan dengan teratur dan lancar. Maka perintah-perintah yang telah diperkenankan ini pada fahaman peramba tidaklah perlu untuk kita mendebatkan mengenainya sebaliknya sesuai bagi ianya diluluskan sahaja.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat keterangan ringkas mengenai perintah-perintah yang peramba sebutkan ini adalah seperti yang terdapat dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara bilangan Perkara IV.

Izinkanlah peramba sekarang untuk mencadangkan usul yang berbunyi Majlis ini membuat ketetapan fasal 7 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959

bahawa tiap-tiap perintah di bawah fasal (3) 83. Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan dihadapkan kepada Majlis ini sebagai Kertas, bilangan 1, tahun 2010 adalah masing-masing melalui dari tarikh perintah-perintah itu dibuat untuk diluluskan.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: (Bangun berdiri tanda menyokong).

Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan ada sokongan. Sekarang kiranya ada Ahli-Ahli ingin membahaskan perkara ini silakan. Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli yang ingin membahaskan perkara ini maka dengan sendirinya Ketetapan itu telah diluluskan.

Jurutulis: Ketetapan yang Kedua, ialah akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan (II) Kedua, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan. Peramba

menjunjung izin untuk berdiri bagi mensyorkan Ketetapan yang mana akan mengukuhkan lagi Belanjawan Kemajuan bagi tahun kewangan 2010/2011 di bawah akaun SP01.

Dalam Anggaran Belanjawan Tahun Kewangan 2010/2011 terdapat peruntukkan sejumlah \$1,050 juta yang dipohonkan supaya dipindahkan kepada Kumpulan Wang Kemajuan. Butir-butir perbelanjaan kemajuan dalam tahun tersebut adalah dinyatakan dalam Anggaran-Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja. Sebagai kertas bilangan 2 tahun 2010, seperti yang dimaklumi. Peruntukan Kemajuan ini, telah pun dibincangkan secara panjang lebar dalam Jawatankuasa yang bersidang pada hari Sabtu, juga pada pagi ini yang mana ianya telah dipersetujui tanpa sebarang pindaan.

Yang Di-Pertua Dewan, peramba sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut seperti mana yang telah dirancangan.

Dari itu, Yang Di-Pertua Dewan, peramba sukacita mensyorkan supaya Majlis ini menetapkan menurut ceraiian 2 dari bab 4 Undang-Undang Kumpulan Wang Kemajuan bilangan

8 supaya perbelanjaannya yang berjumlah B\$1,050 juta dibenarkan dan diperuntukkan dari kumpulan Wang Kemajuan untuk maksud yang dinyatakan di dalam Anggaran-Anggaran Perbelanjaan tahun Kewangan 2010/2011, yang terbentang sebagai Kertas Bilangan 2 tahun 2010. Sekian menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: (Mengangkat tangan tanda menyokong).

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) tadi, dan telah mendapat sokongan. Sekarang saya meminta Ahli-Ahli.

Yang bersetuju atas cadangan ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Yang tidak bersetuju, sila angkat.

(Tidak ada).

Setelah diperhatikan, dilihat nampaknya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka dengan demikian cadangan Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua), mengenai dengan Rang Undang-Undang Perbelanjaan Tahun 2010 / 2011 diluluskan.

Jurutulis: Perkara yang Kesembilan, Ucapan-Ucapan Penangguhan. Ucapan Penangguhan yang pertama akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Alhamdulillah kita semua telahpun duduk bersemuka di dalam sidang yang sudahpun berjalan dengan lancar dan teratur di bawah pimpinan bijaksana yang Di-Pertua Dewan yang begitu sabar menghadapi berbagai-bagai situasi di sepanjang persidangan ini.

Oleh sebab itu kita semua mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Di-Pertua Dewan, kerana telah menjalankan tanggungjawab-

nya dengan baik hingga sidang ini semakin menghampiri detik penamatnya.

Selama lapan hari kita berkampung di dewan ini, akhirnya kita telah berhasil menemui kesepakatan untuk meluluskan perkara-perkara penting yang membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk berfungsi dengan baik bagi melaksanakan pelbagai perkara dan projek yang tentunya akan membawa manfaat kepada negara dan rakyat di dalamnya bagi tahun yang akan mendatang ini.

Setiap pihak dalam sidang ini mempunyai harapan untuk melihat rakyat jelata memperolehi kesejahteraan, seperti yang diharap-harapkan. Oleh sebab itu pihak kerajaan khususnya setiap kementerian mempunyai pelan strategik masing-masing yang mengandungi pelbagai perancangan yang telah dikaji dan diteliti terlebih dahulu kesesuaiannya. Perancangan-perancangan itu disediakan dengan sebaik-baiknya yang lengkap dengan *time frame* pelaksanaannya bagi setiap tahun. Lanjutan daripada perancangan itulah, Alhamdulillah kita telah dapat menyaksikan projek-projek pembangunan itu berjalan seperti yang diharapkan. Lazimnya projek-projek

itu terlaksana dengan lancar seperti yang dirancang dan dijangka, hanya kadang kala terjadi cabaran-cabaran di luar bidang kuasa pihak kementerian yang telah menyebabkan setengah projek itu tergendala sementara.

Walau bagaimanapun pihak kerajaan sentiasa memikirkan dan melaksanakan kembali sebarang projek yang menghadapi halangan itu hingga berjaya. Ahli-Ahli Yang Berhormat, tentunya memahami bahawa dalam beberapa keadaan berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sidang majlis yang dihormati. Seperkara yang harus sama-sama kita ambil maklum, adalah tentang wujudnya fleksibiliti di dalam melaksanakan tadbir-tadbir urus Kerajaan, yang selalunya adalah bersandarkan kepada realiti semasa, bukan hanya di tanah air kita, tetapi keadaan serantau dan dunia pada keseluruhannya. Perkembangan semasa itu boleh mempengaruhi corak perbelanjaan kerajaan. Apatah lagi dalam menghadapi hambatan-hambatan yang di luar dari kawalan kita dan kita pula tidak mampu untuk menepis kehadirannya, hingga kerajaan terpaksa berbelanja lebih daripada yang

dianggarkan. Perkara seumpama ini perlu kita semua fahami dan difahamkan pula kepada rakyat jelata sekalian.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli sidang yang budiman. Sepanjang sidang ini berlangsung Ahli-Ahli sidang nampaknya begitu teruja untuk mengemukakan soalan dan pandangan masing-masing, dan nampaknya Yang Berhormat di sebelah sana telah menunjukkan kematangan, kemantapan hujah masing-masing.

Kebanyakan anjuran daripada Yang Berhormat itu, disertai dengan dokongan fakta-fakta yang ada dan saranan-saranan kedapatan yang seumpama itu sangat perlu dalam kita merangka landskap pembangunan negara ini.

Sehubungan dengan itu, peramba sekali lagi, menegaskan bahawa agensi-agensi kerajaan adalah sentiasa terbuka untuk menerima sebarang kemuskilan pihak Yang Berhormat di sebelah sana, pada bila-bila masa yang bersesuaian, khususnya bagi perkara-perkara yang berbentuk *administrative*, ini juga akan menjadikan Yang Berhormat lebih analitis terhadap agenda-agenda kerajaan.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Apa yang kita sama-sama perbahaskan itu, di sidang yang mulia ini, bukanlah kerana kita ingin menuding jari kepada mana-mana pihak untuk mencari kesilapan, tetapi semuanya ini adalah kerana kasih dan sayang kita yang tidak berbelah bahagi kepada negara kita yang penuh berdaulat ini.

Akhirnya peramba mengambil peluang ini untuk menyatakan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua Ahli Yang Berhormat, daripada kedua-dua belah pihak, yang mewakili kerajaan dan yang mewakili rakyat jelata yang begitu dedikasi menjalankan tanggungjawab masing-masing. Mudah-mudahan dalam segala apa jua yang kita tunduki bersama-sama di dewan ini akan membuahkan hasil yang membawa kesejahteraan hidup di dalam negara yang aman, makmur, baladun taiyyaibatun warabbun ghafur.

Insyallah pada suatu tarikh dan ketika di tahun hadapan, dewan bersejarah ini akan menjadi saksi lagi kepada persidangan yang seterusnya pula. Berdasarkan pengalaman kita yang seharusnya sudah semakin matang dalam mengoptimumkan fungsi sidang ini, maka kita penuh optimis bahawa permesuaratan itu nanti akan padat berisi

dengan wacana bernas yang akan menimbulkan sesuatu yang sangat tinggi nilainya bagi kelangsungan hidup berbangsa dan bernegara ini.

Dengan itu, Yang Di-Pertua Dewan, maka peramba dengan penuh hormat dan takzim dan dengan rasa penuh syukur dan tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala jua, peramba mengusulkan agar persidangan yang kita hadiri pada kali ini ditangguhkan. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Pemangku Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan kedua akan disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Yang Amat Mulia Pengiran, Yang Di-Pertua Dewan, oleh kerana giliran peramba nampaknya memang sudah sedia. Tetapi untuk ini, peramba memohon maaf, peramba belum dapat memberi apa-apa juga ucapan penangguhan. Kalau dengan izin Yang Di-Pertua Dewan, biarkanlah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang seluruhnya memberikan ucapan-ucapan mereka dulu. Insya-Allah kalau sudah habis orang-orang ini nanti, baru

dapat peramba memikirkan apa yang peramba hendak ucapkan. Pasal ucapan peramba nanti tentulah akan menyentuh bukan hanya atas nama giliran peramba menjadi Ahli Orang Yang Bergelar. Tetapi sebagai ahli dewan yang disebut di sebelah sana sebelah sini, ialah kerana sebelah sana sebelah sini tak tahu apa ertinya itu sebelah sana dan sebelah sini? jadi dengan sebab itu peramba menjunjung maaf, kalau boleh diizinkanlah biarkanlah mereka-mereka sebelah ini dahulu dan selepas itu barulah dapat peramba mengemukakan. Terima kasih.

Pemangku Timbalan Jurutulis:

Ucapan penangguhan ketiga akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:

Junjung kasih Yang Amat Mulia *Honorable Speaker, Cabinet Ministers and Members of Legislative Council.*

In line with His Majesty's vision to abolish poverty by the year of 2035, I understood a committee has been formed to implement it. Is this under the Department of Community Development? Pardon me if I am wrong. This committee will have a

very tough responsibility. May I humbly suggest in order to achieve this vision that the Ministry concern can work closely with private sector like Brunei Shell, Banks, Prominent Businessmen, professionals to give ideas on how to abolish poverty.

Since the Committee has been implemented, may I know from The Honourable Minister concern what action has been taken and what is the long term plan to tackle this issue? Can The Honorable Minister brief us?

Your Honourable Speaker, may I humbly suggest we should look into the following points if it is acceptable by your ministers:-

1. **Incentive for companies to employ locals.**

Some tax rebate or incentive must be given if companies employ more than 50% locals;

2. **Encourage of SME.**

Encouragement must be given to SME to start small business from their homes in Kampong. Although some of them have violated land condition or have no licence I believe the relevant Government Agencies must advise and support them, not to discourage them. The

Government Agency should advise them in the form of hygienic of the food, proper shelter and so on so that they can get extra income. This is one way to abolish poverty;

3. **Training for local unskilled workers.**

Training for local to learn repair, wiring, construction work, mechanic work. As for local women can learn sewing and cooking and factory work. I know that Government has already implemented. But it is not well organised and properly run. May I suggest we should privatise to professional organization to manage it;

4. **Language Education.**

It is important that local should learn foreign languages like Chinese, Japanese, Korean and English so they can work abroad and not depend on Brunei for employment;

5. **Tourism.**

Another way to look is tourism. In other countries tourism is a major income for the economy. Let us look at our neighbours;

Singapore.
 2009 total GDP US\$181 billion, Tourism contributed US\$14.2 billion which is about 8% of total GDP. Total number of tourists is about 9.6 million;

Malaysia.
 2009 total GDP US\$194 Billion, tourism contributed US\$26.8 Billion which is about 14% of total GDP. Total number of tourists is about 31.7 million;

Thailand.
 2009 total GDP US\$260 Billion, Tourism contributed US\$36 Billion which is about 14% of total GDP. Total number of tourist is about 14 million;

Spin-offs from tourism mean better business for hotels, tour operators, retail, restaurants and others. We should look into this sector; and

6. *Manufacturing Park.*
 Honourable Speaker, May I suggest Ministry concern must encourage foreign investor to set up manufacturing base in Brunei. We have unlimited land, good infrastructure, stable

Government, friendly people, no levy on foreign labour, cheap electricity and water, to operate manufacturing as follows:-

- a) *Furniture;*
- b) *Food processing;*
- c) *Clean room products;*
- d) *Medical products;*
- e) *Stationeries;*
- f) *Packaging;*
- g) *Chemical; and*
- h) *Electrical and Engineering Works.*

This will create employment for the local. We hope that the Ministry concern can look into these factors seriously.

Honorable Speaker, as for certain acts, these acts have been implemented before independence. For example Attorney General and State Financial Officer were British. If the acts is not relevant now with the present global changes, we should review.

Honorable Speaker, the feedback from the public is that when an application is submitted, reply should be given in an appropriate time. If rejected they must please give a reason. The mindset of people is changing. They want to know why.

Lastly, I would like to congratulate The Honorable Speaker for his dedication and wisdom of ideas to have this session run very smoothly in a happy atmosphere.

Thank you. Junjung kasih Pengiran.

Yang Di-Pertua: Cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat cukup bagus tapi yang saya rasa patut dibisakan lagi dengan sebaik-baiknya dengan menggunakan Bahasa Melayu kerana banyak perkara-perkara yang indah dikemukakan itu. Kalau didengar oleh sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat atau sama rakyat dengan Ahli Yang Berhormat, tentu ia akan lebih disukai oleh orang ramai kerana penerangan-penerangan itu boleh mengerti pada mereka. Maka pada cadangan saya, pada fikiran saya, pada satu masa akan datang, perbahasan-perbahasan eloklah menggunakan Bahasa Melayu supaya sahabat-sahabat kitani dapat sama-sama menikmati dan mendengar, apa kehendak-kehendak Ahli Yang Berhormat itu. Terima kasih.

Pemangku Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan Keempat, akan disampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Peramba menjunjung kasih kerana diberi kesempatan untuk memberi Ucapan Penangguhan dalam Majlis ini.

Peramba menyentuh mengenai Skim Perumahan Negara. Majlis mendapat maklum, sejumlah permohonan dalam Skim Perumahan semenjak 1993 hingga 2001 ialah 15,976. Oleh kerana masalah perumahan, yakni orang-orang yang memerlukan tempat tinggal dari setahun ke setahun tidak ada tanda-tanda kekurangan malah makin bertambah.

Majlis memahami, bukanlah satu perkara yang mudah untuk menyelesaikan masalah dalam jangka waktu yang singkat. Kerana melaksanakan projek yang besar seperti ini sudah setentunya menghadapi beberapa masalah seperti pentadbiran, teknikal, suasana persaraan dan sekitar serta lain-lain masalah.

Pihak Kementerian sudah tentu ada pengalaman dalam menghadapi

masalah yang timbul sepanjang masa projek tersebut berjalan, yang sudah memakan masa berpuluh-puluh tahun. Peramba yakin ada perkara-perkara yang positif dan tidak kurang negatifnya yakni kebaikan dan kelemahannya.

Yang Di-Pertua Dewan. Berpandukan pengalaman yang dilalui berpuluh-puluh tahun, dijadikan sebagai satu kajian yang menyeluruh. Majlis yakin pihak berkenaan akan dapat menilai dan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan, ke arah untuk menyelesaikan masalah perumahan ini.

Dalam Majlis ini, saya menyarankan, selain dari dasar dan peraturan yang diguna-pakai pada masa ini. Satu perubahan dan pengubahsuaian perlu dibuat dalam mengendali kemajuan perumahan dan berharap akan dapat mengurangkan bilangan skimnya dan tidak akan bertambah.

Yang Di-Pertua Dewan. Di antara langkah-langkah yang perlu diambil, saya cadangkan:

Memberi tanah khas untuk membina rumah bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, kepada mereka yang berhak mendapat Skim Kemudahan Pinjaman Kewangan Kerajaan yakni *Government Housing*

Loan, yang berkeluasan tidak kurang daripada $\frac{1}{4}$ ekar. Seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam majlis ini beberapa hari yang lalu supaya menggalakkan pegawai-pegawai kerajaan mengambil loan untuk mengurangkan tunggakan bayaran balik. Pembahagian ini hendaklah diberi kepada mereka yang belum mempunyai tanah langsung tetapi memiliki T.O.L di kampung masing-masing. Dan tanah T.O.L hendaklah dikeluarkan geran, supaya pemilik dibolehkan memohon loan sebagai syarat kemudahan pinjaman wang Kerajaan kerana geran tanah adalah sebagai gadaian kepada peminjam tersebut.

Selaras dengan saranan Menteri Pembangunan pada 18 haribulan Mac, menggalakkan loan kerajaan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang berhak.

Kerajaan hendaklah menyediakan satu kawasan tanah untuk perumahan di setiap mukim, iaitu setiap mukim Kerajaan menyediakan tanah untuk pembangunan kemajuan rumah untuk penduduk-penduduk mukim berkenaan dengan keluasan terhad, yakni $\frac{1}{4}$ ekar seorang, khas untuk rumah saja. Dan kawasan menyeluruh sekurang-kurangnya antara 100 ekar ataupun hingga 300 ekar bagi setiap mukim, untuk perse-

diaan jangka panjang dalam jangka 50 tahun ataupun 100 tahun akan datang.

Dalam projek ini, Kerajaan disarankan menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, api elektrik, air dan lot tanah, pembahagian tanah tapak masing-masing seperti mana yang dibuat oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama terutama dalam Projek Kumpulan Peladang Luar Bandar.

Peserta-peserta yang terlibat, yang ingin memiliki rumah tetapi tidak mempunyai tanah. Mereka ini adalah terdiri dari yang bekerja sendiri atau dengan syarikat swasta, kakitangan yang hampir bersara dan lain-lain kategori yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tujuan utama satu mukim satu kawasan perumahan khas bagi mereka yang belum memiliki rumah ialah:

- (1) Mengurangkan penghijrahan atau berpindah penduduk-penduduk kampung dari luar bandar ke bandar-bandar seperti berlaku penghijrahan dari Kampong Ulu Tutong dan Ulu Belait. Di samping

untuk menjaga keselamatan kampung berkenaan dari pencerobohan.

- (2) Mengelakkan dan mengurangkan kesesakan jalan raya di projek-projek perumahan yang sudah ada.
- (3) Mengurangkan kadar kemiskinan kerana tidak memiliki rumah sendiri. Yang mana pada masa ini terdapat saudara-saudara baru muallaf dan fakir-miskin yang menduduki rumah sewa, menyewa rumah yang dibayar oleh Majlis Ugama Islam dengan kadar \$500.00 sebulan.

Dalam hubungan ini, saya sarankan pihak Majlis Ugama Islam supaya mengambil langkah membina rumah secara langsung untuk saudara-saudara baru dan fakir miskin daripada membayar sewa bertahun-tahun kepada mereka yang berkenaan jika sekiranya skim ini atau skim yang serupa dapat diwujudkan kelak. Insya-Allah secara tidak langsung, akan dapat membantu Jabatan Kemajuan Perumahan mengurangkan kadar permohonan yang sudah ada atau permohonan baru. Dengan memberi peluang mereka dari kampung-kampung, mukim

masing-masing melalui skim yakni *loan* dan lain-lain kemudahan seperti melalui Institusi Kewangan dan Bank. Projek perumahan di-kampung-kampung atau mukim pedalaman untuk jangka panjang akan memudahkan mata pencarian, pengangkutan seperti bas, teksi, di masa akan datang.

Secara tidak langsung, Kementerian/Jabatan Kerajaan mempunyai *reserve* tanah khas untuk perumahan bagi setiap penduduk mukim masing-masing untuk jangka panjang bagi generasi yang akan datang, sepertimana kerajaan telah mereservakan Hutan Simpan dan Taman Negara.

Dengan adanya majlis pada hari ini, mencadang supaya setiap mukim yang menyediakan tapak tanah khas untuk penduduk-penduduk setempat bagi tapak perumahan untuk jangka panjang, 50 tahun atau 100 tahun akan datang ...

Yang Di-Pertua: Ahli Yang Berhormat terlalu panjang ucapan Ahli Yang Berhormat. Di antaranya yang sudah dikemukakan lebih awal lagi maka kalau akan menyampaikan ucapan, buatlah perkara-perkara yang belum disampaikan dan tidak dibincangkan lebih awal. Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Sedikit lagi Yang Di-Pertua Dewan. Ini bermaksud kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif untuk menghadapi masalah perumahan bagi rakyat Negara Brunei berdasarkan pengalaman terkini.

Akhirnya, peramba menjunjung kasih kepada Yang Di-Pertua Dewan di atas kebijaksanaan Yang Di-Pertua Dewan, memimpin Majlis Mesyuarat Negara Kali Yang Keenam ini dengan jayanya. Dan penuh dedikasi, yang membawa Majlis Mesyuarat kali ini dalam keadaan harmoni dan muhibah.

Kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, peramba mengucapkan berbilang terima kasih di atas kejayaan dan kerjasama dari pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat semuanya. Sekian Yang Di-Pertua Dewan. Menjunjung ampun dan maaf.

Pemangku Timbalan Jurutulis: Ucapan Penangguhan Yang Kelima akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Bismillahir Rahmanir Rahim, men-

junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu dengan penuh hormat dan takzim peramba sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kebijaksanaan Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan yang telah memimpin dan menguruskan Permesyuaratan yang Pertama dalam Musim Permesyuaratan Keenam kita tahun ini dengan jayanya.

Terima kasih dan juga setinggi-tinggi penghargaan terhadap kerjasama yang diberikan oleh setiap Ahli-Ahli dan rakan-rakan Yang Berhormat yang membolehkan persidangan kita berjalan dengan baik dan berjaya dalam suasana yang produktif, harmoni dan aman damai.

Yang Di-Pertua Dewan, di kesempatan dalam memberikan ucapan penangguhan ini, peramba sukacita akan membawakan isu-isu tenaga, *sustainable energy* dan perkhidmatan-perkhidmatan *profesional*. Di permesyuaratan tahun lalu peramba telah mencadangkan supaya kita mempromosikan:-

1. Program EED (*Energy Efficient Design*); dan

2. Mengadakan dan meneruskan penyelidikan bagi *Alternative / Renewable Energy*.

Peramba bergembira dan mengucapkan tahniah di atas usaha-usaha dan kerjasama yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Tenaga yang telah mengusahakan Projek Tenaga SURIA sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, projek ini akan siap pada bulan Ogos 2010 dan ianya akan digunakan melalui penyalurannya kepada grid nasional pembekalan elektrik negara dan juga sebagai contoh untuk kajian pembangunan, penyelidikan Tenaga SURIA pada masa tahun yang akan datang.

Di kesempatan ini juga, peramba ingin mencadangkan supaya ditubuhkan satu pusat penyelidikan tenaga yang boleh dinamakan dengan nama Pusat Tenaga Brunei Darussalam. Pusat ini ditubuhkan dengan secara badan persendirian untuk memenuhi keperluan penyelidikan tenaga yang mungkin ditadbirkan oleh Kementerian Tenaga dengan mempunyai *Board Of Director* dan Lembaga Pengarahnya tersendiri, untuk memberikan panduan hala tuju polisi dan pentadbirannya. Badan-badan korporat yang beroperasi di negara ini dalam

bidang yang melibatkan penghasilan dan pengeluaran tenaga seperti BSP, BLNG, TOTAL, Mitsubishi dan juga badan-badan pengajian tinggi seperti UBD, ITB dan badan-badan yang berkenaan seperti PUJA (B) dan *stakeholder-stakeholder* yang lainnya adalah dimestikan untuk ikut serta dalam penubuhan ini.

Buat masa ini, peramba difahamkan pihak UBD sedang mengusahakan beberapa buah penyelidikan (R&D) terhadap subjek ini. Mungkin juga usaha-usaha ini dapat diselaraskan dengan tugas-tugas pusat ini nanti. Pusat ini akan berfungsi antara lain sebagai misalnya:-

1. Menjadi 'Think-Tank' kebangsaan mengenai dengan tenaga;
2. Menjadikan 'Promoter' bagi program penggunaan tenaga yang *efficient & 'renewable' energy*; dan
3. Menjadi 'guardian / repository' untuk 'database' tenaga kebangsaan.

Pusat ini juga mempunyai visi untuk dikenali sebagai penyediaan '*sustainable energy solution*'.

Dalam waktu yang sama, saya juga ingin menekankan supaya usaha-usaha untuk mempengerusikan

Program EED (*Energy Efficient Design*) perlu diteruskan melalui perkhidmatan - perkhidmatan (*Architect Jurutera / Consultant*) dan juga penyertaan-penyertaan *stakeholder* yang berkenaan.

Justeru itu peramba juga ingin mencadangkan supaya ditubuhkan satu badan bagi menyelaraskan sistem tanda aras ataupun (*benchmarking*) dan rangka garis panduan kepada perkembangan, kecekapan tenaga seperti (*Green Building Index*). Penentuan kadar dan garis panduan indeks ini diperlukan bagi memberikan panduan kepada amalan-amalan terbaik ataupun *best practices*. Jadinya penubuhan national green building council adalah diperlukan dan disyorkan supaya dapat ditubuhkan.

Peramba ingin menimbulkan lagi isu kedua:-

Perkhidmatan profesional seperti berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan,

Perkhidmatan *profesional* seperti *Architect / Jurutera / Juruukur* adalah perkhidmatan yang dikawal oleh badan yang tertentu ataupun *Board of Architect, Engineers & Survey* dan yang berpandukan kepada Akta yang digelar *Architect Engineer Surveyor Order*.

Terlebih dahulu peramba memohon maaf kerana isu ini telah dibawakan pada tahun lepas, walau bagaimanapun peramba difahamkan bahawa *Architect, Engineers and Surveyors Order* ini adalah di dalam peringkat-peringkat terakhir untuk diluluskan.

Dari itu peramba pohonkan serta penuh berharap *order* dan *board* ini akan dapat ditubuhkan dengan secepatnya bagi memantau perkhidmatan-perkhidmatan *profesional* ini bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan itu berkualiti tinggi, selamat dan mengikut piawaian dan peraturan-peraturan yang ditetapkan serta memelihara kepentingan alam sekitar.

Perkhidmatan *profesional* ini adalah sangat-sangat mustahak kerana ia akan bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan yang melibatkan peruntukan-peruntukan yang tinggi seperti yang baru kita luluskan baru-baru ini, projek-projek bangunan awam \$41.7 juta dan sektor pengangkutan dan perhubungan sebanyak \$105.7 juta.

Penguatkuasaan *Order* / perintah ini juga diperlukan untuk menyahut keperluan global seperti penyertaan kita di dalam ASEAN dengan mematuhi syarat-syarat MRA (*Mutual Recognise Agreement*). Ini akan membolehkan kita berkhidmat

dalam negara-negara ASEAN. Oleh yang demikian sukacita dipohonkan untuk tindakan seterusnya.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, sekianlah dulu yang ingin peramba sampaikan buat kali ini dan sukacita menyokong penangguhan permesyuaratan ini. Peramba menjunjung kasih, Wabillahit Taufik Wal-Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Di-Pertua: Hendaklah diambil perhatian banyak Ahli-Ahli Yang Berhormat tentu akan mengambil perhatian dalam perbahasan dan menyampaikan ucapan. Maka dengan demikian saya akan memberikan hanya tujuh minit tiap-tiap ahli, setinggi-tingginya tujuh minit seorang pada ahli membuat ucapan di dalam majlis ini. Sekian.

Pemangku Timbalan Jurutulis: Ucapan penangguhan yang Keenam akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Apa yang peramba kemukakan pada hari ini, Yang Di-Pertua Dewan

ialah mengenai dengan cukai kastam yang dikenakan kepada *computer printer* serta alat gantinya (*parts*) dan alat tambahan (*printer accessories*). Sebelum itu Yang Di-Pertua Dewan, peramba ingin menyentuh sedikit dengan ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Lela Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) apabila Yang Berhormat membentangkan Belanjawan Tahun Kewangan 2010/2011 mengenai dengan beberapa pindaan yang berkaitan dengan Akta Cukai Pendapatan (Penggali 35) iaitu kadar cukai pendapatan korporat akan diturunkan kepada 22% bagi tahun tafsiran 2011 dan juga mekanisme bagi pengurangan kadar cukai pendapatan korporat.

Yang Di-Pertua Dewan, pindaan-pindaan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) adalah satu-satunya berita dialu-alukan bagi pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga. Peramba ingin mengambil kesempatan di sini bagi menyebarkan menjunjung Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memperkenalkan pindaan Akta Cukai yang tersebut tadi. Junjung kasih.

Berbalik kepada cukai kastam bagi barang yang peramba sebutkan baru-baru. Beberapa jenis alat cetak komputer (*computer printer*) dikenakan cukai kastam (5% - 20%) mengikut Brunei Darussalam *Trade and Tariff Classification 2008*. Manakala alat ganti (*parts*) dan alat tambahan (*accessories*) bagi alat cetak komputer ini semuanya dikenakan cukai kastam 20% dan juga alat ganti komputer seperti *power supply* dan *power cable* dikenakan cukai kastam sebanyak 20%.

Sebelum ini komputer printer yang peramba maksudkan tadi tidak dikenakan cukai kastam. Seperti juga komputer dan komputer software – tidak ada cukai kastam. Akan tetapi jika kita membawa masuk alat seperti *power supply* dan *power cable* dikenakan cukai kastam 20%.

Yang Di-Pertua Dewan, apa yang saya kemukakan ini supaya cukai kastam bagi barang-barang yang peramba sebutkan tadi, ditiadakan. Pendek kata apa saja yang berkaitan dengan komputer dihapuskan cukai kastam sama sekali.

Dengan ditiadakan cukai kastam kepada barang-barang yang saya sebutkan tadi, harganya akan turun dan banyak orang akan mampu membelinya.

Di kesempatan ini juga, peramba mencadangkan ini perkara kecil, tapi ada kaitannya peramba timbulkan di sini iaitu supaya basikal yang mempunyai cukai kastam 20% ditiadakan cukainya. Tidaklah perlu peramba dengan panjang lebar menerangkan mengapa peramba mengemukakan cadangan ini. Memadailah jika peramba katakan basikal dikategorikan sebagai peralatan sukan yang tidak dikenakan cukai kastam. Sekian terima kasih. Wabillahit Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pemangku Timbalan Jurutulis:

Ucapan Penangguhan Yang Ketujuh akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh. Kita mengadakan Majlis Mesyuarat Negara dalam beberapa hari sahaja setiap tahun untuk membincangkan peruntukan negara berjumlah hampir \$5 bilion. Dalam tempoh beberapa hari mesyuarat diadakan ahli-ahli telah diberi masa yang tertentu untuk menyampaikan perkara-perkara yang

ingin ditimbulkan sama ada inisiatif sendiri ataupun permintaan orang ramai supaya dibawa ke mesyuarat ini setelah diteliti kesesuaiannya.

Oleh kerana masa untuk menyuarakan sesuatu perkara itu terhad, maka ada di antara perkara-perkara yang ditimbulkan itu tidak ada kesempatan untuk diberikan alasan-alasan yang cukup atau lengkap yang menyebabkan sesuatu perkara yang ditimbulkan itu kurang jelas.

Yang Di-Pertua Dewan, peramba perhatikan banyak perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh ahli-ahli sebelah sana telah diambil tindakan oleh pihak Kerajaan. Alhamdulillah. Tapi ada sebahagian tidak diambil tindakan dan tidak berjawab dan ada yang kurang jelas jawapannya, dengan yang demikian ada perkara-perkara yang pernah dibawa pada musim permesyuaratan-permesyuaratan yang lalu terpaksa diulang lagi atas kehendak orang ramai.

Antara perkara-perkara yang peramba maksudkan itu, misalnya:-

- Mengenai dengan rayuan orang ramai yang terlibat dalam pembayaran *premium* tanah yang tempoh pajakannya sudah dan akan berakhir supaya *premium-*

nya dikurangkan atau ditiadakan. Hingga masa ini pihak yang berkenaan belum mengambil ketetapan sama akan dipertimbangkan atau tidak. Seharusnyalah pihak yang berkenaan memberi ketetapan yang jelas. Supaya orang-orang berkenaan tidak tertanya-tanya atau tertunggu-tunggu dan mereka boleh berikhtiar untuk mencari jalan yang terbaik untuk mengatasi masalah mereka masing-masing; dan

- Mengenai dengan cadangan kerajaan membina sebuah jambatan untuk menyeberangi Sungai Pandaruan. Dalam permesyuaratan kali ini jawapan telah diterima yang mana belum juga ada ketentuannya, sama ada membina ataupun tidak kerana ia melibatkan negara jiran. Jika antara sebab-sebabnya ialah kerana melibatkan negara jiran. Perkara ini boleh dirundingkan dengan negara jiran yang berkenaan, kerana peramba yakin mereka juga menginginkan jambatan ini dibina. Tanda-tanda mereka menginginkan jambatan ini

juga dibina ialah dengan adanya mereka sedang membina jambatan di-Sungai Terusan iaitu sebahagian dari rangkaian jalan yang menghubungkan Negeri Sarawak dan Sabah melalui Negara Brunei Darussalam.

Yang Di-Pertua Dewan. mengenai dengan perkara lain. Peramba ingin menyentuh mengenai dengan kemiskinan. Walaupun perkara ini pernah ditimbulkan sebelumnya akhir-akhir ini nampaknya syarat-syarat kelayakan bagi seseorang miskin itu untuk mendapat bantuan telah berubah sedikit kerana banyak orang-orang miskin yang dulunya tidak layak diberi bantuan, telah diberi bantuan agihan wang zakat. Alhamdulillah, bantuan agihan wang zakat ini adalah merupakan tindakan jangka pendek sahaja. Tetapi apa yang diperlukan sekarang ialah perancangan jangka panjang supaya orang-orang yang dikatakan miskin itu digalakkan berusaha untuk berdikari.

Dengan diberi peluang, dipimpin dan dibantu untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai supaya mereka dapat menyara hidup mereka sendiri dan pihak yang berkenaan tidak lagi perlu terus-menerus memberikan bantuan mereka,

kecuali bagi mereka yang benar-benar tidak berupaya. Usaha-usaha bagi membantu fakir miskin ini, untuk berdikari. Bukanlah terletak di bahu kerajaan sahaja, tapi di pihak swasta dan orang-orang yang berkemampuan untuk membantu sama.

Kita selalu mendengar berita bahawa jenayah dan gejala sosial seperti kecurian, masalah dadah, masalah penyeludupan, masalah menyalahi Akta Imigresen dan Kastam dan seumpamanya. Semua kejadian-kejadian ini adalah mendatangkan kesan dan mengganggu kehormatan, kesejahteraan dan keamanan negara, sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan 2009 pada 28 Safar 1431 bersamaan 13 Februari 2010. Antara titah Baginda itu adalah seperti berikut:- **“Dalam menikmati kehidupan biasa, janganlah pula kita lupa adanya kampung-kampung atau kawasan-kawasan yang diancam oleh aktiviti-aktiviti jenayah atau gejala-gejala sosial”**. Dan seterusnya isi titah ini sudah jelas kepada kita semua dan apa yang diharapkan oleh rakyat dan penduduk yang cintakan tanah airnya supaya sama-sama memelihara keamanan, ketenteraman, kehar-

monian dan keselesaan negara ini dan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak-pihak keselamatan dan institusi-institusi kerajaan yang berkaitan dengan memberikan maklumat-maklumat kepada mereka untuk sama-sama mengatasi dan mencegah semua jenayah dan gejala sosial yang mungkin dan akan berlaku di negara ini.

Yang Di-Pertua, Peramba bersependapat dengan saranan salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat sebelah sini supaya Majlis Mesyuarat Negara ini diadakan lebih daripada sekali dalam setahun pada Musim Permesyuaratan tahun yang sama.

Akhirnya, peramba mengucapkan tahniah kepada Yang Di-Pertua Dewan kerana dapat memimpin Mesyuarat Pertama Bagi Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara ini, dari awal hingga akhir dengan baik dan memuaskan. Sekian Wassalamu-alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih.

Pemangku Timbalan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang Kelapan akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Di-Pertuan Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu peramba ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih di atas kesempatan ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sering kali bertitah mengenai dengan bantuan-bantuan. Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kepada pengusaha kecil dan sederhana SME.

Pada hari Sabtu, 13 Februari 2010 dalam Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan 2009. Baginda sekali bertitah di antara lain bahawa: **“Baginda maklum mengenai terdapatnya banyak kampung-kampung yang menghasilkan produk-produk di kampung masing-masing termasuk bidang pertanian dan kraftangan”**.

Baginda juga maklum bahawa usaha ini adalah masih di tahap bersekala kecil dan menghadapi constrain tertentu. Apa yang Baginda harapkan, produk-produk kampung ini akan meningkat menjadi produk-produk tempatan bersekala besar. Dalam keadaannya pada masa ini,

kebanyakan pengusaha-pengusaha ini menghasilkan produk-produk mereka atau *cottage industry* ini dalam rumah ataupun dalam tambahan bangunan-bangunan yang tidak seperti di belakang rumah. Bekerja dalam *enviroment* yang kurang selesa. Kalau mereka berjaya nanti insya-Allah usaha mereka akan menjadi besar. Mereka akan memerlukan tempat yang lebih besar dan selesa, sama ada di tempat asalnya atau pun di tempat yang lain.

Dalam *expect marketing*, kalau selama ini mereka menjual hasil usaha mereka secara sambilan sahaja di tempat-tempat yang kurang sesuai. Tetapi kalau sudah maju nanti, mereka sudah tentunya memerlukan tempat-tempat yang khusus, terutama sekali untuk para pelancong datang untuk membeli hasil-hasil mereka. Jika benar-benar berjaya ada di antara mereka akan memerlukan bantuan *marketing* ke pasaran antarabangsa. Jika usaha mereka ini dikendalikan di atas tanah-tanah persendirian, perkara-perkara yang ada hubungkaitnya dengan permohonan kebenaran bangunan dan syarat khas tanah yang bersesuaian perlulah dipermudahkan. Permohonan-permohonan untuk mendapatkan Lesen Rampaian dan untuk mendatangkan pekerja dari luar negeri,

jika diperlukan untuk membantu mereka dalam usahawan. Mereka juga perlu dipermudahkan.

Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan hendaklah bersedia untuk membantu. Dengan adanya bantuan-bantuan ini, Peramba yakin insya-Allah ada di antara mereka akan berjaya.

Baitulmal memiliki tanah-tanah dalam Daerah Brunei Muara sebanyak 178 keping tanah dan luasnya berjumlah 125.699 ekar dan dalam Daerah Tutong sebanyak 30 keping tanah yang luasnya 26.3 ekar. Daerah Belait sebanyak 20 keping tanah yang luasnya 24.64 ekar. Dan Daerah Temburong sebanyak 15 keping tanah yang luasnya 14.516 ekar .

Jumlah tanah yang dimiliki ialah 243 keping tanah yang luas keseluruhannya seluas 191.155 ekar. Peramba memahami bahawa hanya sebilangan kecil sahaja tanah-tanah ini yang sudah dimajukan. Sedangkan yang selebihnya masih lagi belum dimajukan. Apakah rancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui baitulmal terhadap tanah-tanah ini?

Kita semua maklum bahawa salah satu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah mencari tanah-tanah kerajaan yang kosong dan sesuai untuk dibangunkan dan menyediakan rumah-rumah untuk orang-orang miskin. Bolehkah sebahagian dari tanah-tanah yang belum dimajukan ini diserahkan kepada organisasi-organisasi seperti Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkuah dan yang seumpamanya untuk mereka membangun rumah-rumah orang miskin di atasnya.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah bermesyuarat selama 8 hari dan pada pagi ini Alhamdulillah kita telah berjaya meluluskan peruntukan sebanyak hampir \$5 billion iaitu lebih kurang \$625 million pada setiap hari kita bermesyuarat. Walau bagaimanapun dengan bimbingan bijaksana Yang Di-Pertua Dewan, Permesyuaratan kita telah berjaya dengan baik dan lancar. Bagi pihak abis peramba di sini perkara-perkara yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada hal-hal yang dilihat di padang dan soalan-soalan adalah suara-suara dari padang. Sekian Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pemangku Timbalan Jurutulis:
Ucapan penanguhan yang Kesembilan akan disampaikan oleh Yang

Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatulahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Teks ucapan penungguhan abis peramba ini sudah dicuba lebih kurang 6 minit sahaja. Mudah-mudahan akan lebih sedikit sahaja dibenarkan. Alhamdulillah dengan berkat daulat serta kepimpinan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Negara ini pesat membangun serta berkembang maju dalam setiap bidang baik dalam bidang ekonomi, pendidikan, agama, sosial, kebudayaan, kemasyarakatan dan hubungan antarabangsa. Kemajuan ini dicapai adalah hasil daripada pandangan jauh, usaha berterusan, permikiran yang berkualiti dan pengembelengan tenaga anak-anak tempatan sendiri yang berpendidikan, berilmu pengetahun dan berkemahiran yang dipimpin oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku ketua Negara.

Senario ini menggambarkan betapa pentingnya pelaburan jangka panjang yang berorientasi kepada sumber

tenaga manusia yang berkualiti untuk menjana pembangunan negara yang berterusan. Pelaburan yang berpusatkan kepada perkembangan sumber tenaga manusia yang berkualiti memerlukan perancangan yang rapi, tersusun dan mempunyai sasaran supaya pembangunan negara yang kita mahukan mengikut calak kita sendiri iaitu proses penerapan nilai-nilai MIB dalam mengembangkan kekukuhan ekonomi, pendidikan, sosial, kebudayaan, kemasyarakatan dan hubungan luar yang banyak dipengaruhi oleh arus perkembangan globalisasi. Aspirasi ini boleh dilakar melalui model perancangan dan strategi amalan, latihan, bimbingan dan penempatan dan sebagainya. Bercakap mengenai potensi sumber tenaga manusia, kita tidak dapat lari daripada demografi penduduk seperti yang kita sama-sama maklum.

Jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam mengikut statistik bulan Julai 2008 ialah 398,000 sehingga kehari ini mungkin mencecah 400,000 orang. Dengan kadar pertambahan sebanyak 2.1% kira-kira 30% dari jumlah penduduk ini adalah terdiri daripada belia muda yang masih dibangku sekolah atau mengikuti pengajian di institusi pendidikan sama ada dalam atau luar negara. Apapun peringkat umur

mereka serta di manapun mereka berada mereka tetap aset yang berharga kepada pembangunan negara. Potensi mereka perlu sentiasa digilap kerana mereka ini adalah penjana kepada pembangunan negara dan nilai mereka adalah jauh lebih berharga daripada mana-mana sumber, hatta sekalipun sumber asli.

Jumlah peruntukan-peruntukan yang berhubungkait dalam menjana perkembangan sumber tenaga manusia ialah lebih kurang \$283 juta iaitu 27% dari jumlah besar peruntukan-peruntukan dan yang ketiga besarnya dalam peruntukan yang lain. Apa yang dapat kita saksikan pada masa ini pengurusan perkembangan sumber tenaga manusia di negara ini dikendalikan secara berasingan tidak berpusat kepada satu agensi contohnya pemberian biasiswa diurus oleh Unit Biasiswa, Kementerian Pendidikan. Pendaftaran untuk mendapatkan kerja di pihak swasta diurus oleh Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Pendaftaran untuk mendapatkan kerja di Jabatan-Jabatan Kerajaan termasuk pemberian Skim Latihan Dalam Perkhidmatan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Kursus dan latihan untuk pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan

negara dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri. Manakala kerja-kerja kajian dan perkembangan dikendalikan oleh Jabatan Perkembangan dan Kemajuan Ekonomi.

Persoalannya sekarang sampai bilakah pengurusan perkembangan sumber tenaga manusia yang juga dipanggil sebagai aset yang berharga ini diuruskan secara berasingan oleh agensi-agensi berlainan? Sedangkan strategi dan kerja-kerja pengurusannya memerlukan satu misi yang dipandu oleh satu wawasan. Sehubungan itu, sukacita dicadangkan supaya pengurusan perkembangan sumber tenaga manusia dijadikan agenda utama bagi negara ini dan pengendaliannya dipusatkan secara diurus oleh satu agensi sahaja.

Dan agensi tersebut sifatnya dan tadbir urusnya biarlah hampir sama dengan status kementerian-kementerian supaya pengagihan autonomi dapat dilaksanakan mengikut hala tuju dan wawasan negara. Jadi sekian yang dapat disampaikan. Alhamdulillah abis peramba menjunjung kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana di atas pimpinan Yang Amat Mulia, Pengiran Yang Di-Pertua Dewan makanya sepanjang perme-

syuaratan ini adalah berjalan dengan baik dan dalam keadaan ceria. Diucapkan sekali lagi syabas dan berjumpa lagi pada tahun yang akan datang. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Pemangku Timbalan Jurutulis: Ucapan penangguhan yang Kesepuluh akan disampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah. Kita sama-sama bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita dapat hadir pada hari yang kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam pada hari ini. Selama lapan hari kita sudah membincangkan perbekalan tahun 2010 / 2011 yang mana semua Ahli-Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian pada membahaskan peruntukan tersebut.

Yang Di-Pertua Dewan, peramba sukacita menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia

ini bahawa segala peruntukan terutama peruntukan perbekalan kemajuan akan dapat dilaksanakan mengikut jadual-jadual yang telah dirancang dan siap pada masa yang ditetapkan.

Yang Di-Pertua Dewan, ingin menyentuh sedikit yang sudah dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat di sebelah sini, iaitu langkah mengurangkan kemiskinan jangka masa panjang. Mengimbas kembali bahawa pada 7hb Oktober 2009 adalah tarikh keramat bagi Negara Brunei Darussalam yang mana telah berjaya menghapuskan kemiskinan apabila Majlis Ugama Islam mengagihkan lebihan wang zakat kepada yang berhak menerima zakat di Negara Brunei Darussalam yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan dokumen agihan zakat tersebut kepada fakir miskin dan juga golongan termasuk di dalam Asnaf Al-Gharimin.

Yang Di-Pertua Dewan, dalam majlis yang mulia ini sukacita peramba mencadangkan bahawa di samping agihan tunai terus kepada ketua-ketua keluarga dan mereka dalam tanggungannya.

Peramba berpendapat adalah sudah sampai masanya langkah menghapuskan kemiskinan dalam jangka panjang diwujudkan satu skim:-

1. Supaya Majlis Ugama Islam menyediakan dermasiswa kepada anak-anak keluarga fakir dan miskin terutama yang mempunyai keputusan yang baik dalam peperiksaan tahun 6 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan;
2. Mereka ini ditempatkan tinggal di asrama setiap daerah kerana dengan adanya mereka tinggal di asrama, maka golongan ini akan dapat dibantu dan dididik sehingga mereka sampai ke pengajian tinggi; dan
3. Di samping itu, bahawa skim ini ,satu pendekatan kepada anak-anak golongan terpelajar dan berkemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Maka mereka ini tidak lagi mewarisi kemiskinan selama-lamanya dan mereka akan dapat membantu keluarganya pada masa akan datang. Ini bagi mengelakkan peribahasa melayu: bapa borek anak rintik.

Sebelum peramba mengakhiri ucapan ini peramba sesungguhnya menjunjung kasih ke atas kepimpinan Yang Di-Pertua Dewan, yangmana dengan kerjasama semua pihak apa-apa jua yang dibahaskan atau dibincangkan akan dapat diselesaikan dengan sempurna. Di samping itu, tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Pehin Jurutulis kerana mereka berganding bahu pada menjalankan tugas masing-masing. Peramba akhiri dalam penungguhan ini. Satu pantun begini pantunya:

**Burung bayang terbang
sekawan, singah di serambangun
makan buah delima, berbillion
billion ringgit perbekalan
disediakan, pembangunan dan
kesejahteraan rakyat diutamakan.**

**Pemangku Timbalan Jurutulis:
Ucapan Penungguhan** yang Kesebelas akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran, Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang Peramba, Kaola, Saya hormati sekalian. Pertama peramba ingin

dengan hati yang tulus ikhlas dan yang tidak berbelah bahagi menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Pehin Menteri Pendidikan dalam meluluskan Rang Undang-Undang Belanjawan 2010/2011. Peramba disamping itu ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Mulia, Pengiran Yang Di-Pertua Dewan kerana telah berjaya memimpin permesyuaratan kita pada tahun ini, dengan penuh teratur dan ceria. Sebagai mukadimah awal, izinkan peramba menyuarakan dua perkara secara ringkas sahaja. Yang peramba lepas pandang diperbincangan awal bagi memudahkan pihak-pihak yang berkenaan bagi menyediakan perancangan-perancangan peruntukan, perbelanjaan di tahun-tahun hadapan demi membuka ruang menumpukan perbincangan hal-hal yang lebih strategik di peringkat nasional antarabangsa di mesyuarat akan datang:-

1. Dipohonkan, pihak JKR dapat meningkatkan tahap pembisaian tebing tembok Sungai Belait dari Kampong Melayu Asli ke Taman Menara Cinda Kenangan demi keselamatan umum dan sekali gus untuk promosi eko pelancongan di Daerah tersebut; dan

2. Memperbaiki dan memelihara kawasan tapak-tapak tanah gambut atau *feet land* dan lagon-lagon yang banyak terbiar akibat pembangunan Rancangan Perumahan Negara di Daerah Belait.

Demikianlah sahaja cadangan-cadangan yang peramba dapat suarakan. Di harap ia akan dapat dipertimbangkan dan diperhatikan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dalam sama-sama kitani memedulikan kesejahteraan rakyat di daerah tersebut. Sebelum mengakhiri ucapan penangguhan ini, peramba ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Mulia Pengiran, Yang Di-Pertua Dewan dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah mendengar segala soalan yang mampu diemukakan serta dapat jawapan-jawapan walaupun tidak sepenuhnya sepanjang sesi permesyuaratan diadakan. Peramba, kaola, saya memohon ribuan maaf sekiranya terkasar bahasa dan terdapat suruk langkah yang kurang menyenangkan sama ada ia senghaja mahupun tidak, kerana peramba, koala, saya hanyalah seorang insan biasa yang mempunyai banyak kekurangan. Yang Amat Mulia, Pengiran Yang Di-Pertua Dewan, menjunjung ampun, Izinkan peram-

ba mengakhiri sisa ucapan seperti mana rakan sejawat sebentar tadi, ingin menyampaikan tiga rangkap pantun bagi menghilangkan *stress* di hari yang mulia ini.

**Yang Amat Mulia Pengiran
Yang Di-Pertua Dewan,
masih segar lagi dermawan,
perdebatan bukan erti melawan,
itu adalah tanda setia kawan.**

**Musim permesyuaratan sudah
berlalu, semua ahli-ahli bersedia-
sediakan pulang, ada ke hilir dan
ke ulu, jangan harap cadangan ter-
lepas pandang.**

Dan yang terakhir, ada cerita yang sungguh menarik yang dibawakan oleh Yang Berhormat Daerah Temburong, walaupun *plaster* lalu sungguh menarik, jangan jua sampai termenung-menung. Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pemangku Timbalan Jurutulis: Ucapan penangguhan yang Kedua Belas akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmahnir Rahim, Alhamdulillah Rabbil Alameen, Wassalatu

Wassallahu Ala Asyrafil Ambia Ewal Mursalin, Sayyidina Muhamaddin Waala Alihi Wasahbihi Ajma'een dan salam sejahtera. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli Yang Berhormat. Dengan bertawakal kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, peramba bersyukur kerana dengan izin dan ketentuannya, jua maka diri peramba dapat berucap di dewan yang mulia ini dalam menyokong ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Muhammad Taib, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam di atas kebijaksanaan Yang Di-Pertua Dewan dalam memimpin di sepanjang persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara di dewan yang indah ini.

Yang Di-Pertua Dewan, Alhamdulillah bagi mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong dari pelbagai lapisan rakyat, merasa bersyukur dan berterima kasih di atas usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ke atas pembangunan dan perkembangan ekonomi sosial dan kemasyarakatan

di daerah ini yang telah dan kini dinikmati oleh seluruh penduduk dan masyarakat di dalamnya. Begitu juga kemakmuran yang dinikmati, keselamatan dan kesejahteraan yang dikecapi begitu amat dihargai. Mengenai dengan isu-isu khusus yang peramba bawakan di dalam persidangan-persidangan lepas di dewan yang indah ini berkaitan Daerah Temburong, banyaklah juga yang telah diambil perhatian dan dilaksanakan mengikut kesesuaian dan susunan perancangan tahunan negara melalui kementerian-kementerian yang terlibat.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba dalam mengimbas kembali iaitu pada bulan Mei 2009 tahun lepas, melalui keratan akhbar Kementerian Pembangunan telah mengeluarkan satu tawaran kepada firma-firma konsultasi, engineering tempatan dan luar negara yang berkaitan dengan kajian pembinaan jambatan, pembinaan jalan dan jambatan penghubung dari Daerah Brunei Muara ke Daerah Temburong. Dan pada petang semalam, dalam membincangkan anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara 2010 / 2011, Peramba telah menyuarakan dalam tajuk 907 iaitu kajian bagi pembinaan jalan dan jambatan penghubung dari Daerah Brunei Muara ke Daerah Temburong, apakah perkembangan sudah berjalan dalam perkara ini?

Alhamdulillah Yang Berhormat Menteri Pembangunan telahpun menjelaskan bahawa projek kajian kemungkinan inipun sudah masuk ke peringkatnya yang akhir dan kerja-kerja ini akan dijalankan dengan jangka masa yang terdekat. Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, apa yang diharapkan agar kaji selidik tersebut menghasilkan sesuatu yang positif dan disebabkan isu jambatan penghubung ini tersangat penting dan dekat di hati rakyat terutama yang tinggal di Daerah Temburong adalah diharapkan juga agar hasil kajian tersebut akan dapat dikongsikan bersama untuk tatapan umum. Seandainya tidak dapat dikongsikan kesemuanya, sebahagian daripada isi-isi penting kajian itu, itupun sudah memadai.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperkara lagi mengenai dengan pembangunan ekonomi di Daerah Temburong, aktiviti ke arah itu semakin ketara dan menampakkan hasilnya terutama yang terhasil daripada projek Anugerah Kampung Cemerlang. Walaupun ia dimulai secara kecil-kecilan dan tidak sepenuh masa oleh Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, syabas diucapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang bertindak sebagai penaung projek tersebut.

Apa yang menjadi harapan kita ialah akan lebih banyak lagi agensi kerajaan di bawah kementerian yang lain ikut terlibat dan membantu usaha dalam bidang dan kepakaran masing-masing supaya daripada perusahaan kampung yang dibuat secara kecil-kecilan dapat dijadikan satu usaha komersil industri kecil dan sederhana dan lebih jauh dari itu. Apa yang diperlukan ialah bimbingan pelbagai ilmu berkaitan perusahaan tersebut dan modal kewangan untuk menaik taraf kepada perusahaan yang mampu berdiri sendiri dan juga mampu untuk memberikan pekerjaan kepada para pencari pekerjaan.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli Yang Berhormat. Bagi mengakhiri ucapan peramba ini, peramba sekali lagi bersama-sama seluruh rakyat dan penduduk di Daerah Temburong dengan hati yang penuh ikhlas berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga Baginda akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala kekal ke arah memerintah Negara Brunei Darussalam dalam memimpin rakyat di bawah naungan Baginda kepada raja yang kita kasih dan sayangi, Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Bagi mengakhiri ucapan peramba ini, elok juga Peramba menyampaikan satu pantun untuk sebagai satu santapan rohani di dewan yang mulia ini.

**Pokok nibung pohon berduri,
Umbutnya sedap kegemaran
ramai, Tiada niat menuding jari,
Kesejahteraan sejagat niat
dicapai.**

Sekian Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pemangku Timbalan Jurutulis: Ucapan penangguhan terakhir akan disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, itulah salam saya yang buat penghabisan. Dalam Majlis Permesyuaratan tahun yang Keenam ini. Sudah enam tahun bersama-sama dengan Ahli Majlis Yang Berhormat, mudah-mudahan Allah Ta'ala akan memberi rahmat kepada sekalian Ahli-Ahli Majlis di sini dengan adanya kita semua berdoa sama-samalah kita memohon kepada Allah.

Oleh kerana sebagaimana peramba katakan tadi, peramba memohon ampun supaya peramba dapat diberi kelonggaran janganlah bercakap terlampau panjang oleh kerana peramba telah mendengar seramai lebih kurang 10 orang teman-teman di sini telahpun bersyarah dan telah pun menyatakan isi perut mereka apa yang dapat yang mereka keluarkan. Dan peramba bersyukur kerana peramba berdiri di sini dapat diberi peluang lagi untuk memberi ucapan, sungguhpun peramba percaya tadi telahpun telahpun di *warning* hanya boleh bercakap dalam 7 minit sahaja, tetapi peramba tidak tahulah berapa minitkah dapat peramba kalau dapat seringkas-ringkasnya peramba beri ucapan ini.

Pertama sekali yang peramba ingin menyebutkan di sini, terima kasih kepada Ahli-Ahli yang menyebut kita di sini di sebelah sana dan peramba pun akuilah kami di sebelah sini dan di sebelah sana, entah apa maknanya sebelah sini, sebelah sana, itu sama ada sini disifatkan sifat pembangkang, sebelah sana pihak pemerintahnya peramba tidaklah dapat menterjemahkan perkara itu. Apa yang saya ingin sebutkan di sini peramba ucapkan terima kasih atas keikhlasan kedua-dua ahli majlis yang ada di sini. Peramba cuma hanya satu perkara yang ringkas peramba sebutkan, ingin menyambut

dalam segi keadaan majlis mesyuarat ini.

Kita di majlis ini, berlandaskan berasaskan Perlembagaan Negeri Brunei dan lantikan majlis-majlis di sini adalah berdasarkan kepada apa yang tersebut di dalam Perlembagaan Negara Brunei. Dalam perkara ini, sebagaimana yang kita ketahui ahli-ahli yang di sebelah sini, ada bermacam-macam ahli yang mewakili nampaknya kumpulan-kumpulannya, jadi tidaklah payah peramba sebutkan apa kumpulan-kumpulannya, hanya saya tertarik hati sedikit dalam menyentuh keadaan majlis mesyuarat di sini iaitu saya teringat kalau saya tak silap, dalam Warta Berita di surat khabar yang diterbitkan di Brunei ini bahawa nampaknya wanita-wanita di Brunei telah sedar akan diri mereka.

Peramba ucapkan terima kasih atas berita-berita yang ini dan ingin saya mudah-mudahan dengan adanya perasaan syukur dan kesedaran wanita di Brunei ini akan diambil perhatian oleh pihak orang-orang yang berkewajiban. Mudah-mudahan dengan adanya kalau, kalau. Kalau-kalau peramba gunakan perkataan 2 kali kalau ada rahmat dan barangkali peluang wanita-wanita Brunei dapat mencampuri majlis ini dapatlah kita bersyukur dan dapatlah mendengar bagaimana fikiran

wanita yang menyedarikan dari tanggungjawab mereka terhadap bangsa dan tanah airnya di sini bukan hanya kita yang ada di sini sahaja.

Selain daripada itu, mudah-mudahan kalau ada wanita mencampuri dalam majlis ini saya masih teringat dalam satu perjumpaan yang pernah saya dipilih bersama-sama hadir iaitu di dalam AIPA. AIPA barangkali semua orang melihat, AIPO tapi sekarang jadi AIPA. Tapi tak payahlah peramba sebutkan apa itu dia AIPA. AIPA dulu AIPO. Jadi di sana selain daripada Ahli-Ahli Majlis itu. AIPA ada mempunyai cawangan wanita tetapi malangnya kita yang menghadiri di sana tidak ada wanita dalam majlis itu hanya dapat diberi kalau mereka menyentuh soal-soal wanita di dalam majlis. Kami dipinta apa fikiran kami mengatakan, *we have no comment*. Tak ada lah, pasal tidak ada wanita. Jadi mudah-mudahan kalau-kalau ada, dapatlah wakil-wakil wanita itu akan dapat mewakili di sana. Jadi itu satu harapan saya.

Jadi oleh kerana perkara lain peramba tidak menyentuh yang lainnya oleh kerana peramba percaya melengkti-melengkti ada segala-gala dari segi pentadbiran untuk membaiki Kerajaan meneguhkan pentadbiran Negeri Brunei ini telah pun disuarakan bersama-sama dan,

Peramba percaya pihak di sana. Peramba sebutkan pihak di sana akan dapat mengambil perhatian akan apa isi hati orang-orang yang ada di sebelah sini.

Jadi perkara yang ke-2, satu perkara yang terpenting juga berhubung dengan hal Majlis Mesyuarat ini iaitu berhubung dengan Peraturan-Peraturan Mesyuarat yang ada pada kita pada masa ini peramba dapat menunjukkan ini. Kalau dapat dan kita sedari bahawa kita sekarang telah merdeka. kita tidak lagi diperintahkan oleh sesiapa.

Tapi kalau kita perhatikan di sini ada beberapa banyak, bukan hanya tentang bahasa yang lain-lainnya dan pernah beberapa perkara tak patut kita gunakan di sini lagi bagi sebuah negara yang merdeka. Kita patut ada peraturan mesyuaratnya kita sendiri. Tapi oleh kerana perkara ini adalah menyentuh banyak perkara-perkaranya dan bahagian-bahagiannya. Jadi dengan ini saya tidak dapat mengatakan supaya ini dirundingkan dalam majlis mesyuarat di sini. Peramba pohonkan dan kalau diizinkan dapat sama ada majlis ini bersetuju melantik Satu Jawatan-kuasa Khas iaitu Jawatan-kuasa Khas merundingkan memperbaiki syarat-syarat dan bahasa-bahasa yang ada di dalam majlis *Standing Order* ini sesuai dengan kedudukan

kita. Iaitu kalau misalannya diizinkan peramba mencuba mensyorkan saja yang tidak dapat peramba sebutkan dalam Jawatan-kuasa Khas biarlah terdiri daripada pegawai Peguam Negara dan juga daripada ahli-ahli majlis yang di sini menyertai dapat sama-sama memikirkan dan laporan-laporan mereka ini akan dapat diperimbangankan oleh majlis ini untuk membetulkan syarat-syarat permesyuaratan atau maaf Yang Di-Pertua Dewan.

Peramba menggunakan sedikit bahasa Inggeris, *Standing Order*, untuk *legislative council* ini dapat diperbaharui dengan sempurna sekian. Jadi barangkali peramba rasa yang dapat peramba sembahkan ke depan majlis Yang Amat Mulia Pengiran Yang Di-Pertua Dewan. Sekian dan sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Menteri Pendidikan yang telahpun berpanjang lebar memberi ucapan-ucapannya tentang majlis ini dan kebajikan Kerajaan Negeri Brunei Darussalam. Mudah-mudahan doa-doa yang dipohonkan oleh segala Majlis di sini akan dimakbulkan oleh Allah Subhanhu Wata'ala. Terima kasih Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Di-Pertua: Yang Ahli-Ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan hingga 2.30 petang. Kerana kita diberi peluang kiranya ada per-

tanyaan-pertanyaan atau kurangan-kurang faham daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat maka di dalam peluang waktu rehat itu barangkali ada dapat mencari apa-apa jua perkara patut disempurnakan jawapannya dan maka dengan demikian saya tangguhkan majlis ini hingga kepada jam 2.30 nanti.

(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)

**Mesyuarat disambung pada
jam 2.30 petang**

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula. Mengikut percakapan saya tadi bahawa petang ini kita akan membenarkan perbahasan dibuat oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah kanan kita.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Menjunjung kasih, Yang Di-Pertua Dewan. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Peramba menjunjung kasih di atas keizinan Yang Di-Pertua Dewan, memberikan peluang bagi peramba memberikan Ucapan Penangguhan bagi sesi persidangan tahun ini.

Ucapan peramba ini mungkin akan mengambil masa yang lebih dari Tuan Peramba peruntukan, kerana peramba perlu memperjelaskan beberapa isu-isu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini.

Sebelum itu terlebih dahulu peramba ingin mengsekutukan diri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang telah berucap terdahulu, dalam menyebarkan setinggi-tinggi

tahniah kepada Yang Di-Pertuan Dewan di atas kebijaksanaan Tuan Peramba dalam mengendalikan Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2010 ini sehingga majlis ini telah dapat berjalan dengan lancar sempurna, dan dalam suasana yang harmoni.

Peramba juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Dewan kerana menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun Kewangan 2010/2011, tanpa sebarang pindaan.

Apa jua saranan-saranan membina dan sumbangan buah fikir positif dan munasabah yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam dewan ini Insya-Allah akan diteliti dan dikaji kesesuaiannya, terutama dari segi faedah dan impaknya kepada keseluruhan rakyat dan penduduk di negara ini, menurut keperluan, keutamaan dan kemampuan asalkan ianya tidak bercanggah dengan Perlembagaan Negara Brunei yang menguntukkan Islam sebagai Ugama Rasmi Negara dan ianya tidak akan menjejaskan tatasusila dan kehidupan rakyat dan penduduk negara ini sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa

terpelihara sebagai sebuah negara aman, makmur yang mendapat keredaan dan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Amat Mulia Pengiran, Yang Di-Pertua Dewan, izinkanlah peramba seterusnya mengambil kesempatan, bagi mengulas beberapa isu yang telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum itu peramba ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara-perkara ini:-

1. Mengenai insentif yang disediakan kepada SME, termasuk bagi menggalakan pengambilan pekerja-pekerja tempatan. Dalam hal ini peramba ingin menerangkan bahawa sejak tahun 2008 pihak kerajaan telah memperkenalkan berbagai insentif percukaian di bawah Akta Cukai Pendapatan Penggal 35. Insentif tersebut adalah sebagai tambahan kepada insentif-insentif yang disediakan di bawah Akta Galakan Pelaburan (*Investment Incentive Act*) yang dikawal oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:-

- i. Akta tersebut memberikan berbagai insentif percukaian, termasuk memberikan pengecualian dari cukai pendapatan bagi tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun;
- ii. Pengecualian dari membayar cukai import ke atas mesin-mesin dan peralatan yang bersesuaian dan sebagainya;

Seperti yang peramba sebutkan terdahulu, berbagai insentif percukaian juga telah diperkenalkan sejak tahun 2008 melalui Akta Cukai Pendapatan Penggal ke-35, bagi menggalakan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana dan juga menggalakan pengambilan pekerja-pekerja tempatan. Di antara insentif-insentif tersebut ialah:-

- Melaksanakan pengurangan kadar cukai pendapatan koprat secara berperingkat-peringkat daripada 30% pada tahun tafsiran 2007 kepada hanya 22% pada tahun tafsiran 2011 iaitu pengurangan melebihi 26% dari jumlah cukai yang perlu dibayar sebelumnya:-
- Sebagai tambahan kepada pengurangan kadar cukai

pendapatan koprat tersebut *threshold* cukai yang mengenakan kadar cukai yang lebih rendah juga telah diperkenalkan;

- Langkah ini adalah bagi membantu syarikat-syarikat beroperasi. Kadar cukai yang dikenakan adalah seperti berikut:-

- i. Bagi Syarikat yang baru ditubuhkan di negara ini sejak tahun 2008, pengecualian cukai diberikan bagi keuntungan \$100,000.00 pertama bagi tempoh tiga tahun pertama tafsiran selepas mula beroperasi;
- ii. Mengenakan cukai pendapatan hanya pada kadar 25% daripada kadar cukai penuh (*full rate*) bagi keuntungan (*chargeable income*) sebanyak \$50,000.00 pertama, bermula pada tahun tafsiran 2008. Dan *threshold* ini dinaikkan lagi kepada \$100,000.00 bagi tahun tafsiran 2011. Oleh itu bagi mana-mana syarikat yang memperolehi keuntungan bukannya pendapatan jualan yang

mana jumlahnya adalah lebih tinggi kira-kira \$100,000.00 sahaja kadar cukai pendapatan yang perlu dibayar pada tahun tafsiran 2011 hanyalah sebanyak \$5,500.00 sahaja; dan

- iii. Kerajaan juga hanya akan mengenakan cukai pendapatan koprat pada kadar 50% dari kadar cukai penuh bagi keuntungan \$150,000.00 berikutnya. Ini menjadikan jumlah cukai yang perlu dibayar bagi keuntungan \$250,000 pertama hanya \$22,000 sahaja ataupun 8.8% dari jumlah keuntungan.

Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa intensif bagi menggalakan pelaburan dalam *computerisation plant and machinery* dan bangunan-bangunan industri dengan memberikan elaun cukai yang lebih tinggi; dan

Bagi menggalakan pengambilan pekerja-pekerja tempatan intensif potongan tambahan bagi caruman-caruman majikan bagi bayaran TAP dan Skim Persaraan Caruman Tambahan juga diberikan kebenaran

potongan dua kali. Ini membolehkan jumlah keuntungan yang boleh dikenakan cukai akan berkurangan. Adalah diharapkan dan intensif-intensif yang disediakan sektor swasta di negara ini akan mengambil peluang bagi memperkembangkan perniagaan mereka agar mereka lebih berdayasaing dan berdaya maju.

Persoalan kedua ialah mengenai cukai import ke atas *printer computer* serta alat-alat ganti dan alat-alat tambahannya supaya ditiadakan.

Mengenai perkara ini peramba ingin menerangkan bahawa perubahan kadar cukai import ke atas *printer computer* dan alat-alat ganti dan tambahan *printer computer* tersebut, adalah berasaskan kepada perubahan sistem perjenisan kadar cukai yang telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO) yang mana Negara Brunei Darussalam adalah ahli. Sebagai contoh sebelum ini perjenisan yang digunakan ke atas *printer computer* adalah mengikut *Harmonise System*, Versi 2002 yang mana diperjeniskan di bawah Tajuk yang sama dengan *computer (computer dan alat-alat kelengkapannya)* dan ini tidak dikenakan cukai.

Walau bagaimanapun setelah pindaan dibuat oleh pihak WCO dari

HS Versi 2002 pada HS Versi 2007, semua jenis *printer* termasuk yang dikhususkan bagi kegunaan computer telah ditransforce ataupun dipindahkan di bawah kategori perjenisan bagi mesin cetak (*printing machine*) yang mana kadar cukai ialah di antara 5% dan 20% tertakluk kepada jenis printer tersebut.

Bagi *Inkjet Printer* sama ada khusus bagi kegunaan computer atau umum adalah diperjeniskan sebagai bercukai import Kastam dengan kadar 20%. Sementara bagi *printer* selain daripada *Inkjet Printer* seperti *dotmatrix* atau *laser jet printer* yang tidak mengandungi fungsi faks adalah tidak bercukai. Akan tetapi semua jenis printer mengandungi fungsi faks walaupun khusus bagi kegunaan computer dikenakan cukai sebanyak 5%.

Di samping itu pengimportan jenis printer ini mengkehendaki kebenaran (*licence*) dari pihak AiTi. Disebabkan alat berkenaan diperjeniskan sebagai alat komunikasi. Perubahan yang diperkenalkan oleh WCO ini bertujuan untuk mensejajarkan kod-kod cukai import bagi memudahkan cara perdagangan negara-negara ahli. Dan membantu pengimport-pengimport dalam menggunakan kod-kod tersebut dengan lebih mudah dan seragam dengan import

pengimport-pengimport negara-negara lain.

Mengenai dengan cadangan Yang Berhormat bagi cukai import ditiadakan ke atas *printer computer* dan alat-alat ganti dan tambahan *printer computer*, ketika ini beberapa jenis peralatan tersebut tidak lagi dikenakan cukai import. Sementara beberapa jenis *printer* seperti *jet printer* masih dikenakan cukai sebanyak 5% sepertimana yang diterangkan di atas.

Dan yang terakhir mengenai dengan persoalan mengenai langkah-langkah untuk mengatasi kelemahan pengurusan kewangan dan hartabenda Kerajaan yang melibatkan kerugian wang kerajaan \$163 juta seperti yang dilaporkan oleh pihak Juruaudit Agung.

Bagi menerangkan persoalan tersebut adalah baik, terlebih dahulu peramba mengongsikan mengenai penemuan-penemuan utama yang ditimbulkan berkaitan laporan pihak Juruaudit Agung tersebut yang mana secara ringkasnya adalah seperti berikut.

Tunggakan hasil adalah sebanyak \$47.4 juta ataupun 29%. Sewa rumah \$30.3 juta atau 19% dan pengurusan stor yang tidak teratur sebanyak \$73.2 juta ataupun

45%. Penjelasan mengenai cara-cara untuk mengatasi dan mengurangkan masalah tunggakan hasil telah pun peramba huraikan secara panjang lebar dalam dewan yang mulia ini bagi menjawab beberapa persoalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mana peramba tidaklah akan mengulangi lagi penjelasan peramba tersebut.

Mengenai penemuan pihak Audit berkaitan pengurusan sewa rumah Kerajaan ini, peramba difahamkan bahawa kebanyakan penemuan tersebut adalah merupakan perkara yang telah berlaku dalam tahun 1990an. Penemuan-penemuan tersebut walau bagaimanapun hanya dimuatkan dalam laporan pihak Audit dalam tahun 2003 hingga 2008. Tindakan-tindakan sewajarnya, Alhamdulillah telah pun diambil oleh agensi-agensi berkenaan bagi memperbaiki lagi pengurusan proses dan pemantauan yang berkaitan mengenainya. Di antara penemuan berkaitan sewa rumah ini termasuklah rumah sewa yang kosong dan tidak didiami dan sebahagian pegawai ada yang diberikan kebenaran bagi mendiami rumah jenis kelas yang lebih tinggi, daripada kelayakannya. Jadi bagi menangani kelemahan tersebut beberapa tindakan telah di ambil antaranya:-

1. Menyediakan buku daftar

penyewaan rumah di Kementerian, Jabatan untuk mengawal rumah-rumah yang telah di sewa tetapi sebelum didiami, dan

2. Menubuhkan Jawatankuasa yang diwakili oleh Agensi-Agensi Kerajaan yang berkenaan bagi memantau pengurusan penyewaan rumah sewa Kerajaan.

Mengenai penemuan Audit berhubung pengurusan stor yang tidak teratur, antara lain adalah melibatkan penerimaan barang-barang stor tidak didaftarkan ke dalam buku-buku daftar dan barang-barang stor yang kurang laris penggunaannya.

Langkah-langkah telah pun di ambil agar semua penerimaan barang-barang stor berkenaan didaftarkan. Manakala barang-barang kurang laris penggunaan telah pun diagih-agihkan kepada jabatan bahagian Unit yang memerlukannya.

Pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan dalam pengurusan hartabenda Kerajaan telah juga peringatn untuk mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan Kewangan. Pegawai Pengawal ataupun *Vote Controller* juga telah diarahkan untuk mengadakan *check and*

balance bagi mengukuhkan pengawalan dengan memantau dan memastikan sebarang ketidakpatuhan dapat dibetulkan dan dielakkan.

Selain itu sebagai langkah Kerajaan untuk mempertingkatkan kawalan-kawalan dan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut Unit Audit Dalamn telah pun dimestikan untuk ditubuhkan di semua Kementerian dan Jabatan. Unit ini bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang penanguhan terus kepada Menteri di Kementerian masing-masing. Objektif-objektif untuk menubuhkan Unit Audit Dalamn ini antara lainnya termasuklah seperti berikut:-

1. Memastikan kawalan dalaman yang mencukupi bagi mencegah dan mengawal dari sebarang kejadian pecah amanah, penyelewengan, pembaziran serta pemborosan;
2. Sebagai *check and balance* dalam pengurusan kewangan di Kementerian atau Jabatan ini akan dapat memastikan kelemahan-kelemahan dalam pengurusan kewangan dan harta-benda kerajaan dikesan lebih awal sebelum

menjadi kritikal dan langkah-langkah diambil bagi memperbaikinya dengan segera;

3. Membantu pegawai pengawal supaya lebih bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan harta-benda kerajaan; dan
4. Memastikan Peraturan Kewangan 1983 Undang-Undang Prosedur-Prosedur dan Surat Keliling yang berkaitan dengan hal ehwal kewangan difahami dan dipatuhi. Di samping itu kelemahan-kelemahan yang diemui oleh Jabatan Audit telah pun dibincangkan *Exit Meeting* yang mana Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai yang berkenaan adalah dikehendaki untuk hadir dan seterusnya untuk membuat tindakan susulan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan dalam perbincangan tersebut. Penemuan-penemuan Audit tersebut juga dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, di mana ketua-ketua jabatan akan diminta untuk memberikan penjelasan mengenai

tindakan-tindakan dan usaha-usaha yang telah dan akan diambil berkaitan dengan penemuan tersebut.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi mengakhiri ulasan ini Peramba ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa usaha-usaha bagi mengukuhkan pengawalan dan pemantauan Pengurusan Kewangan Kerajaan adalah merupakan proses yang berterusan. Prosedur-prosedur dan proses-proses kawalan dalam dan garis pandu-garis pandu sentiasa di review dari masa kesemasa bertujuan bukan saja bagi mengukuhkan proses kawalan tetapi juga untuk meningkatkan ketelusan bagi memudahkan pemantauan oleh Ketua-Ketua Jabatan yang berkenaan.

Dalam hubungan ini Kementerian Kewangan sentiasa bersedia untuk menerima sebarang maklumat dan apa jua maklum balas dalam sama-sama kita memastikan bahawa pengurusan kewangan Kerajaan sentiasa terkawal, kukuh dan efisien. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang

Mohd. Zain bin Haji Serudin:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Peramba menyekutukan diri kepada Usul daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Peramba ingin menyentuh lima perkara, yang ditimbulkan oleh Ucapan Penangguhan sebelah pagi tadi:-

1. Mengenai Pelancongan, yang mana telah diberikan di dewan ini data-data negara-negara jiran. Yang mana pelancongan itu membawa hasil yang sangat besar. Ini adalah satu hakikat yang tidak dapat dinafikan.

Dalam pada itu, Dasar Pelancongan telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Yang ringkasnya bahawa dasar pengharaman arak serta pembatasan kemasukannya di Negara Brunei adalah selari dengan hasrat mengekalkan Brunei sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja.

Hasrat Brunei ingin menjadi Negara Zikir, dan juga hasrat Brunei dengan jenama halalnya.

Ia tidaklah dapat disamakan dengan negara-negara yang disebutkan tadi. Kerana pelancong-pelancong itupun, kalau mahu minum arak lebih selesa di negaranya. Bukan saja minum, mandi arakpun dia boleh kerana cukup mewah di sana;

2. Ini adalah satu Usul yang boleh kitani masukkan dalam perambahan orang Melayu: Lulus jarum lulus salindang. Kalau perambahan orang-orang Brunei, Inut-inut bangking. Mungkin perkataan bangking itu bagi orang yang berumur 30 tahun ke bawah, inda faham apa itu bangking.

Sekarang ada Usul untuk mengadakan Zon Arak. Kalau kita berpegang kepada inut-inut-bangking, lepas itu mungkin akan timbul yang kedua, mengadakan *night-night club*, mengadakan *cabaret*. Lepas itu timbul nanti ada zon pelacuran dan lepas itu kasino. Semua ini membawa kerosakan kepada Brunei Darussalam.

Yang paling ditakuti ialah kemurkaan Allah. Kerana maksiat yang berlaku itu mendatangkan kemurkaan Allah. Kemurkaan Allah bukan sahaja pelakunya yang menerima, bahkan orang lainpun akan terkena. Eloklah kitani kekalkan Brunei Darussalam, yang aman sejahtera, Baldatun Taiyyibatun Warabbun Ghafur,;

3. Mengenai dengan supaya Majlis Ugama Islam membina rumah bagi orang-orang miskin. Peramba ingin menerangkan bahawasanya empat buah Kementerian berpadu tenaga menangani masalah perumahan orang-orang daif dan orang-orang miskin ini, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Keempat-empat Kementerian ini bersama-sama dengan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah meneliti senarai orang-orang yang patut dibantu dan untuk dibangunkan rumah. Majlis Ugama Islam menyumbangkan wang daripada kumpulan zakat sebanyak \$34 juta bagi membina rumah-rumah ini. Orang-orang Asnaf yang

dibantu oleh Majlis Ugama Islam dengan menyewakan rumah, termasuk nama-nama mereka ke dalam senarai orang-orang yang akan dibantu itu. Skim ini dikenali dengan gelaran *Quick Win*.

Statistik yang ada sekarang ini, 22 buah rumah telah pun siap dan telah pun diserahkan kepada mereka. 6 buah lagi pada bulan ini, insya-Allah akan diserahkan kepada mereka. Sebuah dalam pembangunan dan 29 buah sedang dalam tawaran;

4. Mengenai dengan supaya orang-orang fakir miskin itu, supaya mereka berdiri sendiri berdikari, ini memanglah bagus. Di antara rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Majlis Ugama Islam bagi menangani perkara ini ialah menghantar fakir miskin dan sebahagian anak-anak mereka berlatih di Pusat Pembangunan Belia. Mereka itu dibiayai sepenuhnya oleh Kumpulan Wang Zakat, Asnaf Fakir Miskin.

Sesudah berlatih di sana, mereka berlatih lagi di pihak-pihak swasta dan Kerajaan, yang kena mengena dengan latihan mereka

itu. Dan lain-lain rancangan lagi supaya mereka berdikari. Di antaranya termasuklah bantuan-bantuan, umpamanya perahu tambang, tetapi dukacitalah perahunya pun entah ke mana, enjinnya pun entah ke mana;

5. Mengenai dengan tanah-tanah Baitulmal yang banyak, yang masih belum dimajukan. Peramba mengucapkan terima kasih

Majlis Ugama Islam mempunyai sebuah Lembaga yang bernama Badan Tarmiah Harta Majlis Ugama Islam, yang memikirkan bagi memajukan tanah-tanah ini. Dan insya-Allah perkara yang dikemukakan ini akan diedarkan kepada Badan Tarmiah untuk memikirkannya; dan

6. Mengenai dengan skim. Diadakan skim bagi menolong anak-anak fakir miskin itu. Untuk makluman Majlis ini, bahawasanya fikir miskin, iaitu anak-anak mereka. Tahun 2009, ada seramai 1,391 orang anak-anak fakir miskin yang dibantu belanja persekolahannya oleh wang zakat. Ia melibatkan setiap

bulan \$83,000.00 lebih dan setahun \$1 juta lebih. Lain lagi, ini bantuan tetap dalam keadaan mereka belajar, ada yang dibantu di universiti, ada yang dibantu di sekolah vokasional dan lain-lain lagi.

Demikianlah secara ringkas, yang dapat peramba terangkan. Dan akhirnya peramba mengucapkan tahniah kepada yang Di-Pertua Dewan kerana memimpin Majlis ini dengan penuh sabar. Dan izinkanlah peramba membaca tiga buah kata-kata yang tidak berapa indah.

**Lapan hari kita bersidang,
Persidangan berlangsung dengan
lancarnya,
Inilah bukti pimpinan gemilang,
Speaker yang bijak sabar
orangnya.**

**Kadang-kadang Speaker memotong percakapan,
Ahli Yang Berhormat bercakap panjang,
Inilah sikap inilah tegasan,
Berdasarkan aturan berdasarkan undang-undang.
Ucapan Penangguhan tujuh minit dihadkan,
Pandai-pandailah menyusun kata,
Inilah disiplin inilah ketetapan,
Ahli-Ahli Yang Berhormat haruslah patuh menerima.**

Terima kasih. Wabillahit taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan. Peramba terlebih dahulu menjunjung kasih di atas peluang yang diberikan, kepada peramba untuk bersama-sama Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi menyampaikan Ucapan Penangguhan di dalam Majlis Mesyuarat Negara bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam bagi Tahun 2010.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kebijaksanaan dan kearifan Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Dewan memimpin sepanjang permesyuaratan ini. Permesyuaratan ini berjalan dengan lancar dan penuh kesempurnaan. Dalam kesempatan ini peramba juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana kerana telah dapat berkongsi minda dan

harapan dengan mengemukakan pandangan-pandangan yang positif dan bernas. Di samping itu kami di sebelah sini juga dapat berkesempatan untuk memberikan penjelasan ke atas permasalahan dan perkara-perkara yang ditimbulkan. Walau bagaimanapun adalah tidak dapat dinafikan terdapat beberapa cadangan dan perkara yang dibangkitkan itu memerlukan penelitian dan pengkajian, bagi memastikan ianya lebih mendatangkan manfaat dan kesan yang positif kepada rakyat dan negara ini.

Ada beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah sana iaitu:-

1. Berhubung dengan produk-produk kampung yang diusahakan khususnya oleh Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di Negara Brunei Darussalam. Yang juga ada kaitannya dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Penganugerahan Anugerah Kampung Cemerlang 2009 iaitu pada 13 haribulan Februari yang lalu. Di mana Baginda bertitah antara lain-

nya “...produk-produk kampung akan meningkat menjadi produk-produk tempatan yang bersekala besar yang mendapat pasaran lebih meluas, ia adalah juga merupakan satu langkah murni dalam merealisasikan hasrat Kerajaan bagi mengwujudkan projek sebuah kampung satu produk...” dalam bersama-sama mendokong dan menanai hasrat murni yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini, maka seperti yang kita sedia maklum AKC atau Anugerah Kampung Cemerlang bagi Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampong telah menampakkan penyertaan dan penglibatan yang sangat menggalakkan di kalangan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampong. Iaitu seramai 46 Majlis Perundingan Kampung telah menyertai projek AKC di peringkat daerah dan manakala 15 telah pun berjaya untuk dibawa ke peringkat kebangsaan;

2. Objektif AKC ialah sebagai

pemangkin pembangunan dan kemajuan bagi kesejahteraan masyarakat kampung yang berdaya maju. Ianya bertujuan bukan sahaja sebagai landasan atau intensif meningkatkan martabat kampung dari segi perkembangan dan kemajuan, pendidikan, perpaduan, keharmonian, kebajikan, keugamaan, keamanan, keselamatan, tetapi ianya juga lebih menjurus untuk menitikberatkan dalam bidang perekonomian, dalam mengembangkan produk-produk kampung di kampung masing-masing. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa dengan adanya produk-produk kampung yang berpotensi untuk dimajukan ini ianya akan meningkatkan lagi taraf hidup dan sekali gus menaikkan sosial ekonomi masyarakat kampung di kawasan masing-masing;

3. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha untuk memajukan produk-produk kampung yang dikenal pasti ber-

potensi untuk dimajukan ini, maka satu Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan iaitu dinamakan Jawatankuasa Kerja bagi memperkembangkan projek Satu Mukim bagi Satu Produk di Peringkat Kebangsaan, di antara bidang tugas jawatankuasa ini ialah:-

- i. Bertindak sebagai *focal point* kepada projek Satu Mukim satu kampung satu produk;
- ii. Bertanggungjawab dalam menggalakkan dan memastikan projek satu kampung satu produk ber jalan dengan teratur dan sempurna. Ianya juga bertindak sebagai pemudah cara dalam melaksanakan projek satu mukim satu produk ataupun satu kampung satu produk;
- iii. Mengenal pasti, meneliti dan menilai produk-produk yang boleh di ketengahkan yang berpotensi untuk dimajukan daripada berskala kecil kepada berskala besar;
- iv. Menjadi perantara di antara pengusaha produk dengan agensi Kerajaan, pihak swasta atau pihak perseorangan dalam mengangkat dan memperkembangkan produk mukim atau kampung;
- v. Menyalurkan bantuan dari segi pembungkusan, perlabelan, penjenamaan, amalan meningkatkan kualiti dan juga peralatan-peralatan yang diperlukan oleh Majlis-Majlis Perundingan Kampung; dan
- vi. Memberikan pendedahan dari segi kursus, latihan dan kemahiran serta lawatan sambil belajar dan juga bagi mempromosikan produk-produk kampung.

Jawatankuasa Kerja Bagi Memperkembangkan Projek Satu Mukim Satu Produk di Peringkat Kebangsaan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan ahli-ahlinya wakil daripada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, wakil Kementerian Pembangunan, Pegawai-Pegawai

Daerah, wakil Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan juga beberapa orang Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Sekretariat dipusatkan di Bahagian Kuasa-Kuasa Tempatan dan Perpaduan Masyarakat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Di samping itu Jawatankuasa Peringkat Daerah juga ditubuhkan yang dipengerusikan oleh pegawai di daerah masing-masing dan beberapa orang wakil Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di daerah masing-masing. Di daerah-daerah juga ditubuhkan Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang antara lain tujuannya untuk memantau dan mengikuti perkembangan produk-produk kampung yang mana dikenal pasti untuk dimajukan dan diperbesar.

Seperti yang kita sedia maklum, dalam Peruntukan 2010/2011 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan khusus bagi aktiviti-aktiviti perekonomian Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sebanyak \$200,000.00. Adalah diharapkan dengan ada peruntukan ini ianya akan dapat kita bersama-sama membantu bagi Majlis-Majlis Perundingan

Mukim dan Kampung untuk memperluaskan dan mengembangkannya produk mereka masing-masing.

Dalam pada itu ingin peramba mengongsikan maklumat di sini tentang perbelanjaan yang digunakan dalam sepanjang tahun 2009 hingga 2010 di mana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memberikan bantuan sebanyak \$50,633.00 khususnya bagi aktiviti-aktiviti perekonomian. Daerah yang terbesar yang diberikan bantuan dalam perekonomian ini ialah Daerah Temburong iaitu sebanyak \$28,425.00.

Menyentuh tentang status stateless yang sering ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat di dewan ini. Ingin peramba menjelaskan dalam perkara ini, mengapakah seseorang individu berstatus stateless atau tidak mempunyai taraf kewarganegaraan.

Pada umumnya, dari hasil penyelidikan yang telah dibuat dan penemuan-penemuan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, adalah didapati ianya berpunca dari ibu bapa warga-negara asing, gagal atau sengkaja

mengagalkan untuk melapurkan dan menuntut taraf kewarganegaraan anak mereka yang lahir di negara ini di misi-misi negara mereka masing di negara ini.

Peramba percaya jika ibu bapa penuh bertanggungjawab menguruskan status kewarganegaraan anak mereka masing-masing mengikut taraf kewarganegaraan ayahnya atau ibunya, maka tidak timbul sama sekali anak-anak itu berstatus tidak mempunyai taraf kewarganegaraan atau *stateless* di negara ini.

Pada kesimpulannya, peramba berpendapat bahawa seseorang itu dilahirnya sememangnya mempunyai status kerakyatan mengikut ayah atau ibu mereka. Akan tetapi status seseorang itu akan menjadi *stateless* atau tidak mempunyai taraf kewarganegaraan jika ibu bapa mereka tidak perihatin dan tidak bertanggungjawab untuk mengurus status kewarganegaraan anak mereka masing-masing mengikut taraf kewarganegaraan ayah atau ibunya. Ini bermakna kelalaian atau mungkin kecuaihan daripada pihak ibu bapa telah menyebabkan anak mereka berstatus *stateless* sehinggalah mereka meningkat dewasa.

Walau macammanapun, bagi menangani isu *stateless* dari

berlarutan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah menguatkuasakan bagi ibu bapa kepada anak warganegara asing yang dilahirkan di negara ini adalah dipersyaratkan untuk melapor dan menuntut taraf kerakyatan mengikut ayah atau ibunya ke misi-misi negara masing-masing di negara ini dengan segeranya. Ini adalah semata-mata untuk mengelakkan anak-anak berkenaan dari tercicir dan dikategorikan *stateless*.

Untuk makluman bersama mereka yang diberikan status Penduduk Tetap dari tahun 1958 hingga tahun 2009 setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan ialah seramai 47,210 orang di mana 23,109 orang adalah mereka yang dikategorikan *stateless* tidak mempunyai taraf kewarganegaraan.

Untuk makluman bersama juga, bahawa dari tahun 1962 hingga tahun 2009 iaitu seramai 29,466 orang telah pun diperkenankan untuk menjadi sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei bab 6(1) iaitu anak-anak dipohonkan oleh bapa atau ibu yang terdiri Warganegara Brunei Darussalam menurut bab 5(6) iaitu isteri yang bersuamikan warga Negara Brunei

Darussalam dan juga di bawah Bab 5(1) dan 8(1) dari Akta Taraf Kebangsaan Brunei. Dari jumlah ini 29,466 orang yang dikurniakan Taraf Kebangsaan tersebut seramai 21,951 orang adalah mereka yang memiliki status Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

Peramba juga ingin menjelaskan di sini bahawa ada juga Ahli Yang Berhormat menimbulkan berhubung dengan Sijil Pengenalan iaitu *Certificate of Identity* Negara Brunei Darussalam. *Certificate of Identity* Negara Brunei Darussalam adalah mengikut piawaian antarabangsa iaitu *International Civil Aviation Organization* yang diterima pakai mana-mana negara di dunia ini.

Walau bagaimanapun, ianya adalah tertakuk kepada peraturan-peraturan kemasukan termasuklah keperluan visa yang dikenakan oleh negara-negara berkenaan. Bagi Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang tidak mempunyai status kewarganegaraan (*stateless*) yang dikeluarkan *Certificate Identity of Brunei Darussalam*.

Kedudukan status yang dicatat di dalam doklumen tersebut perkataan *stateless* pada masa ini tidak wujud malahan ianya telah diubah kepada *Penduduk Tetap* Negara Brunei Darussalam

(*Permanent Resident of Brunei Darussalam*) yang telah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2003.

Ini adalah bertujuan bagi memberikan kemudahan kepada pemiliknya dan seterusnya mengelakan kekeliruan pihak berkuasa imigresen di negara-negara yang dikunjungi. Demikianlah yang dapat peramba sampaikan.

Sekali peramba menjunjung kasih dan sebelum itu ada 2 rangkap pantun di sini. Sebabnya Ahli-Ahli Yang Berhormat di sana ada menjual pantun, bis peramba di sini ingin jua membalas 2 rangka pantun.

**Majlis Mesyuarat Negara menjadi wadai,
Kemashalatan rakyat dan negara diambilkira,
Kita bermesyuarat selesai sudah,
Bagi mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.**

**Majlis Mesyuarat Negara saluran perbantuan,
Menunjukkan kematangan dan ketamadunan negara,
Cadangan dan permasalahan perlu diteliti dan diambil perhatian,
Agar rakyat dan penduduk hidup sejahtera.**

Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Menjunjung kasih.

Yang Di-Pertua: Ahli Yang Berhormat lain.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng: Yang Di-Pertua Dewan, peramba mengucapkan terima kasih bagi memberi peluang kepada peramba untuk bercakap di sesi penangguhan mesyuarat kita pada petang ini.

Yang Di-Pertua Dewan ada 2 perkara yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya ingin memberi sedikit makluman:-

1. Berkenaan pembinaan jambatan di Sungai Pendaruan di mana Ahli Berhormat menyentuh berkenaan dengan perundingan negara-negara jiran. Untuk makluman kita semua. Yang sebenarnya satu *Technical Committee* telah ditubuhkan baru-baru ini dan pihak Brunei Darussalam dan Malaysia akan memulakan perbincangan bagi meneliti cara-cara untuk menyelesaikan perbincangan sempadan tanah dan ini

akan dimulakan pada bulan April tidak lama lagi; dan

2. Berkenaan baru-baru ini terdapat berapa orang Warganegara Brunei Darussalam ditahan di luar negeri. Setakat ini jumlah yang diketahui seorang warganegara Brunei ditahan di Chile, 2 di Negara China dan 2 di Australia. Dan apakah peranan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dalam membantu mereka. Ada 3 point di sini:-

- i. Negara Brunei Darussalam menghormati undang-undang dan peraturan negara-negara lain dan akan sentiasa menjaga hubungannya berpandukan kepada prinsip saling tidak bercampur tangan dalam hal ehwal dalam negeri masing-masing;
- ii. Dalam hubungan ini pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga akan memberi sebanyak beberapa bantuan yang perlu dengan

memastikan segala hak asasi warga negara kita dipenuhi. Dan di samping itu pejabat perwakilan kita di negara-negara tersebut akan juga memberi bantuan kaunselor kepada rakyat kita. Ia juga akan dijadikan sebagai *points of contact* di antara kedua buah negara. Segala maklumat yang diterima mengenai keadaan mereka yang ditahan akan disampaikan kepada pihak agensi kerajaan negara Brunei serta ahli-ahli keluarga masing-masing di Brunei; dan

- iii. Pejabat perwakilan kita juga akan mengikuti sebarang perkembangan mengenai kes-kes tersebut. Yang Di-Pertua Dewan, peramba ingin mengucapkan syabas atas pimpinan Yang Di-Pertua bagi mesyuarat kita berjalan dengan lancar dan peramba juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi perundingan dan permuafakatan yang mesra di sepanjang mesyuarat kita. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wata'ala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Yang Di-Pertua Dewan, peramba menjunjung kasih kepada Yang Di-Pertua Dewan atas keizinan Yang Di-Pertua Dewan bagi abis peramba memberikan ucapan penangguhan. Sebelum itu peramba ingin menyokong usul daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela mengenai penangguhan dan juga menggabungkan diri dengan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berucap sebelum ini yang telah pun merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Di-Pertua Dewan atas kebijaksanaan dan kejayaan Tuan Peramba dalam memimpin Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun ini. Dan Alhamdulillah mesyuarat ini telah pun berlangsung dengan lancar dan sempurna. Izinkanlah peramba menyentuh beberapa isu yang telah dibangkitkan dalam ucapan penangguhan:-

1. Mengenai isu tanah premium, mengenai pembayaran premium bagi tanah pajakan. Peramba ingin menjelaskan bahawa premium tanah yang sedia ada pada masa ini adalah

disatu tahap yang rendah dan tidak pernah dinilai semula sejak ianya diadakan dan masih lagi digunapakai hingga pada masa ini. Walau bagaimanapun beberapa cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bayaran premium bagi tanah-tanah kegunaan perumahan akan dikaji dan ke arah ini satu dasar yang bersesuaian akan diteliti dan dirundingkan bersama semua pihak;

2. Mengenai dengan cadangan untuk menjaga dan mem-bisaikan tebing Sungai Belait daripada Kampung Melayu Asli hingga ke Taman Cendra Kenangan, peramba merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana ini adalah satu cadangan yang baik dan akan dikaji dengan selanjutnya;
3. Mengenai dengan pemeli-haraan tanah gambut dan lagun kerana kerja-kerja penimbunan tanah bagi per-pindahan inipun adalah satu cadangan yang baik dan mempunyai *enivorn-mental impact* yang tinggi

dan ianya akan dikaji juga selanjutnya; dan

4. Mengenai kawasan cadangan supaya satu kawasan perpindahan bagi tiap-tiap mukim dengan keluasan yang tidak kurang daripada point suku ekar, cadangan ini akan diteliti bersama dengan cadangan yang berlainan sedikit iaitu membuat rumah-rumah pangsa bagi menjimatkan tanah di negara ini.

Secara menyeluruh apa yang kita lihat isu perumahan dan semua isu-isu mengenai tanah ini adalah mempunyai impact dan aplikasi sosial yang mendalam. Nampaknya has-rat atau perasaan bahawa mana-mana cadangan daripada orang ramai tidak dapat penjelasan yang jelas dan dalam tempoh per-me-syuaratan yang hanya lebih kurang 8 hari dalam setahun. Seperti yang peramba nyatakan semua isu-isu tanah, perumahan dan aktiviti-aktivi-ti kehidupan dan mana-mana per-tanyaan di dalam bidang kuasa Kementerian Pembangunan adalah isu yang memerlukan input dari semua pihak. Dalam menyedari hal-hal ini peramba sekali lagi menyeru supaya semua isu ini akan dibin-cangkan secara berterusan dan cara

yang lebih kerap bukan sahaja bukan setahun sekali di dewan ini.

Ke arah ini, peramba memohon kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama kitani membincang perkara ini dalam tempoh dari mesyuarat ini hingga ke mesyuarat yang akan datang supaya input-input dan cadangan-cadangan ini akan dapat dirumuskan dan mana-mana dasar yang dipertimbangkan akan dapat dibuat, akan dapat diteliti dari semua aspek. Sekianlah dan Peramba sekali lagi menjunjung kasih kehadapan majlis Tuan Peramba. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud: Assalamulalaikum Warahmatullahi Wata'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia, Yang Di-Pertua Dewan. Peramba terlebih dahulu menyembahkan ucapan banyak-banyak menjunjung kasih di atas keizinan Tuan Peramba memberikan peluang untuk memberikan ucapan dalam ucapan penangguhan ini.

Tujuan ataupun asas peramba membuat ucapan ini ialah supaya membolehkan peramba memberikan beberapa respon atau tindak balas terhadap beberapa isu yang telah

ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat pada sebelah pagi tadi. Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun banyak memberikan cadangan, teguran dan juga memberikan ataupun menyampaikan pantun dalam majlis ini jadi respon peramba terhadap pantun ini adalah seperti berikut:-

**Akan berkayuh ke sigundang,
akan menaik buah mempalam,
Bismillah membuka dondang,
untuk menghibur hati yang
dendam.**

Peramba menjunjung maaf jika sekiranya perkataan hati yang dendam ini disalah ertikan. Yang peramba maksudkan dengan hati yang dendam itu bukanlah untuk melepaskan geram di hati tetapi ia bertujuan untuk memberikan kata-kata setia kawan ataupun kata muhibbah kepada cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi iaitu perkataan dendam ini adalah seperti dendam di hati kerana lama tidak berjumpa itulah yang peramba maksudkan. Jadi junjung maaf jika sekiranya janganlah disalahertikan sebagai berdendam terhadap apa yang peramba akan sampaikan ini.

**Raja bertitah di pataratna,
memakai baju sampang beludu,
Pantun sepatah banyak makna,
Jika dijumlah bukan seribu.**

Jadi peramba berharap peramba, tidak akan berpanjang lebar cukup untuk me-respond dengan beberapa pantun sahaja, dalam sesi pagi tadi beberapa Ahli telah menimbulkan isu dan peramba tertarik dengan 2 khususnya:-

1. Mengenai dengan undang-undang yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa undang-undang di negara kita ini adalah telah lapok iaitu *the Act too old* mengikut Ahli Yang Berhormat itu, jadi peramba sukacita memberikan respond bahawa Pejabat Peguam Negara telah mengambil langkah-langkah yang tertentu kearah:-

- i. Membaharui Undang-Undang iaitu dengan membuat *lawery form*;
- ii. Mempertingkatkan kualiti pengubalan Undang-Undang dan khidmat nasihat undang-undang ini;
- iii. Mempercepatkan prosis pengubalan undang-

undang tanpa menjejaskan kualiti pengubalan undang-undang;

- iv. Menyediakan Undang-Undang yang uptodate iaitu teks undang-undang yang mengandungi kesemua pindaan yang terkini; dan
- v. Menjadikan undang-undang Negara Brunei Darussalam lebih telus ataupun lebih *transparent*.

Di samping itu, Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Undang-Undang dan Kesejahteraan. Dalam masa yang sama, adalah dalam penelitian dan juga perancangan bagi penubuhan sebuah jawatankuasa bagi meneliti undang-undang untuk memastikan undang-undang yang ada akan dikemaskini dan teratur up to date dan *respondship* kepada keperluan semasa.

2. Mengenai dengan cadangan salah seorang Ahli Yang Berhormat, supaya satu Pusat Penyelidikan Tenaga haruslah diwujudkan di negara kita. Peramba menghargai cadangan ini adalah satu cadangan yang baik dan insya-Allah Bahagian Tenaga akan meneliti keperluannya untuk ditubuhkan, jika perlu pada masa akan datang.

Jadi dengan cadangan-cadangan, saranan-saranan Ahli-Ahli telah pun menyokong Rang Belanjawan Bagi Tahun 2010/2011 ini. Walau pun dalam menyokong itu Ahli-Ahli telah-pun menimbulkan beberapa isu yang harus diperbaiki dan juga telah menegur pihak pelaksana di bahagian kerajaan dan sebagainya. Dan Tuan Peramba sendiri juga telah menegur ahli-ahli yang terkeluar barangkali daripada landasan perbincangan. Walau macamanapun, pada akhirnya kita telah dapat menyelesaikan segala perundingan kita di majlis ini. Jadi dengan itu, ada sebuah pantun lagi yang ingin peramba bacakan di sini.

**Pergi ke ulu membeli bayam,
bayam dibeli oleh Dang Marta,
Walaupun carik bulu ayam,
lama-lama bercantum juga.**

Jadi dengan itu, peramba sukacita mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik, kerana telah banyak cadangan-cadangan, idea-idea untuk memperbaiki lagi sistem kita dan untuk mendatangkan manfaat lagi kepada negara dan rakyat.

Sungguh peramba berpendapat bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik, telah menjalankan

tugas-tugas mereka dalam majlis ini dengan penuh bertanggungjawab dan peramba berharap kerjasama yang telah di berikan dalam majlis ini oleh Ahli yang Berhormat itu, akan terus di berikan, bukan sahaja di dalam majlis ini tetapi juga pada bila-bila masa yang di fikirkan sesuai.

**Pisang kaling masak di tebing,
dibeli oleh Dang Marta,
banyak sudah negeri
di sekeliling,
payah berjumpa macam abiskita.**

Dan pada kesempatan ini, peramba sukacita juga mengucapkan tahiah kepada Tuan Peramba yang telah-pun membimbing majlis ini dengan penuh sempurna dan cemerlang seperti yang telah di sebutkan di dalam pantun oleh Yang Berhormat, Menteri Uagama. Akhir sekali, peramba mengucapkan salam kepada semua sekali dalam kita menanggungkan majlis pada petang ini. Dan semoga kita beroleh kesihatan, hidayah oleh Allah subahanahu wata'ala, dan akhirnya peramba sudahi dengan,

**Pohon kelapa tepi jaraya,
daun rumput si daun lidi,
rindu hati semakin ketara,
entah bila berjumpa lagi.**

Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullhi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih. Ahli-Ahli lain. Nampaknya sekarang tidak ada Ahli-Ahli yang ingin membuat perbahasan pada penutupan majlis ini. Maka dengan demikian, saya ingin mengemukakan kepada Ahli Yang Berhormat.

Dalam pemerhatian saya, pada permesyuaratan kita pada kali ini. Pada perhitungan sangat-sangat tinggi nilainya dan sungguh berjaya, berbanding dengan tahun-tahun yang sudah. Dengan sendirinya ia menunjukkan bahawa kebijaksanaan dan cara pengaturan bahasa kita telah meningkat jauh lebih baik. Dengan sendirinya perkara seperti ini membawa kepada ketinggian dan kemajuan pada negara kita dan kerajaan kita.

Berkat kerjasama dan kerja baik daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah dapat merumuskan banyak Undang-Undang Kewangan dan dapat meluluskannya dengan serba baik. Usaha Ahli-Ahli Yang Berhormat pada meneliti dan menghitung perkiraan daripada Rancangan Rang Undang-Undang telah mendapat kejaya yang amat besar. Maka mudah-mudahan negara kita akan memperolehi manfaat yang tinggi

dan berjaya akan melaksanakan banyak masalah-masalah untuk kebahagiaan rakyat dan negara kita.

Dan saya berdoa ke hadrat Allah semoga Ahli-Ahli Yang Berhormat sama ada Yang Dilantik atau Dipilih akan dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala pada kesihatan, kejayaan dan dipanjangkan usia dalam keadaan aman bahagia. Maka dengan demikian, saya tidak ada apa untuk dibincangkan, saya dengan ini menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini hingga satu masa yang akan diberitahu kemudian.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

